LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2016

AKTIVITI KEMENTERIAN/ JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN



SIRI 1

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
TAHUN 2016
SIRI 1

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

Kandungan

KANDUNGAN

Muka Surat

KATA PENDAHULUAN ***xi***
INTISARI LAPORAN ***xv***

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. Pendahuluan 3

JABATAN PERDANA MENTERI

Unit Kerjasama Awam Swasta
2. Pengurusan Program Dana Mikro *Public Private Partnership* (PPP) 3

KEMENTERIAN KEWANGAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
3. Pengurusan Bayaran Ansuran Cukai Pendapatan Menerusi Potongan Cukai Bulanan 21

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
4. Pengurusan Projek Pembangunan Produk Herba Bernilai Tinggi 33

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
5. Program Desa Lestari 55

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia
6. Pengurusan Projek eKadaster 90

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN
7. Program Penyeragaman Harga Barang Kawalan Perlu di Negeri Sarawak 104

KEMENTERIAN KERJA RAYA / JABATAN KERJA RAYA
8. Projek Pembinaan Jalan Pintas Rawang di Bandar Rawang 132
9. Projek Pembinaan Jejambat Menghubungi Jalan Nangka Dengan Jalan Perda Timur Merentasi Jalan Padang Lalang/Landasan Keretapi/Jalan Permatang Rawa, Bukit Mertajam, Pulau Pinang 145

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia
10. Pembangunan mySIKAP 154

KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

Sabah Electricity Sdn. Bhd.
11. Projek Pembinaan Talian Penghantaran Elektrik dari Kimanis ke Pencawang Masuk Utama Lok Kawi dan Kolopis, Sabah 172

KEMENTERIAN KESIHATAN / JABATAN KERJA RAYA
12. Projek Pembinaan Kompleks Obstetrik Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor 188
13. Projek Pembinaan Hospital Bera, Pahang 203

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Jabatan Tenaga Manusia
14. Perolehan Projek Naik Taraf Institut Latihan Perindustrian 228

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Jabatan Kebajikan Masyarakat
15. Program Bantuan dan Perkhidmatan Kepada Warga Emas 246

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Tentera Udara Diraja Malaysia
16. Pengurusan Perolehan Keperluan Peralatan Domestik dan Alat Ganti Pesawat di Markas Pemerintahan Bantuan Udara dan Materiel Udara 263
17. Penyenggaraan dan Penggunaan Kenderaan Khas Tentera Udara Diraja Malaysia 277

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Jabatan Imigresen Malaysia
18. Pengurusan Pengusiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan Depot Tahanan 292

Polis DiRaja Malaysia
19. Pengurusan Ekshibit di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik 307
20. Perolehan Helikopter Saiz Sederhana Model AW 139 Untuk Pasukan Gerakan Udara 322

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
21. Pengurusan Projek Pembaikan Struktur Bangunan dan Lain-Lain Kemudahan Sekolah di Negeri Sabah 332
22. Pengurusan Projek Pembinaan Sekolah Menengah Vokasional Tanjung Piai, Pontian, Johor 348
23. Projek Pembinaan Sekolah Seni Malaysia, Kuching, Sarawak 371

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
24. Pengurusan Program Pembiayaan MyBrain15 391

PENUTUP 417

Kata Pendahuluan

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya ke Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan empat jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Mulai tahun 2017, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan tidak lagi dilaporkan bersekali dengan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan seperti tahun-tahun sebelum. Ini berikutan pelaksanaan Pelan Transformasi Jabatan Audit Negara mulai bulan September 2016 yang telah mewujudkan Sektor Audit Tadbir Urus bagi memberi tumpuan lebih mendalam terhadap pengauditan Syarikat Kerajaan. Sehubungan itu, Laporan ini hanya melaporkan mengenai pelaksanaan aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan.

3. Pengauditan prestasi telah dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Laporan pada kali ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan terhadap 23 program/aktiviti/projek di bawah 17 Kementerian/Jabatan Persekutuan. Pengauditan yang dijalankan antara lain meliputi aspek perolehan, pembinaan, sistem, pelaksanaan program, penyenggaraan dan pengurusan hasil.

4. Secara umumnya, aktiviti Kerajaan telah dilaksanakan mengikut objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan seperti kerja/bekalan/perkhidmatan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti/tidak sesuai; kelewatan pembekalan dan penyiapan projek; pembayaran tidak teratur (improper payment); pembaziran serta ketidakcekapan dalam pengurusan aset dan pungutan hasil Kerajaan. Kelemahan tersebut antara lain disebabkan oleh kecuaian dalam mematuhi peraturan/prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan; kurang teliti semasa merancang program/aktiviti/projek dan menetapkan skop serta spesifikasi tender; tidak memantau dengan kerap dan teliti kerja kontraktor/perunding; kurang kemahiran dalam pengurusan projek dan kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu program/aktiviti/projek.

5. Seperti mana tahun yang lalu, Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan ini untuk tujuan pengesahan. *Exit Conference* bersama dengan Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan berkenaan, saya telah mengemukakan 90 syor untuk memperbaiki kelemahan yang telah dikenal pasti.

6. *Auditor General's Dashboard* yang mula dilaksanakan pada 31 Mei 2013 memaparkan isu dan status terkini tindakan Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
19 Mei 2017

Intisari Laporan

INTISARI

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

JABATAN PERDANA MENTERI

Unit Kerjasama Awam Swasta

1. Pengurusan Program Dana Mikro Public Private Partnership (PPP)

a. Selaras dengan inisiatif *National Blue Ocean Strategy* (NBOS), Kerajaan telah memperkenalkan Program Dana Mikro PPP dalam mesyuarat *National Strategy Execution Summit* (NSES) pada 20 Jun 2012. Program Mikro PPP ini terbahagi kepada empat komponen iaitu Dana Mikro PPP, Mikro PPP Homestay Rumah Panjang di Sabah & Sarawak, Sosial PPP dan Infrastruktur Berskala Kecil di Sarawak. Objektif Program Dana Mikro PPP ini ialah untuk membantu peniaga dan penjaja kecil bagi pembangunan perniagaan. Selain dapat membantu meningkatkan imej perniagaan, program ini juga dapat meningkatkan pendapatan isi rumah miskin dan seterusnya menyokong hasrat Kerajaan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. Sejak mula dilaksanakan pada tahun 2012, Kerajaan telah memperuntukkan dana sejumlah RM300 juta kepada Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM) dan penyaluran dana tersebut dikendalikan oleh UKAS, JPM kepada agensi pelaksana iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) serta Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF).

b. Pengauditan telah dijalankan antara bulan November 2015 hingga Disember 2016 mendapati pengurusan Program Dana Mikro PPP adalah memuaskan daripada aspek justifikasi program yang hendak dilaksanakan serta proses kelulusan penyaluran dana dari UKAS ke agensi yang terlibat. Bagaimanapun, beberapa kelemahan yang diperhatikan daripada segi pelaksanaan dan pemantuan program adalah seperti berikut:

   i. sasaran bilangan peserta Program Dana Mikro PPP iaitu bagi Program *Second Chance* dan Program Pinjaman Kepada Pelajar Tercicir oleh TEKUN tidak mencapai sasaran yang ditetapkan di mana pencapaian sebenar adalah kurang dari 50%;

   ii. penilaian *Outcome* bagi Program Dana Mikro PPP tidak dijalankan bagi mengukur keberkesanan program;

   iii. baki dana pinjaman tidak dipulangkan kepada PERHEBAT sejumlah RM402,000;

iv. kelulusan permohonan pinjaman tidak mengikut syarat yang telah ditetapkan di mana 38% peminjam mempunyai pendapatan isirumah melebihi RM3,000 dan tiada bukti permohonan pinjaman dibuat oleh 6.5% peminjam yang memperolehi pinjaman bernilai RM0.26 juta kerana borang permohonan tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit untuk semakan;

v. garis Panduan Program Dana Mikro PPP tidak dipatuhi seperti kadar caj pentadbiran berbeza dengan kadar yang telah diluluskan, bayaran tambahan yang dikenakan kepada peminjam dan 193 peminjam telah membuat pinjaman berulang (overlap);

vi. *Notice of Demand* (NOD) telah dikeluarkan kepada 5,679 (27.8%) daripada 20,425 peminjam di bawah TEKUN, PERHEBAT dan Bank Rakyat kerana gagal membayar balik pinjaman mengikut tempoh yang sepatutnya. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, peratus kutipan balik pinjaman semakin menurun antara 20.7% hingga 40.1%; dan

vii. pemantauan oleh UKAS terhadap pelaksanaan Program Dana Mikro PPP tidak dibuat secara tetap dan berkala menyebabkan pelaksanaan program ini menjadi tidak teratur. Namun, terdapat penambahbaikan terhadap aspek pemantauan oleh UKAS sejak pengauditan mula dijalankan seperti kekerapan mesyuarat antara agensi pelaksana untuk menilai prestasi pelaksanaan program ini.

c. Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan diambil tindakan penambahbaikan dan tidak berulang, adalah disyorkan pihak berkaitan mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

i. TEKUN mengkaji semula mekanisme pelaksanaan dan promosi Program *Second Chance* dan Program Pinjaman Kepada Kumpulan Pelajar Tercicir supaya sasaran sebenar bilangan peminjam dapat dicapai;

ii. UKAS dan agensi pelaksana hendaklah mewujudkan mekanisme penilaian *outcome* bagi memastikan peruntukan yang dibelanjakan dapat diukur keberkesanan pencapaiannya serta membuat pemantauan berkala terhadap pematuhan kepada syarat-syarat pengeluaran dana;

iii. UKAS perlu menambahbaik garis panduan dengan lebih jelas khususnya bagi perkara seperti kadar caj pentadbiran, bayaran tambahan serta pinjaman berulang (overlap);

iv. TEKUN dan KPDNKK (Bank Rakyat) selaku agensi pelaksana hendaklah melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap NOD yang telah dikeluarkan agar tunggakan pinjaman dapat dikurangkan. Selain itu, tindakan susulan ini wajar dijadikan sebagai salah satu perkara yang penting di dalam garis panduan dan juga agenda Mesyuarat Penyelarasan Program Mikro PPP; dan

v. TEKUN hendaklah mengambil langkah proaktif dalam menyelenggara rekod dan dokumen peminjam sebagai rujukan dan semakan apabila diperlukan.

[muka surat : 3 - 20]

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

2. Pengurusan Bayaran Ansuran Cukai Pendapatan Menerusi Potongan Cukai Bulanan

a. Skim Potongan Cukai Bulanan (PCB) telah dikuatkuasakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) pada 1 Januari 1995 di mana majikan membuat potongan daripada saraan pekerja yang layak pada setiap bulan. PCB merupakan satu kewajipan ke atas pekerja dan majikan dan jumlah potongan adalah berdasarkan Jadual PCB yang ditetapkan di bawah Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (KKCP) (Potongan Daripada Saraan) 1994. Bagi meningkatkan keberkesanan skim PCB, LHDNM telah menubuhkan Unit Audit Majikan (UAM) untuk menjalankan aktiviti pengauditan terhadap majikan supaya peraturan dan undang-undang berkaitan pengurusan PCB dipatuhi. Selepas cukai pendapatan seorang pekerja ditaksir dan sekiranya PCB pekerja didapati tidak mencapai jumlah yang sepatutnya, surat arahan potongan tambahan menerusi borang CP38 akan dikeluarkan kepada majikan. Arahan CP38 mengehendaki majikan berkaitan membuat potongan tambahan secara ansuran bulanan terhadap gaji pembayar cukai (selain daripada Potongan Cukai Bulanan) bertujuan untuk melunaskan tunggakan cukai yang masih ada.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2016 mendapati pelaksanaan aktiviti pengauditan pematuhan PCB dan CP38 oleh UAM di ketiga-tiga Cawangan LHDNM yang diaudit adalah baik kerana pencapaian sebenar melebihi sasaran kerja tahunan yang ditetapkan pada tahun 2014 (122.9%) dan 2015 (137.9%). Secara keseluruhannya, UAM telah berjaya mengaudit sebanyak 148,907 majikan seluruh negara pada tahun 2014 dan 2015 di mana cukai kurang dipotong berjumlah RM234.6 juta telah dibangkitkan dan kompaun berjumlah RM37.26 juta telah dikeluarkan kepada majikan yang diaudit. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang masih perlu dipertingkatkan seperti berikut:

   i. kaedah pemilihan sampel pekerja (pembayar cukai) yang dilakukan secara rawak oleh UAM adalah kurang berkesan untuk mengesan ketidakpatuhan majikan bukan Kerajaan terhadap undang-undang dan peraturan yang ditetapkan;

   ii. aktiviti audit yang kurang dilaksanakan terhadap dua majikan Kerajaan menyebabkan majikan Kerajaan gagal mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan seperti berikut:

      - kedua-dua majikan Kerajaan telah lewat meremit PCB berjumlah RM398,591 dengan kelewatan antara tujuh hingga 220 hari dari tarikh akhir ia sepatutnya diremitkan;

      - kedua-dua majikan Kerajaan telah gagal melaksanakan arahan potongan tambahan (CP38) berjumlah RM75,111 daripada 18 pembayar cukai pada tahun 2014 dan 2015;

- satu majikan Kerajaan kurang membuat potongan cukai tambahan (CP38) berjumlah RM4,018 daripada dua pembayar cukai pada tahun 2014; dan
- kedua-dua majikan Kerajaan lewat antara 92 hingga 616 hari untuk melaksanakan potongan di bawah CP38 berjumlah RM36,679 daripada tujuh orang pembayar cukai.

iii. pengurusan pengeluaran dan tindakan terhadap arahan CP38 yang kurang cekap di mana:

- LHDNM mengambil masa antara 31 hingga 2,909 hari dari tarikh taksiran untuk mengeluarkan borang CP38 berjumlah RM569,551 kepada majikan; dan
- kenaikan cukai tidak dikenakan terhadap 25 pembayar cukai yang tidak menjelaskan tunggakan cukai berjumlah RM205,580.

c. Bagi mempertingkatkan lagi tahap pengurusan pemantauan bayaran ansuran cukai pendapatan melibatkan PCB dan CP38, adalah disyorkan supaya LHDNM mempertimbangkan perkara berikut:

i. meningkatkan kekerapan lawatan kepada majikan Kerajaan bagi memastikan kepatuhan majikan Kerajaan terhadap undang-undang dan peraturan yang ditetapkan;

ii. menetapkan norma masa daripada tarikh taksiran sehingga ke tarikh penyerahan borang CP38 kepada majikan bagi memudahkan pemantauan terhadap proses pengeluaran CP38; dan

iii. memastikan pemantauan bayaran ansuran yang berkesan serta mengambil tindakan yang lebih tegas agar majikan/pembayar cukai menjelaskan tunggakan cukai mengikut jadual yang telah ditetapkan.

[muka surat : 21 - 32]

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

3. Pengurusan Projek Pembangunan Produk Herba Bernilai Tinggi

a. Projek Pembangunan Produk Herba Bernilai Tinggi atau *Entry Point Project* 1 (EPP 1) di bawah *National Key Economic Area* (NKEA) Pertanian bermula pada tahun 2011 hingga sasaran pencapaian pertumbuhan dan transformasi ekonomi Malaysia menjelang tahun 2020. Projek ini memberi fokus dalam memperkasakan kualiti produk dan meningkatkan usaha pemasaran untuk menembusi pasaran eksport global dalam produk nutraseutikal dan ubatan botanikal. *Herbal Development Divison* (HDD) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) diberi mandat untuk memperkukuhkan dan memantapkan industri herba negara. Selain itu, HDD juga berperanan sebagai penyelaras di antara Kerajaan, industri, institusi penyelidikan/pengajian tinggi, syarikat peneraju dan petani untuk mencapai produk herba bernilai tinggi menjelang tahun 2020. Pembangunan Produk Herba Bernilai

Tinggi melibatkan skop inisiatif peringkat huluan hingga ke hiliran. Terdapat 18 jenis herba yang diberi keutamaan dalam EPP 1 iaitu Mengkudu; Misai Kucing; Tongkat Ali; Kacip Fatimah; Roselle; Dukung Anak; Mas Cotek; Belalai Gajah; Halia; Pegaga; Hempedu Bumi; Kaduk/Sireh; Peria Katak; Sambung Nyawa; Lempoyang; Gelenggang; Senduduk dan Merunggai. Berdasarkan *Economic Transformation Programme* (ETP) Bab 15 – Pertanian, objektif EPP 1 menjelang tahun 2020 adalah menjana *Gross National Income* (GNI) sejumlah RM2,200 juta, pengwujudan 1,800 peluang pekerjaan dan 1,500 petani luar bandar serta menaik taraf perkhidmatan 300 pengilang. Bagi merealisasikan EPP 1, sejumlah RM610.22 juta siling peruntukan telah diluluskan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2020. Bermula tahun 2011 hingga 2016, peruntukan sejumlah RM316.43 juta telah diterima bagi membiayai projek EPP 1.

b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan November 2016 hingga Februari 2017 mendapati projek EPP 1 mencapai objektif bilangan peluang pekerjaan 94.2%, pengilang 18.3% dan petani luar bandar 68.2% selepas enam tahun pelaksanaannya bermula tahun 2011 dan dengan tempoh masa berbaki empat tahun menjelang tahun 2020. Pembangunan sistem rantaian nilai (SriHerba) telah berjaya dilaksanakan secara *in house* oleh FRIM, skop inisiatif berkaitan monograf dan kajian penyelidikan juga telah berjaya dilaksanakan/diterbitkan sepenuhnya. Bagaimanapun, pencapaian objektif GNI adalah sebanyak 4.4% di mana projek EPP 1 amat bergantung kepada keputusan kajian pra-klinikal/klinikal yang masih belum selesai. Beberapa kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

   i. kontrak tidak dimeterai bagi 53 projek dan empat kontrak lewat dimeterai antara 194 hingga 335 hari;

   ii. skop inisiatif menanam pokok herba secara komersial dilaksanakan secara serentak dengan skop kajian pra-klinikal/klinikal iaitu sebelum memperoleh keputusan sama ada herba berkenaan boleh dikategorikan sebagai produk herba bernilai tinggi;

   iii. kemudahan infrastruktur melibatkan 25 unit bangunan di *Herbal Park* Pasir Raja, Dungun, Terengganu bernilai RM3.84 juta belum diduduki sejak dua tahun empat bulan bermula dari tarikh serahan;

   iv. jenis herba selain daripada yang disenaraikan di bawah EPP 1 ditanam secara komersial melibatkan 188.53 hektar di Negeri Johor dan Terengganu;

   v. penamatan kontrak disebabkan tuntutan syarikat peneraju menggunakan dokumen palsu bagi kajian pra-klinikal;

   vi. caj guaman untuk mendapatkan pembiayaan pihak ketiga oleh syarikat peneraju berjumlah RM40,705 telah bayar walaupun di luar skop pembiayaan EPP 1;

   vii. mesin *Stick Pad Packing* dan peralatan kawalan kualiti bernilai RM1.33 juta telah dibayar tanpa bekalan; dan

viii. aset dan peralatan makmal bernilai RM1.14 juta di *Institute for Medical Research* (IMR) tidak digunakan selama empat hingga lima tahun kerana makmal tidak dapat beroperasi.

c. Bagi memastikan projek EPP 1 dilaksanakan dengan berkesan, adalah disyorkan pihak yang terlibat mempertimbangkan perkara/tindakan seperti yang berikut:

i. MOA mengkaji semula keberkesanan strategi pelaksanaan projek EPP 1 bersama dengan semua pihak yang terlibat seperti ECERDC/syarikat peneraju/agensi/IPT/RI untuk menilai serta memantau secara berterusan pencapaian ke semua objektif EPP 1 menjelang tahun 2020;

ii. MOA hendaklah memastikan kontrak dimeterai dan tidak lewat ditandatangani bagi semua jenis ikatan agar kepentingan Kerajaan dilindungi dan mengelakkan pertikaian yang mungkin berlaku;

iii. MOA mengkaji semula proses skop inisiatif secara sistematik berdasarkan *timeline* terutama sekali melibatkan skop inisiatif pra-klinikal/klinikal dan penanaman pokok herba di *Herbal Park* dan Kluster Herba agar hala tuju EPP 1 dapat dilaksanakan dengan lebih berobjektif;

iv. ECERDC perlu memastikan bangunan yang dibina digunakan sepenuhnya dengan kadar segera;

v. MOA dan DOA mengkaji pelan perniagaan dan Surat Aku Janji petani dari segi keperluan penanaman selain daripada herba yang tersenarai dalam EPP 1 dan menjustifikasikannya secara praktikal keperluan untuk penanaman rempah ratus berpandukan objektif dan peruntukan EPP 1;

vi. MOA hendaklah dengan kadar segera menyelesaikan isu berkaitan tuntutan bayaran balik akibat penamatan kontrak, bayaran di luar skop dan tanpa bekalan; dan

vii. Kementerian Kesihatan Malaysia hendaklah dengan segera memastikan makmal GLP di IMR beroperasi seperti mana yang ditetapkan.

[muka surat :33 - 54]

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

4. Program Desa Lestari

a. Program Desa Lestari di bawah GTP 2.0 merupakan inisiatif Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dalam usaha mentransformasikan desa menjadi sebuah kawasan yang maju dengan penduduk yang berpendapatan tinggi. Objektif Program Desa Lestari adalah untuk meningkatkan pengupayaan komuniti dalam merancang serta menjayakan pelaksanaan projek pembangunan di kampung dengan memperkasakan aktiviti ekonomi dan keusahawanan. Selain membuka peluang pekerjaan baru, program ini juga memberi peluang peningkatan pendapatan kepada penduduk. Program Desa Lestari telah bermula pada tahun

2013. Kampung yang terpilih disyaratkan menubuhkan koperasi di bawah kawal selia Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Koperasi berperanan sebagai peneraju Program Desa Lestari yang melibatkan program pelancongan desa, peruncitan, pertanian, penternakan, perladangan dan perkhidmatan jentera. Sehingga tahun 2016, sebanyak 80 buah kampung telah terpilih dengan peruntukan sebanyak RM114.68 juta telah disalurkan melalui agensi KKLW seperti Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA). KKLW telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Program Desa Lestari (Desa Abad Ke-21) (GP PDL) pada Mei 2013 dan April 2015 sebagai panduan kepada Agensi/Koperasi dalam melaksanakan perolehan berkaitan.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2016 hingga Mac 2017 mendapati pelaksanaan Program Desa Lestari telah meningkatkan peluang pekerjaan dan penjanaan ekonomi kepada komuniti kampung keseluruhannya. Bagaimanapun, pelaksanaan program ini adalah kurang memuaskan kerana kurang kecekapan dalam pelaksanaan projek, pemantauan dan pentadbiran kontrak. Antara kelemahan yang ditemui dan perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

   i. terdapat lebihan peruntukan ditindik di Agensi KKLW sebanyak RM16.04 juta;

   ii. sebanyak 19 projek bernilai RM5.32 juta di 12 Koperasi gagal dan terbengkalai;

   iii. *improper payment* melibatkan perjanjian kontrak ditandatangani tanpa kuasa dan projek dilaksanakan tanpa kelulusan melibatkan bayaran sebanyak RM1.13 juta;

   iv. sebanyak enam perolehan sebut harga yang bernilai RM2.08 juta di tiga Koperasi telah dipecahkecilkan bagi mengelakkan perolehan secara tender; dan

   v. perolehan lebah kelulut berjumlah RM4.56 juta dibuat secara rundingan terus tanpa mendapat kelulusan Kementerian Kewangan dan perjanjian mengenainya tidak dibuat antara KKLW dengan syarikat pembekal.

c. Bagi memastikan Program Desa Lestari diuruskan dengan teratur, cekap, berhemat dan Kerajaan mendapat *best value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dilakukan, adalah disyorkan pihak KKLW mempertimbangkan perkara berikut:

   i. memastikan siasatan dibuat dan tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai yang tidak mematuhi peraturan kewangan dengan memecahkecilkan perolehan, menyalahgunakan kuasa dan membuat bayaran yang tidak teratur;

   ii. melestarikan kemudahan yang diberikan kepada Koperasi untuk kegunaan program dan tindakan menyerahkan kemudahan yang ada diambil sekiranya Koperasi gagal melaksanakan peraturan sepatutnya;

iii. memastikan siasatan dibuat terhadap Ahli Lembaga Koperasi yang menggunakan pemberian geran bagi kepentingan peribadi dengan membelakangkan tanggungjawab terhadap Koperasi;

iv. mengkaji semula kelestarian Program Desa Lestari yang didapati gagal mencapai objektif program secara keseluruhannya; dan

v. mengadakan perbincangan dengan pihak SKM bagi memastikan Koperasi yang telah berdaftar mematuhi Akta Koperasi 1993 sebelum diberi geran peruntukan Desa Lestari.

[muka surat : 55 - 89]

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

5. Pengurusan Projek eKadaster

a. Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) merupakan agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) yang bertanggungjawab menguruskan perkhidmatan ukuran hak milik tanah. Selaras dengan dasar Kerajaan yang digariskan di bawah Teras 5 Misi Nasional, JUPEM telah membangunkan projek eKadaster di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dengan tujuan mempercepatkan sistem penyampaian ukur kadaster negara. Antara objektif pembangunan projek eKadaster adalah mempercepatkan sistem penyampaian hak milik tanah daripada dua tahun kepada dua bulan; mengintegrasikan eKadaster dengan eTanah dalam perkongsian maklumat spatial bersepadu ke arah sistem penyampaian Kerajaan yang cepat dan pantas serta menggunakan teknologi *Global Positioning System* (GPS) dalam ukur kadaster. Projek ini dibangunkan pada 26 Disember 2006 dan siap sepenuhnya pada 15 Mei 2009. Sistem ini telah digunakan di seluruh Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak bermula pada 1 Mei 2010. Kementerian Kewangan telah meluluskan pelantikan vendor secara rundingan terus dengan kontrak bernilai RM287.62 juta.

b. Pengauditan yang dijalankan di Ibu Pejabat JUPEM dan lima Pejabat JUPEM Negeri antara bulan Jun hingga September 2016 mendapati secara umumnya pengurusan projek eKadaster adalah memuaskan kerana sistem telah digunakan sepenuhnya di kesemua 13 cawangan JUPEM Negeri mulai bulan Mei 2010. Bagaimanapun, objektif projek belum dapat dicapai sepenuhnya. Antara kelemahan yang ditemui dan perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

i. permohonan lanjutan masa empat bulan selepas tarikh siap asal dan kelulusan oleh NRE melalui perjanjian tambahan keempat yang dimeterai pada 15 Mei 2009 iaitu tarikh sebenar projek disiapkan adalah tidak teratur dan menyebabkan *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) berjumlah RM14.38 juta tidak dikenakan kepada *vendor*;

ii. pelaksanaan projek eKadaster adalah kurang memuaskan kerana tempoh menyiapkan kerja ukur kadaster sehingga penyediaan Pelan Akui yang

melibatkan sebanyak 81.7% fail tidak mencapai sasaran (kurang 60 hari) yang ditetapkan;

iii. kelemahan kawalan aplikasi:

- kawalan akses sistem eKadaster yang meliputi *user ID* dan kata laluan adalah terdedah kepada risiko penyalahgunaan; dan
- ketidakseragaman maklumat pendaftaran aset antara Sistem Pengurusan Aset (SPA) dan Sistem Pengurusan Aset eKadaster (SPAK) boleh menyebabkan kesukaran untuk memantau aset JUPEM.

iv. kelemahan kawalan fizikal dan persekitaran sistem:

- sistem pemadam kebakaran di bilik *server* semua JUPEM Negeri (kecuali Negeri Sembilan) tidak disenggara secara berkala selepas tamat kontrak pada 23 Julai 2013; dan
- perisian antivirus yang tidak dikemaskinikan sejak tamat kontrak pada 19 Mei 2016 boleh mendedahkan *server* kepada ancaman virus yang baru dan risiko kehilangan data.

v. Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) untuk eKadaster tidak disediakan.

c. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya pihak berkenaan mempertimbangkan perkara berikut:

i. amalan kelulusan pelantikan vendor yang telah dinamakan oleh Kementerian Kewangan secara rundingan terus tanpa disokong oleh justifikasi pemilihan yang jelas perlu dihentikan segera;

ii. Kementerian Kewangan perlu menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi tujuan penyenggaraan berkala peralatan dan aplikasi eKadaster;

iii. JUPEM perlu mengkaji semula penetapan tempoh piawaian pengeluaran Pelan Akui yang munasabah dengan mengambil kira faktor-faktor terlibat; dan

iv. JUPEM perlu membincangkan masalah-masalah sistem bagi mengatasi kelemahan berbangkit dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT.

[muka surat : 90 - 103]

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

6. Program Penyeragaman Harga Barang Kawalan Perlu di Negeri Sarawak

a. KPDNKK melalui Sekretariat Majlis Harga Barang Negara (MHBN) telah mula melaksanakan Program Penyeragaman Harga (PPH) di negeri Sarawak pada tahun 2009. PPH merangkumi tiga projek iaitu Pengedaran Barang Perlu (BP);

Penyeragaman Harga Gas Petroleum Cecair (LPG); dan Penyeragaman Harga Petrol dan Diesel/*Community Drumming* (CD). Melalui program ini, Kerajaan menanggung kos pengangkutan dengan melantik Pembekal Perkhidmatan Pengangkutan (transporter) bagi pengedaran barang ke kawasan luar bandar dan pedalaman di negeri Sarawak. Barangan tersebut akan dijual kepada komuniti melalui Pusat Jualan/*Point of Sales* (POS) pada harga kawalan Kerajaan. POS yang dilantik adalah merupakan premis yang dicadangkan oleh *transporter* dan telah mendapat kelulusan KPDNKK. KPDNKK telah mengeluarkan Garis Panduan Pemilihan Pembekal Perkhidmatan Pengangkutan (Transporter) Bagi Pelaksanaan Program Penyeragaman Harga.

b. Pengauditan yang dijalankan di KPDNKK negeri dan cawangan negeri Sarawak antara bulan Mac hingga Oktober 2016 mendapati secara umumnya prestasi pelaksanaan PPH di negeri Sarawak adalah tidak memuaskan kerana Barang Kawalan Perlu (BKP) tidak dapat diedarkan keseluruhannya kepada golongan sasar pada harga kawalan Kerajaan. Perkara ini berlaku disebabkan pemantauan kurang rapi terhadap penghantaran BKP oleh *transporter* dan POS yang gagal mempamerkan tanda harga KPDNKK serta tidak menjual BKP pada harga kawalan Kerajaan. Antara kelemahan lain yang didapati adalah seperti berikut:

   i. pencapaian kewangan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 antara 93.2% hingga 99.3% adalah tidak selaras dengan pencapaian pengedaran BKP di mana pencapaian pengedaran BKP hanya mencapai antara 47.3% hingga 98.0%;

   ii. pembayaran yang dibuat kepada *transporter* tidak mematuhi terma yang ditetapkan dalam perjanjian dan perjanjian tambahan tidak disediakan bagi perubahan pada kuota dan jenis Barang Perlu (BP) sehingga menyebabkan berlakunya *improper payment* berjumlah RM150,866;

   iii. *Transporter* langsung tidak membekal dan mengedarkan BP kecuali beras. Kuota bulanan untuk gula, tepung gandum dan minyak masak telah digunakan untuk membekal pelbagai jenis beras; dan

   iv. BKP telah dijual oleh POS dengan harga yang tinggi berbanding harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan iaitu dengan lebihan harga antara RM0.06 hingga RM9.40.

c. Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa akan datang, Kerajaan mendapat *best value of money* atas perbelanjaan yang dilakukan dan objektif program tercapai, adalah disyorkan supaya KPDNKK mengambil tindakan seperti berikut:

   i. membuat kajian semula terhadap garis panduan bagi memastikan pemilihan kawasan pengedaran, *transporter* serta POS adalah teratur dan tepat. Kebenaran kepada *transporter* untuk memilih sendiri kawasan pengedaran, sumber bekalan dan POS juga perlu dikaji semula;

ii. mengambil tindakan sewajarnya terhadap *transporter* yang gagal menjalankan tanggungjawabnya, terlibat dengan penipuan dan salah laku serta tidak komited terhadap pelaksanaan keseluruhan program seperti mengenakan denda atau menamatkan kontrak dan menyenaraihitamkan syarikat terbabit;

iii. mempertingkatkan dan mengkaji semula kaedah penyeliaan dan pemantauan terhadap POS bagi memastikan jumlah pengedaran BKP ke POS adalah sama dengan jumlah yang dituntut oleh *transporter*;

iv. mengambil tindakan sewajarnya terhadap POS yang tidak menjual BKP pada harga yang ditetapkan dan gagal mematuhi prosedur pengurusan BKP di premis masing-masing dengan menyenaraihitamkan POS berkenaan;

v. mengkaji semula jenis beras lain yang ekonomi dan berkualiti untuk menggantikan jenis beras Nasional yang tidak lagi ada di pasaran bagi mengawal bekalan beras di bawah program; dan

vi. mengambil tindakan terhadap Pegawai Pemantauan Harga dan Pegawai Penguatkuasa KPDNKK negeri Sarawak yang bertanggungjawab dalam pemeriksaan dan pemantauan tetapi tidak menjalankan tanggungjawab masing-masing.

[muka surat : 104 - 131]

KEMENTERIAN KERJA RAYA/JABATAN KERJA RAYA

7. Projek Pembinaan Jalan Pintas Rawang di Bandar Rawang

a. Projek Pembinaan Jalan Pintas Rawang di Bandar Rawang merupakan satu projek infrastruktur berimpak tinggi yang menghubungkan rangkaian jalan raya ke Bandaraya Kuala Lumpur. Projek ini telah diluluskan pelaksanaannya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan ia bertujuan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Bandar Rawang serta menambah baik sistem rangkaian jalan raya di kawasan sekitar yang menghubungkan Bandaraya Kuala Lumpur. Projek pembinaan ini melibatkan kerja menaik taraf jalan sedia ada sepanjang 10.72 km dan pembinaan jalan baru empat lorong dua hala sepanjang 12.58 km. Pembinaan jalan ini bermula dari Bandar Baru Selayang melalui Templer Park merentasi Kanching dan Hutan Simpan Serendah hingga menghubungkan Jalan Persekutuan di Sungai Choh. Kontraktor telah dilantik melalui rundingan terus dan pelaksanaan secara Reka dan Bina dengan kos berjumlah RM203.47 juta. Projek telah dilaksanakan mulai 16 Julai 2005 dengan tarikh siap asal pada 12 Januari 2008. Perjanjian Tambahan No. 1 telah ditandatangani pada 16 Mac 2009 berkaitan peruntukan khas perubahan harga bahan bagi kerja kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrikal yang tidak melibatkan tambahan kos. Pada 2 Disember 2011, skop kerja telah ditambah melalui Perjanjian Tambahan No. 2 yang melibatkan pembinaan jalan alternatif melalui Taman Warisan Negeri Selangor sepanjang 3.3 km termasuk 2.64 km *elevated structure* serta kerja menaik taraf 1.57 km di Jalan Persekutuan sedia ada. Tempoh pembinaan bagi skop kerja

tambahan ini bermula pada 15 Disember 2011 hingga 17 April 2015 iaitu 40 bulan dengan tambahan harga kontrak RM390 juta. Kontrak ini diluluskan enam lanjutan masa selama 2,132 hari dan tarikh siap semasa adalah pada 16 Mac 2017.

b. Pengauditan terhadap Projek Pembinaan Jalan Pintas Rawang di Bandar Rawang yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2016 mendapati pengurusan projek ini adalah baik dari aspek pentadbiran kontrak dan kualiti pembinaan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

   i. penyiapan projek ini mengambil masa yang lama dengan lanjutan masa (Extension Of Time - EOT) sebanyak 2,132 hari. Ini berpunca daripada prosedur dan proses kerja pihak di luar kawalan JKR dan mengakibatkan kontraktor menuntut kerugian dan perbelanjaan berjumlah RM7.88 juta;

   ii. perubahan reka bentuk di laluan yang bertindih antara jajaran *elevated structure* bagi projek ini dengan Lebuhraya Assam Jawa Taman Rimba (LATAR) yang sedia ada menyebabkan peningkatan kos sejumlah RM34.2 juta;

   iii. kelewatan penyelesaian bayaran pengambilan balik tanah atas sebab yang dibenarkan menyebabkan bayaran denda penalti berjumlah RM5.52 juta dibayar kepada pihak yang berkepentingan; dan

   iv. sebanyak 12.2% tuntutan interim kontraktor berjumlah RM64.6 juta telah lewat dibayar antara 15 hingga 118 hari.

c. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan Unit Tanah KKR perlu melaporkan kemajuan pembayaran bagi setiap pengambilan balik tanah sebagai agenda dalam mesyuarat pengurusan atau mesyuarat lain yang berkaitan.

[muka surat : 132 - 144]

KEMENTERIAN KERJA RAYA/JABATAN KERJA RAYA

8. Projek Pembinaan Jejambat Menghubungi Jalan Nangka Dengan Jalan Perda Timur Merentasi Jalan Padang Lalang/Landasan Keretapi/Jalan Permatang Rawa, Bukit Mertajam, Pulau Pinang

a. Projek Pembinaan Jejambat Menghubungi Jalan Nangka Dengan Jalan Perda Timur Merentasi Jalan Padang Lalang/Landasan Keretapi/Jalan Permatang Rawa, Bukit Mertajam, Pulau Pinang merupakan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dengan siling peruntukan berjumlah RM90 juta. Objektif pembinaan ini adalah untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Bandar Perda yang pesat membangun dan sering terganggu akibat perjalanan keretapi. Ia juga sebagai laluan alternatif ke Laluan Persekutuan FT001 (Bukit Mertajam ke Butterworth) dan dapat menjimatkan waktu perjalanan. Di samping itu, projek ini juga bertujuan mengurangkan kadar kemalangan khususnya penunggang motosikal. Pelanggan bagi projek ini ialah Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) dilantik sebagai Agensi Pelaksana. Pegawai Penguasa

(PP) ialah Pengarah JKR Negeri Pulau Pinang. Projek ini dilaksanakan secara Konvensional (Perunding) melalui rundingan terus antara Kerajaan dengan Gold Bridge Engineering & Construction Berhad (GBECB) dengan nilai kontrak asal berjumlah RM89.50 juta. Tempoh pelaksanaan projek adalah selama 30 bulan iaitu daripada 30 Januari 2012 hingga 29 Julai 2014. Projek ini diberi tiga lanjutan masa/ *Extension Of Time* (EOT) selama 641 hari dan tarikh siap semasa adalah pada 30 April 2016. Pada 9 Jun 2009, Kementerian Kewangan (MOF) telah meluluskan pelantikan perunding Adroit Consulting Engineers Sdn. Bhd. (ACESB) sebagai perunding bagi projek ini yang bertanggungjawab menyediakan reka bentuk terperinci hingga ke peringkat penyediaan dokumen tender dan penyeliaan projek. Skop projek adalah membina jejambat utama sepanjang 773 meter menghubungkan Jalan Nangka ke Jalan Perda Timur, membina satu *ramp* (sambungan menaik dan menurun) ke jejambat utama, membina jejantas pejalan kaki yang dikembarkan bersama jejambat utama sepanjang 40 meter dan lain-lain kerja yang berkaitan. Bagaimanapun, satu perjanjian tambahan ditandatangani dengan kontraktor bagi penambahan pembinaan 2 *ramp* daripada skop asal kontrak. Pihak GBECB perlu melaksanakan kerja tambahan tersebut dalam tempoh kontrak semasa yang telah diluluskan sebelum ini. Nilai kontrak bagi perjanjian tambahan adalah berjumlah RM25.26 juta. Kemajuan kerja di tapak siap sepenuhnya dan masih dalam tempoh tanggungan kecacatan.

b. Pengauditan terhadap Projek Pembinaan Jejambat Menghubungi Jalan Nangka Dengan Jalan Perda Timur Merentasi Jalan Padang Lalang/Landasan Keretapi/ Jalan Permatang Rawa, Bukit Mertajam, Pulau Pinang mendapati projek telah dapat disiapkan pada tarikh siap semasa. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

   i. berlaku perubahan skop iaitu bilangan *ramp* yang perlu dibina daripada yang dimuktamadkan mengakibatkan projek lewat dimulakan dan peningkatan kos projek;

   ii. projek lewat disiapkan selama 641 hari menyebabkan kontraktor mengemukakan tuntutan kerugian dan perbelanjaan yang dianggarkan berjumlah RM5.31 juta; dan

   iii. kaedah pembinaan penghadang tengah jalan/*New Jersey Barrier* (NJB) tidak mematuhi piawaian.

c. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang pada masa hadapan, adalah disyorkan supaya pihak JKR mematuhi surat arahan KPKR Bil. 10/2012 bertarikh 18 April 2012 mengenai Pelan Pegurusan Risiko Pelaksanaan Projek bagi mengenal pasti risiko yang boleh mengakibatkan kelewatan menyiapkan projek dan peningkatan kos yang merugikan Kerajaan.

[muka surat : 145 - 153]

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia
9. Pembangunan mySIKAP

a. Projek Pembangunan Semula Sistem Pengkomputeran Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang dikenali sebagai mySIKAP bertujuan untuk meningkatkan keupayaan sistem pengkomputeran JPJ ke arah usaha memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan. Projek tersebut telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan (MOF) melalui tender terhad pada 11 Jun 2010. Kontrak projek mySIKAP bernilai RM282 juta telah ditandatangani pada 22 Disember 2010 bagi tempoh kontrak bermula pada 26 Julai 2010 hingga 25 Julai 2014, iaitu pembangunan sistem selama 24 bulan dan waranti/penyenggaraan selama 24 bulan selepas selesai kerja pembangunan sistem. Projek mySIKAP melibatkan pembangunan, pemasangan, pelaksanaan dan penyenggaraan yang melibatkan lima skop utama iaitu *Integrated Business Application* (aplikasi urus niaga JPJ); *Integrated Solution Infrastructure* (penyelesaian pengurusan data dan perkhidmatan pemulihan bencana); *Services* (perkhidmatan sokongan); penyediaan infrastruktur pusat data; serta perolehan perkakasan dan perisian. Sejak mySIKAP mula dilaksanakan pada bulan Julai 2013, tahap penggunaan kerangka utama JPJ adalah tinggi sehingga mencapai 100% penggunaan unit pemprosesan pusat (CPU). Ini menyebabkan perkhidmatan JPJ di kaunter, kios, transaksi atas talian dan rakan niaga seluruh negara terjejas terutamanya pada waktu puncak.

b. Pengauditan dijalankan antara bulan Mei hingga November 2016 di Kementerian Pengangkutan (MOT), Ibu Pejabat JPJ, JPJ Cyberjaya dan lima Pejabat JPJ Negeri iaitu Kelantan, Pulau Pinang, Sabah, Johor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapati, secara keseluruhannya pengurusan mySIKAP memuaskan kerana telah digunakan sepenuhnya di kesemua 16 cawangan JPJ Negeri (11 negeri di Semenanjung Malaysia, tiga Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak) mulai tahun 2014. Selain itu, mySIKAP telah berjaya mentadbir sistem pendaftaran dan pelesenan kenderaan dengan berkesan dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan JPJ. Bagaimanapun, pelaksanaan projek kurang memuaskan dan objektif projek belum dapat dicapai sepenuhnya. Antara kelemahan yang ditemui dan perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

   i. dokumen kontrak mySIKAP lemah dan tidak menjaga kepentingan Kerajaan menyebabkan pembayaran tidak *value for money*;

   ii. kajian keperluan kapasiti kerangka utama mySIKAP yang tidak dibuat dengan terperinci;

   iii. JPJ gagal menyediakan Perjanjian Tahap Perkhidmatan (Service Level Agreement - SLA) yang lengkap dan tiada elemen denda dinyatakan;

   iv. sebanyak 821 daripada 4,190 kenderaan yang didaftarkan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak memperbaharui Lesen Kenderaan Motor (LKM) di kawasan yang mempunyai kadar yang lebih rendah tidak disokong dengan

Borang Kastam 3. Ini menyebabkan ketirisan hasil Kerajaan berjumlah RM773,340 bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016; dan

v. sistem gagal menyekat pengeluaran/pembaharuan Lesen Memandu Kompeten (Lesen Penuh) bagi pemegang Lesen Belajar Memandu (Lesen L) atau Lesen Memandu Percubaan (Lesen P) yang disenaraihitamkan. Ini mengakibatkan sebanyak 365 pemegang Lesen L atau Lesen P yang disenaraihitamkan masih boleh memperoleh Lesen Penuh.

c. Bagi memastikan segala kelemahan yang dibangkitkan diperbaiki dan mySIKAP dapat menyokong operasi JPJ dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang awam, agensi luar dan *stakeholders*, adalah disyorkan supaya pihak JPJ mengambil langkah seperti berikut:

i. membuat kajian keperluan yang terperinci sebelum membuat perolehan kerangka utama dan mengambil kira impak ke atas kerangka utama bagi sebarang permintaan perubahan agar prestasi mySIKAP tidak terganggu;

ii. memastikan SLA yang disediakan mengambil kira klausa-klausa yang menjaga kepentingan Kerajaan;

iii. mengintegrasikan mySIKAP dengan sistem Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi mengurangkan ketirisan hasil Kerajaan akibat daripada tindakan pembaharuan LKM di luar kawasan pengisytiharan; dan

iv. memastikan sistem dapat menyekat sebarang transaksi yang disenaraihitamkan terhadap urusan pelesenan pemandu.

[muka surat : 154 - 171]

KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

Sabah Electricity Sdn. Bhd.

10. Projek Pembinaan Talian Penghantaran Elektrik Dari Kimanis ke Pencawang Masuk Utama Lok Kawi dan Kolopis, Sabah

a. Projek pembinaan talian penghantaran elektrik dari Kimanis ke pencawang masuk utama Lok Kawi dan Kolopis bertujuan untuk menyalurkan bekalan elektrik daripada loji jana kuasa SPR Energy Sdn. Bhd. (IPP SPR) dan loji jana kuasa Kimanis Power Sdn. Bhd. (IPP KPSB) ke sistem grid di Sabah dengan kos RM211.96 juta. Pemilik projek adalah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan dipantau oleh Sektor Tenaga, KeTTHa. Agensi pelaksana ialah Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dan dibiayai secara pinjaman mudah (soft loan) daripada Kementerian Kewangan (MOF). Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina mulai 16 Jun 2012 dan siap pada 26 April 2016 setelah mengambil kira empat pelanjutan masa (EOT). Pelaksanaan projek ini melibatkan pengambilan 527 lot tanah iaitu 422 lot (80.1%) hak milik persendirian dan baki 105 lot tanah antaranya hak milik Kerajaan Negeri, rizab Jabatan Kerja Raya, rizab Jabatan Pengairan dan Saliran dan rizab kampung.

b. Pengauditan yang dijalankan dari bulan September hingga November 2016 mendapati secara umumnya prestasi projek pembinaan talian penghantaran elektrik dari Kimanis ke pencawang masuk utama Lok Kawi dan Kolopis adalah baik. Secara keseluruhan, projek ini telah disiapkan pada bulan April 2016 dan telah beroperasi seperti objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam aspek pengurusan projek seperti berikut:

   i. skop dan reka bentuk projek tidak dimuktamadkan sebelum dibawa kepada Makmal Pengurusan Nilai (VM) untuk perbincangan yang mengakibatkan VM tidak berjaya mencapai objektif sepenuhnya;

   ii. sebanyak enam perolehan kerja berjumlah RM74.39 juta telah dilaksanakan secara rundingan terus, tidak selaras dengan arahan dari Unit Perancang Ekonomi (EPU) yang menyatakan bahawa perolehan projek hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka;

   iii. kelemahan dalam proses penilaian tender yang hanya mengambil kira aspek risiko kewangan;

   iv. kelemahan dalam pengurusan pelanjutan masa (EOT) seperti EOT lewat diluluskan; justifikasi EOT tidak selaras dengan syarat kontrak dan syarat EOT secara *Global Settlement* tidak dipatuhi;

   v. bayaran perkhidmatan *Project Management Consultant* (PMC) tidak disokong dengan dokumen sokongan yang mengesahkan perkhidmatan dilaksanakan; dan

   vi. kelemahan dalam penyediaan reka bentuk dan pemantauan kerja perlindungan cerun yang telah menyebabkan SESB menanggung kos tambahan berjumlah RM21.83 juta.

c. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan supaya pihak terlibat mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

   i. SESB perlu memastikan skop dan reka bentuk sesebuah projek dimuktamadkan sebelum dibincangkan dalam VM supaya keputusan VM adalah tepat dan mencapai objektif pelaksanaannya;

   ii. KeTTHA perlu menetapkan KPI projek dengan lebih jelas supaya tahap pencapaian dan pemantauan dapat diukur;

   iii. SESB perlu menambah baik perjanjian PMC pada masa akan datang dengan memasukkan klausa berkaitan *deliverables* yang perlu dicapai oleh PMC dan keperluan lain seperti bukti perkhidmatan yang telah dilaksanakan sebelum tuntutan diluluskan; dan

   iv. SESB perlu menilai semula bayaran pesanan kecemasan untuk kerja perlindungan cerun yang ditanggungnya.

[muka surat : 172 - 187]

KEMENTERIAN KESIHATAN/JABATAN KERJA RAYA

11. Projek Pembinaan Kompleks Obstetrik Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor

a. Projek Pembinaan Kompleks Obstetrik Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor (HTAR) merupakan sebuah projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) yang terletak di atas tanah seluas 63 ekar, di Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor. Pembinaan Kompleks Obstetrik bertujuan untuk meningkatkan perkhidmatan obstetrik dan neo-natal (O&G) dan mengatasi masalah kesesakan pesakit serta menaiktaraf infrastruktur sedia ada bagi menampung keperluan perkhidmatan O&G semasa di HTAR. Kos projek yang diluluskan berjumlah RM180 juta melibatkan dua fasa termasuk perolehan peralatan perubatan berjumlah RM30 juta. Kos *As Tendered Detailed Abstract* (ATDA) bagi fasa 1 dan fasa 2 adalah masing-masing berjumlah RM10.42 juta dan RM150.12 juta. Pembangunan projek fasa 1 terdiri daripada kerja infrastruktur seperti kerja tanah, pemindahan struktur sedia ada, pengurusan penyuraian trafik, membina parkir serta membina infra sementara dan kekal. Kontraktor Region Circle Sdn. Bhd. (RCSB) telah dilantik oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui kaedah perolehan secara tender terbuka untuk melaksanakan projek fasa 1 dengan kos kontrak bernilai RM8.82 juta. Projek fasa 1 ini telah disiapkan pada 10 Jun 2013. Pembangunan projek fasa 2 pula melibatkan kerja pembinaan bangunan hospital yang telah dimulakan pada 6 September 2013 dengan tempoh pembinaan selama 36 bulan. Tarikh siap asal projek fasa 2 ialah pada 5 September 2016. Ia merangkumi pembinaan lapan tingkat kompleks obstetrik, dua tingkat *plant room*, jejantas, lobi lif, laluan berbumbung, parkir berbumbung, kerja landskap, awam dan struktur serta mekanikal dan elektrikal. Kontraktor Pembinaan Sujaman Sdn. Bhd. (PSSB) telah dilantik oleh JKR dengan persetujuan Kementerian Kewangan (MOF) melalui kaedah perolehan secara tender terhad dengan kos kontrak bernilai RM128 juta. Projek ini dilaksanakan secara konvensional dan JKR telah melantik 5 perunding yang diluluskan oleh MOF iaitu FAU Akitek Sdn. Bhd., KL Prima Consult Sdn. Bhd., Jurutera CMP Sdn. Bhd., JUB Teguh Sdn. Bhd. dan MSAY Technical Ventures Sdn. Bhd. dengan kos keseluruhan berdasarkan *Memorandum of Agreement* (MOA) berjumlah RM16.31 juta bagi melicinkan pengurusan dan pelaksanaan projek. Pemilik projek adalah Kementerian Kesihatan (KKM) dan JKR adalah agensi pelaksana. Pada peringkat awal pelaksanaan projek, Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan (CKK), JKR telah dilantik sebagai Pegawai Penguasa (PP) projek. Bagaimanapun, tanggungjawab sebagai PP telah diserahkan kepada Pengarah Pasukan Projek Khas [Bangunan] (PPKB), Cawangan Dasar & Pengurusan Korporat, JKR mulai 19 Mei 2015.

b. Pengauditan terhadap Projek Pembinaan Kompleks Obstetrik HTAR fasa 2 antara bulan Ogos hingga Disember 2016 mendapati pengurusan projek fasa 2 berkaitan aspek perancangan dan penyeliaan projek adalah tidak memuaskan. Terdapat kelemahan dalam perancangan dan penyeliaan projek oleh JKR, KKM dan perunding menyebabkan kontraktor tidak dapat memulakan pembinaan projek

selepas penyerahan tapak. Antara kelemahan yang dikenal pasti dalam pengurusan projek fasa 2 adalah seperti berikut:

i. perunding yang dilantik gagal melaksanakan peranannya dengan memuaskan menyebabkan kontraktor perlu memohon 36 perubahan kerja dan lima pengukuran semula dengan kos tambahan masing-masing berjumlah RM16.23 juta dan RM1.01 juta. JKR pula gagal menjalankan tanggungjawabnya untuk menyelia dan mengambil tindakan segera terhadap perunding;

ii. kelemahan di pihak KKM, JKR dan perunding mengakibatkan Lanjutan Masa/*Extension Of Time* (EOT) perlu diberikan kepada kontraktor selama 333 hari dan projek lewat disiapkan serta tambahan kos perkhidmatan perunding berjumlah RM1.05 juta; dan

iii. penglibatan dan komitmen yang kurang memuaskan oleh pihak KKM dalam Mesyuarat Tapak dan Koordinasi Teknikal yang memberi kesan kepada kelemahan perancangan projek dan pelaksanaan kerja pembinaan.

c. Bagi membaiki kelemahan yang dibangkitkan dan seterusnya meningkatkan mutu pengurusan projek pembinaan, adalah disyorkan pihak yang terlibat memberi pertimbangan terhadap perkara seperti berikut:

i. tindakan punitif hendaklah diambil terhadap pegawai bertanggungjawab yang gagal memeriksa, memverifikasi dan memantau kerja-kerja perunding mengikut peraturan yang berkuat kuasa;

ii. JKR/MOF hendaklah memastikan perunding yang dilantik adalah yang layak dan berpengalaman bagi mengelakkan berlaku ketinggalan serta percanggahan dalam penyediaan lukisan tender dan senarai kuantiti mengikut keperluan pelanggan;

iii. meningkatkan tahap koordinasi dan kolaborasi di antara KKM, JKR dan perunding dalam mengenal pasti serta menentukan keperluan fungsi dan operasi kerja hospital supaya tidak berlaku percanggahan dan perubahan dalam lukisan tender setelah dimuktamadkan; dan

iv. kerugian terhadap sebarang ketidakpatuhan yang ditemui/dikenal pasti semasa pemeriksaan oleh pihak ketiga yang dilantik Kerajaan hendaklah ditanggung oleh pegawai/perunding yang gagal menyelia/melaksanakan kerja-kerja tersebut.

[muka surat : 188 - 202]

KEMENTERIAN KESIHATAN/JABATAN KERJA RAYA

12. Projek Pembinaan Hospital Bera, Pahang

a. Pembinaan Hospital Bera merupakan sebuah projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) di atas tanah seluas 35.51 ekar, Mukim Triang, Bera, Pahang. Mengikut perancangan, hospital ini berkapasiti 40 katil dan direka bentuk supaya dapat dikembangkan pada masa hadapan sehingga mampu menampung

60 katil. Projek pembinaan hospital ini terdiri daripada dua pakej yang melibatkan kerja tanah (Pakej 1) serta pembinaan 4 blok hospital dan bangunan sokongan iaitu enam unit kuarters kelas D, 16 unit kuarters kelas F, 16 unit kuarters kelas G dan asrama jururawat (Pakej 2). Projek Pakej 1 dilaksanakan oleh syarikat Tofan Group Sdn. Bhd. yang dilantik oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui kaedah perolehan secara tender terbuka dengan kos kontrak berjumlah RM4.60 juta. Projek Pakej 1 ini dilaksanakan secara konvensional dan telah disiapkan pada 26 Jun 2011. Kaedah perolehan projek Pakej 2 pula adalah secara rundingan terus dan Kementerian (MOF) telah memilih untuk melantik syarikat Maju Jaya Pasarana Sdn. Bhd. (MJPSB) untuk melaksanakan projek. Kos kontrak bagi projek Pakej 2 berjumlah RM88 juta dan dilaksanakan secara konvensional. Tarikh milik tapak ialah pada 10 Julai 2012 dan projek Pakej 2 dijadualkan siap pada 9 Januari 2015. Bagi melicinkan pengurusan dan pelaksanaan projek Pakej 1 dan 2, JKR telah melantik perunding Arkitek, Sivil dan Struktur, Elektrik serta Ukur Bahan di mana kuasa dan tanggungjawab penyeliaan projek diberikan kepada perunding mengikut bidang masing-masing kecuali bagi bidang mekanikal adalah di bawah tanggungjawab dan penyeliaan JKR. Pemilik projek ini adalah Kementerian Kesihatan (KKM) dan JKR adalah agensi pelaksana. Pengarah projek ialah Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan (CKK), Ibu Pejabat JKR manakala Pegawai Penguasa ialah Pengarah JKR Negeri Pahang (JKR Negeri).

b. Pengauditan terhadap Projek Pembinaan Hospital Bera Pakej 2 yang dijalankan pada bulan Mei hingga Julai 2016 mendapati pengurusan dan pembinaan projek tidak memuaskan di mana perancangan, pelaksanaan serta pemantauan projek kurang cekap menyebabkan projek tidak siap dan kontrak terpaksa ditamatkan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

   i. kontraktor yang dilantik tidak berupaya melaksanakan projek walaupun setelah diluluskan tempoh lanjutan masa selama 690 hari (23 bulan). Kontraktor juga telah diberikan 20 amaran/peringatan berserta tiga Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor (NUTP);

   ii. lanjutan masa melalui kelulusan EOT 1, 3 dan 4 selama 496 hari terpaksa diberikan kepada kontraktor kerana kelemahan pengurusan dalam perancangan dan pelaksanaan projek oleh pihak JKR dan perunding;

   iii. kelemahan perunding untuk menyelaras dan memuktamadkan lukisan pembinaan di antara semua disiplin menyebabkan berlaku banyak perubahan dan percanggahan dalam lukisan pembinaan. JKR pula gagal menjalankan tanggungjawabnya untuk memverifikasi dan mengesah lengkap serta tiada percanggahan sesuatu lukisan pembinaan dan gagal menyelia serta mengambil tindakan segera terhadap perunding;

   iv. kontraktor gagal melantik Penyelaras Mekanikal & Elektrik (M&E) *Industrialized Building System* (IBS) berkelayakan dan untuk tempoh 24 bulan (45.3%)

daripada tempoh kontrak selama 53 bulan serta gagal melantik pihak *Independent Inspection Authority/Inspector Welder* untuk mengesahkan kerja-kerja kimpalan kerangka bumbung selain kekurangan pekerja di tapak pembinaan antara 9.7% hingga 83.0% berbanding norma yang ditetapkan. JKR pula kurang berkesan dalam menguatkuasakan pematuhan terhadap klausa kontrak; dan

v. kerja pembinaan tidak dibuat mengikut lukisan dan spesifikasi serta tidak sempurna. Selain itu, Laporan Ketidakpatuhan (NCR) belum diambil tindakan pembaikan dan pembetulan menyebabkan kerja pembinaan seterusnya tertangguh manakala penyimpanan bahan binaan di tapak projek tidak teratur. Ini kerana penyeliaan dan pengawasan perunding dan JKR kurang berkesan.

c. Bagi memastikan projek pembinaan hospital dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan perkara dibangkitkan tidak berulang yang menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung kerugian, adalah disyorkan pihak yang terlibat memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

i. hanya kontraktor yang berdaftar di bawah bidang pengkhususan kod B29 iaitu untuk Kerja Bangunan Kesihatan akan dipertimbangkan untuk penilaian tender bagi mengelakkan kegagalan pelaksanaan projek yang akan merugikan Kerajaan dan rakyat;

ii. tindakan punitif hendaklah diambil terhadap pegawai yang gagal dalam melaksanakan tanggungjawab mereka sehingga menyebabkan projek gagal disiapkan dan mengakibatkan Kerajaan mengalami kerugian dari aspek masa dan kos;

iii. meningkatkan tahap koordinasi dan kolaborasi di antara KKM, JKR dan perunding dalam mengenalpasti dan menentukan keperluan fungsi dan operasi kerja hospital serta melaksanakan penggunaan *Building Information Modelling* bagi mengatasi masalah percanggahan dan perubahan dalam lukisan pembinaan;

iv. JKR dan perunding hendaklah memastikan penyeliaan dan pengawasan yang rapi serta berkesan terhadap pengurusan di tapak pembinaan. Kerja rektifikasi terhadap semua NCR hendaklah diambil tindakan pembaikan dan pembetulan dalam tempoh yang ditetapkan; dan

v. JKR perlu menguruskan dengan segera pelantikan kontraktor baharu yang memenuhi kriteria penilaian tender, berkeupayaan dan berpengalaman bagi menyiapkan projek untuk mengelakkan struktur sedia ada mengalami kemerosotan bahan.

[muka surat : 203 - 227]

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Jabatan Tenaga Manusia
13. Perolehan Projek Naik Taraf Institut Latihan Perindustrian

a. Jabatan Tenaga Manusia (JTM) telah ditubuhkan pada tahun 1967 di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk menyedia dan menjalankan program latihan kemahiran bagi memenuhi keperluan dan meningkatkan taraf kemahiran pekerja untuk sektor perindustrian. Bagi menyediakan latihan vokasional, sebanyak 32 Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) telah ditubuhkan terdiri daripada 23 Institut Latihan Perindustrian (ILP), lapan Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan satu Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI). Secara amnya, tahap kursus yang ditawarkan bagi kesemua institut adalah diperingkat sijil dan diploma. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), sebanyak RM184 juta telah diperuntukkan kepada JTM bagi menaik taraf ILJTM. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM149 juta telah dibelanjakan khusus bagi menaik taraf ILP meliputi perolehan peralatan untuk pembelajaran, kerja pembinaan dan pengubahsuaian bengkel serta kemudahan pelajar. Proses perolehan bagi naik taraf ILP dilaksanakan secara tender dan sebut harga melibatkan KSM, JTM dan ILP. Bagi perolehan secara sebut harga, ILP dan JTM hanya bertanggungjawab menetapkan harga anggaran Jabatan manakala proses perolehan selanjutnya diuruskan oleh KSM. Perolehan secara tender pula diurus sepenuhnya oleh Bahagian Kewangan dan Perolehan KSM. Selanjutnya, proses pembayaran dilaksanakan oleh JTM bagi kedua-dua jenis perolehan.

b. Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2016 mendapati pengurusan Projek Naik Taraf ILP telah dapat memberi kemudahan pembelajaran yang lebih baik dan selesa kepada pelajar, pengajar dan kakitangan ILP. Bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah kurang memuaskan kerana kurang kecekapan dalam pelaksanaan projek dan pentadbiran kontrak. Antara kelemahan yang ditemui dan perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

   i. sebanyak 48 sebut harga dan 17 pembelian terus bagi perolehan kerja berjumlah RM10.42 juta telah dipecahkecilkan di ILP Bukit Katil, Kuantan, Labuan dan Kuala Lumpur bagi mengelakkan perolehan secara tender;

   ii. penggunaan khidmat pengangkutan dan kemudahan peralatan dalam kontrak berjumlah RM34,500 telah dibuat tanpa kelulusan Pegawai Pengawal;

   iii. Perakuan Siap Kerja dikeluarkan sebelum kerja disiapkan berdasarkan kehendak kontrak;

   iv. Ukuran Senarai Kuantiti (BQ) melebihi ukuran sebenar dengan perbezaan harga sebanyak RM0.16 juta;

   v. sebanyak sembilan peralatan bernilai RM0.71 juta telah digugurkan daripada kontrak akibat kegagalan kontraktor membekalkan peralatan mengikut harga, spesifikasi atau tempoh penghantaran ditetapkan. Berdasarkan rekod KSM,

tindakan penamatan kontrak, rampasan bon dan bayaran denda tidak diambil segera sebagaimana ditetapkan dalam kontrak;

vi. kerosakan mesin *Bandsaw* berharga RM68,000 di ILP Miri lambat dibaiki sehingga 343 hari; dan

vii. kontrak perolehan kerja dan bekalan telah lewat ditandatangani antara 30 hingga 117 hari dari tempoh yang ditetapkan.

c. Bagi memastikan pengurusan perolehan diuruskan dengan cekap dan berhemat serta Kerajaan mendapat *best value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dilakukan, adalah disyorkan pihak KSM/JTM mempertimbangkan perkara berikut:

i. siasatan dan tindakan tatatertib hendaklah diambil terhadap pegawai yang terbukti melakukan pelanggaran peraturan kewangan dengan memecahkecilkan perolehan;

ii. laporan perlu dibuat kepada Perbendaharaan Malaysia dan Lembaga Profesional berkaitan ke atas kerja yang tidak dibuat sepenuhnya oleh pembekal/kontraktor dan kecuaian perunding dalam melaksanakan *profesional standard of care*;

iii. merancang dengan teliti sebelum membuat perolehan bagi memastikan peralatan yang dibeli dan kemudahan yang disediakan dapat diguna secara optimum;

iv. melakukan penilaian semula perkhidmatan pembekal melalui penyediaan *Service Level Aggreement* bagi memastikan pembekal menyenggara peralatan dalam tempoh yang ditetapkan; dan

v. mengutip balik denda yang sepatutnya dan menyenaraihitamkan pembekal atau syarikat yang gagal mematuhi syarat-syarat kontrak.

[muka surat : 228 - 245]

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Jabatan Kebajikan Masyarakat
14. Program Bantuan dan Perkhidmatan Kepada Warga Emas

a. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berperanan untuk melahirkan masyarakat yang sejahtera melalui penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial di semua peringkat. JKM mensasarkan golongan warga emas (iaitu mereka yang berumur 60 tahun ke atas, tinggal berseorangan atau dengan keluarga yang kurang berkemampuan) bagi meningkatkan kesejahteraan melalui perkhidmatan jagaan perlindungan serta program pembangunan. Antara bantuan dan perkhidmatan yang diberi oleh JKM kepada golongan sasar ini adalah bantuan kewangan secara bulanan dan perkhidmatan aktiviti kepada warga emas. Bantuan kewangan terdiri daripada dua kategori iaitu Skim Bantuan Orang Tua (BOT) berjumlah RM300

sebulan seorang kepada golongan sasar yang layak dan pemberian wang saku berjumlah RM30 sebulan seorang kepada semua penghuni Rumah Seri Kenangan (RSK). Manakala bagi perkhidmatan aktiviti kepada warga emas pula terbahagi kepada tiga iaitu Program Pusat Perkhidmatan Warga Emas (PAWE), Program Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) dan Rumah Seri Kenangan (RSK).

b. Pengauditan yang dijalankan di Ibu Pejabat JKM, Putrajaya; 12 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di negeri Melaka, Kedah, Selangor dan Sabah; 12 PAWE; tiga UPWE serta tiga RSK mendapati program UPWE dan RSK adalah memuaskan kerana telah diuruskan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Namun begitu, bagi program BOT dan PAWE adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

   i. sebanyak lima daripada 12 PKMD yang dilawati masih tidak mematuhi arahan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia yang mengehendaki bayaran BOT dibuat melalui bank. Pembayaran secara tunai bagi BOT melibatkan wang tunai sejumlah RM547,200 bagi bulan November 2016;

   ii. terdapat kelemahan dalam agihan tunai BOT seperti pengiraan wang secara beramai-ramai tanpa had; kelemahan terhadap proses pengesahan penerimaan dan pembayaran; kad bagi tuntutan bantuan kewangan tidak dilengkapi dengan ciri keselamatan; terdapat pembayaran BOT kepada penerima yang telah meninggal dunia;

   iii. perbelanjaan sejumlah RM70,688 oleh PAWE tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan dan tiada permohonan dibuat untuk perbelanjaan tersebut;

   iv. terdapat salah guna bantuan geran peruntukan PAWE dengan memberi pinjaman sejumlah RM95,200 kepada penyelia dan NGO yang mengurus serta mengendalikan PAWE; dan

   v. tiada permohonan dibuat bagi lebihan belanja sejumlah RM46,733 semasa perolehan peralatan dan kelengkapan PAWE.

c. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya KPWKM mempertimbangkan perkara yang berikut:

   i. satu Jawatankuasa Siasatan Dalaman diwujudkan bagi menyiasat salah guna geran bantuan PAWE. Sekiranya berlaku kecuaian tindakan tegas hendaklah diambil terhadap pegawai yang terlibat;

   ii. mempertingkatkan pemantauan terhadap program bantuan dan perkhidmatan warga emas; dan

   iii. Garis Panduan BOT, PAWE dan UPWE perlu dikaji semula dan dikemas kini untuk penambahbaikan.

[muka surat : 246 - 262]

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Tentera Udara Diraja Malaysia

15. Pengurusan Perolehan Keperluan Peralatan Domestik dan Alat Ganti Pesawat di Markas Pemerintahan Bantuan Udara dan Materiel Udara

a. Markas Pemerintahan Bantuan Udara (MPBU) merupakan organisasi utama yang wujud di bawah Markas Tentera Udara Diraja Malaysia yang berperanan dalam urusan mengkoordinasi pelaksanaan kontrak dan perancangan serta sokongan logistik ke atas semua aset Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bagi mencapai tahap operasi yang optimum. Tanggungjawab MPBU adalah untuk memberi perkhidmatan pengurusan khidmat kejuruteraan; kawalan pengurusan aset termasuk perancangan; perolehan alat ganti pesawat; pengurusan penyimpanan stok alat ganti; mengurus pembaikan komponen/khidmat teknikal serta melaksanakan perolehan keperluan alatan domestik seperti pakaian dan aksesori, perabot dan lain-lain. Perolehan di MPBU dibuat berdasarkan permohonan daripada pengguna dan transaksi perolehan akan direkodkan di dalam Sistem Pengurusan Komputer Bersepadu (SPKB). Depot Materiel Udara telah ditubuhkan pada tahun 1990 yang dikenali sebagai Materiel Udara (MATRA). Peranan MATRA adalah sebagai pusat penerimaan; pemeriksaan; penstoran dan pengedaran bagi semua barangan, peralatan, material dan alat ganti. Sebanyak lima MATRA telah diwujudkan iaitu di Pangkalan Udara Kuala Lumpur; Pangkalan Udara Subang; Pangkalan Udara Butterworth; Pangkalan Udara Kuantan dan Pangkalan Udara Gong Kedak.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2016 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan keperluan peralatan domestik dan alat ganti pesawat di MPBU adalah memuaskan kerana perancangan keperluan perolehan dan prestasi kewangan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 telah dilaksanakan dengan sewajarnya serta tatacara pembelian terus; sebut harga; tender dan rundingan terus telah mematuhi peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

i. *Liquidated Damages* (LD) belum dimuktamadkan berjumlah RM1.01 juta bagi tempoh tahun 2015 dan 2016;

ii. pembelian aset menggunakan peruntukan Bekalan dan Bahan-bahan Lain berjumlah RM160,038;

iii. tiada kontrak senggaraan diwujudkan setelah tempoh jaminan *Automated Storage and Retrieval System* (ASRS) tamat; dan

iv. tiada penggunaan alat ganti pesawat hingga menyebabkan Stok Tidak Aktif, Stok Tidak Bergerak dan Stok Usang.

c. Bagi memperkemaskan lagi pengurusan perolehan di Markas Pemerintahan Bantuan Udara (MPBU) dan Materiel Udara (MATRA), Kementerian dan MPBU hendaklah:

   i. mempercepatkan proses pengenaan denda (LD) terhadap syarikat yang tidak mematuhi syarat kontrak;

   ii. memastikan kontrak penyenggaraan diwujudkan sebelum tempoh waranti tamat; dan

   iii. memantau proses pembelian alat ganti pesawat agar ianya dibuat berdasarkan keperluan sebenar bagi mengelakkan berlaku pembaziran di samping mengemaskini data berkenaan stok STA, STB dan usang sama ada yang baru atau terpakai bagi menggambarkan jumlah sebenar stok yang tidak digunakan.

[muka surat : 263 - 276]

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Tentera Udara Diraja Malaysia

16. Penyenggaraan dan Penggunaan Kenderaan Khas Tentera Udara Diraja Malaysia

a. Kenderaan Khas atau *Aerospace Ground Support Vehicle* (AGSV) adalah merupakan aset sokongan kepada pengoperasian pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). AGSV ini terdiri daripada tiga jenis iaitu Sokongan Pesawat (Aircraft Support), Sokongan Lapangan Terbang (Airfield Support) dan Sokongan Kombat (Combat Support) dan dipecahkan kepada 11 jenis berdasarkan fungsi masing-masing dengan jumlah keseluruhan sebanyak 375 AGSV. Penyenggaraan dan pembaikan AGSV merangkumi tiga peringkat iaitu *Organisation Level Maintenance* (OLM) dan *Intermediate Level Maintenance* (ILM) yang dilaksanakan oleh TUDM sendiri dan *Depot Level Maintenance* (DLM) yang dilaksanakan oleh kontraktor. AGSV ini ditempatkan di sepuluh Pangkalan Udara (PU) TUDM iaitu di PU Butterworth, Kuantan, Gong Kedak, Kuala Lumpur, Labuan, Subang, Kuching, Bukit Ibam, Bukit Lunchu dan Kolej Tentera Udara, Alor Setar. Objektif penyenggaran dan pembaikan kenderaan AGSV adalah untuk meningkatkan tahap prestasi kenderaan, kesiapsiagaan dan mengoptimumkan penggunaan AGSV dalam setiap operasi.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2016 mendapati secara keseluruhannya pengurusan penyenggaraan dan pembaikan AGSV telah dilaksanakan selaras dengan objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan dalam aspek pengurusan pelaksanaan penyenggaraan dan pembaikan seperti berikut:

   i. kelewatan pelaksanaan penyenggaraan dan pembaikan melibatkan proses pengeluaran sebut harga, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal, Mesyuarat

Jawatankuasa Tapisan Perolehan dan pengeluaran Pesanan Kerajaan antara tujuh hingga 390 hari;

ii. denda berjumlah RM52,570 tidak dikenakan atas kelewatan *Turn Around Time* (TAT) antara satu hingga 372 hari untuk 93 kerja penyenggaraan dan pembaikan;

iii. 47.3% daripada peratusan tahunan AGSV tidak mencapai tahap 70% pegangan yang telah ditetapkan; dan

iv. sepuluh kerja penyenggaraan tertangguh antara 34 hingga 137 hari kerana ketiadaan sijil *Approved Maintenance Organisation* (AMO).

c. Bagi memperkemaskan lagi pelaksanaan proses penyenggaraan dan pembaikan AGSV, Kementerian hendaklah:

i. mengkaji semula proses kerja dengan menetapkan tempoh masa yang sesuai bagi menyelesaikan setiap proses kerja;

ii. menyediakan pelan tindakan terhadap AGSV yang melebihi had umur dan menjejaskan tahap pegangan AGSV; dan

iii. menetapkan satu tempoh untuk kontraktor memperoleh sijil AMO supaya tidak berlaku lagi kelewatan dalam kerja penyenggaraan dan pembaikan.

[muka surat : 277 - 291]

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Jabatan Imigresen Malaysia

17. Pengurusan Pengusiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan Depot Tahanan

a. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) adalah bertanggungjawab untuk mengeluarkan pasport/dokumen perjalanan kepada warganegara dan mengeluarkan visa, pas dan permit kerja kepada warga asing serta mengawalselia pergerakan keluar/masuk orang di pintu-pintu masuk negara. Ini sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963. Kemasukan atau kehadiran warganegara asing ke dalam negara secara tidak sah merupakan kesalahan di bawah Akta Imigresen. Kesalahan adalah seperti tidak memiliki dokumen perjalanan; tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan; menyalahgunakan pas lawatan/melanggar syarat pas atau masuk ke negara ini dengan menggunakan visa atau pas yang palsu. Pelaku kesalahan ini merupakan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan akan diusir keluar selepas segala proses dokumentasi selesai serta akan disenarai hitam jika disabitkan. Sementara menunggu siasatan dan proses perundangan selesai, PATI akan ditahan dan ditempatkan di Depot Tahanan Imigresen (depot tahanan). Objektif depot tahanan adalah untuk menguruskan penahanan dan kawalan ke atas orang tahanan dengan selamat, terkawal dan berkesan. Selain itu, depot tahanan ini juga menempatkan banduan warganegara asing yang telah selesai menjalani hukuman di penjara sebelum diusir keluar.

Bahagian Pengurusan Depot dan Tahanan JIM dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk menguruskan tahanan dan pengusiran PATI di seluruh Malaysia kecuali di Sabah. Penahanan PATI di Pusat Tahanan Sementara (PTS), Sabah adalah di bawah urusan pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan pihak JIM Negeri Sabah hanya bertindak untuk urusan dokumentasi/perekodan dan urusan iring kawal PATI semasa pengusiran dijalankan. Sebanyak 13 depot tahanan di seluruh Malaysia telah diwartakan dan jumlah kapasiti PATI yang boleh ditempatkan seramai 13,250 PATI iaitu 10,200 PATI lelaki dan 3,050 PATI wanita. Bagi tahun 2014 hingga 2016, kemasukan di depot tahanan adalah seramai 265,550 PATI yang melibatkan pelbagai warganegara dan seramai 179,364 PATI telah diusir ke negara asal masing-masing melalui laluan laut, darat atau udara. Warganegara Indonesia merupakan PATI yang paling ramai diusir iaitu seramai 75,580 PATI diikuti warganegara Bangladesh (27,283 PATI) dan Myanmar (17,627 PATI). Perbelanjaan di depot tahanan dan pengusiran PATI bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah berjumlah RM95.24 juta.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2016 hingga Januari 2017 mendapati pelaksanaan proses pengurusan pengusiran PATI kurang memuaskan disebabkan PATI yang telah diusir tidak disenaraihitamkan dalam sistem myIMMs dan pentadbiran kontrak tidak cekap. Namun pengurusan depot tahanan adalah memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui dan perlu diberi perhatian oleh JIM dan KDN adalah seperti berikut:

   i. perbezaan bilangan pengusiran berjumlah 155,813 PATI antara data dalam sistem myIMMs dan Bahagian Penguatkuasa Ibu Pejabat JIM dan terdapat PATI yang diusir masih belum disenaraihitamkan serta terdapat PATI masih belum ditukar status/diaktifkan ke *Suspect List* dalam sistem myIMMs;

   ii. kontrak perkhidmatan feri dengan syarikat yang sama diperbaharui sebanyak empat kali dari tahun 2007 hingga 2017 dan tiada bukti perlindungan insurans kepada PATI yang menaiki feri diambil bagi tempoh tahun 2007 hingga 2015;

   iii. kontraktor tidak menghantar PATI ke Surabaya seperti Klausa 11 dalam kontrak perkhidmatan feri;

   iv. pengurusan dokumen terkawal di pusat transit pengusiran kurang memuaskan kerana diuruskan oleh kontraktor; dan

   v. kontraktor pembekalan makanan gagal mematuhi syarat ditetapkan di dalam kontrak di mana makanan yang dibekalkan tidak sama dengan menu yang dinyatakan di dalam kontrak dan bilik kuarantin di depot tahanan tidak disediakan/disediakan tetapi tidak terurus.

c. Bagi memastikan pengurusan pengusiran PATI dan depot tahanan dapat dilakukan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektifnya, adalah disyorkan pihak KDN/JIM mempertimbangkan perkara berikut:

i. JIM perlu memastikan semua PATI yang diusir telah disenarai hitam di dalam sistem myIMMs untuk mengelakkan PATI yang telah diusir boleh memasuki semula Malaysia;

ii. KDN hendaklah memastikan pentadbiran kontrak mematuhi arahan yang ditetapkan dan kajian semula terhadap klausa kontrak dilaksana bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin serta MOF pula perlu lebih teliti dalam meluluskan mana-mana perlanjutan kontrak;

iii. proses pengusiran PATI Warganegara Indonesia (WNI) hendaklah diuruskan sepenuhnya oleh pihak JIM sehingga ke pintu keluar negara dan kerjasama dengan pihak Imigresen Indonesia perlu dilakukan untuk mendapatkan pengesahan bilangan PATI WNI yang tiba untuk tujuan pembayaran; dan

iv. JIM perlu memantau dengan lebih teliti terhadap prestasi syarikat bekalan makanan bermasak agar mematuhi syarat kontrak.

[muka surat : 292 - 306]

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Polis DiRaja Malaysia
18. Pengurusan Ekshibit di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik

a. Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) ditubuhkan bagi membanteras gejala pengedaran dan penyalahgunaan dadah. JSJN menguatkuasakan undang-undang berkaitan pengedaran dan penyalahgunaan dadah antaranya melalui Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) [ADB LLPK] 1985, Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) [ADB PH] 1988 (Akta 340) dan Akta Racun 1952. Matlamat utama JSJN adalah untuk mencapai perkhidmatan yang cekap dan cemerlang dalam menangani masalah dadah negara dengan mengumpul, mengkaji, menaksir dan menyebar maklumat serta menyiasat kegiatan pengedar dan sindiket pengedaran dadah. JSJN juga bertanggungjawab membanteras penyeludupan dadah dan bahan kimia untuk memproses dadah di samping melaksanakan program pencegahan penyalahgunaan dadah. Pihak JSJN telah dipertanggungjawab menguruskan barang kes (ekshibit) dalam keadaan selamat, terkawal dan teratur serta mengikut peraturan ditetapkan bagi melancarkan proses perbicaraan kesalahan penyalahgunaan/pengedaran dadah. Antara ekshibit yang disita/dirampas melalui penguatkuasaan akta ini adalah wang tunai dan barangan berharga seperti rantai, gelang emas dan lain-lain; aset alih seperti kenderaan, perabot, perkakasan dan lain-lain; aset tidak alih seperti rumah dan bangunan; serta dadah. Jabatan ini diketuai oleh seorang Pengarah berpangkat Komisioner Polis dan dibantu oleh dua Timbalan Pengarah iaitu Timbalan Pengarah Penguatkuasaan/Pencegahan/Kepolisan Am dan Timbalan Pengarah Perlucuthakan Harta/Perundangan/Tahanan. Bahagian yang terlibat dalam menguruskan ekshibit adalah Bahagian Perlucuthakan Harta (BPH) dan Bahagian Perundangan/Siasatan (BPS).

b. Pengauditan yang dijalankan di JSJN antara bulan Mei 2016 hingga September 2016 adalah memuaskan dari aspek penyelenggaraan rekod, penyimpanan dan pelupusan/perlucuthakan ekshibit di BPH. Bagaimanapun, pengurusan ekshibit di BPS adalah kurang memuaskan. Beberapa perkara perlu diberi perhatian oleh JSJN bagi memantapkan lagi pengurusan ekshibit antaranya seperti berikut:

   i. penyimpanan ekshibit kategori bahan kimia tidak mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Prosedur Kerja Selamat tidak disediakan;

   ii. ekshibit di stor tidak disimpan secara sistematik dan teratur;

   iii. sebanyak 147 ekshibit telah lewat diserahkan oleh JSJN kepada Jabatan Kimia Malaysia dan sebanyak 260 ekshibit telah lewat diserahkan semula oleh Jabatan Kimia Malaysia;

   iv. sebanyak 49 ekshibit berstatus *No Further Action* (NFA) tidak dilupuskan; dan

   v. pemantauan dan pemeriksaan ekshibit yang disimpan di stor tidak dilaksanakan secara berterusan.

c. Bagi mengatasi kelemahan pengurusan ekshibit di JSJN, langkah penambahbaikan perlu diambil dengan segera untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusannya. Sehubungan ini, adalah disyorkan pihak Polis DiRaja Malaysia mengambil tindakan seperti berikut:

   i. memastikan setiap ekshibit disimpan dengan selamat serta direkod dengan lengkap dan kemas kini oleh Pegawai Penyiasat dan pegawai stor. Selain itu, pemeriksaan mengejut juga perlu dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan AP309;

   ii. memastikan ruang penyimpanan ekshibit yang mencukupi dan selamat terutamanya pengendalian ekshibit dadah termasuk bahan kimia yang mudah terbakar dan berbahaya. Dalam hal ini, pengendalian ekshibit perlu mematuhi Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994; dan

   iii. memastikan tindakan pelupusan dan penyelesaian diambil terhadap ekshibit yang telah selesai kes mahkamah.

[muka surat : 307 - 321]

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Polis DiRaja Malaysia

19. Perolehan Helikopter Saiz Sederhana Model AW 139 Untuk Pasukan Gerakan Udara

a. Pasukan Gerakan Udara (PGU) merupakan salah satu pasukan di bawah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri Dan Ketenteraman Awam, Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Antara peranan utama PGU adalah untuk menjalankan operasi

pencegahan jenayah, tinjauan ketenteraman awam dan menyediakan sokongan operasional. Bagi membolehkan pelaksanaan operasi yang lebih efektif, PGU memerlukan helikopter saiz sederhana yang mempunyai kapasiti penumpang yang lebih besar. Dalam RMKe-10 *Rolling Plan* 4, PDRM telah diluluskan perolehan dua helikopter saiz sederhana. Kementerian Kewangan (MOF) telah meluluskan perolehan ini secara rundingan terus kepada Syarikat Galaxy Helicopters (M) Sdn. Berhad (kontraktor) pada bulan April 2015. Nilai kontrak bagi perolehan ini adalah berjumlah EUR33.35 juta dan tempoh kontrak adalah selama tiga tahun iaitu bermula 1 Julai 2015 hingga 30 Jun 2018. Objektif perolehan dua buah helikopter saiz sederhana adalah untuk memperkasakan keupayaan PGU dalam menangani isu keselamatan dan ketenteraman awam berskala besar; meningkatkan respons dan mobiliti Pasukan Khas PDRM secara 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu (24/7) tanpa batasan masa dan geografi di seluruh negara; dan memberi bantuan udara kepada lain-lain agensi Kerajaan.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2016 mendapati perolehan dua helikopter AW 139 adalah memuaskan. Sehingga tarikh pengauditan pada 22 Disember 2016, kedua-dua helikopter yang diterima digunakan untuk tujuan sokongan operasional dan latihan dengan jumlah jam penerbangan bagi helikopter 1 adalah selama 116 jam 30 minit dan jumlah jam penerbangan bagi helikopter 2 adalah selama 76 jam 55 minit. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam perolehan helikopter AW 139 antaranya adalah seperti berikut:

    i. harga kontrak yang dinyatakan dalam Klausa 5 berjumlah EUR33.35 juta adalah berbeza sejumlah EUR0.88 juta berbanding dengan perincian harga kontrak yang berjumlah EUR32.47 juta; dan

    ii. Sijil *Final Acceptance Test* (FAT) telah dikeluarkan walaupun terdapat spesifikasi kontrak masih belum dipatuhi sepenuhnya.

c. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pengurusan perolehan pesawat terbang, adalah disyorkan supaya KDN/PGU memberi pertimbangan kepada perkara berikut:

    i. KDN perlu memastikan harga kontrak yang dinyatakan adalah bertepatan dengan *appendix* yang disertakan dalam kontrak; dan

    ii. KDN perlu mengkaji perkara di bawah Klausa 10 - *Inspection and Acceptance of the Helicopter and Equipment* untuk memperincikan terma tertentu bagi membenarkan Sijil *Final Acceptance Test* dikeluarkan walaupun spesifikasi kontrak masih belum dipatuhi sepenuhnya. Selain itu, KDN dan PGU hendaklah memantau dengan rapi dan memastikan kontraktor memenuhi semua spesifikasi kontrak yang belum dipatuhi di peringkat FAT supaya helikopter saiz sederhana

(AW 139) dilengkapi dengan spesifikasi yang ditetapkan. Sekiranya kontraktor tidak mematuhi spesifikasi dalam kontrak ini, tindakan seperti menahan bayaran kemajuan akhir atau merampas bon pelaksanaan hendaklah diambil.

[muka surat : 322 - 331]

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

20. Pengurusan Projek Pembaikan Struktur Bangunan dan Lain-lain Kemudahan Sekolah di Negeri Sabah

a. Projek pembaikan struktur bangunan dan lain-lain kemudahan sekolah di Negeri Sabah merupakan projek Fasa 2 bagi kerja-kerja pembaikan struktur bangunan sekolah. Ianya merupakan penyambungan kepada projek Fasa 1 yang melibatkan penstabilan sementara struktur bangunan (jangka masa pendek) yang mana telah selesai dilaksanakan pada tahun 2013. Objektif pembaikan struktur bangunan ini adalah untuk memastikan semua struktur bangunan berada dalam keadaan yang selamat untuk diduduki. Pelaksanaan projek Fasa 2 ini dibuat secara reka dan bina kerana skop projek memerlukan kepakaran khusus dan tidak terdapat reka bentuk atau lukisan piawai.

b. Pengauditan yang dijalankan di tiga sekolah antara bulan Julai hingga Oktober 2016 mendapati secara umumnya pengurusan projek pembaikan struktur bangunan dan lain-lain kemudahan sekolah di negeri Sabah adalah memuaskan di mana struktur bangunan berada dalam keadaan yang selamat untuk diduduki. Pelantikan kontraktor telah dibuat secara tender terbuka melalui proses pra-kelayakan. Kerja juga telah dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan pentadbiran kontrak telah diuruskan dengan baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan telah dikenal pasti yang menjejaskan kecekapan pelaksanaan projek seperti berikut:

   i. kerja-kerja pembaikan tidak mengikut spesifikasi dan kurang berkualiti; dan

   ii. komunikasi dan koordinasi yang kurang berkesan antara Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) dan Kementerian menyebabkan surau yang telah dibaiki dengan kos bernilai RM135,735 telah dirobohkan ketika masih dalam tempoh tanggungan kecacatan dan dibina surau baru yang bernilai RM469,960.

c. Bagi membaiki kelemahan yang dibangkitkan dan seterusnya meningkatkan mutu pengurusan projek pembaikan struktur bangunan dan lain-lain kemudahan sekolah, pihak terlibat perlu mempertimbangkan perkara berikut:

   i. Kementerian perlu memastikan semua kerosakan dan kecacatan pembinaan dibaiki segera oleh pihak kontraktor sebelum berakhirnya tempoh tanggungan kecacatan. Sekiranya gagal, pihak kontraktor hendaklah dikenakan denda melalui potongan bon pelaksanaan;

ii. Kementerian perlu memastikan penyeliaan dan pemantauan di tapak projek dilakukan secara berterusan dan berkesan supaya kecacatan/kerosakan yang ketara akibat daripada kerja yang tidak sempurna/tidak berkualiti dapat dielakkan bagi projek akan datang; dan

iii. ICU, JPM hendaklah merujuk kepada Kementerian sebelum meluluskan sebarang projek kepada sekolah bagi mengelakkan pertindihan pelaksanaan projek yang merugikan Kerajaan. Koordinasi yang berkesan antara ICU, JPM dan Kementerian perlu diwujudkan.

[muka surat : 332 - 347]

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

21. Pengurusan Projek Pembinaan Sekolah Menengah Vokasional Tanjung Piai, Pontian, Johor

a. Projek pembinaan Sekolah Menengah Vokasional (SMV) Tanjung Piai, Kementerian Pendidikan (Kementerian) telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Pembinaan ini adalah untuk memenuhi keperluan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian dalam mengarusperdanakan aliran vokasional dan kemahiran. Objektif utamanya adalah untuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan dalam jurusan kejuruteraan umum. Sebanyak tiga kursus bakal ditawarkan iaitu Kursus Teknologi Kimpalan, Pemesinan Industri dan Teknologi Automotif. Projek ini dilaksanakan atas tanah seluas 30 ekar di Kampung Sungai Buntu, Penerok, Pontian, Johor. Skop projek terdiri daripada pembinaan 16 bilik darjah, empat bengkel, dua makmal, satu kantin, satu pejabat, satu kediaman pengetua, satu surau dan dua blok asrama. Kementerian Kewangan (MOF) telah meluluskan perolehan secara tender terhad bagi projek ini. Kontrak ditawarkan kepada Syarikat Struktur Serumpun Sdn. Bhd. dengan kos bernilai RM54.08 juta dan perlu disiapkan dalam tempoh 24 bulan dari tarikh pemilikan tapak pada 30 Mac 2012. Pemilik projek ialah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional manakala Bahagian Pembangunan Pelajaran adalah agensi pelaksana dan Pegawai Penguasa. Berdasarkan kaedah pelaksanaan projek secara konvensional, Kementerian telah melantik perunding penyeliaan bagi reka bentuk; sivil dan struktur; mekanikal dan elektrik serta ukur bahan dengan kos berjumlah RM6.69 juta untuk memantau kerja-kerja pembinaan projek.

b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2016 mendapati pengurusan projek ini adalah kurang memuaskan di mana objektifnya untuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan dalam jurusan kejuruteraan umum belum tercapai. Beberapa kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

i. pembinaan SMV ini masih belum disiapkan walaupun telah diluluskan sebanyak empat kali lanjutan masa;

ii. sebanyak dua daripada 17 skop asal projek dilaksanakan tidak mengikut rumusan Makmal Pengurusan Nilai;

iii. proses pelantikan perunding dan kontraktor tidak dapat disahkan kerana dokumen berkaitan tidak dikemukakan;

iv. kontrak perjanjian lewat ditandatangani;

v. reka bentuk pembinaan yang kurang sesuai;

vi. kualiti kerja pembinaan kurang memuaskan;

vii. kerja-kerja elektrik tidak mengikut spesifikasi teknikal elektrik seperti yang dinyatakan dalam dokumen kontrak;

viii. kelewatan dalam penentuan peralatan/mesin dan beban elektrik yang diperlukan di bengkel;

ix. ukuran reka bentuk perabot tidak sesuai dan perabot bina dalam dibekalkan tidak mengikut spesifikasi dalam *Bill of Quantities* dan Lukisan Meja Tender; dan

x. bayaran terus kepada sub kontraktor melebihi 90% daripada nilai kerja.

c. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan, pertimbangan terhadap perkara berikut perlu diberikan:

i. Kementerian hendaklah memastikan pihak Tenaga Nasional Berhad membekalkan elektrik bagi blok bengkel dengan segera supaya projek dapat disiapkan sepenuhnya dan digunakan;

ii. laporan polis hendaklah dibuat jika fail atau dokumen penting didapati hilang dan Kementerian hendaklah memastikan dokumen dikawal serta disimpan dengan selamat;

iii. Kementerian hendaklah memastikan pengurusan kontrak perjanjian dipertingkatkan di mana kontrak ditandatangani dalam tempoh empat bulan selepas surat setuju terima ditandatangani sepertimana ditetapkan dalam peraturan. Peringatan dan teguran hendaklah dikeluarkan kepada perunding dan kontraktor yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan;

iv. Kementerian dan perunding hendaklah memantau kerja kontraktor dengan rapi. Sebarang kecacatan dan kerosakan hendaklah dibaiki oleh kontraktor sebaik sahaja dikenal pasti dan tidak tertakluk kepada pelaksanaan pembaikan dalam tempoh tanggungan kecacatan sahaja;

v. perunding hendaklah memastikan pelarasan harga dibuat dengan tepat bagi perabot yang tidak mengikut kuantiti dan spesifikasi yang ditetapkan supaya kepentingan Kerajaan terjamin;

vi. Kementerian hendaklah mengambil tindakan punitif ke atas pegawai yang bertanggungjawab menyebabkan berlakunya kelewatan dalam penyiapan projek;

vii. Kementerian hendaklah memantau dengan rapi bayaran terus kepada sub kontraktor agar tidak melebihi 90% daripada nilai kerja selaras dengan peraturan yang ditetapkan; dan

viii. Kementerian hendaklah memastikan perunding yang dilantik adalah yang layak dan berpengalaman bagi mengelakkan berlaku kelemahan reka bentuk pembinaan dan perabot, kelewatan penentuan beban elektrik bengkel serta ketidaksempurnaan kualiti kerja pembinaan.

[muka surat : 348 - 370]

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

22. Projek Pembinaan Sekolah Seni Malaysia, Kuching, Sarawak

a. Penubuhan Sekolah Seni Malaysia merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan pendidikan kesenian dengan melahirkan murid berkemahiran dan berbakat tinggi dalam bidang kesenian. Pembinaan Sekolah Seni Malaysia Kuching, Sarawak (SSeM Kuching) adalah untuk menyokong keperluan pelajar aliran seni di Sarawak dan Sabah. Keseluruhan kos projek pembinaan SSeM Kuching berjumlah RM81.30 juta. Projek dibahagikan kepada dua fasa. Fasa 1 yang melibatkan kerja tanah berjumlah RM16.30 juta diluluskan melalui pembiayaan *Private Finance Initiative* (PFI) yang ditawarkan kepada Gcorp Engineering Sdn. Bhd. Kerja-kerja tanah telah siap dilaksanakan pada 22 September 2009. Fasa Kedua melibatkan kerja bangunan dengan kos berjumlah RM65 juta telah diserahkan kepada PN Construction Sdn. Bhd. (PN Cons) melalui kaedah tender terhad secara konvensional.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2016 hingga Januari 2017 mendapati SSeM Kuching telah siap dan mula beroperasi pada bulan Julai 2016. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang telah dikenal pasti seperti kerosakan tidak dibaiki dalam tempoh tanggungan kecacatan dan kualiti pembinaan tidak sempurna; lukisan siap bina belum dikemukakan dan peralatan yang diterima belum didaftarkan.

c. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam projek pembinaan yang lain, adalah disyorkan supaya pihak terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

   i. Kementerian memastikan klausa dan spesifikasi dalam kontrak dipatuhi sepenuhnya oleh perunding/kontraktor bagi memastikan kerja yang dilaksanakan adalah berkualiti. Tindakan tegas hendaklah diambil terhadap pihak yang gagal mematuhi klausa dalam spesifikasi kontrak;

   ii. Kementerian memastikan semua peralatan disemak, diuji dan diperiksa oleh perunding, kontraktor dan pihak sekolah semasa proses penyerahan projek. Senarai peralatan yang dibekalkan perlu disediakan bagi memudahkan pihak sekolah mengenal pasti peralatan yang diterima dan memastikan ia menepati

spesifikasi yang ditetapkan serta dalam keadaan baik, sempurna dan selamat digunakan. Ia juga bagi memudahkan pihak sekolah menyediakan rekod peralatan sepertimana yang ditetapkan dalam peraturan yang berkuat kuasa; dan

iii. perunding/Bahagian Pembangunan, Kementerian perlu meningkatkan penyeliaan/pemantauan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi mengelakkan berlakunya kerosakan/kecacatan yang ketara akibat daripada kerja yang tidak dibuat dengan sempurna dan tidak sesuai/berkualiti. Selain itu, Kementerian perlu membuat aduan sewajarnya terhadap kelemahan pihak perunding kepada Kementerian Kewangan.

[muka surat : 371 - 390]

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

23. Pengurusan Program Pembiayaan MyBrain15

a. Program Pembiayaan MyBrain15 (MyBrain15) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) merupakan program pembiayaan yuran pengajian, pemberian elaun sara hidup dan bantuan elaun tesis bagi pengajian di peringkat pascaijazah secara sepenuh masa di dalam negara. Program-program yang dilaksanakan menerusi MyBrain15 adalah MyPhD, MyMaster dan MyPhD Industri. Pelaksanaan program ini menjadi salah satu usaha Kerajaan untuk meningkatkan jumlah kumpulan tenaga kerja profesional tempatan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi khususnya mempunyai kelayakan akademik di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD). Objektif pelaksanaan MyBrain15 adalah sebagai salah satu usaha untuk mencapai sasaran 60,000 pemegang PhD yang ditetapkan oleh Kerajaan menjelang tahun 2023; meningkatkan jumlah kumpulan tenaga kerja profesional tempatan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi berteraskan inovasi dan kreativiti yang mampu menjana pertumbuhan sektor ekonomi dan industri tempatan; dan mewujudkan kumpulan individu berkemahiran dan berpengetahuan tinggi dalam pelbagai bidang yang mampu menjadi pemangkin kepada cara bekerja yang lebih produktif dan gaya hidup berteraskan pengetahuan. MyBrain15 mula dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan diteruskan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Setakat bulan Disember 2016, seramai 56,605 pelajar telah/sedang ditaja di bawah MyBrain15 dengan perbelanjaan yang dilibatkan berjumlah RM887.81 juta. Komponen pembiayaan MyBrain15 merangkumi bantuan yuran pengajian, elaun tesis, elaun penerbitan jurnal dan pemberian Elaun Sara Hidup (ESH) khusus untuk pelajar ijazah kedoktoran yang tidak bekerja/tidak berpendapatan tetap yang dibayar secara bulanan. Kadar maksimum pembiayaan yang ditetapkan bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah sebanyak RM122,600 bagi MyPhD, RM50,000 bagi MyPhD Industri dan RM10,000 bagi MyMaster. Bermula tahun 2016, kadar pembiayaan maksimum MyPhD telah diturunkan kepada RM88,800 manakala pembiayaan MyPhD Industri tidak lagi ditawarkan oleh KPT.

b. Pengauditan yang dijalankan terhadap 600 sampel fail, rekod dan dokumen pelajar tajaan MyBrain15 di Bahagian Biasiswa, KPT antara bulan Disember 2016 hingga bulan Mac 2017 mendapati KPT telah mencapai sasaran bilangan penawaran yang ditetapkan bagi tahun 2011 hingga 2015 di bawah RMKe-10. Bagaimanapun secara keseluruhannya pelaksanaan program MyBrain15 adalah kurang memuaskan kerana kurang kecekapan dalam pelaksanaan program dan pentadbiran perjanjian. Antara kelemahan yang ditemui dan perlu diberikan perhatian adalah seperti yang berikut:

   i. sebanyak 5,527 permohonan MyBrain15 tidak diluluskan dengan teratur kerana minit mesyuarat kelulusan Jawatankuasa Biasiswa Program MyBrain15 (JKBPM15) yang berkaitan tidak disahkan dengan tandatangan KSU sebagai Pengerusi;

   ii. tiada perakuan/pengesahan secara bertulis oleh pegawai bertanggungjawab di peringkat Unit MyBrain15/Bahagian Biasiswa terhadap senarai nama yang disediakan sebelum ia dibawa untuk kelulusan JKBPM15;

   iii. penurunan kuasa menandatangani perjanjian MyBrain15 tidak dikemas kini selaras dengan keperluan Akta Kontrak Kerajaan 1949;

   iv. Borang Perjanjian yang dimatikan dengan setem hasil serta syarat penjamin tidak ditetapkan bagi pembiayaan Program MyPhD Industri;

   v. tempoh yang terlalu lama sehingga melebihi 8 bulan untuk mengemas kini maklumat bayaran ke dalam lejar pelajar;

   vi. maklumat transaksi bayaran yuran pengajian dan Elaun Sara Hidup (ESH) tidak dikemas kini dalam lejar pelajar; dan

   vii. pengurusan tuntutan ganti rugi/bayaran balik yang tidak memuaskan.

c. Bagi memastikan pengurusan Program Pembiayaan MyBrain15 diuruskan dengan cekap dan berhemat serta Kerajaan mendapat *best value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dilakukan, adalah disyorkan pihak KPT mempertimbangkan perkara berikut:

   i. memastikan proses kelulusan permohonan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Biasiswa Program MyBrain15 adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan;

   ii. memastikan pengurusan bayaran pembiayaan dilaksanakan selaras dengan proses kerja dan peraturan kewangan yang ditetapkan;

   iii. memastikan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap syarat perjanjian dijalankan bagi menjamin kepentingan Kerajaan; dan

   iv. memastikan proses tuntutan ganti rugi/bayaran balik bagi pelajar yang ditamatkan dengan ganti rugi dilaksanakan selaras dengan syarat perjanjian yang ditetapkan.

[muka surat : 391 - 414]

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6, Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Kementerian/Jabatan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cara yang teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut, 23 aktiviti di 17 Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan telah dipilih untuk dilaporkan bagi Siri 1. Hasil daripada pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Kementerian/Jabatan yang terlibat sebaik sahaja pengauditannya selesai dijalankan dan 23 aktiviti tersebut dilaporkan secara terperinci termasuk syor-syor Audit bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan.

JABATAN PERDANA MENTERI

2. UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
- **PENGURUSAN PROGRAM DANA MIKRO *PUBLIC PRIVATE PARTNERSHIP* (PPP)**

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Selaras dengan inisiatif *National Blue Ocean Strategy* (NBOS), Kerajaan telah memperkenalkan Program Dana Mikro PPP dalam mesyuarat *National Strategy Execution Summit* (NSES) pada 20 Jun 2012. Program Mikro PPP ini terbahagi kepada empat komponen iaitu Dana Mikro PPP, Mikro PPP Homestay Rumah Panjang di Sabah & Sarawak, Sosial PPP dan Infrastruktur Berskala Kecil di Sarawak. Objektif Program Dana Mikro PPP ini ialah untuk membantu peniaga dan penjaja kecil bagi pembangunan perniagaan. Selain dapat membantu meningkatkan imej perniagaan, program ini juga dapat meningkatkan pendapatan isi rumah miskin dan seterusnya menyokong hasrat Kerajaan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi.

2.1.2. Sejak mula dilaksanakan pada tahun 2012, Kerajaan telah memperuntukkan dana sejumlah RM300 juta kepada Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM) dan penyaluran dana tersebut dikendalikan oleh UKAS, JPM

kepada agensi pelaksana iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) serta Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF).

2.1.3. Dana Mikro PPP yang telah disalurkan kepada agensi pelaksana adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.1
DANA YANG DITERIMA OLEH
AGENSI PELAKSANA SEHINGGA 31 DISEMBER 2016

AGENSI PELAKSANA	JUMLAH (RM Juta)
KPDNKK (Bank Rakyat serta Koperasi Simpanan dan Kredit Bersatu Malaysia Berhad)	60.6
KKLW / Majlis Amanah Rakyat (MARA)	50.0
MINDEF / Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)	38.5
MOA / Tabung Ekonomi Keusahawan Nasional (TEKUN)	15.0
MOA / Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	3.0
MOA / Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	2.5
JUMLAH	**169.6**

Sumber: UKAS

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai pengurusan Program Dana Mikro PPP diurus dengan cekap, berkesan dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan Program Dana Mikro PPP yang dilaksanakan oleh TEKUN, PERHEBAT dan KPDNKK bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016. Pengauditan ini telah dijalankan di UKAS, TEKUN, PERHEBAT dan KPDNKK (melalui Bank Rakyat). Butiran sampel Audit adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.2
SAMPEL PREMIS DAN PEMINJAM YANG DIPILIH

NEGERI	JUMLAH KESELURUHAN PEMINJAM	SAMPEL PEMINJAM YANG DIPILIH UNTUK DIAUDIT	JUMLAH PREMIS PEMINJAM YANG DILAWATI
Selangor	818	276	33
Sabah	166	67	34
Kedah	92	48	47
Pahang	76	40	39
Perak	75	35	35
JUMLAH	**1,227**	**466**	**188**

Sumber: TEKUN dan Bank Rakyat

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, fail, minit mesyuarat dan dokumen Program Dana Mikro PPP di Jabatan/Pejabat yang terlibat. Selain itu, lawatan ke premis perniagaan dan temu bual dengan pegawai serta peminjam juga dijalankan. Analisis data berkaitan pinjaman juga telah dilaksanakan bagi tujuan melihat trend dan tahap pencapaian.

2.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan antara bulan November 2015 hingga Disember 2016 mendapati pengurusan Program Dana Mikro PPP adalah memuaskan daripada aspek justifikasi program yang hendak dilaksanakan serta proses kelulusan penyaluran dana dari UKAS ke agensi yang terlibat. Bagaimanapun, beberapa kelemahan yang diperhatikan daripada segi pelaksanaan dan pemantuan program adalah seperti berikut:

i. sasaran bilangan peserta Program Dana Mikro PPP iaitu bagi Program *Second Chance* dan Program Pinjaman Kepada Pelajar Tercicir oleh TEKUN tidak mencapai sasaran yang ditetapkan di mana pencapaian sebenar adalah kurang dari 50%;

ii. penilaian *Outcome* bagi Program Dana Mikro PPP tidak dijalankan bagi mengukur keberkesanan program;

iii. baki dana pinjaman tidak dipulangkan kepada PERHEBAT sejumlah RM402,000;

iv. kelulusan permohonan pinjaman tidak mengikut syarat yang telah ditetapkan di mana 38% peminjam mempunyai pendapatan isirumah melebihi RM3,000 dan tiada bukti permohonan pinjaman dibuat oleh 6.5% peminjam yang memperolehi pinjaman bernilai RM0.26 juta kerana maklumat permohonan tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit untuk semakan;

v. garis Panduan Program Dana Mikro PPP tidak dipatuhi seperti kadar caj pentadbiran berbeza dengan kadar yang telah diluluskan, bayaran tambahan yang dikenakan kepada peminjam dan 193 peminjam telah membuat pinjaman berulang (overlap);

vi. *Notice of Demand* (NOD) telah dikeluarkan kepada 5,679 (27.8%) daripada 20,425 peminjam di bawah TEKUN, PERHEBAT dan Bank Rakyat kerana gagal membayar balik pinjaman mengikut tempoh yang sepatutnya. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, peratus kutipan balik pinjaman semakin menurun antara 20.7% hingga 40.1%; dan

vii. pemantauan oleh UKAS terhadap pelaksanaan Program Dana Mikro PPP tidak dibuat secara tetap dan berkala menyebabkan pelaksanaan program ini menjadi tidak teratur. Namun, terdapat penambahbaikan terhadap aspek pemantauan oleh UKAS sejak pengauditan mula dijalankan seperti kekerapan mesyuarat antara agensi pelaksana untuk menilai prestasi pelaksanaan program ini.

Perkara yang ditemui dan maklum balas UKAS telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 19 April 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

2.5.1. Prestasi Program

2.5.1.1. Bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, agensi pelaksana seperti TEKUN, PERHEBAT dan KPDNKK hendaklah mengemukakan kertas cadangan pelaksanaan program berserta sasaran bilangan peminjam kepada UKAS.

a. TEKUN telah mencadangkan empat program yang melibatkan bekas penghuni pusat serenti dan banduan, golongan pelajar tercicir, usahawan yang mengalami kegagalan dalam perniagaan serta program kerjasama strategik dengan Syarikat Mostwell Sdn. Bhd. dan Syarikat Rusja Fashion. PERHEBAT pula mengemukakan cadangan Skim Pembiayaan Mikro Usahawan Veteran ATM (SPM-UV-ATM) dan KPDNKK (melalui Bank Rakyat) dengan cadangan Skim Pembiayaan Mikro Penjaja Dan Peniaga Kecil (MPPK). Memandangkan PERHEBAT adalah bukan agensi pembiayaan, maka TEKUN telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan proses pinjaman bagi PERHEBAT dari segi pengesahan dan kelulusan permohonan pinjaman.

b. Sehingga 31 Disember 2016, semakan Audit mendapati empat daripada enam program yang dilaksanakan oleh TEKUN, PERHEBAT dan Bank Rakyat telah mencapai sasaran melebihi 50% kecuali bagi program yang dilaksanakan oleh TEKUN iaitu Program *Second Chance* sebanyak 34.7% dan Program Pinjaman Kepada Kumpulan Pelajar Tercicir hanya mencapai 25%. Butiran terperinci adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.3
SASARAN DAN BILANGAN SEBENAR PEMINJAM
MENGIKUT PROGRAM DAN AGENSI SEHINGGA 31 DISEMBER 2016

AGENSI PELAKSANA	PROGRAM	KUMPULAN SASARAN	BILANGAN SASARAN PEMINJAM (Orang)	BILANGAN SEBENAR PEMINJAM (Orang)	PERATUS (%)
TEKUN	Program *Second Chance*	i. Bekas penghuni pusat serenti dan banduan; ii. Usahawan yang mengalami kegagalan dan kemerosotan dalam perniagaan; dan iii. Orang Kelainan Upaya (OKU).	800	278	34.7
	Program Pinjaman Kepada Kumpulan Pelajar Tercicir	Warga muda berumur 18 hingga 25 tahun yang tercicir dalam akademik.	200	50	25.0
	Program *Groom Big* Usahawan TEKUN	Usahawan yang berjaya serta berpotensi untuk mengembangkan lagi aktiviti keusahawanan yang diceburinya.	100	73	73.0

AGENSI PELAKSANA	PROGRAM	KUMPULAN SASARAN	BILANGAN SASARAN PEMINJAM (Orang)	BILANGAN SEBENAR PEMINJAM (Orang)	PERATUS (%)
	Program Mempertingkatkan Pendapatan Rakyat Dengan Kerjasama Syarikat Rakan Strategik	Golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk mencebur diri dalam usaha niaga yang berpotensi dan mampu menjana pendapatan tambahan.	200	227	113.5
PERHEBAT	Skim Pembiayaan Mikro Usahawan Veteran ATM (SPM-UV-ATM)	Bekas tentera sama ada berpencen atau tidak pencen.	1,910	1,644	86.1
KPDNKK (melalui Bank Rakyat)	Skim Pembiayaan Mikro Penjaja dan Peniaga Kecil (MPPK)	Penjaja dan Peniaga Kecil.	6,000	18,153	302.6

Sumber: UKAS

c. Program *Second Chance* tidak dapat mencapai sasaran yang ditetapkan adalah kerana promosi tidak dibuat secara terancang oleh TEKUN dengan AADK dan Jabatan Penjara Malaysia. Jabatan Penjara Malaysia pula tidak mengetahui mengenai pelaksanaan program ini. Disamping itu, pihak TEKUN memaklumkan bilangan pelatih AADK yang berminat semakin berkurangan dan majoriti banduan di penjara terdiri daripada warga asing.

d. Bagi Program Pinjaman Kepada Kumpulan Pelajar Tercicir, sasaran yang ditetapkan tidak dapat dicapai disebabkan kerjasama dengan Pemuafakatan Badan Ilmiah Nasional (PEMBINA) telah dihentikan sejak 19 November 2014. Untuk memastikan sasaran ini dapat dicapai, TEKUN telah memperluaskan lagi kumpulan sasar kepada pelajar daripada Giat Mara dan kolej-kolej teknikal yang lain dengan kelulusan UKAS.

Maklum Balas TEKUN yang Diterima Pada 28 April 2017

Bagi membolehkan manfaat daripada dana ini dinikmati oleh rakyat, TEKUN telah menggantikan kolaborasi dengan PEMBINA kepada GIATMARA dan Kolej Teknikal. Bagi Program Second Chance, TEKUN akan mempertingkatkan usaha bagi membantu golongan sasar orang asli, OKU, usahawan yang telah ditimpa musibah dan golongan asnaf.

2.5.2. Prestasi Kewangan Program

2.5.2.1. Peruntukan dan Perbelanjaan Program Dana Mikro PPP

a. Dana Mikro PPP ini akan diagihkan kepada agensi pelaksana berdasarkan kelulusan kertas cadangan pelaksanaan program masing-masing. Kelulusan ini tertakluk kepada Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS) Khas Mikro PPP. Dana yang telah diluluskan akan digunakan sebagai bantuan

pinjaman kepada peniaga dan penjaja kecil. Sehingga 31 Disember 2016, sejumlah RM103.5 juta telah disalurkan oleh UKAS kepada agensi pelaksana. KPDNKK juga telah menerima peruntukan tambahan daripada Kementerian Kewangan (MOF) sejumlah RM55 juta pada tahun 2013. Sejumlah RM136.18 juta (85.9%) telah dibelanjakan bagi tempoh tahun 2013 hingga 31 Disember 2016. Butiran terperinci adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.4
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM
DANA MIKRO PPP BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2016

AGENSI PELAKSANA	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
TEKUN	15.00	7.64	7.36	50.9
PERHEBAT	38.50	34.12	4.38	88.6
KPDNKK (Bank Rakyat)	*105.00	94.42	10.58	89.9
JUMLAH	**158.50**	**136.18**	**22.32**	**85.9**

Sumber: TEKUN, KPDNKK dan PERHEBAT
Nota: (*) - Sejumlah RM55 juta Diterima Daripada MOF

b. Berdasarkan **Jadual 2.4**, perbelanjaan bagi program di bawah TEKUN, PERHEBAT dan KPDNKK (melalui Bank Rakyat) telah melebihi 50% dimana TEKUN telah membuat perbelanjaan sebanyak RM7.64 juta (50.9%), PERHEBAT sebanyak RM34.12 juta (88.6%) dan KPDNKK (melalui Bank Rakyat) sebanyak RM94.42 juta (89.9%).

c. Pelaksanaan program oleh TEKUN mendapati perbelanjaan bagi dua program tidak melebihi 50% iaitu Program *Second Chance* sebanyak RM3.43 juta (42.9%) dan Program Pinjaman Kepada Kumpulan Pelajar Tercicir sebanyak RM258,985 (12.9%). Perbelanjaan bagi dua program ini tidak memuaskan kerana hanya 328 (32.8%) peminjam yang terlibat dalam program tersebut daripada 1,000 sasaran yang ditetapkan.

2.5.2.2. Baki Dana Pinjaman Tidak Dipulangkan Kepada PERHEBAT

a. Setiap permohonan pinjaman oleh usahawan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) perlu mendapatkan sokongan dan pengesahan daripada PERHEBAT. Borang permohonan yang lengkap perlu dikepilkan dengan salinan Buku Perkhidmatan dan dihantar kepada TEKUN untuk semakan, penilaian dan kelulusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk (JKI). Jawatankuasa ini dianggotai oleh TEKUN dan juga wakil dari PERHEBAT. Apabila permohonan ini diluluskan, TEKUN akan memohon kelulusan pengeluaran dana termasuk caj pengurusan daripada PERHEBAT berdasarkan jumlah permohonan yang telah diluluskan untuk disalurkan kepada pemohon yang berjaya. Sekiranya pemohon tersebut menolak

tawaran pinjaman ini, TEKUN perlu memulangkan semula wang pembiayaan tersebut kepada PERHEBAT.

b. Surat PERHEBAT kepada TEKUN bertarikh 31 Oktober 2016, menyatakan sebanyak 26 pemohon yang diluluskan dengan nilai pinjaman sebanyak RM0.4 juta telah menolak tawaran pinjaman ini. Semakan Audit mendapati, tawaran tersebut ditolak kerana pemohon tidak lagi menjalankan perniagaan, pemohon melebihi had umur, rayuan pertukaran nilai pinjaman, pemohon tidak dapat dihubungi untuk pengesahan menerima tawaran dan mendapat pinjaman dari institusi kewangan yang lain. Semakan selanjutnya mendapati TEKUN belum memulangkan nilai pinjaman tersebut kepada PERHEBAT.

Maklum Balas UKAS yang Diterima Pada 28 April 2017

TEKUN telah membuat pembayaran semula kepada PERHEBAT pada 21 April 2017.

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian sasaran sebenar bilangan peserta dan kewangan bagi pelaksanaan program di bawah PERHEBAT dan KPDNKK (melalui Bank Rakyat) adalah memuaskan kecuali bagi dua daripada empat program yang dilaksanakan oleh TEKUN iaitu Program *Second Chance* dan Program Pinjaman Kepada Kumpulan Pelajar Tercicir.

2.5.3. Penilaian *Outcome* Program Dana Mikro PPP

2.5.3.1. Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2012 mengenai Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan menetapkan Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan membuat penilaian *outcome* dan impak terhadap sesuatu program yang dilaksanakan. Semakan Audit mendapati UKAS mahupun agensi pelaksana tidak ada membuat perancangan untuk menjalankan penilaian *outcome*. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada satu rangka kerja jelas dari segi peranan dan data atau maklumat yang perlu dikumpul untuk melaksanakan penilaian *outcome*. Sehubungan itu, UKAS tidak dapat mengukur pencapaian objektif program yang telah ditetapkan. Sungguhpun UKAS tidak mensyaratkan dalam garis panduan tentang pelaksanaan penilaian *outcome* bagi program di bawah agensi pelaksana, namun perkara ini ada dibangkitkan di dalam Mesyuarat Penyelarasan Program Mikro PPP di bawah NBOS pada tahun 2016.

2.5.3.2. Lawatan Audit pada bulan November 2015 dan September 2016 terhadap 188 buah premis perniagaan mendapati 107 (56.9%) masih menjalankan perniagaan, 51 (27.1%) tidak lagi menjalankan perniagaan dan 30 (15.9%) tiada maklumat mengenai status perniagaan peminjam. Ini disebabkan semasa lawatan Audit dibuat, lokasi perniagaan peminjam tidak

dapat dikesan, peminjam tiada di rumah ataupun sudah berpindah ke tempat lain. Hasil temubual pihak Audit dengan peminjam mendapati antara sebab peminjam tidak menjalankan perniagaan adalah kerana perniagaan kurang mendapat sambutan, faktor kesihatan peminjam, bencana alam, berpindah ke tempat lain dan jumlah pinjaman yang diterima adalah kurang daripada yang dipohon untuk modal perniagaan. Butirannya adalah seperti berikut:

JADUAL 2.5
KEDUDUKAN PERNIAGAAN PEMINJAM

AGENSI	NEGERI	SAMPEL PEMINJAM YANG DIPILIH UNTUK DIAUDIT	PREMIS YANG DILAWATI	KEKAL BERNIAGA	GAGAL	TIADA MAKLUMAT
TEKUN	Selangor	90	11	8	3	-
	Kedah	48	47	35	9	3
	Pahang	40	39	19	9	11
	Perak	35	35	18	12	5
KPDNKK (melalui Bank Rakyat)	Selangor	186	22	14	1	7
	Sabah	67	34	13	17	4
JUMLAH		**466**	**188**	**107**	**51**	**30**

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.5.3.3. **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2** menunjukkan peminjam yang masih lagi menjalankan operasi perniagaan. Manakala **Gambar 2.3** dan **Gambar 2.4** menujukkan perniagaan yang tidak lagi menjalankan operasi.

GAMBAR 2.1



Alor Setar, Kedah
- Usahawan yang Menjalankan Perniagaan Membaiki Kereta
Nilai Pinjaman – RM10,000
(15.11.2015)

GAMBAR 2.2



Pokok Sena, Kedah
- Usahawan yang Menjalankan Projek Menanam dan Menjual Pisang
Nilai Pinjaman – RM15,000
(17.11.2015)

GAMBAR 2.3



Kuala Kedah, Kedah
- Bengkel Kereta yang Tidak Lagi Beroperasi
Nilai Pinjaman – RM10,000
(15.11.2015)

GAMBAR 2.4



Merbok, Kedah
- Kedai Mencuci Kereta yang Tidak Lagi Beroperasi
Nilai Pinjaman – RM8,000
(18.11.2015)

Maklum Balas UKAS yang Diterima Pada 28 April 2017

UKAS telah mengeluarkan surat pada 6 Mac 2017 kepada semua agensi pelaksana untuk melaksanakan penilaian outcome dan membentangkan pencapaian program masing-masing di Mesyuarat Penyelarasan Mikro PPP mengikut Takwim Mesyuarat dan giliran pembentangan yang telah dikemukakan kepada agensi pelaksana. Pembentangan penilaian outcome program akan dilaksanakan oleh agensi pelaksana mulai bulan Jun 2017 hingga Disember 2017.

Pada pendapat Audit, tanpa penilaian *outcome*, keberkesanan prestasi program selaras dengan objektif yang ditetapkan tidak dapat diukur serta memberi nilai tambah kepada golongan sasar. Selain itu, tindakan penambahbaikan terhadap kelemahan yang dikenalpasti tidak dapat diambil. Bagaimanapun, berdasarkan lawatan Audit terhadap premis mendapati prestasi perniagaan peminjam masih di tahap memuaskan.

2.5.4. Kriteria dan Syarat Kelayakan Pinjaman

Garis Panduan Program Mikro PPP yang dikeluarkan UKAS menyatakan peminjam mesti memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan antaranya pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000, tidak pernah mendapat pembiayaan Dana Mikro PPP dari agensi lain dan had maksimum pinjaman adalah RM50,000. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

2.5.4.1. Peminjam Mempunyai Pendapatan Isi Rumah Melebihi RM3,000

Semakan Audit mendapati 76 (38%) daripada 200 peminjam mempunyai pendapatan isi rumah melebihi RM3,000 iaitu di antara RM3,139 sehingga RM25,000 di mana tiga daripada 51 (5.9%) melalui TEKUN dan 73 daripada 149 (49%) melalui PERHEBAT. Pemberian kepada mereka yang tidak memenuhi kelayakan daripada segi pendapatan ini boleh menjejaskan peluang pinjaman kepada pemohon lain yang berkelayakan. Pihak Audit dimaklumkan kelulusan tersebut dibuat berdasarkan status perniagaan pemohon yang berstatus mikro iaitu jualan perniagaan kurang daripada RM250,000 setahun.

Maklum Balas UKAS yang Diterima Pada 28 April 2017

Garis Panduan Program Mikro PPP akan dikaji dan akan dibuat penambahbaikan.

2.5.4.2. Peminjam Mendapat Pembiayaan Dana Mikro PPP Daripada Agensi Lain

a. Semakan Audit mendapati 39 (3.5%) daripada 1,119 peminjam TEKUN dan PERHEBAT dengan pinjaman berjumlah RM582,000 telah juga memperolehi pinjaman daripada Bank Rakyat di bawah Program Dana Mikro PPP ini dengan pinjaman berjumlah RM147,000. Ini disebabkan tiada suatu mekanisme pengesahan dibuat antara agensi pelaksana yang terlibat tetapi hanya bergantung kepada perakuan oleh pemohon pinjaman. Butiran bilangan peminjam PERHEBAT/TEKUN yang membuat pinjaman dengan Bank Rakyat adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.6
BILANGAN PEMINJAM PERHEBAT/TEKUN
YANG MEMBUAT PINJAMAN DENGAN BANK RAKYAT

NEGERI	BILANGAN PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN			JUMLAH KESELURUHAN PINJAMAN (RM)
		BANK RAKYAT (RM)	PERHEBAT (RM)	TEKUN (RM)	
Selangor	15	54,000	125,000	120,000	299,000
Kedah	5	15,000	49,000	-	64,000
Perak	4	21,000	50,000	-	71,000
Melaka	4	12,000	82,000	-	94,000
Johor	3	9,000	81,000	-	90,000
Kelantan	2	6,000	15,000	-	21,000
Pahang	3	9,000	10,000	10,000	29,000
Terengganu	1	3,000	20,000	-	23,000
Negeri Sembilan	1	15,000	15,000	-	30,000
Wilayah Persekutuan	1	3,000	5,000	-	8,000
JUMLAH	**39**	**147,000**	**452,000**	**130,000**	**729,000**

Sumber: Data Peminjam Daripada Bank Rakyat dan TEKUN yang Telah Dianalisis

b. Kesan daripada pinjaman daripada pelbagai agensi bagi program yang sama boleh membawa kepada risiko kesukaran membuat bayaran balik dan juga menjejaskan peluang pinjaman kepada pemohon yang lain.

Maklum Balas UKAS yang Diterima Pada 28 April 2017

Agensi pelaksa mestilah menyediakan ruang dalam borang permohonan bagi peminjam membuat pengisytiharan bahawa mereka tidak pernah mendapat pinjaman mikro kredit yang lain. Agensi pelaksana juga bertangungjawab untuk mengesahkan dan menyemak dengan agensi lain untuk memastikan bahawa peminjam tidak pernah mendapat pembiayaan Dana Mikro PPP dari agensi lain.

Sekiranya peminjam tidak memberikan maklumat yang betul, maka mereka boleh diambil tindakan undang-undang.

2.5.4.3. Had Pinjaman Melebihi Jumlah yang Dibenarkan

Semakan Audit mendapati sejumlah 16 (0.08%) peminjam telah diberi pinjaman melebihi RM50,000 iaitu antara RM53,000 hingga RM83,000. Pihak Audit dimaklumkan perkara ini berlaku disebabkan sumber dana yang berbeza iaitu melibatkan dana UKAS dan dana MOF di mana hanya Dana UKAS yang tertakluk kepada syarat dalam Garis Panduan Dana Mikro PPP.

Maklum Balas KPDNKK yang Diterima Pada 22 Mac 2017

Tindakan penyusunan semula dana mengikut sumber akan dibuat oleh KPDNKK bagi mengelakkan berlakunya pinjaman berulang dan ketidakpatuhan pada garis panduan termasuk had pinjaman.

Pada pendapat Audit, penyelarasan pinjaman antara agensi pelaksana yang menyediakan dana pinjaman dari sumber wang awam adalah penting bagi mengelakkan penyalahgunaan dana dan risiko bayaran balik.

2.5.5. Pematuhan Kepada Garis Panduan Program Mikro PPP

2.5.5.1. Kadar Caj Pentadbiran

a. Memandangkan PERHEBAT bukan agensi pembiayaan, TEKUN telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan proses pinjaman dengan mengenakan caj pentadbiran kepada PERHEBAT. Berdasarkan kepada Minit Mesyuarat JKAS Khas Mikro PPP Bilangan 41/2012, kadar caj pentadbiran yang telah diluluskan ke atas PERHEBAT adalah sebanyak 2% atas jumlah pinjaman yang telah diluluskan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kadar caj pentadbiran yang dikenakan oleh TEKUN adalah sebanyak 2.5%. Ini disebabkan TEKUN telah mengenakan kadar caj pentadbiran yang sama kepada peminjam yang memohon melalui TEKUN untuk diseragamkan. PERHEBAT telah memohon penjelasan daripada UKAS mengenai kadar caj pentadbiran yang sepatutnya dikenakan oleh TEKUN. Bagaimanapun tiada bukti menunjukkan penjelasan lanjut telah diberi oleh UKAS.

b. Disebabkan perbezaan ini, TEKUN telah terlebih caj sebanyak RM440,988 yang melibatkan 1,119 peminjam dengan tempoh pembiayaan antara 24 hingga 60 bulan. Jumlah yang terlebih caj ini sepatutnya boleh digunakan untuk membiayai permohonan peminjam yang lain yang memerlukan. Butiran terperinci adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.7
JUMLAH CAJ PENTADBIRAN YANG DIKENAKAN
OLEH TEKUN SEHINGGA 31 OGOS 2015

DANA YANG DITERIMA OLEH PERHEBAT (RM)	JUMLAH PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN YANG TELAH DIKELUARKAN (RM)	TEMPOH PEMBIAYAAN (Bulan)	JUMLAH CAJ PENTADBIRAN		JUMLAH CAJ PENTADBIRAN YANG TELAH TERLEBIH BAYAR (RM)
				SEBENAR (2.5%) (RM)	SEPATUT (2%) (RM)	
33,500,000.00	63	198,000.00	24	9,900.00	7,920.00	1,980.00
	187	1,066,000.00	36	79,950.00	63,960.00	15,990.00
	3	20,000.00	42	1,750.00	1,400.00	350.00
	88	719,000.00	48	71,900.00	57,520.00	14,380.00
	5	39,500.00	54	4,443.75	3,555.00	888.75
	773	16,296,000.00	60	2,037,000.00	1,629,600.00	407,400.00
JUMLAH	**1,119**	**18,338,500.00**	**264**	**2,204,943.75**	**1,763,955.00**	**440,988.75**

Sumber: TEKUN

2.5.5.2. Bayaran Tambahan yang Dikenakan Terhadap Peminjam

a. Kertas Cadangan pelaksanaan Program Pembangunan Keusahawanan TEKUN Nasional menetapkan hanya yuran proses sahaja akan dikenakan ke atas peminjam manakala bayaran yang dikenakan kepada peminjam dari Bank Rakyat tidak dinyatakan di dalam garis panduan.

b. Semakan Audit terhadap 100 (46.9%) dari 213 perjanjian peminjam daripada TEKUN mendapati TEKUN telah mengenakan bayaran tambahan seperti bayaran Kelab Komuniti Usahawan TEKUN, Tabung Pengurusan, bayaran kursus asas kemahiran, bayaran balik satu bulan pinjaman dan bayaran untuk menyelesaikan pinjaman terdahulu. Ini akan mengakibatkan jumlah pinjaman bersih yang diterima oleh setiap peminjam berkurangan daripada jumlah pinjaman sebenar. Jumlah keseluruhan bayaran tambahan yang dikenakan tersebut adalah RM45,488 bagi nilai pinjaman sejumlah RM1.38 juta.

c. Selain daripada bayaran tambahan tersebut TEKUN turut mengenakan simpanan wajib kepada peminjam sebanyak 5% daripada jumlah pinjaman di mana simpanan ini hendaklah dibuat bersama dengan bayaran balik pinjaman. Simpanan ini hanya akan diperolehi semula apabila peminjam telah menyelesaikan keseluruhan pinjaman. Semakan Audit terhadap 100 (46.9%) dari 213 perjanjian peminjam daripada TEKUN mendapati bayaran yang dikenakan adalah tidak seragam antara satu sama lain dimana analisis audit mendapati 24 (24%) orang peminjam dikenakan bayaran insurans dan simpanan wajib, 53 (53%) orang peminjam hanya dikenakan bayaran insurans bagi pinjaman sahaja dan simpanan wajib, 10 (10%) orang peminjam dikenakan bayaran insurans tetapi tidak dikenakan simpanan wajib dan 13 (13%) orang peminjam hanya dikenakan bayaran insurans untuk pinjaman sahaja. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.8
PERBEZAAN JENIS BAYARAN YANG DIKENAKAN ANTARA PEMINJAM MELALUI TEKUN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015

BILANGAN PEMINJAM	JENIS BAYARAN YANG DIKENAKAN		
	JENIS INSURANS		SIMPANAN WAJIB (5% DARI JUMLAH PINJAMAN)
	PINJAMAN	KEMALANGAN	
24	/	/	/
53	/	X	/
10	/	/	X
13	/	X	X
100			

Sumber: TEKUN

d. Semakan Audit terhadap pinjaman melalui Bank Rakyat pula mendapati 253 (31%) daripada 815 peminjam telah dikenakan yuran proses dan bayaran insurans bernilai RM18,116.

Maklum Balas TEKUN yang Diterima Pada 22 Mac 2017

Bayaran tambahan ini tidak lagi dikenakan mulai bulan Ogos 2016 supaya peminjam mendapat pinjaman yang penuh.

2.5.5.3. Peminjam Membuat Pinjaman Berulang

Garis Panduan Program Mikro PPP menetapkan antara syarat permohonan pinjaman ialah pemohon belum lagi mendapat mana-mana pembiayaan daripada Program Dana Mikro PPP. Semakan Audit mendapati sebanyak 193 (1%) daripada 19,362 peminjam telah membuat pinjaman berulang. Kesan daripada pinjaman berulang ini boleh menjejaskan peluang pinjaman kepada pemohon yang lain. Butiran bilangan peminjam yang membuat pinjaman berulang adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.9
BILANGAN PEMINJAM YANG MEMBUAT PINJAMAN BERULANG

AGENSI	BILANGAN PEMINJAM
Bank Rakyat	181
PERHEBAT	11
TEKUN	1
JUMLAH	**193**

Sumber: Data Peminjam Daripada Bank Rakyat dan TEKUN yang Telah Dianalisis

Maklum Balas KPDNKK yang Diterima Pada 22 Mac 2017

Tindakan penyusunan semula dana mengikut sumber akan dibuat oleh KPDNKK bagi mengelakkan berlakunya pinjaman berulang dan ketidakpatuhan pada garis panduan termasuk had pinjaman.

Pada pendapat Audit, berlaku kelemahan berhubung pematuhan terhadap garis panduan.


2.5.6. Bayaran Balik Pinjaman

2.5.6.1. Setiap peminjam dikehendaki membayar balik pinjaman mengikut jadual yang ditetapkan dalam perjanjian. *Notice of Demand* (NOD) iaitu notis tuntutan akan dikeluarkan kepada peminjam yang gagal menjelaskan bayaran balik pinjaman. TEKUN akan mengeluarkan NOD sekiranya peminjam tidak membayar balik pinjaman dalam tempoh tiga bulan tanpa mengeluarkan surat peringatan kepada peminjam. Bank Rakyat akan mengeluarkan NOD setelah tiga kali surat peringatan dikeluarkan. Sekiranya peminjam masih gagal membuat bayaran balik pinjaman, tindakan saman akan diambil untuk memastikan peminjam membuat bayaran balik.

2.5.6.2. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2013 hingga 31 Disember 2016, daripada pinjaman berjumlah RM136 juta, sejumlah RM73.40 juta telah dikutip balik melibatkan kutipan balik oleh TEKUN berjumlah RM5.96 juta (8.1%), PERHEBAT berjumlah RM32.35 juta (44.0%) dan Bank Rakyat berjumlah RM35.09 juta (47.8%).

2.5.6.3. Semakan selanjutnya mendapati sehingga 31 Disember 2016, keseluruhan tunggakan pinjaman adalah berjumlah RM23.35 juta menunjukkan peningkatan sejumlah RM5.47 juta iaitu 23.4% berbanding RM17.88 juta pada tahun 2015. Trend peningkatan tunggakan pinjaman bagi tahun 2013 hingga 31 Disember 2016 adalah seperti di carta berikut:

CARTA 2.1
TUNGGAKAN PINJAMAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2016



Sumber: TEKUN dan Bank Rakyat

2.5.6.4. Sepanjang tempoh tahun 2013 hingga akhir tahun 2016, Bank Rakyat mempunyai jumlah tunggakan pinjaman yang tertinggi iaitu sejumlah RM23.26 juta (86%) diikuti PERHEBAT sejumlah RM2.96 juta (11%) dan TEKUN sejumlah RM831,330 (3%). Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.10
TUNGGAKAN PINJAMAN MENGIKUT AGENSI PELAKSANA
BAGI TEMPOH 2013 SEHINGGA 31 DISEMBER 2016

AGENSI PELAKSANA	JUMLAH KESELURUHAN (RM)	PERATUS TUNGGAKAN PINJAMAN (%)
TEKUN	831,330	3
PERHEBAT	2,958,706	11
KPDNKK (Bank Rakyat)	23,256,177	86
JUMLAH	**27,046,213**	

Sumber: TEKUN dan Bank Rakyat

2.5.6.5. Akibat daripada kegagalan membayar balik semula pinjaman, sejumlah 5,679 orang peminjam telah dikenakan NOD bagi tempoh tahun 2013 hingga 31 Disember 2016. Bagaimanapun hanya 314 (6%) daripada peminjam tersebut yang telah dikenakan tindakan susulan seperti saman setelah menerima NOD. Butiran bilangan peminjam yang telah dikenakan NOD dan tindakan susulan bagi tempoh 2013 hingga 31 Disember 2016 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.11
BILANGAN PEMINJAM YANG TELAH DIKENAKAN NOD
DAN TINDAKAN SUSULAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2016

AGENSI PELAKSANA	BILANGAN PEMINJAM YANG DIKENAKAN NOD	BILANGAN PEMINJAM YANG DIKENAKAN TINDAKAN SUSULAN SELEPAS NOD
TEKUN	248	3
PERHEBAT	440	40
KPDNKK (Bank Rakyat)	4,991	271
JUMLAH	**5,679**	**314**

Sumber: TEKUN dan Bank Rakyat

Maklum Balas UKAS yang Diterima Pada 22 Mac 2017

Tindakan susulan akan diambil ke atas peminjam yang mampu namun peminjam yang kurang mampu akan diberi peluang melalui rundingan untuk membayar balik pinjaman mengikut kemampuan.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran balik pinjaman adalah tidak memuaskan.

2.5.7. Pengurusan Rekod Pinjaman

Rekod peminjam seperti borang permohonan berserta dokumen sokongan hendaklah disimpan dengan baik dan teratur untuk digunakan sebagai rujukan apabila diperlukan. Pihak Audit telah memohon 213 (51.7%) daripada 412 borang permohonan pinjaman dari TEKUN pada 8 Januari 2016 untuk disemak. Namun, pada 21 Mac 2016, TEKUN memaklumkan bahawa pihaknya hanya dapat mengemukakan sejumlah 145 (68.1%) borang permohonan sahaja dan baki 68 (31.9%) borang yang melibatkan pinjaman berjumlah RM1.02 juta tidak dapat dikemukakan kerana dokumen tersebut gagal dikesan. Bagaimanapun pada 25 April 2017, TEKUN telah mengemukakan 55 dari 68 borang permohonan tersebut manakala baki 13 (20%) borang yang melibatkan pinjaman berjumlah RM0.26 juta tidak dapat dikemukakan.

Pada pendapat Audit, kegagalan pihak TEKUN mengemukakan borang permohonan tidak sepatutnya berlaku sekiranya pengurusan rekod pinjaman adalah baik dan teratur.

2.5.8. Latihan dan Bimbingan Kepada Pemohon

Merujuk kepada perjanjian peminjam dengan TEKUN, peminjam diwajibkan mengikuti Kursus Asas Keusahawanan (KAK) dengan bayaran RM100 yang ditolak dari nilai pinjaman. Sekiranya peminjam tidak menghadiri KAK tanpa sebarang sebab yang munasabah, bayaran kursus tidak akan dikembalikan. Berdasarkan temubual terhadap 126 orang peminjam yang dilawati mendapati 122 (96.8%) orang peminjam tidak menerima kursus KAK yang dilaksanakan oleh pihak TEKUN yang melibatkan kos berjumlah RM12,200. Ketiadaan kursus KAK kepada peminjam menyebabkan mereka tidak dapat meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan asas-asas perniagaan.

Pada pendapat Audit, ketiadaan kursus KAK menyebabkan peminjam tidak mendapat manfaat berkaitan pengetahuan asas perniagaan.

2.5.9. Pemantauan dan Penyelarasan oleh UKAS

2.5.9.1. Berdasarkan Garis Panduan Program Mikro PPP Versi Pertama (2012), pelaksanaan program secara keseluruhan dipantau oleh UKAS dengan mengadakan lawatan ke tapak secara berkala dengan kerjasama agensi yang dilantik oleh Kerajaan dan agensi yang terlibat dengan kumpulan sasar yang menerima pembiayaan di bawah program ini. Kementerian/agensi yang terlibat dengan program ini perlu mengemukakan laporan Status Pelaksanaan/laporan bergambar secara berkala kepada UKAS untuk tujuan rekod.

2.5.9.2. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan agensi pelaksana ada mengemukakan laporan Status Pelaksanaan Pembiayaan Dana Mikro PPP kepada UKAS setiap bulan bagi tahun 2013. Selain itu, TEKUN juga didapati tidak mengemukakan laporan tersebut pada tahun 2014 dan 2015.

2.5.9.3. Semakan selanjutnya juga mendapati tiada bukti menunjukkan agensi pelaksana ada mengemukakan laporan bergambar secara berkala kepada UKAS. Di samping itu, bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, UKAS tidak mengadakan lawatan tapak secara berkala dengan agensi pelaksana yang terlibat untuk memantau pelaksanaan program ini. Selain itu, mesyuarat dengan agensi pelaksana untuk membincangkan prestasi pelaksanaan program ini tidak diadakan pada tahun 2013 dan 2014 dan hanya sekali pada tahun 2015 iaitu pada 1 Oktober 2015. Pada tahun 2016, sebanyak tiga kali mesyuarat bersama agensi pelaksana telah diadakan. Mesyuarat yang dinamakan Mesyuarat Penyelarasan Program Mikro PPP di bawah NBOS telah diadakan pada 6 April, 27 Jun dan 5 Oktober tahun 2016. Antara perkara yang dibincangkan adalah prestasi pelaksanaan program bagi setiap agensi pelaksana dari aspek peruntukan, perbelanjaan dan laporan impak program masing-masing terhadap peminjam. Pihak Audit dimaklumkan, bahagian yang bertanggungjawab menghadapi masalah kekangan kakitangan bagi melaksanakan lawatan tapak secara kerap.

Maklum Balas UKAS yang Diterima Pada 28 April 2017

Bagi meningkatkan tadbir urus, UKAS, JPM telah mula melaksanakan pemantauan mulai tahun 2015 dan 2016 dengan mendapatkan laporan bertulis secara berkala daripada agensi pelaksana dan menjadualkan lawatan tapak secara berkala.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang tidak dilaksanakan secara berkala menyebabkan prestasi Program Dana Mikro PPP tidak dapat dinilai dengan berkesan dan isu/masalah berbangkit tidak dapat ditangani segera.

2.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan diambil tindakan penambahbaikan dan tidak berulang, adalah disyorkan pihak berkaitan mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

2.6.1. TEKUN mengkaji semula mekanisme pelaksanaan dan promosi Program *Second Chance* dan Program Pinjaman Kepada Kumpulan Pelajar Tercicir supaya sasaran sebenar bilangan peminjam dapat dicapai;

2.6.2. UKAS dan agensi pelaksana hendaklah mewujudkan mekanisme penilaian *outcome* bagi memastikan peruntukan yang dibelanjakan dapat diukur keberkesanan pencapaiannya serta membuat pemantauan berkala terhadap pematuhan kepada syarat-syarat pengeluaran dana;

2.6.3. UKAS perlu menambahbaik garis panduan dengan lebih jelas khususnya bagi perkara seperti kadar caj pentadbiran, bayaran tambahan serta pinjaman berulang (overlap);

2.6.4. TEKUN dan KPDNKK (Bank Rakyat) selaku agensi pelaksana hendaklah melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap NOD yang telah dikeluarkan agar tunggakan pinjaman dapat dikurangkan. Selain itu, tindakan susulan ini wajar dijadikan sebagai salah satu perkara yang penting di dalam garis panduan dan juga agenda Mesyuarat Penyelarasan Program Mikro PPP; dan

2.6.5. TEKUN hendaklah mengambil langkah proaktif dalam menyelenggara rekod dan dokumen peminjam sebagai rujukan dan semakan apabila diperlukan.

KEMENTERIAN KEWANGAN

3. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
- **PENGURUSAN BAYARAN ANSURAN CUKAI PENDAPATAN MENERUSI POTONGAN CUKAI BULANAN**

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) adalah salah satu agensi utama di bawah Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab memungut dan mentadbir cukai langsung negara terhadap individu dan bukan individu (syarikat, koperasi dan lain-lain) ke atas pendapatan yang diterima di Malaysia. LHDNM telah memperkenalkan skim ansuran bagi mengurangkan beban pembayar cukai (individu dan bukan individu) daripada keperluan membayar cukai sekali gus pada setiap tahun.

3.1.2. Skim Potongan Cukai Bulanan (PCB) telah berkuat kuasa pada 1 Januari 1995 di mana majikan membuat potongan daripada saraan pekerja yang layak pada setiap bulan. PCB merupakan satu kewajipan ke atas pekerja dan majikan dan jumlah potongan adalah berdasarkan Jadual PCB yang ditetapkan di bawah Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (KKCP) (Potongan Daripada Saraan) 1994. Penentuan amaun PCB adalah berdasarkan kepada dua kaedah iaitu:

i. majikan menggunakan Jadual PCB untuk menentukan amaun PCB dengan hanya mengambil kira pelepasan standard yang dibenarkan (pelepasan diri, isteri, anak dan potongan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja); atau

ii. majikan diberi pilihan melalui kaedah pengiraan berkomputer di mana pekerja boleh menuntut pelepasan yang dibenarkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) pada setiap bulan atau mana-mana bulan yang dikehendaki.

3.1.3. Bagi meningkatkan keberkesanan skim PCB, LHDNM telah menubuhkan Unit Audit Majikan (UAM) untuk menjalankan aktiviti pengauditan terhadap majikan supaya peraturan dan undang-undang berkaitan pengurusan PCB dipatuhi. Aktiviti pengauditan UAM meliputi majikan bukan Kerajaan dan majikan Kerajaan.

3.1.4. Bagi tempoh tahun 2014 dan 2015, LHDNM telah berjaya mengutip cukai individu melalui PCB berjumlah RM40.447 bilion iaitu 15.9% daripada kutipan hasil keseluruhan untuk tempoh yang sama berjumlah RM255.036 bilion. Perinciannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.1
JUMLAH KUTIPAN PCB DAN KUTIPAN HASIL
OLEH LHDNM PADA TAHUN 2014 DAN 2015

TAHUN	KUTIPAN PCB (RM Bilion)	KUTIPAN HASIL (RM Bilion)	(%)
2014	19.763	133.700	14.8
2015	20.684	121.336	17.1
JUMLAH	**40.447**	**255.036**	**15.9**

Sumber: Laporan Tahunan LHDNM 2015

3.1.5. Selepas cukai pendapatan seorang pekerja ditaksir dan sekiranya PCB pekerja didapati tidak mencapai jumlah yang sepatutnya, surat arahan potongan tambahan menerusi borang CP38 akan dikeluarkan kepada majikan. Arahan CP38 mengehendaki majikan berkaitan membuat potongan tambahan secara ansuran bulanan terhadap gaji pembayar cukai (selain daripada Potongan Cukai Bulanan) bertujuan untuk melunaskan tunggakan cukai yang masih ada. Mengikut rekod LHDNM, arahan CP38 berjumlah RM1.163 bilion telah dikeluarkan untuk tempoh tahun 2014 dan 2015 seperti ditunjukkan dalam jadual berikut:

JADUAL 3.2
DATA PENGELUARAN BORANG CP38 BAGI TAHUN 2014 DAN 2015

TAHUN	BIL. MAJIKAN	BIL. PEMBAYAR CUKAI	JUMLAH (RM Juta)
2014	59,944	235,159	619.42
2015	59,785	233,496	543.91
JUMLAH			**1,163.33**

Sumber: Jabatan Pungutan Hasil LHDNM

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan bayaran ansuran cukai pendapatan menerusi PCB dan arahan CP38 oleh LHDNM telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan hasil negara.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan terhadap pelaksanaan aktiviti pengauditan pematuhan PCB yang dilaksanakan oleh UAM di 3 Cawangan LHDNM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu Cawangan Kuala Lumpur Bandar, Cawangan Wangsa Maju dan Cawangan Pembayar Cukai Besar. Selain itu, sampel empat majikan bukan Kerajaan dan dua majikan Kerajaan telah dipilih untuk pengauditan lanjut di mana pemilihan adalah berdasarkan jumlah arahan CP38 yang tertinggi dikeluarkan kepada majikan berkenaan pada tahun 2014 dan 2015. Semakan dibuat terhadap 60 fail pekerja bagi setiap sampel majikan.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan terhadap data dan dokumen cukai yang terdiri daripada fail fizikal, Sistem Taksir Sendiri Bukan Syarikat (STSNC) dan Sistem Pengurusan Kes (CMS) Audit PCB. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai LHDNM yang berkenaan telah diadakan bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

3.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2016 mendapati pelaksanaan aktiviti pengauditan pematuhan PCB dan CP38 oleh UAM di ketiga-tiga Cawangan LHDNM yang diaudit adalah baik kerana pencapaian sebenar melebihi sasaran kerja tahunan yang ditetapkan pada tahun 2014 (122.9%) dan 2015 (137.9%). Secara keseluruhannya, UAM telah berjaya mengaudit sebanyak 148,907 majikan seluruh negara pada tahun 2014 dan 2015 di mana cukai kurang dipotong berjumlah RM234.6 juta telah dibangkitkan dan kompaun berjumlah RM37.26 juta telah dikeluarkan kepada majikan yang diaudit. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang masih perlu dipertingkatkan seperti berikut:

i. kaedah pemilihan sampel pekerja (pembayar cukai) yang dilakukan secara rawak oleh UAM adalah kurang berkesan untuk mengesan ketidakpatuhan majikan bukan Kerajaan terhadap undang-undang dan peraturan yang ditetapkan;

ii. aktiviti audit yang kurang dilaksanakan terhadap dua majikan Kerajaan menyebabkan majikan Kerajaan gagal mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan seperti berikut:

   - kedua-dua majikan Kerajaan telah lewat meremit PCB berjumlah RM398,591 dengan kelewatan antara tujuh hingga 220 hari dari tarikh akhir ia sepatutnya diremitkan;
   - kedua-dua majikan Kerajaan telah gagal melaksanakan arahan potongan tambahan (CP38) berjumlah RM75,111 daripada 18 pembayar cukai pada tahun 2014 dan 2015;
   - satu majikan Kerajaan kurang membuat potongan cukai tambahan (CP38) berjumlah RM4,018 daripada dua pembayar cukai pada tahun 2014; dan
   - kedua-dua majikan Kerajaan lewat antara 92 hingga 616 hari untuk melaksanakan potongan di bawah CP38 berjumlah RM36,679 daripada tujuh orang pembayar cukai.

iii. pengurusan pengeluaran dan tindakan terhadap arahan CP38 yang kurang cekap di mana:

   - LHDNM mengambil masa antara 31 hingga 2,909 hari dari tarikh taksiran untuk mengeluarkan borang CP38 berjumlah RM569,551 kepada majikan; dan

- kenaikan cukai tidak dikenakan terhadap 25 pembayar cukai yang tidak menjelaskan tunggakan cukai berjumlah RM205,580.

Perkara yang ditemui dan maklum balas LHDNM telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 7 April 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

3.5.1. Pencapaian Prestasi Unit Audit Majikan

3.5.1.1. LHDNM menjalankan aktiviti audit majikan bagi meningkatkan pematuhan majikan terhadap bayaran ansuran cukai pendapatan PCB dan CP38. Antara kes yang diberi keutamaan oleh LHDNM dalam melaksanakan pemilihan dan pengagihan kes audit majikan adalah seperti berikut:

a. pengaduan yang diterima daripada pihak pekerja dan juga lain-lain pemberi maklumat;

b. maklumat diterima daripada Unit Audit Meja SG atau Unit Pungutan di mana terdapat cukai individu yang masih tertunggak akibat daripada potongan PCB yang tidak diremit oleh pihak majikan; dan

c. maklumat mengenai masalah aliran tunai yang dihadapi oleh pihak majikan.

3.5.1.2. Mengikut rekod LHDNM, sebanyak 148,907 majikan seluruh negara telah diaudit oleh Unit Audit Majikan (UAM) pada tahun 2014 dan 2015. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 38,476 majikan (25.8%) didapati tidak mematuhi tanggungjawab majikan di bawah ACP 1967 dan KKCP 1994 melibatkan cukai kurang dipotong berjumlah RM234.6 juta. Lanjutan daripada penemuan yang dibangkitkan tersebut, kompaun berjumlah RM37.26 juta telah dikenakan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.3
DATA KOMPAUN DIKENAKAN TERHADAP MAJIKAN PADA TAHUN 2014 DAN 2015

TAHUN	BIL. MAJIKAN AKTIF	BIL. MAJIKAN DIAUDIT	MAJIKAN TIDAK PATUH		CUKAI KURANG DIPOTONG (RM Juta)	KOMPAUN (RM Juta)	JUMLAH CUKAI DAN KOMPAUN (RM Juta)
			BIL.	%			
2014	458,481	70,331	16,780	23.86	100.41	13.03	113.44
2015	473,281	78,576	21,696	27.61	134.19	24.23	158.42
JUMLAH		**148,907**	**38,476**	**25.84**	**234.60**	**37.26**	**271.86**

Sumber: Laporan Tahunan LHDNM 2014 dan 2015

3.5.1.3. Sasaran tahunan yang ditetapkan bagi setiap pegawai di Unit Audit Majikan adalah 100 majikan dengan 200 (bilangan kes) tahun saraan. Dengan itu, Unit Audit Majikan di ketiga-tiga Cawangan LHDNM (KL Bandar, Wangsa

Maju dan Cawangan Pembayar Cukai Besar) telah menetapkan sebanyak 5,000 bilangan kes sebagai sasaran tahun 2014 dan 5,964 bagi tahun 2015. Semakan Audit mendapati UAM di ketiga-tiga Cawangan LHDNM telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2014 dan 2015. Peratus pencapaian prestasi secara keseluruhan untuk ketiga-tiga UAM ini adalah melebihi sasaran tahunan iaitu 122.9% untuk tahun 2014 dan meningkat kepada 137.9% pada tahun 2015. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.4
PENCAPAIAN PRESTASI UNIT AUDIT MAJIKAN BERDASARKAN BILANGAN KES TAHUN 2014 DAN 2015

CAWANGAN	TAHUN 2014			TAHUN 2015		
	SASARAN	PENCAPAIAN	%	SASARAN	PENCAPAIAN	%
KL Bandar	1,600	2,255	140.9	1,600	2,387	149.2
Wangsa Maju	1,800	2,059	114.4	1,832	3,072	167.7
Pembayar Cukai Besar	1,600	1,831	114.4	2,532	2,768	109.3
JUMLAH	**5,000**	**6,145**	**122.9**	**5,964**	**8,227**	**137.9**

Sumber: Laporan Prestasi Tahun 2014 dan 2015 LHDNM

Pada pendapat Audit, prestasi aktiviti audit majikan adalah baik kerana pencapaian Unit Audit Majikan di ketiga-tiga Cawangan LHDNM telah melebihi sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2014 dan 2015. Selain itu, Unit Audit Majikan telah berjaya mengaudit sebanyak 148,907 majikan seluruh negara pada tahun 2014 dan 2015 di mana cukai kurang dipotong berjumlah RM234.6 juta telah dibangkitkan dan kompaun berjumlah RM37.26 juta telah dikenakan.

3.5.2. Aktiviti Audit Majikan

3.5.2.1. Aktiviti audit majikan dilaksanakan bagi mendidik majikan mengenai tanggungjawab mereka di bawah ACP 1967 dan KKCP 1994, menguatkuasakan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dan memberi pendidikan berkenaan tanggungjawab majikan mengikut pelaksanaan PCB.

3.5.2.2. Semakan Audit terhadap aktiviti audit majikan bukan Kerajaan dan majikan Kerajaan mendapati perkara berikut:

a. Majikan Bukan Kerajaan

i. Pemilihan majikan bukan Kerajaan untuk diaudit di setiap cawangan LHDNM ditentukan oleh Ibu Pejabat LHDNM.

ii. UAM akan mengaudit majikan tersebut dengan memilih sampel pekerja (pembayar cukai) **secara rawak** daripada data *payroll* majikan.

iii. Daripada empat majikan yang dipilih oleh Jabatan Audit Negara sebagai sampel, didapati **satu majikan tidak pernah diaudit sejak penubuhannya**; satu majikan sedang diaudit; dan dua majikan telah selesai diaudit pada tahun 2014 dan 2016. Penemuan UAM terhadap majikan yang selesai diaudit mendapati kedua-dua majikan telah mematuhi KKCP 1994. Butiran terperinci adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.5
AKTIVITI AUDIT MAJIKAN OLEH UNIT AUDIT MAJIKAN

MAJIKAN BUKAN KERAJAAN	CAWANGAN LHDNM	TARIKH TERAKHIR AUDIT	TAHUN SARAAN DIAUDIT	PENEMUAN UNIT AUDIT MAJIKAN	CATATAN
1	KL Bandar	28.06.2016	2014 dan 2015	-	Sedang dalam pengauditan
2	KL Bandar	20.04.2016	2014 dan 2015	Majikan patuh KKCP 1994	-
3	Wangsa Maju	-	-	-	Audit PCB tidak pernah dijalankan sejak penubuhan syarikat
4	Pembayar Cukai Besar	25.09.2014	2010, 2011 dan 2012	Majikan patuh KKCP 1994	-

Sumber: **Fail Majikan di Cawangan dan *Case Management System* (CMS)**

iv. JAN telah menjalankan semakan terhadap empat majikan bukan Kerajaan tersebut dengan menggunakan kaedah pemilihan sampel pekerja (pembayar cukai) yang berbeza berbanding pemilihan secara rawak yang dilakukan oleh UAM. Pemilihan sampel oleh JAN telah dijalankan terhadap pembayar cukai yang mempunyai arahan CP38 yang paling tinggi di kedua-dua majikan bukan Kerajaan tersebut. Hasil semakan Audit JAN mendapati ketidakpatuhan seperti berikut:

- satu majikan telah gagal melaksanakan arahan potongan cukai tambahan (CP38) berjumlah RM91,371 untuk satu pembayar cukai pada tahun 2014.
- satu majikan telah kurang membuat potongan mengikut jadual yang ditetapkan dalam arahan CP38. Sejumlah RM11,693 telah kurang dipotong daripada dua pembayar cukai untuk tahun 2014 dan 2015.
- empat majikan lewat (selepas 15 hari *grace period* diberi) antara 22 hingga 92 hari untuk membuat potongan CP38 berjumlah RM180,322 daripada 33 pembayar cukai. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan bahawa kelewatan majikan melaksanakan arahan CP38 adalah disebabkan oleh tempoh notis yang dikeluarkan adalah singkat dan pihak majikan menghadapi kesukaran untuk mematuhi arahan potongan tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Selain itu, majikan dibenarkan untuk menganjak tarikh kuat kuasa potongan CP38. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.6
MAJIKAN BUKAN KERAJAAN LEWAT MELAKSANAKAN ARAHAN CP38

MAJIKAN BUKAN KERAJAAN	TAHUN 2014			TAHUN 2015		
	BIL. PEMBAYAR CUKAI	BIL. HARI LEWAT	JUMLAH CP38 LEWAT (RM)	BIL. PEMBAYAR CUKAI	BIL. HARI LEWAT	JUMLAH CP38 LEWAT (RM)
1	-	-	-	2	28 - 30	9,564
2	1	24 - 26	2,581	10	26 - 33	15,478
3	6	22 - 90	36,915	13	26 - 92	99,482
4	1	24 - 31	16,302	-	-	-
JUMLAH	**8**	**22 - 90**	**55,798**	**25**	**26 - 92**	**124,524**

Sumber: Lejar di STSNC

v. Sehubungan dengan itu, pihak Audit mendapati pemilihan sampel pekerja (pembayar cukai) secara rawak oleh Unit Audit Majikan adalah kurang berkesan untuk mengesan ketidakpatuhan majikan terhadap peraturan yang ditetapkan.

Maklum Balas LHDNM yang Diterima Pada 12 Mei 2017

Lawatan Audit bagi majikan bukan Kerajaan 3 telah dilakukan pada 12 April 2017. Hasil semakan dan perbincangan mendapati pihak majikan tersebut menggunakan sistem yang diperakukan oleh LHDNM serta tindakan berkaitan PCB dan CP38 yang dibuat adalah dipatuhi.

Mulai bulan Januari 2017, pengauditan PCB/audit majikan dibuat secara menyeluruh bagi majikan yang menyimpan payroll dalam bentuk elektronik (kaedah e-Auditing) dan bukan secara rawak. Namun bagi majikan yang masih menyimpan rekod secara manual, LHDNM akan menyemak secara berstruktur berdasarkan tunggakan cukai pekerja yang tinggi.

Tindakan telah diambil terhadap setiap kes yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Antara tindakan adalah membatalkan arahan CP38 dan mengenakan kenaikan cukai; menawarkan kompaun dan mengambil tindakan guaman sivil.

Pada pendapat Audit, tindakan LHDNM untuk menggantikan kaedah pemilihan sampel pekerja secara rawak kepada pendekatan komprehensif merupakan satu usaha yang baik bagi meningkatkan pengesanan kes ketidakpatuhan majikan terhadap undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

b. Majikan Kerajaan

i. Pihak Audit JAN telah memilih dua majikan Kerajaan sebagai sampel untuk semakan lanjut. Dua sampel ini merupakan majikan Kerajaan yang mempunyai paling ramai pembayar cukai dengan jumlah borang CP38 yang tertinggi dikeluarkan oleh LHDNM. Didapati **kali terakhir aktiviti audit terhadap kedua-dua majikan tersebut oleh UAM adalah pada tahun 1995 dan 2007**, iaitu melebihi 10 tahun yang lalu. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.7
LAWATAN MUHIBAH TERHADAP MAJIKAN KERAJAAN

MAJIKAN KERAJAAN	CAWANGAN LHDNM	TARIKH TERAKHIR LAWATAN	TAHUN SARAAN DIAUDIT	PENEMUAN LAWATAN
1	KL Bandar	12.08.1995	1995	Majikan tidak membuat potongan PCB terhadap anggota yang layak.
2	Wangsa Maju	20.06.2007	2004 dan 2005	Pengiraan PCB yang tidak tepat.

Sumber: Fail Majikan di Cawangan Berkenaan

ii. Hasil semakan Audit mendapati ketidakpatuhan kepada peraturan PCB dan CP38 oleh kedua-dua majikan Kerajaan tersebut seperti butiran berikut:

- kedua-dua majikan Kerajaan telah lewat meremit PCB berjumlah RM398,591 dengan kelewatan antara 7 hingga 220 hari dari tarikh akhir ia sepatutnya diremitkan. Perinciannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.8
MAJIKAN KERAJAAN LEWAT MEREMIT PCB

BIL.	TAHUN TAKSIRAN	TAHUN 2014			TAHUN 2015		
		BIL. PEMBAYAR CUKAI	BIL. HARI LEWAT	JUMLAH ANSURAN LEWAT (RM)	BIL. PEMBAYAR CUKAI	BIL. HARI LEWAT	JUMLAH ANSURAN LEWAT (RM)
A. MAJIKAN KERAJAAN 1							
1.	2008	14	7 - 20	2,482	3	20	448
2.	2009	-	-	-	2	7 - 12	968
3.	2010	14	79 - 127	5,942	5	79 - 127	1,791
4.	2012	22	18 - 22	17,147	23	18 - 22	7,333
JUMLAH		**50**	**7 - 127**	**25,571**	**33**	**7 - 127**	**10,540**
B. MAJIKAN KERAJAAN 2							
1.	2011	21	126 - 220	10,083	18	126 - 220	11,819
2.	2012	27	11 - 99	40,246	30	11 - 129	38,884
3.	2013	30	8 - 61	81,346	30	10 - 61	53,992
4.	2014	25	9 - 42	36,336	26	9 - 42	45,126
5.	2015	20	17 - 39	22,077	19	17 - 39	22,571
JUMLAH		**123**	**8 - 220**	**190,088**	**123**	**9 - 220**	**172,392**

Sumber: Lejar di STSNC

- kedua-dua majikan Kerajaan telah gagal melaksanakan arahan potongan tambahan (CP38) berjumlah RM75,111 daripada 18 pembayar cukai pada tahun 2014 dan 2015. Perinciannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.9
MAJIKAN KERAJAAN GAGAL MEMOTONG CP38

MAJIKAN KERAJAAN	TAHUN 2014		TAHUN 2015	
	BIL. PEMBAYAR CUKAI	JUMLAH (RM)	BIL. PEMBAYAR CUKAI	JUMLAH (RM)
1	5	26,499	6	31,867
2	-	-	7	16,745
JUMLAH	**5**	**26,499**	**13**	**48,612**

Sumber: Lejar Pembayar Cukai Di STSNC

- satu majikan Kerajaan kurang membuat potongan cukai tambahan (CP38) berjumlah RM4,018 daripada dua pembayar cukai pada tahun 2014.
- kedua-dua majikan Kerajaan lewat antara 92 hingga 616 hari untuk memotong CP38 berjumlah RM36,679 daripada tujuh pembayar cukai. Perinciannya seperti dalam jadual berikut:

JADUAL 3.10
MAJIKAN KERAJAAN LEWAT POTONG CP38

MAJIKAN KERAJAAN	TAHUN 2014			TAHUN 2015		
	BIL. PEMBAYAR CUKAI	BIL. HARI LEWAT	JUMLAH CP38 LEWAT (RM)	BIL. PEMBAYAR CUKAI	BIL. HARI LEWAT	JUMLAH CP38 LEWAT (RM)
1	5	92 - 616	14,889	1	119 - 137	16,288
2	-	-	-	1	206	5,502
JUMLAH	**5**	**92 - 616**	**14,889**	**2**	**119 - 206**	**21,790**

Sumber: Lejar Di STSNC

Maklum Balas LHDNM yang Diterima Pada 12 Mei 2017

Kunjungan mesra ke majikan Kerajaan 1 telah dilakukan pada 11 April 2017 manakala kunjungan mesra ke majikan Kerajaan 2 dilaksanakan pada 17 Januari 2017. Perbincangan berhubung Arahan Potongan Cukai Bulanan (CP39), CP38 dan pematuhan Borang E telah diadakan dengan Ketua Unit Seksyen Saraan Gaji Majikan Kerajaan 1 dan 2.

Kerjasama dan komitment yang amat positif diberikan oleh majikan Kerajaan 1 dan 2 dalam memastikan ketidakpatuhan bagi PCB dan CP38 tidak berulang. Bagi kakitangan Kerajaan, sekiranya berlaku tunggakan hasil, ianya masih boleh dipungut melalui CP38 ke atas pencen.

LHDNM sentiasa melakukan jaringan yang baik bersama majikan Kerajaan serta kunjungan mesra sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Bilangan lawatan ke majikan Kerajaan akan diambil kira sebagai sebahagian daripada Key Performance Indicator (KPI) Unit Audit Majikan mulai tahun 2018.

Pada pendapat Audit, pengauditan terhadap majikan Kerajaan yang kurang dilaksanakan oleh Unit Audit Majikan menyebabkan majikan Kerajaan gagal mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

3.5.3. Pengurusan Pengeluaran dan Tindakan Terhadap Borang CP38

Selepas cukai pendapatan ditaksir dan sekiranya kadar PCB pekerja didapati tidak mencapai jumlah yang sepatutnya, surat arahan potongan gaji tambahan menerusi borang CP38 akan dikeluarkan oleh LHDNM kepada majikan untuk menyelesaikan cukai tertunggak tersebut. Berdasarkan Sistem Taksir Sendiri Bukan Syarikat (STSNC), pihak Audit mendapati pengurusan pengeluaran dan tindakan terhadap borang CP38 yang melibatkan enam majikan adalah kurang teratur/cekap seperti berikut:

3.5.3.1. Tempoh Masa Untuk Mengeluarkan Arahan CP38 Kepada Majikan

Semakan Audit mendapati LHDNM mengambil masa antara 31 hingga 2,909 hari daripada tarikh taksiran untuk mengeluarkan arahan CP38 berjumlah RM569,551 kepada majikan pada tahun 2014 dan 2015. Pihak Audit juga **mendapati tiada norma masa yang ditetapkan oleh LHDNM bagi pengeluaran arahan CP38**. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.11
TEMPOH MASA UNTUK MENGELUARKAN BORANG CP38

MAJIKAN	TAHUN 2014			TAHUN 2015		
	BIL. PEMBAYAR CUKAI	TEMPOH MASA (Hari)	JUMLAH CP38 (RM)	BIL. PEMBAYAR CUKAI	TEMPOH MASA (Hari)	JUMLAH CP38 (RM)
Kerajaan 1	4	92 - 787	6,995	11	116 - 276	61,252
Kerajaan 2	8	54 - 571	21,011	15	82 - 547	36,775
BK 1	6	112 - 2,909	50,505	6	124 - 226	57,902
BK 2	4	111 - 343	12,888	5	82 - 792	12,046
BK 3	8	101 - 504	49,607	15	31 - 780	109,461
BK 4	6	72 - 613	74,862	11	82 - 332	76,247
JUMLAH	**36**	**54 - 2,909**	**215,868**	**63**	**31 - 792**	**353,683**

Sumber: **Lejar di STSNC**
Nota: **BK - Bukan Kerajaan**

3.5.3.2. Kenaikan Cukai Tidak Dikenakan Terhadap Tunggakan CP38

Seksyen 103 ACP 1967 menetapkan kenaikan cukai 10% dikenakan pada hari pertama bulan selepas bulan terakhir diikuti dengan kenaikan cukai tambahan sebanyak 5% ke atas baki yang tidak dibayar dalam tempoh 60 hari dari tarikh kenaikan 10% dikenakan terhadap pembayar cukai yang tidak menjelaskan tunggakan cukai mengikut masa yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati 25 pembayar cukai melibatkan empat majikan tidak menjelaskan tunggakan cukai berjumlah RM205,580, namun penalti (kenaikan cukai) tidak dikenakan. Perinciannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.12
KENAIKAN TIDAK DIKENAKAN TERHADAP TUNGGAKAN CP38

MAJIKAN	TAHUN 2014		TAHUN 2015	
	BIL. PEMBAYAR CUKAI	JUMLAH TUNGGAKAN CP38 (RM)	BIL. PEMBAYAR CUKAI	JUMLAH TUNGGAKAN CP38 (RM)
Kerajaan 1	4	21,310	5	26,474
Kerajaan 2	2	12,716	8	18,368
BK 1	2	16,759	2	12,102
BK 3	2	97,851	-	-
JUMLAH	**10**	**148,636**	**15**	**56,944**

Sumber: Lejar di STSNC

Maklum Balas LHDNM yang Diterima Pada 12 Mei 2017

Tindakan telah diambil terhadap kes yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Antara tindakan yang diambil adalah kenaikan cukai dikenakan; pemberitahuan tindakan mahkamah dikeluarkan; sekatan perjalanan di bawah seksyen 104 ACP 1967 telah dikenakan; dan penyediaan tindakan guaman sivil.

Janaan CP38 kepada majikan bukan Kerajaan dan Kerajaan secara kelompok telah dikeluarkan secara tahunan dan norma masa yang ditetapkan untuk pengeluaran CP38 kepada majikan melalui janaan sistem secara auto adalah dalam tempoh 6 bulan dari tarikh baki debit wujud dalam sistem mulai tahun 2017 selepas tarikh e-filing bagi individu.

Usaha berterusan LHDNM bagi memastikan kutipan cukai melalui kaedah awal pemungutan iaitu dengan membuat panggilan telefon, email blast dan pengeluaran surat pemberitahuan tunggakan cukai (CP546X) secara auto. Oleh itu, tindakan mengeluarkan CP38 bukanlah satu-satunya tindakan pemungutan selepas majikan tidak membuat potongan PCB.

Pada pendapat Audit, tempoh masa yang lama untuk mengeluarkan borang CP38 dan kegagalan mengenakan penalti terhadap ketidakpatuhan majikan/pembayar cukai menyebabkan hasil Kerajaan lewat/kurang dikutip.

3.6. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi tahap pengurusan pemantauan bayaran ansuran cukai pendapatan melibatkan PCB dan CP38, adalah disyorkan supaya LHDNM mempertimbangkan perkara berikut:

3.6.1. meningkatkan kekerapan lawatan kepada majikan Kerajaan bagi memastikan kepatuhan majikan Kerajaan terhadap undang-undang dan peraturan yang ditetapkan;

3.6.2. menetapkan norma masa daripada tarikh taksiran sehingga ke tarikh penyerahan borang CP38 kepada majikan bagi memudahkan pemantauan terhadap proses pengeluaran CP38; dan

3.6.3. memastikan pemantauan bayaran ansuran yang berkesan serta mengambil tindakan yang lebih tegas agar majikan/pembayar cukai menjelaskan tunggakan cukai mengikut jadual yang telah ditetapkan.


4. PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN PRODUK HERBA BERNILAI TINGGI

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Projek Pembangunan Produk Herba Bernilai Tinggi atau *Entry Point Project* 1 (EPP 1) di bawah *National Key Economic Area* (NKEA) Pertanian bermula pada tahun 2011 hingga sasaran pencapaian pertumbuhan dan transformasi ekonomi Malaysia menjelang tahun 2020. Projek ini memberi fokus dalam memperkasakan kualiti produk dan meningkatkan usaha pemasaran untuk menembusi pasaran eksport global dalam produk nutraseutikal dan ubatan botanikal.

4.1.2. *Herbal Development Divison* (HDD) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) diberi mandat untuk memperkukuhkan dan memantapkan industri herba negara. Selain itu, HDD juga berperanan sebagai penyelaras di antara Kerajaan, industri, institusi penyelidikan/pengajian tinggi, syarikat peneraju dan petani untuk mencapai produk herba bernilai tinggi menjelang tahun 2020. Pembangunan Produk Herba Bernilai Tinggi melibatkan skop inisiatif peringkat huluan hingga ke hiliran seperti di rajah berikut:

RAJAH 4.1
SKOP INISIATIF EPP 1 DARI PERINGKAT HULUAN HINGGA HILIRAN



Sumber: HDD
Nota: DOA – Department of Agriculture
ECER – East Coast Economic Region
ECERDC – East Coast Economic Region Development Council
FRIM – Forest Research Institute Malaysia
UTM – Universiti Teknologi Malaysia
IMR - Institute For Medical Research
BPFK – Bahagian Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
IPT – Institut Pengajian Tinggi
RI – Research Institute

4.1.3. Terdapat 18 jenis herba yang diberi keutamaan dalam EPP 1 iaitu Mengkudu; Misai Kucing; Tongkat Ali; Kacip Fatimah; Roselle; Dukung Anak; Mas Cotek; Belalai Gajah; Halia; Pegaga; Hempedu Bumi; Kaduk/Sireh; Peria Katak; Sambung Nyawa; Lempoyang; Gelenggang; Senduduk dan Merunggai. Berdasarkan *Economic Transformation Programme* (ETP) Bab 15 – Pertanian, objektif EPP 1 menjelang tahun 2020 adalah menjana *Gross National Income* (GNI) sejumlah RM2,200 juta, pengwujudan 1,800 peluang pekerjaan dan 1,500 petani luar bandar serta menaik taraf perkhidmatan 300 pengilang.

4.1.4. Bagi merealisasikan EPP 1, sejumlah RM610.22 juta siling peruntukan telah diluluskan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2020. Bermula tahun 2011 hingga 2016, peruntukan sejumlah RM316.43 juta telah diterima bagi membiayai projek EPP 1.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai pengurusan projek pembangunan produk herba bernilai tinggi telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan mencapai objektif yang ditetapkan.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pembangunan produk herba bernilai tinggi bermula tahun 2011 hingga 2016. Sampel pengauditan yang dipilih meliputi:

i. *NKEA EPP 1 Research Grant Scheme* (NRGS) melibatkan tujuh agensi/institusi pengajian tinggi (IPT)/institut penyelidikan (RI) serta enam syarikat peneraju;

ii. enam Geran Projek Khas melibatkan lima agensi;

iii. pembangunan Monograf Herba Malaysia;

iv. menaik taraf Makmal *Good Laboratory Practice* (GLP) Institut Penyelidikan Perubatan (IMR);

v. projek *Herbal Park* di Pasir Raja, Terengganu; dan

vi. program Kluster Herba di Johor dan Terengganu yang turut melibatkan petani herba.

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan menganalisis data pencapaian objektif EPP 1 di MOA, Jabatan Pertanian (DOA), Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), syarikat peneraju dan IPT/RI. Selain itu, lawatan fizikal dilaksanakan bersama pegawai terlibat dalam projek EPP 1 serta menemubual petani.

4.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan November 2016 hingga Februari 2017 mendapati projek EPP 1 mencapai objektif bilangan peluang pekerjaan 94.2%, pengilang 18.3% dan petani luar bandar 68.2% selepas enam tahun pelaksanaannya bermula tahun 2011 dengan tempoh masa berbaki empat tahun menjelang tahun 2020. Pembangunan sistem rantaian nilai (SriHerba) telah berjaya dilaksanakan secara *in house* oleh FRIM, skop inisiatif berkaitan monograf dan kajian penyelidikan juga telah berjaya dilaksanakan/diterbitkan sepenuhnya. Bagaimanapun, pencapaian objektif GNI adalah sebanyak 4.4% di mana projek EPP 1 amat bergantung kepada keputusan kajian pra-klinikal/klinikal yang masih belum selesai.

Beberapa kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

i. kontrak tidak dimeterai bagi 53 projek dan empat kontrak lewat dimeterai antara 194 hingga 335 hari;

ii. skop inisiatif menanam pokok herba secara komersial dilaksanakan secara serentak dengan skop kajian pra-klinikal/klinikal iaitu sebelum memperoleh keputusan sama ada herba berkenaan boleh dikategorikan sebagai produk herba bernilai tinggi;

iii. kemudahan infrastruktur melibatkan 25 unit bangunan di *Herbal Park* Pasir Raja, Dungun, Terengganu bernilai RM3.84 juta belum diduduki sejak dua tahun empat bulan bermula dari tarikh serahan;

iv. jenis herba selain daripada yang disenaraikan di bawah EPP 1 ditanam secara komersial melibatkan 188.53 hektar di Negeri Johor dan Terengganu;

v. penamatan kontrak disebabkan tuntutan syarikat peneraju menggunakan dokumen palsu bagi kajian pra-klinikal;

vi. caj guaman untuk mendapatkan pembiayaan pihak ketiga oleh syarikat peneraju berjumlah RM40,705 telah dibayar walaupun di luar skop pembiayaan EPP 1;

vii. mesin *Stick Pad Packing* dan peralatan kawalan kualiti bernilai RM1.33 juta telah dibayar tanpa bekalan; dan

viii. aset dan peralatan makmal bernilai RM1.14 juta di *Institute for Medical Research* (IMR) tidak digunakan selama empat hingga lima tahun kerana makmal tidak dapat beroperasi.

Perkara yang ditemui dan maklum balas HDD telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 26 April 2017. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

4.5.1. Prestasi Kewangan

4.5.1.1. Mulai tahun 2011 hingga 2016 (6 tahun), HDD telah membelanjakan sejumlah RM278.72 juta (88.1%) daripada peruntukan pembangunan berjumlah RM316.43 juta bagi membiayai EPP 1. Butiran prestasi kewangan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.1
PRESTASI KEWANGAN BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2016

TAHUN	PERUNTUKAN DILULUSKAN	PERUNTUKAN DITERIMA	PERUNTUKAN DIKEMASKINI	PERBELANJAAN		BAKI	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
2011	60.10	36.30	36.30	36.27	99.9	0.03	0.1
2012	78.16	67.90	67.90	65.86	97.0	2.04	3.0
2013	100.00	96.03	96.03	60.94	63.5	35.09	36.5
2014	116.50	116.50	56.50	56.12	99.3	0.38	0.7
2015	93.00	93.00	29.50	29.36	99.5	0.14	0.5
2016	50.00	50.00	30.20	30.17	99.9	0.04	0.1
JUMLAH	**497.76**	**459.73**	**316.43**	**278.72**	**88.1**		

Sumber: HDD

4.5.1.2. Analisis Audit mendapati peratus perbelanjaan hampir 100% berdasarkan peruntukan yang diterima menunjukkan keberkesanan pengurusan kewangan Kerajaan seperti mana yang dirancang kecuali bagi tahun 2013 yang berbaki RM35.09 juta (36.5%). Baki ini terutamanya sekali disebabkan berlaku kelewatan tuntutan imbuhan balik bagi skop inisiatif pra-klinikal/klinikal oleh syarikat peneraju.

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017

HDD akan terus memantau prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan dan memastikan ianya dibelanjakan berdasarkan kepada skop projek yang telah diluluskan secara optimum agar pencapaian ouput dan objektif EPP 1 yang ditetapkan akan dapat dicapai dengan komprehensif dan berkesan.

Pada pendapat Audit, pencapaian prestasi kewangan pada tahun 2011 hingga 2016 secara umumnya adalah baik.

4.5.2. Prestasi Projek Pembangunan Produk Herba Bernilai Tinggi

Projek pembangunan produk herba bernilai tinggi dilaksanakan melalui 13 skop inisiatif secara berfasa bermula dari peringkat huluan (perladangan pokok herba) hingga ke peringkat hiliran (pengeluaran dan promosi produk herba bernilai tinggi).

4.5.2.1. Berdasarkan ETP Pertanian, objektif EPP 1 menjelang tahun 2020 adalah untuk menjana GNI sejumlah RM2,200 juta, pengwujudan 1,800 peluang

pekerjaan dan 1,500 petani luar bandar dan membuka peluang bagi 300 pengilang untuk menaik taraf perkhidmatan daripada aktiviti perdagangan dan pembungkusan kepada perkilangan produk berkualiti tinggi hasilan formulasi inovatif. Butiran prestasi pencapaian objektif setakat bulan Disember 2016 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.2
PRESTASI PROJEK EPP 1 BERMULA PADA TAHUN 2011 HINGGA DISEMBER 2016

OBJEKTIF	GNI			PELUANG PEKERJAAN			PENGILANG			PETANI LUAR BANDAR		
Sasaran EPP 1 Pada Tahun 2020	RM2,200 juta			1,800 Pekerja			300 Pengilang			1,500 Petani		
AKTIVITI	SASAR	CAPAI		SASAR	CAPAI		SASAR	CAPAI		SASAR	CAPAI	
	(RM Juta)	(RM Juta)	PERATUS (%)	BIL.	BIL.	PERATUS (%)	BIL.	BIL.	PERATUS (%)	BIL.	BIL.	PERATUS (%)
NRGS - IPT/RI	TB	TB	TB	TB	266	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
NRGS - Syarikat Peneraju	1,815.18	81.80	4.5	1,641	338	20.6	13	13	100.0	TB	TB	TB
Kluster Herba - DOA	13.50	14.86	110.1	1,013	1,023	101.0	50	40	80.0	1,013	1,023	101.0
Herbal Park - ECERDC	-	-	-	95	68	71.6	2	2	100.0	-	-	-
JUMLAH	**1,828.68**	**96.66**	**5.3**	**2,749**	**1,695**	**61.7**	**65**	**55**	**84.6**	**1,013**	**1,023**	**101.0**
PERATUS PENCAPAIAN BERDASARKAN SASARAN EPP 1 MENJELANG TAHUN 2020	**4.4% (96.66/2,200)**			**94.2% (1,695/1,800)**			**18.3% (55/300)**			**68.2% (1,023/1,500)**		

Sumber: HDD
Nota: TB – Tidak Berkaitan

4.5.2.2. Analisis Audit mendapati, pencapaian objektif GNI sebanyak 4.4% adalah berasaskan sasaran EPP 1 menjelang tahun 2020. Hal ini adalah kerana nilai pengeluaran produk herba bernilai tinggi bergantung kepada keputusan kajian pra-klinikal/klinikal di mana herba berkenaan dapat dikategorikan dalam produk herba bernilai tinggi. Bagaimanapun, kajian pra-klinikal/klinikal masih sedang dilaksanakan. Manakala prestasi pencapaian bilangan peluang pekerjaan adalah 94.2%, pengilang 18.3% dan petani luar bandar 68.2% telah dicapai selepas 6 tahun pelaksanaan EPP 1.

a. Asas Pengiraan *Gross National Income* (GNI) Tidak Mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) PEMANDU

Berdasarkan SOP PEMANDU, pengiraan GNI hendaklah menggunakan peruntukan EPP 1 berasaskan hasil nilai pengeluaran produk herba bernilai tinggi. Semakan Audit mendapati setakat bulan Februari 2017 pencapaian GNI NRGS syarikat peneraju adalah RM81.80 juta (4.5%) daripada sasaran RM1,815.18 juta. Bagaimanapun, analisis Audit mendapati asas pengiraan GNI syarikat peneraju ini adalah berdasarkan nilai pengeluaran produk sedia

ada yang tidak dihasilkan daripada peruntukan EPP 1. Selain itu, produk sedia ada tersebut belum dilaksanakan/selesai kajian klinikal iaitu masih belum terbukti sebagai produk herba bernilai tinggi. Dengan itu, nilai pengeluaran produk sedia ada sepatutnya tidak diambil kira sebagai penjanaan GNI EPP 1.

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017

Delivery Management Office (DMO), MOA mengarahkan setiap pemilik EPP 1 untuk mengkaji semula sasaran GNI yang baru agar dapat memberikan unjuran yang lebih tepat dan realistik berdasarkan status dan pencapaian terkini. HDD sedang menyediakan maklumat tersebut dengan kerjasama pihak syarikat peneraju di bawah EPP 1 dan telah mengemukakan unjuran GNI yang baru kepada pihak DMO pada 7 April 2017 dan masih menunggu keputusan.

Pada pendapat Audit, asas pengiraan GNI berdasarkan unjuran yang tidak realistik memberi indikator pencapaian yang tidak tepat dan turut menjejaskan *milestone* (carta perbatuan) dengan satu gambaran yang tidak benar terhadap pencapaian GNI projek EPP 1 menjelang tahun 2020.

b. Kelewatan Mencapai GNI Akibat Pra-Klinikal dan Klinikal Belum Selesai

Sejak projek EPP 1 dilaksanakan mulai tahun 2011, sebanyak 14 syarikat peneraju telah dilantik untuk melaksanakan kajian pra-klinikal dan klinikal terhadap 27 produk herba. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2016, hanya satu produk daripada 27 produk herba tersebut telah siap kajian klinikal, 23 produk masih dilaksanakan dan 3 produk telah ditamatkan. Penilaian terhadap syarikat peneraju EPP 1 pada 15 dan 22 Mac 2017 semasa Sesi Pemantauan Dan Penilaian Syarikat Peneraju oleh MOA mendapati prestasi pencapaian pra-klinikal/klinikal adalah kurang memuaskan dan kebanyakannya hanya akan dapat diselesaikan pada tahun 2019. Selain itu, antara punca kelewatan adalah salah satu syarikat peneraju telah ditamatkan kontrak dan satu lagi syarikat dalam proses penamatan kontrak pada tahun 2017. Dengan tempoh masa yang berbaki 4 tahun (2017 – 2020) dan komitmen syarikat peneraju terhadap ujian pra-klinikal/klinikal yang kebanyakan hanya dijangka siap pada tahun 2019 akan menyebabkan objektif EPP 1 bagi GNI menjelang tahun 2020 sukar dicapai. Pembuktian keputusan pra-klinikal dan klinikal terhadap jenis herba yang berpotensi sebagai produk herba bernilai tinggi sepatutnya dicapai lebih awal iaitu dalam lingkungan tahun 2016/2017 supaya penanaman herba berkenaan dapat diusaha dan dipergiatkan tanamannya dalam tempoh masa yang munasabah bagi menghasilkan nilai pengeluaran yang turut memberi impak kepada GNI EPP 1.

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017

HDD telah mengangkat cadangan bagi mengkaji semula sasaran objektif/KPI EPP 1 yang telah ditetapkan oleh PEMANDU kepada DMO, MOA pada 27 Mac 2017. Selain itu, HDD juga akan sentiasa memantau secara berterusan prestasi projek dan pencapaian objektif/KPI yang telah ditetapkan melalui platform Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal/ Sub-Kumpulan Herba/Penilaian/Pemilihan/PEMANDU dan menambahbaik mekanisme pemantauan dengan Sesi Penilaian dan Pemantauan Jawatankuasa dan laporan prestasi setiap projek EPP 1.

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian GNI adalah pada tahap yang sangat rendah iaitu 4.4% berbanding dengan sasaran menjelang tahun 2020.

4.5.3. Pengurusan Kontrak

4.5.3.1. Dokumen kontrak bertujuan mengikat obligasi syarikat peneraju/agensi/IPT/RI di bawah EPP 1 di samping memastikan kepentingan Kerajaan dilindungi serta kedua-dua pihak mematuhi syarat kontrak yang telah ditetapkan. Dalam sesuatu kontrak akan mempunyai syarat-syarat dan terma yang terperinci dan komprehensif supaya semua pihak yang terlibat adalah jelas dengan obligasi masing-masing serta boleh dijadikan sebagai asas pengadilan jika berlaku pertindihan/keingkaran kelak.

4.5.3.2. Semakan Audit mendapati tiada kontrak dimeterai bagi 53 projek/kajian melibatkan syarikat peneraju/Agensi/IPT/RI dengan MOA yang melibatkan sejumlah RM107.51 juta termasuk dua kontrak tambahan. Manakala empat projek/kajian berjumlah RM7.57 juta melibatkan RI/agensi lewat dimeterai antara 194 hingga 335 hari. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.3** dan **4.4**:

JADUAL 4.3
PROJEK/KAJIAN DI BAWAH EPP 1 YANG TIADA KONTRAK DIMETERAI

BIL.			PERKARA	BILANGAN AKTIVITI	TARIKH LOA*/ TARIKH KELULUSAN PERMOHONAN	AMAUN (RM Juta)
1.	Pembinaan 3 *Herbal Park***			1	02.01.2012	52.00
2.	Geran Penyelidikan dan Pembangunan NKEA Herba (NRGS) Kepada:					
	2.1.	Institut Pengajian Tinggi (IPT) / Institusi Penyelidikan (RI)		48	Pelbagai tarikh***	17.49
	2.2.	Syarikat Peneraju bagi Pra-Klinikal dan Klinikal (Kontrak Tambahan):				
		2.2.1.	Natureceuticals Sdn. Bhd. - perolehan mesin ekstraktor dan peralatan cGMP	1	-	12.49
		2.2.2.	Nova Laboratories Sdn. Bhd. - lanjutan tempoh kajian	1	-	14.29
	2.3.	Mendokumentasikan Maklumat Pengetahuan Tradisi (TK) dan Sumber Genetik (GR) - MyTKDL		1	04.11.2014	1.90
	2.4.	Pembangunan *Herbal Extraction Centre* (HEC)		1	30.06.2014	9.34
JUMLAH				**53**	**-**	**107.51**

Sumber: HDD
Nota: **(*) – Surat Setuju Terima/*Letter of Acceptance***
(**) - Hanya Dua Daripada Tiga Herbal Park Siap Dibina dan Satu Lagi Ditangguh Pembinaan
(***) - 48 Surat Kelulusan Dengan Pelbagai Tarikh iaitu 1 September 2011 Hingga 30 April 2014

JADUAL 4.4
PROJEK/KAJIAN DI BAWAH EPP 1 YANG LEWAT METERAI KONTRAK

BIL.	PERKARA	TARIKH LOA*/TARIKH KELULUSAN PERMOHONAN	TARIKH TANDATANGAN KONTRAK	AMAUN (RM Juta)	LEWAT (Hari)	ULASAN PUNCA KELEWATAN
1.	Kajian Rantaian Nilai di Semenanjung Malaysia	20.06.2014	28.09.2015	1.96	335	HDD perlu mendraf kontrak mengikut kesesuaian projek dan tiada kepakaran serta kekurangan kakitangan.
2.	Kajian Pembangunan Dokumen-Dokumen Kod Amalan, Spesifikasi Teknikal dan Kaedah Pengujian Untuk Herba-Herba Terpilih Bagi Memperkukuhkan Industri Herba Tempatan (Industrial Standard)	04.11.2014	19.11.2015	1.50	260	HDD perlu draf terlebih dahulu kontrak yang bersesuaian dan pada 21 September 2015 telah hantar kepada PUU, MOA untuk dimuktamadkan. Kelewatan juga berpunca dari penstrukturan semula SIRIM Berhad melibatkan penempatan penyelidik dan pusat yang bertangungjawab untuk pelaksanaan projek.
3.	Pendokumentasian Secara Komprehensif Pengetahuan Tradisi Melayu/*Tradisional Knowledge* (TK Malay) Berkaitan Tumbuhan Ubatan di Semenanjung Malaysia	15.03.2013 14.09.2013	31.07.2015	3.61	200	HDD perlu mendraf kontrak mengikut kesesuaian projek dan tiada kepakaran serta kekurangan kakitangan.
4.	Kajian Kebolehlaksanaan Pewujudan Pusat Dagangan Herba Nasional (Herbal Trading House)	04.11.2014	14.09.2015	0.50	194	HDD perlu mendraf kontrak mengikut kesesuaian projek dan tiada kepakaran serta kekurangan kakitangan.
JUMLAH				**7.57**		

Sumber: **HDD**
Nota: **(*) - Surat Setuju Terima*/*Letter of Acceptance***

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017

Projek/Kajian Di Bawah EPP 1 Yang Tiada Kontrak Dimeterai - HDD mengambil maklum pengesyoran Audit berkenaan dan perbincangan awal bersama PUU, MOA telah dilakukan pada 27 dan 28 Mac 2017 untuk penyediaan kontrak dengan ECERDC bagi pembangunan Herbal Park dan syarikat peneraju bagi kajian pra-klinikal/klinikal. Kontrak dijangka akan dimuktamadkan selewat-lewatnya pada awal bulan April 2017. Berkaitan supplementary agreement, HDD sedang memperincikan terma rujukan yang diperlukan bagi pelaksanaan projek tersebut sebelum dikemukakan kepada PUU, MOA bagi penambahbaikan selanjutnya. Perjanjian tambahan ini dijangka akan dimuktamadkan selewat-lewatnya pada bulan Jun 2017.

Manakala bagi 48 NRGS dan MyTKDL, pelaksanaan aktiviti ini telahpun tamat dan overtaken by events semasa draf kontrak perjanjian sedang diusahakan. Untuk HEC pula HDD akan memastikan perkara tidak berulang pada masa akan datang.

Projek/Kajian Di Bawah EPP 1 Yang Lewat Meterai Kontrak - HDD mengambil maklum dan akan memastikan perkara ini tidak berulang di masa akan datang.

Pada pendapat Audit, ketiadaan dan kelewatan memeterai kontrak dalam tempoh yang sepatutnya akan menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak dilindungi.

4.5.4. Kajian Pra-Klinikal/Klinikal bagi Penghasilan Produk Herba Bernilai Tinggi

4.5.4.1. Proses skop inisiatif dalam EPP 1 hendaklah dirancang dan dilaksanakan secara sistematik berdasarkan keutamaan skop inisiatif berasaskan *timeline* bagi menjamin keberkesanan kejayaan projek EPP 1. Fokus projek EPP 1 adalah untuk memperkasakan kualiti produk dan pemasaran untuk menembusi pasaran tempatan dan eksport global sebagai produk nutraseutikal dan *botanical drugs/medicine*. Berpandukan kepada fokus ini, kejayaan projek EPP 1 secara keseluruhannya amat bergantung pada keputusan akhir ujian pra-klinikal (ke atas binatang) diikuti dengan klinikal (ke atas manusia). Jika keputusan akhirnya berjaya iaitu dengan pembuktian sesuatu produk herba dapat digunakan oleh manusia sebagai produk nutraseutikal ataupun *botanical drugs/medicine* sebagai alternatif kepada *chemical drugs/medicine* dan berpotensi untuk dipromosikan di pasaran tempatan dan antarabangsa maka skop inisiatif seterusnya iaitu perladangan boleh mula diusahakan secara berskala komersial. Dengan itu, hala tuju EPP 1 secara strategiknya dapat menjamin kejayaan perubatan/kesihatan manusia di samping melonjakkan ekonomi negara secara mampan.

4.5.4.2. Jika keputusan ujian klinikal ke atas sesuatu jenis herba tidak berjaya maka pelaksanaan skop inisiatif perladangan perlu ditangguh supaya perbelanjaan Kerajaan dapat dijimatkan. Dengan itu, ujian pra-klinikal dan klinikal adalah satu keutamaan dalam proses skop inisiatif bagi menentukan jenis herba yang sebenarnya berkelayakan secara saintifik untuk ditanam dan seterusnya dipromosikan sebagai produk nutraseutikal ataupun *botanical drugs/medicine*. Selain itu, ketetapan proses skop inisiatif secara sistematik iaitu mengikut keutamaan akan menjamin pencapaian *outcome* yang lebih berkesan dengan perbelanjaan wang awam yang lebih berhemat. Ini adalah kerana jika penanaman pokok herba secara komersial dilaksanakan terlebih dahulu tanpa keputusan klinikal dan kemudiannya didapati tidak boleh dikategorikan sebagai produk herba bernilai tinggi maka hasil tanaman tersebut tidak akan dapat digunakan bagi tujuan sebenar EPP 1.

4.5.4.3. Semakan Audit mendapati semua skop inisiatif EPP 1 telah mula dilaksanakan secara serentak tanpa pembuktian hasil kajian klinikal sama ada sesuatu jenis herba berkenaan sebenarnya berpotensi atau tidak. Sebagai contoh, perladangan pokok herba seperti Misai Kucing, Kacip Fatimah, Tongkat Ali, Roselle, Hempedu Bumi dan Mas Cotek telah mula dilaksanakan dalam skala komersial melibatkan 1,454.03 hektar di *Herbal Park* (Terengganu dan Pahang) dan Kluster Herba (Semenanjung Malaysia) dengan jumlah

perbelanjaan RM63.50 juta. Jika ujian klinikal gagal membuktikan keberkesanan sesuatu produk herba untuk dijadikan produk nutraseutikal dan *botanical drug*/*medicine* maka pengguna hanya boleh menggunakan produk herba secara tradisional tanpa pembuktian secara saintifik keberkesanannya.

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017 dan 12 Mei 2017

Pelaksanaan terhadap skop inisiatif yang lain secara serentak (concurrently) dilihat perlu bagi memastikan pencapaian objektif dan outcome projek dapat dicapai dengan lebih komprehensif (menyeluruh) serta berkesan. Bagaimanapun, HDD sentiasa memantau melalui platform dan mekanisme pemantauan seperti Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal/Sub-Kumpulan Herba Penilaian/Pemilihan/PEMANDU NKEA Pertanian dan menambah baik mekanisme pemantauan dengan Sesi Penilaian dan Pemantauan Jawatankuasa dan laporan prestasi bagi setiap projek EPP 1.

Pada pendapat Audit, keutamaan fasa skop inisiatif tidak diberi perhatian dalam perancangan *milestone* (carta perbatuan) projek EPP 1 iaitu kajian pra-klinikal dan klinikal bagi penghasilan produk herba bernilai tinggi sepatutnya diselesaikan sebelum penanaman pokok herba secara komersial dilaksanakan.

4.5.5. Peringkat Huluan

Skop inisiatif di peringkat huluan terdiri daripada *Herbal Park* dan Program Kluster Herba. Peringkat huluan adalah bertujuan untuk perladangan pokok herba dan pengeluaran bahan mentah herba. *Herbal Park* diuruskan oleh ECERDC di Pahang dan Terengganu dengan syarikat peneraju sebagai pengusaha penanaman pokok herba manakala program kluster herba diuruskan oleh Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) dengan petani pokok herba.

4.5.5.1. Prestasi Pencapaian *Herbal Park*

Berdasarkan ETP 15 – Pertanian, untuk menjadikan pusat pengeluaran bahan mentah herba yang mampan setiap *Herbal Park* dengan keluasan 400 hektar perlu memperuntukkan 40% (160 hektar) daripada tanahnya untuk ditanam oleh lebih 50 pekebun kecil. MOA telah menyalurkan peruntukan mulai tahun 2011 hingga 2016 sejumlah RM52.86 juta kepada ECERDC bagi tiga *Herbal Park*. Mulai tahun 2014, dua daripada tiga *Herbal Park* iaitu Pasir Raja, Dungun, Terengganu; dan Chegar Perah, Kuala Lipis, Pahang telah mula diusahakan dengan perbelanjaan sejumlah RM40.70 juta (77%). Setakat bulan Disember 2016 sebanyak 25.1% (72.84 hektar) telah diusahakan oleh syarikat peneraju tanpa melibatkan pekebun kecil (petani luar bandar) berdasarkan perladangan kontrak. Manakala *Herbal Park* di Durian Mentangau, Terengganu ditangguhkan pada 4 Februari 2014 kerana tiada sambutan daripada syarikat peneraju herba.

Semakan selanjutnya terhadap peluang pekerjaan baru mendapati sebanyak 68 (71.6%) daripada sasaran 95 pekerjaan baru telah diwujudkan setakat tahun 2016 dan ke semua pekerjanya terdiri daripada warganegara tempatan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.5
KELUASAN TANAH YANG DIUSAHAKAN DAN PELUANG PEKERJAAN BARUYANG DIWUJUDKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2016

HERBAL PARK	KOS PROJEK (RM Juta)	KELUASAN TANAH				PEKEBUN KECIL*		PELUANG PEKERJAAN		
		JUMLAH (Hektar)	SASAR* (Hektar)	CAPAI (DITANAM)		SASAR	CAPAI	SASAR	CAPAI	
				Hektar	(%)	BIL.	BIL.	BIL.	BIL.	(%)
Pasir Raja, Dungun, Terengganu	19.39	406	162.40	40.47	24.9	50	0	65	45	69.2
Chegar Perah, Kuala Lipis, Pahang	21.32	320	128.00	32.37	25.3	50	0	30	23	76.7
Durian Mentangau, Terengganu	TB	130	Ditangguhkan			TB	TB	TB	TB	TB
JUMLAH	**40.70**	**856**	**290.40**	**72.84**	**25.1**	**100**	**0**	**95**	**68**	**71.6**

Sumber: **ECERDC**
Nota: **(*) - 40% Daripada Jumlah Keluasan Tanah yang Perlu Diusahakan oleh Pekebun Kecil (Petani Luar Bandar) Berdasarkan Perladangan Kontrak.**

Pada pendapat Audit, peratus pencapaian keluasan tanah yang ditanam (25.1%) dan peluang pekerjaan baru (71.6%) adalah *within acceptable range*. Hal ini adalah kerana pra-klinikal dan klinikal terhadap herba masih sedang dilaksanakan dan belum dibuktikan secara saintifik kepenggunaannya kepada manusia. *Milestone* (carta perbatuan) antara pra-klinikal dan klinikal dengan titik permulaan penanaman pokok herba secara komersial dalam turutan fasa berperingkat adalah penting untuk memastikan keberkesanan *value chain* dalam penghasilan produk herba bernilai tinggi menjelang tahun 2020.

4.5.5.2. Kemudahan Infrastruktur *Herbal Park* yang Belum Diguna/ Diduduki

Lawatan Audit pada 15 Februari 2017 di *Herbal Park* Pasir Raja, Dungun, Terengganu mendapati 25 unit bangunan terdiri daripada rumah pegawai, asrama/*hostel,* rumah pekerja teres, rumah pengurus dan surau melibatkan kos pembinaan sejumlah RM3.84 juta belum diduduki sejak siap dibina pada 20 Ogos 2014 (tarikh serah bangunan kepada syarikat peneraju). Manakala, dua unit lot kedai bernilai RM0.14 juta digunakan bagi tujuan lain iaitu sebagai premis sementara untuk menyimpan bahan mentah. Pihak Audit dimaklumkan kekosongan ini berlaku disebabkan semua pekerja adalah penduduk tempatan. Bangunan yang belum diduduki adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 4.6
BANGUNAN *HERBAL PARK* PASIR RAJA, DUNGUN, TERENGGANU YANG BELUM DIDUDUKI

BIL.	BANGUNAN	BILANGAN (Unit)	KOS PEMBINAAN (RM Juta)
1.	Rumah Pegawai (*Corner Lot/End Lot/Intermediate Lot)*	12	1.62
2.	Asrama/Hostel	2 Blok (16 Bilik)	1.00
3.	Rumah Pekerja Teres (*End Lot/Intermediate Lot)*	9	0.89
4.	Rumah Pengurus	1	0.21
5.	Surau	1	0.12
JUMLAH		**25**	**3.84**

Sumber: Perjanjian Kontrak ECERDC dan Kontraktor Pembinaan Bangunan

GAMBAR 4.1



Herbal Park Pasir Raja, Dungun
- Asrama/Hostel Belum Diduduki
(15.02.2017)

GAMBAR 4.2



Herbal Park Pasir Raja, Dungun
- Rumah Pegawai Belum Diduduki
(15.02.2017)

GAMBAR 4.3



Herbal Park Pasir Raja, Dungun
- Rumah Pekerja Teres Belum Diduduki dan 8 daripada 16 Unit Dicadang Untuk Diubahsuai Sebagai *Homestay*
(15.02.2017)

GAMBAR 4.4



Herbal Park Pasir Raja, Dungun
- Rumah Pengurus Belum Diduduki. Dicadang Untuk Dijadikan Galeri dan *Laboratory*
(15.02.2017)



GAMBAR 4.5

Herbal Park Pasir Raja, Dungun
- Lot Kedai Dijadikan Tempat Untuk Menyimpan Bahan Mentah
(15.02.2017)

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017 dan 12 Mei 2017

Syarikat peneraju merancang untuk mengisi rumah pekerja secara berperingkat berdasarkan pelan pengisian pekerja mahir dan separa mahir terutamanya di dalam operasi CPPC serta R&D. Bagi rumah pegawai, dua unit telah diduduki secara tetap dan tiga unit lagi digunakan oleh pegawai daripada ibu pejabat dalam lawatan operasi mingguan/berkala.

Pada pendapat Audit, 25 unit bangunan yang belum diduduki selama dua tahun empat bulan sejak ianya dibina merupakan satu pembaziran serta tidak memberi pulangan terbaik kepada perbelanjaan Kerajaan.

4.5.5.3. Prestasi Program Kluster Herba

Semakan Audit mendapati pencapaian GNI bagi program kluster herba mulai tahun 2012 hingga 2016 adalah sejumlah RM14.86 juta (110.1%) iaitu melebihi daripada sasarannya berjumlah RM13.50 juta. DOA telah melibatkan 1,023 petani dengan keluasan tanah 1,381.19 hektar di bawah program ini. Sejumlah RM22.8 juta (98.6%) daripada peruntukan RM23.1 juta telah dibelanjakan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2016 bagi program kluster herba.

4.5.5.4. Jenis Herba Selain Daripada yang Disenaraikan di Bawah EPP 1 Turut Diusahakan di Bawah Program Kluster Herba

a. Semakan Audit terhadap pemberian geran/bantuan insentif kepada 211 petani di bawah program kluster herba di Negeri Johor dan Terengganu mendapati sejumlah RM0.495 juta geran telah diberikan kepada 63 petani (29.9%) yang mengusahakan jenis herba selain daripada yang disenaraikan dalam EPP 1 iaitu bunga kantan, lengkuas, kesum, serai, limau purut/nipis, kunyit, lidah buaya, stevia dan pandan wangi. Semakan selanjutnya terhadap rekod di DOA negeri Johor dan Terengganu mendapati keluasan tanah yang terlibat adalah sebanyak 188.53 hektar bagi kedua-dua negeri tersebut dengan tanaman selain daripada yang disenaraikan di bawah EPP 1. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.7
JENIS HERBA DAN BUKAN HERBA EPP 1 YANG DIUSAHAKAN OLEH PETANI DI JOHOR DAN TERENGGANU BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2016

NEGERI	JUMLAH BILANGAN PETANI	HERBA EPP 1		BUKAN HERBA EPP 1		
		BILANGAN PETANI	PERATUS (%)	BILANGAN PETANI	PERATUS (%)	PERBELANJAAN GERAN (RM)
Johor	54	36	66.7	18	33.3	243,969.05
Terengganu	157	112	71.3	45	28.7	251,492.54
JUMLAH	**211**	**148**	**70.1**	**63**	**29.9**	**495,461.59**

Sumber: DOA dan PTIF, Johor dan Terengganu

b. Lawatan Audit ke negeri Johor dan Terengganu membuktikan berlaku perladangan tanaman rempah ratus yang tidak tersenarai di antara 18 jenis herba EPP 1 iaitu sembilan (50%) daripada 18 peserta di Batu Pahat, Johor hanya mengusahakan bunga kantan, pandan wangi, serai dan limau purut. Manakala, di Hulu Terengganu, Terengganu pula, dua (20%) daripada sepuluh peserta mengusahakan kesum dan serai. Pihak Audit dimaklumkan, HDD bersetuju untuk melaksanakan strategi penanaman integrasi dengan rempah ratus/tanaman lain di peringkat transisi program iaitu tahun 2015 - 2020. Hal ini adalah bagi menjamin pendapatan petani dan kelestarian projek dalam masa *gestation period* yang panjang.

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017

DOA telah merangka Pelan Perancangan Pengurangan Tanaman Rempah Ratus selain 18 Fokus Herba bagi tahun 2017 hingga 2020. Selain itu, DOA sedang menambah baik Surat Aku Janji kepada petani dengan penekanan terhadap pengurangan peratus penanaman rempah ratus dalam tanaman integrasi secara tahunan.

Pada pendapat Audit, mekanisme pelaksanaan penanaman selain daripada 18 jenis herba dengan menggunakan peruntukan EPP 1 menjejaskan objektif sebenar projek.

4.5.6. Peringkat *Enabler* – Prestasi *NKEA EPP 1 Research Grant Scheme* (NRGS)

4.5.6.1. NRGS menyediakan dua kategori geran bagi menggalakkan perkembangan industri herba dan dijangka dapat menyumbang kepada GNI. Kategori pertama adalah geran aktiviti penyelidikan herba asas dan gunaan kepada IPT dan Institusi Penyelidikan (RI) untuk penghasilan output dalam bentuk teori, konsep, teknologi dan proses berinovatif. Sehingga tahun 2015, 140 projek penyelidikan melibatkan sejumlah RM41.4 juta (94.7%) telah dibelanjakan berbanding RM53.8 juta NRGS yang telah diluluskan dan sebanyak 17 (94.4%) daripada 18 jenis herba di bawah EPP 1 telah/sedang dibuat kajian penyelidikan kecuali herba gelenggang.

4.5.6.2. Manakala kategori kedua adalah geran kepada 14 syarikat peneraju bagi membiayai pembangunan produk herba melalui kajian pra-klinikal dan klinikal terhadap 27 produk herba. Ia bertujuan untuk memperkayakan maklumat saintifik dan memenuhi prasyarat kriteria pendaftaran produk di peringkat tempatan dan antarabangsa. Berdasarkan Minit Mesyuarat JKP NKEA Bil. 1 Tahun 2017, setakat 31 Disember 2016 daripada 27 produk herba tersebut, hanya satu produk telah siap kajian klinikal, 23 produk masih

dilaksanakan dan tiga produk telah ditamatkan. Pembiayaan NRGS dibuat secara imbuhan balik berdasarkan resit dan dokumen yang dikemukakan oleh syarikat peneraju. Setakat Disember 2016 sejumlah RM96.23 juta daripada RM380.20 juta telah dibayar kepada 14 syarikat peneraju.

a. Penamatan Kontrak Disebabkan Tuntutan Syarikat Peneraju Menggunakan Dokumen Palsu Bagi Kajian Pra-Klinikal

MOA telah melantik Syarikat Edaran Ariff Medik Sdn. Bhd. (EAMSB) bagi pelaksanaan kajian pra-klinikal dan klinikal terhadap produk herba Baunkem (wound healing powder) pada 15 September 2014. Syarikat telah dibayar pada 6 Mei 2015 oleh MARDI berjumlah RM0.3 juta bagi tuntutan pertama dan tuntuan kedua pada 7 Mei 2015 berjumlah RM0.7 juta. Kedua-dua bayaran ini adalah untuk kerja menyedia bahan mentah dan pembelian *reference standard for chemical markers* serta *expert review and profesional fees* iaitu skop kerja sebelum pelaksanaan kajian pra-klinikal dan klinikal. Kemudiannya, bagi pelaksanaan pra-klinikal dan klinikal, EAMSB dalam proses pelantikan *Contract Research Organization* (CRO) sebagai *collaborator* telah mengemukakan tiga sebut harga termasuk dua sebut harga palsu kepada MOA untuk kelulusan pelantikan CRO. Ekoran daripada dua sebut harga palsu ini, Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU NKEA Pertanian Bil.3/2016 bertarikh 4 Ogos 2016 memutuskan untuk menamatkan kontrak dan menuntut semula semua bayaran yang telah dibuat sebelum ini iaitu sejumlah RM1 juta daripada syarikat dan pemegang sahamnya disenaraihitamkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati PUU MOA telah mengeluarkan surat arahan kepada syarikat pada 3 Februari 2017 untuk menuntut semula RM1 juta tetapi setakat bulan April 2017 masih belum ada tindakan daripada syarikat.

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017

HDD dengan kerjasama PUU, MOA masih dalam tindakan melalui notis tuntutan serta prosiding mahkamah dan telah mengemukakan aduan kepada MOF pada 26 Oktober 2016 selaras dengan 1PP PK 8: Ketidakpatuhan Dalam Perolehan Kerajaan, untuk mengambil tindakan ke atas syarikat EAMSB dan masih menunggu keputusan pihak MOF.

Pada pendapat Audit, wujud elemen penipuan oleh syarikat dalam proses pelantikan CRO yang juga merupakan satu kesalahan yang amat serius.

b. Tuntutan di Luar Skop oleh Syarikat Peneraju

Mengikut Garis Panduan *NKEA EPP 1 Research Grant Scheme* (NRGS) untuk Syarikat Peneraju yang berkuat kuasa bulan Disember 2013 menyatakan, perbelanjaan yang boleh dituntut hanya melibatkan perbelanjaan yang berkaitan dengan kajian penyelidikan sahaja. Bagaimanapun, Audit mendapati Syarikat Phyto Biznet Sdn. Bhd. telah menuntut dan menerima bayaran caj guaman berjumlah RM40,705 (perkhidmatan guaman kepada syarikat bagi tujuan mendapatkan pembiayaan dari pihak ketiga). Bayaran ini adalah di luar skop penyelidikan seperti mana yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut.

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 19 April 2017

HDD telah mengeluarkan surat arahan bayaran balik kepada syarikat peneraju pada 19 April 2017 rujukan surat KP/HDO/S/34-7 JLD (73) dan akan menyusuli isu ini sehingga selesai.

Pada pendapat Audit, caj guaman adalah kos pentadbiran kepada syarikat peneraju bagi mendapatkan pembiayaan (pinjaman) dan bukan berkaitan dengan penyelidikan. Dengan itu, bayaran sejumlah RM40,705 adalah *improper payment.*

c. Bayaran Bagi Peralatan yang Tidak Dibekal

i. MOA telah memeteraikan kontrak dengan syarikat peneraju Natureceuticals Sdn. Bhd. (NC) pada 22 November 2011 dengan nilai kontrak RM47.89 juta. Selain itu, MOA juga meluluskan perolehan mesin ekstraktor dan peralatan *Current Good Manufacturing Practice* (cGMP) berjumlah RM12.49 juta sebagai gantian kepada komponen kajian klinikal fasa 3 dalam kontrak asal pada 29 November 2012, 9 Julai 2013 dan 8 Ogos 2014. Bagaimanapun, *Supplementary Agreement* tidak dimeterai seperti mana yang diarahkan oleh *Steering Committee* NKEA.

ii. Berdasarkan baucar bayaran MARDI dan MOA serta lawatan Audit ke kilang syarikat peneraju NC di Kedah Halal Park, Sungai Petani, Kedah pada 23 Februari 2017 mendapati mesin *Stick Pad Packing* dan peralatan kawalan kualiti berjumlah RM1.33 juta sebenarnya tidak dibekalkan. Bagaimanapun, tuntutan perolehan berjumlah RM1.33 juta telah dibayar sepenuhnya kepada syarikat peneraju NC. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.8
MESIN *STICK PAD PACKING* DAN PERALATAN KAWALAN KUALITI YANG TIDAK DIBEKAL

BIL.	BUTIRAN PERALATAN	UNIT	HARGA (RM)	JUMLAH HARGA (RM)	NOMBOR/ TARIKH BAUCAR BAYARAN
1.	***Stick Pad Packing Machine, Model an650 8 Lanes*** *inclusive of Frame, Film Unwinder, Main Motion, Reel Slitting System, Dosing System, Forming Tube Assembly, Vertical Jaws, Horizontal Jaws, Horizontal Cutting Mechanism (Standard Version), Electronic Settings, Beacon, Pneumatic Control and Accessories include Photocell, Oscillating Dosing By Means Of Buckets, Mod. DEBAC-8, Hopper Level Detector, Hopper Cover, Vacuum System For 8 Lanes, Tear Notch Device For 8 Lanes, Digital Static Electric Device, Inkjet Printer, Protocol IQ/OQ Draft And Implementation At Aranow, Start-up, Commissioning And Training At Customer Facility – Overseas, Additional Engineer Visit After 6 Months Of Machine Running*	1	1,225,000	1,225,000	70209664 / 29.01.2015 (Bayaran oleh MARDI)
2.	***QC Equipment:***				
	• *Vacuum Leak Detection System PY-LT*	1	31,120	31,120	B0906 / 26.11.2014 (Bayaran oleh MOA)
	• *Fume Cupboard Basic 5ft. C/W 188mm, Phenolic Resin W/Top – 1500mm(L) x 800mm(D) x 2400mm(H)*	1	19,760	19,760	
	• *Safety Shower W/ABS/CW Foot Chemo Resources, ECB 10022AB*	3	6,175	18,525	
	• *Analytical Balance (210G X 0.1mg)*	2	5,148	10,296	
	• *Flammable Cabinet Model: FL-1650, H, 1090X450X1650mm*	1	5,850	5,850	
	• *Flammable Cabinet Model:FL-1110H, 1090X450X1110mm*	1	4,680	4,680	
	• *Safety Storage Acid Cabinet (45US GAL), Model: AC1156W, 1156X450X1800 (LXDXH)mm*	1	5,460	5,460	
	• *Safety Storage Acid Cabinet (30US GAL), Model: AC600W,600X450X1800 (LXDXH)mm*	1	4,420	4,420	
	• *Precision Balance 5200G X0.01G (internal Calibration) FZ-5000I, Precision Balances*	1	3,900	3,900	
	• *C-MAG HS7 IKA Magnetic Hotplate, Stirrer Package*	1	3,783	3,783	
JUMLAH				**1,332,794**	

Sumber: MOA dan MARDI

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 19 April 2017

HDD telah melaksanakan siasatan lanjut bersama-sama dengan pihak syarikat NC pada 29 Mac 2017 dan 13 April 2017 dan mendapati semua peralatan yang dibangkitkan oleh Audit sememangnya tidak diterima. Pihak HDD telah menyusuli hasil siasatan ini dengan PUU, MOA untuk tindakan selanjutnya.

Pada pendapat Audit, pembayaran tanpa bekalan bernilai RM1.33 juta adalah serius menyebabkan *improper payment* dan kerugian kepada Kerajaan.

4.5.7. Peringkat *Enabler* - Projek Kajian Khas Penyelidikan Herba

4.5.7.1. Projek kajian khas penyelidikan herba bertujuan merancakkan pembangunan industri herba negara serta memberi sokongan untuk memartabatkan industri herba. Analisis Audit mendapati sehingga tahun 2016 sejumlah RM16.78 juta (89.2%) daripada RM18.81 juta peruntukan telah dibelanjakan bagi enam projek kajian khas penyelidikan herba. Butiran prestasi peruntukan projek kajian khas setakat bulan Disember 2016 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.9
PERUNTUKAN KAJIAN PENYELIDIKAN NKEA (NRGS) BAGI PROJEK KHAS

BIL.	PERKARA	PERUNTUKAN DISALURKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI (RM Juta)
1.	Pendokumentasian Secara Komprehensif Pengetahuan Tradisi Melayu Berkaitan Tumbuhan Ubatan di Semenanjung Malaysia	3.61	2.90	0.713
2.	Mendokumentasikan Maklumat Pengetahuan Tradisi (TK) dan Sumber Genetik (GR) - MyTKDL	1.90	1.86	0.036
3.	Pembangunan *Herbal Extraction Centre*	9.34	9.16	0.181
4.	Kajian Pembangunan Dokumen-Dokumen Kod Amalan, Spesifikasi Teknikal Dan Kaedah Pengujian Untuk Herba-Herba Terpilih Bagi Memperkukuhkan Industri Herba Tempatan (Industrial Standard)	1.50	0.66	0.845
5.	Kajian Rantaian Nilai di Semenanjung Malaysia	1.96	1.80	0.164
6.	Kajian Kebolehlaksanaan Pewujudan Pusat Dengan Herba Nasional (Herbal Trading House)	0.499	0.402	0.096
JUMLAH		**18.81**	**16.78**	**2.035**
PERATUS PERBELANJAAN (%)		**89.2%**		

Sumber: HDD

4.5.7.2. Sistem *Malaysia Traditional Knowledge Digital Library* (MyTKDL) adalah untuk mendokumentasikan maklumat pengetahuan tradisi/*traditional knowledge* (TK) dan sumber genetik/*genetic resources* (GR) Malaysia. Objektif pembangunan sistem MyTKDL adalah untuk mempertingkatkan infrastruktur pelayan, perkakasan dan perisian dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan sistem, menaik taraf dan penambahbaikan keseluruhan sistem. Bayaran dibuat sebelum kerja penyenggaraan dilaksanakan berdasarkan kontrak perjanjian bernilai RM1.79 juta antara MyIPO dan kontraktor. Berdasarkan jadual A dan B - Penyelenggaraan ke atas perkakasan dan perisian perlu dilaksanakan di antara bulan November 2016 hingga Oktober 2018. Manakala, berdasarkan Jadual Penentuan Harga (D – Penyelenggaraan) dalam *Addendum* bertarikh 15 Oktober 2014, pembayaran penyenggaraan sepatutnya dibuat selepas tempoh jaminan yang diagihkan kepada tahun pertama penyenggaraan sejumlah RM100,000 dan tahun kedua penyenggaraan sejumlah RM80,000. Semakan Audit mendapati, MyIPO telah membuat pembayaran sepenuhnya melalui 5 bayaran kemajuan mulai 6 November 2014 hingga 8 Mac 2016 untuk keseluruhan kos projek (meliputi kos membangun, membekal, memasang, menguji terima, mentauliah dan penyelenggaraan) berjumlah RM1.79 juta termasuk RM180,000 bayaran perkhidmatan penyenggaraan yang belum dilaksanakan.

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017

Jawatankuasa MyTKDL bersama Bahagian IT, PUU dan Kewangan MyIPO dalam mesyuarat pada 28 Disember 2016 memutuskan supaya kontraktor (Opensoft Technologies Sdn. Bhd.) memulangkan semula RM180,000 kepada MyIPO. Bahagian Kewangan MyIPO telah mengeluarkan satu nota debit bertarikh 28 Februari 2017 kepada kontraktor. Pada 9 Mac 2017 kontraktor telah mendebitkan sejumlah RM180,000 kepada MyIPO. Bayaran penyenggaraan seterusnya hanya akan dibuat setelah kerja penyenggaraan selesai mengikut jadual yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, kepentingan Kerajaan tidak terjamin dan berisiko tinggi sekiranya pembayaran dilaksanakan sebelum perkhidmatan kerana kontraktor masih tidak melaksanakan obligasi perkhidmatan penyenggaraan secara sepenuhnya. Dengan itu, bayaran sejumlah RM180,000 adalah *improper payment.*

4.5.8. Peringkat *Enablers* - Menaik Taraf Makmal ke Arah Pensijilan *Good Laboratory Practice* (GLP)

4.5.8.1. Menaik taraf makmal penyelidikan di bawah EPP 1 adalah bertujuan untuk mendapatkan pensijilan *Good Laboratory Practice* (GLP). GLP ialah piawaian antarabangsa bagi kajian toksikologi (kajian keselamatan penggunaan produk) bagi produk perubatan termasuk herba untuk melaksanakan ujian pra-klinikal dan klinikal. Tiga makmal yang dinaik taraf adalah makmal Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Kuala Lumpur berjumlah RM8.15 juta; SIRIM Berhad (SIRIM), Selangor berjumlah RM1.6 juta; dan Perbadanan Bioteknologi Melaka (MBC), Melaka berjumlah RM0.95 juta.

4.5.8.2. Lawatan Audit ke IMR pada 23 dan 24 Januari 2017 mendapati kerja mengubah suai dan menaik taraf makmal sedia ada di tingkat 2 telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kos projek berjumlah RM3.39 juta (setakat kini sejumlah RM3.07 juta telah dibayar kepada kontraktor) dan Sijil Perakuan Serahan Siap Dan Pematuhan (CCC) telah dikeluarkan pada 18 Mei 2015. Bagaimanapun, makmal ini masih tidak dapat beroperasi kerana tidak menepati spesifikasi kadar tekanan udara dan suhu di semua bilik makmal GLP yang boleh menjejaskan keputusan eksperimen dan ketidakakuran *Organization for Economic Cooperation & Development* (OECD) GLP dan masalah sistem kad akses yang tidak boleh merekod data keluar/ masuk. Semakan lanjut terhadap dokumen di IMR dan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan (BPK) KKM mendapati usaha untuk menyelesaikan isu yang dibangkitkan oleh IMR mengenai makmal tersebut masih dalam peringkat perbincangan sehingga tarikh pengauditan pada bulan Februari 2017.

4.5.8.3. Semakan fizikal terhadap 12 unit aset bernilai RM1.14 juta didapati tidak digunakan sejak diperoleh pada tahun 2011 dan 2012. Pihak Audit

dimaklumkan semua aset ini tidak digunakan disebabkan makmal tersebut tidak beroperasi. Maklumat peralatan makmal yang tidak digunakan adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 4.10
PERALATAN YANG TIDAK DIGUNAKAN

BIL.	PERALATAN	KUANTITI (Unit)	JUMLAH AMAUN (RM Juta)	TARIKH TERIMA
1.	*Smart Flow Air Handling Unit - IVC Experimental Rooms Individually Ventilated Cages for Rats*	4	0.49	03.05.2012
2.	*Smart Flow Air Handling Unit - Individually Ventilated Cages for Rats for Chronic Toxicity Studies*	2	0.35	04.05.2012
3.	*Smart Flow Air Handling Unit - Quarantine Rooms Individually ventilated cages for rats*	3	0.23	09.12.2011
4.	*CS5EVO Changing Station*	3	0.07	15.12.2011
JUMLAH		**12**	**1.14**	

Sumber: KEW-PA IMR

GAMBAR 4.6



Makmal GLP Tingkat 2, Unit Haiwan IMR
***- Smart Flow Air Handling Unit-IVC-Individually Ventilated Cages For Rats* Tidak Digunakan**
(24.01.2017)

GAMBAR 4.7




Makmal GLP Tingkat 2, Unit Haiwan IMR
***- Smart Flow Air Handling Unit-IVC-Individually Ventilated Cages For Rats* Tidak Digunakan**
(24.01.2017)

GAMBAR 4.8



Makmal GLP Tingkat 2, Unit Haiwan IMR
***- CS5EVO Changing Station* Tidak Digunakan**
(24.01.2017)

GAMBAR 4.9



Makmal GLP Tingkat 2, Unit Haiwan IMR
- Individually Ventilated Cages For Rats
Tidak Digunakan
(24.01.2017)

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017

IMR dan BPK telah bermesyuarat pada 21 Februari 2017 dan diputuskan BPK akan meneruskan kerja pemulihan dan membaiki kerosakan sedia ada dan makmal tersebut akan diserahkan kepada IMR selewat-lewatnya pada bulan Jun 2017 setelah pembaikan kecacatan major dan minor.

Pada pendapat Audit, isu ini adalah serius kerana walaupun CCC telah dikeluarkan serta peralatan telah diperolehi namun makmal masih tidak dapat digunakan. *Value for money* berserta *achievement of investment* terhadap setiap perbelanjaan Kerajaan adalah penting untuk diterapkan dalam setiap aktiviti. Keberkesanan makmal GLP adalah aktiviti yang amat penting bagi menjamin hala tuju EPP 1 secara mampan dan mengurangkan aliran dana keluar negara jika kajian pra-klinikal/klinikal dapat dijalankan dalam negara. Masalah ketidakgunaan makmal GLP di IMR yang telah siap diubah suai sejak bulan Mei 2015 dan peralatan yang dibeli sejak tahun 2011 dan 2012 tidak memberi pulangan ke atas pelaburan Kerajaan pada masa kini. Selain itu, dikhuatiri makmal dan peralatan yang lama tidak digunakan tidak dapat dipastikan tahap kualiti dan kepenggunaannya pada masa hadapan.

4.5.9. Pemantauan

4.5.9.1. Pemantauan Projek EPP 1 secara amnya dilaksanakan melalui tiga peringkat iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan NKEA Pertanian, Mesyuarat Sub-Kumpulan Herba NKEA Pertanian dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan dan Kemajuan Program (HIC). Bagi menyelaras dan memantau keberkesanan pelaksanaan program EPP1, HDD telah diberi tanggungjawab untuk memantau skop inisiatif EPP 1 bersama DOA. Status skop inisiatif EPP 1 hendaklah dipantau setiap tiga bulan dan menyediakan laporan. Semakan Audit mendapati kekerapan mesyuarat yang diadakan adalah memuaskan. Setakat Disember 2016, tujuh Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan NKEA Pertanian (JKP) dan 29 Mesyuarat Sub-Kumpulan Herba NKEA Pertanian telah diadakan. Manakala 13 Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan dan Kemajuan Program (HIC) telah diadakan sehingga Februari 2016.

4.5.9.2. Bagi Program Kluster Herba, pemantauan dilaksanakan melalui dua peringkat iaitu Mesyuarat Pembangunan Kluster Herba Peringkat DOA dan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Kluster Herba Peringkat Negeri. Berdasarkan Terma Rujukan, Mesyuarat Pembangunan Kluster Herba Peringkat DOA hendaklah diadakan empat kali setahun manakala Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Kluster Herba peringkat Negeri pula hendaklah bermesyuarat setiap dua bulan sekali (6 kali setahun). Semakan Audit mendapati kekerapan mesyuarat yang diadakan adalah memuaskan.

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017

HDD telah meningkatkan pemantauan secara lebih sistematik dan berterusan ke atas semua projek di bawah EPP 1 melalui platform yang telah ditetapkan bagi memastikan pencapaian objektif projek yang lebih komprehensif dan berkesan dapat dicapai pada tahun 2020. Platform tersebut meliputi Mesyuarat

Jawatankuasa Teknikal/Sub-Kumpulan Herba Penilaian/Pemilihan NKEA Pertanian dan menambahbaik mekanisme pemantauan dengan Sesi Penilaian dan Pemantauan Jawatankuasa dan laporan prestasi bagi setiap projek EPP 1.

Pada pendapat Audit, HDD dan DOA telah melaksanakan pemantauan selaras dengan ketetapan kekerapan mesyuarat. Bagaimanapun keberkesanan pemantauan adalah kurang memuaskan khususnya berdasarkan penemuan Audit terhadap *improper payment* dan bangunan serta peralatan yang masih belum digunakan melebihi dua tahun hingga lima tahun.

4.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan projek EPP 1 dilaksanakan dengan berkesan, adalah disyorkan pihak yang terlibat mempertimbangkan perkara/tindakan seperti yang berikut:

4.6.1. MOA mengkaji semula keberkesanan strategi pelaksanaan projek EPP 1 bersama dengan semua pihak yang terlibat seperti ECERDC/syarikat peneraju/agensi/IPT/RI untuk menilai serta memantau secara berterusan pencapaian ke semua objektif EPP 1 menjelang tahun 2020;

4.6.2. MOA hendaklah memastikan kontrak dimeterai dan tidak lewat ditandatangani bagi semua jenis ikatan agar kepentingan Kerajaan dilindungi dan mengelakkan pertikaian yang mungkin berlaku;

4.6.3. MOA mengkaji semula proses skop inisiatif secara sistematik berdasarkan *timeline* terutama sekali melibatkan skop inisiatif pra-klinikal/klinikal dan penanaman pokok herba di *Herbal Park* dan Kluster Herba agar hala tuju EPP 1 dapat dilaksanakan dengan lebih berobjektif;

4.6.4. ECERDC perlu memastikan bangunan yang dibina digunakan sepenuhnya dengan kadar segera;

4.6.5. MOA dan DOA mengkaji pelan perniagaan dan Surat Aku Janji petani dari segi keperluan penanaman selain daripada herba yang tersenarai dalam EPP 1 dan menjustifikasikannya secara praktikal keperluan untuk penanaman rempah ratus berpandukan objektif dan peruntukan EPP 1;

4.6.6. MOA hendaklah dengan kadar segera menyelesaikan isu berkaitan tuntutan bayaran balik akibat penamatan kontrak, bayaran di luar skop dan tanpa bekalan; dan

4.6.7. KKM hendaklah dengan segera memastikan makmal GLP di IMR beroperasi seperti mana yang ditetapkan.

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

5. PROGRAM DESA LESTARI

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Program Desa Lestari di bawah GTP 2.0 merupakan inisiatif Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dalam usaha mentransformasikan desa menjadi sebuah kawasan yang maju dengan penduduk yang berpendapatan tinggi. Objektif Program Desa Lestari adalah untuk meningkatkan pengupayaan komuniti dalam merancang serta menjayakan pelaksanaan projek pembangunan di kampung dengan memperkasakan aktiviti ekonomi dan keusahawanan. Selain membuka peluang pekerjaan baru, program ini juga memberi peluang peningkatan pendapatan kepada penduduk.

5.1.2. Program Desa Lestari telah bermula pada tahun 2013. Kampung yang terpilih disyaratkan menubuhkan koperasi di bawah kawal selia Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Koperasi berperanan sebagai peneraju Program Desa Lestari yang melibatkan program pelancongan desa, peruncitan, pertanian, penternakan, perladangan dan perkhidmatan jentera. Sehingga tahun 2016, sebanyak 80 buah kampung telah terpilih dengan peruntukan sebanyak RM114.68 juta telah disalurkan melalui agensi KKLW seperti Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA). KKLW telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Program Desa Lestari (Desa Abad Ke-21) (GP PDL) pada Mei 2013 dan April 2015 sebagai panduan kepada agensi/Koperasi dalam melaksanakan perolehan berkaitan.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai peruntukan bagi melaksanakan Program Desa Lestari telah diuruskan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan.

5.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan melibatkan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan Program Desa Lestari bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Kemajuan Keusahawanan Desa (BKKD) KKLW, FELCRA, RISDA, KEDA, KESEDAR, KETENGAH dan KEJORA. Sebanyak 30 (37.5%) daripada 80 Koperasi telah dipilih bagi tujuan pengauditan dengan peruntukan sebanyak RM41.76 juta (41.4%) daripada RM100.85 juta.

5.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan pengurusan perolehan. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat serta pemeriksaan fizikal terhadap kerja yang dilaksanakan dan peralatan yang diterima juga telah diadakan.

5.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2016 hingga Mac 2017 mendapati pelaksanaan Program Desa Lestari telah meningkatkan peluang pekerjaan dan penjanaan ekonomi kepada komuniti kampung keseluruhannya. Bagaimanapun, pelaksanaan program ini adalah kurang memuaskan kerana kurang kecekapan dalam pelaksanaan projek, pemantauan dan pentadbiran kontrak. Antara kelemahan yang ditemui dan perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

i. terdapat lebihan peruntukan ditindik di agensi KKLW sebanyak RM16.04 juta;

ii. sebanyak 19 projek bernilai RM5.32 juta di 12 Koperasi gagal dan terbengkalai;

iii. *improper payment* melibatkan perjanjian kontrak ditandatangani tanpa kuasa dan projek dilaksanakan tanpa kelulusan melibatkan bayaran sebanyak RM1.13 juta;

iv. sebanyak enam perolehan sebut harga yang bernilai RM2.08 juta di tiga Koperasi telah dipecahkecilkan bagi mengelakkan perolehan secara tender; dan

v. perolehan lebah kelulut berjumlah RM4.56 juta dibuat secara rundingan terus tanpa mendapat kelulusan Kementerian Kewangan dan perjanjian mengenainya tidak dibuat antara KKLW dengan syarikat pembekal.

Perkara yang ditemui dan maklum balas KKLW telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 26 April 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

5.5.1. Prestasi Kewangan

KKLW telah diperuntukkan sebanyak RM168.85 juta oleh Kementerian Kewangan bagi pelaksanaan Program Desa Lestari untuk tempoh tahun 2013 hingga 2016. Bagaimanapun, semakan lanjut mendapati sehingga 31 Mac 2017 hanya sebanyak RM114.68 juta (67.92%) telah diterima oleh KKLW dan disalur kepada agensi KKLW. Baki peruntukan sebanyak RM54.17 juta telah dikembalikan kepada Kementerian Kewangan. Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Bahagian Kemajuan Keusahawanan Desa, peruntukan kepada koperasi di bawah Program Desa Lestari (PDL) untuk pelaksanaan projek ekonomi adalah sebanyak RM100.85 juta. Daripada jumlah peruntukan RM114.68 juta, sejumlah RM98.64 juta telah dibelanjakan. Sehubungan itu, terdapat **lebihan peruntukan yang masih belum dibelanjakan sebanyak RM16.04 juta masih ditindik (parking) di agensi KKLW sejak tahun 2013** antaranya FELCRA (RM12.57 juta), RISDA (RM2.14 juta), KEDA (RM0.77 juta), dan KEJORA (RM0.56 juta).

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan tidak menggambarkan kedudukan sebenar kerana sebahagian daripada peruntukan yang berjumlah RM16.04 juta telah ditindik kepada agensi sejak tahun 2013.

5.5.2. Projek Gagal

Objektif Program Desa Lestari adalah untuk meningkatkan pengupayaan komuniti dalam merancang serta menjayakan pelaksanaan projek pembangunan di kampung dengan memperkasakan aktiviti ekonomi dan keusahawanan. Program Desa Lestari juga bertujuan menjadikan desa sebuah kawasan yang maju dengan penduduk yang berpendapatan tinggi. Kelulusan projek adalah berdasarkan senarai cadangan yang dikemukakan oleh Koperasi kepada KKLW. Semakan Audit **mendapati 19 daripada 84 projek berjumlah RM5.32 juta di 12 Koperasi gagal dan terbengkalai** menyebabkan objektif Program Desa Lestari tidak tercapai dan gagal dimanfaatkan sepenuhnya oleh Koperasi. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

5.5.2.1. Koperasi Kaban Stass Bau Berhad : Pusat Pengumpulan dan Pemprosesan Susu Getah - Jumlah Kos Projek RM0.63 juta

Projek bangunan telah siap dibina pada 23 Januari 2015 manakala peralatan telah diterima dalam tahun 2015. Lawatan Audit pada 14 Januari 2017 mendapati Koperasi masih belum melaksanakan aktiviti pengumpulan dan pemprosesan susu getah disebabkan oleh pasaran harga getah rendah. Perkara ini disebabkan berlakunya penurunan harga susu getah yang drastik pada tahun 2014 yang memberi kesan kepada aktiviti menoreh getah.

GAMBAR 5.1



GAMBAR 5.2



Koperasi Kaban Stass Bau Berhad, Sarawak
- Bangunan dan Peralatan bagi Projek Pemprosesan Getah Tidak Digunakan

5.5.2.2. Koperasi Seri Serbang Bongawan Sabah Berhad : Projek Pusat Penyembelihan dan Jualan Ayam Pedaging - Jumlah Kos Projek RM0.24 juta

Kelulusan diberi pada tahun 2015 melibatkan pembinaan bangunan dan pembekalan peralatan. Lawatan Audit pada 12 Januari 2017 mendapati projek masih belum beroperasi disebabkan oleh berlakunya perselisihan faham di kalangan Ahli Lembaga Koperasi. Bangunan tersebut belum digunakan kerana ketiadaan bekalan elektrik dan air. Peralatan dan segala keperluan yang telah dibeli pada tahun 2015 masih tidak digunakan.

GAMBAR 5.3



GAMBAR 5.4



Koperasi Seri Serbang Bongawan Sabah Berhad, Sabah
- Bangunan dan Peralatan bagi Projek Pusat Penyembelihan dan Jualan Ayam Pedaging Tidak Digunakan

5.5.2.3. Koperasi Kampung Berundong Papar Berhad : Projek Mobile Cafe KopieSatu - Jumlah Kos Projek RM0.18 juta

Lawatan Audit pada 11 Januari 2017 mendapati projek masih tidak dilaksanakan disebabkan oleh mesin memproses air kopi yang dibekalkan oleh pembekal AIM Coffee (M) Sdn. Bhd. dari Kuala Lumpur telah rosak. Ini disebabkan oleh ketiadaan alat ganti dan tempoh waranti telah tamat. Lanjutan daripada itu, projek Mobile Café KopieSatu serta kelengkapannya yang diterima pada tahun 2014 tidak dapat digunakan.

GAMBAR 5.5



GAMBAR 5.6



Koperasi Kampung Berundong Papar Berhad, Sabah
- Lori dan Peralatan bagi Projek Mobile Café KopieSatu Tidak Digunakan

5.5.2.4. Koperasi Homestay Sungai Pasu Raub Berhad : Projek Penternakan Ikan Air Tawar - Jumlah Kos Projek RM93,300

Lawatan Audit pada 25 Januari 2017 mendapati projek yang diluluskan tidak berjaya diuruskan oleh Koperasi. Kegagalan projek disebabkan tiada perancangan teliti dibuat oleh pihak Koperasi sebelum melaksanakan projek. Di samping itu, kesinambungan projek tidak dapat diteruskan kerana kepimpinan ALK yang baru tiada kepakaran dalam pengurusan projek tersebut. Sebanyak 80,000 ekor anak ikan tilapia dan 1,500 ekor anak ikan patin telah dimasukkan ke dalam lombong terbiar pada bulan Mac 2014 dan tidak dijaga sepenuhnya. Pada November 2016 didapati ikan tersebut telah hilang dan laporan mengenainya telah dibuat kepada PDRM.

GAMBAR 5.7



GAMBAR 5.8



Koperasi Homestay Sungai Pasu Raub Berhad, Pahang
- Mesin Mengisar Makanan Ikan dan Tempat Penyimpanan Ikan Tidak Digunakan

5.5.2.5. Koperasi Peneroka FELDA Mata Ayer Perlis Berhad : Projek Kuih Bahulu dan Projek Kerisik Kelapa - Jumlah Kos Projek RM40,250

Lawatan Audit pada 9 Januari 2017 mendapati semua peralatan yang dibeli sejak Februari 2014 masih tidak digunakan dan terbiar di dalam stor. Ini disebabkan Koperasi tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk menaiktaraf pendawaian di bengkel projek tersebut daripada Fasa 1 ke Fasa 3.

GAMBAR 5.9



GAMBAR 5.10



Koperasi Peneroka FELDA Mata Ayer Perlis Berhad, Perlis
- Mesin *Infrared Food Oven* dan Peralatan bagi Projek Kerisik Kelapa Tidak Digunakan

5.5.2.6. Koperasi Pembangunan Ulu Legong Berhad : Projek Chalet Kabin; Projek Taman Herba; Projek Cenderamata; Projek *Embroidery* dan Jahitan Sulaman; Projek Bengkel Kuih Tradisional - Jumlah Kos Projek RM1.04 juta

Lawatan Audit pada 12 Januari 2017 ke Kampung Ulu Legong mendapati projek kuih tradisional, cenderamata dan jahitan tidak dilaksanakan secara berterusan dan terhenti disebabkan ketiadaan pekerja/pengusaha untuk mengendalikan projek tersebut yang telah berhijrah. Selain itu, Projek Taman Herba dan Chalet Kabin juga masih belum disiapkan oleh Kontraktor sejak 21 Jun 2015 (Taman Herba) dan 12 Januari 2016 (Chalet Kabin).

GAMBAR 5.11



GAMBAR 5.12



Koperasi Pembangunan Ulu Legong Berhad, Kedah
- Mesin *Embroidery* dan Percetakan T-Shirt yang Tidak Digunakan

5.5.2.7. Koperasi Bersatu Maju Hulu Chuchoh Berhad : Projek Semaian Anak Benih Sawit - Jumlah Kos Projek RM0.32 juta

Lawatan Audit pada 9 Disember 2016 dan 7 Februari 2017 mendapati projek tersebut masih belum dijalankan dan anak benih sawit juga telah dibiarkan membesar di tapak semaian. Menurut Koperasi, sebanyak 240 benih sawit telah dijual sejak Januari 2016. Bagaimanapun pihak Koperasi menghentikan penjualan anak benih kerana Koperasi tidak mempunyai lesen jualan daripada *Malaysian Palm Oil Board* (MPOB).



GAMBAR 5.13

Koperasi Bersatu Maju Hulu Chuchoh Berhad, Selangor
- Anak Benih Sawit Bagi Projek Semaian Anak Benih Sawit Dibiarkan Membesar di Tapak Semaian

5.5.2.8. Koperasi Sungai Lang Berhad : Penternakan Lembu dan Kambing Fidlot - Jumlah Kos Projek RM1.21 juta

Kelulusan projek melibatkan pembinaan empat buah kandang, dua mesin pemprosesan makanan dan pembelian lembu dan kambing. Lawatan Audit pada 8 Februari 2017 mendapati kandang bagi ternakan lembu dan kambing telah kosong. Pembelian lembu pedaging sebanyak 100 ekor pada 11 Mac 2015 dan kambing 250 ekor pada 9 Februari 2015 telah habis dijual pada 22 Mac 2016. Projek yang boleh menjana ekonomi tidak dijalankan secara berterusan disebabkan Koperasi mengalami masalah kewangan sungguhpun Koperasi berjaya menjual lembu dan kambing yang diberi oleh KKLW.

GAMBAR 5.14



GAMBAR 5.15



Koperasi Sungai Lang Berhad, Selangor
- Prasarana dan Mesin Penyediaan Makanan Rumput Cambah bagi Projek Ternakan Lembu dan Kambing Fidlot Tidak Digunakan Selepas Semua Ternakan Dijual

5.5.2.9. Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad : Perkhidmatan Percetakan Cenderamata - Jumlah Kos Projek RM16,000

KKLW telah meluluskan projek perkhidmatan percetakan cenderamata sebanyak RM16,000 kepada Koperasi pada tahun 2013. Lawatan Audit pada 17 Januari 2017 mendapati peralatan bagi projek tersebut telah tidak digunakan sejak tahun 2015 menyebabkan Koperasi tidak berjaya mencapai objektif sebagaimana tujuan asal Desa Lestari diwujudkan. Projek tersebut hanya bertahan sehingga Disember 2015 kerana kekurangan permintaan dan hanya beroperasi semasa kedatangan pengunjung.



GAMBAR 5.16

Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad, Negeri Sembilan
- Peralatan bagi Projek Perkhidmatan Percetakan Tidak Digunakan

5.5.2.10. Koperasi Desa Lestari Kg. Seterpa Kota Bharu Berhad : Perkhidmatan Pengangkutan dan Pemotongan Rumput; Projek Penternakan Lebah Kelulut - Jumlah Kos Projek RM0.44 juta

Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada 30 Jun 2016 telah mengambil alih pentadbiran Koperasi dan membubarkan Ahli Lembaga Koperasi di bawah Akta Koperasi 1993 disebabkan masalah dalaman Koperasi. Lawatan Audit pada 8 Mac 2017 mendapati kesemua peralatan dan kenderaan yang dibeli tidak dapat digunakan manakala projek ternakan lebah kelulut juga gagal dilaksanakan. Sebahagian 125 dari 180 koloni lebah kelulut masih disimpan oleh pembekal sedangkan bayaran telah dijelaskan sepenuhnya.

GAMBAR 5.17



GAMBAR 5.18



Koperasi Desa Lestari Kg. Seterpa Kota Bharu Berhad, Kelantan
- Koloni Lebah Kelulut Dibiarkan Tanpa Dibuat Kutipan Hasil

5.5.2.11. Koperasi Gemilang Kg. Gebok Seremban Berhad : Projek Perkhidmatan Sewaan Kanopi dan Projek Katering - Jumlah Kos Projek RM0.40 juta

Lawatan Audit pada 20 Januari 2017 mendapati sebahagian besar peralatan katering, kanopi, meja dan kerusi, kipas dan peralatan siaraya masih tidak digunakan sejak pembelian pada Oktober 2015. Berdasarkan makluman, Koperasi sukar untuk menyewakan peralatan yang ada berpunca daripada kekurangan permintaan dan persaingan daripada pengusaha lain. Selain itu, skala penggunaan peralatan juga terhad kepada majlis kecil di sekitar kampung. Koperasi juga masih belum berdaftar dengan Kementerian Kewangan untuk mengembangkan perniagaan di peringkat Jabatan/agensi Kerajaan.

GAMBAR 5.19



GAMBAR 5.20



Koperasi Gemilang Kampung Gebok Seremban Berhad, Negeri Sembilan
- Set Sistem Siaraya dan Peralatan Katering Tidak Digunakan Sepenuhnya

5.5.2.12. Koperasi Pembangunan Kg. Tersusun Mawai Baru Berhad : Projek Ternakan Ayam Pedaging - Jumlah Kos Projek RM0.67 juta

KKLW pada 25 Ogos 2014 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM668,413 bagi seunit bangunan untuk Projek Ternakan Ayam Pedaging melalui tender yang dilaksanakan oleh KEJORA. Lawatan Audit pada 14 Mac 2017 mendapati terdapat dua reban ayam yang siap dibina pada 7 September 2015 masih belum beroperasi disebabkan oleh masalah bekalan elektrik. Bekalan elektrik belum dibekalkan kerana syarat penyerahan sebahagian tanah bagi tujuan tapak *substation* TNB masih dalam proses.

GAMBAR 5.21



GAMBAR 5.22



Koperasi Pembangunan Kg. Tersusun Mawai Baru Berhad, Johor
- Reban Ternakan Ayam Pedaging yang Belum Digunakan Disebabkan oleh Masalah Bekalan Elektrik

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017

Tindakan pembaikan sedang diambil oleh KKLW/agensi/Koperasi yang terlibat. Bagi peralatan yang tidak digunakan, peralatan tersebut akan diagihkan kepada Koperasi lain yang menjalankan projek yang sama sebagaimana keputusan mesyuarat berkaitan Tatacara Pemindahan Aset di Bawah Program Desa Lestari pada 28 Mac 2017.

Pada pendapat Audit, kegagalan projek menyebabkan objektif Program Desa Lestari tidak tercapai dan merugikan Kerajaan. Koperasi tidak membuat perancangan awal yang teliti dan KKLW lambat membuat keputusan bagi melaksanakan pembaikan.

5.5.3. *Improper Payment*

Berdasarkan kepada 1PP WP10.3 *Improper Payment* ialah pembayaran yang dibuat dengan tidak wajar sama ada dari segi bertentangan dengan peruntukan undang-undang, peraturan atau tidak mengikut syarat, kaedah atau tatacara yang ditetapkan bagi sesuatu pembayaran. Semakan Audit mendapati berlaku *Improper Payment* sebanyak RM1.13 juta dalam pelaksanaan projek adalah seperti berikut:

5.5.3.1. Projek Ternakan Ayam Pedaging - Jumlah Kos Projek RM1.05 Juta

KKLW pada 18 April 2013 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.12 juta bagi dua unit bangunan untuk Projek Ternakan Ayam Pedaging kepada Koperasi Pembangunan Kampung Tersusun Mawai Baru Berhad. KEJORA adalah agensi yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tender dan memantau projek. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Kontrak Ditandatangani oleh Pegawai yang Tidak Diberi Kuasa

Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Akta 120) menetapkan kontrak yang dibuat atas nama Kerajaan Malaysia perlu ditandatangani oleh Menteri atau pegawai awam yang diberi kuasa oleh Menteri. Semakan Audit mendapati

Kontrak Pembinaan Dua Unit Reban Ayam Projek Desa Lestari antara KEJORA dan Syarikat Cahaya Limbungan Sdn. Bhd. berjumlah RM0.92 juta telah ditandatangani oleh Pengurus Besar KEJORA bagi pihak Kerajaan Malaysia tanpa penurunan kuasa oleh YB Menteri KKLW.

b. Projek Tanpa Kelulusan - Tambahan Seunit Reban Ayam

Pada 20 Mac 2014, Perunding MRM telah dilantik dengan kos yuran Perunding berjumlah RM0.12 juta. Bagaimanapun, pada 25 Ogos 2014, peruntukan sebanyak RM0.45 juta telah ditarik balik kerana kegagalan pelaksanaan projek menjadikan peruntukan semasa sebanyak RM0.67 juta. KEJORA telah mengiklankan dan meneruskan tender untuk membuat dua unit reban pada harga RM0.92 juta walaupun diluluskan hanya seunit reban. Kos bayaran siar iklan di akhbar adalah berjumlah RM6,384 menjadikan kos keseluruhan (reban, yuran Perunding dan kos siar iklan) adalah sebanyak RM1.05 juta. Bagaimanapun, harga sebenar seunit reban (Reban 1) adalah RM0.56 juta iaitu **perbezaan sebanyak RM0.10 juta. KEJORA hendaklah mengembalikan jumlah perbezaan tersebut kepada KKLW.**

c. Pinjaman (Soft Loan) Projek Tanpa Perjanjian

KEJORA telah melunaskan semua pembayaran kepada pihak terlibat termasuk perbezaan sebanyak RM0.38 juta dengan menggunakan peruntukan KEJORA. Perbezaan kos pembinaan reban ayam (Reban 2) sebanyak RM0.38 juta (RM1.05 juta – RM0.67 juta) telah dituntut oleh KEJORA kepada Koperasi melalui bayaran pinjaman. Bagaimanapun, tiada perjanjian antara KEJORA dan Koperasi dibuat berhubung pinjaman tersebut.

5.5.3.2. Bayaran Pendahuluan 10% bagi Perolehan Kenderaan - Jumlah Bayaran RM76,376

Arahan Perbendaharaan 99 (e) (i) menyatakan bayaran bagi bekalan, perkhidmatan atau kerja hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa bekalan, perkhidmatan atau kerja itu telah dilaksanakan dengan sempurna. Semakan Audit di dua Koperasi mendapati pembayaran pendahuluan sebanyak 10% daripada harga kenderaan/jentera telah dibuat sebelum kenderaan/jentera diterima. Semakan Audit mendapati KEJORA melalui Koperasi Sepakat Kampung Isnin Maarof Johor Berhad, Johor telah membayar sebanyak RM14,993 bagi pembelian satu unit lori (*custom made*) termasuk kelengkapan dan peralatan untuk Projek Perkhidmatan *Food Truck* manakala RISDA melalui Koperasi Kampung Bayai Lama Jempol Berhad, Negeri Sembilan telah membayar sebanyak RM61,383 untuk pembelian tiga unit jentera.

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017

Projek Ternakan Ayam Pedaging

KEJORA telah mengemukakan surat permohonan kepada Bahagian Perolehan, KKLW bertarikh 27 Mac 2017 untuk pertimbangan dan kelulusan YB Menteri untuk menandatangani kontrak di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949. Kelulusan peruntukan berjumlah RM668,413 adalah merangkumi kos juru perunding, iklan akhbar, kerja-kerja awalan dan pembinaan seunit bangunan bersaiz 280'x50' sepertimana surat kelulusan bertarikh 10 Oktober 2014. Pembinaan reban 2 (200'x40') dibiayai melalui soft loan oleh KEJORA kepada KOPEMA. Perjanjian diantara pihak KEJORA dan KOPEMA akan ditandatangani, di mana Reban 2 akan diserah dan diurus sepenuhnya oleh KOPEMA.

Bayaran Pendahuluan 10% bagi Perolehan Kenderaan

Agensi pembayar mengeluarkan surat jaminan kepada pembekal bagi tempahan kenderaan dan jentera. Walau bagaimanapun, pihak Koperasi memaklumkan bahawa terdapat pembekal tidak menerima surat jaminan untuk penempahan dan mensyaratkan pembayaran deposit 10% untuk tempahan.

Pada pendapat Audit, KKLW/agensi telah gagal mematuhi peraturan kewangan yang berkuatkuasa yang boleh membuka ruang penipuan dan salah guna kuasa.

5.5.4. Perolehan Kerja

5.5.4.1. Garis Panduan Pelaksanaan Program Desa Lestari (Desa Abad Ke-21) (GP PDL) yang dikeluarkan pada Mei 2013 dan April 2015 menyatakan bagi perolehan sehingga RM500,000, Koperasi hendaklah menjalankan secara Sebut Harga manakala perolehan melebihi RM500,000 dibuat secara Tender oleh agensi KKLW yang dipersetujui menjadi pelaksana perolehan serta memantau program Desa Lestari berkenaan. Koperasi/agensi dilarang memecah kecilkan nilai perolehan bagi mengelakkan pelawaan secara tender. Terdapat 22 projek yang telah diaudit melibatkan 13 Koperasi dengan jumlah kos projek sebanyak RM6.54 juta seperti jadual di bawah.

JADUAL 5.1
PEROLEHAN KERJA DI KOPERASI

KOPERASI / PROJEK / KONTRAKTOR	KOS PROJEK (RM)	TEMPOH SIAP PROJEK
Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA Lubuk Sireh Perlis Berhad		
* Projek Mini Hotel / MSWL Enterprise (Ubahsuai)	498,650	15.08.2016 - 30.11.2016
* Projek Mini Hotel / Bukit Utara Enterprise (Hiasan Dalaman)	298,100	Tiada Maklumat

KOPERASI / PROJEK / KONTRAKTOR	KOS PROJEK (RM)	TEMPOH SIAP PROJEK
Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad		
Pembinaan lima unit Chalet / ZIM Enterprise	299,877	22.01.2014 - 18.03.2014
Pembinaan pintu gerbang / Dataran Niaga Enterprise	199,644	Tiada Maklumat
Pembinaan bilik mandi, tandas serta infrastruktur / Dataran Niaga Enterprise	128,242	22.01.2014 - 18.03.2014
Pembinaan garaj dan stor / Jaya Firhad Enterprise	392,413	04.08.2014 - 13.10.2014
Koperasi Parit 7 Sekinchan Berhad		
Pengubahsuaian bangunan dan pendawaian elektrik / Azli Saleh Enterprise	95,300	29.10.2014
Koperasi Peneroka Felda Mata Ayer Perlis Berhad		
Pembinaan Garaj Kenderaan / Ranhad Abadi Enterprise	175,000	23.05.2015
Koperasi Pembangunan Ulu Legong Berhad		
* Pembinaan sembilan unit Chalet Kabin & satu unit pejabat / Sinar Kelana Enterprise	457,430	22.02.2015 - 21.06.2015
Pembinaan Gelanggang Futsal / Uzila Construction	249,296	22.02.2015 - 21.06.2015
* Membina Kemudahan Asas Taman Herba / Koperasi Pembangunan Pekebun Kecil Daerah Baling Berhad	374,872	17.12.2015 - 12.01.2016
Pembinaan Dewan Terbuka / Wahyu Enterprise	30,000	Tiada Maklumat
Koperasi Gemilang Kg. Gebok Seremban Berhad		
Naik taraf dan ubah suai stor penyimpanan / Oribina Enterprise	75,000	Tiada Maklumat
Koperasi Sg. Lang Berhad		
Membina prasarana penternakan lembu dan kambing / Aminsa Bina Sdn. Bhd.	425,500	01.08.2014 - 15.12.2014
Membina dan menyiapkan bengkel kraftangan serta kelengkapan / Aminsa Bina Sdn. Bhd.	139,500	01.08.2014 - 15.12.2014
Koperasi Desa Kuala Medang Lipis Berhad		
Pembinaan enam unit kabin berserta kelengkapan / ZM Multi Services	390,000	Tiada Maklumat
Pembinaan lapan unit kabin berserta kelengkapan / KATHS Engineering & Construction	415,000	Tiada Maklumat
Koperasi Homestay Kg. Peruas Berhad		
Pembinaan Kabin Chalet / Olympia Biometrik Group Sdn. Bhd.	358,200	25.10.2014 - 08.04.2015
Koperasi Ulu Pulai Lestari Pontian Berhad		
Pembinaan rumah rakit / Wardina Corporation Sdn. Bhd.	490,625	06.10.2016 - 29.12.2016
Koperasi Kilimu Jaya Ranau Berhad		
* Pembinaan Kabin Chalet / MC Enterprise	430,000	11.07.2016 - 26.11.2016
Koperasi Bersatu Maju Hulu Chuchoh Berhad		
Pembinaan Kabin Chalet / Syarikat Permata	321,000	13.11.2015 - 29.02.2016
Koperasi Pembangunan Kg. Tersusun Mawai Baru Berhad		
Pembinaan Kilang Baja / Rahmat bin Mahadan	298,833	02.10.2014 - 27.11.2014
JUMLAH	**6,542,482**	

Nota: (*) - Projek Sedang Dilaksanakan

5.5.4.2. Semakan Audit mendapati beberapa isu berkaitan perolehan kerja tidak dipatuhi seperti pecah kecil perolehan; syarikat dilantik merupakan syarikat milik keluarga/ALK; kebenaran merancang tidak diperoleh; Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) tidak dikeluarkan oleh agensi; kerja tidak mengikut spesifikasi; ukuran mengikut spesifikasi dalam *Bill of Quantity* (BQ) melebihi ukuran sebenar; projek lewat disiapkan, denda tidak dikenakan; butiran kerja tidak

lengkap; perbandingan harga tidak munasabah bagi pembinaan kabin chalet yang sama; dan pelantikan perunding.

JADUAL 5.2
RINGKASAN PENEMUAN PEROLEHAN KERJA

KOPERASI	Pecah Kecil	Syarikat Milik ALK	Kebenaran Merancang	Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)	Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi	Ukuran BQ Melebihi Ukuran Sebenar	Projek Lewat Siap, Denda Tidak Dikenakan	Butiran Kerja Tidak Lengkap	Perbandingan Harga Tidak Munasabah	Pelantikan Perunding
Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA Lubuk Sireh Perlis Berhad	✓	-	✓	✓	-	-	✓	-	-	-
Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad	-	✓	-	✓	✓	✓	-	-	-	✓
Koperasi Parit 7 Sekinchan Berhad	-	-	-	✓	✓	-	-	-	-	-
Koperasi Peneroka Felda Mata Ayer Perlis Berhad	-	-	-	✓	-	✓	-	-	-	-
Koperasi Pembangunan Ulu Legong Berhad	-	-	-	✓	✓	✓	✓	-	✓	-
Koperasi Gemilang Kg. Gebok Seremban Berhad	-	-	-	✓	-	✓	-	-	-	-
Koperasi Sg. Lang Berhad	✓	-	-	✓	-	-	-	-	-	✓
Koperasi Desa Kuala Medang Lipis Berhad	✓	-	-	✓	-	-	-	-	✓	✓
Koperasi DL Kg. Bujang Kedah Berhad	-	✓	-	✓	-	-	-	-	-	-
Koperasi Bersatu Maju Hulu Chuchoh Berhad	-	✓	-	✓	-	-	-	-	✓	-
Koperasi Kilimu Jaya Ranau Berhad	-	✓	-	✓	-	-	-	-	✓	-
Koperasi Homestay Kg. Peruas Berhad	-	-	-	-	-	-	-	✓	✓	-
Koperasi Ulu Pulai Lestari Pontian Berhad	-	-	-	-	-	-	-	✓	-	✓
Koperasi Pembangunan Kg. Tersusun Mawai Baru Berhad	-	-	-	-	-	-	-	-	-	✓

5.5.4.3. Butiran lanjut isu berkaitan adalah seperti perenggan di bawah:

a. Pecah Kecil Perolehan

Berdasarkan GP PDL, perolehan melebihi RM500,000 hendaklah dilaksanakan secara tender oleh agensi KKLW. Semakan Audit mendapati enam perolehan sebut harga bernilai RM2.08 juta di tiga Koperasi iaitu Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA Lubuk Sireh Perlis Berhad, Koperasi Sungai Lang Berhad dan Koperasi Desa Kuala Medang Lipis Berhad telah dipecahkecilkan bagi mengelakkan perolehan secara tender. Semakan Audit mendapati tiada kelulusan diperoleh daripada Kementerian Kewangan bagi tujuan pecah kecil tersebut. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.3
PECAH KECIL PEROLEHAN TENDER

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH (RM)	PENEMUAN AUDIT
Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA Lubuk Sireh Perlis Berhad			
Kerja Ubahsuai 23 Unit Bilik Hotel Untuk Projek Hotel Bajet	413,700	710,650	Kerja dibuat dalam bangunan dan tempoh yang sama boleh dilaksanakan oleh kontraktor sama. Terdapat juga kerja ubahsuai dalam kerja hiasan dalaman selain bayaran *preliminiries* yang boleh disatukan dalam satu kontrak.
Kerja Hiasan Dalaman & Kelengkapan Projek Hotel Bajet	296,950		
Koperasi Sungai Lang Berhad			
Membina Prasarana Penternakan Lembu & Kambing di Ladang Penternakan Fidlot	425,500	565,000	Koperasi melantik kontraktor yang sama bagi dua projek dalam kawasan dan tempoh masa yang sama. Perolehan dibuat serentak pada 21 Jun 2014.
Membina & Menyiapkan Bengkel Kraf Tangan Serta Kelengkapan di Ladang Penternakan Fidlot	139,500		
Koperasi Desa Kuala Medang Lipis Berhad			
Kabin Berserta Kelengkapan Dalaman, Elektrik & Air (6 Unit)	390,000	805,000	Perolehan kabin boleh dibuat oleh kontraktor yang sama. Perolehan dibuat serentak pada 25 September 2014.
Kabin Berserta Kelengkapan Dalaman, Elektrik & Air (8 Unit)	415,000		
JUMLAH BESAR (RM)		**2,080,650**	

Sumber: Baucar Bayaran FELCRA

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017

Selaras dengan ketetapan dalam Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996 (Perkara 7) bagi perbelanjaan pembangunan, projek berkenaan hendaklah disiapkan dalam tahun semasa. Proses perolehan secara tender akan mengambil masa yang lebih panjang dan sering menjangkau tahun semasa. Selaras dengan objektif Program Desa Lestari untuk mengupayakan penduduk melalui pelaksanaan projek pembangunan, Koperasi memberi keutamaan kepada kontraktor tempatan untuk terlibat dalam projek di bawah PDL. Untuk itu, kaedah sebut harga dilaksanakan bagi memberi peluang dan keutamaan kepada kontraktor kelas G1 dan G2.

Pada pendapat Audit, KKLW telah membuat keputusan tanpa mematuhi peraturan dan telah melanggari prosedur perolehan Kerajaan.

b. Syarikat Dilantik Merupakan Syarikat Milik Keluarga/ALK

Perenggan 12.3, Lampiran B, GP PDL menetapkan agar Ahli Jawatankuasa Pembuka, Penilaian dan Jawatankuasa Sebut Harga yang dilantik oleh Koperasi yang terdiri daripada ALK dan wakil agensi KKLW mematuhi Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2010 mengenai Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan. Pelaksanaan *Integrity Pact* merupakan salah satu inisiatif utama di bawah *National Key Result Area - Corruption* bagi meningkatkan ketelusan dalam perolehan

Kerajaan. Bagi memastikan pelaksanaan perolehan dibuat berdasarkan peraturan yang berkuatkuasa, KKLW telah mengadakan latihan/bengkel berkaitan dengan perolehan kepada Koperasi. Semakan Audit mendapati 11 perolehan pembelian terus/sebut harga berjumlah RM1.75 juta oleh empat Koperasi dibuat dengan **melantik kontraktor dikalangan syarikat yang dimiliki oleh Ahli Lembaga Koperasi (ALK) mahupun ahli keluarga ALK.** Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.4
SYARIKAT DILANTIK MILIK/KELUARGA ALK

PERKARA	KONTRAKTOR	PEMILIK SYARIKAT	JAWATAN DI KOPERASI	JUMLAH (RM)
Koperasi Desa Lestari Kampung Bujang Kedah Berhad, Kedah				
Pembersihan Kawasan Sungai & Pembinaan Tempat Simpanan Peralatan	RR Utara Enterprise (AS0216006-X)	Romli Che Ahmad (650205-02-5805)	ALK	15,000
Bina & Siap Dewan Terbuka				195,064
Naik Taraf Bangunan Kedai kepada Pejabat Koperasi				16,700
Memasang Pagar Berkawat				7,000
JUMLAH				**233,764**
Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad, Negeri Sembilan				
Pembinaan Bangunan Bilik Mandi, Tandas Serta Infrastruktur & Landskap Tapak Perkhemahan	Dataran Niaga Enterprise (000107584-T)	Mohd Hezri Mat Isa (850624-05-5327)	ALK	128,242
Pembinaan Sebuah Pintu Gerbang dan Kerja Berkaitan				199,644
Pembinaan Lima Unit Chalet dan Infrastruktur Asas	ZIM Enterprise (NS0038749-X)	Mohamad Noor Dollah (631112-05-5403)	ALK	299,877
JUMLAH				**627,763**
Koperasi Bersatu Maju Hulu Chuchoh Berhad, Selangor				
Pembersihan Tapak Semaian - Projek Semaian Anak Benih Sawit	Mohd Noh Hj Bakri	Mohd Noh Hj Bakri (451221-10-5205)	ALK	19,950
Pembelian & Pemasangan Lapan Unit Kabin Chalet	Syarikat Permata	Salam Wagiman (600905-10-6141)	Adik Pengerusi	321,000
JUMLAH				**340,950**
Koperasi Kilimu Jaya Ranau Berhad, Sabah				
Bina Baru Saliran Paip Air Graviti	Singa Raja	Ignatus Peter (600731-12-5085)	Timbalan Pengerusi	119,970
Kerja Bina Baru Bangunan Kabin Chalet 10 Unit	MC Enterprise	Mac Isdze Ignatius Peter (871217-12-5343)	Anak Timb. Pengerusi	429,950
JUMLAH				**549,920**
JUMLAH BESAR (RM)				**1,752,397**

Sumber: Invois Pembekal dan Senarai Ahli Lembaga Koperasi

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017

Pemilihan kontraktor tersebut adalah dibuat oleh Koperasi melalui Jawatankuasa Pembuka dan Penilaian Sebut Harga, Jawatankuasa Sebut Harga dan Mesyuarat ALK di peringkat Koperasi. Ahli Jawatankuasa terlibat juga telah menandatangani dokumen Integrity Pact selaras dengan ketetapan oleh KKLW.

Pada pendapat Audit, walaupun *Integrity Pact* telah ditandatangani oleh Ahli Jawatankuasa, pelaksanaan perolehan oleh Koperasi tidak memuaskan seperti kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2010.

c. Kebenaran Merancang (KM)

Kebenaran merancang (KM) merupakan kebenaran secara bertulis daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Subseksyen 19(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) menyatakan dengan jelas tentang keperluan perundangan bagi mendapatkan kelulusan KM daripada PBT sebelum memula, mengusaha atau menjalankan sebarang pembangunan di atas tapak. Lawatan Audit pada 10 Januari 2017 mendapati KM bagi Projek Mini Hotel Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA Lubuk Sireh Perlis Berhad bernilai RM0.80 juta tidak diperolehi daripada Majlis Perbandaran Kangar (MPK) sebelum kerja tapak bermula pada 16 Ogos 2016. Kemajuan projek semasa lawatan Audit adalah sebanyak 50%.

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017

Koperasi telah menerima surat kelulusan KM daripada Majlis Perbandaran Kangar (MPK) pada 27 Februari 2017. Sehingga 11 April 2017, kemajuan projek adalah 85%.

Pada pendapat Audit, KKLW/agensi perlu patuh kepada kehendak peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam memastikan KM diperoleh sebelum memulakan projek.

d. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)

Perenggan 14 Lampiran B3, Garis Panduan Pelaksanaan Program Desa Lestari (GP-PPDL) menetapkan agar Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan apabila Penguasa Projek mendapat pengsyoran daripada Pegawai Teknikal atau Juruperunding yang dilantik bahawa kerja telah disiapkan sepenuhnya. Berdasarkan GP-PPDL, Penguasa Projek adalah Lembaga Kemajuan Wilayah/agensi KKLW yang menerima peruntukan. Semakan Audit di **30 Koperasi yang dilawati mendapati Penguasa Projek tidak mengeluarkan CPC bagi projek yang telah siap**. **Sebaliknya CPC dikeluarkan sendiri oleh pihak Koperasi.**

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017

KKLW telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 25 Januari 2017 kepada agensi yang menerima peruntukan untuk mengeluarkan CPC. Walau bagaimanapun, maklum balas yang diterima bahawa CPC tidak boleh dikeluarkan oleh agensi pembayar memandangkan proses perolehan dilaksanakan sepenuhnya oleh Koperasi. Mengambilkira maklum balas berkenaan, KKLW telah mengeluarkan arahan susulan bertarikh 4 April 2017, CPC yang dikeluarkan oleh Koperasi mestilah mendapat ulasan dan pandangan pegawai teknikal agensi yang kemudiannya disahkan oleh Pegawai Penyelaras Koperasi (PPK). Pemakaian arahan ini berkuatkuasa sehinggalah Garis Panduan yang ditambahbaik dikeluarkan.

Pada pendapat pihak Audit, perkara ini serius kerana terdapat implikasi ke atas denda (LAD) dan perundangan. Berdasarkan kontrak atau Garis Panduan, tanggungjawab mengeluarkan CPC adalah dibawah tanggungjawab KKLW/agensi.

e. Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

Semakan Audit terhadap tujuh projek di tiga Koperasi mendapati kerja berjumlah RM0.14 juta telah dibuat tanpa mengikut spesifikasi sebagaimana dinyatakan dalam BQ. Berdasarkan CPC, perakuan telah dibuat bahawa kerja telah disempurnakan sebagaimana kehendak kontrak. Manakala semakan Audit terhadap 10 perolehan kerja di empat Koperasi mendapati berlaku duplikasi kerja, pernyataan yang tidak perlu dinilaikan dalam BQ juga telah diletakkan harga, kerja yang tidak dibuat serta perbezaan ukuran butiran kerja dengan kerja sebenar dan telah menyebabkan lebihan **bayaran sejumlah RM0.22 juta**. Perakuan mengenai kerja telah dibuat oleh Pegawai Penyelaras Koperasi (PPK) dan bayaran telah dibuat sepenuhnya oleh agensi terlibat.

JADUAL 5.5
KERJA TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

BIL.	PROJEK	JUMLAH TIDAK IKUT SPESIFIKASI KONTRAK (RM)
Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad, Negeri Sembilan		
1.	Lima Unit Chalet	13,360
2.	Pintu Gerbang	29,000
3.	Bilik Mandi	24,890
4.	Garaj Kenderaan	27,200
Koperasi Pembangunan Ulu Legong Berhad, Kedah		
5.	Dewan Terbuka Lebah Kelulut	7,038
6.	Gelanggang Futsal	9,310
Koperasi Parit 7 Sekinchan Berhad, Selangor		
7.	Ubahsuai Bangunan & Pendawaian Kedai Koperasi	30,147
JUMLAH (RM)		**140,945**

Sumber: BQ/Invois Pembekal

JADUAL 5.6
LEBIHAN BAYARAN AKIBAT PERBEZAAN SENARAI KUANTITI

PROJEK	JUMLAH BEZAAN (RM)
Koperasi Peneroka FELDA Mata Ayer Perlis Berhad, Perlis	
- Projek Garaj Kenderaan	21,170
Koperasi Pembangunan Ulu Legong Berhad, Kedah	
- Projek 10 Unit Chalet * - Projek Taman Herba * - Projek Dewan Terbuka - Projek Gelanggang Futsal	94,968
Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad, Negeri Sembilan	
- Projek Lima Unit Chalet - Projek Pintu Gerbang - Projek Bilik Mandi - Projek Garaj Kenderaan	92,209
Koperasi Gemilang Kampong Gebok Seremban Berhad, Negeri Sembilan	
- Projek Stor Penyimpanan	8,760
Jumlah	**217,107**

Sumber: **BQ/Invois Pembekal**
Nota: **(*) - Bayaran Penuh Belum Dibuat**

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017

KKLW telah mengarahkan agensi menjalankan siasatan ke atas PPK yang terlibat dan perlu dikemukakan laporan hasil siasatan dalam tempoh 14 hari. KKLW juga telah meminta Koperasi mengarahkan kontraktor membuat semula atau membayar balik kepada Kerajaan atas kerja yang tidak mengikut spesifikasi, duplikasi kerja, statement dihargakan dan kerja tidak dibuat.

Pada pendapat Audit, Koperasi gagal memantau projek serta mempunyai kepentingan peribadi yang merugikan Kerajaan. KKLW/agensi tidak memainkan peranan dalam pemantauan projek menyebabkan berlakunya *improper payment*.

f. Projek Lewat Disiapkan Tetapi Denda Tidak Dikenakan

Kelewatan kontraktor dalam menyiapkan projek seperti dinyatakan dalam Surat Setuju Terima (SST) akan menyebabkan kontraktor dikenakan denda oleh Koperasi. **Tiada terma Lanjutan Masa dinyatakan dalam GP PDL** bagi membolehkan lanjutan masa dipohon oleh kontraktor sekiranya kontraktor gagal menyiapkan projek dalam tempoh masa ditetapkan. Semakan Audit mendapati terdapat projek lewat disiapkan tetapi denda tidak dikenakan terhadap kontraktor. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.7
PROJEK LEWAT SIAP DAN DENDA TIDAK DIKENAKAN

PROJEK	TEMPOH KONTRAK	NILAI (RM)	LAD SEHARI (RM)	TEMPOH KELEWATAN*	JUMLAH KELEWATAN (Hari)	JUMLAH LAD (RM)
Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA Lubuk Sireh Perlis Berhad, Perlis						
Mini Hotel	15.08.2016 - 30.11.2016	498,650	Tidak Dinyatakan	30.11.2016 - 12.01.2017	42	-
Koperasi Pembangunan Ulu Legong Berhad, Kedah						
Sembilan Unit Chalet & Satu Pejabat	22.02.2015 - 21.06.2015	457,430	86	21.06.2015 - 12.01.2017	568	48,848
Taman Herba	17.12.2015 - 12.01.2016	374,872	70	12.01.2016 - 12.01.2017	365	25,550
JUMLAH (RM)						****74,398**

Sumber: **Surat Setuju Terima Kontraktor**
Nota: **(*) - Sehingga Tarikh Lawatan Audit**
(**) - Mengikut Kiraan Audit

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017

Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA Lubuk Sireh Perlis Berhad, Perlis

Koperasi telah mengeluarkan surat kepada kontraktor berkaitan dengan denda yang dikenakan disebabkan kelewatan menyiapkan kerja mengikut jadual. Prestasi projek sehingga 11 April 2017 adalah 85%.

Koperasi Pembangunan Ulu Legong Berhad, Kedah

Koperasi telah memberi tiga EOT kepada kontraktor sehingga 30 April 2017. Gantirugi Kelewatan (LAD) akan dikenakan kepada kontraktor sekiranya projek tidak dapat disiapkan selepas tarikh tersebut.

Pada pendapat Audit, Koperasi hendaklah mengenakan denda (LAD) selepas projek gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

g. Perbandingan Harga Tidak Munasabah Bagi Pembinaan Kabin Chalet yang Sama

Semakan Audit mendapati **KKLW telah meluluskan** perolehan bagi Projek Pembinaan Kabin Chalet di lima Koperasi berjumlah RM2.19 juta. Semakan mendapati terdapat perbezaan julat harga yang tinggi antara RM29,850 hingga RM60,720 seunit (11.5% sehingga 23.42%) bagi setiap kabin menyebabkan perbezaan harga sebanyak RM0.64 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.8
PERBANDINGAN HARGA BAGI PEMBINAAN KABIN CHALET

KOPERASI	JUMLAH KABIN CHALET (Unit)	JUMLAH KOS PEMBINAAN (RM)	HARGA SEUNIT KABIN (RM)	PERBEZAAN HARGA TERENDAH - RM29,850 SEUNIT (RM)	JUMLAH PERBEZAAN HARGA (RM)
Kilimu Jaya Ranau Berhad, Sabah	10	386,350	38,635	8,785	87,850
Desa Kuala Medang Lipis Berhad, Pahang	8	390,520	39,052	9,202	73,616
	6	364,320	60,720	30,870	185,220
Homestay Kg Peruas Berhad, Pahang	9	268,650	29,850	-	-
Bersatu Maju Hulu Chuchoh Berhad, Selangor	* 8	321,000	40,125	10,275	82,200
Pembangunan Ulu Legong Berhad, Kedah	* 10	457,430	50,826	20,976	209,760
JUMLAH BESAR		**2,188,270**	**259,208**	**80,108**	**638,646**

Nota: **Tidak Termasuk Kemudahan Aksesori Dalaman Kabin**
(*) - Koperasi Telah Menukar Status Kabin Chalet Kepada Chalet Batu Kekal

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017

Perbezaan harga kabin berkenaan adalah berdasarkan kepada saiz kabin, saiz tingkap dan pintu serta kelengkapan, jenis dan kualiti material digunakan dan saiz tangki air serta beberapa perbezaan lain mengikut keperluan projek menyebabkan perbezaan dari segi harga.

Pada pendapat Audit, kegagalan penelitian terperinci cadangan perolehan/projek oleh Koperasi menyebabkan Kerajaan menanggung lebihan perbelanjaan sebanyak RM0.64 juta.

h. Pelantikan Perunding

Perenggan 5.3.2 GP PDL menjelaskan berhubung pelantikan khidmat Juruperunding bertauliah atau bantuan Bahagian Teknikal Agensi KKLW bagi projek pembinaan yang memerlukan pembangunan reka bentuk. Pelantikan Juruperunding bagi nilai projek dibawah RM500,000 dibuat oleh Koperasi. Pembayaran secara terus akan dibuat oleh agensi KKLW kepada Juruperunding bertauliah tersebut. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

i. Juruperunding Dilantik Bukan Juruperunding Bertauliah

Semakan bagi **enam projek di Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad dan Koperasi Desa Kuala Medang Lipis Berhad bernilai RM1.83 juta mendapati juruperunding yang dilantik iaitu RNZ Consultants And Services tidak berdaftar sebagai Juruperunding Bertauliah**. Syarikat tersebut hanya berdaftar dengan Suruhanjaya

Syarikat Malaysia (SSM). Semakan juga mendapati RNZ Consultants And Services telah memperakukan lukisan pelan pembinaan tanpa pengesahan Arkitek Bertauliah.

ii. Bayaran Kepada Juruperunding Yang Tidak Layak Melalui Kontraktor

Berdasarkan GP PDL, bayaran khidmat perunding akan dibayar secara terus oleh agensi kepada Juruperunding yang dilantik oleh Koperasi. Semakan Audit mendapati, **bayaran kepada RNZ Consultants And Services sebanyak RM0.13 juta tidak dibuat secara berasingan.** Sebaliknya bayaran dibuat bersekali melalui bayaran kepada kontraktor. Semakan Audit selanjutnya mendapati RNZ Consultants And Services telah menetapkan harga perkhidmatan perunding dalam BQ yang dikepilkan dalam sebut harga.

iii. Juruperunding Tidak Dilantik

Semakan bagi empat projek di Koperasi Sg. Lang Berhad (Fidlot & Kraftangan), Koperasi Pembangunan Kg. Tersusun Mawai Baru Berhad (Kilang Baja) dan Koperasi Ulu Pulai Lestari Pontian Berhad (Rumah Rakit) berjumlah RM1.36 juta mendapati **Koperasi terlibat tidak melantik juruperunding bagi pembangunan dan pengesahan reka bentuk projek**. Perkara ini boleh menjejaskan kualiti binaan kerana projek tersebut tidak disahkan oleh juruperunding bertauliah.

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017

Koperasi tiada kefahaman dan kemahiran dalam proses pelaksanaan projek-projek pembangunan fizikal Kerajaan. Koperasi telah melantik syarikat RNZ Consultants And Services bagi membantu pelaksanaan projek ini hanya berdasarkan pengetahuan dan pengalaman syarikat ini dalam bidang melukis pelan bangunan. Koperasi tidak mengetahui bahawa syarikat RNZ Consultants And Services merupakan syarikat perunding yang tidak bertauliah. Koperasi telah melaksanakan projek ini secara design and build di mana kontraktor akan menyediakan lukisan pelan pembinaan. Kontraktor telah memasukkan kos penyediaan lukisan ini di dalam BQ sebagai bayaran fee untuk perunding bagi penyediaan lukisan arkitek, struktur dan dokumen sebut harga. Oleh itu, bayaran akan dibuat oleh kontraktor terus kepada juruperunding.

Koperasi Ulu Pulai Lestari Pontian Berhad telah mendapatkan pengesahan daripada juruperunding. Manakala bagi Koperasi Sungai Lang Berhad (Fidlot & Kraftangan), kos pelantikan perunding tidak termasuk dalam kos projek yang diluluskan. Koperasi mempunyai peruntukan yang terhad bagi pembinaaan projek fizikal. Pelantikan juruperunding memerlukan kos

sekitar 7-10% daripada jumlah keseluruhan projek. Pelantikan perunding Projek Kilang Baja Koperasi Pembangunan Kg. Tersusun Mawai Baru Berhad terkandung di dalam perjanjian antara Koperasi dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Pihak Koperasi telah mengadakan perbincangan dengan pihak UTM untuk mendapatkan perakuan berkaitan pelan dan surat akan diperolehi pada 24 April 2017.

Maklum balas yang diterima daripada KKLW adalah bercanggah dengan program latihan yang telah diberikan kepada Koperasi dimana pendedahan mengenai GP PDL telah diberikan lebih awal sebelum projek dilaksanakan. Koperasi juga telah menggunakan khidmat kontraktor yang berdaftar di bawah CIDB yang mempunyai pengetahuan mengenai pelaksanaan projek. KKLW juga telah meneliti senarai projek lebih awal sebelum sesuatu projek diluluskan. Sebarang kekurangan terhadap pelaksanaan projek boleh dikenal pasti lebih awal oleh KKLW.

Pada pendapat Audit, pemantauan oleh KKLW/Agensi adalah lemah menyebabkan Koperasi tidak mematuhi GP PDL yang telah ditetapkan.

5.5.5. Perolehan Bekalan/Perkhidmatan

Perolehan bagi Program Desa Lestari dibuat berdasarkan Syarat-syarat Sebut Harga Untuk Kerja sebagaimana dinyatakan dalam Garis Panduan Program Desa Lestari (GP PDL). Bagi perolehan kerja kurang daripada RM500,000, perolehan dibuat oleh Koperasi secara sebut harga, manakala perolehan melebihi RM500,000 dibuat secara tender oleh agensi KKLW. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

5.5.5.1. Perolehan Lebah Kelulut

KKLW dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaksanaan PDI 2/2013 yang dihadiri oleh KKLW, EPU, ICU, PEMANDU & JKM pada 14 Jun 2013 telah memutuskan agar projek ternakan lebah kelulut menjadi satu aktiviti di bawah Program Desa Lestari. Mesyuarat telah memutuskan agar Syamille Agrofarm & Resort Sdn. Bhd. (668163-U) dilantik sebagai pembekal. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Perolehan Secara Rundingan Terus Tanpa Kelulusan Kementerian Kewangan

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaksanaan PDI 2/2013 **tidak disusul dengan kelulusan daripada Kementerian Kewangan** bagi melaksanakan perolehan secara rundingan terus. **Sebanyak 20 buah Koperasi terlibat dalam projek ternakan lebah kelulut melibatkan kelulusan peruntukan sebanyak RM4.56 juta. Bayaran dibuat oleh**

FELCRA Bhd. kepada Syamille Agrofarm & Resort Sdn. Bhd. sebagaimana keputusan KKLW.

b. Perjanjian Tidak Disediakan

Semakan Audit mendapati **tiada sebarang perjanjian disediakan antara KKLW dengan Syamille Agrofarm & Resort Sdn. Bhd.** bagi projek ternakan lebah kelulut menyebabkan kelemahan yang berbangkit tidak dapat diambil tindakan dan seterusnya merugikan Kerajaan. Berdasarkan rekod di tujuh Koperasi yang diaudit, baki koloni Lebah Kelulut yang dibekalkan adalah kurang 50% daripada jumlah asal dibekalkan. Perkara ini terjadi disebabkan berlakunya kerosakan koloni di luar kawalan Koperasi. Terdapat juga kehilangan koloni akibat kecurian. Butiran lanjut baki koloni yang dibekalkan oleh Syamille Agrofarm & Resort Sdn. Bhd. adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.9
KEDUDUKAN PROJEK TERNAKAN LEBAH KELULUT

KOPERASI	KOLONI LEBAH KELULUT			
	BIL. ASAL	BIL. ROSAK / HILANG	BIL. BAKI	PERATUS BAKI (%)
Peneroka FELDA Mata Ayer Perlis Bhd.	111	111	0	0
Desa Lestari Kg. Bujang Kedah Bhd.	100	85	15	15.0
Pembangunan Ulu Legong Bhd.	120	4	116	96.7
Homestay Lonek Jempol Bhd.	200	133	67	33.5
Parit Tujuh Sekinchan Bhd.	200	150	50	25.0
Desa Kuala Medang Lipis Bhd.	150	100	50	33.3
Homestay Sungai Pasu Raub Bhd.	350	200	150	42.9
JUMLAH	**1,231**	**783**	**448**	**36.4**

Sumber: Bahagian Kemajuan Keusahawanan Desa

c. Harga Koloni Lebah Kelulut Melebihi Harga Pasaran

Harga Koloni Lebah Kelulut yang dibekal oleh Syamille Agrofarm & Resort Sdn. Bhd. adalah bernilai RM1,260/unit. Harga tersebut lebih mahal berbanding harga yang dibekalkan oleh pembekal lain di bawah Program Desa Lestari. Harga Koloni Lebah Kelulut di tiga Koperasi iaitu Koperasi Desa Lestari Kg. Tanjung Parang Samarahan Bhd., Koperasi Homestay Kg. Peruas Berhad dan Koperasi Desa Kuala Medang Lipis Berhad adalah bernilai RM850/unit dengan perbezaan sehingga RM410/unit. Terdapat sejumlah 3,481 unit koloni dibekalkan di 20 buah Koperasi oleh Syamille Agrofarm & Resort Sdn. Bhd. dengan lebihan perbezaan sebanyak RM1.43 juta.

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017

Pelantikan Syarikat Syamille Agrofarm & Resort Sdn. Bhd. sebagai pembekal kepada projek ternakan kelulut pada tahun 2013 kerana syarikat

merupakan satu-satunya syarikat tunggal bumiputera yang menggunakan kaedah penternakan lebah kelulut menggunakan teknologi cawan plastik yang lebih cepat untuk mengisi madu berbanding kaedah biasa; syarikat memberi khidmat latihan dan bimbingan serta mempunyai pusat latihan. Syarikat juga berpengalaman di dalam industri lebih dari 10 tahun; jaminan belian balik sekiranya pihak Koperasi gagal menjual hasil madu yang dihasilkan; keupayaan syarikat untuk membekalkan sarang koloni dalam kuantiti yang banyak; dan jaminan pasaran memandangkan syarikat ini telah mempunyai rangkaian pemasaran yang luas termasuk di 11 buah negara yang memerlukan bekalan madu kelulut.

KKLW telah mengemukakan surat mengenai kronologi dan justifikasi pelantikan syarikat berkenaan serta permohonan maaf kepada Kementerian Kewangan melalui surat rujukan KKLW.PE.650-8/14 Jld.4 (45) bertarikh 26 September 2014. Sebagai langkah penambahbaikan, mulai tahun 2014 proses perolehan melibatkan projek ternakan kelulut adalah dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak Koperasi sepertimana ditetapkan dalam kelulusan.

Perjanjian di antara KKLW dengan Syarikat Syamille Agrofarm & Resort Sdn. Bhd. telah ditandatangani pada 31 Julai 2013 melalui MOU yang menggariskan tanggungjawab syarikat bagi melaksanakan kursus serta memberi khidmat nasihat, bimbingan berterusan dan jaminan pemasaran kepada peserta iaitu pihak koperasi. Faktor penyebab koloni lebah kelulut yang dibekalkan adalah kurang 50% daripada jumlah asal adalah kerana serangan serangga perosak seperti Black Soldier Fly (BSF); kesan racun akibat aktiviti pertanian (sawit dan sawah padi) menyebabkan kematian lebah kelulut; serangan oleh haiwan liar seperti beruang dan monyet; dan bencana alam seperti banjir yang di luar kawalan.

Pada pendapat Audit, KKLW tidak mematuhi prosedur perolehan Kerajaan.

5.5.5.2. Perolehan Kenderaan/Jentera

Bagi perolehan kenderaan/jentera berat, Koperasi dibenarkan membuat perolehan terus kenderaan secara runding terus tertakluk kepada nilai perolehan sehingga RM500,000 bagi setiap jenis kenderaan dan mematuhi semua syarat iaitu cadangan pembelian kenderaan telah diluluskan Mesyuarat Jawatankuasa Induk; pembelian daripada syarikat/pembuat/pemasang/pengimport/pengedar sah yang dilantik; syarikat berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan; harga kenderaan hendaklah harga bersih tidak termasuk komisen jurujual; harga hendaklah termasuk aksesori standard kecuali mendapat kelulusan; hak milik kenderaan didaftarkan atas nama Koperasi dan Koperasi menyediakan *Standard Operating Procedure* tentang pengurusan dan pentadbiran kenderaan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Perolehan Kenderaan Melebihi Harga Pasaran

Koperasi Komuniti Kg. Kilim Langkawi Bhd. telah diluluskan peruntukan bagi perolehan seunit kenderaan pacuan empat roda berharga RM110,000. Berdasarkan surat Kopera si kepada UMW Toyota Motor Sdn. Bhd. bertarikh 6 Julai 2014, Koperasi telah bersetuju untuk membeli kenderan Toyota Hilux D/Cab 3.0G (A) berdasarkan harga Semenanjung dengan harga RM107,111. Kenderaan tersebut telah didaftarkan pada 6 Ogos 2014 dengan nombor pendaftaran G1M 2576. Berdasarkan rekod, Koperasi berdaftar di Pulau Langkawi dan pembelian dibuat di UMW Toyota Motor Sdn. Bhd., Taman Sri Langkawi. Semakan Audit mendapati, harga kenderaan tersebut di Langkawi adalah RM100,017 dengan perbezaan harga sebanyak RM7,094.

b. Perolehan Jentera yang Sama Pada Harga Berbeza

KKLW telah meluluskan perolehan jentera traktor tanah JCB 3CX *Backhoe Loader* kepada empat Koperasi dengan perolehan daripada pembekal yang sama iaitu DM Equipment Sdn. Bhd. beralamat di Subang Jaya, Selangor. Semakan Audit mendapati harga yang dibeli oleh setiap Koperasi adalah berbeza dengan perbezaan harga sebanyak RM69,300 berbanding harga standard terendah. Harga belian oleh Koperasi adalah antara RM223,000 hingga RM260,000. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.10
JENIS JENTERA YANG SAMA PADA HARGA BERBEZA

KOPERASI	SPESIFIKASI JENTERA	HARGA BELIAN (RM)	PERBEZAAN DENGAN HARGA TERENDAH - RM223,000 (RM)
Wawasan Kg. Kuala Kerik Sik Bhd.	JCB 3CX *Backhoe Loader*	260,000	37,000
Desa Lestari Kg. Bujang Kedah Bhd.		243,300	20,300
Peneroka FELDA Mata Ayer Perlis Bhd.		235,000	12,000
Homestay Lonek Jempol Bhd.		223,000	-
		JUMLAH	**69,300**

Sumber: Invois Pembekal

c. Perolehan Jentera Terpakai

Dasar perolehan kenderaan Kerajaan adalah berasaskan perolehan kenderaan baharu. Semakan Audit di tiga Koperasi mendapati sembilan jentera yang dibeli oleh Koperasi dengan kelulusan KKLW sebanyak RM1.23 juta merupakan **jentera terpakai**. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.11
PEROLEHAN JENTERA TERPAKAI

KOPERASI	BUTIRAN
Koperasi Desa Lestari Kampung Bujang Kedah Bhd. - tiga unit jentera terpakai bernilai RM200,000	Jentera digunakan untuk tujuan sewa projek pertanian/ perladangan.
Koperasi Parit Tujuh Sekinchan Bhd. - satu unit trem bernilai RM80,000 (Jentera RM50,000)	Trem yang dibeli daripada Syarikat Dorani Bayu Resort & Services Sdn. Bhd. pada tahun 2013 melibatkan komponen jentera dan gerabak tempat duduk. **Jentera yang dibekalkan Syarikat Dorani adalah jentera terpakai** yang didaftarkan pada tahun 1992 atas nama individu. Jentera tersebut dibeli Syarikat Dorani pada tahun 2010 dengan harga RM24,000 dan dijual kepada Koperasi pada harga RM50,000 tanpa menukar hak milik kepada Koperasi. Lawatan Audit pada 23 Januari 2017 mendapati Jentera tersebut telah dijual oleh Koperasi kerana mengalami kerosakan. Koperasi telah membeli jentera baru dengan nombor pendaftaran AKB 3848 pada harga RM43,000 melalui peruntukan Koperasi.
Koperasi Penduduk Desa Lestari Paloh 1 Bhd. - dua unit *backhoe* bernilai RM260,000 - tiga unit *excavator* bernilai RM716,700	Jentera yang dibekalkan merupakan kenderaan *import* terpakai yang didaftarkan pada tahun 2014 dan tahun pembuatan antaranya pada 2009, 2010 dan 2011.

GAMBAR 5.23



Koperasi Parit Tujuh Sekinchan Bhd., Selangor
- Traktor Baru Dibeli Menggantikan Traktor Terpakai yang Rosak

GAMBAR 5.24



Koperasi Penduduk DL Paloh 1 Bhd., Kelantan
- Excavator yang Dibeli Merupakan Jentera Terpakai

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017

Perolehan Kenderaan Melebihi Harga Pasaran

Penggunaan kenderaan tidak bercukai di Pulau Langkawi tertakluk kepada Prosedur Perkastaman Pulau Bebas Cukai (PBC) yang menyatakan bahawa dalam setahun hanya boleh dibawa keluar ke Semenanjung selama 90 hari sahaja. Jika lebih dari tempoh itu, kenderaan berkenaan akan dikompaun; dan kenderaan yang melebihi 2,500cc perlu mengemukakan bon am dan jaminan bank kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang akan dicaj sebanyak 1%. Urusan dengan bank pula memakan masa selama seminggu dengan bank komersial. Bagi mengelakkan risiko dikompaun dan dikenakan bon am, Koperasi telah membeli kenderaan dengan harga Semenanjung disebabkan keperluan koperasi untuk mengikuti latihan/aktiviti/seminar/kursus anjuran pelbagai pihak di Semenanjung.

Perolehan Jentera yang Sama Pada Harga Berbeza

Garis Panduan Pelaksanaan PDL di bawah perkara 5.4 (vii) Garis Panduan Mengenai Tatacara Perolehan Kenderaan dan Jentera Berat Oleh Koperasi menyatakan antara lain syarat pembelian - harga kenderaan hendaklah termasuk aksesori standard yang ditetapkan oleh syarikat pembuat/ pemasang/pengimport. Bagi pemasangan aksesori tambahan kepada kenderaan tersebut, ia hendaklah dibuat mengikut keperluan dan tertakluk kepada had jumlah peruntukan yang diluluskan sahaja. Perbezaan harga jentera berkenaan adalah disebabkan jenis pacuan, pertambahan aksesori yang berbeza berdasarkan keperluan kerja oleh Koperasi. Jadual perbezaan adalah seperti berikut:

KOPERASI	PACUAN	AKSESORI TAMBAHAN
Wawasan Kg. Kuala Kerik Sik Bhd.	*2WD*	• *ubahsuai kotak gear - 4 kepada 5 gear* • *ubahsuai sistem hidrolik* • *kipas angin pemandu* • *suis keselamatan kecurian*
Desa Lestari Kg. Bujang Kedah Bhd.	*2WD*	• *bucket 12', bucket 36', bucket v* • *log grapers*
Peneroka FELDA Mata Ayer Perlis Bhd.	*4WD*	• *standard*
Homestay Lonek Jempol Bhd.	*2WD*	• *standard*

Pada pendapat Audit, KKLW tidak membuat perincian yang teliti dalam meluluskan cadangan Koperasi. Kelulusan yang dibuat tidak seragam dan membelakangkan prinsip perolehan Kerajaan.

5.5.5.3. Peralatan Tidak Digunakan

1PP Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan AM 2.4 antaranya menyatakan setiap peralatan/bekalan yang diperoleh hendaklah digunakan secara optimum serta digunakan dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos dan mendapat *value for money*. Setiap peralatan yang diterima perlu digunakan mengikut fungsi dan tujuan sebenar peralatan tersebut dibeli. Semakan Audit mendapati:

a. Koperasi Homestay Kg. Peruas Berhad, Pahang

Melalui pembinaan sembilan unit kabin chalet bagi Projek Pelancongan Pulau Chekas, Koperasi telah menerima sembilan unit televisyen pada 2 Julai 2015. Semakan Audit mendapati televisyen tersebut masih belum dipasang dan digunakan sehingga lawatan Audit dijalankan pada 26 Januari 2017.



GAMBAR 5.25

Koperasi Homestay Kampung Peruas Berhad, Pahang
- Stor Dijadikan Tempat Penyimpanan Televisyen yang Telah Dihantar oleh Kontraktor

b. Koperasi Desa Kuala Medang Lipis Berhad, Pahang

Di bawah projek Bengkel Pemprosesan Makanan, Koperasi telah menerima seunit mesin pengering elektrik. Semakan Audit mendapati mesin pengering elektrik mee sanggul yang dibekalkan oleh SIRIM Berhad tersebut telah rosak disebabkan oleh tahap pengeringan yang tidak sekata. Koperasi telah mengemukakan laporan kerosakan kepada SIRIM Berhad pada 10 Januari 2016 dan sehingga lawatan Audit pada 24 Januari 2017 tindakan pembaikan masih belum dibuat oleh SIRIM.



GAMBAR 5.26

Koperasi Desa Kuala Medang Lipis Berhad, Pahang
- Mesin Pengering Elektrik Mee Sanggul Tidak Digunakan

c. Koperasi Pembangunan Kg. Tersusun Mawai Baru Berhad, Johor

Lawatan Audit pada 14 Mac 2017 mendapati peralatan bagi makmal pembenihan cendawan untuk projek Tanaman Cendawan Tiram bernilai RM20,000 masih belum digunakan. Tujuan pembelian peralatan makmal adalah untuk memudahkan Koperasi membuat pembenihan cendawan sendiri dan sekaligus dapat menjimatkan kos pembelian benih cendawan.

GAMBAR 5.27



GAMBAR 5.28



Koperasi Pembangunan Kg. Tersusun Mawai Baru Berhad, Johor
- Peralatan Bagi Makmal Pembenihan Cendawan yang Belum Digunakan

d. Koperasi Sungai Lang Berhad, Selangor

Koperasi telah menerima peruntukan sebanyak RM131,940 bagi pembelian mesin serta peralatan bengkel kerja kraftangan (custom made). Lawatan Audit pada 8 Februari 2017 mendapati peralatan tersebut masih tidak digunakan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa ahli Koperasi tidak diberikan pendedahan sepenuhnya tentang penggunaan mesin dan peralatan yang dibekalkan.

GAMBAR 5.29



GAMBAR 5.30



Koperasi Sungai Lang Berhad, Selangor
- Peralatan Bagi Bengkel Kraftangan yang Tidak Digunakan

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017

Koperasi Homestay Kg. Peruas Berhad - Koperasi telah menguruskan pendaftaran NJOI melalui smart card number 011070726911 dan semua unit televisyen berkenaan telah disambung liputan siaran pada 12 April 2017.

Koperasi Desa Kuala Medang Lipis Berhad - KKLW telah mengemukakan surat bertarikh 11 April 2017 kepada pihak SIRIM Berhad untuk mendapatkan maklumbalas dan status kerosakan mesin berserta kos pembaikan.

Koperasi Pembangunan Kg. Tersusun Mawai Baru Berhad - Peserta didapati tidak menunjukkan minat dan kesungguhan untuk bekerja di dalam makmal pembenihan cendawan menyebabkan projek ini tidak diteruskan. KKLW mengesyorkan supaya mesin dan peralatan tersebut dipindahkan ke kampung yang mengusahakan projek pembenihan cendawan yang bersesuaian.

Koperasi Sungai Lang Berhad - Peralatan yang tidak digunakan akan dipindahkan kepada Koperasi lain dengan pelaksanaan program yang sama.

Pada pendapat Audit, Koperasi tidak memberikan cadangan yang betul dalam membuat permohonan dan KKLW lambat mengambil tindakan pembaikan untuk mengatasi kelemahan yang berlaku.

5.5.5.4. Pajakan Tanah

Bagi projek yang melibatkan pajakan tanah, perincian syarat kelulusan pembiayaan telah dinyatakan dalam perenggan 5.4 GP-PPDL. Antara syarat yang dinyatakan bahawa pajakan boleh dibuat untuk tanah milikan perseorangan, kumpulan, pertubuhan atau syarikat; tanah adalah milik sah pemberi pajakan dan bebas dari sebarang kaveat; tempoh minimum pajakan adalah 15 tahun; penilaian harga dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH); perjanjian pajakan dibuat antara Koperasi dengan penyewa; dan pembayaran tambahan insentif dalam bentuk perkongsian keuntungan boleh dipertimbangkan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

JADUAL 5.12
PAJAKAN TANAH TIDAK TERATUR

BIL.	BUTIRAN / KOPERASI
Pajakan Tanah Milik Ahli/Keluarga ALK **- Koperasi Desa Lestari Kampung Bujang Kedah Berhad** **- Koperasi Pembangunan Ulu Legong Berhad** **- Koperasi Asas Tani Kedah Berhad, Kedah** **- Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad, Negeri Sembilan** **- Koperasi Bersatu Maju Hulu Chuchoh Berhad** **- Koperasi Kg Sungai Lang Berhad, Selangor**	
1.	Sebanyak RM0.39 juta telah dibayar bagi 14 perjanjian pajakan di enam Koperasi. **Pajakan tanah dibuat atas tanah yang dimiliki oleh ALK/ahli keluarga ALK.**
Perjanjian Pajakan Tanah Atas Tanah Milik Individu Lain **- Koperasi Kampung Bandar Berhad**	
2.	Perjanjian pajakan tanah antara Koperasi dengan Mohd Zinzaki bin Ishak telah ditandatangani bagi pajakan tanah untuk Projek Ternakan Ikan Siakap selama tempoh lapan tahun. Nilai pajakan adalah RM8,000. **Tanah yang dipajak adalah bukan atas nama pemajak** tetapi adalah milik datuk yang diwariskan kepada ayahnya. Bagaimanapun, pemindahan hak milik masih belum dibuat kerana perlu mendapatkan persetujuan daripada waris yang lain.
Perjanjian Pajakan Tanah Atas Tanah Milik Lima Individu **- Koperasi Sri Sekawan Kulaijaya Berhad**	
3.	Perjanjian pajakan untuk pembinaan Kabin Chalet telah dibuat antara Koperasi dan Rostam bin Wagiman selama 15 tahun bermula daripada 1 Oktober 2015 sehingga 30 Oktober 2030 dengan nilai pajakan sebanyak RM49,685. **Penama geran tanah yang dipajak adalah atas nama lima pemilik**. Bagaimanapun, perjanjian pajakan tanah hanya ditandatangani oleh seorang penama sahaja.
Pajakan Tanah Tidak Dibayar Kepada Pemilik Tanah **- Koperasi Pembangunan Ulu Legong Berhad**	
4.	Perjanjian pajakan di antara Koperasi dengan pemilik tanah, Hasan bin Che Sa telah ditandatangani pada 28 Ogos 2014 bagi pajakan tanah untuk projek pembinaan 10 unit chalet bagi tempoh 20 tahun. Bagaimanapun, **tiada penilaian dibuat oleh JPPH bagi menentukan nilai pajakan tanah dan tiada sebarang bayaran pajakan ditetapkan kepada tuan tanah dalam perjanjian tersebut.**
Tanah Tidak Dikaveat **- KKLW**	
5.	Kaveat merupakan suatu **mekanisma yang menghalang pendaftaran urusniaga** untuk **melindungi pihak yang berkepentingan** sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (KTN). Semakan Audit mendapati **semua tanah yang di pajak di bawah PDL tidak dikaveat** bagi melindungi kepentingan Koperasi. Memandangkan pajakan dibuat di atas tanah milik ALK/ahli keluarga ALK, pihak lain yang berkepentingan untuk melindungi hak ahli Koperasi juga perlu mengkaveat tanah tersebut seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau pemilik Program Desa Lestari iaitu KKLW.
Kos Penyediaan Perjanjian Tanah Dituntut Agensi Tetapi Tidak Diakaunkan ke Akaun Agensi **- KEDA**	
6.	Ketua Unit Integriti KEDA pada 4 September 2014 telah mengarahkan Koperasi Pembangunan Ulu Legong Berhad membuat bayaran sebanyak RM800 melalui surat KEDA UI 100-7/6 (6) bagi penyediaan perjanjian antara Koperasi dengan pemilik tanah, Hasan bin Che Sa. Semakan mendapati **bayaran tersebut tidak diakaunkan ke dalam akaun KEDA sebaliknya diambil oleh Ketua Unit Integriti KEDA** bagi tujuan kos penyediaan dokumen kontrak. Semakan lanjut mendapati terdapat tujuh perjanjian lain di Koperasi Desa Lestari Kampung Bujang Kedah Berhad juga disediakan oleh Ketua Unit Integriti KEDA.

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017

Pajakan Tanah Milik Ahli/Keluarga ALK - ALK yang memiliki tanah telah menawarkan tanah sendiri atau ahli keluarga di dalam Mesyuarat ALK dan dipersetujui oleh ALK selepas tiada maklum balas daripada penduduk kampung terhadap tawaran pajakan tanah.

Perjanjian Pajakan Tanah Atas Tanah Milik Individu Lain - Urusan pemindahan nama dalam geran kepada Mohd Zinzaki b. Ishak telah dibuat melalui Peguam yang dilantik dan masih menunggu tindakan selanjutnya daripada Pejabat Tanah.

Perjanjian Pajakan Tanah Atas Tanah Milik Lima Individu - Terdapat persetujuan daripada kesemua ahli keluarga berkenaan bagi membenarkan Rostam bin Wagiman mewakili adik-beradik beliau untuk urusan pajakan tanah. Walau bagaimanapun tiada pengesahan dibuat bagi tujuan tersebut.

Pajakan Tanah Tidak Dibayar Kepada Pemilik Tanah - Berdasarkan perjanjian pajakan antara tuan tanah dan Koperasi, kos pajakan adalah di bawah tanggungjawab Koperasi sepenuhnya tanpa melibatkan geran peruntukan PDL. Sehubungan itu, tiada keperluan untuk JPPH membuat penilaian.

Tanah Tidak Dikaveat - KKLW telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 8 Februari 2017 kepada semua Koperasi di bawah PDL untuk melaksanakan kaveat tanah yang telah dipajakkan. Setakat ini hanya 3 Koperasi iaitu Koperasi Asas Tani Kedah Berhad, Koperasi Pembangunan Ulu Legong Baling Berhad dan Koperasi Desa Lestari Kampung Bujang Berhad telah melaksanakan kaveat. Bagi tujuan penambahbaikan, syarat kaveat akan dimasukkan di dalam Garis Panduan Pelaksanaan PDL bagi memastikan kepentingan Koperasi terjamin.

Kos Penyediaan Perjanjian Tanah Dituntut Agensi Tetapi Tidak Diakaunkan ke Akaun Agensi - Pengurusan Tertinggi KEDA telah mengambil langkah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan KEDA bagi tujuan tersebut.

Pada pendapat Audit, ALK Koperasi mempunyai kepentingan peribadi terhadap pajakan tanah. Keseragaman peraturan perlu dibuat oleh KKLW bagi memastikan pajakan tanah dibayar kepada pemilik tanah. Penyalahgunaan kuasa ALK/pegawai perlu dilaporkan kepada SPRM.

5.5.6. Pemantauan Program Desa Lestari

Pentadbiran Koperasi adalah berpandukan Akta Koperasi 1993 dan Garis Panduan yang dikeluarkan oleh SKM yang berkuatkuasa. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

5.5.6.1. Mesyuarat Agong Koperasi Tidak Dilaksanakan

a. Seksyen 36 Akta Koperasi 1993 menyatakan bahawa Koperasi hendaklah melaksanakan Mesyuarat Agong Koperasi untuk membincangkan isu yang berbangkit mengenai projek yang dijalankan dan mendapatkan keputusan ahli Koperasi terhadap semua urusan yang berkaitan dengan Koperasi. Manakala, Seksyen 40 Akta Koperasi 1993 sekiranya terdapat sesuatu keputusan yang perlu diputuskan selain daripada melantik Ahli Lembaga Koperasi (ALK) maka Koperasi akan membawa usul tersebut dalam Mesyuarat Agong Khas.

b. Semakan Audit mendapati dua Koperasi tidak melaksanakan Mesyuarat Agong Tahunan untuk membincangkan isu-isu yang berbangkit iaitu Koperasi Kaban Stass Bau Berhad (Penyata Kewangan 2015) dan Koperasi Peneroka FELDA Mata Ayer Perlis Berhad (Penyata Kewangan 2015 dan 2016). Ini menyebabkan ahli-ahli Koperasi tidak mengetahui kedudukan kewangan Koperasi dalam tahun berkenaan. Semakan lanjut juga mendapati Koperasi tidak menyediakan Penyata Kewangan Tahunan dan sekiranya Koperasi menyediakannya tetapi tiada dokumen sokongan seperti resit sewaan peralatan, sewaan kenderaan dan jual beli produk pengeluaran yang dihasilkan oleh Koperasi.

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017

Koperasi Kaban Stass Bau Berhad

SKM memaklumkan bahawa Mesyuarat Agong Tahunan terakhir telah diadakan pada 18 Disember 2016 manakala Audit terakhir adalah pada 31 Disember 2014. Bagi pengauditan tahun 2015 dan 2016 telah siap diaudit.

Koperasi Peneroka FELDA Mata Ayer Perlis Berhad

SKM memaklumkan bahawa Mesyuarat Agong Tahunan terakhir telah diadakan pada 10 Julai 2014. Tindakan atas kesalahan strict liability di bawah Seksyen 39(1) Akta Koperasi 1993 iaitu gagal mengadakan Mesyuarat Agong Tahunan tidak lewat daripada enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan sedang diambil oleh pihak SKM. Kedudukan Audit terakhir Koperasi adalah pada 31 Disember 2014. Sehingga kini Penyata Kewangan 2015 dan 2016 dalam proses pengauditan.

Pada pendapat Audit, KKLW telah meluluskan geran sebelum memeriksa status kewangan dan latar belakang penubuhan Koperasi yang telah berdaftar dengan SKM.

5.5.6.2. Penyelenggaraan Akaun oleh Koperasi

Seksyen 58 Akta Koperasi 1993 menyatakan setiap Koperasi berdaftar hendaklah menyelenggara rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang menerangkan mengenai transaksi dan kedudukan kewangannya. Koperasi juga perlu menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi dan Kunci Kira-kira yang benar dan saksama serta apa-apa dokumen yang dikehendaki dikepilkan bersama. Koperasi perlu menyediakan akaun mengikut cara yang mudah diaudit. Semakan Audit mendapati tiga Koperasi tidak menyediakan rekod terimaan dan perbelanjaan terhadap projek yang dilaksanakan. Koperasi terlibat ialah Koperasi Kaban Stass Bau Berhad, Sarawak (Sewaan Kenderaan dan Sewaan Mesin Pemotong Rumput), Koperasi Sg. Lang Berhad, Selangor (Penjualan Lembu Pedaging dan Penjualan Kambing) dan Koperasi DL Kg. Tanjung Parang Samarahan Berhad, Sarawak (Sewaan Kanopi dan Peralatan Katering).

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017

Pihak SKM memaklumkan bahawa akaun koperasi berkenaan telah diselenggara melalui penyata kewangan yang telah diaudit.

Pada pendapat Audit, Koperasi gagal menyelenggara dokumen dan akaun dengan teratur disebabkan tiada pemantauan SKM terhadap Akaun yang telah disahkan oleh Juruaudit.

5.5.6.3. Pemantauan oleh KKLW

Merujuk kepada GP PDL, Laporan Bulanan Aktiviti Koperasi hendaklah dihantar oleh Koperasi kepada KKLW bagi tujuan pemantauan. PPK yang dilantik bertanggungjawab untuk memastikan Program Desa Lestari dilaksanakan mengikut GP PDL. Sekiranya didapati JKKK dan Koperasi tidak sepakat; cadangan projek lebih memihak kepada kepentingan individu atau Ahli Lembaga Koperasi; dan berlaku penyalahgunaan aset, Koperasi yang dipilih akan dikeluarkan daripada senarai Program Desa Lestari dan peruntukan ditarik balik. Semakan Audit mendapati pemantauan daripada KKLW bagi memastikan Koperasi sebagai penggerak program ekonomi tidak tercapai kerana banyak projek yang gagal dilaksanakan. Terdapat Koperasi dan JKKK yang tidak

sehaluan dan projek yang dilaksanakan hanya untuk kepentingan individu tertentu sahaja.

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017

Kampung-kampung yang terpilih di bawah PDL adalah terikat dan tertakluk kepada Garis Panduan Pelaksanaan PDL bagi memastikan projek-projek yang diluluskan dilaksanakan dengan jayanya. Bagi tujuan pemantauan, pihak Koperasi dikehendaki mengemukakan laporan status pelaksanaan dan pendapatan secara bulanan. Melalui laporan ini, KKLW dapat mengetahui sama ada pelaksanaan projek berjalan dengan lancar atau sebaliknya. Selain itu, Mesyuarat JIP-DL Bil. 1/2017 pada 4 April 2017 telah bersetuju untuk semua Koperasi Desa Lestari menggunapakai Sistem Pengurusan Berkomputer Koperasi (SPBK) bagi memudahkan pemantauan pelaporan kewangan dan Koperasi secara atas talian. Sistem ini dijadualkan dibuat proses perolehan pada bulan Mei 2017 dan dijangka selesai dipasang di semua Koperasi pada bulan Jun 2017. KKLW juga telah mengeluarkan surat peringatan kepada Koperasi memaklumkan bahawa Kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas Koperasi yang didapati tidak menggunakan mana-mana aset/peralatan melebihi daripada tempoh 6 bulan daripada tarikh penerimaan aset yang diperuntukkan di bawah PDL. Garis Panduan Pelaksanaan PDL akan ditambahbaik dengan penglibatan dedicated officer di peringkat negeri dan daerah bagi sama-sama memantau dan menyelaras pelaksanaan projek.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang kurang berkesan terhadap Program Desa Lestari menyebabkan objektif asal program tidak tercapai dan Kerajaan menanggung kerugian di atas kegagalan projek.

5.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Program Desa Lestari diuruskan dengan teratur, cekap, berhemat dan Kerajaan mendapat *best value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dilakukan, adalah disyorkan pihak KKLW mempertimbangkan perkara berikut:

5.6.1. memastikan siasatan dibuat dan tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai yang tidak mematuhi peraturan kewangan dengan memecahkecilkan perolehan, menyalahgunakan kuasa dan membuat bayaran yang tidak teratur;

5.6.2. melestarikan kemudahan yang diberikan kepada Koperasi untuk kegunaan program dan mengambil tindakan menyerahkan kemudahan yang ada sekiranya Koperasi gagal melaksanakan peraturan sepatutnya;

5.6.3. memastikan siasatan dibuat terhadap Ahli Lembaga Koperasi yang menggunakan pemberian geran bagi kepentingan peribadi dengan membelakangkan tanggungjawab terhadap Koperasi;

5.6.4. mengkaji semula kelestarian Program Desa Lestari yang didapati gagal mencapai objektif program secara keseluruhannya; dan

5.6.5. mengadakan perbincangan dengan pihak SKM bagi memastikan Koperasi yang telah berdaftar mematuhi Akta Koperasi 1993 sebelum diberi geran peruntukan Desa Lestari.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

6. JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA - PENGURUSAN PROJEK eKADASTER

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) merupakan agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) yang bertanggungjawab menguruskan perkhidmatan ukuran hak milik tanah. Selaras dengan dasar Kerajaan yang digariskan di bawah Teras 5 Misi Nasional, JUPEM telah membangunkan projek eKadaster di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dengan tujuan mempercepatkan sistem penyampaian ukur kadaster negara. Antara objektif pembangunan projek eKadaster adalah mempercepatkan sistem penyampaian hak milik tanah daripada dua tahun kepada dua bulan; mengintegrasikan eKadaster dengan eTanah dalam perkongsian maklumat spatial bersepadu ke arah sistem penyampaian Kerajaan yang cepat dan pantas serta menggunakan teknologi *Global Positioning System* (GPS) dalam ukur kadaster.

6.1.2. Bahagian Kadaster, JUPEM bertanggungjawab sebagai penasihat, perancang, melakukan penyelidikan dan pembangunan serta membangunkan infrastruktur eKadaster. Projek ini dibangunkan pada 26 Disember 2006 dan siap sepenuhnya pada 15 Mei 2009. Sistem ini telah digunakan di seluruh Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak bermula pada 1 Mei 2010. Kementerian Kewangan telah meluluskan pelantikan vendor secara rundingan terus dengan kontrak bernilai RM287.62 juta adalah seperti butiran dalam jadual berikut:

JADUAL 6.1
KOS PEMBANGUNAN PROJEK eKADASTER

BIL.	PERKARA	KOS (RM Juta)
1.	*Hardware*	79.99
2.	*Software*	60.44
3.	*Application Software And Services*	49.27
4.	*Site Preparation*	7.30
5.	*Training*	0.83
6.	*Outsourcing Services*	89.79
JUMLAH		**287.62**

Sumber: Kontrak T8/2006, Bahagian Kadaster, JUPEM

6.1.3. Skop projek eKadaster adalah seperti berikut:

i. melaksanakan kerja penyediaan tapak di semua 13 JUPEM Negeri;

ii. membekal, menghantar, menguji perkakasan dan mereka bentuk, membangun serta mentauliahkan perisian aplikasi;

iii. memindah aplikasi dan data sedia ada kepada perkakasan baru dan menggantikan aplikasi baru selepas pentauliahan;

iv. berintegrasi di antara JUPEM Geoportal, eTanah, eLJT (Lembaga Juruukur Tanah) dan Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI);

v. mengadakan latihan dan pemindahan teknologi; dan

vi. menyenggara semua sistem sedia ada supaya dapat berfungsi seiring dengan eKadaster.

6.1.4. Terdapat 23 modul dalam projek eKadaster berasaskan konsep *web-based* seperti jadual berikut:

JADUAL 6.2
KOMPONEN MODUL eKADASTER

BIL.	MODUL	BIL.	MODUL
1.	JUPEM2U	13.	Sistem Ukur Maya (SUM)
2.	*Cadastral Survey Record System* (CSRS)	14.	*eCadas Online*
3.	ePermohonan Ukur (ePU)	15.	*eKiosk*
4.	*eCadastral Reference Mark* (eCRM)	16.	eSIM
5.	*eTitle Survey Modul* (eTSM)	17.	eSPID
6.	eSistem Pengurusan Kualiti (eSPEK)	18.	*ePublic Key Infrastructure* (ePKI)
7.	*eQuality Control* (eQC)	19.	*eReporting*
8.	*Digital Raster Plan* (DRP)	20.	*eSupport*
9.	*eGIS Layer Management System* (eGLMS)	21.	*eNotification*
10.	*eFee*	22.	Sistem Pengurusan Aset eKadaster (SPAK)
11.	*Strata Module*	23.	Sistem Pengurusan Personal Kadaster (SPPK)
12.	eStrata/Stratum/Marin (eSSM)		

Sumber: Kontrak T8/2006, Bahagian Kadaster, JUPEM

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai projek eKadaster diurus dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan.

6.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi peringkat perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek eKadaster sehingga tahun 2015. Pengauditan telah dilaksanakan di Ibu Pejabat JUPEM dan lima Pejabat JUPEM Negeri iaitu Selangor, Kelantan, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan W.P. Labuan.

6.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen dan menggunakan pendekatan pengauditan ICT serta analisis data. Perbincangan, pemeriksaan fizikal dan *walk-through* sistem turut dijalankan.

6.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di Ibu Pejabat JUPEM dan lima Pejabat JUPEM Negeri antara bulan Jun hingga September 2016 mendapati secara umumnya pengurusan projek eKadaster adalah memuaskan kerana sistem telah digunakan sepenuhnya di semua 13 cawangan JUPEM Negeri mulai bulan Mei 2010. Bagaimanapun, objektif projek belum dapat dicapai sepenuhnya. Antara kelemahan yang ditemui dan perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

i. permohonan lanjutan masa empat bulan selepas tarikh siap asal dan kelulusan oleh NRE melalui perjanjian tambahan keempat yang dimeterai pada 15 Mei 2009 iaitu tarikh sebenar projek disiapkan adalah tidak teratur dan menyebabkan *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) berjumlah RM14.38 juta tidak dikenakan kepada vendor;

ii. pelaksanaan projek eKadaster adalah kurang memuaskan kerana tempoh menyiapkan kerja ukur kadaster sehingga penyediaan Pelan Akui yang melibatkan sebanyak 81.7% fail tidak mencapai sasaran (kurang 60 hari) yang ditetapkan;

iii. kelemahan kawalan aplikasi:
   - kawalan akses sistem eKadaster yang meliputi *user ID* dan kata laluan adalah terdedah kepada risiko penyalahgunaan; dan
   - ketidakseragaman maklumat pendaftaran aset antara SPA dan SPAK boleh menyebabkan kesukaran untuk memantau aset JUPEM;

iv. kelemahan kawalan fizikal dan persekitaran sistem:
   - sistem pemadam kebakaran di bilik *server* semua JUPEM Negeri (kecuali Negeri Sembilan) tidak disenggara secara berkala selepas tamat kontrak pada 23 Julai 2013; dan
   - perisian antivirus yang tidak dikemaskinikan sejak tamat kontrak pada 19 Mei 2016 boleh mendedahkan *server* kepada ancaman virus yang baru dan risiko kehilangan data.

v. Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) untuk eKadaster tidak disediakan.

Perkara yang ditemui dan maklum balas NRE telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 23 Mac 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

6.5.1. Prestasi Projek

6.5.1.1. Pencapaian Fizikal dan Prestasi eKadaster

a. Kementerian Kewangan telah meluluskan pelantikan vendor secara rundingan terus bagi Perolehan Projek Pembangunan eKadaster bernilai RM287.62 juta pada 18 Oktober 2006. Surat Setuju Terima yang dikeluarkan telah ditandatangani oleh vendor pada 26 Disember 2006 dan kontrak ditandatangani pada 25 Januari 2007. Tempoh pelaksanaan projek adalah dua tahun bermula pada 26 Disember 2006 hingga 24 Disember 2008. Sebanyak empat kontrak tambahan telah ditandatangani berdasarkan kontrak asal seperti jadual berikut:

JADUAL 6.3
KONTRAK PERJANJIAN ASAL DAN TAMBAHAN YANG DITANDATANGANI

SIRI KONTRAK	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI	AMAUN (RM Juta)	CATATAN
ASAL	25.01.2007	287.62	Nilai asal kontrak.
1	02.11.2007	120.18	Melibatkan perubahan nilai asal kontrak berjumlah RM287.62 juta kepada RM120.18 juta.
2	06.11.2007	287.62	Melibatkan perubahan nilai kontrak tambahan pertama daripada RM120.18 juta kepada RM287.62 juta.
3	30.04.2009	-	Melibatkan perubahan jadual pelaksanaan projek.
4	15.05.2009	-	Lanjutan tempoh pelaksanaan projek sehingga 30 Jun 2009.

Sumber: Kontrak T8/2006, Bahagian Kadaster, JUPEM

b. Projek eKadaster telah disiapkan pada 15 Mei 2009 iaitu 142 hari selepas tarikh asal yang dijadualkan. Mengikut klausa 37 dalam kontrak, "*the Government shall in a reasonable time estimate the length of delay beyond the date or time aforesaid, make in writing a fair reasonable extension of time by way of supplementary contract for the performance of the Contract".*

c. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

i. vendor hanya mengemukakan permohonan lanjutan masa kepada NRE pada 10 April 2009 iaitu 106 hari selepas tarikh siap asal.

ii. JUPEM dan NRE telah mengambil masa selama 40 hari untuk mengemukakan permohonan lanjutan masa kepada Kementerian Kewangan.

iii. pada masa yang sama, perjanjian tambahan keempat untuk pelanjutan masa telah ditandatangani pada 15 Mei 2009, iaitu pada tarikh projek eKadaster disahkan siap.

iv. kelulusan Kementerian Kewangan hanya diterima pada 17 Jun 2009. Kronologi lanjutan masa adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.4
KRONOLOGI LANJUTAN MASA

TARIKH	CATATAN
24.12.2008	Tarikh siap asal.
10.04.2009	Vendor mengemukakan permohonan lanjutan masa kepada NRE atas justifikasi bagi memastikan pembangunan *National Digital Cadastral Database* (NDCDB) yang dikendalikan oleh JUPEM mantap keseluruhannya supaya aplikasi-aplikasi sistem eKadaster berfungsi dengan baik.
24.04.2009	Mesyuarat Lembaga Perolehan 'B' NRE memutuskan agar permohonan lanjutan tempoh sehingga 31 Mei 2009 dipanjangkan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan.
15.05.2009	• Perjanjian tambahan keempat ditandatangani bagi lanjutan tempoh kontrak sehingga 15 Mei 2009. • Projek eKadaster disahkan siap.
20.05.2009	NRE mengemukakan permohonan lanjutan masa kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan.
17.06.2009	• Kementerian Kewangan meluluskan permohonan NRE untuk melanjutkan tempoh pelaksanaan projek eKadaster secara kelulusan khas sehingga 30 Jun 2009. • Dalam surat kelulusan berkenaan, Kementerian Kewangan mengingatkan NRE supaya perlu mematuhi semua peraturan perolehan Kerajaan dan memastikan urusan pelanjutan tempoh kontrak di masa hadapan disempurnakan sebelum tempoh kontrak semasa tamat.

Sumber: Bahagian Kadaster, JUPEM

v. memandangkan lanjutan masa telah diluluskan, LAD berjumlah RM14.38 juta (RM719,046.35 x 20 minggu) tidak dapat dikenakan kepada vendor.

Maklum Balas JUPEM yang Diterima Pada 16 Januari 2017

Denda tidak dikenakan terhadap vendor kerana tempoh lanjutan masa telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 17 Jun 2009 dan kelulusan tersebut memberi kuasa kepada Pentadbir Kontrak untuk memutuskan sama ada denda wajar dikenakan atau sebaliknya. Pada 30 Jun 2009, pihak NRE telah bersetuju untuk tidak mengenakan denda kepada vendor. Bagi kontrak baru, JUPEM telah mengambil langkah preventive dengan memasukkan klausa berkaitan dengan notis permohonan pelanjutan tempoh kontrak antara satu hingga tiga bulan mengikut kesesuaian tempoh kontrak.

Pada pendapat Audit, permohonan lanjutan masa empat bulan selepas tarikh siap asal dan kelulusan oleh NRE melalui perjanjian tambahan keempat yang dimeterai pada 15 Mei 2009 iaitu tarikh projek disahkan siap adalah tidak teratur. Sehubungan itu, LAD berjumlah RM14.38 juta sepatutnya dikenakan.

d. Mengikut piagam pelanggan JUPEM, tempoh proses menyiapkan kerja ukur kadaster sehingga penyediaan Pelan Akui (PA) hendaklah tidak melebihi 60 hari atau dua bulan dari tarikh penerimaan Permohonan Ukur (PU) yang lengkap dan teratur. Analisis Audit terhadap data pengeluaran PA di lima Pejabat JUPEM Negeri mendapati 13,637 daripada 16,683 (81.7%) PA yang dikeluarkan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 melebihi tempoh yang ditetapkan. Objektif untuk menyiapkan kerja ukur dalam tempoh

dua bulan masih belum tercapai disebabkan oleh beberapa faktor seperti pengurangan jumlah pasukan kerja luar akibat kekosongan yang tidak dapat diisi, kekurangan peruntukan elaun kerja luar, bantahan daripada tuan tanah, faktor cuaca (hujan dan banjir) dan lain-lain. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 6.5
PENGELUARAN PELAN AKUI MELEBIHI TEMPOH YANG DITETAPKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016

JUPEM NEGERI	TAHUN	BIL. FAIL	BIL. FAIL YANG MELEBIHI 61 HARI	PERATUS (%)
Selangor	2014	1,441	1,376	95.5
	2015	1,714	1,635	95.4
	2016	1,081	991	91.7
Kelantan	2014	4,224	3,481	82.4
	2015	3,414	2,580	75.6
	2016	2,581	2,112	81.8
Negeri Sembilan	2014	419	220	52.5
	2015	245	184	75.1
	2016	161	136	84.5
WP Labuan	2014	84	11	13.1
	2015	60	26	43.3
	2016	36	6	16.7
Pulau Pinang	2014	637	424	66.6
	2015	408	359	88.0
	2016	178	96	53.9
JUMLAH		**16,683**	**13,637**	**81.7**

Sumber: eKadaster, JUPEM

Maklum Balas JUPEM yang Diterima Pada 16 Januari 2017 dan 10 Mac 2017

Jabatan telah mengambil tindakan awalan dengan membuat kajian pencapaian di tiga JUPEM Negeri iaitu Kedah, Selangor dan Terengganu dengan mengumpul data permohonan ukur yang diterima dalam tiga tahun bermula Jun 2014 sehingga Jun 2016. Hasil kajian mendapati 32% PA dapat disiapkan dalam tempoh kurang dari 60 hari. Sistem mampu menyiapkan PA dalam tempoh yang ditetapkan sekiranya PU adalah lengkap dan teratur. Manakala selebihnya (68%), PA tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan disebabkan faktor-faktor di luar kawalan sistem dan Jabatan. Tindakan untuk meminda piagam pelanggan sedang dibincangkan di peringkat Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Pemantauan Ukuran Hak Milik dan Strata JUPEM untuk meminda Piagam Pelanggan daripada dua bulan ke tempoh yang bersesuaian (maksimum enam bulan) berdasarkan kajian semula yang telah dijalankan oleh JUPEM pada 3 Januari 2017.

Pada pendapat Audit, tempoh menyiapkan kerja ukur kadaster sehingga penyediaan Pelan Akui yang melibatkan sebanyak 81.7% fail tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

6.5.1.2. Prestasi Kewangan

a. Di bawah RMKe-9, siling peruntukan yang diluluskan bagi projek eKadaster adalah berjumlah RM120.24 juta. Semakan Audit mendapati rundingan terus yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan adalah berjumlah RM287.62 juta dan kontrak telah ditandatangani oleh vendor berdasarkan nilai yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Sehubungan itu, NRE telah memohon siling tambahan pada 23 Januari 2007 dan 28 Mac 2007. Bagaimanapun, Unit Perancang Ekonomi (EPU) hanya memberi kelulusan peruntukan tambahan berjumlah RM167.38 juta pada 17 September 2007.

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati kontrak tambahan pertama telah ditandatangani pada 2 November 2007 bagi menyelaraskan jadual pembayaran mengikut peruntukan siling RM120.24 juta yang diluluskan di bawah RMKe-9. Selepas permohonan tambahan diluluskan oleh EPU, kontrak tambahan kedua pula ditandatangani pada 6 November 2007 bagi menyelaras semula jadual pembayaran berdasarkan kepada nilai kontrak sebanyak RM287.62 juta. Kronologi permohonan peruntukan siling tambahan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.6
KRONOLOGI PERMOHONAN PERUNTUKAN SILING TAMBAHAN

TARIKH	CATATAN
RMKe-9	Siling peruntukan berjumlah RM120.24 juta diluluskan untuk projek eKadaster di bawah RMKe-9.
21.12.2006	Kementerian Kewangan meluluskan perolehan berjumlah RM287.62 juta secara rundingan terus antara NRE dan vendor bagi projek eKadaster.
22.12.2006	NRE mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) berjumlah RM287.62 juta kepada vendor.
26.12.2006	SST ditandatangani oleh vendor.
15.01.2007	Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2007 menetapkan perbelanjaan oleh Kementerian hendaklah tidak melebihi siling yang telah diagihkan. Setiap Kementerian yang mengalami kekurangan siling boleh membuat penyelarasan siling melalui penjimatan dalaman. Tiada penambahan siling bagi projek baru.
23.01.2007	Permohonan siling tambahan bagi projek eKadaster.
25.01.2007	**Kontrak bernilai RM287.62 juta ditandatangani tanpa kelulusan tambahan siling peruntukan.**
28.03.2007	Permohonan siling tambahan bagi projek eKadaster.
24.04.2007	EPU memaklumkan tiada siling tambahan diperuntukan bagi projek eKadaster. EPU mencadangkan supaya skop projek dikurangkan berdasarkan siling yang diluluskan atau membuat pelarasan melalui penjimatan dalaman projek sedia ada tanpa melebihi siling Kementerian.
17.09.2007	EPU telah menyediakan peruntukan tambahan di bawah RMKe-9 sebanyak RM167.38 juta.
20.09.2007	EPU mengemukakan Notis Perubahan Bil. 282/2007 dengan peruntukan rancangan semasa ditambah RM167.38 juta.

Sumber: Bahagian Kadaster, JUPEM

c. Arahan Perbendaharaan 93(ii) menetapkan Pegawai Pembayar yang bertanggungjawab hendaklah sebelum membayar berpuas hati bahawa perakuan ditandatangani secara manual atau digital oleh pegawai yang diberi kuasa dan bahawa *prima facie* pertanggungan itu adalah betul. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan bayaran bagi projek eKadaster berjumlah RM287.62 juta kerana semua baucar bayaran berkaitan tidak dikemukakan kepada pihak Audit semasa pengauditan dijalankan. Pihak Audit dimaklumkan baucar bayaran dalam simpanan NRE dan telah dilupuskan pada bulan Julai dan Ogos 2016.

6.5.1.3. Penilaian *Outcome*

a. Sebanyak empat kriteria penilaian *outcome* telah dikenal pasti bagi projek eKadaster iaitu penyediaan pelan hak milik memperoleh *cost benefit*; tempoh penyediaan Hak Milik Kekal (FT) di peringkat Pejabat Tanah dipercepatkan; peningkatan perkhidmatan Kadaster dan *Spatially Enabled Society*.

b. Semakan Audit mendapati penilaian *outcome* telah dibuat pada tahun 2016. Pencapaian *outcome* projek eKadaster adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.7
PENCAPAIAN *OUTCOME* PROJEK

BIL.	KRITERIA	*OUTCOME* PROJEK	
		SEBELUM	SELEPAS
1.	*Cost Benefit* – Kos Penyediaan Pelan Hak Milik	RM54,950.84*	RM11,702.00*
2.	Pejabat Tanah – Tempoh Penyediaan Hak Milik Kekal (FT) Dipercepatkan	Tempoh penyediaan hak milik kekal telah dipercepatkan melalui penyediaan dan penghantaran pelan hak milik melalui JUPEM2U.	
3.	Peningkatan Perkhidmatan Kadaster: *Ubiquitous Cadastre – Specific cadastre information received anytime, anywhere, anyplace, anyone* (JUPEM2U)	Soal selidik berkaitan Peningkatan Perkhidmatan Kadaster telah dibuat pada 29 Disember 2016 sehingga 12 Januari 2017 yang melibatkan pengguna dari 75 jabatan kerajaan dan 26 pihak swasta yang menggunakan aplikasi JUPEM2U. Keputusan soal selidik mendapati 62% dan 83% masing-masingnya bersetuju bahawa JUPEM2U boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.	
4.	*Spatially Enabled Society – Now Everyone Can Plan*	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Perbadanan Putrajaya, Telekom Malaysia Bhd. dan Unit Pengurusan Maklumat Geospatial (PeGIS) Pulau Pinang telah menggunakan data dari Pangkalan Data Digital Kadaster Kebangsaan (NDCDB) bagi tujuan perancangan.	

Sumber: Bahagian Kadaster, JUPEM
Nota: (*) - Berdasarkan 11 Fail dan Satu Lot

Pada pendapat Audit, pencapaian *outcome* projek eKadaster adalah memuaskan.

6.5.2. Pelantikan Vendor

6.5.2.1. Projek eKadaster pada awalnya telah dirancang untuk dilaksanakan secara tender terbuka di mana draf dokumen tender telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penentuan Teknikal ICT peringkat JUPEM pada 15 September 2006. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan telah

mengarahkan semua urusan tender projek eKadaster ditangguhkan melalui surat bertarikh 20 September 2006.

6.5.2.2. Semakan Audit mendapati Kementerian Kewangan pada 18 Oktober 2006 telah meluluskan projek eKadaster secara rundingan terus berjumlah RM287.62 juta. Kronologi pelantikan vendor adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.8
KRONOLOGI PELANTIKAN VENDOR SECARA RUNDINGAN TERUS

TARIKH	CATATAN
22.08.2006	Program penyediaan spesifikasi aplikasi/modul dan keperluan *hardware* bagi projek eKadaster oleh JUPEM.
15.09.2006	Draf dokumen tender perolehan perkakasan tablet PC dan perisian aplikasi bagi pembangunan projek eKadaster dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penentuan Teknikal ICT peringkat JUPEM.
20.09.2006	Penangguhan semua urusan tender projek eKadaster sehingga keputusan muktamad Kementerian Kewangan.
12.10.2006	Kementerian Kewangan memohon maklumat lanjut bagi projek eKadaster.
18.10.2006	Projek eKadaster diluluskan secara rundingan terus.
17.11.2006	Surat pemberitahuan setuju terima projek pembangunan eKadaster secara rundingan terus dengan syarat.
24.11.2006	Pemberitahuan perolehan tender T8/2006 (bagi pembangunan projek eKadaster) dibatalkan kerana pelaksanaan projek eKadaster telah diluluskan secara rundingan terus.
27.11.2006	Perkakasan dan perisian tender T8/2006 termasuk dalam pelaksanaan projek eKadaster yang telah diluluskan secara rundingan terus. Oleh yang demikian, ia dibatalkan.
22.12.2006	Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada vendor.
26.12.2006	Surat Setuju Terima ditandatangani oleh vendor.
25.01.2007	Kontrak projek eKadaster ditandatangani.

Sumber: Bahagian Kadaster, JUPEM

6.5.3. Pelaksanaan Projek

Pengauditan ICT telah dijalankan ke atas tujuh modul aplikasi iaitu JUPEM2U; *Cadastral Survey Record System* (CSRS); ePermohonan Ukur (ePU); eFee*;* Sistem Pengurusan Aset eKadaster (SPAK); Sistem Pengurusan Personel Kadaster (SPPK) dan *eSupport*. Pengauditan mendapati pengurusan modul aplikasi adalah baik kecuali perkara berikut:

6.5.3.1. Modul ePermohonan Ukur

a. Antara fungsi yang disediakan dalam Modul ePermohonan Ukur (ePU) adalah bagi membolehkan Pejabat Tanah mengemukakan borang permohonan secara elektronik kepada JUPEM untuk memudahkan dan mempercepatkan proses pendaftaran PU.

b. Berdasarkan temubual dengan pengguna sistem, didapati fungsi tersebut tidak digunakan sepenuhnya kerana Pejabat Tanah masih mengemukakan PU dalam bentuk *hardcopy*. Berdasarkan semakan Audit terhadap maklumat pendaftaran fail ukur yang dijana di JUPEM Negeri yang dilawati, sebanyak

19,662 fail ukur di JUPEM telah didaftarkan bagi tahun 2013 sehingga bulan Julai 2016. Pendaftaran fail ukur ini direkodkan sama ada dalam kategori Kerja Sementara, Lot Belum Daftar dan Lot Telah Daftar. Bagaimanapun, kemudahan bagi menjana bilangan keseluruhan fail ukur yang didaftarkan tidak disediakan.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan maklumat keseluruhan bilangan fail yang didaftarkan adalah penting bagi tujuan pengesanan dan pemantauan oleh JUPEM.

6.5.3.2. Modul Sistem Pengurusan Personel Kadaster

Sistem Pengurusan Personel Kadaster (SPPK) merupakan satu modul untuk merekod maklumat pengguna eKadaster yang terdiri daripada pegawai JUPEM dan Juruukur Tanah Berlesen (JTB) bagi membolehkan pegawai melaksanakan tugas mengikut peranan dan tanggungjawab yang ditetapkan serta turut merekodkan maklumat agensi pengguna lain. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

a. Prosedur Permohonan Pendaftaran dan Pembatalan Pengguna

i. Mengikut Dasar Keselamatan ICT (DKICT) NRE, permohonan, pendaftaran dan pembatalan akaun pengguna sistem serta tahap capaian hendaklah mendapat kebenaran secara bertulis pegawai bertanggungjawab di peringkat Ibu Pejabat JUPEM/Negeri dan direkodkan.

ii. Didapati pendaftaran dan pembatalan pengguna dibuat oleh Pegawai Teknologi Maklumat JUPEM Selangor, Kelantan dan Pulau Pinang berdasarkan makluman dalam mesyuarat pengurusan dan maklumat yang dikemukakan melalui email atau secara lisan. Bagaimanapun, pendaftaran di JUPEM WP Labuan dan Pulau Pinang dibuat menggunakan borang pendaftaran yang tidak mengandungi semua maklumat yang ditetapkan dalam DKICT. Manakala pendaftaran bagi pengguna daripada agensi lain hanya dibuat berdasarkan permohonan secara lisan atau bertulis. Selain itu, tiada sebarang prosedur standard yang jelas bagi pendaftaran dan pembatalan pengguna seperti penggunaan borang permohonan pendaftaran serta peranan pengguna yang diluluskan oleh pegawai yang bertanggungjawab.

iii. Semakan Audit selanjutnya terhadap senarai pegawai yang tidak lagi berkhidmat di tiga JUPEM Negeri sejak 28 Februari 2010 hingga 1 Ogos 2016 mendapati sebanyak 78 *user ID* masih aktif iaitu 47 di Selangor, 16 di Pulau Pinang dan 15 di Kelantan.

b. Pengurusan Kata Laluan

i. Mengikut DKICT NRE, pengurusan kata laluan hendaklah menekankan pilihan kata laluan yang berkualiti dengan gabungan minimum lapan aksara kombinasi antara huruf, nombor dan simbol.

ii. Semakan Audit di JUPEM Negeri yang dilawati mendapati pengguna hanya menggunakan kata laluan *default* yang mengandungi empat nombor sahaja.

Maklum Balas JUPEM yang Diterima Pada 16 Januari 2017

JUPEM mengambil maklum atas perkara ini dan arahan bagi tindakan penyeragaman bagi penggunaan borang pendaftaran dan pembatalan pengguna serta penukaran kata laluan secara berkala telah dikeluarkan melalui Surat Pekeliling KPUP bertarikh 27 Disember 2016 kepada keseluruhan JUPEM Negeri.

Pada pendapat Audit, kawalan akses sistem eKadaster yang meliputi *user ID* dan kata laluan adalah terdedah kepada risiko penyalahgunaan.

6.5.3.3. Sistem Pengurusan Aset Kadaster

Mengikut Manual Pengguna, Sistem Pengurusan Aset Kadaster (SPAK) menyediakan enam menu aktiviti (sub modul) iaitu pendaftaran, penempatan, peminjaman, penyenggaraan, pelupusan dan laporan. Semakan Audit terhadap modul SPAK mendapati perkara berikut:

a. Penggunaan SPAK

i. SPAK tidak digunakan secara optimum kerana bermula tahun 2013 pengurusan aset telah menggunakan Sistem Pengurusan Aset (SPA) yang dibangunkan oleh Perbendaharaan Malaysia.

ii. Selepas SPA diguna pakai oleh JUPEM, pendaftaran aset dalam SPAK hanya mengutamakan peralatan ukur di lapangan seperti alatan GPS, *Field Communicator*, *Total Station Theodolite* dan *Walkie-talkie* beserta aksesori berkaitan.

b. Pendaftaran Aset

Wujud kelemahan dalam urusan pendaftaran aset dalam SPAK seperti:

i. ketidakseragaman pendaftaran aset antara JUPEM negeri;

ii. ketidakseragaman nombor siri pendaftaran aset antara SPA dan SPAK; dan

iii. nombor pendaftaran aset berbeza bagi aset yang sama.

Maklum Balas JUPEM yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Semua JUPEM Negeri telah diarahkan untuk menyemak pendaftaran aset dan membatalkan aset yang didaftarkan untuk tujuan ujian modul Laporan Pendaftaran.

Pada pendapat Audit, ketidakseragaman maklumat pendaftaran aset antara SPA dan SPAK boleh menyebabkan kesukaran untuk memantau aset JUPEM.

6.5.4. Kawalan Fizikal dan Persekitaran Sistem

Kawalan fizikal dan persekitaran sistem bertujuan untuk memastikan premis dan kemudahan ICT ditempatkan di kawasan yang selamat dan dilindungi daripada sebarang ancaman fizikal dan persekitaran. Ini termasuklah memastikan kawasan terhad seperti bilik *server* dilengkapi dengan sistem keluar masuk yang sewajarnya. Semakan Audit terhadap kawalan fizikal dan persekitaran sistem mendapati perkara berikut:

6.5.4.1. Penyenggaraan Sistem Pemadam Kebakaran

a. Mengikut kontrak T15/2012 yang berkuat kuasa pada 24 Julai 2012 hingga 23 Julai 2013, sistem pemadam kebakaran FM200 iaitu jenis gas bersih (*clean agent*) yang digunakan oleh semua JUPEM Negeri bagi mencegah kebakaran di bilik *server* hendaklah diuji secara berkala setiap enam bulan sekali bagi memastikan ia berfungsi, berkeadaan baik dan selamat digunakan.

b. Semakan Audit di Pejabat JUPEM Negeri yang dilawati mendapati sistem FM200 tidak lagi disenggarakan di semua pejabat JUPEM Negeri sebaik tamat tempoh kontrak kecuali di pejabat JUPEM Negeri Sembilan. Keadaan ini boleh mendedahkan kepada kegagalan fungsi sistem pemadam api apabila berlaku kebakaran.

6.5.4.2. Perisian Antivirus

a. Mengikut kontrak T2/2014, Pejabat JUPEM Negeri dibekalkan dengan perisian antivirus SOPHOS bagi melindungi *server* dari serangan virus.

b. Semakan Audit mendapati perisian antivirus tidak dikemaskinikan sejak tempoh kontrak T2/2014 tamat pada 19 Mei 2016. Keadaan ini mendedahkan *server* kepada ancaman virus yang baru dan risiko kehilangan data.

Maklum Balas JUPEM yang Diterima Pada 16 Januari 2017

Berdasarkan kepada Arahan Penjimatan, penyenggaraan sistem eKadaster tidak dapat diteruskan selepas tamatnya kontrak T2/2014 pada 19 Mei 2016. Perolehan lesen antivirus telah diambil kira dalam projek Menaik Taraf eKadaster di bawah RMKe-11.

Pada pendapat Audit, kawalan fizikal dan persekitaran sistem adalah kurang memuaskan kerana sistem pemadam kebakaran di bilik *server* tidak lagi disenggarakan di semua pejabat JUPEM Negeri (kecuali pejabat JUPEM Negeri Sembilan) dan perisian antivirus untuk eKadaster tidak dikemaskinikan sebaik tamat tempoh kontrak berkaitan masing-masingnya pada 23 Julai 2013 dan 19 Mei 2016.

6.5.5. Pelan Kesinambungan Perkhidmatan

6.5.5.1. Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 22 Januari 2010 menetapkan Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) hendaklah dibangunkan untuk mengekalkan kesinambungan perkhidmatan bagi memastikan tiada gangguan di dalam penyediaan perkhidmatan agensi. PKP terdiri daripada Pelan Tindakbalas Kecemasan, Pelan Pemulihan Bencana, Pelan Komunikasi Krisis dan Pelan Simulasi.

6.5.5.2. Semakan Audit mendapati PKP Sistem eKadaster tidak dibangunkan. Sehubungan itu, pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai JUPEM WP Labuan bahawa pejabat tersebut pernah mengalami gangguan bekalan elektrik dan ia mengambil masa selama lebih dua jam untuk memulihkan perkhidmatan eKadaster.

Maklum Balas JUPEM yang Diterima Pada 16 Januari 2017

Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) bagi semua aplikasi/fungsi kritikal JUPEM telah pun dibangunkan dengan pembentangan terkini telah dibuat pada 29 September 2016 dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT JUPEM Bil.7/2016.

Pada pendapat Audit, ketiadaan PKP boleh mendedahkan eKadaster kepada risiko gangguan perkhidmatan/utiliti, bencana alam, fraud dan gangguan serangan siber.

6.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya pihak berkenaan mempertimbangkan perkara berikut:

6.6.1. amalan kelulusan pelantikan vendor yang telah dinamakan oleh Kementerian Kewangan secara rundingan terus tanpa disokong oleh justifikasi pemilihan yang jelas perlu dihentikan segera;

6.6.2. Kementerian Kewangan perlu menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi tujuan penyenggaraan berkala peralatan dan aplikasi eKadaster;

6.6.3. JUPEM perlu mengkaji semula penetapan tempoh piawaian pengeluaran Pelan Akui yang munasabah dengan mengambil kira faktor-faktor terlibat; dan

6.6.4. JUPEM perlu membincangkan masalah-masalah sistem bagi mengatasi kelemahan berbangkit dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

7. PROGRAM PENYERAGAMAN HARGA BARANG KAWALAN PERLU DI NEGERI SARAWAK

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Faktor keluasan negeri Sarawak, keadaan muka bumi yang berbukit bukau, taburan penduduk yang berselerak dan rangkaian jalan raya yang kurang memuaskan telah menyebabkan kos Barang Kawalan Perlu (BKP) iaitu beras, tepung, gula, minyak masak, gas petroleum cecair, petrol dan diesel di kawasan pedalaman menjadi terlalu mahal berbanding harga kawalan Kerajaan kerana kos pengangkutan yang tinggi. Sehubungan itu, Program Penyeragaman Harga (PPH) yang merupakan inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dilaksanakan untuk membantu masyarakat di kawasan luar bandar dan pedalaman mendapatkan BKP pada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

7.1.2. Program ini merupakan Bidang Keberhasilan Utama KPDNKK yang turut berperanan dalam usaha mencapai matlamat keempat Bidang Keberhasilan Utama Negara iaitu untuk meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah. Objektif PPH adalah seperti berikut:

i. mengurangkan jurang perbezaan harga antara kawasan pedalaman dan kawasan bandar;
ii. memastikan sistem pengedaran yang cekap dan kos efektif supaya barangan bersubsidi sampai kepada golongan sasaran dan barangan boleh diperoleh dengan mudah pada harga kawalan Kerajaan; dan
iii. memastikan bekalan barangan bersubsidi sentiasa mencukupi mengikut keperluan golongan sasaran.

7.1.3. Peruntukan PPH yang diluluskan untuk negeri Sarawak bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016 adalah berjumlah RM479.99 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.1
PERUNTUKAN PPH DI NEGERI SARAWAK BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2016

TAHUN	(RM Juta)
2013	142.38
2014	117.87
2015	107.18
2016	112.56
JUMLAH	**479.99**

Sumber: KPDNKK Negeri Sarawak

7.1.4. KPDNKK melalui Sekretariat Majlis Harga Barang Negara (MHBN) telah mula melaksanakan PPH di negeri Sarawak pada tahun 2009. PPH merangkumi 3 projek iaitu Pengedaran Barang Perlu (BP); Penyeragaman Harga *Liquefied Petroleum Gas* (LPG); dan Penyeragaman Harga Petrol dan Diesel/*Community Drumming* (CD). Melalui program ini, Kerajaan menanggung kos pengangkutan dengan melantik Pembekal Perkhidmatan Pengangkutan (transporter) bagi pengedaran barang ke kawasan luar bandar dan pedalaman yang telah dikenal pasti. Barangan tersebut akan dijual kepada komuniti di kawasan sasaran melalui Pusat Jualan/*Point of Sales* (POS) pada harga kawalan Kerajaan. POS yang dilantik adalah merupakan premis yang dicadangkan oleh *transporter* dan telah mendapat kelulusan KPDNKK. KPDNKK telah mengeluarkan Garis Panduan Pemilihan Pembekal Perkhidmatan Pengangkutan (Transporter) Bagi Pelaksanaan Program Penyeragaman Harga bagi melaksanakan program ini.

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai Program Penyeragaman Harga di negeri Sarawak telah diuruskan secara berhemat, cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan.

7.3. SKOP PENGAUDITAN

7.3.1. Pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap PPH di negeri Sarawak bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016. Pengauditan ini telah dijalankan di MHBN; Seksyen Perdagangan Dalam Negeri, Seksyen Penguatkuasaan dan Bahagian Kewangan, KPDNKK Negeri Sarawak serta lapan pejabat cawangan KPDNKK Sarawak (Kuching, Sarikei, Sibu, Lawas, Sri Aman, Kapit, Bintulu dan Miri).

7.3.2. Pihak Audit telah memilih sebanyak 32 (26.2%) daripada 122 *transporter* di negeri Sarawak berdasarkan senarai kontrak yang berkuat kuasa pada tahun 2015 dan 2016 memandangkan kontrak bagi program ini adalah secara tahunan. Lawatan dan pemeriksaan Audit telah dibuat di 315 (15.6%) daripada 2,020 POS di negeri Sarawak.

7.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak dokumen, rekod dan fail berkaitan PPH. Selain itu, temu bual dengan pegawai bertanggungjawab, *transporter* dan pemilik POS juga telah diadakan. Borang soal selidik telah diedarkan kepada penduduk di kawasan berhampiran bagi menilai tahap kepuasan pengguna.

7.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di KPDNKK negeri dan cawangan negeri Sarawak antara bulan Mac hingga Oktober 2016 mendapati secara umumnya prestasi pelaksanaan PPH di negeri Sarawak adalah **tidak memuaskan** kerana BKP tidak dapat diedarkan keseluruhannya kepada golongan sasar pada harga kawalan Kerajaan. Perkara ini berlaku disebabkan pemantauan kurang rapi terhadap penghantaran BKP oleh *transporter* dan POS yang gagal mempamerkan tanda harga KPDNKK serta tidak menjual BKP pada harga kawalan Kerajaan. Antara kelemahan lain yang didapati adalah seperti berikut:

i. pencapaian kewangan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016 antara 93.2% hingga 100.0% adalah tidak selaras dengan pencapaian pengedaran BKP di mana pencapaian pengedaran BKP hanya mencapai antara 47.3% hingga 99.1%;

ii. pembayaran yang dibuat kepada *transporter* tidak mematuhi terma yang ditetapkan dalam perjanjian dan perjanjian tambahan tidak disediakan bagi perubahan pada kuota dan jenis Barang Perlu (BP) sehingga menyebabkan berlakunya *improper payment* berjumlah RM150,866;

iii. *Transporter* langsung tidak membekal dan mengedarkan BP kecuali beras. Kuota bulanan untuk gula, tepung gandum dan minyak masak telah digunakan untuk membekal pelbagai jenis beras; dan

iv. BKP telah dijual oleh POS dengan harga yang tinggi berbanding harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan iaitu dengan lebihan harga antara RM0.06 hingga RM9.40.

Perkara yang ditemui dan maklum balas KPDNKK telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 18 Julai 2016. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:


7.5.1. Prestasi Pencapaian Program Penyeragaman Harga

7.5.1.1. Pencapaian Pengedaran Barang Kawalan Perlu

a. Pengedaran BKP ke kawasan luar bandar dan pedalaman adalah bergantung kepada kecekapan *transporter* yang dilantik oleh Kerajaan bagi melaksanakan perkhidmatan berdasarkan kontrak perjanjian yang ditandatangani. KPDNKK telah menetapkan kuota BKP yang perlu diedarkan oleh *transporter* kepada POS setiap bulan dalam tempoh kontrak (satu tahun). Secara amnya, POS akan dibekalkan BKP mengikut kuantiti yang dipesan setiap bulan berdasarkan kuota yang telah ditetapkan. Penduduk luar bandar dan pedalaman pula dapat menikmati bekalan tersebut sepanjang masa dalam tempoh program pada harga kawalan Kerajaan.

b. Prestasi pengedaran BKP berdasarkan Laporan Prestasi *Transporter* bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016 adalah seperti carta berikut:

CARTA 7.1
PRESTASI PENGEDARAN BKP KPDNKK SARAWAK
BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2016



Sumber: **KPDNKK Negeri Sarawak**
Nota: ***CD - Community Drumming***
LPG - Liquefied Petroleum Gas
BP - Barang Perlu

c. Analisis Audit mendapati pengedaran BP, LPG dan CD tidak memenuhi kuota yang ditetapkan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016. Pencapaian BP adalah antara 67.7% hingga 99.1%, manakala LPG adalah antara 47.3% hingga 97.3% dan CD adalah antara 79.1% hingga 97.9%.

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 8 Mei 2017

Kegagalan untuk mencapai kuota yang telah ditetapkan adalah disebabkan transporter menarik diri semasa pelaksanaan program, transporter ditamatkan kontrak, transporter tidak menghantar kuantiti yang dipesan oleh POS dan transporter tidak mendapat bekalan BKP daripada pembekal untuk dihantar ke POS.

Pada pendapat Audit, pengedaran BKP secara keseluruhannya tidak dapat disempurnakan sepenuhnya mengikut kuota yang telah ditetapkan dalam perjanjian kontrak bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016.

7.5.1.2. Prestasi Pencapaian Kewangan

a. Pelaksanaan PPH menggunakan peruntukan mengurus daripada KPDNKK yang dirancang setiap tahun untuk kos pengangkutan BKP ke kawasan luar bandar dan pedalaman. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016, KPDNKK Negeri Sarawak telah menerima peruntukan berjumlah RM479.99 juta dan sejumlah RM467.76 juta (97.5%) telah dibelanjakan. Butiran lanjut peruntukan dan perbelanjaan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PPH BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2016

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
2013	142.38	138.92	97.6
2014	117.87	109.84	93.2
2015	107.18	106.44	99.3
2016	112.56	112.56	100.0
JUMLAH	**479.99**	**467.76**	**97.5**

Sumber: KPDNKK Negeri Sarawak

b. Analisis Audit mendapati pencapaian perbelanjaan adalah antara 93.2% hingga 100% bagi tempoh tahun tahun 2013 hingga 2016.

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 8 Mei 2017

Pengarah Negeri telah diberi kuasa meluluskan perubahan kuota ke kawasan pengedaran yang berlainan kadar kos pengangkutan tetapi tidak melebihi peruntukan bulanan yang ditetapkan. Kelulusan ini melibatkan pindaan kuota bekalan dari kawasan yang mempunyai kos pengangkutan rendah ke kawasan yang mempunyai kos pengangkutan yang lebih tinggi selaras dengan permohonan daripada penduduk. Garis Panduan Program Penyeragaman Harga 2017 telah disemak semula terutama kaedah pengiraan load dan trip supaya prestasi perbelanjaan dan bekalan adalah setara. Sebarang permohonan perubahan kuota perlu disertakan dengan surat sokongan dari Ketua Kampung/Penghulu/Pemanca.

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian kewangan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 tidak selaras dengan pencapaian pengedaran BKP di mana pencapaian pengedaran BKP hanya mencapai antara 47.3% hingga 99.1%. Perubahan kuota yang telah diluluskan oleh Pengarah Negeri tidak disusul dengan perjanjian tambahan selaras dengan keputusan Lembaga Perolehan B, KPDNKK.

7.5.2. Perancangan Program Penyeragaman Harga

7.5.2.1. Kajian Awal Terhadap Kawasan Pengedaran BKP

a. Prosedur Piawaian Operasi PPH Mengenai Cadangan Kawasan Pengedaran Oleh Syarikat menyatakan kawasan pengedaran hendaklah ditentukan terlebih dahulu sebelum PPH dilaksanakan. Lokasi yang dicadangkan hendaklah bertepatan mengikut kriteria pemilihan kawasan pengedaran iaitu dengan mengambil kira kesukaran penduduk untuk mendapatkan barangan keperluan asas dan kos pengangkutan yang tinggi.

b. Semakan Audit mendapati kajian awal telah dijalankan oleh pihak KPDNKK Negeri Sarawak untuk menetapkan kawasan pengedaran di sembilan kawasan iaitu Limbang, Lawas, Bintulu, Mukah, Dalat, Kanowit, Saratok, Julau dan Roban pada tahun 2009 dan 2010. Bagaimanapun, kajian tersebut tidak dibuat secara menyeluruh merangkumi kesemua Bahagian di Sarawak seperti Kuching, Sri Aman, Sarikei dan Miri. Oleh itu, pihak KPDNKK tidak mempunyai senarai lengkap kawasan pengedaran yang bertepatan dengan kriteria pemilihan kawasan pengedaran bagi program ini. Pihak KPDNKK juga menerima cadangan kawasan pengedaran BKP daripada *transporter* yang berminat.

c. Kesannya, kawasan pengedaran sebenar yang memenuhi kriteria pemilihan kawasan dan kumpulan sasar tidak dapat dikenal pasti. Terdapat POS yang dilantik untuk mengedar BKP terletak di kawasan bandar seperti di Saratok dan Lawas. Oleh itu, pengedaran BKP tidak sampai kepada penduduk yang sepatutnya mendapat faedah daripada program ini.

7.5.2.2. Label atau Pembungkusan Khas yang Membezakan BKP Dengan Bekalan yang Diperoleh Sendiri oleh Peruncit Tidak Disediakan

a. Klausa 10.2 (a) Surat Perjanjian menyatakan bahawa pihak *transporter* hendaklah memastikan POS menjual BKP pada harga yang dikawal atau ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

b. Semakan Audit ke premis POS mendapati tiada mekanisme yang diwujudkan bagi membezakan antara barangan yang dibekalkan di bawah BKP dengan barangan yang sama di pasaraya atau daripada pemborong lain. Oleh itu, KPDNKK perlu merancang terlebih dahulu bagi mengenal pasti barangan di bawah BKP dengan barangan lain sama ada melalui label khusus atau pembungkusan yang membezakan kedua-dua barangan tersebut.

c. Ketiadaan pengenalan BKP ini menyukarkan penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman untuk mengenal pasti produk di bawah BKP dan menyebabkan peruncit berpeluang untuk menjual BKP yang diterima daripada *transporter* dengan harga yang lebih tinggi daripada harga kawalan Kerajaan.

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 8 Mei 2017

Barangan yang terlibat di bawah program ini dibeli oleh transporter dari pembekal sedia ada di pasaran. Dengan itu, sebarang pindaan atau pelabelan baru akan menyumbang kepada kos tambahan ke atas barangan tersebut. Sebagai contoh penggunaan hologram berdasarkan kuota tahun 2017, anggaran keperluan penggunaan sticker di Sarawak sahaja akan melibatkan kos sebanyak RM1.83 juta. Bagaimanapun, KPDNKK telah memasukkan peruntukan denda dalam dokumen perjanjian sekiranya transporter gagal untuk memastikan POS menjual BKP mengikut harga kawalan kerajaan.

Pada pendapat Audit, perancangan PPH adalah kurang memuaskan kerana kajian awal terhadap keseluruhan kawasan pengedaran tidak dijalankan dan ketiadaan pengenalan terhadap BKP seperti pelabelan atau pembungkusan khas terhadap BKP menyukarkan penduduk di luar bandar untuk mengenal pasti BKP yang dijual pada harga subsidi dan menyumbang kepada berlakunya penjualan BKP yang tidak mengikut harga kawalan kerajaan.

7.5.3. Pelantikan *Transporter*

7.5.3.1. Perolehan Kerajaan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip perolehan iaitu akauntabiliti awam, ketelusan, nilai faedah terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan (1PP) Perolehan Kerajaan (PK) 4, agensi diminta mengambil perhatian berkenaan pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan. Kementerian Kewangan melalui suratnya bertarikh 5 Ogos 2010 dan 8 September 2010 telah bersetuju agar kuasa untuk meluluskan pelantikan *transporter* secara rundingan terus diturunkan kepada Lembaga Perolehan KPDNKK serta meluluskan Kriteria Pemilihan Transporter, Pembekal Dan Pengusaha di *Point Of Sales* (POS). Garis Panduan Kriteria Pemilihan *Transporter*, Pembekal Dan Pengusaha Di POS Untuk Projek Penyeragaman Harga Majlis Harga Barang Negara yang dikeluarkan pada 12 Ogos 2010 menetapkan prosedur antaranya:

a. *transporter* yang dilantik adalah *transporter* tempatan yang mahir dengan selok-belok kawasan pengedaran;

b. *transporter* perlu mengenal pasti peruncit sedia ada yang berpotensi menyertai projek dan mempunyai lesen runcit barang kawalan;

c. *transporter* perlu mempunyai sistem penyimpanan rekod pengedaran barang-barang keperluan yang teratur dan sentiasa dikemaskini secara berkala;

d. penghantaran perlu dibuat mengikut jadual yang telah ditetapkan dalam surat perjanjian; dan

e. *transporter* merupakan syarikat tempatan yang bertapak dan menjalankan perniagaan di kawasan projek.

7.5.3.2. Semakan Audit mendapati pelantikan kontraktor bagi pengedaran BKP di negeri Sarawak tidak dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan.

7.5.3.3. *Transporter* dilantik adalah bukan dari syarikat tempatan yang bertapak dan menjalankan perniagaan di kawasan projek dan telah menyebabkan wujudnya kes di mana *transporter* melantik wakil tempatan (agen) untuk melaksanakan perkhidmatan di kawasan masing-masing. Kesannya, terdapat BKP yang tidak dihantar terus ke premis POS serta agen yang dilantik tidak memastikan POS ada menyelenggara buku stok dan mempamerkan tanda harga BKP. Oleh itu, **pihak Audit berpendapat *transporter* yang dilantik hendaklah di kalangan *transporter* tempatan yang mahir dengan selok-belok kawasan pengedaran.**

7.5.3.4. Semakan Audit terhadap 32 *transporter* bagi pengedaran BKP untuk tahun 2015 dan 2016 di negeri Sarawak mendapati 23 (71.9%) *transporter* yang dilantik bukan dari kalangan syarikat tempatan. Kegagalan pihak KPDNKK untuk memastikan *transporter* yang dilantik adalah dari kalangan syarikat tempatan telah menyebabkan pelantikan agen di kawasan tersebut. Kesannya bekalan tidak dihantar sehingga ke pintu premis POS kerana agen tidak mengetahui obligasi yang perlu dilaksanakan. Lawatan Audit di Kawasan Pengedaran Sungai Sut, Zon Kapit mendapati semua POS telah mengangkut sendiri BKP dari Bandar Kapit disebabkan *transporter* yang dilantik bukan daripada kalangan syarikat tempatan. Oleh itu, POS tidak dapat bekalan secukupnya sekiranya tidak mengambil sendiri stok daripada *transporter*.

Pada pendapat Audit, pemilihan *transporter* bukan dari kalangan syarikat tempatan telah menyebabkan perkhidmatan dilaksanakan oleh wakil yang tidak melaksanakan tanggungjawab mengikut syarat dan terma perjanjian.

7.5.4. Pengurusan *Transporter*

Perjanjian pelantikan *transporter* telah menyatakan tanggungjawab *transporter* yang antaranya adalah seperti berikut:

i. membekalkan dan mengedar perkhidmatan sehingga sampai ke pintu POS tidak melebihi kuota sebulan yang ditetapkan;

ii. menyediakan buku stok, papan tanda BKP dan lain-lain kelengkapan atau fasiliti kepada POS;

iii. memastikan setiap POS meletakkan tanda harga BKP dengan papan tanda yang bertulis KPDNKK; dan

iv. *transporter* perlu memberi resit sebagai pengesahan bekalan telah dihantar kepada POS dan bukti penerimaan bekalan serta bayaran oleh POS.

Semakan Audit terhadap pengurusan *transporter* mendapati perkara-perkara seperti berikut:

7.5.4.1. Buku Stok Tidak Diselenggara oleh POS

a. Semakan Audit bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016 mendapati sebanyak 84 (26.7%) daripada 315 POS yang diperiksa tidak menyelenggara Buku Stok untuk merekodkan setiap penerimaan bekalan daripada *transporter.*

b. Berdasarkan temu bual Audit, pemilik POS tidak mengetahui bahawa Buku Stok yang dibekalkan perlu diselenggara di premis mereka. Perkara ini berlaku disebabkan *transporter* tidak menjelaskan bahawa setiap penerimaan bekalan BKP perlu direkodkan dalam buku stok. Semasa pemeriksaan Audit dijalankan, jumlah bekalan yang diterima tidak dapat disahkan kerana tidak ada rekod menunjukkan BKP telah dihantar.

7.5.4.2. Tarikh Pada Resit Dicatatkan Lebih Awal Daripada Tarikh Sebenar Penghantaran

a. Semakan Audit terhadap resit penghantaran bekalan oleh 11 *transporter* dan rekod penerimaan bekalan oleh 64 POS mendapati tarikh bekalan BKP yang dihantar dicatatkan lebih awal ke hadapan dari tarikh sebenar penghantaran/tarikh lawatan Audit antara 11 hingga 18 hari. Resit penghantaran bekalan tersebut telah disediakan oleh tiga *transporter* melibatkan penghantaran kepada sepuluh POS. Contoh resit yang terlibat adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 7.1



Invois Bertarikh 18.11.2016
- Resit Dicatatkan Awal 11 Hari
(07.11.2016)

GAMBAR 7.2



Invois Bertarikh 18.11.2016
- Resit Dicatatkan Awal 11 Hari
(07.11.2016)

b. Amalan yang dilakukan *transporter* ini boleh membuka ruang kepada berlakunya salah laku di mana resit yang telah ditandatangani oleh POS membolehkan *transporter* untuk membuat tuntutan penuh walaupun penghantaran masih belum disempurnakan seperti yang dipersetujui dalam syarat dan terma perjanjian. Pihak KPDNKK Negeri Sarawak telah mengeluarkan surat amaran kepada *transporter* yang terlibat untuk mengemukakan tunjuk sebab mengenai perkara ini.

7.5.4.3. Catatan Pada Resit Berbeza Dengan Rekod POS

a. Pemeriksaan Audit terhadap tiga daripada 12 POS yang terletak dalam Zon Serian iaitu Koperasi Kampung Mayang Kawan Berhad, Koperasi Kampung Mongkos Serian Berhad dan Koperasi Batu Silabur Serian Berhad mendapati perbezaan sejumlah RM7,142.08 bagi merekodkan amaun BKP yang telah dihantar oleh *transporter* pada bulan Mei dan Jun 2015. Butiran terperinci adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 7.3
PERBEZAAN REKOD JUMLAH PEMBELIAN BEKALAN OLEH POS DENGAN JUMLAH PEMBELIAN DALAM RESIT *TRANSPORTER*

BIL.	NAMA POS	TRANSAKSI (Bulan)	JUMLAH DALAM RESIT *TRANSPORTER* (RM)	JUMLAH DALAM REKOD TERIMAAN DI POS (RM)	PERBEZAAN (RM)
1.	Koperasi Kampung Mayang Kawan Berhad	Jun 2015	2,468.98	225.90	2,243.08
2.	Koperasi Kampung Mongkos Serian Berhad	Jun 2015	2,468.98	374.30	2,094.68
			1,004.00	251.00	753.00
3.	Koperasi Batu Silabur Serian Berhad	Mei 2015	2,319.62	268.30	2,051.32
JUMLAH			**8,261.58**	**1,119.50**	**7,142.08**

Sumber: KPDNKK Negeri Sarawak dan POS Dilawati

GAMBAR 7.3



GAMBAR 7.4



Koperasi Kampung Mayang Kawan Berhad
- Amaun Pembelian pada 10.06.2015 Seperti di Rekod POS (RM225.90)
Berbeza Dengan Amaun Pada Resit *Transporter* (RM2,468.98)
(28.04.2016)

GAMBAR 7.5 **GAMBAR 7.6**



Koperasi Kampung Mongkos Serian Berhad
- Amaun Pembelian pada 14.06.2015 Seperti di Rekod POS (RM374.30)
Berbeza Dengan Amaun Pada Resit *Transporter* (RM2,468.98)
(28.04.2016)

b. Kesannya, tuntutan yang dibuat oleh *transporter* menerusi resit yang telah dikeluarkan tidak menunjukkan jumlah berat bekalan sebenar yang dihantar kepada POS. Bagaimanapun, pembayaran telah dibuat oleh KPDNKK Negeri Sarawak berdasarkan resit yang dihantar oleh *transporter*.

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 8 Mei 2017

Pembayaran dibuat berdasarkan jumlah berat bekalan yang dihantar dan bukannya berdasarkan nilai resit tersebut. Resit yang dikemukakan kepada KPDNKK bagi tujuan pembayaran kos pengangkutan telah disahkan penerimaan bekalan oleh POS. Pada tahun 2017, Garis Panduan Pelaksanaan Program Penyeragaman Harga telah dikemaskinikan mengandungi manual kerja dan satu Kit Transporter juga disediakan sebagai panduan kepada transporter.

Pada pendapat Audit, pengurusan *transporter* adalah kurang memuaskan kerana *transporter* tidak mematuhi syarat perjanjian.

7.5.5. Pengurusan Pembayaran Kepada *Transporter*

Klausa 4 dalam syarat perjanjian menyatakan Kerajaan hendaklah membayar kepada *transporter* bayaran kos pengangkutan berdasarkan perkhidmatan sebenar yang telah dilaksanakan. Lampiran B dalam perjanjian kontrak pula menjelaskan bahawa bayaran penuh hanya boleh dibuat sekiranya mematuhi muatan minimum dan sekiranya terdapat lain-lain barang daripada Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), Koperasi 1Malaysia (COOP1M) atau Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), nisbah muatan hendaklah terdiri daripada 60% BKP dan 40% lain-lain barang untuk satu trip. Semakan Audit terhadap 30 baucar bayaran berjumlah RM2.76 juta bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2015 bagi empat *transporter* mendapati pembayaran tidak dibuat dengan teratur. Pembayaran tidak

sepatutnya dibuat kerana tidak mematuhi syarat dan terma kontrak. Ketidakpatuhan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

7.5.5.1. Semakan Audit mendapati *transporter* bagi kontrak no. KPDN(MHBN)(BP/SWK)46/2015 telah menghantar muatan lain-lain barang melebihi nisbah 40% bagi tempoh Januari hingga Disember 2015 melibatkan 12 (40%) daripada 30 baucar dengan **nilai bayaran yang tidak wajar berjumlah RM123,480**. Butiran terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.4
NISBAH MUATAN PER TRIP 60% BKP
DAN 40% LAIN-LAIN BARANG TIDAK DIPATUHI

BIL.	NO. BAUCAR/ TARIKH	BULAN YANG DITUNTUT	JUMLAH BAYARAN (RM) (a)	PERATUS KUOTA DIHANTAR		PEMBAYARAN TIDAK WAJAR	
				BKP (%) (b)	LAIN - LAIN BARANG (%) (c)	PERATUS (%) (d) = (c) - 40%	JUMLAH (RM) (e) = (d) x (a)
KONTRAK NO. KPDN(MHBN)(BP/SWK)46/2015							
1.	B0858/ 04.06.2015	Januari	98,000	45.8	54.2	14.2	13,916
2.	B0856/ 04.06.2015	Februari	98,000	52.9	47.1	7.1	6,958
3.	B0839/ 02.06.2015	Mac	98,000	42.3	57.7	17.7	17,346
4.	B1084/ 16.06.2015	April	98,000	46.7	53.3	13.3	13,034
5.	B0369/ 11.08.2015	Mei	98,000	49.9	45.6	5.6	5,488
6.	B0375/ 11.08.2015	Jun	98,000	44.4	52.2	12.2	11,956
7.	B0520/ 29.09.2015	Julai	98,000	46.5	50.7	10.7	10,486
8.	B0581/ 16.10.2015	Ogos	98,000	42.1	57.3	17.3	16,954
9.	B0607/ 20.10.2015	September	98,000	55.0	45.0	5.0	4,900
10.	B0691/ 13.11.2015	Oktober	98,000	52.3	47.8	7.8	7,644
11.	B0775/ 10.12.2015	November	98,000	54.2	45.9	5.9	5,782
12.	B0836/ 17.12.2015	Disember	98,000	50.9	49.2	9.2	9,016
JUMLAH BAYARAN			**1,176,000**	**JUMLAH PEMBAYARAN TIDAK WAJAR**			**123,480**

Sumber: KPDNKK Negeri Sarawak

7.5.5.2. Semakan Audit seterusnya mendapati kuota yang dihantar oleh *transporter* tersebut tidak mengikut nisbah kuota yang ditetapkan. *Transporter* tersebut hanya membekal dan mengedarkan beras. BP yang tidak dibekalkan ialah Gula Putih Bertapis (300,000kg) dan Minyak Masak Sawit Campuran Paket Plastik (420,000kg). Didapati kuota bulanan untuk gula dan minyak masak telah digunakan untuk membekal pelbagai jenis beras seperti *Eagle, Butterfly, 3A Boy, Burung Wangi, Vietnam, Padi Gedong, Super Beras, Panda* dan *Ayam Sabung* iaitu beras yang bukan dijual pada harga kawalan Kerajaan.

7.5.5.3. Semakan Audit juga mendapati bayaran penuh bagi 23 daripada 30 baucar melibatkan empat *transporter* telah diluluskan walaupun jumlah muatan

minimum ditetapkan dalam perjanjian tidak dicapai. Jumlah penghantaran yang tidak mengikut muatan minimum ini telah menyebabkan **sejumlah RM27,386 bayaran tidak sepatutnya dibuat**. Butiran terperinci adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.5
PEMBAYARAN PENUH TERHADAP PENGHANTARAN YANG TIDAK MENCAPAI JUMLAH MUATAN MINIMUM

BIL.	NO. BAUCAR/ TARIKH	BULAN YANG DITUNTUT	JUMLAH BAYARAN (RM) (a)	JUMLAH MUATAN MINIMUM SEBULAN (kg) (b)	JUMLAH KUOTA DIHANTAR SEBULAN (kg) (c)	JUMLAH KUOTA TIDAK DIHANTAR SEBULAN (kg) (d) = (b) - (c)	PEMBAYARAN TIDAK WAJAR (RM) (e) = (d) / (b) x (a)
KONTRAK NO. KPDN(MHBN)(BP/SWK)46/2015							
1.	B0839/ 02.06.2015	Mac	98,000	100,000	95,200	4,800	4,704
2.	B0369/ 11.08.2015	Mei	98,000	100,000	95,500	4,500	4,410
3.	B0375/ 11.08.2015	Jun	98,000	100,000	96,550	3,450	3,381
4.	B0520/ 29.09.2015	Julai	98,000	100,000	97,200	2,800	2,744
5.	B0581/ 16.10.2015	Ogos	98,000	100,000	99,400	600	588
KONTRAK NO. KPDN(MHBN)(BP/SWK)18/2015							
6.	B0829/ 02.06.2015	Januari	106,500	59,500	59,072	428	766
7.	B0830/ 02.06.2015	Februari	106,500	59,500	59,072	428	766
8.	B1474/ 03.08.2015	Mac	106,500	59,500	58,989	511	915
9.	B1515/ 10.08.2015	April	106,500	59,500	59,137	363	650
10.	B1811/ 12.09.2015	Mei	106,500	59,500	59,137	363	650
11	B1908/ 18.09.2015	Jun	106,500	59,500	59,137	363	650
12.	B1909/ 18.09.2015	Julai	106,500	59,500	58,991	509	911
13.	B2198/ 19.10.2015	Ogos	106,500	59,500	59,004	496	888
14.	B2539/ 18.11.2015	September	106,500	59,500	58,954	546	977
15.	B2636/ 01.12.2015	Oktober	106,500	59,500	59,024	476	852
16.	B3272/ 06.01.2016	November	106,500	59,500	59,095	405	725
17.	B3290/ 06.01.2016	Disember	106,500	59,500	59,120	380	680
KONTRAK NO. KPDN(MHBN)(BP/SWK)25/2015							
18.	B0832/ 02.06.2015	Januari	60,210	31,000	30,827	173	336
19.	B0840/ 02.06.2015	Februari	60,210	31,000	30,827	173	336
20.	B0790/ 27.05.2015	Mac	60,210	31,000	30,728	272	528
21.	B3329/ 06.01.2016	November	60,210	31,000	30,800	200	388
22.	B3324/ 06.01.2016	Disember	60,210	31,000	30,800	200	388
KONTRAK NO. KPDN(MHBN)(BP/SWK)05/2015							
23.	B0221/ 28.05.2015	Februari	7,500	15,000	14,695	305	153
JUMLAH BAYARAN			**2,076,550**	**JUMLAH PEMBAYARAN TIDAK WAJAR**			**27,386**

Sumber: KPDNKK Negeri Sarawak

7.5.5.4. Kesannya, penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman tidak dapat menikmati bekalan BKP mengikut keperluan sebenar seperti yang ditetapkan dalam perjanjian. Lawatan Audit ke Lawas pada bulan Oktober 2016 mendapati BKP tidak lagi dihantar ke POS atas alasan telah mencapai kuota bagi keseluruhan kontrak tahun 2016. Ini bermakna tiada lagi pengedaran BKP dilakukan sehingga akhir bulan Disember 2016. **Pembayaran tidak wajar sebegini menunjukkan satu perbelanjaan wang awam yang kurang berhemat**.

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 8 Mei 2017

Pembayaran telah dilakukan kerana ianya telah memenuhi syarat melebihi 0.5 had muatan/trip seperti dinyatakan dalam dokumen perjanjian. Pengiraan pembundaran adalah mengikut kawasan pengedaran kerana kos pengangkutan adalah berbeza-beza bagi setiap kawasan pengedaran. Bagi tahun 2017, kaedah pembayaran bagi BP adalah berdasarkan jumlah berat keseluruhan kuota dan tidak lagi berdasarkan kepada bilangan trip.

Pada pendapat Audit, pembayaran yang dibuat kepada *transporter* tidak mematuhi terma yang ditetapkan dalam perjanjian telah menyebabkan berlakunya *improper payment*. Manakala klausa yang membenarkan pembayaran dibuat tanpa mengikut jumlah sebenar berat atau mencapai muatan minimum adalah merupakan kecuaian dan tidak menjaga kepentingan Kerajaan.

7.5.6. Pengurusan dan Pelantikan *Point of Sales* (POS)

7.5.6.1. Kawasan Pengedaran dan POS yang Dipilih Tidak Mengikut Kriteria yang Ditetapkan

a. Perenggan 6.1, Prosedur Piawaian Operasi PPH menyatakan bahawa *transporter* hendaklah mengemukakan cadangan kawasan pengedaran, sumber bekalan dari pembekal yang dinamakan dan wakil pengedar dengan menamakan POS. Kawasan pengedaran yang melibatkan beberapa POS yang dipilih oleh *transporter* perlu memenuhi kriteria yang telah ditetapkan seperti berikut:

   i. kedudukan harga runcit BKP di tempat berkenaan melebihi 10% daripada harga kawalan Kerajaan;

   ii. kesukaran penduduk tempatan mendapatkan barang keperluan disebabkan oleh keadaan muka bumi dan kos pengangkutan yang tinggi, menyebabkan harga barang keperluan menjadi mahal; dan

   iii. bagi Projek CD, pemilihan lokasi hendaklah merupakan kawasan luar bandar dan pedalaman yang mempunyai jarak lebih daripada 15 km dari

stesen minyak terdekat dengan mengambilkira faktor kesukaran perjalanan.

b. Semakan Audit mendapati *transporter* telah memilih kawasan pengedaran dan POS yang mudah dihubungi dan tidak melibatkan kos pengangkutan yang tinggi tanpa mengambilkira kriteria pemilihan kawasan yang telah ditetapkan oleh KPDNKK. Lawatan Audit bagi tempoh bulan November 2015 hingga Febuari 2016 terhadap 231 POS di Sarawak mendapati sebanyak 154 (66.7%) tidak memenuhi kriteria iaitu sukar dihubungi dan kos pengangkutan yang tinggi.

c. Didapati Kawasan Pengedaran Saratok tidak memenuhi kriteria pemilihan kawasan pengedaran BKP kerana merupakan kawasan bandar. Lawatan Audit ke Kawasan Pengedaran Saratok pada 5 April 2016 mendapati sembilan POS telah beroperasi di lokasi yang sama iaitu di Bangunan Gerai SEDC Saratok. Pemilihan POS yang berdekatan dalam kawasan pengedaran yang sama telah menyebabkan BKP diedar secara berpusat yang menyebabkan penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman tidak mendapat bekalan BKP berhampiran dengan kediaman mereka. Untuk mendapatkan bekalan mereka keluar ke bandar yang menyebabkan mereka menanggung kos pengangkutan untuk mendapatkan bekalan tersebut. Contohnya adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 7.7



Gerai No. 7 Gerai SEDC, 95400 Saratok
- Kedudukan POS yang Berdekatan/Berpusat
(05.04.2016)

GAMBAR 7.8



Gerai No. 8 Gerai SEDC, 95400 Saratok
- Kedudukan POS yang Berdekatan/Berpusat
(05.04.2016)

GAMBAR 7.9



Gerai No. 11, Gerai SEDC, 95400 Saratok
- Kedudukan POS yang Berdekatan/Berpusat
(05.04.2016)

GAMBAR 7.10



Gerai No. 12 Gerai SEDC, 95400 Saratok
- Kedudukan POS yang Berdekatan/Berpusat
(05.04.2016)

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 8 Mei 2017

Bagi pemilihan kawasan pengedaran Serian (Kampung Rayang) dan Saratok (Market SEDC dan Pasar Saratok), kawasan pengedaran ini telah ditetapkan pada tahun 2009 di mana pada ketika itu, harga BKP adalah melebihi 15% dan bekalan adalah diperoleh daripada pusat bandar.

Pada pendapat Audit, KPDNKK tidak mengkaji cadangan pemilihan POS oleh *transporter* menyebabkan *transporter* bebas untuk menentukan bilangan POS yang diperlukan, lokasi dan jarak antara POS.

7.5.6.2. Barang Tidak Dijual Mengikut Harga Kawalan Kerajaan

a. Perenggan 7.2 (ii) Garis Panduan Pemilihan Pembekal Perkhidmatan Pengangkutan (Transporter) Bagi Pelaksanaan Program Penyeragaman Harga menyatakan setiap *transporter* perlu memastikan POS mematuhi harga jualan BKP seperti yang ditetapkan Kerajaan dan mempamerkan papan tanda harga KPDNKK di premis masing-masing.

b. Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 82 (26.0%) daripada 315 POS yang dilawati tidak mempamerkan tanda harga BKP yang dikeluarkan oleh KPDNKK. Sebanyak 12 POS pula telah menjual BKP tidak mengikut harga kawalan Kerajaan antara RM0.06 hingga RM9.40 (kenaikan antara 2.1% hingga 35%) seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 7.6
HARGA JUALAN BKP TIDAK MENGIKUT HARGA KAWALAN KERAJAAN

ZON	KAWASAN PENGEDARAN	NAMA POS	JENIS BARANGAN	HARGA KAWALAN KERAJAAN (RM)	HARGA POS (RM)	PERBEZAAN HARGA (RM)
Serian, Sarawak	Kg. Mapu	Kedai Runcit Andrew Bajon (**Gambar No. 7.13** hingga **7.16**)	Tong Gas	26.60	28.50	1.90
			Beras	18.00	26.00	8.00
			Gula	2.84	3.00	0.16
			Minyak Masak	2.50	2.80	0.30
		Koperasi Kampung Mapu Serian Bhd. (**Gambar 7.11** dan **7.12)**	Tepung Gandum	1.35	2.00	0.65
Kapit, Sarawak	Sungai Sut	Melai Ak Salang	Tepung	1.35	1.50	0.15
			Minyak Masak	2.50	2.80	0.30
		Nain Ak Senada	Tepung	1.35	1.50	0.15
			Gula	2.84	3.00	0.16
		Puyu Ak Tuba	Tepung	1.35	2.00	0.65
			Gula	2.84	3.00	0.16
			Minyak Masak	2.50	3.00	0.50
		Gawan Ak Lee	Tepung	1.35	1.80	0.45
			Gula	2.84	3.00	0.16
			Minyak Masak	2.50	3.00	0.50

ZON	KAWASAN PENGEDARAN	NAMA POS	JENIS BARANGAN	HARGA KAWALAN KERAJAAN (RM)	HARGA POS (RM)	PERBEZAAN HARGA (RM)
		Jimbun Ak Manggom	Tepung	1.35	2.00	0.65
			Gula	2.84	3.00	0.16
		Ika Angit	Tepung	1.35	1.50	0.15
			Gula	2.84	2.90	0.06
Lawas, Sarawak	Ranau Baru	Gerit Dali	Tapung	1.35	1.80	0.45
	Kuala Lawas	Abdul Rashid Bin Basir	Minyak	2.50	3.30	0.80
Sarikei, Sarawak	Semop	Jaapar Sidek Bin Abu Samah	Gula	2.84	3.20	0.36
	Daro	Syarikat Sri Intan	Tong Gas	26.60	36.00	9.40

Sumber: KPDNKK Negeri Sarawak

GAMBAR 7.11



Koperasi Kampung Mapu Serian Berhad
- Tanda Harga Tepung (RM2.00) yang Tidak Mengikut Harga Kawalan Kerajaan
(20.04.2016)

GAMBAR 7.12




Papan Tanda Harga KPDNKK
- Tanda Harga Mengikut Harga Kawalan Kerajaan
(20.04.2016)

GAMBAR 7.13



Kedai Runcit Adrew Bajong
- Tanda Harga Gula (RM3.00) yang Tidak Mengikut Harga Kawalan Kerajaan
(21.06.2016)

GAMBAR 7.14



Papan Tanda Harga KPDNKK
- Tanda Harga Mengikut Harga Kawalan Kerajaan
(21.06.2016)

GAMBAR 7.15



Kedai Runcit Adrew Bajong
- Tanda Harga Minyak (RM2.80) yang Tidak Mengikut Harga Kawalan Kerajaan
(21.06.2016)

GAMBAR 7.16



Papan Tanda Harga KPDNKK
- Tanda Harga Mengikut Harga Kawalan Kerajaan
(21.06.2016)

c. Perkara ini berlaku disebabkan *transporter* dan Pegawai Pemantauan Harga KPDNKK tidak memantau harga yang dicatat oleh pemilik POS pada papan tanda harga tersebut. Temu bual pihak Audit dengan pemilik POS mendapati ketetapan harga sedemikian dibuat kerana BKP tersebut dibeli sendiri daripada pembekal lain serta pemilik tidak dapat mengenal pasti antara jumlah barangan bersubsidi yang dibekalkan dengan yang dibeli sendiri ekoran daripada tidak menyelenggara buku stok dan tiada pengenalan kepada BKP.

d. Selain itu, harga BKP dijual dengan harga tinggi kerana POS telah mengangkut sendiri BKP daripada premis *transporter* atau wakil yang dilantik. Oleh yang demikian, POS tidak dapat menjual BKP pada harga kawalan Kerajaan kerana telah mengambikira kos pengangkutan yang ditanggung sendiri oleh POS. Kegagalan *transporter* untuk mematuhi syarat kontrak telah menyebabkan penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman tidak dapat menikmati BKP pada harga kawalan Kerajaan.

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 8 Mei 2017

Antara punca 12 POS tidak menjual BKP pada harga kawalan disebabkan telah mencapai kuota bulanan/tahunan dan barang yang dijual bukan dari bekalan program, POS mengambil sendiri barang daripada premis transporter atau wakil dan POS menjual pada harga yang lebih tinggi walaupun mendapat bekalan program. KPDNKK telah mengambil tindakan iaitu dengan memberi peringatan kepada transporter Zon Kapit dan POS di Zon Serian telah dikeluarkan daripada kawasan pengedaran bagi tahun 2017.

Pada pendapat Audit, BKP tidak dijual pada harga kawalan Kerajaan disebabkan kelemahan pemantauan oleh Pegawai Pemantauan Harga KPDNKK dan *transporter*.

7.5.6.3. POS yang Dilantik Tidak Beroperasi dan Tidak Dapat Dikenal Pasti Kedudukan Premis

a. Klausa 1.1 dalam perjanjian antara Kerajaan dan *transporter* menjelaskan bahawa POS adalah senarai pusat jualan atau *Point Of Sales* yang dilantik oleh Syarikat (*transporter*) bagi membekal dan mengedarkan BKP.

b. Pemeriksaan Audit bersama Pegawai Pemantauan Harga KPDNKK terhadap 33 POS yang dipilih di Sarikei, Sarawak mendapati semua POS tersebut adalah beroperasi manakala bagi 51 POS yang dipilih di Lawas, sebanyak 31 POS sahaja yang beroperasi, sebanyak 17 POS (33.3%) tidak beroperasi dan 3 POS pula tidak dapat dikenal pasti kedudukan premis.

Semakan Audit mendapati pemantauan terhadap tiga premis POS tersebut tidak pernah dijalankan oleh Pegawai Pemantauan Harga KPDNKK sejak disenaraikan oleh *transporter* pada awal bulan Januari 2016. Mengikut maklum balas KPDNKK, pemilik bagi satu daripada tiga POS berada di luar kawasan semasa lawatan Audit dijalankan manakala dua POS telah berpindah tapak premis. Butiran terperinci adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.7
SENARAI POS YANG TIDAK BEROPERASI SEMASA LAWATAN AUDIT DIJALANKAN

BIL.	NAMA POS	STATUS POS SEMASA LAWATAN AUDIT	TARIKH LAWATAN AUDIT
1.	Mohamad Sufri Bin Lajak	POS Tidak Beroperasi	14.11.2016
2.	Liu Pengiran @ Lyu Pangiran	POS Tidak Beroperasi	15.11.2016
3.	Umar Selutan	POS Tidak Beroperasi	15.11.2016
4.	Padan Sali	POS Tidak Beroperasi	16.11.2016
5.	Florence Yusuf	POS Tidak Beroperasi	16.11.2016
6.	Davice Padan	POS Tidak Beroperasi	16.11.2016
7.	Puret Lais	POS Tidak Beroperasi	16.11.2016
8.	Lias Musa	POS Tidak Beroperasi	16.11.2016
9.	Rinai Yusof	POS Tidak Beroperasi	16.11.2016
10.	Gadong Singa @ Ramet Singa	POS Tidak Beroperasi	16.11.2016
11.	Elsie Richard	POS Tidak Beroperasi	16.11.2016
12.	Julkipli Bin Tuah	POS berkenaan adalah suami kepada pemilik POS Fatimah Bt Timbang dan beliau berkongsi premis dengan POS Fatimah	17.11.2016
13.	Lieu Zia Leong	POS Tidak Beroperasi	17.11.2016
14.	Sabariah Bt Awang Damit	POS Tidak Beroperasi	17.11.2016
15.	Hawizah Bt Basir	POS Tidak Beroperasi	17.11.2016
16.	Nursyahirah Abdullah @ Selimah Anak Suil	POS Tidak Beroperasi	18.11.2016
17.	Suriah Bt Zakaria	POS Tidak Beroperasi	18.11.2016

Sumber: KPDNKK Negeri Sarawak

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 8 Mei 2017

Penama tidak berada di POS semasa lawatan dibuat dan hampir semua POS sudah mencapai kuota tahunan dan bekalan BKP juga kebanyakannya sudah habis. Keadaan ini disebabkan kuota telah digunakan untuk menampung permintaan yang tinggi pada musim perayaan. Manakala bagi 3 POS yang tidak dikenalpasti, pihak KPDNKK telah membuat lawatan pada 6 Februari 2017 dan telah mengenal pasti 3 POS berkenaan.

Pada pendapat Audit, kawalan dalaman yang lemah mengenai prosedur pelantikan POS telah menyebabkan berlakunya POS yang tidak beroperasi dan tidak dapat dikenalpasti. Kuota yang tidak mengikut keperluan sebenar penduduk telah menyebabkan BKP tidak dibekalkan secara berterusan.

7.5.6.4. Pengurusan Premis POS yang Tidak Teratur

a. Perenggan 6.3 dalam Prosedur Piawaian Operasi PPH menjelaskan bahawa POS yang dipilih oleh *transporter* perlu memenuhi kriteria berikut:

   i. setiap POS yang dilantik hendaklah mempunyai lesen menjual bahan runcit;

   ii. POS yang dilantik mestilah diuruskan oleh penduduk tempatan;

   iii. mempunyai tempat yang sesuai bagi menyimpan barang keperluan; dan

   iv. bertanggungjawab dalam memastikan barang keperluan adalah untuk kegunaan penduduk setempat dalam komuniti berkenaan sahaja.

b. Perenggan 6 dalam Garis Panduan Kriteria Pemilihan *Transporter,* Pembekal Dan Pengusaha Di *Point Of Sales* (POS) Untuk Projek Majlis Harga Barang Negara antaranya menyatakan:

   i. pengusaha perlu memiliki lesen runcit;

   ii. pembekal/*transporter* mestilah orang yang berlainan daripada Pengusaha (Point of Sales); dan

   iii. petrol dan diesel yang dibekalkan adalah untuk kegunaan penduduk setempat dalam komuniti berkenaan sahaja.

c. Lawatan Audit mendapati premis bagi POS di Lawas, Sarawak telah dibina secara sementara dan dalam keadaan tidak terurus seperti di gambar berikut:

GAMBAR 7.17



Kedai Runcit Aisah Binti Mail,
Kuala Lawas, Lawas
- Tuan Tanah Menyewakan Tapak Kedai Dengan Kadar RM200 Sebulan
(14.11.2016)

GAMBAR 7.18



Kedai Runcit Awangku Abdullah Bin Pengiran Buntar, Kampung Dato
- Beroperasi Tanpa Lesen Perniagaan
(14.11.2016)

d. Lawatan ke premis POS (Aisah Binti Mail) di Kawasan Pengedaran Kuala Lawas, Zon Trusan, Sarawak mendapati premis tersebut merupakan sebuah stor yang dibina di atas tanah milik Encik Salleh Bin Judin @ Salleh Bin Tajudin dan diuruskan sepenuhnya oleh Encik Salleh Bin Judin @ Salleh Bin Tajudin. Temubual bersama Encik Salleh Bin Judin @ Salleh Bin Tajudin mendapati, beliau tidak mengenali pemilik yang bernama Aisah Binti Mail.

Beliau hanya menerima arahan *transporter* untuk menjaga kedai, menyerahkan hasil jualan kedai kepada *transporter,* menyimpan invois penghantaran BKP serta mengesahkan bekalan LPG dan BP seperti dalam invois yang juga ditandatangani oleh beliau (**Gambar 7.19** dan **7.20**). Keseluruhan invois yang telah ditandatangani oleh Encik Salleh Bin Judin bagi POS (Aisah Binti Mail) berjumlah RM87,921 (**Jadual 7.8**). Sehubungan dengan itu, KPDNKK perlu lebih serius dalam menjalankan pemantauan kepada POS yang disenaraikan oleh *transporter* dan yang telah menerima bekalan BKP bagi mengelak berlakunya penipuan dan penyelewengan oleh *transporter*.

GAMBAR 7.19



Kedai Runcit Aisah Binti Mail,
Kuala Lawas, Lawas
- Buku Stok Disimpan oleh Tuan Tanah
(Fail Pengedaran BKP)
(14.11.2016)

GAMBAR 7.20



Kedai Runcit Aisah Binti Mail,
Kuala Lawas, Lawas
- Salinan Invois Disimpan oleh Tuan Tanah
(Fail Pengedaran BKP)
(14.11.2016)

JADUAL 7.8
RINGKASAN JUMLAH TUNTUTAN AISAH BINTI MAIL
BAGI BULAN JANUARI HINGGA SEPTEMBER 2016

BULAN	PROJEK BP (RM)	PROJEK LPG (RM)	PROJEK CD (RM)	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
Januari	600	546	5,800	6,946
Februari	600	715	7,600	8,915
Mac	1,000	754	8,000	9,754
April	1,400	1,222	10,200	12,822
Mei	1,200	806	9,400	11,406
Jun	1,000	780	9,000	10,780
Julai	1,000	845	10,200	12,045
Ogos	600	572	6,400	7,572
September	800	481	6,400	7,681
JUMLAH	**8,200**	**6,721**	**73,000**	**87,921**

Sumber: KPDNKK Negeri Sarawak

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 8 Mei 2017

Bagi POS Aishah Binti Mail, Kawasan Pengedaran Kuala Lawas, pihak KPDNKK telah mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada transporter berkenaan.

Pada pendapat Audit, pelantikan POS tidak dibuat dengan teratur. Kelemahan pemantauan oleh KPDNKK terhadap POS memberi ruang kepada berlakunya penipuan oleh *transporter*.

e. Semakan Audit mendapati 63 (98.4%) daripada 64 POS tidak mempunyai rekod yang menunjukkan BKP dijual untuk kegunaan penduduk setempat dalam komuniti berkenaan sahaja. Semakan Audit seterusnya mendapati satu POS milik Awangku Abdullah Bin Pengiran Buntar (Kawasan Pengedaran Kampung Dato, Batu Mulong, Lawas mengikut rekod KPDNKK) tidak mempunyai lesen menjual barang runcit dan premis POS terletak di Kawasan Pengedaran Kuala Lawas berbeza daripada Senarai POS yang dikemukakan kepada KPDNKK. Semakan Audit seterusnya mendapati tiga POS tidak mempunyai kedai dan menjadikan rumah mereka sebagai premis POS. Bekalan BKP yang dibeli daripada *transporter* disimpan dan dijual dalam ruangan rumah seperti di ruang tamu dan dapur. Selain itu, satu premis berada dalam keadaan yang tidak sesuai dijadikan POS kerana berada di kawasan kebun/hutan dan merupakan garaj kereta terbuka seperti di gambar berikut:

GAMBAR 7.21



POS Mina Braok, Birawan Tangah, Lawas - BKP Disimpan dan Dijual di Ruangan Dapur Rumah (14.11.2016)

GAMBAR 7.22



POS Dinnis Dali, Ranau Baru, Lawas - BKP Disimpan di Kawasan Terpencil dan Premis Merupakan Garaj Kereta (14.11.2016)

GAMBAR 7.23



POS Labo Tai, Long Sebangan, Lawas - BKP Disimpan dan Dijual Dalam Stor Alatan Kenderaan (16.11.2016)

GAMBAR 7.24



POS James Brauk, Long Sebangan, Lawas - BKP Disimpan di Garaj Kenderaan (16.11.2016)

Pada pendapat Audit, pelantikan POS oleh *transporter* yang tidak mengikut kriteria seperti ditetapkan dalam Prosedur Piawaian Operasi PPH adalah berpunca daripada kelemahan pemantauan oleh KPDNKK.

f. Semakan Audit seterusnya mendapati satu *transporter* telah melantik pemilik *transporter* itu sendiri (Romana Binti Tuah) untuk menjadi salah satu POS di kawasan pengedaran Bandar Lawas. Lawatan Audit mendapati POS tersebut tidak memiliki sebarang premis sebaliknya hanya menumpang di premis koperasi lain. Lawatan Audit ke POS tersebut mendapati premis tidak mempunyai tempat penyimpanan stok, proses jual beli dilaksanakan dari atas lori terus kepada pengguna. Didapati POS berkenaan ada mengeluarkan resit bagi setiap pembelian LPG.




GAMBAR 7.25

POS Romana Binti Tuah, Bandar Lawas, Lawas
- Stok LPG Hanya Disimpan Dalam Lori di Hadapan Premis yang Ditumpang Untuk Urusan Jual Beli
(17.11.2016)

Pada pendapat Audit, pelantikan POS tidak diurus dengan teratur. *Transporter* telah melantik dirinya sendiri sebagai POS telah menunjukkan kawalan dalaman yang lemah dan tidak mematuhi kriteria pemilihan POS.

g. Pemeriksaan Audit pada 17 November 2016 di POS Romana Binti Tuah mendapati kesemua resit asal yang menggunakan alamat *transporter*, masih disimpan oleh POS dan tidak diberikan kepada pelanggan. Selain itu, harga jualan juga tidak dicatatkan pada resit jualan tersebut dengan alasan pembeli tidak menerima resit berkenaan. Pemeriksaan Audit seterusnya mendapati Papan Tanda KPDNKK juga tidak dipamerkan dengan alasan papan tanda tersebut baru sahaja rosak dan belum diganti. Butiran lanjut adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 7.26

POS Romana Binti Tuah, Bandar Lawas, Lawas
- Resit yang Tidak Dicatatkan Harga Jualan dan Tidak Diserahkan Kepada Pembeli
(17.11.2016)

h. Resit yang tidak mempunyai harga jualan dan tidak diserahkan kepada pelanggan menunjukkan ada kemungkinan LPG dijual tidak mengikut harga kawalan Kerajaan.

Maklum Balas KPDNKK yang Diterima Pada 10 Februari 2017

KPDNKK Negeri Sarawak mengakui bahawa pihaknya tidak pernah membuat pemeriksaan di POS yang dibangkitkan. Pengesahan pembayaran hanya dibuat melalui resit pembayaran yang dikemukakan oleh transporter. KPDNKK meletakkan kesemua akauntabiliti ke atas POS dan transporter.

Pada pendapat Audit, pengurusan pelantikan POS tidak memuaskan kerana KPDNKK gagal untuk membuat pemeriksaan terhadap POS yang telah disenaraikan oleh *transporter.*

7.5.7. Pemantauan Pelaksanaan Program

7.5.7.1. Perenggan 15 dalam Garis Panduan Pemilihan Pembekal (Transporter) Perkhidmatan Pengangkutan Bagi Pelaksanaan Program Penyeragaman Harga menjelaskan beberapa mekanisme pemantauan telah diwujudkan oleh KPDNKK bagi memastikan subsidi yang diberikan dapat dinikmati golongan sasar. Mekanisme pemantauan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

i. penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Projek di peringkat ibu pejabat. Jawatankuasa ini bermesyuarat secara berkala iaitu tiga bulan sekali;
ii. pemantauan oleh pejabat KPDNKK Cawangan Negeri;
iii. lawatan naziran oleh Unit Audit Dalam bersama Sekretariat MHBN secara berkala iaitu sebulan sekali;
iv. kerjasama pemimpin masyarakat dan pihak berkuasa tempatan; dan
v. maklum balas daripada penduduk setempat.

7.5.7.2. Perenggan 3.3 - Pemantauan POS dalam Prosedur Piawaian Operasi PPH pula menyatakan Jadual Pemantauan POS hendaklah disediakan oleh Pegawai Pemantauan Harga. Justeru, lawatan pemantauan POS perlu dijalankan mengikut Jadual Pemantauan yang telah ditetapkan untuk memastikan POS dan *transporter* mematuhi semua peraturan dan syarat yang telah ditetapkan. Jika didapati POS dan *transporter* tidak mematuhi prosedur yang telah ditetapkan, POS hendaklah diberi teguran manakala *transporter* hendaklah diberi surat peringatan dan dikehendaki menghantar surat tunjuk sebab.

7.5.7.3. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Penyelarasan Projek telah ditubuhkan dan bermesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, semakan Audit seterusnya mendapati antara 54.8% hingga 56.6% POS di seluruh negeri Sarawak bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 tidak pernah dilawat oleh Pegawai Pemantau Harga untuk tujuan pemeriksaan dan pemantauan. Bilangan POS yang tertinggi tidak dilawat oleh Pegawai Pemantau Harga adalah di Miri iaitu purata 94.5% dan diikuti oleh Sri Aman sebanyak 78.4%. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.9
KEKERAPAN LAWATAN PEMANTAUAN TERHADAP POS
BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2015

BIL.	PEJABAT CAWANGAN KPDNKK	2013			2014			2015		
		BIL. POS	BIL. TIDAK DILAWAT	PERATUSAN TIDAK DILAWAT (%)	BIL. POS	BIL. TIDAK DILAWAT	PERATUSAN TIDAK DILAWAT (%)	BIL. POS	BIL. TIDAK DILAWAT	PERATUSAN TIDAK DILAWAT (%)
1.	Kuching	60	40	66.7	65	48	73.8	60	20	33.3
2.	Sri Aman	263	158	60.1	209	169	80.9	283	267	94.3
3.	Sarikei	516	205	39.7	347	155	44.7	245	92	37.6
4.	Sibu	179	139	77.7	241	153	63.0	254	156	61.4
5.	Kapit	295	54	18.3	315	82	21.0	355	126	35.5
6.	Bintulu	244	182	74.6	219	179	81.7	242	77	31.8
7.	Miri	515	484	94.0	324	299	92.3	360	350	97.2
8.	Limbang	91	2	2.2	137	32	23.4	143	16	11.2
9.	Lawas	131	26	19.8	184	39	21.2	177	58	32.8
JUMLAH		**2,294**	**1,290**	**56.2**	**2,041**	**1,156**	**56.6**	**2,119**	**1,162**	**54.8**

Sumber: KPDNKK Negeri Sarawak

7.5.7.4. Jadual Pemantauan telah disediakan oleh Pegawai Pemantauan Harga mulai tahun 2015 untuk menjalankan pemeriksaan terhadap pembekalan BKP oleh *transporter*.

7.5.7.5. Laporan Pemantauan yang disediakan oleh Pegawai Pemantauan Harga KPDNKK bagi Kawasan Pengedaran Serian, Simunjan dan Sebuyau/Sebangan untuk tempoh tahun 2013 hingga 2015 mendapati sebanyak 19 kes penipuan oleh dua *transporter* melibatkan sejumlah RM65,241.10 telah dilaporkan. Bagaimanapun, tindakan susulan tidak diambil terhadap laporan ini oleh KPDNKK Negeri Sarawak.

7.5.7.6. Pada tahun 2015, Pejabat KPDNKK Cawangan Kuching telah menjalankan tiga lawatan pemantauan iaitu pada bulan April, September dan November 2015 terhadap POS di Zon Serian, Simunjan, Sebuyau dan Sebangan. Analisis Audit terhadap Laporan Pemantauan yang disediakan

mendapati masih berlaku ketidakpatuhan terhadap prosedur PPH antaranya penipuan dibuat oleh *transporter* dengan mengemukakan tuntutan palsu, POS tidak menjual barang PPH mengikut harga yang telah ditetapkan, POS tidak menyelenggarakan Buku Stok, kuantiti barang PPH yang sebenar diterima oleh POS kurang berbanding dengan invois tuntutan *transporter,* POS menafi ada menerima barang PPH daripada *transporter* seperti dalam invois yang telah dituntut dan sebuah POS (Koperasi Kpg. Pichin) telah dicadangkan untuk digugurkan dari PPH akan datang kerana tidak mematuhi peraturan dan syarat yang telah ditetapkan.

7.5.7.7. Semakan Audit mendapati Pejabat KPDNKK Cawangan Kuching tidak pernah menghantar surat teguran kepada POS dan surat peringatan serta surat tunjuk sebab kepada *transporter* yang terlibat dengan penemuan di atas. Koperasi Kpg. Pichin di Zon Serian yang dicadangkan untuk digugurkan dari PPH juga masih beroperasi sebagai POS hingga ke tarikh lawatan Audit pada 28 April 2016. Selain itu, pihak pengurusan juga tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap Laporan Pemantauan yang telah dijalankan pada tahun 2015.

7.5.7.8. Kegagalan mengambil tindakan susulan terhadap laporan pemantauan yang jelas menyatakan bahawa *transporter* telah melakukan penipuan dan salah laku menyebabkan pembayaran dibuat terhadap perkhidmatan yang tidak dilaksanakan sepenuhnya oleh *transporter*.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang telah diwujudkan di peringkat negeri adalah tidak memuaskan. Ini adalah kerana banyak kelemahan dalam pelaksanaan program dan pemantauan melebihi 50% tidak dilaksanakan terhadap POS untuk memastikan POS dan *transporter* mematuhi semua peraturan dan syarat yang telah ditetapkan dalam perjanjian. *Transporter* yang didapati melakukan kesalahan pula tidak diambil tindakan sewajarnya.


7.5.8. Penilaian Tahap Kepuasan Pengguna

7.5.8.1. Bagi menilai tahap kepuasan pengguna terhadap pelaksanaan program ini, sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan kepada penduduk berhampiran dengan POS di negeri Sarawak. Semua borang soal selidik yang diedarkan telah diterima. Aspek yang dinilai melalui soal selidik adalah kadar harga dan kuantiti BKP yang dijual.

7.5.8.2. Analisis terhadap soal selidik mendapati 78% responden di negeri Sarawak memberi maklum balas bahawa harga BKP yang dijual tidak mengikut kadar harga kawalan kerajaan manakala sebanyak 78% berpendapat kuota yang dibekalkan tidak mencukupi. Permintaan terhadap barang bersubsidi petrol dan diesel di kawasan golongan sasar terutamanya bagi jarak melebihi

40 kilometer daripada stesen minyak terdekat adalah tinggi. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

CARTA 7.2
PENILAIAN TAHAP KEPUASAN PENGGUNA TERHADAP PROGRAM PENYERAGAMAN HARGA BKP DI NEGERI SARAWAK



Sumber: Soal Selidik Jabatan Audit Negara Negeri Sarawak

Pada pendapat Audit, pencapaian prestasi PPH di negeri Sarawak berdasarkan maklum balas yang diterima adalah kurang memuaskan kerana BKP tidak dibekalkan mengikut kuantiti yang diperlukan dan BKP tidak dijual pada harga kawalan Kerajaan.

7.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa akan datang, Kerajaan mendapat *best value of money* atas perbelanjaan yang dilakukan dan objektif program tercapai, adalah disyorkan supaya KPDNKK mengambil tindakan seperti berikut:

7.6.1. membuat kajian semula terhadap garis panduan bagi memastikan pemilihan kawasan pengedaran, *transporter* serta POS adalah teratur dan tepat. Kebenaran kepada *transporter* untuk memilih sendiri kawasan pengedaran, sumber bekalan dan POS juga perlu dikaji semula;

7.6.2. mengambil tindakan sewajarnya terhadap *transporter* yang gagal menjalankan tanggungjawabnya, terlibat dengan penipuan dan salah laku serta tidak komited terhadap pelaksanaan keseluruhan program seperti mengenakan denda atau menamatkan kontrak dan menyenaraihitamkan syarikat terbabit;

7.6.3. mempertingkatkan dan mengkaji semula kaedah penyeliaan dan pemantauan terhadap POS bagi memastikan jumlah pengedaran ke POS adalah sama dengan jumlah yang dituntut oleh *transporter*;

7.6.4. mengambil tindakan sewajarnya terhadap POS yang tidak menjual BKP pada harga yang ditetapkan dan gagal mematuhi prosedur pengurusan BKP di premis masing-masing dengan menyenaraihitamkan POS berkenaan;

7.6.5. mengkaji semula jenis beras lain yang ekonomi dan berkualiti untuk menggantikan jenis beras Nasional yang tidak lagi ada di pasaran bagi mengawal bekalan beras di bawah program; dan

7.6.6. mengambil tindakan terhadap Pegawai Pemantauan Harga dan Pegawai Penguatkuasa KPDNKK negeri Sarawak yang bertanggungjawab dalam pemeriksaan dan pemantauan tetapi tidak menjalankan tanggungjawab masing-masing.

KEMENTERIAN KERJA RAYA / JABATAN KERJA RAYA

8. PROJEK PEMBINAAN JALAN PINTAS RAWANG DI BANDAR RAWANG

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Projek Pembinaan Jalan Pintas Rawang di Bandar Rawang merupakan satu projek infrastruktur berimpak tinggi yang menghubungkan rangkaian jalan raya ke Bandaraya Kuala Lumpur. Projek ini telah diluluskan pelaksanaannya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan ia bertujuan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Bandar Rawang serta menambah baik sistem rangkaian jalan raya di kawasan sekitar yang menghubungkan Bandaraya Kuala Lumpur.

8.1.2. Projek pembinaan ini melibatkan kerja menaik taraf jalan sedia ada sepanjang 10.72 km dan pembinaan jalan baru empat lorong dua hala sepanjang 12.58 km. Pembinaan jalan ini bermula dari Bandar Baru Selayang melalui Templer Park merentasi Kanching dan Hutan Simpan Serendah hingga menghubungkan Jalan Persekutuan di Sungai Choh. Komponen kerja dalam projek ini adalah seperti:

i. membina laluan sungai sementara, lencongan jalan dan jalan sementara;

ii. melaksanakan kerja tanah, penanaman rumput dan peletupan batu terkawal;

iii. melaksanakan kerja perlindungan cerun;


iv. membina struktur ternaik baru termasuk substruktur, superstruktur dan mengecat bahagian dalam *parapet wall;*

v. membina tembok penahan tanah; dan

vi. pengalihan utiliti yang melibatkan Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia (TM) dan Jabatan Bekalan Air (JBA).

8.1.3. Jajaran projek pembinaan Jalan Pintas Rawang adalah seperti rajah berikut:

RAJAH 8.1
JAJARAN PROJEK PEMBINAAN JALAN PINTAS RAWANG



8.1.4. Kontraktor telah dilantik melalui rundingan terus dan pelaksanaan secara Reka dan Bina dengan kos berjumlah RM203.47 juta. Projek telah dilaksanakan mulai 16 Julai 2005 dengan tarikh siap asal pada 12 Januari 2008. Kontrak ini diluluskan 6 lanjutan masa (Extension Of Time – EOT) selama 2,132 hari dan tarikh siap semasa adalah pada 16 Mac 2017. Perjanjian Tambahan No. 1 telah ditandatangani pada 16 Mac 2009 berkaitan peruntukan khas perubahan harga bahan bagi kerja kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrikal yang tidak melibatkan tambahan kos. Pada 2 Disember 2011, skop kerja telah ditambah melalui Perjanjian Tambahan No. 2 yang melibatkan pembinaan jalan alternatif melalui Taman Warisan Negeri Selangor sepanjang 3.3 km termasuk 2.64 km *elevated structure* serta kerja menaik taraf 1.57 km di Jalan Persekutuan sedia ada. Tempoh pembinaan bagi skop kerja tambahan ini bermula pada 15 Disember 2011 hingga 17 April 2015 iaitu 40 bulan dengan tambahan harga kontrak RM390 juta. Butiran lanjut projek adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.1
BUTIRAN PROJEK

No. Kontrak	JKR/IP/CKUB/34/2005
Pegawai Penguasa	Pengarah Cawangan Jalan
Harga Kontrak	Asal: RM203.47 juta Tambahan: RM390 juta
Tarikh Surat Setuju Terima Dikeluarkan	29.04.2005
Tarikh Milik Tapak	16.07.2005
Tarikh Siap Asal	12.01.2008
Tarikh Siap Semasa	16.03.2017
Jumlah Perakuan Kelewatan dan Lanjutan Masa	6 (2,132 hari)
Kemajuan Kerja Fizikal (15 Februari 2017)	97.15%

Sumber : JKR Cawangan Jalan

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai Projek Pembinaan Jalan Pintas Rawang di Bandar Rawang telah diurus dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif pembinaan yang ditetapkan.

8.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek ini dari tahun 2005 hingga bulan Disember 2016. Pengauditan telah dijalankan di Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

8.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail serta menjalankan analisis terhadap kemajuan projek. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat juga diadakan. Lawatan ke tapak pembinaan turut dijalankan pada 17 November dan 6 Disember 2016.

8.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap Projek Pembinaan Jalan Pintas Rawang di Bandar Rawang yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2016 mendapati pengurusan projek ini adalah baik dari aspek pentadbiran kontrak dan kualiti pembinaan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

i. penyiapan projek ini mengambil masa yang lama dengan EOT sebanyak 2,132 hari. Ini berpunca daripada prosedur dan proses kerja pihak di luar kawalan JKR dan mengakibatkan kontraktor menuntut kerugian dan perbelanjaan berjumlah RM7.88 juta;

ii. perubahan reka bentuk di laluan yang bertindih antara jajaran *elevated structure* bagi projek ini dengan Lebuhraya Assam Jawa Taman Rimba (LATAR) yang sedia ada menyebabkan peningkatan kos sejumlah RM34.2 juta;

iii. kelewatan penyelesaian bayaran pengambilan balik tanah atas sebab yang dibenarkan menyebabkan bayaran denda penalti berjumlah RM5.52 juta dibayar kepada pihak yang berkepentingan; dan

iv. sebanyak 12.2% tuntutan interim kontraktor berjumlah RM64.6 juta telah lewat dibayar antara 15 hingga 118 hari.

Perkara yang ditemui dan maklum balas KKR telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 2 Mac 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

8.5.1. Prestasi Projek

8.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

a. Mengikut syarat kontrak asal, tempoh penyiapan projek ini adalah selama 130 minggu bermula pada 16 Julai 2005 hingga 12 Januari 2008 dengan kos RM203.47 juta.

b. Semakan Audit terhadap prestasi fizikal projek mendapati perkara berikut:

i. projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan menyebabkan empat EOT diluluskan;

ii. skop asal pembinaan juga telah disemak semula dengan penambahan skop kerja iaitu membina jajaran alternatif secara *elevated structure* yang melalui Taman Warisan Negeri Selangor;

iii. skop tambahan jajaran *elevated structure* ini telah dilaksanakan melalui Perjanjian Tambahan No. 2 dengan tempoh penyiapan projek selama 40 bulan mulai dari 15 Disember 2011 dan tarikh baru penyiapan projek pada 17 April 2015; dan

iv. kontraktor masih menghadapi kekangan di tapak bina dan diluluskan dua lagi EOT. Dengan itu, sebanyak enam EOT selama 2,132 hari telah diluluskan. Butiran EOT yang diluluskan adalah seperti jadual berikut:


JADUAL 8.2
PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

PERKARA	TARIKH PERMOHONAN	TARIKH SIJIL PERAKUAN KELAMBATAN	TEMPOH	KLAUSA KONTRAK	JUMLAH (Hari)
EOT 1	17.05.2007	11.01.2008	12.01.2008 hingga 30.08.2008	45.1(d)	231
EOT 2	06.08.2008	26.08.2008	30.08.2008 hingga 28.11.2009	45.1(f)	455
EOT 3	20.10.2009	24.11.2009	28.11.2009 hingga 08.05.2011	45.1(f) 45.1(g)	526
EOT 4	18.04.2011	06.05.2011	08.05.2011 hingga 15.12.2011	45.1(f) 45.1(f) 45.1(f)	221
JUMLAH					**1,433**
PERJANJIAN TAMBAHAN NO. 2 (15.12.2011 HINGGA 17.04.2015)					
EOT 5	19.06.2013	17.11.2014	17.04.2015 hingga 01.10.2015	45.1(f)	167
EOT 6	26.06.2015	10.09.2015	01.10.2015 hingga 16.03.2017	45.1(f)	532
JUMLAH					**699**
JUMLAH KESELURUHAN					**2,132**

Sumber : Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa

v. berdasarkan EOT 6, projek ini sepatutnya disiapkan pada 16 Mac 2017. Bagaimanapun, kemajuan kerja projek setakat 15 Februari 2017 adalah 97.15% sahaja. Butiran mengenai peratus kemajuan kerja berbanding unjuran adalah seperti di graf berikut:

GRAF 8.1
PERATUS KEMAJUAN KERJA BERBANDING UNJURAN



Sumber : Sistem Kawal dan Lapor (SKALA), JKR

c. Faktor kelewatan menyiapkan projek dan justifikasi EOT diluluskan adalah seperti berikut:

i. Pengambilan Tanah

Pihak kontraktor telah membuat perancangan awal pengambilan tanah yang melibatkan 131 lot tanah. Pengambilan tanah ini yang sepatutnya dapat diselesaikan pada bulan Januari 2006 hanya dapat diselesaikan pada bulan September 2006. Kelewatan ini disebabkan oleh proses pengambilan tanah secara berperingkat dan melibatkan KKR, JKR, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Selangor. Hasil semakan Audit mendapati pengambilan tanah dilakukan mengikut peraturan yang ditetapkan dan kelewatan ini tidak dapat dielakkan.

ii. Kerja Peletupan Batu

Reka bentuk asal untuk memecah dan meletupkan sebanyak 500,000 meter padu batu dalam tempoh 470 hari dengan gegaran kelajuan 20mm/s Vr. Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) telah mengeluarkan arahan berhenti kerja pada bulan Disember 2008 disebabkan aduan penduduk berkaitan gegaran letupan batu. Pihak kontraktor terpaksa membuat pengiraan reka bentuk semula ke atas letupan batu dengan gegaran kelajuan pada kadar 3mm/s Vr. Surat kelulusan daripada pihak JMG untuk kerja peletupan batu dan tempoh kelulusan kerja letupan bermula pada bulan Ogos 2009. Setelah mengambil kira syarat yang dikenakan oleh pihak JMG, kerja peletupan batu hanya dapat disiapkan pada akhir bulan November 2011. Hasil semakan Audit mendapati

perubahan syarat kebenaran peletupan batu telah dipatuhi dan telah memberi kesan kelewatan terhadap tempoh penyiapan projek.

iii. Kerja Penambakan Tanah, Pembinaan Pusingan U, Penurapan dan Pemasangan Perabot Jalan di *Interchange South* FR1

Critical Path Method (CPM) No. 3 menetapkan kawasan pusingan U di Laluan *Interchange South FR1* sepatutnya siap pada akhir bulan Januari 2011. Kontraktor tidak dapat menjalankan kerja penambakan tanah, pembinaan pusingan U, penurapan dan pemasangan perabot jalan di *Interchange South* FR1 kerana kelewatan kerja pengalihan tiang kabel oleh TNB di laluan tersebut. Keseluruhan kerja berkenaan hanya dapat disiapkan pada bulan Disember 2011. Hasil semakan Audit mendapati kelewatan menyempurnakan kerja ini adalah berasas yang berpunca daripada pengalihan tiang kabel elektrik oleh TNB.

iv. Kerja Substruktur *Hand Dug Cassion*

Kelewatan memulakan kerja substruktur *hand dug cassion* adalah disebabkan kerja penebangan pokok dan pembalakan dibuat secara berperingkat oleh kontraktor yang dilantik oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPHNS). Pihak JKR dan JPHNS telah mencapai persetujuan bersama untuk kerja penebangan pokok dan pembalakan dalam kawasan Taman Warisan Negeri Selangor. Hasil semakan Audit mendapati kelewatan memulakan kerja substruktur *hand dug cassion* ini adalah berpatutan kerana kawasan pembinaan diserah secara berperingkat oleh kontraktor JPHNS pada 31 Oktober 2012, 30 November 2012 dan 31 Januari 2013.

v. Kerja Meroboh dan Membina Semula Menara Kabel Elektrik

Pengalihan kabel perlu dijalankan untuk memberi laluan kepada kerja pembinaan *Pier* 28, *Pier* 29 dan *Pier* 30. Mengikut perancangan asal, kerja meroboh dan membina semula menara kabel bermula dari 1 Disember 2013 setelah permit kerja diperoleh daripada TNB dan dijangka siap pada 31 Disember 2014. Hal ini berlaku kerana kontraktor gagal memenuhi syarat yang ditetapkan oleh TNB bagi tujuan pengeluaran permit dan perkara ini dirujuk kepada KKR. Melalui mesyuarat khas pada 9 April 2015, TNB bersetuju untuk pengecualian syarat dan membenarkan kerja dilaksanakan mulai 18 Jun 2015. Kerja telah disiapkan pada 17 Jun 2016. Semakan Audit mendapati kelewatan menjalankan kerja ini tidak dapat dielakkan bagi memastikan kerja ini dilakukan mengikut peraturan bagi memenuhi keperluan dan syarat TNB.

vi. Memuktamadkan Jajaran di Kawasan Taman Warisan Negeri

Pada asalnya, pihak JKR dan kontraktor telah menyediakan jajaran menggunakan kaedah *cut and fill* yang melibatkan penerokaan tanah seluas 63 hektar (153 ekar). Bagaimanapun, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bersidang pada bulan Oktober 2005 telah menolak skop pembinaan asal pembinaan jajaran yang melalui Taman Warisan Negeri dan meminta JKR mengkaji semula jajaran yang bersesuaian. Hasil semakan Audit mendapati kelewatan memuktamadkan jajaran adalah berasas kerana pihak JKR dan kontraktor perlu mengkaji semula kaedah serta jajaran baru yang bersesuaian. Kaedah dan jajaran baru ini perlu mendapat persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.

d. Kontraktor adalah berhak untuk menuntut kerugian kerja yang telah terjejas secara material oleh klausa yang dinyatakan di 45.1(b), (d), (e) dan (h) dengan syarat tuntutan kerugian dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan. Kesan daripada lanjutan masa penyiapan projek, kontraktor telah mengemukakan sebanyak empat tuntutan kerugian dan perbelanjaan berjumlah RM7.88 juta seperti jadual berikut:

JADUAL 8.3
TUNTUTAN KERUGIAN DAN PERBELANJAAN

PERKARA	TARIKH SIJIL PERAKUAN KELAMBATAN	KLAUSA KONTRAK	TARIKH TUNTUTAN	JUMLAH (RM Juta)
EOT 1	11.01.2008	45.1(d)	21.06.2012	1.75
EOT 2	26.08.2008	45.1(f)	04.04.2013	2.59
EOT 3	24.11.2009	45.1(f) dan 45.1(g)	30.10.2013	2.75
EOT 4	06.05.2011	45.1(f)	31.10.2013	0.79
JUMLAH TUNTUTAN				**7.88**

Sumber: Surat Tuntutan Kerugian dan Perbelanjaan

e. Bagaimanapun, tuntutan tersebut telah ditolak oleh Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan (CKUB), JKR atas sebab teknikal iaitu pihak kontraktor tidak mengemukakan notis dalam tempoh 60 hari berlakunya kejadian sebagaimana yang diperuntukkan di bawah syarat-syarat kontrak. Pada 16 Februari 2016, pihak kontraktor telah mengemukakan rayuan dan pihak JKR telah memaklumkan kepada kontraktor pada 9 Jun 2016 supaya mengemukakan laporan rayuan yang lebih terperinci.

Maklum Balas KKR yang Diterima Pada 27 April 2017

Pihak JKR masih belum menerima laporan terperinci berkaitan tuntutan kerugian dan perbelanjaan berjumlah RM7.88 juta daripada pihak kontraktor walaupun surat peringatan telah diberikan oleh JKR pada 15 Mac dan 12 April 2017.

Pihak Kontraktor juga telah diluluskan EOT No.7 sebanyak 198 hari disebabkan kerja-kerja tambahan bagi perubahan reka bentuk dan pemasangan lampu jalan. Tarikh siap semasa bagi projek ini adalah pada 30 September 2017.

Pada pendapat Audit, kelulusan lanjutan masa adalah berdasarkan sebab yang sesuai dan mengikut prosedur yang ditetapkan. Bagaimanapun, penyiapan projek ini mengambil masa yang lama dengan EOT selama 2,132 hari. Ini berpunca daripada prosedur dan proses kerja pihak ketiga dan menyebabkan kontraktor membuat tuntutan kerugian dan perbelanjaan berjumlah RM7.88 juta.

8.5.1.2. Prestasi Kewangan


a. Kos siling yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi berjumlah RM658.35 juta. Nilai kontrak asal adalah berjumlah RM203.47 juta. Satu Arahan Perubahan Kerja (APK) telah diluluskan yang melibatkan penambahan skop kerja berjumlah RM472,574. Namun begitu, selepas penambahan skop kerja yang dibuat melalui APK dan Perjanjian Tambahan No. 2 berjumlah RM390 juta, nilai kontrak semasa adalah berjumlah RM593.94 juta. Sehingga 30 November 2016, sejumlah RM569.24 juta telah dibayar kepada kontraktor melalui 189 bayaran interim. Perbelanjaan semasa berjumlah RM569.24 juta ini didapati masih tidak melebihi kos siling RM658.35 juta yang diperuntukkan.

b. Pihak Audit mendapati jajaran *elevated structure* bagi projek ini tidak mengambil kira laluan LATAR. Ini mengakibatkan berlakunya pertindihan di antara jajaran *elevated structure* bagi projek ini dan laluan LATAR. Pertindihan tersebut mengakibatkan perubahan skop dan reka bentuk dari *Pier 51* sehingga *Pier 60* (termasuk Abutment B). Perubahan jajaran asal *elevated structure* sepanjang 575 meter perlu disesuaikan dengan cerun, jalan dan struktur jambatan bagi mendapatkan kelegaan tegak minimum *(vertical clearance)* pada 5.4 meter daripada permukaan struktur laluan LATAR.

c. Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 25 Februari 2016 bersetuju meluluskan permohonan KKR untuk melaksanakan perubahan reka bentuk di kawasan pertindihan antara jajaran *elevated structure* dan laluan LATAR dengan anggaran kos sejumlah RM35 juta. Mesyuarat Jawatankuasa Rundingan Harga yang diadakan pada 12 Januari 2017 telah memuktamadkan harga berjumlah RM34.2 juta. Dengan itu, nilai kontrak semasa adalah RM628.14 juta iaitu peningkatan sebanyak 208.7% daripada

nilai kontrak asal. Laluan pertindihan di antara jajaran *elevated structure* dan laluan LATAR adalah seperti rajah dan gambar berikut:

RAJAH 8.2
LALUAN PERTINDIHAN DI ANTARA JAJARAN *ELEVATED STRUCTURE* DAN LALUAN LATAR



Sumber : Jabatan Kerja Raya



GAMBAR 8.1

Projek Pembinaan Jalan Pintas Rawang - Kawasan Pertindihan di Antara Jajaran *Elevated Structure* dan Laluan LATAR (06.12.2016)

Maklum Balas KKR yang Diterima Pada 14 April 2017

Reka bentuk elevated structure telah siap sebelum pembinaan laluan LATAR. Pihak JKR tidak dapat penentuan hala tuju pembinaan elevated structure sehingga kontrak ditandatangani pada Disember 2011. Selepas kontrak ditandatangani, perubahan reka bentuk 'elevated structure' perlu mengambil kira pertindihan jajaran di kawasan laluan LATAR dan mengakibatkan kenaikan kos projek. Tambahan kos bagi kerja perubahan reka bentuk di kawasan pertindihan antara jajaran elevated structure dan laluan LATAR telah dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Rundingan Harga di Mesyuarat Rundingan Harga pada 12 Januari 2017 dengan nilai RM34.2 juta.

Pada pendapat Audit, peningkatan nilai kontrak bagi projek ini adalah selaras dengan skop kerja yang dilaksanakan kecuali peningkatan berjumlah RM34.2 juta akibat pertindihan antara jajaran e*levated structure* dan laluan LATAR. Isu pertindihan ini tidak sepatutnya berlaku sekiranya penyelarasan diadakan antara KKR, JKR dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) semasa perancangan projek.

8.5.2. Denda Kelewatan Bayaran Pengambilan Balik Tanah

8.5.2.1. Pengambilan balik tanah bagi projek pembinaan Jalan Persekutuan adalah di bawah tanggungjawab KKR dan urusan proses pengambilan melibatkan Bahagian Pembangunan Dan Penswastaan (BPP), KKR yang memproses permohonan sehingga penerimaan Notis Bahawa Tanah Telah Diambil Milik (Borang K). Selain itu, Seksyen 14, Akta Pengambilan Tanah 1960 menetapkan bahawa terdapat lima keadaan di mana caj bayaran lewat 8% boleh dikenakan dan mesti dikira seterusnya dibayar kepada orang berkepentingan iaitu:

i. caj bayaran lewat akibat bantahan dari pemohon iaitu Kementerian/Agensi (melalui Borang O:Rujukan ke Mahkamah, Subseksyen 38(5);

ii. caj bayaran lewat Pengambilan Segera (Borang I, Perakuan Kedesakan, Seksyen 9);

iii. caj bayaran lewat akibat kelewatan membayar atau depositkan pampasan tanah;

iv. caj bayaran lewat akibat bantahan tuan tanah ke mahkamah (melalui Borang O, Rujukan ke Mahkamah, Subseksyen 38(5); dan

v. caj bayaran lewat setelah ukur halus.

8.5.2.2. Semakan Audit mendapati sebanyak 41 lot tanah persendirian di Daerah Gombak dan 90 lot tanah persendirian di Daerah Hulu Selangor telah diambil balik oleh kerajaan melibatkan pembayaran pampasan berjumlah RM123.66 juta. Berdasarkan Kertas Permohonan Kenaikan Kos Keseluruhan Projek yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan dan Penswastaan, KKR, bayaran pampasan bagi 100 lot tanah telah dikenakan denda lewat berjumlah RM5.52 juta.

Maklum Balas KKR yang Diterima Pada 27 April 2017

Berdasarkan semakan KKR, terdapat 63 daripada 90 lot di Mukim Serendah dan 7 daripada 41 lot di Mukim Rawang diproses melalui Borang I serta dikenakan caj 8% berjumlah RM4,092,271.18. Selain itu, 18 daripada 41 lot di

Mukim Rawang diproses melalui Borang O serta dikenakan caj 8% berjumlah RM1,124,293.40. Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan RM5,216,564.58 yang melibatkan 88 lot tanah telah dikenakan caj 8% disebabkan oleh proses PBT melalui Borang I dan O yang tidak dapat dielakkan.

Selain itu juga, BPP melalui surat (22)dlm.KKR.BPP.700-5/1/8 Jld 19 bertarikh 27 Mei 2016 dan e-mel bertarikh 7 Mac 2017 telah memohon supaya JKPTG Selangor untuk mengemukakan salinan Borang H dan Bukti Pembayaran Pampasan yang berkaitan.

KKR telah menubuhkan Unit Tanah Kementerian pada bulan Mei 2016 yang diletakkan di bawah Bahagian Pembangunan dan Penswastaan. Unit ini bertujuan memantau semua proses pengambilan balik tanah projek di bawah kawal selia KKR dan memastikan proses serta dokumentasi adalah teratur berdasarkan garis panduan dan peraturan terpakai sedia ada. KKR juga telah mengemukakan surat kepada semua JKPTG Negeri dan memohon Pentadbir Tanah untuk mengemukakan salinan Borang H kepada Ketua Pengarah Kerja Raya bagi tujuan mempercepatkan proses pembayaran pampasan pengambilan tanah.

Pada pendapat Audit, aspek bayaran pengambilan balik tanah adalah berdasarkan sebab yang sesuai dan mengikut prosedur yang ditetapkan. Bagaimanapun, prosedur dan proses seperti yang dinyatakan di Seksyen 14, Akta Pengambilan Tanah 1960 menyebabkan caj bayaran lewat 8% dikenakan dan dibayar kepada orang berkepentingan.

8.5.3. Bayaran Kemajuan Kepada Kontraktor

8.5.3.1. Tempoh bayaran kemajuan kepada kontraktor telah dinyatakan secara spesifik dalam kontrak perjanjian. Berdasarkan syarat kontrak, bayaran hendaklah dibuat kepada kontraktor dalam tempoh 30 hari dari tarikh Perakuan Bayaran Interim.

8.5.3.2. Semakan Audit terhadap Sijil Perakuan Bayaran Interim dan baucar bayaran interim mendapati sehingga 30 November 2016, pembayaran kepada kontraktor adalah berjumlah RM569.24 juta melalui 189 baucar bayaran. Didapati sebanyak 23 bayaran interim (12.2%) berjumlah RM64.6 juta lewat dibayar antara 15 hingga 118 hari dari tarikh Perakuan Bayaran Interim. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.4
TUNTUTAN KEMAJUAN KONTRAKTOR YANG LEWAT DIBAYAR

BIL.	NO. PENILAIAN/ INTERIM	NO. BAUCAR BAYARAN	TARIKH		KELEWATAN (Selepas Ditolak 30 Hari)	AMAUN (RM Juta)
			BAYARAN DIPERAKUKAN OLEH P.P DI (BORANG JKR 66)	BAUCAR		
1.	28	AH788	05.12.2006	19.01.2007	15	3.37
2.	47	AK436	01.10.2007	29.11.2007	29	1.20
3.	89	J2991	31.07.2009	07.12.2009	99	0.78
4.	90	J2990	20.08.2009	07.12.2009	79	0.80
5.	91	J2989	28.08.2009	07.12.2009	71	0.73
6.	92	J2988	11.09.2009	07.12.2009	57	0.43
7.	93	J2987	09.10.2009	07.12.2009	29	0.40
8.	94	J2986	19.10.2009	07.12.2009	19	0.46
9.	98	J1710	21.01.2010	01.04.2010	40	0.35
10.	99	J1709	28.01.2010	01.04.2010	33	0.20
11.	100	J1711	10.02.2010	01.04.2010	20	0.19
12.	102	J2128	05.03.2010	07.05.2010	33	0.11
13.	115	J4441	27.10.2010	23.12.2010	27	2.25
14.	117	B0046	09.12.2010	27.01.2011	19	0.23
15.	132	B0439	26.01.2012	14.03.2012	18	4.12
16.	181	B0026	08.12.2015	27.01.2016	20	6.79
17.	182	B0085	10.12.2015	03.02.2016	25	5.21
18.	184	B2191	12.04.2016	07.09.2016	118	7.80
19.	185	B2192	10.05.2016	07.09.2016	90	6.00
20.	186	B2615	06.06.2016	17.10.2016	103	5.03
21.	187	B2614	13.07.2016	17.10.2016	66	5.77
22.	188	B2746	09.08.2016	31.10.2016	53	5.91
23.	189	B2764	30.08.2016	01.11.2016	33	6.47
JUMLAH					**15 – 118 Hari**	**64.60**

Sumber: Baucar Bayaran dan Borang JKR 66

Maklum Balas KKR yang Diterima Pada 14 April 2017

Kelewatan pembayaran interim tidak dapat dielakkan kerana pelaksanaan projek yang panjang dan bertindih merumitkan proses kelulusan kenaikan kos projek untuk dimuktamadkan. Bagaimanapun, Kementerian sentiasa memberi komitmen yang tinggi dalam memastikan pembayaran interim adalah mengikut peraturan kewangan semasa. Pada tahun 2016, JKR telah mewujudkan Unit Project Management Office di Cawangan Jalan bagi memproses tuntutan dan keperluan kewangan bagi semua projek jalan di Semenanjung Malaysia. Mulai tahun 2017 pula, BPP telah melaksanakan sistem pembayaran 'as per bill' bagi memastikan pembayaran interim dan keperluan kewangan adalah mengikut keutamaan dan memastikan peruntukan tahunan pembangunan dioptimumkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran kepada kontraktor adalah kurang memuaskan kerana sebanyak 12.2% tuntutan interim kontraktor berjumlah RM64.6 juta telah lewat dibayar antara 15 hingga 118 hari.

8.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan Unit Tanah KKR perlu melaporkan kemajuan pembayaran bagi setiap pengambilan balik tanah sebagai agenda dalam mesyuarat pengurusan atau mesyuarat lain yang berkaitan.

KEMENTERIAN KERJA RAYA / JABATAN KERJA RAYA

9. PROJEK PEMBINAAN JEJAMBAT MENGHUBUNGI JALAN NANGKA DENGAN JALAN PERDA TIMUR MERENTASI JALAN PADANG LALANG/LANDASAN KERETAPI/JALAN PERMATANG RAWA, BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG

9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Projek Pembinaan Jejambat Menghubungi Jalan Nangka Dengan Jalan Perda Timur Merentasi Jalan Padang Lalang/Landasan Keretapi/Jalan Permatang Rawa, Bukit Mertajam, Pulau Pinang merupakan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dengan siling peruntukan berjumlah RM90 juta. Objektif pembinaan ini adalah untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Bandar Perda yang pesat membangun dan sering terganggu akibat perjalanan keretapi. Ia juga sebagai laluan alternatif ke Laluan Persekutuan FT001 (Bukit Mertajam ke Butterworth) dan dapat menjimatkan waktu perjalanan. Di samping itu, projek ini juga bertujuan mengurangkan kadar kemalangan khususnya penunggang motosikal.

9.1.2. Pelanggan bagi projek ini ialah Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) dilantik sebagai Agensi Pelaksana. Pegawai Penguasa (PP) yang juga pengarah projek ialah Pengarah JKR Negeri Pulau Pinang. Projek ini dilaksanakan secara Konvensional (Perunding) melalui rundingan terus antara Kerajaan dengan Gold Bridge Engineering & Construction Berhad (GBECB) dengan nilai kontrak asal berjumlah RM89.50 juta. Tempoh pelaksanaan projek adalah selama 30 bulan iaitu daripada 30 Januari 2012 hingga 29 Julai 2014. Projek ini diberi tiga lanjutan masa/*Extension Of Time* (EOT) selama 641 hari dan tarikh siap semasa adalah pada 30 April 2016. Pada 9 Jun 2009, Kementerian Kewangan (MOF) telah meluluskan pelantikan perunding Adroit Consulting Engineers Sdn. Bhd. (ACESB) sebagai perunding bagi projek ini yang bertanggungjawab menyediakan reka bentuk terperinci hingga ke peringkat penyediaan dokumen tender dan penyeliaan projek. Butiran lanjut projek seperti jadual berikut:

JADUAL 9.1
BUTIRAN PROJEK

BUTIRAN	KONTRAK
Nama Kontraktor	Gold Bridge Engineering & Construction Berhad
Nama Perunding	Adroit Consulting Engineers Sdn. Bhd.
Sumber Peruntukan	Kementerian Kerja Raya
Jenis Kontrak	Konvensional

BUTIRAN	KONTRAK
Kaedah Perolehan	Rundingan Terus
Pegawai Penguasa/Pengarah Projek	Pengarah JKR Negeri Pulau Pinang
Kos Asal Kontrak (RM Juta)	89.50
Kos Perjanjian Tambahan (RM Juta)	25.26
Jumlah Kos Kontrak (RM Juta)	114.76
Kos Kontrak Semasa (RM Juta)	101.89
Tarikh Surat Setuju Terima	16.01 2012
Tarikh Milik Tapak	30.01.2012
Tarikh Siap Asal	29.07.2014
Tarikh Siap Semasa (Ikut Kontrak)	30.04.2016
Jumlah Lanjutan Masa/*Extension of Time*	Tiga EOT (641 hari)
Perakuan Siap Kerja/*Certificate of Practical Completion*	29.04.2016
Tempoh Tanggungan Kecacatan/*Defect Liability Period*	12 bulan
Tempoh Membaiki Kecacatan/*Certificate of Making Good Defects*	Tiga bulan 14 hari
Status Penyiapan Projek	100%

Sumber : JKR Cawangan Jalan dan JKR Negeri Pulau Pinang

9.1.3. Skop projek adalah membina jejambat utama sepanjang 773 meter menghubungkan Jalan Nangka ke Jalan Perda Timur, membina satu *ramp* (sambungan menaik dan menurun) ke jejambat utama, membina jejantas pejalan kaki yang dikembarkan bersama jejambat utama sepanjang 40 meter dan lain-lain kerja yang berkaitan. Bagaimanapun, satu perjanjian tambahan ditandatangani dengan kontraktor bagi penambahan pembinaan dua *ramp* daripada skop asal kontrak. Pihak GBECB perlu melaksanakan kerja tambahan tersebut dalam tempoh kontrak semasa yang telah diluluskan sebelum ini. Nilai kontrak bagi perjanjian tambahan adalah berjumlah RM25.26 juta. Kemajuan kerja di tapak siap sepenuhnya dan masih dalam tempoh tanggungan kecacatan.

9.1.4. Lokasi projek ini terletak di daerah Seberang Perai Tengah bermula dari Jalan Nangka sehingga ke Jalan Perda Timur merentasi landasan keretapi melalui Jalan Padang Lalang dan Jalan Permatang Rawa seperti rajah berikut:

RAJAH 9.1
LOKASI PROJEK



Sumber: JKR Negeri Pulau Pinang

9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pengurusan projek ini telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif pembinaannya.

9.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek yang dijalankan pada bulan Ogos hingga Oktober 2016. Pengauditan dilaksanakan di pejabat JKR Cawangan Jalan, Ibu Pejabat JKR, JKR Negeri Pulau Pinang dan tapak projek.

9.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan serta menjalankan analisis terhadap kemajuan projek. Selain itu, lawatan tapak serta temu bual dengan pegawai terlibat juga telah diadakan.

9.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap Projek Pembinaan Jejambat Menghubungi Jalan Nangka Dengan Jalan Perda Timur Merentasi Jalan Padang Lalang/Landasan Keretapi/Jalan Permatang Rawa, Bukit Mertajam, Pulau Pinang mendapati secara keseluruhannya pengurusan dan pelaksanaan projek adalah memuaskan kerana projek telah dapat disiapkan pada tarikh siap semasa. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

i. berlaku perubahan skop iaitu bilangan *ramp* yang perlu dibina daripada yang dimuktamadkan mengakibatkan projek lewat dimulakan dan peningkatan kos projek;

ii. projek lewat disiapkan selama 641 hari menyebabkan kontraktor mengemukakan tuntutan kerugian dan perbelanjaan yang dianggarkan berjumlah RM5.31 juta; dan

iii. kaedah pembinaan penghadang tengah jalan/*New Jersey Barrier* (NJB) tidak mematuhi piawaian.

Perkara yang ditemui dan maklum balas KKR telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 2 Mac 2017. Penjelasan lanjut mengenai perkara berkenaan adalah seperti di perenggan berikut:

9.5.1. Penentuan Skop Projek

9.5.1.1. Penentuan skop projek perlu dilaksanakan melalui Pengurusan Nilai bagi program dan projek yang bernilai RM50 juta dan ke atas. Berdasarkan Pekeliling Bil. 3 Tahun 2009 Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri, Pengurusan Nilai/*Value Management* (VM) bertujuan untuk mengenal pasti, menyediakan pilihan dan mengeluarkan komponen dan kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem dan projek tanpa menjejaskan objektif dan fungsi yang ditetapkan. Proses ini melibatkan semua *stakeholder* dan pakar yang berkaitan projek dengan memberi tumpuan kepada fungsi, kos dan kualiti.

9.5.1.2. Berdasarkan Panduan Pelaksanaan VM, aktiviti dan agensi yang terlibat dalam setiap peringkat kajian tersebut seperti jadual berikut:

JADUAL 9.2
RINGKASAN AKTIVITI DAN PENGLIBATAN KEMENTERIAN DAN AGENSI DALAM PELAKSANAAN *VALUE MANAGEMENT*

PERINGKAT	AKTIVITI	AGENSI
Kajian Nilai/ *Value Assessment*	• Memuktamadkan skop, kos dan siling program/projek • Memutuskan sama ada sesuatu program/projek perlu diterus atau ditangguhkan • Dilaksanakan dalam bentuk makmal	Diterajui oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri: • Melibatkan Kementerian Kewangan, Kementerian dan agensi yang terlibat dengan program/projek
Kejuruteraan Nilai/ *Value Engineering*	• Menilai projek dan memuktamadkan reka bentuk projek • Dilaksanakan dalam bentuk makmal	Diterajui oleh Jabatan Kerja Raya/Jabatan Teknikal: • Melibatkan UPE JPM, MOF, Kementerian dan agensi terlibat dengan program/projek
Semakan Nilai/ *Value Review*	• Penambahbaikan berterusan dengan mempelajari kebaikan dan kelemahan selepas pelaksanaan program/projek • Dilaksanakan melalui kaedah mesyuarat, perbincangan atau boleh juga dalam bentuk makmal	Diterajui oleh Jabatan Audit Negara: • Melibatkan UPE JPM, MOF, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian dan agensi yang terlibat dengan program/projek

Sumber: Panduan Pelaksanaan VM, EPU, JPM

9.5.1.3. Makmal Kajian Nilai (VA) bagi projek ini telah diadakan pada 15 hingga 19 Februari 2011 yang disertai oleh UPE Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Pembangunan dan Penswastaan KKR, JKR Cawangan Jalan, JKR Negeri Pulau Pinang, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan pasukan perunding yang dilantik iaitu ACESB. Hasil daripada pelaksanaan makmal ini, agensi terlibat telah bersetuju dengan perubahan tiga skop projek iaitu mengurangkan ukuran panjang jejambat, bilangan *ramp* dan ukuran panjang jejantas pejalan kaki.

9.5.1.4. Pemeriksaan Audit mendapati dua daripada tiga skop projek telah dilaksanakan sebagaimana keputusan makmal. Namun, terdapat perubahan semula skop kerja bagi pembinaan bilangan *ramp* selepas Makmal VA. Pada asalnya keputusan dibuat bagi mengurangkan bilangan *ramp* daripada empat kepada satu sahaja bagi mengurangkan kos projek yang dianggarkan berjumlah RM228.64 juta kepada RM129.80 juta iaitu pengurangan sebanyak RM98.84 juta (43.2%). Kedudukan skop kerja yang melibatkan perubahan berdasarkan keputusan VM seperti jadual berikut:

JADUAL 9.3
PERUBAHAN SKOP KERJA MAKMAL *VALUE MANAGEMENT*

BIL.	SKOP ASAL KERJA	PINDAAN SKOP KERJA		PEMERIKSAAN AUDIT
		ANALISIS	*OUTPUT*	
1.	Membina jejambat 733 meter menghubungkan Jalan Nangka ke Jalan Perda Timur	Kelegaan pugak (*vertical clearance)* dikurangkan daripada 7.1 meter kepada 6.1 meter (kelegaan minimum) dari landasan keretapi berkembar atas persetujuan pihak Kementerian Pengangkutan dan Keretapi Tanah Melayu Berhad.	Panjang jejambat dapat dikurangkan kepada 603 meter.	Sama seperti skop kerja yang diputuskan dalam Makmal Pengurusan Nilai.
2.	Membina empat *ramp* ke jejambat utama	i. Corak pergerakan aliran trafik dari Jalan Padang Lalang diubah ke Jalan Perda Timur melalui Jalan Perda Utama untuk ke Butterworth. ii. Setelah dikaji, didapati satu *ramp* memadai untuk memenuhi objektif projek serta dapat berfungsi. iii. Dengan ketiadaan *ramp* satu, dua dan tiga, didapati tiada keperluan untuk membina jambatan merentasi Sungai Permatang Rotan. iv. Kajian keperluan lorong untuk laluan masuk dan laluan keluar tidak lagi diperlukan setelah *ramp* dua dan *ramp* tiga dikeluarkan daripada skop kerja.	Skop menaiktaraf jalan Permatang Rawa dibatalkan kecuali: • Jambatan merentasi Sungai Permatang Rawa dikeluarkan daripada skop. • Hanya satu *ramp* yang dikekalkan. • Kelebaran jejambat utama dapat dikurangkan dari 23.5 meter kepada 20 meter.	Tambahan dua *ramp* telah dibina atas permintaan Kerajaan Negeri melalui perjanjian tambahan menjadikan keseluruhan bilangan *ramp* ialah tiga.
3.	Jejantas pejalan kaki dikembarkan bersama jejambat sepanjang 360 meter	Setelah dikaji, panjang jejantas pejalan kaki boleh dikurangkan daripada 360 meter kepada 40 meter.	Jejantas pejalan kaki dibina dengan panjang 40 meter.	Sama seperti skop kerja yang diputuskan dalam Makmal Pengurusan Nilai.

Sumber: Kertas Kerja Bengkel Pengurusan Nilai

9.5.1.5. Perunding/JKR telah merekabentuk dan seterusnya mengeluarkan SST kepada kontraktor pada 16 Januari 2012 dan tarikh milik tapak ialah pada 30 Januari 2012. Bagaimanapun, terdapat permohonan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membina tambahan dua *ramp* pada bulan Jun 2012 yang perlu disiapkan dalam tempoh kontrak. Kegagalan menyediakan keperluan pembinaan tambahan dua *ramp* ini boleh menyebabkan Arahan Berhenti Kerja Pembinaan dikeluarkan pada bila-bila masa sepanjang proses pembinaan.

9.5.1.6. Pada bulan Mac 2013, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan JKR untuk melaksanakan skop tambahan pembinaan dua *ramp* melalui perjanjian tambahan dengan harga kontrak berjumlah RM25.26 juta.

Maklum Balas KKR yang Diterima Pada 21 Mac 2017

Semasa VA dijalankan didapati satu ramp mencukupi untuk mencapai objektif projek dan dipersetujui oleh Wakil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) yang hadir pada masa itu. SST kepada kontraktor telah dikeluarkan pada 16 Januari 2012 dengan tarikh milik tapak pada 30 Januari 2012 dan tarikh siap pada 29 Julai 2014.

Permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membina tambahan dua ramp lagi adalah melalui surat No. Rujukan PSUKPP/03/0402/10/27 JLD.2 (5) bertarikh 27 Jun 2012 iaitu selepas SST dikeluarkan. Kerajaan Negeri telah mensyaratkan projek hanya boleh diteruskan apabila pembinaan tambahan dua ramp dilaksanakan.

Penambahan pembinaan dua ramp telah diluluskan dalam mesyuarat penyelarasan projek di Jabatan Perdana Menteri pada 28 Ogos 2012. Oleh itu, terdapat unsur-unsur lain yang di luar kawalan JKR.

Pada pendapat Audit, penentuan skop projek tidak dilaksanakan dengan baik kerana berlaku perubahan bilangan *ramp* daripada yang dimuktamadkan mengakibatkan projek lewat dimulakan dan peningkatan kos projek.

9.5.2. Pencapaian Fizikal Projek

9.5.2.1. Mengikut syarat kontrak, projek ini perlu disiapkan pada 29 Julai 2014 iaitu dalam tempoh 30 bulan dari tarikh milik tapak pada 30 Januari 2012. Bagaimanapun, kemajuan kerja fizikal pembinaan dalam tempoh 11 bulan pertama bermula pada bulan Februari hingga Disember 2012 adalah tidak memuaskan kerana tiada kemajuan kerja berbanding jadual kerja yang ditetapkan iaitu 34%. Kontraktor tidak dapat memulakan kerja-kerja pembinaan sepenuhnya di tapak disebabkan proses kelulusan penambahan dua *ramp* oleh pihak Kerajaan Negeri.

9.5.2.2. Kontraktor telah memohon lanjutan masa daripada JKR dan tiga EOT telah diluluskan selama 641 hari. Tarikh siap semasa selepas EOT ketiga diluluskan adalah pada 30 April 2016. Pihak JKR telah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja pada 29 April 2016. Butiran lanjut mengenai EOT seperti jadual berikut:

JADUAL 9.4
PERAKUAN KELAMBATAN DAN EOT YANG DILULUSKAN

BILANGAN EOT	TEMPOH	TARIKH SIJIL PERAKUAN KELAMBATAN	BILANGAN HARI	SEBAB EOT
1	29.07.2014 – 28.03.2015	10.12.2012	242	• Kelambatan *Traffic Management Plan* daripada pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk meluluskan *Traffic Management Plan* mengakibatkan kelewatan kerja-kerja fizikal di tapak.
2	28.03.2015 – 27.08.2015	05.06.2014	152	• Kelambatan daripada pihak Telekom Malaysia Berhad untuk membekalkan bahan dan kelulusan *shop drawing* bagi kerja-kerja pengalihan kabel milik Telekom Malaysia Berhad mengakibatkan kelewatan kerja-kerja fizikal di tapak.
3	27.08.2015 – 30.04.2016	07.08.2015	247	• Proses pengambilan balik tanah tambahan di atas Lot 894.
JUMLAH (HARI)			**641**	

Sumber: JKR Negeri Pulau Pinang

9.5.2.3. Hasil semakan Audit mendapati kelulusan bagi ketiga-tiga EOT ini adalah berasas dan berpunca daripada agensi yang di luar kawalan JKR iaitu pihak MPSP, Telekom Malaysia Berhad (TMB) dan Pejabat Tanah dan Galian.

9.5.2.4. Mengikut jadual program kerja/*Critical Path Method* (CPM) asal, penyediaan dan kelulusan Pelan Pengurusan Lalu Lintas/*Traffic Management Plan* (TMP) bermula pada 27 Februari 2012 hingga 24 Mac 2012. Pembentangan TMP kepada pihak MPSP untuk kelulusan telah dibuat pada 10 April 2012 dan lawatan fizikal pada 17 April 2012. Semakan Audit mendapati berlaku kelewatan penyediaan dan permohonan kelulusan TMP selama 24 hari daripada jadual asal. Hasil daripada pembentangan dan lawatan tapak, MPSP tidak bersetuju dengan pelan tersebut kerana tiada kemudahan laluan bagi Orang Kurang Upaya (OKU) dan telah mendapat bantahan daripada penduduk setempat. Kelewatan kelulusan TMP juga disebabkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mensyaratkan projek boleh diteruskan jika pembinaan tambahan dua *ramp* dilaksanakan. Kelulusan TMP diperoleh pada 7 November 2012 selepas permohonan pembinaan tambahan dua *ramp* diluluskan dalam mesyuarat penyelarasan projek di Jabatan Perdana Menteri pada 28 Ogos 2012. Selain itu, kelewatan pengalihan utiliti oleh TMB dan proses pengambilan balik tanah tambahan bagi pembinaan dua *ramp* menyumbang kepada kelewatan penyiapan projek.

9.5.2.5. Kesan daripada kelewatan penyiapan projek, kontraktor telah menuntut kos untuk tuntutan kerugian dan perbelanjaan berjumlah RM5.31 juta daripada Kerajaan. Bagaimanapun, tuntutan tersebut masih dalam semakan JKR untuk kelulusan bayaran. Selain itu, kos perkhidmatan perunding Kejuruteraan Awam dan Struktur (skop penyeliaan pembinaan) serta perunding Elektrik juga meningkat sejumlah RM2.89 juta.

Maklum Balas KKR yang Diterima Pada 21 Mac 2017


Tuntutan loss and expenses masih dalam semakan akhir Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan JKR Negeri Pulau Pinang untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Tuntutan JKR pada April 2017 dan dijangka selesai dalam tempoh enam bulan selepas itu. Merujuk kepada surat KKR pada September 2015 mendapati tambahan kos perkhidmatan perunding bagi skop pengawasan tapak berjumlah RM2.81 juta dan surat KKR pada Mei 2016 menyatakan tambahan kos perkhidmatan perunding elektrik berjumlah RM0.08 juta. Ini menjadikan peningkatan kos perkhidmatan perunding berjumlah RM2.89 juta.

Pada pendapat Audit, pembinaan di tapak lewat dimulakan kerana kelemahan dalam memuktamadkan pembinaan bilangan *ramp* dan kelewatan kelulusan TMP serta pengalihan utiliti menyebabkan berlakunya tuntutan kerugian dan perbelanjaan oleh kontraktor dan peningkatan kos perkhidmatan perunding.

9.5.3. Kaedah Pembinaan Penghadang Tengah Jalan Tidak Mematuhi Piawaian

9.5.3.1. Mengikut *Standard Specification For Road Works*, *Section 15 Parapets*, Penghadang Tengah Jalan/New Jersey Barrier (NJB) perlu dibina secara berasingan (partial) setiap sepuluh meter. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati lukisan pembinaan yang disediakan oleh perunding memerlukan tetulang NJB dibina secara berterusan (continuous). Pemeriksaan Audit selanjutnya di tapak projek mendapati tetulang NJB tersebut telah dibina secara berterusan mengikut lukisan pembinaan. Ini menyebabkan pengagihan beban berterusan sepanjang NJB dan berlakunya rekahan kepada struktur konkrit *barrier* di kebanyakan NJB sepanjang 1,130 meter seperti gambar berikut:

GAMBAR 9.1 **GAMBAR 9.2**



Jajaran Yang Mempunyai NJB Sepanjang 1,130 Meter
- NJB Retak Di Sepanjang Jajaran Jalan
(17.08.2016)

9.5.3.2. Semakan Audit menunjukkan perkara ini berlaku disebabkan kelemahan reka bentuk NJB yang disediakan oleh pihak perunding. Reka bentuk tetulang NJB telah dibuat secara berterusan dan tidak mematuhi *Standard Specification For Road Works, Section 15 Parapets*.

Maklum Balas KKR yang Diterima Pada 21 Mac 2017

Kaedah pembinaan penghadang tengah jalan/NJB dilaksanakan berdasarkan reka bentuk kontrak. Tindakan awal telah diambil oleh pihak kontraktor dengan membuat groveline pada jarak 10 meter center to center untuk mengurangkan kadar keretakan pada struktur NJB tersebut. Pihak JKR telah berbincang dengan kontraktor dan pihak kontraktor bersetuju untuk membaiki dan membuat pembetulan ke atas struktur NJB tersebut. Walau bagaimanapun, perunding akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya kerana telah menyediakan reka bentuk yang tidak mengikut piawaian.

Pada pendapat Audit, pembinaan penghadang tengah jalan/NJB adalah kurang memuaskan kerana kaedah pembinaannya tidak mematuhi piawaian.

9.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang pada masa hadapan, adalah disyorkan supaya pihak JKR mematuhi surat arahan KPKR Bil. 10/2012 bertarikh 18 April 2012 mengenai Pelan Pengurusan Risiko Pelaksanaan Projek bagi mengenal pasti risiko yang boleh mengakibatkan kelewatan menyiapkan projek dan peningkatan kos yang merugikan Kerajaan.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

10. JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA - PEMBANGUNAN mySIKAP

10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia ialah sebuah jabatan di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT) yang bertanggungjawab dalam mengawal selia kenderaan motor, pemandu dan lalu lintas jalan supaya selamat dan efisien serta menguatkuasakan Akta Pengangkutan Jalan 1987.

10.1.2. Penggunaan ICT berupaya menyediakan kemudahan perkhidmatan bagi pelbagai saluran dengan cepat, cekap, berkesan dan telus melalui Sistem Informasi Kenderaan dan Pemandu (SIKAP). Sistem ini telah mula dibangunkan oleh JPJ pada tahun 1993. Bagaimanapun, dengan pertambahan pendaftaran kenderaan dan pelesenan pemandu di Malaysia yang secara puratanya meningkat pada kadar 5% setahun, SIKAP tidak dapat lagi menampung urus niaga yang dijalankan dengan berkesan. Dengan itu, pada tahun 2010 Kerajaan telah meluluskan projek Pembangunan Semula Sistem Pengkomputeran JPJ yang dikenali sebagai mySIKAP.

10.1.3. Kementerian Kewangan (MOF) telah meluluskan pelantikan vendor projek mySIKAP melalui tender terhad pada 11 Jun 2010. Manakala Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan dan seterusnya ditandatangani oleh vendor pada 26 Julai 2010. Kontrak projek mySIKAP bernilai RM282 juta telah ditandatangani pada 22 Disember 2010 dengan tempoh kontrak bermula pada 26 Julai 2010 hingga 25 Julai 2014, iaitu pembangunan sistem selama 24 bulan dan waranti/ penyenggaraan selama 24 bulan selepas selesai kerja pembangunan sistem.

10.1.4. Projek mySIKAP melibatkan pembangunan, pemasangan, pelaksanaan dan penyenggaraan yang melibatkan lima skop utama iaitu *Integrated Business Application* (aplikasi urus niaga JPJ); *Integrated Solution Infrastructure* (penyelesaian pengurusan data dan perkhidmatan pemulihan bencana); *Services* (perkhidmatan sokongan); penyediaan infrastruktur pusat data*;* serta perolehan perkakasan dan perisian.

10.1.5. Secara umumnya, pembangunan aplikasi mySIKAP adalah untuk meningkatkan keupayaan sistem pengkomputeran JPJ ke arah usaha memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan. Objektif mySIKAP adalah seperti berikut:

a. mewujud dan mentadbir sistem pendaftaran dan pelesenan yang berintegriti, berkesan dan selamat bagi semua jenis kenderaan bermotor;

b. menguatkuasakan dan mentadbir undang-undang jalan raya bagi melahirkan pengguna jalan raya yang mempunyai budaya kepatuhan kepada undang-undang dan peraturan jalan raya;

c. mewujudkan dan mentadbir sistem latihan, pengujian dan pelesenan pemandu yang berkesan bagi melahirkan pemandu kenderaan bermotor yang mahir, berdisiplin dan berhemah; dan

d. melaksanakan khidmat nasihat teknikal yang cekap bagi keperluan industri pengangkutan jalan raya.

10.1.6. Sejak mySIKAP mula dilaksanakan pada bulan Julai 2013, tahap penggunaan kerangka utama JPJ adalah tinggi sehingga mencapai 100% penggunaan unit pemprosesan pusat (CPU). Ini menyebabkan perkhidmatan JPJ di kaunter, kios, transaksi atas talian dan rakan niaga seluruh negara terjejas terutamanya pada waktu puncak. Pada 22 Disember 2014, JPJ dan vendor yang sama telah menandatangani kontrak Projek Peningkatan Rangkaian dan Infrastruktur Kerangka Utama (Projek PRISM) bernilai RM177 juta untuk menaik taraf kerangka utama mySIKAP.

10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini adalah untuk menilai projek mySIKAP diurus dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan.

10.3. SKOP PENGAUDITAN

10.3.1. Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek mySIKAP bagi tempoh tahun 2010 hingga 2016. Komponen yang dipilih untuk diaudit adalah berasaskan kepada perkhidmatan teras JPJ dan komponen sokongan kepada pengurusan mySIKAP. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 10.1
KOMPONEN mySIKAP YANG DIPILIH UNTUK DIAUDIT

BIL.	SKOP UTAMA	BILANGAN KOMPONEN	KOMPONEN DIAUDIT
1.	*Integrated Business Application*	22	*Registration Management* *Licensing Management* *Enforcement Management* *Revenue Management*
2.	*Integrated Solution Infrastructure*	5	*Data Centre Solution* *Disaster Recovery Solution*

BIL.	SKOP UTAMA	BILANGAN KOMPONEN	KOMPONEN DIAUDIT
3.	*Services*	9	*Project Management* *Change Management* *Training and Transfer of Technology* *Data Migration and Synchronization* *Business Continuity Planning Consulting*
4.	Perkakasan dan Perisian	-	Perolehan perkakasan dan perisian

Sumber: Fail dan Kontrak mySIKAP

10.3.2. Pemeriksaan Audit telah dijalankan di MOT, Ibu Pejabat JPJ, JPJ Cyberjaya dan lima Pejabat JPJ Negeri iaitu Kelantan, Pulau Pinang, Sabah, Johor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

10.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan menggunakan pendekatan pengauditan *Information Communication Technology* (ICT) serta analisis data mySIKAP dan Sistem Maklumat Kastam yang diselenggarakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Perbincangan dengan pegawai terlibat, pemeriksaan fizikal dan *walk-through system* turut dijalankan di cawangan JPJ yang dipilih.

10.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga November 2016 mendapati secara keseluruhannya pengurusan mySIKAP adalah memuaskan kerana telah digunakan sepenuhnya di kesemua 16 cawangan JPJ Negeri (11 negeri di Semenanjung Malaysia, tiga Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak) mulai tahun 2014. Selain itu, mySIKAP telah berjaya mentadbir sistem pendaftaran dan pelesenan kenderaan dengan berkesan dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan JPJ. Bagaimanapun, pelaksanaan projek adalah kurang memuaskan dan objektif projek belum dapat dicapai sepenuhnya. Antara kelemahan yang ditemui dan perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

i. dokumen kontrak mySIKAP lemah dan tidak menjaga kepentingan Kerajaan menyebabkan pembayaran tidak *value for money*;

ii. kajian keperluan kapasiti kerangka utama mySIKAP yang tidak dibuat dengan terperinci;

iii. JPJ gagal menyediakan Perjanjian Tahap Perkhidmatan (Service Level Agreement - SLA) yang lengkap dan tiada elemen denda dinyatakan;

iv. sebanyak 821 daripada 4,190 kenderaan yang didaftarkan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak memperbaharui Lesen Kenderaan Motor (LKM)

di kawasan yang mempunyai kadar yang lebih rendah tidak disokong dengan Borang Kastam 3. Ini menyebabkan ketirisan hasil Kerajaan berjumlah RM773,340 bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016; dan

v. sistem gagal menyekat pengeluaran/pembaharuan Lesen Memandu Kompeten (Lesen Penuh) bagi pemegang Lesen Belajar Memandu (Lesen L) atau Lesen Memandu Percubaan (Lesen P) yang disenaraihitamkan. Ini mengakibatkan sebanyak 365 pemegang Lesen L atau Lesen P yang disenaraihitamkan masih boleh memperoleh Lesen Penuh.

Perkara yang ditemui dan maklum balas JPJ/MOT telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 29 Mac 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

10.5.1. Prestasi Projek (Fizikal dan Kewangan)

10.5.1.1. Klausa 3.1 kontrak mySIKAP menetapkan pembangunan sistem mySIKAP (Fasa 1) hendaklah disiapkan dalam tempoh dua tahun (26 Julai 2010 hingga 25 Julai 2012) manakala tempoh waranti dan penyenggaraan (Fasa 2) adalah selama dua tahun (26 Julai 2012 hingga 25 Julai 2014). Mengikut Klausa 3.2 dalam kontrak yang sama, vendor boleh memohon melalui notis bertulis kepada Kerajaan tidak kurang daripada tiga bulan sebelum tarikh tamat tempoh kontrak pada 25 Julai 2014 sekiranya ingin melanjutkan tempoh perjanjian. Sekiranya permohonan dipertimbangkan, kedua-dua pihak hendaklah dengan seberapa segera yang munasabah selepas penerimaan permohonan oleh Kerajaan berunding mengenai terma-terma dan syarat-syarat lanjutan perjanjian tidak melebihi satu bulan sebelum penamatan kontrak.

10.5.1.2. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Fasa 1 - Pembangunan mySIKAP dijadualkan siap pada 25 Julai 2012. Bagaimanapun ia hanya disahkan siap pada 25 Julai 2013 iaitu kelewatan selama setahun. Ini menyebabkan tempoh Fasa 2 hanya dapat dimulakan pada 26 Julai 2013 berbanding tempoh pelaksanaan asal pada 26 Julai 2012. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.2
PENCAPAIAN PROJEK mySIKAP

FASA	TEMPOH PELAKSANAAN IKUT KONTRAK		PENCAPAIAN SEBENAR		CATATAN
	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	
Fasa 1 - Pembangunan	26.07.2010	25.07.2012	26.07.2010	25.07.2013	Fasa 1 disahkan siap setahun selepas tarikh asal yang dijadualkan.
Fasa 2 -Waranti & Penyenggaraan	26.07.2012	25.07.2014	26.07.2013	25.07.2015	Dimulakan selepas Fasa 1 disahkan siap.

Sumber: Fail dan Kontrak mySIKAP

b. selaras dengan syarat perjanjian, vendor telah memohon dua *Extension of Time* (EOT) tanpa melibatkan sebarang kos tambahan melalui notis bertulis kepada JPJ pada 17 Julai 2012 dan 29 Mac 2013.

c. JPJ mengemukakan EOT pertama pada 27 November 2012 dan EOT kedua pada 11 April 2013 kepada MOT. Selanjutnya MOT mengemukakan EOT pertama pada 3 April 2013 dan EOT kedua pada 6 Jun 2013 kepada MOF.

d. MOF telah meluluskan permohonan EOT bertarikh 6 Jun 2013 tanpa denda bagi tempoh satu tahun (26 Julai 2012 hingga 25 Julai 2013) pada 16 Julai 2013. Butiran EOT yang dikeluarkan kepada vendor adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.3
EOT YANG DILULUSKAN

NO. LANJUTAN MASA	TEMPOH (BIL. HARI)	TARIKH KELULUSAN EOT	SEBAB LANJUTAN MASA	PENDAPAT AUDIT
1.	26.07.2012 hingga 26.01.2013 (184 hari)	Tiada Kelulusan	1. Pembangunan sistem perlu mengambil kira pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) di mana Rang Undang-undang 1440 [Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2012] telah diluluskan oleh Parlimen dan berkuat kuasa pada 15 September 2012. 2. Perubahan dan penambahan keperluan Jabatan.	EOT adalah wajar bagi memenuhi keperluan tambahan jabatan dan mengambil kira proses pindaan Rang Undang – undang Pengangkutan Jalan
2.	26.07.2012 hingga 25.07.2013 (365 hari)	16 Julai 2013		

Sumber: Fail dan Kontrak mySIKAP

e. sehingga bulan Disember 2015, peruntukan nilai kontrak berjumlah RM282 juta telah dibelanjakan sepenuhnya dan tidak melebihi nilai siling kontrak.

f. memandangkan EOT telah diluluskan, tiada *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) sejumlah RM365,000 (RM1,000 X 365 hari) dikenakan terhadap vendor. Bagaimanapun, kelambatan menyiapkan projek boleh menjejaskan nama baik Kerajaan dan secara langsung memberi kesan dari segi *timeliness* objektif projek yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, prestasi pembangunan mySIKAP adalah memuaskan dengan EOT yang diluluskan adalah berasaskan faktor di luar kawalan vendor iaitu bagi memenuhi keperluan tambahan JPJ dan mengambil kira proses pindaan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan.

10.5.2. Kelemahan Dokumen Kontrak

a. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan semua urusan berkaitan perolehan Kerajaan berdasarkan amalan tadbir urus terbaik dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan Kerajaan.

b. Semakan Audit mendapati harga dan jadual pembayaran bagi tiga item di *Appendix* G dalam dokumen kontrak sejumlah RM23.01 juta tidak diperincikan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.4
ITEM DAN HARGA YANG TIDAK DIPERINCIKAN

BIL.	ITEM	KOS (RM)
1.	***Project Office***	
	- *Overhead Expenses (Office Space, Utilities, Consumables, Logistic Support, etc)*	3,390,000
	- *Common Support Systems (Office Equipment, Support Peripherals)*	502,942
	- *System Integration Laboratory*	323,977
	- *Development Laboratory*	528,389
	- *Training Laboratories (2 units)*	555,894
2.	***JPJ System Development Centre***	
	- *System Integration Laboratory*	120,577
	- *Development Laboratory*	148,414
3.	***Disaster Recovery Facilities and Services***	17,443,370
	JUMLAH	**23,013,563**

Sumber: Kontrak mySIKAP

c. Semakan lanjut terhadap baucar bayaran bagi item tersebut mendapati perkara berikut:

i. bayaran sejumlah RM5.07 juta bagi *Project Office* dan sejumlah RM147,257 bagi menyediakan *Development Laboratory* di bawah JPJ *System Development Centre* telah dibuat. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat mengesahkan kuantiti dan nilai sebenar aset yang dibekalkan kerana tidak diperincikan dalam dokumen sokongan baucar bayaran.

ii. sehingga 21 Oktober 2015, bayaran sejumlah RM17.4 juta telah dibuat sepenuhnya bagi fasiliti dan perkhidmatan perunding, pengujian serta pemulihan bencana. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan pecahan kos bagi fasiliti dan setiap perkhidmatan yang disediakan kerana tidak diperincikan dalam dokumen sokongan baucar bayaran. Selain itu, bayaran sejumlah RM4.50 juta telah dibuat bagi fasiliti dan perkhidmatan pemulihan bencana bagi tempoh 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2011 walaupun perkhidmatan tersebut hanya disahkan mula beroperasi pada 11 November 2011 seperti yang dinyatakan dalam borang penerimaan perkhidmatan. Bagaimanapun tiada bukti fasiliti telah disediakan sebelum perkhidmatan mula beroperasi.

Maklum Balas JPJ yang Diterima Pada 9 Mei 2017

Pihak JPJ mengambil maklum dengan kelemahan dokumen kontrak dan memastikan maklumat harga, kuantiti, lokasi dan spesifikasi bagi perjanjian kontrak akan datang adalah value for money.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya, kandungan dokumen kontrak mySIKAP lemah dan tidak menjaga kepentingan Kerajaan serta memberi implikasi pembayaran yang dilakukan tiada *value for money*.

10.5.3. Kajian Keperluan Kapasiti Kerangka Utama mySIKAP

10.5.3.1. Kerangka utama merupakan satu komputer berprestasi tinggi bertujuan untuk memproses data secara skala besar. Kerangka utama digunakan bagi urus niaga yang memerlukan tahap keselamatan dan kebolehpercayaan yang tinggi kerana ia boleh digunakan secara berterusan tanpa gangguan untuk jangka masa yang lama malah berpuluh tahun. Kerangka utama juga digunakan oleh aplikasi yang mempunyai jumlah input dan output yang sangat tinggi dan memerlukan tahap ketersediaan yang tinggi di mana *downtime* merupakan satu bencana besar. Berbanding *supercomputer* yang digunakan bagi tujuan pemprosesan maklumat yang kompleks, kerangka utama digunakan bagi tujuan memproses transaksi.

10.5.3.2. Berdasarkan Keperluan Teknikal di bawah Spesifikasi Tender projek mySIKAP, keperluan dan arkitektur sistem (mentakrifkan struktur sistem) yang akan dibangunkan hendaklah menyokong perkembangan dan beban urus niaga JPJ bagi tempoh lima tahun dari tarikh sistem beroperasi. Bagaimanapun, spesifikasi tender menetapkan vendor perlu membangun dan melaksanakan sistem dengan mengguna pakai kerangka utama IBM z9 BC yang sedia ada.

10.5.3.3. Semakan Audit terhadap perolehan kerangka utama mySIKAP mendapati perkara berikut:

a. sebelum projek mySIKAP dilaksanakan pada bulan Julai 2010, kerangka utama SIKAP ialah IBM z9 BC yang diperoleh pada tahun 2009 dengan kos berjumlah RM13.99 juta.

b. keperluan teknikal di bawah spesifikasi tender projek mySIKAP pula menetapkan vendor perlu membangun dan melaksanakan sistem dengan mengguna pakai kerangka utama IBM z9 BC yang sedia ada.

c. bagaimanapun, pada 24 Jun 2010 (sebulan sebelum SST Projek mySIKAP dikeluarkan) vendor telah membentangkan cadangan kepada mesyuarat khas projek mySIKAP agar kerangka utama IBM z9 BC digantikan dengan

model z10 EC kerana IBM z9 BC akan tamat tempoh pemasaran (End of Marketing) pada 30 Jun 2010.

d. mesyuarat khas yang dihadiri wakil pihak Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Unit Perancang Ekonomi (EPU), MOT, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Jabatan Pendaftaran Negara telah bersetuju dengan cadangan supaya kerangka utama IBM z9 BC ditukar kepada IBM z10 EC tanpa sebarang pertambahan kos.

e. pada bulan September 2010, MOF telah meluluskan penukaran spesifikasi kerangka utama dengan menggunakan IBM z10 EC. Kos membangun dan melaksanakan sistem dengan mengguna pakai kerangka utama IBM z9 BC dan kos perolehan IBM z10 EC adalah sama iaitu berjumlah RM63.73 juta.

f. pada bulan Julai 2011, pihak IBM telah mengumumkan bahawa kerangka utama IBM z10 EC akan tamat tempoh pemasaran pada 30 Jun 2012, iaitu sebulan sebelum tarikh siap asal pembangunan mySIKAP.

g. apabila projek pembangunan sistem disahkan siap pada bulan Julai 2013, mySIKAP mengalami gangguan kerana kerangka utama IBM z10 EC mencapai 100% penggunaan CPU. Ini bermakna CPU tidak mempunyai kapasiti untuk memproses sebarang data input yang mengakibatkan penyampaian perkhidmatan JPJ terjejas.

h. pada hari *National Roll Out,* mySIKAP mengalami gangguan kerana kerangka utama mencapai 100% tahap penggunaan CPU. Sebagai penyelesaian jangka pendek dan untuk menjayakan *National Roll Out* MySIKAP pada 1 November 2013, JPJ telah meminjam kerangka utama IBM z196 daripada pihak vendor. Gangguan sistem telah diselesaikan dalam masa dua minggu selepas vendor menaik taraf kerangka utama IBM z196.

i. pada bulan Jun 2014, pihak JPJ telah memohon daripada MOF agar perolehan secara rundingan terus bagi peningkatan kerangka IBM z10 EC kepada IBM zEC 12.

j. MOF telah meluluskan perolehan kerangka utama IBM zEC 12 pada bulan Julai 2014 dengan kos berjumlah RM141.17 juta.

k. kronologi perolehan tiga kerangka utama IBM adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.5
KRONOLOGI PEROLEHAN KERANGKA UTAMA

TARIKH	CATATAN
01.06.2009	Sistem Informasi Kenderaan Dan Pemandu (SIKAP) JPJ mengalami gangguan kerana kerangka utama IBM z800 mencapai tahap 100% penggunaan CPU.
25.06.2009	• JPJ mengisytiharkan bencana ke atas SIKAP. • JPJ bersetuju membuat permohonan perolehan kerangka utama IBM z9 BC atas cadangan vendor.

TARIKH	CATATAN
12.08.2009	• MOF meluluskan permohonan perolehan darurat kerangka utama IBM z9 BC secara rundingan terus dengan vendor berharga RM13.99 juta. • MOF mensyaratkan tender mySIKAP mengambil kira integrasi data dengan penggunaan kerangka utama IBM z9 BC.
17.11.2009	IBM mengumumkan tamat tempoh pemasaran (End of Marketing) bagi kerangka utama IBM z9 BC adalah pada 30 Jun 2010.
24.06.2010	• Vendor membentangkan cadangan semula spesifikasi dan pendekatan pelaksanaan kerangka utama dalam mesyuarat khas. • Mesyuarat yang dipengerusikan oleh KP JPJ telah dihadiri oleh MAMPU, EPU, MOT, LHDN dan JPN. • Mesyuarat bersetuju untuk melaksanakan cadangan di mana kerangka utama IBM z9 BC ditukar kepada IBM z10 EC tanpa sebarang pertambahan kos.
26.07.2010	Vendor menandatangani SST projek mySIKAP.
24.09.2010	Kelulusan MOF bagi penukaran spesifikasi kerangka utama.
22.12.2010	Kontrak mySIKAP ditandatangani.
12.07.2011	IBM mengumumkan *End of Marketing* pada 30 Jun 2012 bagi kerangka utama IBM generasi z10 EC.
30.06.2012	*End of Marketing* kerangka utama IBM z10 EC.
25.07.2013	mySIKAP mengalami gangguan kerana kerangka utama IBM z10 EC mencapai tahap 100% penggunaan CPU.
02.08.2013	JPJ meminjam kerangka utama z196 daripada vendor sebagai penyelesaian jangka pendek.
01.11.2013	• *National Roll Out* mySIKAP. • mySIKAP mengalami gangguan kerana kerangka utama mencapai 100% tahap penggunaan CPU.
16.11.2013	Vendor telah menaik taraf kerangka utama IBM z196 yang dipinjam oleh JPJ dan mySIKAP kembali beroperasi dengan lancar.
12.06.2014	JPJ memohon perolehan secara rundingan terus bagi peningkatan kerangka utama IBM z10 EC kepada IBM zEC12 atas cadangan vendor.
24.07.2014	MOF meluluskan permohonan perolehan secara rundingan terus bagi kerangka utama IBM zEC12.
18.09.2014	Vendor menandatangani SST projek PRISM.
22.12.2014	Kontrak PRISM dimeterai.

Sumber: Fail dan Kontrak mySIKAP/PRISM

l. dengan itu, pihak JPJ telah membuat tiga perolehan kerangka utama IBM bagi tujuan penambahbaikan transaksi dan penyampaian perkhidmatan jabatan berjumlah RM218.89 juta. Perolehan tersebut melibatkan perkakasan, perisian, lesen dan penyenggaraan ketiga-tiga kerangka utama tersebut dari tahun 2009 sehingga 2014 seperti jadual berikut:

JADUAL 10.6
KOS PEROLEHAN KERANGKA UTAMA

TAHUN	PROJEK	MODEL KERANGKA UTAMA	NILAI (RM Juta)
2009	SIKAP	IBM z9 BC	13.99
2010	mySIKAP	IBM z10 EC	63.73
2014	PRISM	IBM zEC12	141.17
JUMLAH			**218.89**

Sumber: Fail dan Kontrak mySIKAP/PRISM

m. perolehan tiga kerangka utama dalam tempoh enam tahun ini disebabkan oleh perkara berikut:

i. Kitar Hayat Kerangka Utama IBM

- Mengikut sejarah, kitar hayat kerangka utama IBM dari tahun 1994 hingga 2007, purata kitar hayat kerangka utama IBM adalah 4.4 tahun sebelum tamat tempoh pemasarannya. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.7
KITAR HAYAT KERANGKA UTAMA IBM

JENIS	PENGUMUMAN PRODUK BARU	BERADA DI PASARAN	TAMAT TEMPOH PEMASARAN	TEMPOH BERADA DI PASARAN (Tahun)
z890	07.04.2004	28.05.2004	31.12.2007	3.6
z990	13.05.2003	16.05.2003	30.05.2008	5
z900 G2	30.04.2002	15.05.2002	30.06.2006	4.1
z800	19.02.2002	29.03.2002	31.12.2005	3.8
z900 G1	03.10.2000	18.12.2000	30.05.2006	5.5
CMOS G6	03.05.1999	29.05.1999	31.12.2004	5.6
CMOS G5	23.05.1998	30.09.1998	31.12.2003	5.3
CMOS G4	09.05.1997	30.05.1997	30.04.2002	4.8
CMOS G3	10.09.1996	30.09.1996	20.07.1999	2.8
CMOS G2	12.05.1995	31.07.1995	29.12.1998	3.4
CMOS G1	13.09.1994	13.09.1994	29.12.1998	4.3
PURATA				**4.4**

Sumber: ***IBM Mainframe Life Cycle History V1.8***

- Berdasarkan purata kitar hayat tersebut, perolehan kerangka utama IBM z9 BC pada tahun 2009 oleh JPJ adalah di penghujung kitar hayat dan perolehan IBM z10 EC pada tahun 2010 dan IBM zEC12 pada tahun 2014 oleh JPJ adalah di pertengahan kitar hayat. Ini menyebabkan kerangka utama tersebut hanya boleh dipertingkatkan bagi tempoh satu dan dua tahun sahaja selepas perolehan dibuat. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.8
KITAR HAYAT KERANGKA UTAMA YANG DIBELI JPJ

JENIS	TAHUN PEROLEHAN	PENGUMUMAN PRODUK BARU	BERADA DI PASARAN	TAMAT TEMPOH PEMASARAN
IBM z9 BC	2009	27.04.2006	26.05.2006	30.05.2010
IBM z10 EC	2010	26.02.2008	26.02.2008	30.05.2012
IBM zEC12	2014	28.08.2012	19.09.2012	31.12.2016

Sumber: Kontrak SIKAP, mySIKAP, PRISM dan ***IBM Mainframe Life Cycle History V1.8***

ii. Keperluan Permintaan Perubahan

- Sepanjang tempoh bulan April 2011 hingga April 2015, vendor telah melaksanakan sebanyak 139 perubahan terhadap mySIKAP tanpa melibatkan sebarang pertambahan kos berdasarkan permintaan pihak JPJ.

- Antara perubahan yang telah memberi impak besar kepada penggunaan CPU adalah pelaksanaan myIDENTITY (sistem bagi memudahkan warganegara dan bermastautin tetap berurusan dengan agensi Kerajaan); kerjasama atas talian bersama eInsurance; dan pelaksanaan *Automated Enforcement System* (AES) dan Lesen Memandu Malaysia (LMM).

- Bagaimanapun, tiada bukti yang menunjukkan vendor telah melaksanakan kajian keperluan dan analisis impak sebelum melaksanakan sebarang perubahan seperti yang telah ditetapkan di dalam kontrak.

Maklum Balas JPJ yang Diterima Pada 9 Mei 2017

Asas spesifikasi ditentukan oleh jabatan berdasarkan saiz data dan transaksi semasa dan mengambil kira pandangan dan nasihat dari MAMPU dan pihak-pihak yang lain bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Pada ketika itu, kerangka utama IBM z10 EC adalah sesuai untuk memenuhi keperluan JPJ dan sudah sedia ada di pasaran. Proses perolehannya dapat dibuat terus tanpa perlu mendapatkan peruntukan tambahan. Selain itu, perubahan kepada spesifikasi perkakasan kerangka utama juga melalui proses yang teratur di mana pihak vendor telah mengemukakan surat permohonan rasmi kepada JPJ pada 29 Jun 2010 dan kelulusan MOF telah diperolehi pada 24 September 2010.

Pada pendapat Audit, kajian keperluan kapasiti kerangka utama mySIKAP yang tidak dibuat dengan terperinci telah menyebabkan perolehannya tidak berhemat serta mengakibatkan imej JPJ dan Kerajaan terjejas semasa *National Roll Out* mySIKAP.

10.5.4. Perjanjian Tahap Perkhidmatan

10.5.4.1. Menurut Garis Panduan IT *Outsourcing* Agensi-agensi Sektor Awam 2006 yang dikeluarkan oleh MAMPU, Perjanjian Tahap Perkhidmatan (Service Level Agreement - SLA) merupakan satu pernyataan tahap perkhidmatan minimum yang perlu disediakan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Ini bagi memastikan kelancaran projek *outsourcing* yang dilaksanakan serta dijadikan

sebagai asas bagi mengukur prestasi dan keupayaan pembekal. SLA dimasukkan sebagai salah satu komponen dalam dokumen perjanjian dan merangkumi beberapa aspek perkhidmatan yang disediakan oleh pembekal.

10.5.4.2. Semakan Audit terhadap SLA mendapati perkara berikut:

a. mengikut *Appendix* D (klausa 2.3.12) kontrak mySIKAP *'The Company shall comply with the SLA as defined in the Functional and Technical Specifications.'*

b. JPJ dan vendor telah menandatangani satu dokumen spesifikasi tahap perkhidmatan pada bulan Mei 2014 yang bertujuan menetapkan skop dan spesifikasi tahap perkhidmatan bagi perkhidmatan sokongan waranti pencegahan dan pemulihan. Bagaimanapun, tiada elemen denda dinyatakan dalam dokumen tersebut.

c. berdasarkan dokumen spesifikasi tahap perkhidmatan tersebut, sesuatu aduan perlu diselesaikan oleh vendor dalam tempoh dua hingga 12 hari bekerja dari tarikh aduan dilaporkan berdasarkan tahap kritikal yang telah ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.9
KOMITMEN TAHAP PERKHIDMATAN

TAHAP KRITIKAL	TEMPOH UNTUK SAMPAI KE TEMPAT MASALAH	TEMPOH MENCARI PENYELESAIAN	TEMPOH PENYELESAIAN
1	45 minit hari yang sama	4 jam	2 hari bekerja
2	2 jam hari yang sama	12 jam	4 hari bekerja
3	1 hari bekerja	Hari bekerja berikutnya	6 hari bekerja
4	2 hari bekerja	2 hari bekerja	8 hari bekerja

Sumber: Spesifikasi Tahap Perkhidmatan mySIKAP

d. setakat akhir tahun 2016, sejumlah RM70.58 juta telah dibayar untuk perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh vendor.

e. analisis Audit terhadap data meja bantuan mySIKAP bagi tempoh bulan Januari 2014 hingga Julai 2015 mendapati perkara berikut:

i. pihak Audit tidak dapat mengesahkan prestasi vendor dalam penyelesaian aduan pengguna untuk tahun 2014 kerana tahap kritikal aduan tidak dikategorikan bagi setiap aduan yang diterima.

ii. daripada 4,854 aduan pengguna bagi tempoh bulan Januari hingga Julai 2015, sebanyak 1,219 (25%) aduan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Kelewatan menyelesaikan aduan pengguna adalah antara satu hingga 161 hari seperti ditunjukkan dalam jadual berikut:

JADUAL 10.10
BILANGAN ADUAN YANG TIDAK DAPAT DISELESAIKAN DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN BAGI TEMPOH BULAN JANUARI HINGGA JULAI 2015

TAHAP KRITIKAL	BILANGAN ADUAN	KELEWATAN MENYELESAIKAN ADUAN PENGGUNA (Hari)
1	0	-
2	1	1
3	41	1 - 92
4	1,177	1 - 161
JUMLAH	**1,219**	**1 - 161**

Sumber: Data Meja Bantuan mySIKAP

f. prestasi vendor terhadap penyelesaian aduan pengguna yang kurang memuaskan telah menyebabkan pengguna mySIKAP dan pelanggan JPJ tidak dapat memberi dan menerima perkhidmatan yang pantas dan terbaik. Bagaimanapun, pihak vendor tidak didenda kerana tiada klausa denda dinyatakan dalam dokumen spesifikasi tahap perkhidmatan.

Maklum Balas JPJ yang Diterima Pada 9 Mei 2017

Pihak JPJ mengambil maklum dengan kelemahan ini dan telah memasukkan SLA yang lengkap dan memelihara kepentingan kerajaan termasuk mengenakan denda kepada vendor atas kelewatan menyelesaikan aduan dalam perjanjian penyenggaraan mySIKAP dan semua perjanjian perkhidmatan yang lain.

Pada pendapat Audit, JPJ gagal menyediakan SLA yang lengkap dan yang memelihara kepentingan Kerajaan. Ini menyebabkan tindakan yang berkesan seperti mengenakan denda kepada vendor atas kelewatan menyelesaikan aduan tidak dapat diambil. Selain itu, JPJ telah membayar perkhidmatan yang diterima tanpa mengambil kira SLA yang dipersetujui.

10.5.5. Penggunaan mySIKAP

10.5.5.1. Pembaharuan Lesen Kenderaan Motor

a. Mengikut Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959, kadar LKM adalah berdasarkan kepada pengisytiharan kawasan kenderaan (lokasi kenderaan berada) iaitu sama ada di Semenanjung Malaysia, Pulau Pangkor, Pulau Langkawi, Sabah, Sarawak atau Wilayah Persekutuan Labuan.

b. Kadar LKM adalah berbeza antara enam kawasan tersebut. Sebagai contoh, kadar LKM sebuah motokar sedan milik syarikat dengan kapasiti 4,395 cc

yang berada di Semenanjung Malaysia adalah berjumlah RM24,842 setahun. Bagaimanapun, sekiranya pemilik kenderaan tersebut memperbaharui LKM di WP Labuan, hasil yang dikutip adalah berjumlah RM1,453.63 sahaja dengan perbezaan berjumlah RM23,388.87. Contoh kadar LKM bagi dua jenis kenderaan milik syarikat adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.11
CONTOH KADAR LKM BAGI 2 JENIS KENDERAAN MILIK SYARIKAT MENGIKUT KAWASAN

KAWASAN	KADAR LKM SETAHUN	
	BMW M6 GRAN COUPE MOTOKAR SEDAN KAPASITI ENJIN: 4,395 cc (RM)	HONDA ODYSSEY 2.4L VTEC (A) MOTOKAR BUKAN SEDAN KAPASITI ENJIN: 2,356 cc (RM)
Semenanjung Malaysia	24,842.50	724.80
Pulau Pangkor	12,421.25	362.40
Pulau Langkawi	12,421.25	362.40
Sabah	2,907.25	399.64
Sarawak	2,907.25	399.64
WP Labuan	1,453.63	199.82

Sumber: Garis Panduan Pengiraan Kadar LKM Bagi Kenderaan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak (Pindaan Selepas Bajet 2009)

c. Semakan dan analisis Audit terhadap data pembaharuan LKM melalui mySIKAP mendapati perkara berikut:

i. LKM bagi 3,086 kenderaan yang didaftarkan di Semenanjung Malaysia dari tahun 2012 hingga 2016 telah diperbaharui di JPJ Sabah, Sarawak dan WP Labuan. Hasil yang dikutip bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah berjumlah RM1.49 juta seperti ditunjukkan dalam jadual berikut:

JADUAL 10.12
BILANGAN KENDERAAN YANG DIDAFTARKAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA DARI TAHUN 2012 HINGGA 2016 MEMPERBAHARUI LKM DI JPJ SABAH, SARAWAK DAN WP LABUAN

LOKASI	BILANGAN KENDERAAN	HASIL DIKUTIP (RM)
Sabah	690	199,623
Sarawak	1,692	827,752
WP Labuan	704	466,598
JUMLAH	**3,086**	**1,493,973**

Sumber: Data mySIKAP

ii. LKM bagi 1,104 kenderaan yang didaftarkan di Sabah dan Sarawak dari tahun 2012 hingga 2016 telah diperbaharui di WP Labuan. Hasil yang dikutip bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah berjumlah RM426,876.

iii. bagaimanapun, pegawai kaunter tidak membuat pengesahan lokasi sebenar kenderaan serta mengemaskinikan pengisytiharan kawasan sebelum memperbaharui LKM. Verifikasi sistem sedia ada hanya berpandukan kawasan yang diisytiharkan oleh petugas kaunter atau pemilik kenderaan/ejen di kios semasa membuat pembaharuan LKM.

iv. kelemahan kawalan dalaman ini telah mengakibatkan pemilik kenderaan boleh memperbaharui LKM di kawasan di mana kadar LKM adalah lebih rendah walaupun kenderaan tidak berada di kawasan yang berkaitan.

v. pergerakan kenderaan antara wilayah (Semenanjung, Sarawak, Sabah dan WP Labuan) perlu diisytiharkan kepada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) melalui Permohonan Permit Untuk Mengangkut Barang Dalam Persekutuan (Borang Kastam 3). Sistem mySIKAP tidak mempunyai maklumat terkini lokasi kenderaan kerana tiada perkongsian maklumat di antara pihak JPJ dan JKDM berkenaan pergerakan kenderaan antara wilayah. Oleh itu, pihak Audit telah membuat semakan silang antara data Borang Kastam 3 dalam Sistem Maklumat Kastam dengan data pendaftaran kenderaan dan pembaharuan LKM dalam mySIKAP bagi mengesahkan lokasi sebenar kenderaan yang memperbaharui LKM bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016.

vi. hasil semakan Audit mendapati sebanyak 518 (17%) daripada 3,086 LKM bagi kenderaan yang didaftarkan di Semenanjung Malaysia telah diperbaharui di JPJ Sabah, Sarawak dan WP Labuan tetapi tidak disokong dengan Borang Kastam 3 tersebut. Selain itu, sebanyak 351 (32%) daripada 1,104 LKM bagi kenderaan yang didaftarkan di Sabah dan Sarawak telah diperbaharui di JPJ WP Labuan juga tidak disokong dengan Borang Kastam 3. Ini mengakibatkan ketirisan hasil Kerajaan berjumlah RM773,340 bagi tempoh 2014 hingga 2016 seperti jadual-jadual berikut:

JADUAL 10.13
KEKURANGAN HASIL BAGI KENDERAAN SEMENANJUNG MALAYSIA YANG MEMPERBAHARUI LKM DI SABAH, SARAWAK DAN WP LABUAN

CAWANGAN JPJ	BILANGAN KENDERAAN	JUMLAH IKUT KADAR SEMENANJUNG MALAYSIA (RM)	KUTIPAN SEBENAR (RM)	KEKURANGAN HASIL (RM)
Negeri Sabah	71	128,678	37,397	91,281
Sandakan	56	27,485	10,992	16,493
Tawau	56	20,545	10,353	10,192
Negeri Sarawak	112	136,946	46,402	90,544
Sibu	30	27,973	13,966	14,007
Miri	54	24,116	11,857	12,259
WP Labuan	139	392,212	78,979	313,233
JUMLAH	**518**	**757,955**	**209,946**	**548,009**

Sumber: Data mySIKAP

JADUAL 10.14
KEKURANGAN HASIL BAGI KENDERAAN SABAH DAN SARAWAK YANG MEMPERBAHARUI LKM DI WP LABUAN

CAWANGAN JPJ	BILANGAN KENDERAAN	JUMLAH IKUT KADAR SABAH/SARAWAK (RM)	KUTIPAN SEBENAR (RM)	KEKURANGAN HASIL (RM)
WP Labuan	351	450,672	225,341	225,330
JUMLAH	**351**	**450,672**	**225,341**	**225,331**

Sumber: Data mySIKAP

Maklum Balas JPJ yang Diterima Pada 9 Mei 2017

Mengikut kaedah sedia ada, semua pembaharuan LKM di Sabah dan Sarawak perlu membuat pengisytiharan kawasan kenderaan itu berada. Oleh itu, pemilik kenderaan dan operator kaunter adalah bertanggungjawab untuk mengemas kini kawasan pengisytiharan. Namun demikian, amalan ini kadang-kala telah disalahgunakan oleh pemilik kenderaan dengan membuat pengisytiharan palsu.

Jabatan telah mewujudkan Standard Operating Procedures dengan mewujudkan kawalan dalaman bertarikh 1 Jun 2016 di mana petugas kaunter bertanggungjawab untuk mengemas kini pengisytiharan kawasan.
Di samping itu, perkhidmatan kios di Sabah dan Sarawak telah digantung buat sementara waktu untuk memastikan tidak berlaku penyalahgunaan pengisytiharan kawasan yang tidak betul.

Pada pendapat Audit, kelemahan mySIKAP dalam mengenal pasti kawasan pengisytiharan kenderaan dan menetapkan kadar LKM mengikut lokasi terkini kenderaan telah menyebabkan ketirisan hasil Kerajaan sejumlah RM773,340 bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016.

10.5.5.2. Pengeluaran Lesen Memandu

a. Seksyen 29(1A), Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) menetapkan walau apa pun yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada lesen memandu boleh diberikan kepada mana-mana pemohon melainkan jika dia memuaskan hati Pengarah bahawa pada tarikh dia memohon dia tidak mempunyai perkara atau hal yang belum selesai dengan JPJ atau Polis berhubung dengan apa-apa pelanggaran atau kesalahan yang bertentangan dengan Akta ini atau Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987.

b. Syarat-syarat pemilikan lesen memandu mengikut jenis lesen adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.15
SYARAT PEMILIKAN LESEN MEMANDU MENGIKUT JENIS LESEN

JENIS LESEN	SYARAT
Lesen Belajar Memandu (Lesen L)	• Umur melebihi 16 tahun (Kelas A, B2, B dan C). • Umur melebihi 17 tahun (Kelas A1, D dan DA). • Umur melebihi 21 tahun (Kelas E, F, G, H, I dan lesen vokasional). • Lulus ujian undang-undang Bahagian 1. • Lesen boleh dikeluarkan dan diperbaharui bagi tempoh tiga atau enam bulan. sehingga tempoh maksimum dua tahun.
Lesen Memandu Percubaan (Lesen P)	• Lulus ujian amali Bahagian 2 dan 3. • Pemilik tidak disenaraihitamkan. • Tempoh percubaan adalah dua tahun.
Lesen Memandu Kompeten (Lesen Penuh)	• Tempoh permohonan adalah satu tahun dari tarikh tamat tempoh kuat kuasa Lesen P. • Pemilik tidak disenaraihitamkan. • Lesen boleh dipohon bagi tempoh satu hingga lima tahun.

Sumber: Portal JPJ

c. Analisis Audit menggunakan *Computer Assisted Audit Tools and Technique* (CAATTs) terhadap data senarai hitam lesen memandu dalam modul penguatkuasaan dan data pengeluaran/pembaharuan lesen penuh dalam mySIKAP mendapati perkara berikut:

i. bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, sebanyak 1.10 juta lesen memandu yang terdiri daripada Lesen L, Lesen P dan Lesen Penuh telah dikeluarkan/diperbaharui di lima cawangan JPJ yang dipilih. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 297,770 pernah disenaraihitamkan dan sebanyak 86,226 (29%) masih berstatus aktif.

ii. daripada senarai hitam yang masih berstatus aktif tersebut, sebanyak 365 pemegang Lesen L atau Lesen P yang disenaraihitamkan masih boleh memperoleh/memperbaharui Lesen Penuh. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.16
BILANGAN PEMEGANG LESEN L ATAU LESEN P BERSTATUS SENARAI HITAM YANG MENDAPAT LESEN PENUH BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016

CAWANGAN JPJ	BILANGAN PENGELUARAN/PEMBAHARUAN LESEN PENUH MELIBATKAN PEMILIK LESEN L ATAU LESEN P BERSTATUS SENARAI HITAM			JUMLAH
	2014	2015	2016	
WP Kuala Lumpur	8	76	12	96
Negeri Johor	32	89	18	139
Negeri Pulau Pinang	10	60	14	84
Negeri Kelantan	8	12	8	28
Negeri Sabah	4	13	1	18
JUMLAH	**62**	**250**	**53**	**365**

Sumber: Data mySIKAP

d. Keadaan ini disebabkan sub-modul pelesenan pemandu L dan P tidak mempunyai fungsi sekatan untuk mengesan lesen yang disenaraihitamkan dalam Modul Penguatkuasaan.

Maklum Balas JPJ yang Diterima Pada 9 Mei 2017

Sistem yang dibangunkan sebelum ini tidak dapat mengesan senarai hitam bagi jenis lesen yang berbeza iaitu Lesen L atau Lesen P kepada Lesen Penuh semasa urus niaga permohonan dan pembaharuan lesen memandu. Oleh itu, operator kaunter membenarkan urus niaga itu berlaku.

Jabatan ini telah mengambil tindakan dengan membuat pembetulan sistem modul pelesenan pemandu iaitu membuat tambahan semakan senarai hitam agar sistem berupaya mengesan senarai hitam bagi jenis lesen yang berbeza. Penambahbaikan sistem telah selesai dan User Acceptance Test (UAT) dilaksanakan pada 16 Mac 2017. Dengan penambahbaikan tersebut, proses penukaran lesen P kepada lesen penuh akan tertakluk kepada status rekod senarai hitam.

Pada pendapat Audit, sistem yang dibangunkan adalah lemah kerana gagal mengesan Lesen L dan P yang disenaraihitamkan. Ini memberi implikasi keselamatan kepada pengguna jalan raya yang lain.

10.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan segala kelemahan mySIKAP diperbaiki dan dapat menyokong operasi JPJ dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang awam, agensi luar dan lain-lain *stakeholders*, adalah disyorkan supaya pihak JPJ mengambil langkah seperti yang berikut:

10.6.1. membuat kajian keperluan yang terperinci sebelum membuat perolehan kerangka utama dan mengambil kira impak ke atas kerangka utama bagi sebarang permintaan perubahan agar prestasi mySIKAP tidak terganggu;

10.6.2. memastikan SLA yang disediakan mengambil kira klausa-klausa yang menjaga kepentingan Kerajaan;

10.6.3. mengintegrasikan mySIKAP dengan sistem Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi mengurangkan ketirisan hasil Kerajaan akibat daripada tindakan pembaharuan LKM di luar kawasan pengisytiharan; dan

10.6.4. memastikan sistem dapat menyekat sebarang transaksi yang disenaraihitamkan terhadap urusan pelesenan pemandu.

KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

11. SABAH ELECTRICITY SDN. BHD.
- **PROJEK PEMBINAAN TALIAN PENGHANTARAN ELEKTRIK DARI KIMANIS KE PENCAWANG MASUK UTAMA LOK KAWI DAN KOLOPIS, SABAH**

11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. Projek pembinaan talian penghantaran elektrik dari Kimanis ke pencawang masuk utama Lok Kawi dan Kolopis bertujuan untuk menyalurkan bekalan elektrik daripada loji jana kuasa SPR Energy Sdn. Bhd. (IPP SPR) dan loji jana kuasa Kimanis Power Sdn. Bhd. (IPP KPSB) ke sistem grid di Sabah dengan kos RM211.96 juta. Pihak yang terlibat dalam projek ini adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 11.1
AGENSI YANG TERLIBAT DENGAN PROJEK

BIL.	AGENSI	TANGGUNGJAWAB
1.	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)	Menyemak permohonan projek dari SESB dan mengemukakan permohonan projek kepada Unit Perancang Ekonomi.
		Memantau pelaksanaan projek sehingga projek siap dan penutupan akaun.
		Menyemak dan memastikan dokumen tuntutan kontraktor teratur mengikut perjanjian pinjaman dan seterusnya menyokong bayaran.
2.	Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB)	Pelantikan perunding, kontraktor dan semua perkara berkaitan perolehan projek.
		Pegawai Penguasa projek bagi menyelia pelaksanaan projek.
		Menyemak dan memperakukan tuntutan kontraktor.
3.	Kementerian Kewangan (MOF)	Menyediakan dokumen Perjanjian Pinjaman Persekutuan (soft loan).
		Memastikan dokumen tuntutan kontraktor lengkap mengikut perjanjian dan meluluskan bayaran.


Sumber: Carta Alir Tatacara Pelaksanaan Projek Pinjaman KeTTHA

11.1.2. SESB adalah sebuah syarikat persendirian yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang merupakan anak syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan 80% kepentingan, baki 20% dipegang oleh Kerajaan Negeri Sabah manakala Menteri Kewangan Diperbadankan memegang satu saham khas. SESB ialah syarikat utiliti bersepadu yang menyediakan perkhidmatan penjanaan, penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

11.1.3. Bagi tujuan pembiayaan projek, sebanyak dua perjanjian pinjaman telah ditandatangani antara SESB dengan Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Kementerian Kewangan. Semua wang pinjaman untuk projek ini telah disalurkan ke *Special Loan Account* (SLA) yang mana setiap pengeluaran wang dari SLA hendaklah disokong oleh KeTTHA dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

11.1.4. Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina mulai 16 Jun 2012 dan siap pada 26 April 2016 setelah mengambil kira empat pelanjutan masa (EOT). Pelaksanaan projek ini melibatkan pengambilan 527 lot tanah iaitu 422 lot (80.1%) hak milik persendirian dan baki 105 lot tanah antaranya hak milik Kerajaan Negeri, rizab Jabatan Kerja Raya, rizab Jabatan Pengairan dan Saliran dan rizab kampung. Skop projek adalah seperti rajah berikut:

RAJAH 11.1
SKOP PROJEK



Sumber: **Lakaran oleh Jabatan Audit Negara**
Nota: **PMU - Pencawang Masuk Utama**
LILO - *Loop In Loop Out*
IPP SPR - Loji Jana Kuasa SPR Energy Sdn. Bhd.
IPP KPSB - Loji Jana Kuasa Kimanis Power Sdn. Bhd.

11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai pengurusan projek pembinaan talian penghantaran elektrik dari Kimanis ke pencawang masuk utama Lok Kawi dan Kolopis telah dilaksanakan secara cekap dan mencapai objektif pembinaan yang ditetapkan.

11.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan projek, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan projek bagi tempoh tahun 2011 hingga 2016. Pengauditan ini telah dijalankan di KeTTHA, MOF dan SESB.

11.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dan menganalisis rekod, dokumen dan kontrak berkaitan dengan projek pembinaan talian penghantaran elektrik dari Kimanis ke Lok Kawi dan Kolopis. Temu bual dan perbincangan telah diadakan bersama

pegawai yang terlibat di KeTTHA, MOF dan SESB. Pemeriksaan fizikal di tapak juga dijalankan untuk menentukan kerja telah dilaksanakan mengikut spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan.

11.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan dari bulan September hingga November 2016 mendapati secara umumnya prestasi projek pembinaan talian penghantaran elektrik dari Kimanis ke pencawang masuk utama Lok Kawi dan Kolopis adalah baik. Secara keseluruhan, projek ini telah disiapkan pada bulan April 2016 dan telah beroperasi seperti objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam aspek pengurusan projek seperti berikut:

i. skop dan reka bentuk projek tidak dimuktamadkan sebelum dibawa kepada Makmal Pengurusan Nilai (VM) untuk perbincangan yang mengakibatkan VM tidak berjaya mencapai objektif sepenuhnya;

ii. sebanyak enam perolehan kerja berjumlah RM74.39 juta telah dilaksanakan secara rundingan terus, tidak selaras dengan arahan dari Unit Perancang Ekonomi (EPU) yang menyatakan bahawa perolehan projek hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka;

iii. kelemahan dalam proses penilaian tender yang hanya mengambil kira aspek risiko kewangan;

iv. kelemahan dalam pengurusan pelanjutan masa (EOT) seperti EOT lewat diluluskan; justifikasi EOT tidak selaras dengan syarat kontrak dan syarat EOT secara *Global Settlement* tidak dipatuhi;

v. bayaran perkhidmatan *Project Management Consultant* (PMC) tidak disokong dengan dokumen sokongan yang mengesahkan perkhidmatan dilaksanakan; dan

vi. kelemahan dalam penyediaan reka bentuk dan pemantauan kerja perlindungan cerun yang telah menyebabkan SESB menanggung kos tambahan berjumlah RM21.83 juta.

Perkara yang ditemui dan maklum balas KeTTHA dan SESB telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 19 dan 27 April 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

11.5.1. Prestasi Projek

Projek ini telah dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu perkhidmatan perunding dan lain-lain perkhidmatan; kajian dan izin lalu; serta pembinaan. Komponen projek berserta kontraktor/perunding yang terlibat adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 11.2
KOMPONEN PROJEK

BIL.	KOMPONEN PROJEK	SKOP KERJA	PAKEJ/ BIL. PAKEJ	KONTRAKTOR/PERUNDING
1.	Perkhidmatan perunding dan lain-lain perkhidmatan	*Project management consultant* (PMC)	1	TNB Repair And Maintenance Sdn. Bhd.
		Geophysics soil profiling study	1	UNITEN R&D Sdn. Bhd.
		Independent consultant engineer	1	Sistem Konsult Sdn. Bhd.
2.	Kajian dan izin lalu	Kajian awal (survey works*)*	1	Smart Survey Consultant
			1	Mojigoh Surveying Consultants Sdn. Bhd.
		Pampasan pengambilan tanah	-	-
3.	Pembinaan	Pembinaan talian penghantaran elektrik dari Kimanis ke Kolopis dan Lok Kawi	A	HG Power Transmission Sdn. Bhd.
			B	
		Extension for loop in loop out (LILO)	1	Penulaju Sdn. Bhd.
		Pembinaan PMU Lansat di bawah *Transmission Interconnection Work Agreement* (TIWA)	1	SPR Energy Sdn. Bhd.
		Perlindungan Cerun (Slope Protection)	3	Larico Infrastructure Sdn. Bhd.
			1	M.A. Prestige Sdn. Bhd.
			3	HG Power Transmission Sdn. Bhd.

Sumber: **Dokumen Kontrak dan *Letter of Award***

11.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

Makmal Pengurusan Nilai (VM) pada 17 hingga 25 Februari 2011 menetapkan projek ini merupakan projek *fast track* dan perlu disiapkan dalam tempoh 22 bulan (Jun 2011 hingga Mac 2013). Namun projek ini disiapkan pada 26 April 2016 iaitu dalam tempoh 46 bulan setelah mengambil kira EOT yang terakhir pada 15 November 2015 berbanding tempoh kontrak asal selama 18 bulan iaitu mulai 14 Jun 2012 hingga 14 Disember 2013. Semakan Audit juga mendapati projek ini lewat ditender dan dianugerahkan kepada kontraktor. Faktor utama kelewatan adalah berpunca daripada penganugerahan projek yang hanya dibuat pada bulan Mei 2012, iaitu lewat 11 bulan berbanding keputusan VM. Antara sebab kelewatan adalah berlaku perubahan keputusan Lembaga Pengarah SESB untuk melaksanakan tender secara *lump sum* kepada *Bill of Quantity*. Selepas mengambil kira kelulusan pelanjutan masa, enam kontraktor telah dikenakan bayaran *Delay Damages* (DD) atau *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) berjumlah RM7.49 juta.

11.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

Semakan Audit mendapati kos keseluruhan projek adalah berjumlah RM211.96 juta berbanding kos siling yang diluluskan sebanyak RM257.77 juta. SESB telah menandatangani tujuh kontrak untuk pelaksanaan projek ini berjumlah RM166.70 juta. Kemudian, sepuluh kontrak kerja perlindungan cerun

tambahan dan satu kontrak bagi menyiapkan *extension for loop in loop out* (LILO) yang melibatkan kos berjumlah RM28.62 juta dan kos pampasan tanah sejumlah RM38 juta. Selain itu, terdapat pengurangan dan tambahan kos berjumlah RM21.36 juta yang menjadikan kos keseluruhan projek berjumlah RM211.96 juta. Sehingga 31 Mac 2017, berdasarkan bil terakhir yang dibayar sejumlah RM173.19 juta (81.7%) telah dibelanjakan. Butiran lengkap kos projek dan peratus perbelanjaan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 11.3
KOS KONTRAK DAN PERBELANJAAN PROJEK SEHINGGA 31 MAC 2017

BIL.	KONTRAKTOR	HARGA KONTRAK			PERBELANJAAN	
		ASAL (RM Juta)	TAMBAHAN/ (KURANGAN) (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	TNB Repair and Maintenance Sdn. Bhd.	6.57	3.21	9.78*	9.63	98.5
2.	UNITEN R&D Sdn. Bhd.	0.49	-	0.49	0.49	100.0
3.	Sistem Konsult Sdn. Bhd.	0.60	-	0.60	0.17	28.3
4.	Smart Survey Consultant	1.18	-	1.18	0.98	83.0
5.	Mojigoh Surveying Consultants Sdn. Bhd.	0.02	-	0.02	0.02	100.0
6.	HG Power Transmission Sdn. Bhd.	111.34	(24.57)	86.77	79.63	91.8
7.	SPR Energy Sdn. Bhd.	46.50	-	46.50	43.91	94.4
Jumlah Kecil (a)		**166.70**	**(21.36)**	**145.34**	**134.83**	**92.8**
8.	Penulaju Sdn. Bhd. (LILO)	6.79	-	6.79	6.80	100.0
9.	10 Kerja Perlindungan Cerun	21.83*	-	21.83*	19.34	88.6
Jumlah Kecil (b)		**28.62**	**-**	**28.62**	**26.14**	**91.3**
10.	Pampasan pengambilan tanah **(c)**	38.00	-	38.00	12.22	32.2
JUMLAH BESAR (a) + (b) + (c)		**233.32**	**(21.36)**	**211.96****	**173.19**	**81.7**

Sumber: **Kontrak/LOA dan Senarai Baucar Bayaran**
Nota: **(*) - Harga Tidak Termasuk GST dan *Handling Fees***
(**) - Amaun Ini Adalah Sebelum Akaun Muktamad. Akaun Muktamad Akan Disediakan Selepas Tempoh Tanggungan Kecacatan Tamat

Pada pendapat Audit, projek telah berjaya disiapkan dan prestasi fizikal serta kewangan adalah baik.

11.5.1.3. Pencapaian Objektif, *Outcome* dan *Key Performance Indicator* (KPI)

a. Pencapaian Objektif

Objektif projek ini adalah untuk menyalurkan bekalan elektrik daripada loji jana kuasa SPR Energy Sdn. Bhd. (IPP SPR) dan loji jana kuasa Kimanis Power Sdn. Bhd. (IPP KPSB) ke sistem grid di Sabah. Semasa lawatan Audit pada 24 dan 25 November 2016 mendapati IPP SPR dan IPP KPSB telah mula beroperasi dan bekalan elektrik yang dijana dapat disalurkan ke sistem grid elektrik di Sabah seperti yang ditetapkan.

b. Pencapaian *Outcome*

Semakan Audit terhadap Laporan VM mendapati *outcome* projek yang dinyatakan adalah seperti berikut:

JADUAL 11.4
PELAKSANAAN SEBENAR PROJEK BERBANDING RANCANGAN PELAKSANAAN YANG DILULUSKAN

BIL.	PETUNJUK *OUTCOME*	PENCAPAIAN *OUTCOME*
1.	Peningkatan liputan bekalan elektrik yang lebih andal dan berkualiti di Sabah	Menurut Laporan Maklumat Prestasi Industri Pembekalan Elektrik di Malaysia 2014 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST), pada tahun 2014 berlaku peningkatan kapasiti boleh harap selepas beroperasinya tiga buah loji jana kuasa termasuk IPP KPSB dan IPP SPR iaitu meningkat kepada 1,497MW berbanding 1,303MW pada tahun 2013.
2.	Pengukuhan sistem grid di Sabah	Berdasarkan Laporan Statistik Tenaga Bulanan Grid Sabah bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2014 hingga 2016, mendapati, bagi tempoh bulan September 2013 hingga 31 Ogos 2014, jumlah tenaga dijana dalam sistem grid Sabah ialah sebanyak 5,660.5 GWh dan meningkat kepada 5,895.7 GWh (4.16%) bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2015 dan terus meningkat kepada 6,185.4 GWh (4.91%) bagi tahun berakhir 2016.
3.	Pengurangan gangguan bekalan elektrik	Berdasarkan *System Average Interruption Duration Index* (SAIDI) atau Petunjuk Indeks Sistem Purata Tempoh Gangguan Bekalan Elektrik yang digunakan bagi mengukur gangguan bekalan elektrik merekodkan penurunan data yang memberikan petunjuk bahawa kualiti pembekalan elektrik semakin baik. Rekod SAIDI dari tahun 2010 hingga 2015 adalah antara 378 hingga 777/pelanggan/tahun dan menurun kepada 216/pelanggan/tahun bagi tahun 2016 (sehingga 25 Ogos 2016).

Sumber: Laporan VM, Laporan Maklumat Prestasi Industri Pembekalan Elektrik di Malaysia 2014 dan Laporan Statistik Tenaga Bulanan Grid Sabah

c. Penetapan *Key Performance Indicator* (KPI) Kurang Jelas

Semasa pelaksanaan Makmal Pengurusan Nilai, EPU telah menetapkan KPI projek adalah untuk meningkatkan tahap penjanaan, penghantaran dan liputan bekalan elektrik di Sabah ke tahap 99% menjelang tahun 2015. Pihak Audit mendapati KPI yang ditetapkan adalah kurang jelas dan tidak khusus kepada projek ini. Pihak Audit dimaklumkan, KeTTHA hanya memantau kualiti bekalan elektrik di Sabah dengan menggunakan bacaan *System Average Interruption Duration Index* (SAIDI).

Maklum Balas KeTTHA yang Diterima Pada 11 Mei 2017

Bagi makmal VM yang akan datang penetapan KPI yang lebih spesifik akan dibuat berdasarkan output projek. Sebagai contoh jika pembinaan stesen jana kuasa, kapasiti penjanaan akan diambil sebagai KPI.

Pada pendapat Audit, secara umumnya tahap pencapaian objektif dan *outcome* adalah memuaskan namun kaedah penetapan KPI adalah tidak memberi fokus secara khusus kepada projek ini.

11.5.2. Pengurusan Projek Pembinaan

11.5.2.1. Makmal Pengurusan Nilai (Value Management Lab)

a. Semakan Audit mendapati *Value Management* (VM) yang diadakan pada 17 hingga 25 Februari 2011 dihadiri oleh wakil KeTTHA, SESB, EPU, Suruhanjaya Tenaga, Kementerian Kewangan (MOF) dan TNB Repair and Maintenance Sdn. Bhd. (TNB Remaco).

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati, pada 11 Oktober 2011, Jawatankuasa Tender Pengurusan SESB telah **menambah skop pembinaan 132kV *loop in loop out* (LILO) talian penghantaran dari PMU Kimanis ke PMU Lansat ke talian sedia ada 132kV Penampang-Beaufort yang mengakibatkan pertambahan kos berjumlah RM6.50 juta**. Komponen ini pada asalnya tiada dalam skop dan reka bentuk semasa peringkat awal dan tidak diserahkan oleh SESB kepada VM untuk dibincangkan. Skop tambahan ini adalah sebagai langkah pencegahan (backup plan) bagi mengelak *capacity payment* yang perlu dibayar oleh SESB kepada IPP jika projek lewat disiapkan.

c. Selain itu semakan Audit mendapati, akibat dari pertambahan skop pembinaan LILO, sebanyak 38 *Quad Tower* telah dibina dengan jumlah jarak sembilan km bagi menghubungkan PMU Kimanis dan PMU Lansat serta dari PMU Lansat ke LILO. Semasa VM, pembinaan menara menggunakan *Quad Tower* tidak dipilih kerana risiko terlalu tinggi sekiranya menara tumbang akan menyebabkan sumber bekalan elektrik dari kedua-dua PMU terputus dan tidak dapat disalurkan ke sistem grid Sabah. Pihak Audit dimaklumkan bahawa SESB tetap menggunakan *Quad Tower* kerana risiko menara *Quad Tower* tumbang adalah kurang kerana jarak talian yang pendek dan terletak di kawasan tanah rata. Di samping itu, SESB dapat menjimatkan kos pengambilan tanah kerana keluasan tanah yang diambil sepanjang jajaran *Quad Tower* adalah kurang berbanding kaedah pembinaan dua menara secara berasingan serta tempoh pembinaan dapat dipendekkan.

Maklum Balas KeTTHA yang Diterima Pada 11 Mei 2017

Tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan dengan mengadakan sesi Pra VM Lab untuk semakan awal sebelum ke bengkel VM. Bagi tahun ini, pemilihan projek tertentu untuk pelaksanaan Value Engineering akan dibuat.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan VM tidak berjaya mencapai objektif sepenuhnya iaitu untuk mengenal pasti, menyediakan pilihan dan mengeluarkan komponen serta kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem dan projek tanpa menjejaskan objektif dan fungsi

yang ditetapkan. Perkara ini berlaku kerana pihak SESB gagal memuktamadkan skop dan reka bentuk projek semasa peringkat awal yang akhirnya berlaku perubahan reka bentuk dalam pelaksanaan projek. Ia merupakan kerugian kepada proses VM kerana ia membincangkan skop dan reka bentuk yang tidak muktamad.

11.5.2.2. Kaedah Perolehan Projek

Laporan VM dan surat kelulusan dari EPU kepada KeTTHA menetapkan projek ini perlu dilaksanakan secara tender terbuka selaras dengan Pekeliling Pelaksanaan Projek RMKe-10. Semakan Audit mendapati hanya empat daripada 11 (36.4%) perolehan komponen projek dibuat secara tender terbuka melibatkan kos berjumlah RM95.61 juta (55% daripada kos keseluruhan kontrak). Satu komponen projek dibuat secara tender terhad dengan kos RM3.68 juta. Manakala, baki enam perolehan kerja berjumlah RM74.39 juta telah dibuat secara rundingan terus dengan kelulusan Lembaga Pengarah/Jawatankuasa Perolehan SESB. Semakan Audit juga mendapati, pihak KeTTHA telah mengingatkan SESB untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh EPU melalui surat bertarikh 27 September 2010 namun gagal untuk memastikan SESB mematuhinya. Butiran lengkap kaedah perolehan projek adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 11.5
KAEDAH PEROLEHAN PROJEK

BIL.	KONTRAKTOR	HARGA KONTRAK			KAEDAH PEROLEHAN	JUSTIFIKASI SESB
		ASAL (RM Juta)	TAMBAHAN/ (KURANGAN) (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)		
1.	TNB Repair and Maintenance Sdn. Bhd.	6.57	3.21	9.78*	Rundingan terus	Merupakan anak syarikat TNB dan pelantikan anak syarikat perlu dilaksanakan melalui kaedah rundingan terus.
2.	UNITEN R&D Sdn. Bhd.	0.49	-	0.49	Rundingan terus	Merupakan anak syarikat TNB dan pelantikan anak syarikat perlu dilaksanakan melalui kaedah rundingan terus.
3.	Sistem Konsult Sdn. Bhd.	0.60	-	0.60	Tender terbuka	-
4.	Smart Survey Consultant	0.90	-	0.90	Rundingan terus	Faktor masa dan berpengalaman.
5.	Mojigoh Surveying Consultants Sdn. Bhd.	0.02	-	0.02	Rundingan terus	Faktor masa dan merupakan Juruukur berpengalaman dalam senarai Jadual Harga Tetap.
6.	HG Power Transmission Sdn. Bhd.	111.34	(24.57)	86.77	Tender terbuka	-
7.	Penulaju Sdn. Bhd.	-	6.79	6.79	Tender terbuka	-

BIL.	KONTRAKTOR	HARGA KONTRAK			KAEDAH PEROLEHAN	JUSTIFIKASI SESB
		ASAL (RM Juta)	TAMBAHAN/ (KURANGAN) (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)		
8.	SPR Energy Sdn. Bhd.	46.50	-	46.50	Rundingan terus	Terikat dengan *Transmission Interconnection Work Agreement* dan *Power Purchase Agreement.*
9.	Larico Infrastructure Sdn. Bhd.	-	3.68	3.68	Tender terhad	Keperluan mendesak untuk kerja perlindungan cerun.
10.	M.A. Prestige Sdn. Bhd.	-	1.45	1.45*	Tender terbuka	-
11.	HG Power Transmission Sdn. Bhd. (cerun)	-	16.70	16.70*	Rundingan terus	Keperluan mendesak untuk kerja perlindungan cerun.
JUMLAH		**166.42**	**7.26**	**173.68**		

Sumber: **Semakan dan Analisis Dokumen di SESB**
Nota: **(*) - Harga Tidak Termasuk GST dan *Handling Fees***

11.5.2.3. Perunding Pengurusan Projek (Project Management Consultant)

Pada 27 Julai 2010, Lembaga Pengarah SESB pada dasarnya telah bersetuju untuk melantik TNB Repair and Maintenance Sdn. Bhd. (TNB Remaco) yang merupakan anak syarikat TNB sebagai *Project Management Consultant* (PMC) melalui kaedah rundingan terus dengan kos RM6.57 juta. Selaras dengan kelulusan Lembaga Pengarah pada 19 Oktober 2010, *Letter of Award* (LOA) telah dikeluarkan untuk melantik TNB Remaco sebagai PMC.

a. Kelewatan Permohonan dan Kelulusan EOT PMC

i. Artikel 3.1, Kontrak PMC menyatakan tempoh kontrak adalah selama 30 bulan bermula dari tarikh *Notice to Proceed* atau sehingga tempoh pelanjutan masa yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Artikel 3.2 pula menjelaskan pelanjutan tempoh berkenaan hendaklah dipersetujui secara bertulis oleh kedua-dua pihak. Butiran permohonan dan kelulusan *Extension of Time* (EOT) adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 11.6
TEMPOH KELEWATAN MELULUSKAN EOT TNB REMACO

EOT	KOS TAMBAHAN (RM Juta)	TARIKH TAMAT	TARIKH PERMOHONAN EOT OLEH TNB REMACO	TARIKH KELULUSAN	TEMPOH EOT DILULUSKAN	KELEWATAN MELULUSKAN EOT (Hari)	JUSTIFIKASI KELEWATAN MEMBERI KELULUSAN
Pertama	2.61	22.06.2013 (tamat kontrak)	05.06.2013	26.01.2015	23.06.2013 hingga 31.10.2015	583	SESB sukar untuk menentukan EOT HGPT yang akhirnya mengakibatkan kelewatan memberi kelulusan EOT PMC
Kedua	0.61	31.10.2015 (tamat EOT Pertama)	22.02.2016	24.06.2016	01.11.2015 hingga 30.06.2016	237	

Sumber: **Kelulusan EOT TNB Remaco**

ii. Berdasarkan jadual di atas, didapati berlaku kelewatan antara 237 hingga 583 hari dalam meluluskan EOT untuk TNB Remaco. EOT Pertama hanya diluluskan pada 26 Januari 2015 sedangkan kontrak perkhidmatan TNB Remaco telah tamat pada 22 Jun 2013. Manakala EOT Kedua pula hanya diluluskan pada 24 Jun 2016 berbanding tarikh tamat EOT Pertama pada 31 Oktober 2015. Pihak Audit dimaklumkan bahawa, pelanjutan masa TNB Remaco lewat diluluskan kerana perlu menunggu pelanjutan masa kontraktor utama dimuktamadkan. Selain itu, pihak TNB Remaco juga didapati lewat mengemukakan permohonan EOT Kedua iaitu 114 hari selepas tarikh tamat EOT Pertama. Kelewatan dalam memberikan kelulusan EOT telah mengakibatkan implikasi undang-undang kepada kedua-dua pihak kerana pada masa itu kedua-dua pihak dilepaskan daripada segala obligasi kontrak di bawahnya (contract at large). Selain itu, ia juga boleh menjejaskan perancangan kewangan projek kerana EOT ini melibatkan tambahan kos berjumlah RM3.21 juta.

b. Laporan Kemajuan Bulanan Tidak Disediakan Sepenuhnya

i. Semakan Audit mendapati TNB Remaco hanya mengemukakan kepada Audit Laporan Kemajuan Kerja Bulanan bagi bulan Disember 2010, Januari hingga Mac 2011, Oktober dan November 2011 serta November 2012 sahaja yang tidak selaras dengan Perenggan 5, *Appendix A* Kontrak PMC. Di samping itu, semakan Audit juga mendapati TNB Remaco hanya menyediakan Laporan Bulanan Izin Lalu dan Pengambilan Tanah sehingga 30 September 2015 sahaja walaupun perkhidmatan PMC telah dilanjutkan sehingga 30 Jun 2016. Semakan Audit selanjutnya mendapati SESB telah membayar penuh semua tuntutan yang dikemukakan oleh PMC.

ii. Semakan Audit terhadap 63 (56.8%) sampel bayaran kepada TNB Remaco berjumlah RM7.34 juta (72.4%) mendapati pembayaran fi profesional PMC hanya berdasarkan tuntutan jam kerja sahaja dan tidak disokong dengan dokumen sokongan yang mengesahkan tahap atau kualiti pelaksanaan perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh PMC. Ini disebabkan tiada syarat berkenaan *deliverables* yang perlu dicapai oleh PMC sebelum bayaran dibuat.

Maklum Balas SESB yang Diterima Pada 11 Mei 2017

Sebagai penambahbaikan, kontrak perkhidmatan PMC bagi projek-projek yang berikutnya (RMK10-RP3) telah mengguna pakai kaedah deliverable, di mana, tuntutan-tuntutan PMC akan dibayar berdasarkan kerja-kerja yang telah mereka laksanakan.

Pada pendapat Audit, perkhidmatan PMC yang dilaksanakan tidak dipantau sepenuhnya oleh SESB sebelum bayaran dibuat yang akhirnya boleh membawa kerugian kepada Kerajaan akibat pembayaran bagi perkhidmatan yang tidak disediakan. Namun begitu, kiraan anggaran kerugian tidak dapat ditentukan kerana bayaran PMC adalah berdasarkan jam kerja sahaja. Antara faktor penyebab adalah kerana tiada klausa khusus dalam perjanjian berkaitan *deliverables* sebelum bayaran diluluskan.

11.5.2.4. Pelantikan Kontraktor Utama - Analisis Risiko Tidak Diambil Kira Sepenuhnya Dalam Proses Penilaian Tender

a. Sebagai langkah mengurangkan impak kelewatan penyiapan projek, Jawatankuasa Perolehan dan Kewangan Lembaga SESB pada 25 Julai 2011 telah memutuskan kontrak bagi kerja utama dikelaskan kepada dua pakej. Sehubungan itu, dokumen tender telah disediakan berasingan untuk Pakej A dan Pakej B. Semakan Audit mendapati semasa proses penilaian tender, HG Power Transmission Sdn. Bhd. (HGPT) telah menawarkan harga terendah untuk kedua-dua pakej. Namun, Urus Setia Tender berpendapat opsyen untuk menganugerahkan kedua-dua pakej kepada HGPT adalah terlalu berisiko kerana harga tawaran Pakej B adalah tidak realistik iaitu 30.7% lebih rendah berbanding julat perbezaan harga yang ditetapkan dalam garis panduan SESB iaitu ±25%. Di samping itu, penyiapan projek dalam tempoh 18 bulan menjadi berisiko jika kontraktor sama dilantik untuk Pakej A dan B.

b. Namun selepas proses rasionalisasi harga, Urus Setia Tender mengubah pendirian dan mengesyorkan kedua-dua Pakej A dan Pakej B dianugerahkan kepada HGPT dengan harga RM111.34 juta yang hanya mengambil kira faktor harga terendah secara agregat selepas mengambil kira keputusan mesyuarat Jawatankuasa Tender Pengurusan pada 9 Mac 2012. Pada 3 April 2012, Lembaga Pengarah SESB telah meluluskan tender ini kepada HGPT dengan kos berjumlah RM111.34 juta dengan tempoh siap kedua-dua pakej selama 18 bulan secara reka dan bina. Pihak Audit dimaklumkan bahawa keputusan Lembaga Pengarah SESB tidak mempertimbangkan Pakej B kepada petender ketiga terendah adalah kerana SESB akan menanggung kos tambahan sebanyak RM14.6 juta. Selain itu, tidak ada jaminan projek ini dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan sekiranya projek dianugerahkan kepada dua kontraktor berlainan.

Pada pendapat Audit, keputusan Lembaga Pengarah untuk menganugerahkan kedua-dua pakej tender kepada HGPT adalah tidak selari dengan keputusan awal yang ditetapkan iaitu untuk mengambil kira

faktor risiko penyiapan projek. Kesannya, HGPT telah gagal menyiapkan kerja mengikut tempoh kontrak dan projek lewat disiapkan antara sepuluh hingga 137 hari setelah mengambil kira satu hingga tiga EOT yang diluluskan.

11.5.2.5. Pentadbiran Kontrak

a. Pelanjutan Masa Kontraktor (Extension Of Time - EOT)

Secara keseluruhan, lima daripada 11 pakej kerja pembinaan telah diluluskan EOT antara 137 hingga 511 hari. Bagi kerja Pakej A dan B, kerja lewat disiapkan antara sepuluh hingga 137 hari selepas mengambil kira kelulusan EOT. Sehubungan itu, kontraktor telah dikenakan *Delay Damages* (DD) atau *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) berjumlah RM7.27 juta. Manakala bagi kerja perlindungan cerun, tiga pakej telah lewat disiapkan antara 145 hingga 175 hari dan dikenakan DD/LAD berjumlah RM212,468.

i. Kelewatan Permohonan dan Kelulusan Pelanjutan Masa (EOT) HGPT

Klausa berkaitan permohonan dan kelulusan EOT ada dinyatakan dalam Perkara 20.1, FIDIC *Yellow Book*. Semakan Audit mendapati HGPT ada mengemukakan *Notice of Delay* kepada SESB untuk memaklumkan sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang boleh menyebabkan projek lewat disiapkan. Semakan mendapati, daripada enam permohonan EOT yang dikemukakan oleh HGPT, satu permohonan dikemukakan 107 hari selepas tarikh siap yang ditetapkan dalam kontrak. Semakan selanjutnya mendapati SESB mengambil masa antara 14 hingga 359 hari untuk meluluskan permohonan EOT.

ii. Justifikasi Kelulusan EOT Secara *Global Settlement* Tidak Jelas

- Asas permohonan dan kelulusan EOT ada dinyatakan di Klausa 8.4 dan Klausa 8.5, FIDIC *Yellow Book* yang antaranya akibat perubahan cuaca dan bantahan penduduk. Semakan terhadap EOT No. 3 mendapati HGPT telah kemukakan permohonan pada 9 Disember 2013, namun semasa peringkat awal, PMC menyarankan kepada SESB agar tidak mempertimbangkan permohonan HGPT kerana justifikasi EOT tiada asas. Bagi melancarkan projek, *PMC's Steering Committee* telah ditubuhkan dengan ahli-ahlinya dilantik oleh Naib Presiden TNB bagi membantu PMC terutamanya berkaitan kelulusan EOT.

- Pada 23 Jun 2014, Jawatankuasa Teknikal Lembaga telah bersetuju untuk menerima cadangan *PMC's Steering Committee* iaitu mengesyorkan untuk memberi tarikh siap bagi EOT peringkat tiga pada 31 Julai 2015. Kelulusan EOT adalah secara *Global Settlement* di samping HGPT perlu membayar LAD sebanyak RM1.02 juta dan tiada

EOT akan diberikan jika HGPT gagal menyiapkan kerja sebelum 31 Julai 2015. EOT secara *Global Settlement* juga membatalkan EOT 1 dan 2 sebelum ini dan EOT baru telah diluluskan untuk peringkat satu dan dua. Pada 7 Julai 2014, Lembaga Pengarah SESB telah meluluskan syor Jawatankuasa Teknikal Lembaga. Pada 29 Oktober 2014, SESB mengeluarkan Surat Kelulusan EOT secara *Global Settlement* dengan ketetapan berikut:

JADUAL 11.7
EOT NO. 3 SECARA *GLOBAL SETTLEMENT*

PERINGKAT	TARIKH SIAP ASAL (Kontrak)	EOT DILULUSKAN	CATATAN
1	14.06.2013	30.10.2013	Asas kelulusan tidak dinyatakan dengan jelas. Kelulusan dibuat selepas mengambil kira syor *PMC's Steering Committee.*
2	14.12.2013	30.04.2014	
3	14.12.2013	31.07.2015	

Sumber: Kelulusan EOT

- Walaupun kelulusan EOT secara *Global Settlement* dibuat dengan syarat tiada lagi EOT akan diluluskan, namun pada 24 Jun 2016, Lembaga Pengarah SESB telah meluluskan EOT kedua selama 107 hari sehingga 15 November 2015.

Pada pendapat Audit, pengurusan EOT adalah kurang memuaskan akibat daripada kelewatan ketara untuk memberi kelulusan EOT yang akhirnya memberi kesan terhadap perundangan (contract at large). Selain itu, EOT secara *Global Settlement* juga tidak menyatakan dengan jelas mengenai asas atau sebab EOT diluluskan. Berdasarkan anggaran Audit, jumlah LAD yang boleh dikenakan kepada HGPT sekiranya EOT secara *Global Settlement* tidak diambil kira adalah berjumlah RM13.90 juta (maksimum 15% daripada harga kontrak) berbanding RM7.27 juta yang telah dikenakan.

11.5.2.6. Kualiti Pembinaan

a. Kerja Kecemasan Untuk Perlindungan Cerun

i. Skop dan reka bentuk kerja perlindungan cerun ada dinyatakan dalam dokumen kontrak, Perenggan 3.1 dan 6.14.6 yang antaranya menyatakan tugas HGPT untuk *design and construct any required tower slope stability, higher level platform and any structures for the operational safety of the transmission line.* Semakan Audit terhadap pelaksanaan kerja perlindungan cerun mendapati perkara berikut:

- pada 28 Februari 2014, pemeriksaan di tapak projek peringkat dua oleh SESB, TNB Remaco dan HGPT telah mengenal pasti isu perlindungan cerun di 13 buah tapak menara. Pada 17 Mac 2014,

HGPT memulakan kerja perlindungan cerun dan telah siap pada 17 April 2014. Namun pada 29 Mei 2014, Laporan Lawatan Tapak yang disediakan oleh SESB, menyatakan kerja oleh HGPT di 13 buah lokasi tersebut adalah tidak memuaskan dan lima lokasi darinya dikategorikan sebagai sangat kritikal dan memerlukan tindakan segera.

- pada 13 Jun 2014, TNB Remaco telah menyediakan laporan mengenai isu ini kepada SESB. Rumusan dan syor yang dikemukakan adalah seperti berikut:

  - HGPT telah gagal melaksanakan kerja perlindungan cerun tepat pada masanya seperti dikehendaki kontrak. Kerja perlindungan cerun hanya dijalankan antara 38 hingga 95 hari selepas tapak menara disiapkan. Akibat kelewatan ini, tapak projek terdedah kepada hujan dan panas yang menyebabkan keadaan cerun bertambah buruk.

  - semasa aktiviti *tower spotting design and foundation activities*, HGPT tidak pernah membangkitkan mengenai potensi masalah perlindungan cerun.

  - kos berkaitan kerja perlindungan cerun ini telah termasuk di dalam harga kontrak. SESB tidak patut melayan sebarang permintaan HGPT untuk mengenakan caj tambahan untuk kerja perlindungan cerun ini.

ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati SESB kemudiannya telah membuat permohonan pesanan kecemasan (Request For Consent - RFC Kecemasan) kerja perlindungan cerun berjumlah RM5.13 juta untuk peringkat dua dan RM16.70 juta peringkat tiga selepas HGPT menyatakan kerja berkenaan tidak termasuk dalam harga kontrak asal. Pihak SESB juga menjelaskan bahawa dokumen tender yang disediakan oleh TNB Remaco selaku PMC projek ini hanya memasukkan perlindungan cerun jenis *close turfing* dan *earth drain*. Disebabkan kedudukan beberapa menara yang berada di lereng-lereng cerun, maka perlindungan cerun yang lebih kekal diperlukan untuk memastikan keselamatan menara-menara ini. Butiran lengkap pesanan kecemasan peringkat dua dan peringkat tiga adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 11.8
KERJA KECEMASAN (PERLINDUNGAN CERUN)

BIL.	PERINGKAT	MENARA	KONTRAKTOR	TARIKH LOU	HARGA* (RM Juta)
1.	2	AP17 & IP22/15	Larico Infrastructure Sdn. Bhd.	18.08.2014	1.50
2.		IP17/5	Larico Infrastructure Sdn. Bhd.	15.07.2014	0.69
3.		IP21A/4	Larico Infrastructure Sdn. Bhd.	03.10.2014	0.95

BIL.	PERINGKAT	MENARA	KONTRAKTOR	TARIKH LOU	HARGA* (RM Juta)
4.		IP21A/1 & IP22/14	M.A. Prestige Engineering Sdn. Bhd.	17.09.2014	1.45
5.		AP17 (VO)	Larico Infrastructure Sdn. Bhd.	26.09.2016	0.32
6.		IP17/5	Larico Infrastructure Sdn. Bhd.	26.09.2016	0.22
JUMLAH KECIL (a)					**5.13**
7.	3	AP28N/1	HGPT	30.03.2013	2.40
8.		Berhampiran PMU Kolopis	HGPT	17.02.2016	5.00
9.		AP38 & 39AP	HGPT	14.06.2016	9.30
10.		AP34C, AP37/1, AP41N	HGPT	28.06.2016	
JUMLAH KECIL (b)					**16.70**
JUMLAH BESAR (a) + (b)					**21.83**

Sumber: ***Letter of Undertaking*** **(LOU) dan RFC Kecemasan**
Nota: **(*) - Harga Tidak Termasuk GST**

iii. Kesan daripada perkara ini telah berlaku tambahan kos projek sebanyak RM21.83 juta (tidak termasuk GST) bagi kerja perlindungan cerun yang **sepatutnya kerja tersebut dilaksanakan oleh kontraktor utama iaitu HGPT berdasarkan kontrak asal dan ulasan PMC.**

Maklum Balas SESB yang Diterima Pada 11 Mei 2017

Sebagai penambahbaikan, SESB telah memasukkan peruntukan Provisional Item kos pembinaan cerun yang berkenaan di dalam projek-projek talian penghantaran di bawah (RMK10-RP3).

Pada pendapat Audit, HGPT sebagai kontraktor yang dilantik secara reka dan bina sewajarnya menyediakan skop dan reka bentuk yang paling sesuai selepas mengambil kira rupa bentuk muka bumi di mana menara akan dibina. Pihak SESB sewajarnya mengambil tindakan yang tegas terhadap HGPT yang telah menyebabkan SESB menanggung kos tambahan berjumlah RM21.83 juta.

11.5.3. Pemantauan Projek

Semakan Audit terhadap mekanisme pemantauan projek mendapati SESB ada mengadakan *Progress Meeting* yang dihadiri oleh wakil dari TNB Remaco, HGPT dan KeTTHA bagi memantau projek ini secara bulanan dan mingguan. Selain itu, SESB ada mengadakan mesyuarat teknikal bagi projek ini, antaranya membincangkan perkara berkaitan dengan *Lightning Performance Study*, kerja-kerja tanah, perubahan laluan baru dan perlindungan cerun. KeTTHA juga memantau projek ini melalui mesyuarat, Laporan Kemajuan Fizikal dan Kewangan Bulanan

serta lawatan tapak. Antara mesyuarat yang diadakan termasuk Mesyuarat Koordinasi Pelaksanaan Projek-projek Bekalan Elektrik, Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan (JTPK) dan *Progress Meeting*.

11.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan supaya pihak terlibat mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

11.6.1. SESB perlu memastikan skop dan reka bentuk sesebuah projek dimuktamadkan sebelum dibincangkan dalam VM supaya keputusan VM adalah tepat dan mencapai objektif pelaksanaannya;

11.6.2. KeTTHA perlu menetapkan KPI projek dengan lebih jelas supaya tahap pencapaian dan pemantauan dapat diukur;

11.6.3. SESB perlu menambah baik perjanjian PMC pada masa akan datang dengan memasukkan klausa berkaitan *deliverables* yang perlu dicapai oleh PMC dan keperluan lain seperti bukti perkhidmatan yang telah dilaksanakan sebelum tuntutan diluluskan; dan

11.6.4. SESB perlu menilai semula bayaran pesanan kecemasan untuk kerja perlindungan cerun yang ditanggungnya.

KEMENTERIAN KESIHATAN / JABATAN KERJA RAYA

12. PROJEK PEMBINAAN KOMPLEKS OBSTETRIK HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH, KLANG, SELANGOR

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. Projek Pembinaan Kompleks Obstetrik Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor (HTAR) merupakan sebuah projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) yang terletak di atas tanah seluas 63 ekar, di Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor. Pembinaan Kompleks Obstetrik bertujuan untuk meningkatkan perkhidmatan obstetrik dan neo-natal (O&G) dan mengatasi masalah kesesakan pesakit serta menaiktaraf infrastruktur sedia ada bagi menampung keperluan perkhidmatan O&G semasa di HTAR. Kos projek yang diluluskan berjumlah RM180 juta melibatkan dua fasa termasuk perolehan peralatan perubatan berjumlah RM30 juta. Kos *As Tendered Detailed Abstract* (ATDA) bagi fasa 1 dan fasa 2 adalah masing-masing berjumlah RM10.42 juta dan RM150.12 juta. Pembangunan projek fasa 1 terdiri daripada kerja infrastruktur seperti kerja tanah, pemindahan struktur sedia ada, pengurusan penyuraian trafik, membina parkir serta membina infra sementara dan kekal. Kontraktor Region Circle Sdn. Bhd. (RCSB) telah dilantik oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui kaedah perolehan secara tender terbuka untuk melaksanakan projek fasa 1 dengan kos kontrak bernilai RM8.82 juta. Projek fasa 1 ini telah disiapkan pada 10 Jun 2013.

12.1.2. Pembangunan projek fasa 2 pula melibatkan kerja pembinaan bangunan hospital yang telah dimulakan pada 6 September 2013 dengan tempoh pembinaan selama 36 bulan. Tarikh siap asal projek fasa 2 ialah pada 5 September 2016. Ia merangkumi pembinaan lapan tingkat kompleks obstetrik, dua tingkat *plant room*, jejantas, lobi lif, laluan berbumbung, parkir berbumbung, kerja landskap, awam dan struktur serta mekanikal dan elektrikal. Kontraktor Pembinaan Sujaman Sdn. Bhd. (PSSB) telah dilantik oleh JKR dengan persetujuan Kementerian Kewangan (MOF) melalui kaedah perolehan secara tender terhad dengan kos kontrak bernilai RM128 juta.

12.1.3. Projek ini dilaksanakan secara konvensional dan JKR telah melantik perunding yang diluluskan oleh MOF bagi melicinkan pengurusan dan pelaksanaan projek. Pelantikan perunding bagi bidang sivil dan struktur telah dibuat berdasarkan daripada senarai perunding dalam semua bidang yang dicadangkan oleh Urusetia Pelantikan Perunding di peringkat JKR yang telah dipersetujui oleh MOF. Manakala tiga perunding lagi iaitu dalam bidang arkitek, mekanikal dan elektrikal serta ukur bahan telah dilantik melalui pemilihan oleh MOF. MSAY Technical Ventures Sdn.

Bhd. iaitu perunding ukur bahan dilantik oleh JKR secara lantikan terus setelah mendapat kelulusan MOF bagi menggantikan JUB Teguh Sdn. Bhd. (JUB) yang telah ditamatkan perkhidmatan. Butiran lanjut senarai perunding yang dilantik seperti jadual berikut:

JADUAL 12.1
SENARAI PERUNDING YANG DILANTIK DAN KOS PERUNDING

SKOP/BIDANG TUGAS	NAMA PERUNDING	KOS PERUNDING (RM Juta)
Arkitek	FAU Akitek Sdn. Bhd.	8.17
Jurutera Sivil & Struktur	KL Prima Consult Sdn. Bhd.	3.55
Jurutera Mekanikal & Elektrikal	Jurutera CMP Sdn. Bhd.	2.95
Juru Ukur Bahan	JUB Teguh Sdn. Bhd. (Ditamatkan)	0.99
	MSAY Technical Ventures Sdn. Bhd. (Peringkat Pembinaan Fasa 2)	0.65
JUMLAH		**16.31**

Sumber: ***Memorandum of Agreement* Perunding di Pejabat *Head of Project Team*, Cawangan Kerja Kesihatan (CKK), JKR**

12.1.4. Pemilik projek adalah Kementerian Kesihatan (KKM) dan JKR adalah agensi pelaksana. Pada peringkat awal pelaksanaan projek, Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan (CKK), JKR telah dilantik sebagai Pegawai Penguasa (PP) projek. Bagaimanapun, tanggungjawab sebagai PP telah diserahkan kepada Pengarah Pasukan Projek Khas [Bangunan] (PPKB), Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat, JKR mulai 19 Mei 2015. Ini adalah selaras dengan usaha JKR untuk memastikan tumpuan khas dapat diberikan terhadap projek-projek yang kompleks dan hanya akan diuruskan oleh PPKB yang ditubuh pada 16 April 2015. Namun, Pengarah CKK masih bertanggungjawab sebagai *Head of Project Team* (HOPT).

12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai pengurusan projek pembinaan Kompleks Obstetrik Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor telah dilaksanakan secara berhemat, cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan.

12.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang melibatkan Projek Pembinaan Kompleks Obstetrik, HTAR fasa 2. Pengauditan dijalankan di Bahagian Perancangan dan Bahagian Pembangunan, KKM dan JKR iaitu di CKK, Cawangan Kerja Ukur Bahan (HODT Ukur Bahan), Cawangan Arkitek (HODT Arkitek), Cawangan Kejuruteraan Elektrik (HODT Elektrik), Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (HODT Mekanikal), Cawangan Kejuruteraan Awam Dan Struktur (HODT Struktur) dan PPKB.

12.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan projek. Lawatan ke tapak projek, pemeriksaan dan temu bual dengan pegawai KKM, JKR, kontraktor dan perunding juga telah diadakan.

12.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap Projek Pembinaan Kompleks Obstetrik HTAR fasa 2 antara bulan Ogos hingga Disember 2016 mendapati pengurusan projek fasa 2 berkaitan aspek perancangan dan penyeliaan projek adalah tidak memuaskan. Terdapat kelemahan dalam perancangan dan penyeliaan projek oleh KKM, JKR dan perunding menyebabkan kontraktor tidak dapat memulakan pembinaan projek selepas penyerahan tapak. Antara kelemahan yang dikenal pasti dalam pengurusan projek fasa 2 adalah seperti berikut:

i. perunding yang dilantik gagal melaksanakan peranannya menyebabkan kontraktor perlu memohon 36 perubahan kerja dan lima pengukuran semula dengan kos tambahan masing-masing berjumlah RM16.23 juta dan RM1.01 juta. JKR pula gagal menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan untuk menyelia dan mengambil tindakan segera terhadap perunding;

ii. kelemahan di pihak KKM, JKR dan perunding mengakibatkan Lanjutan Masa/*Extension Of Time* (EOT) perlu diberikan kepada kontraktor selama 333 hari dan projek lewat disiapkan serta tambahan kos perkhidmatan perunding berjumlah RM1.05 juta; dan

iii. penglibatan dan komitmen yang kurang memuaskan oleh pihak KKM dalam Mesyuarat Tapak Dan Koordinasi Teknikal yang memberi kesan kepada kelemahan perancangan projek dan pelaksanaan kerja pembinaan.

Perkara yang ditemui serta maklum balas KKM dan JKR telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 25 April 2017. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti perenggan-perenggan berikut:

12.5.1. Prestasi Projek

12.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

a. Mengikut kontrak, pembinaan projek fasa 2 hendaklah disiapkan dalam tempoh 36 bulan iaitu daripada 6 September 2013 hingga 5 September 2016. Bagaimanapun, projek ini tidak dapat disiapkan pada tarikh siap asal kontrak. Kontraktor telah diberi kelulusan lanjutan masa selama 364 hari dan tarikh siap semasa projek ialah pada 4 September 2017 seperti jadual berikut:


JADUAL 12.2
PERMOHONAN DAN KELULUSAN LANJUTAN MASA BAGI PROJEK FASA 2

PERMOHONAN		TARIKH SIAP ASAL	KELULUSAN				TARIKH SIAP SEMASA	PENDAPAT AUDIT
TARIKH	SEBAB KELEWATAN		TARIKH	SEBAB KELEWATAN	KLAUSA	TEMPOH (Hari)		
02.04.2015	• Kelewatan mengosongkan tapak bina untuk memulakan kerja • Arahan pemberhentian kerja-kerja cerucuk berdiameter 600mm oleh Jurutera Tapak • Kelewatan penerimaan lukisan pembinaan struktur bangunan utama & lukisan IBS • Kelewatan pelantikan NSC untuk kerja-kerja M&E	05.09.2016	19.05.2015	• Kelewatan mengosongkan tapak bina untuk memulakan kerja	43.1 (h)	31	04.09.2017	Dibenarkan dalam kontrak dan layak diberikan.
				• Kelewatan penerimaan lukisan pembinaan struktur bangunan utama dan lukisan IBS	43.1 (f)	333		Dibenarkan dalam kontrak. Bagaimanapun, terdapat kelemahan pengurusan projek di peringkat perunding dan JKR berhubung penyediaan dan pengesahan lukisan pembinaan struktur dan IBS. Oleh itu, lanjutan masa terpaksa diberikan kepada kontraktor kerana kerja-kerja pembinaan struktur dan IBS yang sepatutnya bermula pada 25 Oktober 2013 hanya dapat dimulakan pada 24 Februari 2015 setelah kontraktor menerima lukisan tersebut secara berperingkat pada 17 dan 23 Februari 2015.
JUMLAH LANJUTAN MASA DILULUSKAN						**364**		

Sumber: Pemohonan dan Kelulusan Lanjutan Masa Kontraktor di Pejabat *Head of Project Team*, Cawangan Kerja Kesihatan, JKR

b. Pencapaian fizikal projek sehingga bulan Disember 2016 ialah sebanyak 62% berbanding 65% seperti yang dijadualkan (**Graf 12.1**) yang menunjukkan pencapaian fizikal projek tidak selari dengan jadual pelaksanaan projek. Keadaan ini disebabkan adanya permohonan terhadap keperluan perubahan kerja dan pengukuran semula oleh kontraktor yang belum mendapat kelulusan menyebabkan kerja pembinaan yang lain tertangguh.

GRAF 12.1
PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK FASA 2
BERBANDING JADUAL PELAKSANAAN PROJEK




Sumber: Pejabat *Head Of Project Team,* Cawangan Kerja Kesihatan, JKR

12.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

a. Harga kontrak yang diselaraskan bagi projek fasa 2 berjumlah RM126.74 juta setelah mengambil kira pelarasan harga kontrak (pengurangan) berjumlah RM1.26 juta. Semakan Audit mendapati sehingga akhir bulan Disember 2016, sejumlah RM60.91 juta (48.1%) telah dibayar kepada kontraktor berbanding unjuran sebanyak 64.7% (**Graf 12.2**). Ini kerana terdapat tiga bayaran interim berjumlah RM7.9 juta belum dijelaskan kepada kontraktor serta bayaran yang belum dibuat terhadap kerja-kerja pembinaan mengikut jadual yang perlu ditangguhkan sehingga kelulusan perubahan kerja dan pengukuran semula diperoleh. Pencapaian kewangan projek turut tidak seiring dengan pencapaian fizikal projek kerana terdapat sebanyak 18 perubahan kerja bernilai RM4.57 juta dan dua pengukuran semula bernilai RM103,385 telah selesai dilaksanakan oleh kontraktor tetapi belum disahkan oleh JKR untuk pembayaran.

GRAF 12.2
PENCAPAIAN KEWANGAN PROJEK FASA 2 BERBANDING UNJURAN



Sumber: **Pejabat *Head Of Project Team,* Cawangan Kerja Kesihatan, JKR**

b. Daripada nilai kontrak/*Memorandum of Agreement* (MOA) semasa yang dipersetujui bagi enam perkhidmatan perunding berjumlah RM17.03 juta, sejumlah RM12.12 juta (71.2%) telah dibayar kepada perunding seperti jadual berikut:

JADUAL 12.3
BAYARAN KEPADA PERUNDING

BIDANG	PERUNDING	KOS PERKHIDMATAN PERUNDING SEMASA (RM Juta)	JUMLAH BAYARAN KEPADA PERUNDING YANG DISYORKAN OLEH HODT	
			(RM Juta)	(%)
Senibina	FAU Akitek	8.17	6.39	78.2
Sivil Dan Struktur	KL Prima Consult Sdn. Bhd.	3.55	2.58	72.7
Elektrikal	Jurutera CMP Sdn. Bhd.	1.28	1.02	79.7
Mekanikal	Jurutera CMP Sdn. Bhd.	1.83	1.09	59.6
Ukur Bahan	JUB Teguh Sdn. Bhd. (Ditamatkan)	1.55	0.91	58.7
	MSAY Technical Ventures	0.65	0.13	20.0
JUMLAH		**17.03**	**12.12**	**71.2**

Sumber: **Pejabat *Head Of Project Team,* Cawangan Kerja Kesihatan, JKR**
Nota: **Amaun Dalam Jadual Tidak Termasuk Cukai Perkhidmatan**

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian fizikal dan kewangan projek fasa 2 adalah memuaskan.

12.5.2. Pengurusan Pembinaan

12.5.2.1. Pentadbiran Kontrak

Bagi memastikan pembinaan sesuatu projek mencapai piawaian serta kualiti yang ditetapkan, pentadbiran kontrak hendaklah dilaksanakan mengikut peraturan dan syarat-syarat kontrak yang ditetapkan.

a. Kegagalan Perunding Melaksanakan Peranannya

i. JUB telah dilantik oleh JKR sebagai perunding pada 10 Jun 2010 bagi bidang Ukur Bahan. Bagaimanapun, perunding tidak menunjukkan prestasi dan komitmen yang memuaskan dalam memberi khidmat kepakaran menyebabkan notis peringatan pertama dikeluarkan oleh HOPT pada 29 April 2011. HODT Ukur Bahan seterusnya pada 15 Julai 2011 telah memohon pandangan daripada Urus Setia Perunding Cawangan Kerja Ukur Bahan (CKUB) berkenaan pertukaran perkhidmatan perunding memandangkan prestasi semasa perunding ini yang tidak memuaskan, namun tiada keputusan dibuat berhubung perkara tersebut.

ii. Semakan Audit juga mendapati sebanyak 14 surat peringatan dan teguran telah dikeluarkan kepada perunding JUB oleh bahagian/ cawangan JKR yang terlibat serta perunding FAU selaku perunding utama sepanjang tempoh tahun 2011 hingga 2013 berhubung tahap prestasi perunding JUB yang tidak memuaskan. Antara perkara yang disebutkan dalam surat berkenaan adalah mengenai kegagalan perunding JUB menyediakan *Preliminary Detailed Abstract* (PDA), kelewatan menyerahkan dokumen tender yang lengkap dan kesilapan dalam menyediakan senarai kuantiti (BQ).

iii. Semakan Audit selanjutnya terhadap enam laporan penilaian pretasi perunding JUB yang disediakan oleh HODT Ukur Bahan dalam tahun 2010, 2012 dan 2013 mendapati markah prestasi yang diperoleh perunding adalah antara 31.7% hingga 52.4% dan dilaporkan sebagai tidak memuaskan oleh HODT Ukur Bahan. HODT Ukur Bahan hanya mengemukakan permohonan untuk menamatkan perkhidmatan perunding JUB kepada Urus Setia Perunding CKUB melalui HOPT pada 26 April 2013 dan hanya disokong oleh HOPT pada 30 Ogos 2013. Notis Penamatan Khidmat Perunding ini seterusnya hanya dikeluarkan pada 5 September 2013 oleh CKUB kerana kegagalan perunding JUB memperbaharui lesen pendaftaran perunding dengan Lembaga Juruukur Bahan dan bukan kerana prestasi perunding yang tidak memuaskan. JKR memaklumkan penamatan perunding tidak dibuat berdasarkan prestasi yang tidak memuaskan kerana peruntukan tersebut tidak dinyatakan secara khusus di dalam MOA. Bagaimanapun, semakan

Audit terhadap MOA di antara perunding JUB dengan JKR mendapati penamatan perkhidmatan perunding boleh dibuat berdasarkan Klausa 2 MOA yang menyatakan pihak Kerajaan tanpa apa-apa alasan boleh memberi notis 30 hari untuk menamatkan perkhidmatan perunding. Semakan Audit seterusnya juga mendapati sehingga tarikh Notis Penamatan Khidmat Perunding dikeluarkan kepada perunding JUB, sejumlah RM909,382 (58.8%) telah dibayar kepada perunding tersebut daripada RM1.55 juta kos perkhidmatan yang boleh diterima.

Pada pendapat Audit, perunding JUB yang dilantik gagal melaksanakan peranannya. JKR pula kurang berkesan dalam menjalankan tanggungjawabnya untuk menyelia dan mengambil tindakan segera menamatkan perkhidmatan perunding JUB walaupun prestasi perkhidmatan perunding ini tidak memuaskan dan telah dikesan sejak tahun 2010. Seterusnya, Kerajaan tidak mendapat *value for money* bagi sejumlah RM909,382 kos perkhidmatan yang telah dibayar kepada perunding JUB.

b. Perubahan Kerja dan Pengukuran Semula Projek Fasa 2

i. KKM telah meluluskan ATDA projek fasa 2 berjumlah RM150.11 juta pada 23 Julai 2013. Bagaimanapun, pada 10 November 2016, JKR telah mengemukakan permohonan pindaan terhadap ATDA tersebut melibatkan pertambahan kos berjumlah RM18.29 juta iaitu bagi 36 perubahan kerja berjumlah RM16.23 juta, lima pengukuran semula berjumlah RM1.01 juta dan perkhidmatan perunding berjumlah RM1.05 juta. Semakan Audit mendapati setakat bulan Disember 2016, sebanyak 18 perubahan kerja bernilai RM4.57 juta dan dua pengukuran semula bernilai RM103,385 telah selesai dilaksanakan oleh kontraktor. Perubahan kerja dan pengukuran semula ini perlu dilaksanakan dan diluluskan supaya kerja pembinaan yang lain tidak tertangguh dan pencapaian fizikal projek serta pencapaian kewangan projek selari dengan jadual pelaksanaan. Bagaimanapun, kontraktor belum dibayar terhadap kerja yang telah dilaksanakan kerana ATDA (pindaan) berjumlah RM168.40 juta belum diluluskan oleh KKM. Ini kerana permohonan perubahan kerja dan pengukuran semula oleh JKR berjumlah RM18.29 juta masih dalam proses mendapatkan kelulusan daripada MOF selaku Pihak Berkuasa Melulus. **Pada pendapat Audit, kelewatan membuat bayaran kepada kontraktor terhadap kerja yang telah dilaksanakan akan menjejaskan keupayaan kewangan kontraktor.** Antara permohonan perubahan kerja dan pengukuran semula adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 12.4
SENARAI PERUBAHAN KERJA DAN PENGUKURAN SEMULA OLEH KONTRAKTOR BAGI PROJEK FASA 2 SEHINGGA BULAN NOVEMBER 2016

BIL.	HURAIAN KERJA	ANGGARAN HARGA (RM)	JUSTIFIKASI
SENARAI PERUBAHAN KERJA			
1.	Perubahan paip sanitari di blok Kompleks Obstetrik (*Copper pipe insulated* 100mm diameter. untuk kerja *Sterilizer* dan *Corrugated pipe* HDPE 150mm diameter dan 50mm diameter untuk paip sanitari).	561,672.50	Keperluan dan saiz paip sanitari telah dinyata di dalam lukisan kontrak namun tidak dinyatakan di dalam senarai kuantiti kontrak. Item tersebut merupakan item tambahan yang tidak terdapat di dalam senarai kuantiti *cold water & sanitary plumbing* (*provisional quantity*) yang akan di buat pengukuran semula.
2.	Tambahan paip dan aksesori untuk *Sanitary Plumbing* & *Cold Water Plumbing.*	675,382.00	Perbezaan antara senarai kuantiti asal, lukisan tender/kontrak dan lukisan pembinaan seperti *bend*, *Tee-elbow* dan paip bersaiz 100mm diameter. Item tersebut merupakan item tambahan yang tidak terdapat di dalam senarai kuantiti *cold water & sanitary plumbing* (provisional quantity) yang akan dibuat pengukuran semula.
3.	Penambahan kemasan bahan penebat dinding (*thermaline board*) ruang 24 jam berhawa dingin di Blok Kompleks Obstetrik.	1,438,822.00	Lukisan arkitek (*typical detail*) menunjukkan bahan ini tetapi tidak dinyatakan lokasi yang terlibat. Bagaimanapun tidak ditunjukkan dan dimasukkan langsung dalam senarai kuantiti oleh pihak perunding ukur bahan terdahulu yang menyediakan dokumen tender (Lukisan Tidak Lengkap).
4.	Semburan lapisan penebat *PU foam* di bawah permukaan lantai *(soffit)* di Blok Kompleks Obstetrik	2,509,950.30	Telah ditunjukkan di dalam lukisan tender untuk semua *PU foam* di *soffit* lantai. Perunding ukur bahan terdahulu hanya menyatakan *PU foam* bagi permukaan dinding (*double wall*). Kuantiti dan ketebalan penebat yang diperuntukan (pada dinding) juga adalah kurang.
5.	Penambahan keseluruhan komponen *super-structure* dan kemasan senibina bangunan *lift lobby* bagi *link bridge* di bangunan sedia ada.	694,834.26	Tiada dinyatakan di dalam senarai kuantiti kontrak tetapi dinyatakan di dalam lukisan kontrak.
6.	Pindaan rekabentuk tingkap jenis *single glazing* dan *double glazing* di blok Kompleks Obstetrik.	500,000.00	Percanggahan keperluan asal (*Brief Statement* Skop Arkitek) bilik 24 jam hawa dingin dengan keperluan sebenar daripada pihak Perunding Mekanikal disebabkan penyediaan tender skop kerja NSC Sistem Hawa Dingin dibuat selepas pelantikan kontraktor utama.
7.	Penambahan kuantiti *Built-in Furniture* (termasuk *Medical Curtain Track* & *IV Track*).	3,000,000.00	Kuantiti yang disenaraikan oleh pihak perunding ukur bahan terdahulu adalah tidak mencukupi (iaitu cuma RM615,485) berbanding dalam lukisan tender. Selain itu, terdapat 25 jenis *built-in furniture* di dalam lukisan tender yang tidak disenaraikan dalam Senarai Kuantiti Kontrak. Penambahan kos bagi Wang Peruntukan Sementara (WPS) - tidak diangkat sebagai item VO.
8.	*Hot Water Plumbing System* – NSC Mekanikal.	1,486,170.62	Keterangan dalam dokumen tender NSC bagi skop kerja ini adalah tidak lengkap dan tidak jelas. NSC telah menuntut tambahan.
9.	Penambahan kuantiti *AAC Block Wall.*	1,733,960.50	Ketidakcukupan kuantiti di dalam Senarai Kuantiti Kontrak berbanding lukisan pembinaan.
SENARAI PENGUKURAN SEMULA			
Kuantiti tambahan untuk *Sanitary Plumbing & Cold Water Plumbing.*		680,000.00	Perbezaan kuantiti di dalam senarai kuantiti kontrak dengan lukisan pembinaan.

Sumber: Pejabat Pasukan Projek Khas (Bangunan), Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat, JKR

ii. Semakan Audit mendapati permohonan perubahan kerja dan pengukuran semula oleh kontraktor perlu dilakukan kerana **BQ yang disediakan oleh**

perunding ukur bahan iaitu perunding JUB tidak mengikut lukisan yang dikemukakan oleh HODT Ukur Bahan antara 30 Mei 2012 hingga 14 Ogos 2012 (**Jadual 12.5**) sebaliknya BQ tersebut disediakan mengikut lukisan *Pre-Tender/Taking Off Drawing* pada bulan November 2011. Ini **menyebabkan banyak item, komponen dan bahan bangunan tidak diambilkira dalam BQ** yang disediakan oleh perunding JUB.

JADUAL 12.5
PROSES PENYEDIAAN SENARAI KUANTITI DAN DOKUMEN TENDER

BIDANG	TARIKH PENYERAHAN LUKISAN TENDER OLEH HODT MENGIKUT BIDANG KEPADA HODT UKUR BAHAN UNTUK DIJADIKAN DOKUMEN TENDER	TARIKH PENYERAHAN LUKISAN TENDER OLEH HODT UKUR BAHAN KEPADA PERUNDING JUB TEGUH UNTUK PENYEDIAAN SENARAI KUANTITI DAN DOKUMEN TENDER
Mekanikal (Bekalan Air)	12.03.2012	30.05.2012
Elektrikal	12.03.2012	30.05.2012
Sivil	18.05.2012	30.05.2012
Senibina	20.03.2012	25.06.2012
Struktur	18.05.2012	30.05.2012
		14.08.2012

Sumber: Pejabat *Head Of Project Team,* Cawangan Kerja Kesihatan, JKR

iii. Berdasarkan justifikasi permohonan pindaan ATDA, pihak Audit juga mendapati perubahan kerja dan pengukuran semula oleh kontraktor perlu dilakukan kerana **terdapat kelemahan dalam koordinasi dan kolaborasi di antara semua HODT serta perunding dalam mengenalpasti keperluan reka bentuk di peringkat awal. Penyeliaan yang kurang berkesan oleh HOPT turut menyebabkan berlaku pertambahan dan percanggahan dalam lukisan tender serta BQ.** Selain itu, pihak Audit juga mendapati **perunding sivil dan struktur telah gagal mereka bentuk mengikut kehendak komponen-komponen IBS** seperti penggunaan saiz *starter bar* yang tidak sesuai dan pemilihan kaedah pembinaan komponen konkrit.

iv. Berdasarkan surat daripada HODT Arkitek kepada perunding FAU pada 14 Mac 2012 juga menunjukkan **perunding FAU gagal memainkan peranan sebagai perunding utama yang bertanggungjawab untuk menyemak dan memastikan semua lukisan tender dan BQ yang disediakan mengikut setiap disiplin adalah betul dan lengkap.**

v. **Proses memuktamadkan dan *sign-off room data* bagi memastikan reka bentuk/susun atur memenuhi keperluan fungsi dan operasi** Kompleks Obstetrik HTAR **tidak dibuat selepas sesi *room data interaction*** (RDI) bersama pelanggan yang diadakan pada tahun 2010.

Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Pemuktamadan Dan *Sign Off Room Data* pada 13, 14 dan 16 Jun 2016 menunjukkan bahawa sesi RDI telah dilaksanakan sekali lagi menyebabkan berlaku pertambahan input/keperluan baru daripada KKM/HTAR yang bercanggah dengan lukisan tender.

Maklum Balas KKM yang Diterima Pada 4 Mei 2017

RDI akan dijadikan sebagai satu proses wajib yang mana KKM perlu memuktamadkan output RDI bersama JKR (sign off) sebelum maklumat tersebut dijadikan input oleh JKR dalam menentukan keperluan projek selanjutnya. Bahagian Pembangunan KKM juga sedang menambah baik mekanisme bagi menangani sebarang perubahan yang dipohon oleh pelanggan sebelum dan selepas RDI dimuktamadkan bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan projek yang lebih berkesan dan teratur.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 4 Mei 2017

i. ***Pegawai Penguasa mempunyai kuasa sebagaimana yang dibenarkan dalam kontrak untuk menentukan sama ada perunding bertanggungjawab ke atas kegagalan atau perubahan ke atas rekabentuk struktur IBS yang disebabkan oleh pihak perunding dan mengakibatkan pertambahan kos kontrak. Pertambahan kos kontrak yang terbit daripada kegagalan atau perubahan rekabentuk ini akan dituntut daripada pihak perunding berdasarkan kepada Klausa 7.4(b) CE's obligation on design of the Works dalam Memorandum of Agreement (MoA) between The Government of Malaysia & KL Prima Consult Sdn. Bhd.***

ii. ***HODT Arkitek telah mengambil inisiatif mengeluar dan menggunakan Checklist Deliverables (senarai semak kecukupan dokumen) perunding bagi setiap fasa pelaksanaan projek sehingga siap pembinaan.***

iii. ***Menggabungkan kepakaran teknikal (Joint Venture) perunding yang tidak berpengalaman dengan yang berpengalaman dalam pembinaan fasiliti kesihatan terutamanya Hospital.***

iv. ***Bagi pembinaan projek hospital yang kompleks pada masa akan datang, penggunaan Building Information Modelling (BIM) telah disyaratkan oleh JKR untuk dilaksanakan bagi mengatasi masalah percanggahan dan perubahan lukisan pembinaan.***

Pada pendapat Audit, koordinasi dan kolaborasi di antara KKM, JKR dan perunding adalah tidak memuaskan. Selain itu, JKR juga kurang berkesan dalam menyelia kerja-kerja perunding.

12.5.3. Kerja Pembinaan

12.5.3.1. Setiap reka bentuk atau spesifikasi yang ditetapkan mestilah sesuai, praktikal dan memenuhi keperluan pengguna. Kerja pembinaan pula perlu dilaksanakan dengan sempurna dan pada tahap piawaian yang boleh diterima.

12.5.3.2. Pemeriksaan Audit terhadap pencapaian fizikal keseluruhan projek fasa 2 sehingga akhir bulan Disember 2016 pada tahap 62% mendapati perkara seperti jadual berikut:

JADUAL 12.6
PENCAPAIAN FIZIKAL KESELURUHAN PROJEK FASA 2 PADA TAHAP 62%

BIL.	AKTIVITI/KERJA UTAMA	PELAKSANAAN MENGIKUT JADUAL (%)	PENCAPAIAN SEBENAR (%)	ULASAN
Kompleks Obstetriks				
1.	Kerja-kerja tanah	100	100	Siap
	Kerja-kerja cerucuk	100	100	Siap
	Kerja-kerja *substructure*	100	100	Siap
	Kerja-kerja *superstructure*	81	98	Kerja-kerja untuk *covered drop-off* sedang dijalankan.
	Kerja-kerja arkitek	37	60	Kerja-kerja kemasan dinding, lantai, siling dan pemasangan pintu dan tingkap sedang dijalankan. ***Semakan Audit mendapati ruang bilik tandas awam lelaki di aras satu menjadi sempit kerana spesifikasi ukuran water closet di lukisan terperinci berbeza daripada ukuran sebenar iaitu 465mm kepada 570mm*** (**Gambar 12.1**).
	Kerja-kerja mekanikal dan elektrikal	62	56	Kerja-kerja pemasangan sistem dan peralatan mekanikal dan elektrikal. ***Semakan Audit mendapati pemasangan trunking tidak sempurna kerana telah dibengkokkan pada sudut 90°. Pembengkokan pada trunking yang dibenarkan adalah tidak melebihi 45°. Kesan pembengkokan trunking pada sudut 90° akan merosakkan penebatan kabel akibat tegangan (stress) serta kabel rosak akibat litar pintas*** (**Gambar 12.2**).
Plant Room				
2.	Kerja-kerja cerucuk	100	100	Siap
	Kerja-kerja *substructure*	100	100	Siap
	Kerja-kerja *superstructure*	100	100	Siap
	Kerja-kerja arkitek	100	90	*Outstanding* kerja-kerja kemasan lantai, pintu dan tingkap, cat, *lower roof* dan siling luar
	Kerja-kerja mekanikal dan elektrikal	100	77	Peralatan mekanikal dan elektrikal telah dipasang.
Covered Linkbridge				
3.	Kerja-kerja cerucuk	100	100	Siap
	Kerja-kerja *substructure*	100	100	Siap
	Kerja-kerja *superstructure*	100	73	*Steel column/frames* dan lantai.
	Kerja-kerja arkitek	100	38	Kerja-kerja *brick works* pada jejantas dan *plastering* di lobi lif.

Sumber: Minit Mesyuarat Tapak dan Koordinasi Teknikal No. 39 di Pejabat Pasukan Projek Khas (Bangunan), Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat, JKR

SEMASA PENGAUDITAN
GAMBAR 12.1



Tandas Awam Lelaki Aras 1
- Ruang Tandas Sempit
(08.12.2016)

SELEPAS PENGAUDITAN
GAMBAR 12.2




Tandas Awam Lelaki Aras 1
- Arah Bukaan Pintu *Phenolic* Telah Diubah
(04.05.2017)

SEMASA PENGAUDITAN
GAMBAR 12.3



Aras Dua (Bilik AHU)
- Pemasangan *Trunking* Tidak Sempurna
(08.12.2016)

SELEPAS PENGAUDITAN
GAMBAR 12.4



Aras Dua (Bilik AHU)
- Pemasangan *Trunking* Telah Diubah Kepada 45°
(04.05.2017)

12.5.3.3. Selain itu didapati, 22 (62.9%) daripada 35 Laporan Ketidakpatuhan (NCR) ditutup melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu antara tiga hingga 254 hari. Antara punca kelewatan penutupan NCR adalah kerana kelewatan kontraktor membuat tempahan aksesori bagi *reducer* dan *bending* yang digunakan pada *trunking* menyebabkan penghantaran tempahan lewat sampai ke tapak.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 4 Mei 2017

i. JKR akan memastikan kontraktor yang disenarai/dilantik adalah berpengalaman dan berdaftar dengan pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam kategori pengkhususan B29 seperti mana surat kepada MoF berkaitan cadangan penambahbaikan pemilihan petender bagi tender terhad fasiliti kesihatan dan cadangan kriteria pra kelayakan tender terbuka kontraktor untuk pelaksanaan projek pembinaan Hospital Kerajaan bertarikh 29 Mac 2017.

ii. JKR dan perunding akan melaksanakan pemantauan berkala secara mingguan ke atas kontraktor bagi memastikan isu berkenaan kelewatan penutupan NCR tidak akan berulang.

Pada pendapat Audit, berdasarkan pencapaian fizikal 62%, kerja pembinaan adalah memuaskan. Bagaimanapun, Laporan Ketidakpatuhan tidak diambil tindakan segera oleh kontraktor.

12.5.4. Pemantauan

12.5.4.1. Sistem pemantauan yang mantap dan komprehensif dapat memastikan sebarang masalah boleh diatasi bagi melancarkan perjalanan semua aktiviti berkaitan projek untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Manakala kawal selia projek bertujuan untuk memastikan obligasi yang terkandung di dalam kontrak disempurnakan dan projek diurus serta dilaksanakan mengikut syarat-syarat dan spesifikasi yang digariskan dalam dokumen kontrak khususnya melibatkan skop, kos, kualiti dan masa yang telah dipersetujui.

12.5.4.2. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Tapak Dan Koordinasi Teknikal diadakan secara berkala sekurang-kurangnya sebulan sekali di antara wakil KKM, JKR, kontraktor, perunding dan HTAR bagi membincangkan status projek, laporan dan bayaran kemajuan kerja serta masalah berbangkit semasa pelaksanaan projek. Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 39 mesyuarat telah diadakan dan analisis Audit mendapati kadar kehadiran wakil KKM adalah rendah iaitu lapan (20.5%) daripada jumlah Mesyuarat Tapak Dan Koordinasi Teknikal yang diadakan. **Pada pendapat Audit, kadar kehadiran wakil KKM ke Mesyuarat Tapak Dan Koordinasi Teknikal adalah kurang memuaskan yang memberi kesan kepada kelemahan perancangan projek dan pelaksanaan kerja pembinaan.**

Maklum Balas KKM yang Diterima Pada 27 Mac 2017

i. ***Penstrukturan semula skop kerja dan pelaksanaan tugasan telah dilaksanakan bermula bulan Jun 2016 dengan pengwujudan lima unit pemantauan projek bagi melaksanakan kerja-kerja pemantauan perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan KKM berdasarkan zon (utara/timur/selatan/tengah).***

ii. ***Strategi pemantauan pelaksanaan projek pembangunan KKM dibuat berpandukan kepada kemajuan fizikal di tapak, EOT dan kemajuan kewangan projek yang menjadi teras penentuan 'level of criticality' sesuatu projek. Melalui kaedah ini, pemantauan yang lebih fokus dapat dilaksanakan terhadap projek-projek yang mengalami kelewatan kemajuan fizikal melebihi 10%, tempoh EOT yang diberi satu tahun atau lebih dan penurunan kemajuan kewangan projek di bawah 75% berbanding unjuran.***

12.6. SYOR AUDIT

Bagi membaiki kelemahan yang dibangkitkan dan seterusnya meningkatkan mutu pengurusan projek pembinaan, adalah disyorkan pihak yang terlibat memberi pertimbangan terhadap perkara seperti berikut:

12.6.1. tindakan punitif hendaklah diambil terhadap pegawai bertanggungjawab yang gagal memeriksa, memverifikasi dan memantau kerja-kerja perunding mengikut peraturan yang berkuat kuasa;

12.6.2. JKR/MOF hendaklah memastikan perunding yang dilantik adalah yang layak dan berpengalaman bagi mengelakkan berlaku ketinggalan serta percanggahan dalam penyediaan lukisan tender dan senarai kuantiti mengikut keperluan pelanggan;

12.6.3. meningkatkan tahap koordinasi dan kolaborasi di antara KKM, JKR dan perunding dalam mengenal pasti serta menentukan keperluan fungsi dan operasi kerja hospital supaya tidak berlaku percanggahan dan perubahan dalam lukisan tender setelah dimuktamadkan; dan

12.6.4. kerugian terhadap sebarang ketidakpatuhan yang ditemui/dikenal pasti semasa pemeriksaan oleh pihak ketiga yang dilantik Kerajaan hendaklah ditanggung oleh pegawai/perunding yang gagal menyelia/melaksanakan kerja-kerja tersebut.

KEMENTERIAN KESIHATAN / JABATAN KERJA RAYA

13. PROJEK PEMBINAAN HOSPITAL BERA, PAHANG

13.1. LATAR BELAKANG

13.1.1. Pembinaan Hospital Bera merupakan sebuah projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) di atas tanah seluas 35.51 ekar, Mukim Triang, Bera, Pahang. Mengikut perancangan, hospital ini berkapasiti 40 katil dan direka bentuk supaya dapat dikembangkan pada masa hadapan sehingga mampu menampung 60 katil. Projek pembinaan hospital ini terdiri daripada dua pakej yang melibatkan kerja tanah (Pakej 1) serta pembinaan empat blok hospital dan bangunan sokongan iaitu enam unit kuarters kelas D, 16 unit kuarters kelas F, 16 unit kuarters kelas G dan asrama jururawat (Pakej 2). Projek Pakej 1 dilaksanakan oleh syarikat Tofan Group Sdn. Bhd. yang dilantik oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui kaedah perolehan secara tender terbuka dengan kos kontrak berjumlah RM4.60 juta. Projek Pakej 1 ini dilaksanakan secara konvensional dan telah disiapkan pada 26 Jun 2011. Kaedah perolehan projek Pakej 2 pula adalah secara rundingan terus dan Kementerian Kewangan (MOF) telah memilih untuk melantik syarikat Maju Jaya Pasarana Sdn. Bhd. (MJPSB) untuk melaksanakan projek. Kos kontrak bagi projek Pakej 2 berjumlah RM88 juta dan dilaksanakan secara konvensional. Tarikh milik tapak ialah pada 10 Julai 2012 dan projek Pakej 2 dijadualkan siap pada 9 Januari 2015. Bagi melicinkan pengurusan dan pelaksanaan projek Pakej 1 dan 2, JKR telah melantik perunding Arkitek, Sivil dan Struktur, Elektrik serta Ukur Bahan di mana kuasa dan tanggungjawab penyeliaan projek diberikan kepada perunding mengikut disiplin masing-masing kecuali bagi disiplin mekanikal adalah di bawah tanggungjawab dan penyeliaan JKR.

13.1.2. Pemilik projek ini adalah Kementerian Kesihatan (KKM) dan JKR adalah agensi pelaksana. Pengarah projek ialah Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan (CKK), Ibu Pejabat JKR manakala Pegawai Penguasa (PP) ialah Pengarah JKR Negeri Pahang (JKR Negeri).

13.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai projek pembinaan Hospital Bera Pakej 2 telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

13.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek Pakej 2. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Perancangan dan Bahagian Pembangunan, KKM; CKK, Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan (CKUB) serta Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat JKR; JKR Negeri dan tapak projek pembinaan Hospital Bera.

13.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan projek pembinaan Hospital Bera Pakej 2. Lawatan dan pemeriksaan fizikal di tapak projek pembinaan serta temu bual dengan pegawai KKM, JKR, perunding dan kontraktor juga telah diadakan.

13.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap Projek Pembinaan Hospital Bera Pakej 2 yang dijalankan pada bulan Mei hingga Julai 2016 mendapati pengurusan dan pembinaan projek tidak memuaskan di mana perancangan, pelaksanaan serta pemantauan projek kurang cekap menyebabkan projek tidak siap dan kontrak terpaksa ditamatkan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

i. kontraktor yang dilantik tidak berupaya melaksanakan projek walaupun setelah diluluskan tempoh lanjutan masa selama 690 hari (23 bulan). Kontraktor juga telah diberikan 20 amaran/peringatan berserta tiga Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor (NUTP);

ii. lanjutan masa melalui kelulusan EOT 1, 3 dan 4 selama 496 hari terpaksa diberikan kepada kontraktor kerana kelemahan pengurusan dalam perancangan dan pelaksanaan projek oleh pihak JKR dan perunding;

iii. kelemahan perunding untuk menyelaras dan memuktamadkan lukisan pembinaan di antara semua disiplin menyebabkan berlaku banyak perubahan dan percanggahan dalam lukisan pembinaan. JKR pula gagal menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan untuk memverifikasi dan mengesah lengkap serta tiada percanggahan sesuatu lukisan pembinaan dan gagal menyelia serta mengambil tindakan segera terhadap perunding;

iv. kontraktor gagal melantik Penyelaras Mekanikal & Elektrik (M&E) *Industrialized Building System* (IBS) berkelayakan dan untuk tempoh 24 bulan (45.3%) daripada tempoh kontrak selama 53 bulan serta gagal melantik pihak *Independent Inspection Authority/Inspector Welder* untuk mengesahkan kerja-kerja kimpalan kerangka bumbung selain kekurangan pekerja di tapak pembinaan antara 9.7% hingga 83% berbanding norma yang ditetapkan. JKR

pula kurang berkesan dalam menguatkuasakan pematuhan terhadap klausa kontrak; dan

v. kerja pembinaan tidak dibuat mengikut lukisan dan spesifikasi serta tidak sempurna. Selain itu, Laporan Ketidakpatuhan (NCR) belum diambil tindakan pembaikan dan pembetulan menyebabkan kerja pembinaan seterusnya tertangguh manakala penyimpanan bahan binaan di tapak projek tidak teratur. Ini kerana penyeliaan dan pengawasan perunding dan JKR kurang berkesan.

Perkara yang ditemui serta maklum balas KKM dan JKR telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 25 April 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

13.5.1. Prestasi Pembinaan

13.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

a. Tarikh milik tapak bagi projek Pakej 2 ialah pada 10 Julai 2012 dan projek dijadualkan siap pada 9 Januari 2015 iaitu dalam tempoh 30 bulan. Bagaimanapun, setelah mengambil kira kelulusan empat EOT selama 690 hari (23 bulan), tarikh siap semasa projek ialah pada 29 November 2016. Maklumat mengenai permohonan dan kelulusan EOT serta ulasan Audit terhadap kelulusan EOT yang diberikan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.1
PERMOHONAN DAN KELULUSAN PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA

PERKARA	TARIKH SIAP ASAL PROJEK PAKEJ 2	TARIKH PERMOHONAN EOT	KELULUSAN				TARIKH SIAP SEMASA SETELAH LULUS EOT	ULASAN AUDIT
			TARIKH	SEBAB BERLAKU KELEWATAN DAN EOT DIPERLUKAN	KLAUSA KONTRAK	TEMPOH (Hari)		
EOT 1	09.01.2015	21.11.2013	20.12.2013	Penanaman Cerucuk Di Kawasan Kritikal	43.1(d)	63	19.10.2015	Dibenarkan dalam kontrak dan layak diberikan.
				Perubahan Dan Percanggahan Lukisan Pembinaan	43.1(e)	158		Dibenarkan dalam kontrak. Bagaimanapun, berlaku kelemahan di pihak perunding di mana reka bentuk dan lukisan pembinaan tidak diselaraskan serta dimuktamadkan dengan semua perunding menyebabkan berlaku banyak perubahan dan percanggahan dalam lukisan pembinaan. JKR pula gagal untuk menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan untuk memverifikasi dan mengesah lengkap serta tiada percanggahan sesuatu lukisan pembinaan dan gagal menyelia serta mengambil

PERKARA	TARIKH SIAP ASAL PROJEK PAKEJ 2	TARIKH PERMOHONAN EOT	KELULUSAN				TARIKH SIAP SEMASA SETELAH LULUS EOT	ULASAN AUDIT
			TARIKH	SEBAB BERLAKU KELEWATAN DAN EOT DIPERLUKAN	KLAUSA KONTRAK	TEMPOH (Hari)		
								tindakan terhadap perunding. Oleh itu, lanjutan masa terpaksa diberikan kepada kontraktor kerana perunding/JKR perlu menyelesaikan masalah tersebut.
				Kelewatan Penyerahan Tapak Untuk Kerja Luaran Dan Jalan Masuk	43.1(g)	62		Dibenarkan dalam kontrak dan layak diberikan.
JUMLAH						**283**		
EOT 2	19.10.2015	26.05.2015	29.06.2015	Pindaan Reka Bentuk Tetopi Cerucuk	43.1(e)	34	27.12.2015	Dibenarkan dalam kontrak dan layak diberikan.
				Penutupan Jalan Utama Disebabkan Banjir	43.1(a)	14		Dibenarkan dalam kontrak dan layak diberikan.
				Penutupan Jalan Kerayong Temerloh KM111.50 Di FT10 Disebabkan Tanah Runtuh	43.1(a)	21		Dibenarkan dalam kontrak dan layak diberikan.
JUMLAH						**69**		
EOT 3	27.12.2015	14.12.2015	23.12.2015	Pertambahan Keperluan Sistem Air Panas Di Jabatan Patologi	43.1(e)	123	28.04.2016	Dibenarkan dalam kontrak. Bagaimanapun, berlaku kelemahan di pihak perunding Arkitek di mana reka bentuk dan lukisan pembinaan berhubung keperluan sistem air panas di Jabatan Patologi tidak diselaraskan serta dimuktamadkan dengan Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, JKR sebelum penyediaan dokumen tender menyebabkan berlaku perubahan dan percanggahan dalam lukisan pembinaan. JKR pula gagal untuk menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan untuk memverifikasi dan mengesah lengkap serta tiada percanggahan sesuatu lukisan pembinaan dan gagal menyelia serta mengambil tindakan terhadap perunding. Oleh itu, lanjutan masa terpaksa diberikan kepada kontraktor kerana perunding/JKR perlu menyelesaikan masalah tersebut.
JUMLAH						**123**		

PERKARA	TARIKH SIAP ASAL PROJEK PAKEJ 2	TARIKH PERMOHONAN EOT	KELULUSAN				TARIKH SIAP SEMASA SETELAH LULUS EOT	ULASAN AUDIT
			TARIKH	SEBAB BERLAKU KELEWATAN DAN EOT DIPERLUKAN	KLAUSA KONTRAK	TEMPOH (Hari)		
EOT 4	28.04.2016	24.03.2016	21.04.2016	Perubahan Keperluan *Air Cond Duct* Dan Pertambahan *Fire Damper*	43.1(e)	215	29.11.2016	Perubahan dan pertambahan keperluan kesan daripada kelulusan oleh PP terhadap permohonan pertukaran reka bentuk struktur sistem IBS atas permintaan kontraktor sendiri dan sepatutnya tidak layak diberikan EOT.
JUMLAH						**215**		
JUMLAH BESAR						**690**		

Sumber: Cawangan Kerja Kesihatan, JKR

b. Dalam mengenal pasti, memverifikasi dan mengesahkan reka bentuk projek untuk penyediaan lukisan tender, senarai kuantiti (Bill of Quantities/BQ), dokumen tender dan seterusnya lukisan pembinaan, semakan Audit mendapati KKM, semua disiplin *Head of Design Team* (HODT) dan *Head of Project Team* (HOPT), Ibu Pejabat JKR serta perunding telah melalui beberapa siri mesyuarat dan perbincangan serta menyedia dan mengeluarkan surat-menyurat, antaranya seperti jadual berikut:

JADUAL 13.2
KRONOLOGI PROSES MENGENAL PASTI REKA BENTUK PROJEK SEHINGGA PENYEDIAAN LUKISAN PEMBINAAN

TARIKH	PERKARA
11.03.2009	Mesyuarat Kajian Semula Keperluan Pelanggan
19.05.2009 & 22.07.2009	Mesyuarat Penyelarasan Perancangan Projek
23.06.2009, 25.03.2010, 12.05.2010, 01.03.2011, & 12.07.2011	Mesyuarat Koordinasi Projek
01.09.2009 & 01.10.2009	Mesyuarat Cadangan Pembangunan Hospital Bera
22.10.2009, 04.11.2009	Mesyuarat Kajian Reka Bentuk Awalan
23.11.2009	Mesyuarat Penyelarasan Reka Bentuk Awalan
09.12.2010	Mesyuarat Verifikasi Reka Bentuk
27.01.2011	Mesyuarat Koordinasi Tender Bilangan 1
30.01.2012	Mesyuarat Koordinasi Pelaksanaan Tender Semula Bilangan 1
31.01.2012	Mesyuarat Koordinasi Konsultan
TM	Mesyuarat Interaksi Data Ruang
17.02.2011	Surat daripada Cawangan Arkitek, Ibu Pejabat JKR kepada Bahagian Perancangan dan Pembangunan, KKM - Memohon pengesahan Minit Mesyuarat Interaksi Data Ruang.
20.07.2011	Surat daripada Cawangan Arkitek, Ibu pejabat JKR kepada Bahagian Perancangan dan Pembangunan, KKM – Mengemukakan Dokumen Data Ruang yang mengandungi *Room Data Sheet*, *Room Data Pelan* dan 4 *Wall Elevation* untuk kelulusan KKM selewat-lewatnya pada 4 Ogos 2011.
04.08.2011	Surat daripada Bahagian Perancangan dan Pembangunan, KKM kepada Cawangan Arkitek, Ibu pejabat JKR - Mengembalikan Dokumen Data Ruang yang telah ditandatangani.
26.08.2011	Surat daripada Bahagian Perancangan dan Pembangunan, KKM kepada Cawangan Arkitek, Ibu pejabat JKR – Mengembalikan 11 set lukisan pelan susun atur yang telah ditandatangani.

TARIKH	PERKARA
09.09.2015	Surat daripada Perunding Arkitek kepada Cawangan Arkitek, Ibu Pejabat JKR – Menyertakan Minit Mesyuarat Data Ruang dan Dokumen Data Ruang sebagai bukti pengesahan.

c. Semakan Audit seterusnya mendapati setelah tapak projek dan lukisan pembinaan diserahkan kepada kontraktor pada 10 Julai 2012, masih terdapat banyak pindaan terhadap lukisan pembinaan tersebut berdasarkan kepada surat menyurat dan minit-minit mesyuarat seperti **Jadual 13.3**. Kelemahan perunding untuk menyelaras dan memuktamadkan lukisan pembinaan di antara semua disiplin menyebabkan berlaku banyak perubahan dan percanggahan dalam lukisan pembinaan, yang turut menjadi punca kepada kelewatan pelaksanaan dan pencapaian projek. Lanjutan masa melalui kelulusan EOT 1 dan 3 masing-masing selama 158 hari dan 123 hari terpaksa diberikan kepada kontraktor kerana kelemahan tersebut oleh perunding. JKR pula gagal menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan untuk memverifikasi dan mengesah lengkap serta tiada percanggahan sesuatu lukisan pembinaan dan gagal menyelia serta mengambil tindakan segera terhadap perunding.


JADUAL 13.3
MASALAH BERHUBUNG PERCANGGAHAN DALAM LUKISAN PEMBINAAN

TARIKH	PERKARA
19.07.2012 hingga 07.10.2013	Sebanyak 15 surat bertarikh antara 19 Julai 2012 hingga 7 Oktober 2013 telah dikeluarkan oleh perunding Sivil & Struktur kepada kontraktor dan Pengarah JKR Negeri selaku PP memaklumkan mengenai pindaan terhadap lukisan pembinaan yang telah diserahkan kepada kontraktor. Antara justifikasi terhadap pindaan yang dikemukakan oleh perunding ialah kesilapan mencetak lukisan pembinaan serta perubahan dan percanggahan lukisan yang telah disediakan antara perunding-perunding Sivil & Struktur, Mekanikal, Eletrikal dan Arkitek.
15.05.2013	Surat oleh pejabat Pengarah JKR Negeri kepada CKK, Ibu Pejabat JKR yang memohon pandangan dan ulasan mengenai keraguan kontraktor terhadap percanggahan reka bentuk bagi Blok Kuarters Jenis F dan G.
23.05.2013	Surat daripada CKK, Ibu Pejabat JKR kepada Pengarah Kejuruteraan Bahagian Struktur/Unit Kesihatan, Ibu Pejabat JKR serta perunding Sivil & Struktur memohon pandangan dan ulasan mengenai keraguan kontraktor terhadap percanggahan reka bentuk bagi Blok Kuarters Jenis F dan G.
12.03.2013	Mesyuarat Teknikal Khas – Kontraktor memaklumkan telah menangguhkan kerja di tapak kerana percanggahan antara lukisan Arkitek dan Sivil dan memohon supaya perunding Sivil & Struktur mengeluarkan semula lukisan yang terkini untuk memastikan tiada percanggahan di tapak. Perunding Arkitek pula memaklumkan mengenai kedudukan tiang mengikut lukisan Arkitek tidak seperti mana lukisan Struktur yang menggunakan sistem *wall panel* menyebabkan berlaku ketidaksamaan kedudukan tiang yang memerlukan pindaan terhadap lukisan tersebut. Kontraktor turut memaklumkan lukisan Mekanikal dan Elektrikal untuk Blok Kediaman/Asrama Jururawat yang bercanggah dengan lukisan Arkitek.
19.06.2013	Mesyuarat Teknikal Khas – Kontraktor membangkitkan keraguan terhadap percanggahan reka bentuk bagi Blok Kuarters Jenis F dan G iaitu mengenai bilangan cerucuk dan asas di grid tertentu.

d. Semakan Audit selanjutnya mendapati NUTP pertama telah dikeluarkan oleh JKR kepada kontraktor pada 27 November 2014 berdasarkan kemajuan kerja tidak memuaskan dan setelah enam kali surat amaran/peringatan diberikan. NUTP kedua pula dikeluarkan pada 29 Julai 2015, juga setelah enam kali surat amaran/peringatan diberikan. Bagaimanapun, MJPSB telah

membuat rayuan kepada JKR Negeri supaya tidak melaksanakan NUTP pertama dan kedua masing-masing pada 24 Disember 2014 dan 24 Ogos 2015 serta berjanji untuk menambah baik pengurusan di tapak pembinaan dan menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan. Pada 9 September 2015, JKR Negeri telah mengemukakan pengesyoran Notis Penamatan Kontrak kepada Ibu Pejabat JKR apabila mendapati pengurusan dan kemajuan kerja kontraktor di tapak pembinaan tidak berubah. Pada 10 September 2015, satu perbincangan berkaitan perkara tersebut telah diadakan antara Menteri Kerja Raya, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya, Pasukan Projek Hospital Bera dan MJPSB di Kementerian Kerja Raya. Hasil daripada perbincangan tersebut mendapati MJPSB bersetuju untuk mendapatkan khidmat kontraktor lain bagi membantunya menyiapkan projek. Pada 25 September 2015, MJPSB telah mengemukakan cadangan kepada JKR Negeri untuk mendapatkan khidmat kontraktor Anjung Perkasa Sdn. Bhd. (APSB) dan JKR Negeri melalui maklum balas kepada MJPSB pada 5 Oktober 2015 telah bersetuju dengan cadangan tersebut. Pada 1 November 2015, APSB bersetuju untuk menyiapkan projek termasuk pengujian dan pentauliahan peralatan sehingga 29 November 2016. Bagaimanapun, Laporan Kemajuan Projek bagi bulan Mei 2016 menunjukkan pencapaian fizikal projek Pakej 2 adalah 57% berbanding 62% yang dijadualkan. Berdasarkan kemajuan kerja tersebut dan peratusan kerja siap mengikut unjuran yang ditetapkan bagi tempoh tersebut, adalah diragui kontraktor dapat menyiapkan kerja dalam tempoh 6 bulan seperti yang dijanjikan pada 29 November 2016. Butiran mengenai peratus pencapaian fizikal projek berbanding unjuran yang ditetapkan seperti graf berikut:

GRAF 13.1
PERATUS PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK
BERBANDING UNJURAN YANG DITETAPKAN



Sumber: Dokumen Taklimat Pemantauan Projek Hospital Bera Pada 21 Jun 2016

e. Seterusnya, lapan lagi surat amaran/peringatan telah diberikan termasuk Surat Amaran Kelewatan Kerja Di Tapak pada 10 Ogos 2016 dan Surat Tiada Aktiviti Kerja Serta Kemudahan Asas Di Tapak pada 5 Oktober 2016.

Pada 17 Oktober 2016, NUTP ketiga telah dikeluarkan oleh JKR Negeri dan Perakuan Tidak Siap Kerja pula dikeluarkan pada 28 November 2016. Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor akhirnya telah dikeluarkan pada 8 Disember 2016 dengan peratus pencapaian fizikal projek kekal pada 57%. Ringkasan kronologi proses penamatan kerja kontraktor adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.4
KRONOLOGI PROSES PENAMATAN KERJA KONTRAKTOR

TARIKH	PERKARA
27.11.2014	NUTP pertama dikeluarkan oleh JKR Negeri kepada MJPSB.
24.12.2014	MJPSB membuat rayuan kepada JKR Negeri agar tidak melaksanakan NUTP pertama.
29.07.2015	NUTP kedua dikeluarkan oleh JKR Negeri kepada MJPSB.
24.08.2015	MJPSB membuat rayuan kepada JKR Negeri agar tidak melaksanakan NUTP kedua.
09.09.2015	JKR Negeri mengemukakan pengesyoran Notis Penamatan Kontrak kepada Ibu Pejabat JKR.
10.09.2015	Perbincangan antara Menteri Kerja Raya, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya, Pasukan Projek Hospital Bera dan MJPSB di Kementerian Kerja Raya.
25.09.2015	MJPSB mencadangkan APSB untuk membantu menyiapkan projek.
05.10.2015	JKR Negeri bersetuju dengan cadangan tersebut.
01.11.2015	APSB bersetuju untuk menyiapkan projek termasuk pengujian dan pentauliahan peralatan sehingga 29.11.2016.
10.08.2016	Surat Amaran Kelewatan Kerja Di Tapak dikeluarkan oleh JKR Negeri kepada MJPSB.
05.10.2016	Surat Tiada Aktiviti Kerja Serta Kemudahan Asas Di Tapak dikeluarkan oleh JKR Negeri kepada MJPSB.
17.10.2016	NUTP ketiga dikeluarkan oleh JKR Negeri kepada MJPSB.
28.11.2016	Perakuan Tidak Siap Kerja dikeluarkan oleh JKR Negeri kepada MJPSB.
08.12.2016	Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor dikeluarkan oleh JKR Negeri kepada MJPSB.

Sumber: Surat-menyurat Berkaitan

Maklum Balas KKM yang Diterima Pada 3 Mei 2017

Dalam Mesyuarat Khas berhubung ATDA Hospital Bera yang telah diadakan pada 5 April 2017 di KKM, pihak KKM telah memohon JKR untuk mengemukakan ATDA Pindaan No. 4 (tender semula) berdasarkan perbincangan seperti berikut:

i. Mendapatkan jumlah kos sebenar kontrak yang ditamatkan mengambil kira bayaran interim terkini, wang jaminan pelaksanaan, bayaran pendahuluan dan denda ganti rugi dikenakan.

ii. Membuat pelarasan perunding bagi kontrak yang ditamatkan. Pelarasan yang dibuat hendaklah telah diluluskan dan diperakukan di peringkat Pihak Berkuasa Melulus (PBM) yang berkenaan seperti mana tatacara perolehan perkhidmatan perunding.

iii. Mendapatkan kos sebenar berdasarkan kelulusan dan perakuan PBM bagi perkhidmatan perunding tender semula.

Pada pendapat Audit, perunding yang dilantik oleh JKR gagal melaksanakan peranannya manakala JKR gagal menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan menyebabkan berlaku banyak perubahan dan pencanggahan dalam lukisan pembinaan yang memberi kesan kepada tempoh pelaksanaan projek. JKR juga terpaksa meluluskan EOT 1 dan 3 selama 281 hari kepada kontraktor kerana kelemahan tersebut. Kontraktor yang dilantik pula tidak berupaya melaksanakan projek walaupun setelah diluluskan tempoh lanjutan masa selama 690 hari (23 bulan). Kontraktor juga telah dikeluarkan 20 amaran/peringatan berserta tiga NUTP menyebabkan objektif pembinaan Hospital Bera tidak tercapai.

13.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

a. Kos kontrak asal pembinaan hospital berjumlah RM88 juta. Semakan Audit mendapati setakat bulan Mei 2016, sebanyak 11 pelarasan harga kontrak (PHK) telah diluluskan melibatkan pengurangan berjumlah RM1.58 juta. Setelah mengambil kira PHK, kos kontrak yang diselaraskan berjumlah RM86.42 juta. Ketika penamatan kontrak pada bulan Disember 2016 dengan pencapaian fizikal projek sebanyak 57%, sejumlah RM47.19 juta (54.6%) telah dibelanjakan. Butiran lanjut mengenai PHK seperti jadual berikut:

JADUAL 13.5
PELARASAN HARGA KONTRAK

PERKARA	BUTIRAN	KOS (RM Juta)
	Kos Kontrak Asal	88.00
PHK 1	Pelarasan Wang Peruntukan Sementara – Kurangan Kerja-kerja *Relocation of Mortuary Block* (Block D)	(0.08)
PHK 2	Pelarasan Wang Kos Prima – Kurangan Kerja-kerja Mekanikal i) *Lift System* ii) *Fire Protection System* iii) *Medical Gases Pipeline System* iv) *Laboratory Gases Pipeline/LPG System* v) *Hot Water System* vi) *Mortuary Refrigerators System* vii) *Sterilizers System* viii) *Building Automation System* ix) *Kitchen Equipment* x) *Laboratory Equipment* xi) *Dental Unit Equipment* xii) *Reverse Osmosis/Deionised/Pure Water System*	(9.66)
PHK 3	Pelarasan Wang Kos Prima – Kurangan Kerja-kerja Elektrik i) *Information, Communication & Telecommunication* (ICT) *Services* ii) *Medical Equipment – Group 1*	(1.83)
PHK 4	Pelarasan Wang Peruntukan Sementara – *Model, 3D Animation And Perspective Drawing*	-
PHK 5	Pelarasan Wang Kos Prima – Kurangan Kerja-kerja Mekanikal - Sistem Penyaman Udara Dan Pengalih Udara	(5.07)
PHK 6	Pelarasan Wang Kos Prima – Kurangan Kerja-kerja Elektrik i) *High Voltage System* ii) *Low Voltage System* iii) *Extra Low Voltage System*	(10.35)

PERKARA	BUTIRAN	KOS (RM Juta)
PHK 7	Pelarasan Wang Kos Prima – Tambahan Kerja-kerja Mekanikal i) Sistem Penyaman Udara Dan Pengalih Udara ii) *Lift System* iii) *Fire Protection System* iv) *Medical Gases Pipeline System* v) *Laboratory Gases Pipeline/LPG System* vi) *Hot Water System* vii) *Sterilizers System* viii) *Laboratory Equipment*	12.20
PHK 8	Pelarasan Wang Kos Prima – Tambahan Kerja-kerja Elektrikal i) *High Voltage System* ii) *Low Voltage System* iii) *Extra Low Voltage System* iv) *Information, Communication & Telecommunication* (ICT) *Services* v) *Medical Equipment – Group 1*	11.95
PHK 9	Pelarasan Wang Kos Prima Untuk Kerja-kerja NSC i) *Mortuary Refrigerators System* ii) *Building Automation System* iii) *Dental Unit Equipment* iv) *Reverse Osmosis/Deionised/Pure Water System*	1.74
PHK 10	Pertambahan Kuantiti Besi Tetulang Bagi Tetopi Cerucuk Di Blok A Dan Blok B	-
PHK 11	Perubahan Komponen Kerja-kerja Sistem IBS	(0.48)
KOS KONTRAK DISELARASKAN		**86.42**

Sumber: Cawangan Kerja Kesihatan, JKR

b. Kaedah pelaksanaan projek Pakej 2 ini dilaksanakan secara konvensional dengan pelantikan perunding Arkitek, Sivil dan Struktur, Elektrik serta Ukur Bahan. **Kos asal perkhidmatan perunding berjumlah RM10.67 juta. Bagaimanapun, lanjutan masa melalui kelulusan EOT kepada kontraktor untuk menyiapkan projek menyebabkan kos perkhidmatan perunding meningkat kepada RM13.08 juta iaitu peningkatan sejumlah RM2.41 juta (22.6%).** Sehingga 13 Jun 2016, sejumlah RM1.28 juta dan RM1.13 juta telah dipohon melalui tuntutan *As Tendered Detailed Abstract* (ATDA) pindaan No. 2 dan 3 seperti jadual berikut:

JADUAL 13.6
PENINGKATAN KOS PERKHIDMATAN PERUNDING

NAMA PERUNDING	BIDANG	KOS PERKHIDMATAN ASAL (RM Juta)	*AS TENDERED DETAILED ABSTRACT*				ULASAN TERHADAP PENINGKATAN KOS PERKHIDMATAN PERUNDING
			Pindaan No.2	Pindaan No.3	PENINGKATAN KOS		
			(RM Juta)	(RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	PERATUS (%)	
Taufik Aziz Architect	Arkitek	5.51	0.30	0.75	1.05	19.1	• Pelarasan semula yuran ikhtisas perunding. • Pertambahan yuran penyeliaan tapak sepanjang tempoh EOT. • Pertambahan kos imbuhan balik bagi tempoh EOT.

NAMA PERUNDING	BIDANG	KOS PERKHIDMATAN ASAL (RM Juta)	*AS TENDERED DETAILED ABSTRACT*				ULASAN TERHADAP PENINGKATAN KOS PERKHIDMATAN PERUNDING
			Pindaan No.2	Pindaan No.3	PENINGKATAN KOS		
			(RM Juta)	(RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	PERATUS (%)	
Jentrik Sdn. Bhd.	Elektrik	1.60	0.30	0.79	1.09	68.1	Pertambahan yuran penyeliaan tapak sepanjang tempoh EOT.
Emenea Engineering Services Sdn. Bhd.	Sivil dan Struktur	2.55	0.63	0.37	1.00	39.2	Pertambahan yuran penyeliaan tapak sepanjang tempoh EOT.
KH Alliance Quantity Surveyors Sdn. Bhd.	Juru Ukur Bahan	1.01	0.05	0.24	0.29	28.7	Pelarasan semula yuran ikhtisas perunding.
JUMLAH		**10.67**	**1.28**	**2.15**	**3.43**	**-**	
Pelarasan *Internal Services*		-	-	(1.02)	(1.02)	-	
JUMLAH SELEPAS PELARASAN		**10.67**	**1.28**	**1.13**	**2.41**	**22.6**	

Sumber: Cawangan Kerja Kesihatan, JKR

13.5.1.3. *Outcome* Projek Tidak Tercapai

a. Projek pembinaan Hospital Bera bertujuan untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan kesihatan kepada 92,000 penduduk di Daerah Bera dan kakitangan hospital. Projek pembinaan hospital ini juga dapat mengurangkan kesesakan di Hospital Temerloh yang jaraknya 45km dari Daerah Bera dan dapat memberi kemudahan perkhidmatan kesihatan dengan lebih cepat.

b. **Kegagalan menyiapkan Hospital Bera yang telah berlanjutan selama 2 tahun daripada tarikh siap asal menyebabkan *outcome* projek pembinaan Hospital Bera untuk memberi kemudahan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk Daerah Bera tidak tercapai.**

13.5.2. Pengurusan Pembinaan

13.5.2.1. Kelemahan Pengurusan Dalam Pelaksanaan Projek oleh Pihak JKR

a. Semakan Audit terhadap maklumat minit-minit mesyuarat dan surat-menyurat berkaitan proses permohonan dan kelulusan pertukaran reka bentuk struktur sistem IBS melalui cadangan kontraktor dan pembekal IBS pada 18 Oktober 2012 menunjukkan bahawa permohonan dan kelulusan tersebut telah melalui proses yang teratur. Perkara tersebut telah dibincangkan dalam mesyuarat dan keputusan yang dibuat oleh PP adalah hasil maklum balas perunding dan juga kontraktor.

b. Bagaimanapun, berdasarkan kepada fakta-fakta dan kenyataan yang disemak menunjukkan **keputusan PP menerima permohonan cadangan**

pertukaran reka bentuk struktur sistem IBS yang telah disediakan oleh perunding kepada reka bentuk struktur sistem IBS yang baru oleh kontraktor adalah tidak wajar. Walaupun berlaku penjimatan terhadap kos projek berhubung perubahan kerja-kerja struktur yang melibatkan sistem IBS berjumlah RM475,000 seperti yang dilaporkan, namun aspek masa yang akan terlibat dalam proses pertukaran reka bentuk struktur sistem IBS ini tidak diambil kira oleh pihak JKR. Semakan Audit juga menunjukkan pihak kontraktor dan pembekal IBS gagal mematuhi syarat-syarat kelulusan yang telah ditetapkan antaranya seperti keperluan menyedia dan mengemukakan program kerja yang diselaraskan antara kontraktor dan pembekal IBS kepada perunding dan JKR; serta keperluan menyedia dan mengemukakan lukisan terperinci/*shop drawings* bagi kerja-kerja berkaitan berlandaskan lukisan pembinaan yang telah disahkan oleh Jurutera Profesional juga kepada perunding dan JKR. Ketidakpatuhan kontraktor dan pembekal IBS terhadap penetapan syarat-syarat kelulusan ini sepatutnya telah dapat dikesan oleh pihak JKR dan perunding mengenai masalah kelewatan serta kualiti kerja yang akan wujud. Namun, pihak JKR dan perunding tidak mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor serta pembekal IBS dan membenarkan cadangan tersebut diteruskan.

Pada pendapat Audit, cadangan pertukaran reka bentuk struktur sistem IBS yang baru oleh kontraktor dan pembekal IBS yang telah diluluskan oleh pihak JKR telah menjadi antara punca kepada kelewatan pelaksanaan projek dan projek gagal disiapkan serta menyebabkan Kerajaan terpaksa mengalami kerugian yang lebih besar. Ini telah menunjukkan kelemahan pengurusan dalam pelaksanaan projek oleh pihak JKR.

13.5.2.2. Pentadbiran Kontrak

Bagi memastikan pembinaan sesuatu projek mencapai piawaian serta kualiti yang ditetapkan, pentadbiran kontrak hendaklah dilaksanakan mengikut peraturan dan syarat-syarat kontrak yang ditetapkan.

a. Kontraktor Gagal Melantik Penyelaras Mekanikal dan Elektrik *Industrialized Building System* Berkelayakan

i. Mengikut klausa 28 dalam Arahan Kepada Petender, Seksyen I - Kehendak-kehendak Am Kontrak, kontraktor hendaklah menyediakan lukisan koordinasi kerja mekanikal dan elektrikal bagi penyelarasan bersepadu kerja-kerja di tapak bina. Kontraktor hendaklah juga melantik Penyelaras M&E IBS yang mempunyai Ijazah dalam bidang mekanikal atau elektrik serta berpengalaman dalam bidang pembinaan bagi memantau dan mengawasi kerja-kerja berdasarkan lukisan koordinasi. Penyelaras M&E IBS ini perlu dilantik daripada tarikh milik tapak projek

atau selewat-lewatnya semasa kerja pembinaan *ground beam* dijalankan. Selain itu, klausa 57 Seksyen II - Senarai Kuantiti pula turut menyatakan, *all mechanical and electrical works (e.g. conduits, openings, back boxes, etc.) shall be coordinated with architectural and structural works for implementation of IBS including Modular Coordination. The successful tenderer shall appoint an IBS M&E coordinator with 5 years minimum experience to realize this coordination and implementation for the whole project*.

ii. Semakan Audit terhadap maklumat pelantikan Penyelaras M&E IBS oleh MJPSB mendapati pelantikan tersebut hanya mula dibuat pada bulan November 2012 iaitu empat bulan selepas tarikh milik tapak. Terdapat tiga kali pelantikan Penyelaras M&E IBS dilaksanakan oleh kontraktor kerana Penyelaras M&E IBS yang dilantik sebelumnya telah berhenti. Selanjutnya, didapati berlaku ketiadaan Penyelaras M&E IBS di tapak bagi tempoh tujuh dan 12 bulan setelah pemberhentian Penyelaras M&E IBS lantikan pertama dan kedua masing-masing sehingga pelantikan Penyelaras M&E IBS kali ketiga dilaksanakan mulai bulan Disember 2015 hingga November 2016. Secara keseluruhannya, Penyelaras M&E IBS hanya bertugas di tapak pembinaan selama 29 bulan (54.7%) daripada tempoh kontrak selama 53 bulan seperti maklumat dalam **Jadual 13.7**. Semakan Audit selanjutnya terhadap maklumat pelantikan dua Penyelaras M&E IBS terdahulu mengesahkan kelayakan mereka yang telah menepati Kehendak-kehendak Am Kontrak. Bagaimanapun, berdasarkan rumusan penilaian kakitangan kontraktor yang dibuat oleh perunding arkitek bagi tempoh bulan Disember 2015 hingga November 2016 mendapati kontraktor telah melantik Penyelaras M&E IBS ketiga yang hanya memiliki Diploma Kejuruteraan Elektrikal Kuasa. Berdasarkan surat bertarikh 10 Jun 2016 yang dikeluarkan oleh perunding Arkitek kepada kontraktor turut menyatakan hasil pemantauan daripada bulan Disember 2015 hingga Mei 2016 mendapati Penyelaras M&E IBS yang dilantik tidak arif mengenai cara-cara pengendalian dan tugas, terutamanya gagal menyelia kerja M&E di tapak dengan menggunakan lukisan koordinasi M&E.

JADUAL 13.7
MAKLUMAT PELANTIKAN PENYELARAS MEKANIKAL DAN ELEKTRIK *INDUSTRIALIZED BUILDING SYSTEM*

BIL.	PELANTIKAN	TAHUN BERKHIDMAT	TEMPOH BERKHIDMAT (Bulan)
1.	Penyelaras M&E 1	November 2012 – Mei 2013	7
2.	Penyelaras M&E 2	Januari 2014 – Oktober 2014	10
3.	Penyelaras M&E 3	Disember 2015 – November 2016	12
JUMLAH			29

Sumber: Pejabat Tapak Hospital Bera

b. Kontraktor Gagal Melantik *Independent Inspection Authority/Inspector Welder*

Mengikut klausa 5.2 dalam JKR *Standard Specifications For Structural Steel Work,* Seksyen I - Kehendak-kehendak Am Kontrak menyatakan, *the contractor shall appoint an Independent Inspection Authority to endorse the welder's certification and also to approve the welding procedures and test procedures for welding works.* Bagaimanapun, semakan Audit terhadap **minit-minit Mesyuarat Tapak Bilangan 34 serta Mesyuarat Pemantauan Mingguan Bilangan 29, 30 dan 31 menunjukkan antara perkara yang dibangkitkan dalam semua mesyuarat tersebut ialah mengenai kegagalan kontraktor untuk melantik pihak *Independent Inspection Authority/Inspector Welder*.** Ini menunjukkan bahawa **tiada pengesahan telah dibuat oleh pihak *Independent Inspection Authority/Inspector Welder* terhadap kerja-kerja kimpalan kerangka bumbung yang telah dilaksanakan di tapak pembinaan**. Oleh itu, kerja-kerja pemasangan bumbung selanjutnya tidak boleh dilaksanakan selagi pengesahan tidak dibuat terhadap kerja-kerja kimpalan kerangka bumbung. Seterusnya semakan Audit terhadap NCR yang dikeluarkan oleh perunding mendapati laporan mengenai ketidaksempurnaan kerja-kerja kimpalan pada sambungan kerangka bumbung besi di Blok A (**Jadual 13.8**). Lawatan dan pemeriksaan Audit pada 21 Jun 2016 di tapak pembinaan mendapati bumbung yang belum dipasang di Blok A (**Gambar 13.1** dan **13.2**) selain kerja-kerja kimpalan tersebut yang tidak sempurna.

JADUAL 13.8
LAPORAN KETIDAKPATUHAN BERKAITAN KERJA KIMPALAN DI BLOK A

BIL.	NO. NCR	TARIKH DIKELUARKAN	BUTIRAN NCR
1.	97	09.03.2016	Anggota kekuda B2 dengan B1 menggunakan besi t10 di bahagian sambungan dan kimpalan tidak sempurna.
2.	98	09.03.2016	Anggota kekuda B2 dengan kerangka utama aT1b kimpalan tidak penuh dan sempurna.
3.	99	09.03.2016	Anggota kekuda R1 dengan kerangka utama aT1c kimpalan tidak penuh dan sempurna.
4.	101	09.03.2016	Anggota kekuda R1 dengan kerangka utama bumbung aT1 dan aT1c kimpalan tidak penuh dan sempurna.
5.	102	09.03.2016	Anggota kekuda kerangka B1 dengan anggota kerangka bumbung R1 tiada kimpalan/tidak penuh dan ruang sambungan yang besar.
6.	103	09.03.2016	Anggota kekuda kerangka B1 dengan anggota kerangka bumbung R1 tiada kimpalan/tidak penuh dan menggunakan besi plat kecil sebagai sambungan.
7.	104	09.03.2016	Anggota kekuda kerangka B1 dan B2 penggunaan besi plat kecil di bahagian sambungan.
8.	106	09.03.2016	Anggota kekuda kerangka R1, aT3 dan aT2 bertemu dengan aT1a tiada kimpalan/tidak penuh dan ruang sambungan yang besar.
9.	107	09.03.2016	Anggota kekuda kerangka R1 bertemu dengan aT1a tiada kimpalan/tidak penuh dan ruang sambungan yang besar.

Sumber: Log Laporan Ketidakpatuhan Sivil dan Struktur Pejabat Tapak Hospital Bera

GAMBAR 13.1



Blok A
- Kimpalan Pada Sambungan Kerangka Bumbung Besi Belum Sempurna
(21.06.2016)

GAMBAR 13.2



Blok A
- Bumbung Masih Belum Dipasang
(21.06.2016)

c. Kekurangan Bilangan Pekerja di Tapak Pembinaan

Berdasarkan norma bilangan pekerja yang diperlukan bagi menyiapkan projek mengikut jadual adalah antara 175 hingga 272 pekerja. Bilangan ini dianggap wajar dan mencukupi berdasarkan kompleksiti dan tahap kemahiran melakukan tugas. Bagaimanapun, **analisis Audit terhadap data yang dikemukakan bagi tempoh bulan Januari 2015 hingga Mei 2016 menunjukkan kekurangan bilangan pekerja di tapak pembinaan projek** antara 9.7% hingga 83.0% berbanding norma yang ditetapkan (**Jadual 13.9**). Seterusnya semakan Audit mendapati isu kekurangan pekerja telah dibincangkan dalam Mesyuarat Tapak Bilangan 32, 33 dan 34. Kontraktor juga sedia maklum tentang keperluan pekerja di tapak yang masih belum mencukupi.

JADUAL 13.9
ANALISIS BILANGAN PEKERJA DI TAPAK PEMBINAAN
BAGI TEMPOH BULAN JANUARI 2015 HINGGA MEI 2016

TAHUN	BULAN	BILANGAN PEKERJA			
		JADUAL	SEBENAR	KEKURANGAN	%
2015	Januari	175	86	89	50.9
	Februari	175	79	96	54.9
	Mac	165	149	16	9.7
	April	173	144	29	16.8
	Mei	168	117	51	30.4
	Jun	168	117	51	30.4
	Julai	168	117	51	30.4
	Ogos	272	180	92	33.8
	September	200	160	40	20.0
	Oktober	200	34	166	83.0
	November	200	40	160	80.0
	Disember	200	52	148	74.0
2016	Januari	200	52	148	74.0
	Februari	163	99	64	39.3
	Mac	200	119	81	40.5
	April	200	151	49	24.5
	Mei	226	174	52	23.0

Sumber: Dokumen Taklimat Pemantauan Projek Hospital Bera Pada 21 Jun 2016

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 3 Mei 2017

Bagi Penyelaras M&E IBS yang ketiga, JKR mendapati beliau tidak cekap melaksanakan kerja-kerja penyeliaan serta gagal menepati piawaian yang ditetapkan. Oleh yang demikian, tiada sebarang bayaran bagi perkhidmatan yang telah dilaksanakan. Kontraktor mengalami kesukaran untuk melantik Penyelaras M&E IBS atas faktor demografi.

Pada pendapat Audit, kegagalan kontraktor melantik Penyelaras M&E IBS yang berkelayakan dan untuk tempoh 24 bulan (45.3%) daripada tempoh kontrak selama 53 bulan serta gagal melantik pihak *Independent Inspection Authority/Inspector Welder* selain kekurangan pekerja di tapak pembinaan telah menyumbang kepada kegagalan projek. Selain itu, JKR kurang berkesan dalam menguatkuasakan pematuhan terhadap klausa kontrak.

13.5.3. Kualiti Pembinaan

13.5.3.1. Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi/Lukisan dan Tidak Sempurna

Kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan menepati tahap piawaian yang diterima pakai supaya bangunan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Kualiti pembinaan tidak boleh diabaikan di dalam mencapai sasaran penyiapan sesuatu kerja. Kerja yang tidak mengikut spesifikasi dengan penggunaan bahan yang tidak berkualiti boleh menjejaskan kualiti pembinaan manakala kerja yang tidak mengikut lukisan dan tidak sempurna menyebabkan kecacatan reka bentuk bangunan. Lawatan Audit pada 20 dan 21 Jun 2016 mendapati perkara seperti jadual berikut:

JADUAL 13.10
KERJA TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI/LUKISAN DAN TIDAK SEMPURNA

LOKASI	KUALITI KERJA	BUTIRAN KERJA	RUJUKAN GAMBAR	ULASAN
Blok A (Bangunan Utama)	Tidak Mengikut Spesifikasi/ Lukisan	Kemasan dinding jenis *skimcoat* tidak mengikut spesifikasi sepatutnya dari jenis *barium plaster* di Unit Pengimejan (X-ray).	-	Penggunaan jenis *barium plaster* bagi kemasan dinding bertujuan untuk perlindungan radiasi.
		Kerja-kerja penebukan dinding untuk laluan konduit tidak mematuhi tatacara kerja yang diluluskan.	13.3	Menjejaskan kekuatan struktur dinding.
		Penebukan batu-bata melebihi ketebalan yang dibenarkan.	13.4	
	Tidak Sempurna	*Trunking* dibengkokkan pada sudut 90º.	13.5 dan 13.6	Sepatutnya dibengkokkan pada sudut 45º. Ia boleh menyebabkan tekanan ke atas kabel di dalam *trunking*.
		Paip air diikat menggunakan tali.	13.7	-

LOKASI	KUALITI KERJA	BUTIRAN KERJA	RUJUKAN GAMBAR	ULASAN
Blok C (Bangunan Perkhidmatan Sokongan Kejuruteraan)	Tidak Mengikut Spesifikasi/ Lukisan	Pemasangan *bolt* dan *nut* kerangka bumbung pada plat *L-angle* tidak mengikut spesifikasi dan *bolt* dipasang tidak selari.	13.8 dan 13.9	-
Kuarters	Tidak Mengikut Spesifikasi/ Lukisan	Kerangka bumbung besi berkarat kerana menggunakan cat anti karat yang tiada kelulusan bahan.	13.10 dan 13.11	Menjejaskan kekukuhan kerangka bumbung.
		Pemasangan konduit tidak menggunakan jenis besi bergalvani.	13.12 dan 13.13	-
		Kotak soket jenis PVC digunakan untuk pendawaian konduit. Sepatutnya jenis besi bergalvani.	13.14 dan 13.15	Jenis PVC mudah pecah berbanding jenis besi bergalvani dan akan meningkatkan kos penyenggaraan.
	Tidak Sempurna	Penebukan pada kemasan *skimcoat* dinding yang telah siap untuk laluan servis M&E.	13.16 dan 13.17	Menjejaskan kekuatan struktur dinding.
Link Way	Tidak Mengikut Spesifikasi/ Lukisan	Pembinaan rasuk bumbung untuk *link way* kuarters F dan G tidak mengikut lukisan. Tiada 450mm *drop*. **Rajah 13.1**	13.18	-
	Tidak Sempurna	*Honeycomb* pada permukaan struktur konkrit di *link way* blok C & D.	13.19	Melemahkan struktur konkrit *beam* dan *column*.

Sumber: Log Laporan Ketidakpatuhan Pejabat Tapak Hospital Bera

GAMBAR 13.3



Blok A
- Penebukan Dinding Untuk Laluan Konduit Tidak Mematuhi Tatacara Kerja yang Diluluskan
(20.06.2016)

GAMBAR 13.4



Tandas OKU Di Blok A
- Penebukan Batu-bata Melebihi Ketebalan yang Dibenarkan
(20.06.2016)

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 13.5



Blok A
- *Trunking* Dibengkokkan Pada Sudut 90°
(21.06.2016)

SELEPAS KERJA PEMBAIKAN

GAMBAR 13.6



Blok A
- *Trunking* Telah Dibengkokkan Pada Sudut 45° Selepas Teguran Audit
(31.10.2016)



GAMBAR 13.7

Blok A
- Paip Air Diikat Menggunakan Tali
(21.06.2016)

GAMBAR 13.8



GAMBAR 13.9



Blok C
- Pemasangan *Bolt* Dan *Nut* Kerangka Bumbung Pada Plat *L-Angle* Tidak Mengikut Spesifikasi dan *Bolt* Dipasang Tidak Selari
(20.06.2016)

GAMBAR 13.10



GAMBAR 13.11



Kuarters Jenis D
- Kerangka Bumbung Besi Berkarat
(21.06.2016)

GAMBAR 13.12



GAMBAR 13.13



Kuarters Jenis F
- Pemasangan Konduit Menggunakan Paip Jenis PVC. Sepatutnya Menggunakan Jenis Besi Bergalvani
(21.06.2016)

GAMBAR 13.14



GAMBAR 13.15



Kuarters Jenis F
- Kotak Soket Jenis PVC Digunakan Untuk Pendawaian Konduit. Sepatutnya Menggunakan Jenis Besi Bergalvani
(21.06.2016)

GAMBAR 13.16




GAMBAR 13.17



Kuarters Jenis D
- Penebukan Pada Kemasan *Skimcoat* Dinding yang Telah Siap Untuk Laluan Servis M&E
(21.06.2016)

RAJAH 13.1
PEMBINAAN RASUK BUMBUNG UNTUK *LINK WAY* KUARTERS BLOK F & G TIDAK MENEPATI KEHENDAK LUKISAN IAITU TIADA 450MM *DROP*



Sumber: Lukisan Kuarters Kediaman Jenis G (Keratan C-C) No. Lukisan : TA002/HBR/B/QFG-07

GAMBAR 13.18



***Link Way* Kuarters Blok F & G**
- Pembinaan Rasuk Bumbung Untuk *Link Way* Tidak Mengikut Lukisan. Tiada 450mm *Drop*
(20.06.2016)

GAMBAR 13.19



***Link Way* Di Blok C & D**
- *Honeycomb* Pada Permukaan Struktur Konkrit
(20.06.2016)

Pada pendapat Audit, kegagalan kontraktor melaksanakan kerja dengan sempurna dan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan telah dan akan menjejaskan kualiti pembinaan.

13.5.3.2. Laporan Ketidakpatuhan Yang Belum Diambil Tindakan

Kerja rektifikasi perlu diambil tindakan pembaikan dan pembetulan dalam tempoh yang ditetapkan bagi memastikan kerja-kerja pembinaan seterusnya tidak tertangguh dan dapat dilaksanakan selari dengan jadual pelaksanaan yang telah ditetapkan. Kelewatan menyiapkan kerja rektifikasi yang besar menyebabkan tempoh penyiapan projek terjejas. Semakan Audit mendapati sepanjang tempoh pembinaan bermula sehingga 31 Mei 2016 **sebanyak 321 kerja rektifikasi dalam disiplin Arkitek, Elektrik, Mekanikal, Sivil dan Struktur yang dinyatakan melalui NCR telah dikeluarkan**. **Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 207 (64.5%) NCR belum diambil tindakan oleh kontraktor**. Daripada 207 NCR, 55 NCR merupakan kerja yang melibatkan Sivil & Struktur. Antara NCR tersebut adalah reka bentuk kerangka bumbung tidak sama dengan lukisan, pemasangan anggota kekuda bumbung tidak mengikut lukisan pembinaan, kimpalan tidak berkualiti dan penebukan tiang sehingga menampakkan rasuk besi tetulang. Kegagalan kontraktor mengambil tindakan terhadap 27 NCR *major* yang dikeluarkan oleh perunding boleh melemahkan struktur bangunan. Perkara ini telah dimaklumkan kepada kontraktor setiap kali mesyuarat tapak dan mesyuarat pemantauan mingguan. Butiran lanjut seperti jadual-jadual berikut:

JADUAL 13.11
STATUS LAPORAN KETIDAKPATUHAN SEHINGGA 31 MEI 2016

BIDANG	BILANGAN LAPORAN KETIDAKPATUHAN			
	DIKELUARKAN	SELESAI	BELUM SELESAI	% BELUM SELESAI
Arkitek	140	16	124	88.6
Elektrik	15	15	-	-
Mekanikal	48	20	28	58.3
Sivil & Struktur	118	63	55	46.6
JUMLAH	**321**	**114**	**207**	**64.5**

Sumber: Log Laporan Ketidakpatuhan Pejabat Tapak Hospital Bera

JADUAL 13.12
LAPORAN KETIDAKPATUHAN SIVIL & STRUKTUR *MAJOR* SEHINGGA 31 MEI 2016

BIL.	NO. NCR	TARIKH DIKELUARKAN	BUTIRAN NCR	KESAN
1.	48	21.05.2014	Blok D - Reka bentuk kerangka berbumbung tidak sama dengan lukisan, kimpalan tidak berkualiti, tiada *splice connection* dan tiada pemeriksaan ketinggian kerangka.	Menjejaskan kekuatan kerangka bumbung.
2.	64	28.01.2015	Besi tetulang tanpa *mill certificate*/sijil daripada SIRIM.	Jika besi yang digunakan didapati tidak mencapai piawaian yang ditetapkan, kerja konkrit bertetulang perlu dibina semula.

BIL.	NO. NCR	TARIKH DIKELUARKAN	BUTIRAN NCR	KESAN
3.	67	25.02.2015	Kuarters Jenis D - Kerja penebukan tiang sehingga menampakkan rasuk besi tetulang dan *link*. Penampalan semula menggunakan simen montar. Kerja dijalankan tanpa merujuk perunding.	Menjejaskan kekukuhan tiang.
4.	70	09.03.2015	Blok A - Kerja pembuangan *floor trunking* dan pemotongan papak konkrit serta penampalan semula menggunakan simen montar.	Kerja pembaikan struktur yang tidak mengikut tatacara kerja yang betul boleh melemahkan struktur asal papak lantai.
5.	72	16.04.2015	Blok C - Pemasangan anggota kekuda berbumbung tidak mengikut lukisan pembinaan dan pembinaan anggota di tapak tidak mengikut dimensi seperti lukisan pembinaan.	Kekuatan anggota kekuda bumbung diragui.
6.	73	16.04.2015	Blok D - Kerja penebukan lubang pada papak lantai (Aras Ground Level) tanpa kebenaran perunding.	Menjejaskan kekuatan papak lantai.
7.	74	16.04.2015	Blok A - Kerja penebukan lubang pada lantai dan rasuk (Ground Beam) tanpa kebenaran perunding.	Menjejaskan kekuatan lantai.
8.	76	29.04.2015	Kuarters Jenis F - Kerja-kerja pemecahan struktur tiang utama.	Menjejaskan kekukuhan tiang.
9.	81	20.08.2015	Kuarters Jenis D - *Trusses* berkarat akibat kimpalan sementara (platform) & hujan; - cat bukan jenis anti karat dan tiada kelulusan bahan; - sambungan tidak sempurna, berkarat, ruang besar pada sambungan; - mutu kimpalan tidak sekata; dan - tapak anggota berkarat dan tidak dikimpal sepenuhnya.	Menjejaskan kekuatan sambungan kerangka bumbung.
10.	82	09.10.2015	Asrama Jururawat - Struktur rasuk patah akibat dilanggar jentera berat.	Struktur rasuk patah perlu dibina semula.
11.	86	29.10.2015	Blok B - kerja pemecahan tiang di buat tanpa kelulusan perunding sehingga berongga.	Menjejaskan kekukuhan tiang.
12.	93	25.01.2016	Kuarters D1 - Kerja penebukan rasuk tanpa merujuk perunding dan tiada *work method statement.*	Menjejaskan kekukuhan rasuk.
13.	94	25.01.2016	Kuarters D2 - Kerja penebukan rasuk tanpa merujuk perunding dan tiada *work method statement.*	Menjejaskan kekukuhan rasuk.
14.	95	25.01.2016	Kuarter D3 - Kerja penebukan rasuk dan *half slab* tanpa merujuk perunding dan tiada *work method statement.*	Menjejaskan kekukuhan rasuk.
15.	97	09.03.2016	Blok A - Anggota kekuda B2 dengan B1 menggunakan besi t10 di bahagian sambungan dan kimpalan tidak sempurna.	Menjejaskan kekuatan sambungan kerangka bumbung.
16.	98	09.03.2016	Blok A - Anggota kekuda B2 dengan kerangka utama aT1b kimpalan tidak penuh dan sempurna.	Menjejaskan kekuatan sambungan kerangka bumbung.
17.	99	09.03.2016	Blok A - Anggota kekuda R1 dengan kerangka utama aT1c kimpalan tidak penuh dan sempurna.	Menjejaskan kekuatan sambungan kerangka bumbung.
18.	101	09.03.2016	Blok A - Anggota kekuda R1 dengan kerangka utama bumbung aT1 dan aT1c kimpalan tidak penuh dan sempurna.	Menjejaskan kekuatan sambungan kerangka bumbung.
19.	102	09.03.2016	Blok A - Anggota kekuda kerangka B1 dengan anggota kerangka bumbung R1 tiada kimpalan/tidak penuh dan ruang sambungan yang besar.	Menjejaskan kekuatan sambungan kerangka bumbung.
20.	103	09.03.2016	Blok A - Anggota kekuda kerangka B1 dengan anggota kerangka bumbung R1 tiada kimpalan/tidak penuh dan menggunakan besi plat kecil sebagai sambungan.	Menjejaskan kekuatan sambungan kerangka bumbung.

BIL.	NO. NCR	TARIKH DIKELUARKAN	BUTIRAN NCR	KESAN
21.	104	09.03.2016	Blok A - Anggota kekuda kerangka B1 dan B2 penggunaan besi plat kecil di bahagian sambungan.	Menjejaskan kekuatan sambungan kerangka bumbung.
22.	105	09.03.2016	Blok A - Anggota kekuda kerangka B1 dan kerangka utama aT1b penggunaan besi plat kecil di bahagian sambungan.	Menjejaskan kekuatan sambungan kerangka bumbung.
23.	106	09.03.2016	Blok A - Anggota kekuda kerangka R1, aT3 dan aT2 bertemu dengan aT1a tiada kimpalan/tidak penuh dan ruang sambungan yang besar.	Menjejaskan kekuatan sambungan kerangka bumbung.
24.	107	09.03.2016	Blok A - Anggota kekuda kerangka R1 bertemu dengan aT1a tiada kimpalan/tidak penuh dan ruang sambungan yang besar.	Menjejaskan kekuatan sambungan kerangka bumbung.
25.	113	14.04.2016	Kuarters F - Kerja penebukan rasuk bagi kerja M&E.	Menjejaskan kekukuhan rasuk.
26.	114	14.04.2016	Kuarters F - Kerja penebukan rasuk dan tiang bagi kerja M&E.	Menjejaskan kekukuhan rasuk dan tiang.
27.	115	14.04.2016	Kuarters F - Kerja penebukan rasuk bagi kerja M&E.	Menjejaskan kekukuhan rasuk.

Sumber: Log Laporan Ketidakpatuhan Sivil dan Struktur Pejabat Tapak Hospital Bera

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 3 Mei 2017

Jumlah NCR yang tinggi adalah disebabkan oleh kegagalan kontraktor melaksanakan kerja dengan sempurna dan tidak mengikut spesifikasi. Bagaimanapun, JKR telah berkali-kali mengingatkan kontraktor di dalam mesyuarat pemantauan mingguan dan mesyuarat tapak yang diadakan setiap bulan. Kontraktor telah disenaraihitam di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia [Akta 520].

Pada pendapat Audit, jumlah NCR yang tinggi dan belum diambil tindakan pembaikan dan pembetulan menunjukkan penyeliaan serta pengawasan perunding/JKR kurang berkesan.

13.5.3.3. Penyimpanan Bahan Binaan Tidak Teratur

a. Menurut amalan terbaik, kaedah menyimpan bahan binaan mestilah sesuai mengikut bahan binaan tersebut. Selain itu, kaedah penyimpanan yang sesuai dapat menjamin keselamatan bahan binaan daripada rosak dan kecurian.

b. Lawatan dan pemeriksaan Audit di tapak pembinaan pada 21 Jun 2016 mendapati kontraktor gagal menyimpan bahan binaan dengan kaedah yang sesuai mengikut bahan tersebut menyebabkan bahan binaan berkarat seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.20



GAMBAR 13.21



Kuarters Jenis D
- Besi Tetulang Dibiarkan Terdedah
(21.06.2016)



GAMBAR 13.22

Kuarters Jenis D
- Besi Tetulang Dibiarkan Terdedah Hingga Berkarat
(21.06.2016)

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 3 Mei 2017

JKR telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan NCR terhadap bahan binaan yang rosak dan tidak dapat digunakan. Bagaimanapun, tiada sebarang tindakan diambil oleh kontraktor sehinggalah penamatan projek. Oleh yang demikian, tiada bayaran akan dibuat bagi NCR yang telah dikeluarkan berkaitan bahan binaan tersebut dan perkara ini diambil kira dalam perakuan muktamad yang masih dalam peringkat penyediaan.

Pada pendapat Audit, kaedah penyimpanan bahan binaan di tapak projek yang tidak sesuai boleh menyebabkan bahan binaan rosak dan tidak dapat digunakan.

13.5.4. Pemantauan

Pemantauan terhadap kerja pembinaan hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi kerja serta disiapkan dalam masa yang ditetapkan.

13.5.4.1. Mesyuarat, Perbincangan dan Bengkel

a. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Mei 2016, JKR telah mengadakan mesyuarat, perbincangan dan bengkel sebanyak 97 kali berkaitan pengurusan projek dan kerja pembinaan. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 13.13
KEKERAPAN MESYUARAT, PERBINCANGAN DAN BENGKEL BERKAITAN PROJEK

BIL.	PERKARA	KEKERAPAN (Kali)
1.	Mesyuarat Tapak	35
2.	Mesyuarat Pemantauan Mingguan	22
3.	Mesyuarat Dan Perbincangan Teknikal	37
4.	Bengkel Pelan Pengurusan Projek, Pelan Mengatasi Risiko Dan *Project Solving Governance*	3
JUMLAH		**97**

Sumber: Dokumen Taklimat Pemantauan Projek Hospital Bera Pada 21 Jun 2016

b. Antara perkara yang dibincangkan adalah kemajuan kerja yang tidak memberangsangkan seperti kelewatan penyiapan bumbung Blok A (Blok Utama) telah menjejaskan semua bidang kerja terutamanya kerja mekanikal dan elektrik. Selain itu, terdapat pelbagai isu pengurusan di tapak yang masih tidak dapat diselesaikan seperti kekurangan pekerja dan pekerja tidak mahir.

Maklum Balas KKM yang Diterima Pada 3 Mei 2017

KKM telah mengambil langkah proaktif dengan memantau prestasi pelaksanaan projek ini secara berkala menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) KKM yang dipengerusikan oleh KSU sejak Mesyuarat JTPK Bil. 12 Tahun 2014.

Pada pendapat Audit, walaupun mesyuarat, perbincangan dan bengkel melibatkan JKR, perunding, kontraktor dan KKM dibuat dengan kerap namun ia masih tidak berkesan kerana tidak dapat menyelesaikan masalah yang timbul dalam pelaksanaan projek.

13.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan projek pembinaan hospital dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan perkara dibangkitkan tidak berulang yang menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung kerugian, adalah disyorkan pihak yang terlibat memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

13.6.1. hanya kontraktor yang berdaftar di bawah bidang pengkhususan kod B29 iaitu untuk Kerja Bangunan Kesihatan akan dipertimbangkan untuk penilaian tender bagi mengelakkan kegagalan pelaksanaan projek yang akan merugikan Kerajaan dan rakyat;

13.6.2. tindakan punitif hendaklah diambil terhadap pegawai yang gagal dalam melaksanakan tanggungjawab mereka sehingga menyebabkan projek gagal disiapkan dan mengakibatkan Kerajaan mengalami kerugian dari aspek masa dan kos;

13.6.3. meningkatkan tahap koordinasi dan kolaborasi di antara KKM, JKR dan perunding dalam mengenalpasti dan menentukan keperluan fungsi dan operasi kerja hospital serta melaksanakan penggunaan *Building Information Modelling* bagi mengatasi masalah percanggahan dan perubahan dalam lukisan pembinaan;

13.6.4. JKR dan perunding hendaklah memastikan penyeliaan dan pengawasan yang rapi serta berkesan terhadap pengurusan di tapak pembinaan. Kerja rektifikasi terhadap semua NCR hendaklah diambil tindakan pembaikan dan pembetulan dalam tempoh yang ditetapkan; dan

13.6.5. JKR perlu menguruskan dengan segera pelantikan kontraktor baharu yang memenuhi kriteria penilaian tender, berkeupayaan dan berpengalaman bagi menyiapkan projek untuk mengelakkan struktur sedia ada mengalami kemerosotan bahan.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

14. JABATAN TENAGA MANUSIA
- PEROLEHAN PROJEK NAIK TARAF INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN

14.1. LATAR BELAKANG

14.1.1. Jabatan Tenaga Manusia (JTM) telah ditubuhkan pada tahun 1967 di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk menyedia dan menjalankan program latihan kemahiran bagi memenuhi keperluan dan meningkatkan taraf kemahiran pekerja untuk sektor perindustrian. Bagi menyediakan latihan vokasional, sebanyak 32 Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) telah ditubuhkan terdiri daripada 23 Institut Latihan Perindustrian (ILP), lapan Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan satu Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI). Secara amnya, tahap kursus yang ditawarkan bagi kesemua institut adalah diperingkat sijil dan diploma.

14.1.2. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), sebanyak RM184 juta telah diperuntukkan kepada JTM bagi menaik taraf ILJTM. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM149 juta telah dibelanjakan khusus bagi menaik taraf ILP meliputi perolehan peralatan untuk pembelajaran, kerja pembinaan dan pengubahsuaian bengkel serta kemudahan pelajar. Proses perolehan bagi naik taraf ILP dilaksanakan secara tender dan sebut harga melibatkan KSM, JTM dan ILP. Bagi perolehan secara sebut harga, ILP dan JTM hanya bertanggungjawab menetapkan harga anggaran Jabatan manakala proses perolehan selanjutnya diuruskan oleh KSM. Perolehan secara tender pula diurus sepenuhnya oleh Bahagian Kewangan dan Perolehan KSM. Selanjutnya, proses pembayaran dilaksanakan oleh JTM bagi kedua-dua jenis perolehan.

14.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai Perolehan Projek Naik Taraf Institut Latihan Perindustrian diuruskan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan.

14.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ditumpukan kepada naik taraf ILP yang melibatkan perolehan bekalan dan kerja bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 meliputi perancangan, pembelian, penerimaan, pengagihan, penggunaan, penyelenggaraan rekod dan bayaran kepada kontraktor/pembekal. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Pembangunan Kemahiran (BPK), JTM, Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Sumber Manusia,

KSM dan lapan daripada 23 ILP yang telah dipilih sebagai sampel Audit berdasarkan zon dan jumlah agihan peralatan yang tertinggi. Lapan ILP yang dimaksudkan itu adalah ILP Kuala Lumpur, Bukit Katil, Jitra, Kuantan, Kota Samarahan, Miri, Labuan dan Kota Kinabalu.

14.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan pengurusan perolehan. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat serta pemeriksaan fizikal terhadap kerja yang dilaksanakan dan peralatan yang diterima juga telah diadakan.

14.5. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2016 mendapati pengurusan Projek Naik Taraf ILP telah dapat memberi kemudahan pembelajaran yang lebih baik dan selesa kepada pelajar, pengajar dan kakitangan ILP. Bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah kurang memuaskan kerana kurang kecekapan dalam pelaksanaan projek dan pentadbiran kontrak. Antara kelemahan yang ditemui dan perlu diberi perhatian adalah seperti yang berikut:

i. sebanyak 48 sebut harga dan 17 pembelian terus bagi perolehan kerja berjumlah RM10.42 juta telah dipecahkecilkan di ILP Bukit Katil, Kuantan, Labuan dan Kuala Lumpur bagi mengelakkan perolehan secara tender;

ii. penggunaan khidmat pengangkutan dan kemudahan peralatan dalam kontrak berjumlah RM34,500 telah dibuat tanpa kelulusan Pegawai Pengawal;

iii. Perakuan Siap Kerja dikeluarkan sebelum kerja disiapkan berdasarkan kehendak kontrak;

iv. Ukuran Senarai Kuantiti (BQ) melebihi ukuran sebenar dengan perbezaan harga sebanyak RM0.16 juta;

v. sebanyak sembilan peralatan bernilai RM0.71 juta telah digugurkan daripada kontrak akibat kegagalan kontraktor membekalkan peralatan mengikut harga, spesifikasi atau tempoh penghantaran ditetapkan. Berdasarkan rekod KSM, tindakan penamatan kontrak, rampasan bon dan bayaran denda tidak diambil segera sebagaimana ditetapkan dalam kontrak;

vi. kerosakan mesin *Bandsaw* berharga RM68,000 di ILP Miri lambat dibaiki sehingga 343 hari; dan

vii. kontrak perolehan kerja dan bekalan telah lewat ditandatangani antara 30 hingga 117 hari dari tempoh yang ditetapkan.

Perkara yang ditemui dan maklumbalas KSM telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 18 November 2016. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti perenggan berikut:

14.5.1. Prestasi Kewangan

14.5.1.1. Proses perolehan secara tender disediakan di peringkat KSM dan keputusan dibuat oleh Lembaga Perolehan KSM. Manakala perolehan yang melibatkan sebut harga dilaksanakan di peringkat ILP/JTM. Proses pembayaran dilaksanakan sepenuhnya oleh JTM. Melalui peruntukan pembangunan RMKe-10 bagi projek Naik Taraf ILP untuk tempoh tahun 2013 hingga 2015, JTM telah membelanjakan sejumlah RM118.86 juta (88.1%) daripada keseluruhan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM134.92 juta kepada 23 ILP terlibat. Butiran terperinci mengenai peruntukan dan perbelanjaan menaiktaraf ILP untuk tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEROLEHAN NAIK TARAF ILP BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2015

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
2013	65.32	57.94	88.7
2014	53.91	45.91	85.1
2015	15.69	15.01	95.7
JUMLAH	**134.92**	**118.86**	**88.1**

Sumber: Cawangan Kewangan dan Pembangunan, KSM

14.5.1.2. Prestasi perbelanjaan bagi lapan ILP yang diaudit untuk tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah sebanyak RM56.31 juta (89.5%) berbanding dengan jumlah peruntukan yang diagihkan berjumlah RM62.90 juta. Butiran lanjut mengenai peruntukan dan perbelanjaan bagi lapan ILP adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEROLEHAN NAIK TARAF BAGI LAPAN ILP UNTUK TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2015

ILP	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS (%) PERBELANJAAN
Bukit Katil	7.60	7.32	96.3
Jitra	9.20	7.58	82.4
Kota Kinabalu	3.79	3.53	93.1
Kota Samarahan	3.72	3.30	88.7
Kuala Lumpur	6.19	5.79	93.5
Kuantan	12.81	11.95	93.3
Labuan	13.77	11.33	82.3
Miri	5.82	5.51	94.7
JUMLAH KESELURUHAN	**62.90**	**56.31**	**89.5**

Sumber: Cawangan Kewangan dan Pembangunan, KSM

14.5.1.3. Semakan lanjut di lapan ILP mendapati sebanyak 147 tender, 79 sebut harga dan 19 pembelian terus bagi perolehan kerja dan bekalan telah ditawarkan sepanjang tahun 2013 hingga 2015 dengan nilai perolehan berjumlah RM56.30 juta. Kedudukan terperinci mengikut kategori perolehan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.3
BILANGAN PEROLEHAN MENGIKUT KATEGORI PEROLEHAN

PEROLEHAN	BEKALAN		KERJA		JUMLAH BESAR	
	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)
Tender	131	23.86	16	14.89	147	38.75
Sebut Harga	25	5.21	54	11.89	79	17.10
Pembelian Terus	-	-	19	0.45	19	0.45
JUMLAH		**29.07**		**27.23**		**56.30**

Sumber: Cawangan Kewangan dan Pembangunan, KSM

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan Projek Naik Taraf ILP adalah baik di mana RM118.86 juta atau 88.1% telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan sebanyak RM134.92 juta.

14.5.2. Pengurusan Perolehan

14.5.2.1. Pecah Kecil Perolehan

Perancangan perolehan tahunan agensi adalah penting untuk memastikan perolehan tidak dipecah kecil untuk mengelak sebut harga atau tender. Berdasarkan AP 181 (a), perolehan kerja yang dianggarkan bernilai melebihi RM500,000 hendaklah dipelawa secara tender. Kementerian/Jabatan dilarang memecah kecil nilai perolehan bagi mengelakkan pelawaan secara tender. Semakan Audit mendapati 48 sebut harga bernilai RM9.98 juta dan 17 pembelian terus bernilai RM0.44 juta bagi perolehan kerja yang ditawarkan sepanjang tahun 2013, telah dipecahkecilkan di ILP Bukit Katil, ILP Kuantan, ILP Labuan dan ILP Kuala Lumpur bagi mengelakkan perolehan secara tender. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 14.4
PECAH KECIL TENDER MELALUI SEBUT HARGA DAN PEMBELIAN TERUS

ILP	SEBUT HARGA		PEMBELIAN TERUS	
	JENIS PEROLEHAN KERJA	AMAUN (RM Juta)	JENIS PEMBELIAN TERUS	AMAUN (RM Juta)
Bukit Katil	i) Naik taraf bangunan asal ILP ii) Menurap semula jalan raya	2.97	-	-
Kuala Lumpur	i) Baik pulih bangunan ILP ii) Naik taraf bangunan ILP	1.71	i) Pembaikan ii) Membaik pulih ILP iii) Penyenggaraan ILP	0.23

ILP	SEBUT HARGA		PEMBELIAN TERUS	
	JENIS PEROLEHAN KERJA	AMAUN (RM Juta)	JENIS PEMBELIAN TERUS	AMAUN (RM Juta)
Kuantan	i) Naik taraf bangunan ILP ii) Memulihara bangunan ILP iii) Menyenggara bangunan ILP	3.54	i) Penyenggaraan ILP ii) Naik taraf ILP	0.06
Labuan	i) Pemuliharaan ILP ii) Naik taraf ILP	1.76	i) Bekalan ii) Naik taraf ILP iii) Penyenggaraan ILP	0.15
JUMLAH		**9.98**		**0.44**

Sumber: Cawangan Kewangan dan Pembangunan, KSM

Maklum Balas KSM yang Diterima Pada 4 November 2016

KSM/JTM tidak berhasrat untuk tidak mematuhi tatacara perolehan semasa yang berkuatkuasa atau memecah kecil perolehan tetapi sebaliknya sentiasa berusaha untuk mengekalkan prestasi perbelanjaan disamping menitikberatkan perkara-perkara yang berkaitan Arahan Perbendaharaan, pekeliling, prosedur dan tatacara semasa yang berkuatkuasa. Peruntukan yang banyak (melebihi RM500,000) disediakan di dalam satu tahun sahaja (2013) menyebabkan KSM/JTM sukar untuk membelanjakan peruntukan yang telah disalurkan secara optimum kerana proses perolehan kerja dibuat secara tender akan memakan masa yang lama antara lima ke enam bulan untuk melaksanakan proses pemilihan dan pelantikan perunding, proses penyediaan dokumen tender, proses tender dan proses penilaian tender. Manakala proses pelaksanaan kerja-kerja naik taraf dan memulihara struktur bangunan memerlukan masa diantara sembilan hingga 12 bulan. Oleh kerana terdapat kekangan dari segi masa dan peruntukan serta ditambah dengan komitmen Jabatan yang tinggi untuk membelanjakan peruntukan yang disediakan secara maksima, KSM dan JTM melalui beberapa mesyuarat dan perbincangan telah memutuskan untuk melaksanakan perolehan projek naik taraf fizikal secara sebut harga diperingkat Jabatan. Manakala projek naik taraf ILP Labuan pula dilaksanakan secara tender yang diurus selia oleh Kementerian kerana peruntukan bagi tahun 2014 disediakan.

Pada pendapat Audit, JTM tidak mematuhi prosedur perolehan Kerajaan dengan memecah kecil perolehan tanpa mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

14.5.2.2. Kontrak Perolehan Kerja Secara Tender

a. Sebanyak empat ILP yang dilawati telah terlibat dalam projek naik taraf yang melibatkan pertambahan bengkel dan kemudahan pelajar. Perolehan kerja adalah secara konvensional melalui kaedah tender terbuka di mana

pelantikan perunding dibuat oleh KSM sebelum projek dilaksanakan oleh kontraktor. Butiran projek adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.5
KONTRAK PEROLEHAN KERJA SECARA TENDER TERBUKA

ILP	PEROLEHAN KERJA				
	KONTRAKTOR / NO. KONTRAK	BUTIRAN PROJEK	TEMPOH KONTRAK	TARIKH SIAP KERJA	HARGA (RM Juta)
Jitra	S.T. Wawasan Mulia Sdn. Bhd. KSM/JTM/KONTRAK/M&M/ ILPJ/2014	Menaiktaraf dan Memulihara Struktur Bangunan ILP Jitra	10.11.2014 - 19.07.2015	19.07.2015	3.19
Kuantan	Maju Jaya KSM/JTM/KONTRAK/M&M/ ILPKTN/2014	Menaiktaraf dan Memulihara Struktur Bangunan ILP Kuantan	10.11.2014 - 09.07.2015	23.08.2015	3.50
Labuan	B Rafael Enterprise KSM/JTM/KONTRAK/M&M/ ILPLABUAN/2013	Menaiktaraf dan Memulihara Struktur Bangunan ILP Labuan	16.09.2013 - 15.11.2014	15.11.2014	3.79
Miri	Rosmawati Service Sdn. Bhd. KSM/JTM/KONTRAK/M&M/ ILPMIRI/2015	Menaiktaraf dan Memulihara Struktur Bangunan ILP Miri	07.05.2015 - 07.11.2015	27.11.2015	1.52
JUMLAH					**12.0**

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

b. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1999/1PP Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan, PK4 membenarkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan peralatan lain dengan menggunakan peruntukan Kerja Awalan (preliminaries). Bagi projek bernilai melebihi RM500,000, perkhidmatan pengangkutan boleh diperuntukkan di dalam kontrak. Kelulusan ini tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan. Semakan selanjutnya mendapati perkara berikut:

i. Penggunaan Pengangkutan dan Peralatan Tanpa Kelulusan

Kelulusan bagi perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan peralatan perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan sebelum ia dimasukkan dalam dokumen tender. Semakan Audit mendapati perunding bagi tender naik taraf ILP Jitra, Kuantan, Miri dan Labuan telah memasukkan keperluan perkhidmatan tersebut di dalam dokumen tender tanpa mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan. Butiran perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan peralatan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.6
KEMUDAHAN PERALATAN

ILP	PERALATAN PROJEK (Unit)	TARIKH CPC	PERALATAN		PENGANGKUTAN	JUMLAH (RM)
			TARIKH PULANG	NILAI KONTRAK (RM)	NILAI KONTRAK (RM)	
Jitra	• Dua *Smart Phone* • Satu *Notebook* • Satu *Printer*	19.07.2015	24.05.2016	10,500	7,000	**17,500**

ILP	PERALATAN PROJEK (Unit)	TARIKH CPC	PERALATAN		PENGANGKUTAN	JUMLAH (RM)
			TARIKH PULANG	NILAI KONTRAK (RM)	NILAI KONTRAK (RM)	
Kuantan	• Dua *Smart Phone* • Satu *Laptop* • Satu *Digital Camera* • Satu *Colour Printer* • Satu *Fax Machine* • Satu *Scanner*	23.08.2015	19.05.2016	3,000	5,000	**8,000**
Labuan	• Satu *Smart Phone*	15.11.2014	Tiada Maklumat	3,000	3,000	**6,000**
Miri	• Dua *IPhone 6* • Dua *Acer Notebook* • Satu *DSLR Camera* • Satu 3 *in 1 Printer* • Dua *Thumbdrive*	27.11.2015	Tiada Maklumat	3,000	Tidak Dinyatakan oleh Kontraktor	**3,000**
JUMLAH						**34,500**

Sumber: **Kementerian Sumber Manusia**
Nota: **CPC - Perakuan Siap Kerja**

ii. Perkhidmatan Pengangkutan Tidak Disediakan

Penggunaan perkhidmatan kenderaan dibenarkan bagi projek melebihi RM500,000 dengan kemudahan kenderaan sama ada motosikal atau pacuan empat roda 2,500cc disediakan oleh kontraktor bagi kegunaan Pegawai Penguasa atau wakilnya. Semakan Audit mendapati perkhidmatan kenderaan tersebut tidak disediakan oleh kontraktor sungguhpun telah dinyatakan dalam kontrak naik taraf ILP Jitra, Kuantan dan Labuan. Semakan juga mendapati bagi kontrak ILP Jitra, KSM telah mengarahkan agar kos penerbangan bagi tujuan lawatan ke tapak projek oleh pegawai KSM ditanggung oleh kontraktor.

Maklum Balas KSM yang Diterima Pada 4 November 2016

Kementerian memandang serius ketidakpatuhan untuk mendapat kelulusan Pegawai Pengawal sebelum dimasukkan dalam dokumen tender. Pihak KSM telah mengeluarkan surat peringatan kepada Penyelia Projek berkaitan pematuhan PK 4 mengenai pentadbiran kontrak, perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan peralatan.

Pada pendapat Audit, kenderaan projek sepatutnya disediakan sebagaimana dinyatakan dalam kontrak.

14.5.3. Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

Klausa 39 kontrak menetapkan agar Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan apabila Pegawai Penguasa berpuas hati bahawa kerja telah mencapai penyiapan praktikal, iaitu apabila kesemua kerja siap sepenuhnya menurut peruntukan kontrak.

Dalam menentukan sama ada kerja telah mencapai penyiapan praktikal, Pegawai Penguasa mestilah berpuas hati bahawa kontraktor telah menyiapkan kerja dengan memenuhi kriteria berikut:

a. semua kerja telah disiapkan menurut peruntukan kontrak;
b. kerja telah siap ke tahap memenuhi fungsi pembinaan dan boleh diduduki dengan selamat;
c. kerja tersebut telah siap dan terdapat hanya kecacatan yang sedikit sahaja;
d. pengujian dan pentauliahan ke atas perkara berkaitan telah diluluskan; dan
e. semua keperluan utama perkhidmatan seperti jalan masuk, landskap, tempat letak kereta, longkang, pembentungan, sistem kelengkapan kebersihan, sistem bekalan air dan elektrik, pili bomba dan lif bomba seperti yang termaktub dalam kontrak sudah disiapkan.

14.5.3.1. Perakuan Siap Kerja Dikeluarkan Sebelum Kerja Siap Sepenuhnya

Berdasarkan CPC, perunding dan kontraktor telah memperakukan bahawa semua kerja telah disiapkan dan peralatan telah dibekalkan sebagaimana kontrak. Semakan Audit di ILP Jitra dan ILP Miri mendapati kontraktor tidak menyiapkan kerja sepenuhnya dan sebahagian peralatan tidak dibekalkan berjumlah RM40,915 walaupun CPC telah dikeluarkan. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

a. CPC bagi ILP Jitra telah dikeluarkan pada 4 Ogos 2015. Bagaimanapun, semakan mendapati kerja berjumlah RM9,000 melibatkan bayaran *stamp duty, road marks/sign* dan *fire curtain* masih tidak dibuat/dibekalkan sehingga lawatan Audit pada 15 Mei 2016 (selepas sembilan bulan CPC diperakukan).

b. Bagi ILP Miri, CPC telah dikeluarkan pada 27 November 2015. Bagaimanapun, masih terdapat kerja yang belum disiapkan seperti pemasangan karpet di bahagian Pentadbiran, Pusat Sumber dan Perpustakaan serta kemasan cat gelanggang sukan dan padang futsal. Perkara ini diakui sendiri oleh kontraktor sebagaimana dinyatakan dalam Mesyuarat Pra Penyerahan Projek yang diadakan pada 13 November 2015. Dalam mesyuarat tersebut, kontraktor telah menyatakan bahawa status penyiapan kerja pada tarikh akhir kontrak iaitu pada 7 November 2015 adalah 92.9%. Semakan juga mendapati *toilet refurbishment work* di Pusat Sumber bernilai RM31,915 tidak dibuat oleh kontraktor sehingga lawatan Audit pada 16 Jun 2016 (selepas 7 bulan CPC diperakukan).

Maklum Balas KSM yang Diterima Pada 4 November 2016

KSM telah mengeluarkan CPC berdasarkan syor daripada perunding.

Pada pendapat Audit, CPC sepatutnya dikeluarkan selepas kerja mencapai penyiapan praktikal sebagaimana kehendak kontrak. Kegagalan kontraktor menyiapkan kerja sepatutnya dikenakan denda.

14.5.3.2. Ukuran Sebenar Kurang Daripada BQ

Perunding bertanggungjawab menyediakan dokumen kontrak yang mengandungi butiran kerja secara terperinci yang perlu dibuat oleh kontraktor. Semakan semula dan pengesahan perlu dibuat oleh perunding dan KSM bagi memastikan kerja yang dilaksanakan adalah betul. Ia juga bertujuan untuk memastikan bayaran yang dibuat adalah mengikut kerja sebenar yang dijalankan. Semakan Audit mendapati wujud perbezaan antara ukuran yang dinyatakan dalam BQ dan ukuran kerja yang sebenar dilaksanakan oleh kontraktor menyebabkan lebihan bayaran oleh Kerajaan sebanyak RM161,629. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.7
UKURAN BQ MELEBIHI UKURAN SEBENAR

KERJA	UKURAN BQ	UKURAN AUDIT	PERBEZAAN (Unit)	RM/UNIT	JUMLAH PERBEZAAN (RM)
ILP JITRA					**92,715**
B2/13 Waterproofing	295m²	227m²	68m²	45	3,060
RW/1 & RW/2 Road/Car Park	1,815m²	935m²	880m²	88	77,440
RW/2 Road Curb	444m	95m	349m	35	12,215
ILP MIRI					**68,914**
B3/4/1 Painting - External Wall	1,516m²	1,186m²	330m²	18	5,940
B3/4/2 Half Glass	159m²	25m²	134m²	96	12,864
B3/4/2 Partition Wall	530m²	312m²	218m²	95	20,710
B7/4/1 Game Court • *Netball/Basketball* • *Tennis* • *Volley Ball*	 2,278m² 1,460m² 1,176m²	 2,222m² 1,278m² 1,050m²	 56m² 182m² 126m²	 35 35 35	 1,960 6,370 4,410
Toilet Refurbishment • *B3/08/1 Admin - Wall/Tiles* • *B3/10/1 Library - Wall/Tiles*	 319m² 173m²	 166m² 130m²	 153m² 43m²	 85 85	 13,005 3,655
JUMLAH					**161,629**

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Maklum Balas KSM yang Diterima Pada 14 April 2017

Berdasarkan pengukuran semula di tapak, terdapat perbezaan di antara ukuran BQ dengan ukuran sebenar. Bagi ILP Jitra, penolakan kos sebanyak RM6,905 dibuat terhadap bayaran penultimate no. 2 manakala di ILP Miri, kontraktor telah menyerahkan cek lebihan bayaran sebanyak RM66,584 pada 24 Oktober 2016.

Pada pendapat Audit, kegagalan perunding dan pihak KSM mengesahkan kerja dengan tepat menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian akibat kerja yang tidak disempurnakan mengikut BQ.

14.5.4 Kelemahan Pengurusan Projek

14.5.4.1. Projek Dimulakan Tanpa Kebenaran Merancang

Kebenaran Merancang (KM) merupakan kebenaran secara bertulis daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Subseksyen 19(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) menyatakan dengan jelas tentang keperluan perundangan bagi mendapatkan KM daripada PBT sebelum memula, mengusaha atau menjalankan sebarang pembangunan di atas tapak. Semakan Audit mendapati bagi Projek Menaiktaraf dan Memulihara Struktur Bangunan ILP Jitra, KM tidak diperoleh daripada Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP) sebelum kerja tapak bermula pada 10 November 2014. Permohonan KM oleh perunding Shaari Jamaludin Architect kepada MDKP hanya dibuat pada 20 Januari 2015 manakala MDKP hanya meluluskan KM pada 3 Mac 2016 sedangkan projek telah disiapkan pada 19 Julai 2015. Semakan juga mendapati perunding telah dikenakan denda sebanyak RM15,488 oleh MDKP disebabkan kemungkaran kontraktor yang telah memulakan kerja binaan sebelum mendapat kelulusan.

Maklum Balas KSM yang Diterima Pada 4 November 2016

Perunding Shaari Jamaluddin Architect lewat dalam mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang. KSM telah meminta pihak perunding menjelaskan pembayaran denda yang telah dikenakan.

14.5.4.2. Bangunan Bengkel Penyejukbekuan ILP Jitra Tanpa Akses ke Bumbung

Bangunan baru Bengkel Penyejukbekuan mempunyai ruang terbuka di aras bumbung. Selain ruang terbuka ia juga menempatkan tangki air. Akses kepada ruang tersebut perlu ada bagi tujuan penyelenggaraan. Semakan terhadap lukisan pelan mendapati bangunan yang menempatkan Kursus Penyejukbekuan direka dan dibina tanpa akses ke kawasan bumbung. Keadaan ini disebabkan pihak perunding terlepas pandang semasa lukisan pelan binaan. Ini akan menyukarkan kerja penyelenggaraan tangki air dan ruang terbuka kawasan bumbung.



GAMBAR 14.1

Bengkel Penyejukbekuan, ILP Jitra
- Tiada Akses Untuk Melakukan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Tangki Air dan Ruang Terbuka Kawasan Bumbung
(15.05.2016)

14.5.5. Perolehan Peralatan

Perolehan Kerajaan perlu dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip perolehan iaitu akauntabiliti awam, ketelusan, nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama. Setiap urusan perolehan hendaklah mengikut dasar dan peraturan yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap perolehan peralatan mendapati perkara seperti berikut:

14.5.5.1. Peralatan Dibekalkan Tidak Mengikut Spesifikasi

a. 1PP Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan AM 2.2 menyatakan peralatan/bekalan yang diterima hendaklah menepati spesifikasi yang ditetapkan; kualiti dan kuantiti peralatan/bekalan adalah mengikut pesanan; dan peralatan/bekalan diterima dalam keadaan baik, sempurna dan selamat untuk digunakan. Oleh yang demikian, peralatan/bekalan yang diterima perlu dibuat pemeriksaan dengan teliti oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi mengelakkan kerugian kepada pihak Kerajaan. Klausa 23.1. Kontrak Perolehan Peralatan 2013 menyatakan jika pembekal telah menyerahkan peralatan dalam keadaan rosak atau tidak menepati spesifikasi, Kerajaan boleh sama ada menolak peralatan tersebut dan memberi notis bertulis meminta pembekal menggantikan peralatan dalam tempoh 30 hari selepas menerima notis daripada Kerajaan. Sekiranya pembekal gagal menghantar peralatan gantian dalam tempoh ditetapkan, Kerajaan boleh membeli peralatan yang dikehendaki itu daripada pembekal lain; menolak semua peralatan yang dihantar oleh pembekal asal dan menamatkan kontrak atau mengenakan denda 5% daripada nilai peralatan yang dipesan dan merampas bon pelaksanaan. Semakan Audit mendapati *solid wood computer table* di ILP Kota Samarahan dibekalkan tidak mengikut spesifikasi.

b. Berdasarkan Jadual Teknikal pada Dokumen Tender bagi tiga perolehan peralatan seperti di jadual berikut, setiap perolehan tersebut hendaklah dilengkapi dengan *solid wood computer table*. Bagaimanapun, pihak pembekal bagi perolehan tersebut hanya membekalkan meja komputer

berasaskan *chipboard* bukan *solid wood* dan diterima oleh ILP Kota Samarahan. Harga meja komputer berasaskan *chipboard* adalah lebih murah berbanding *solid wood*, bagaimanapun ia tidak dapat ditentukan harga. Ini bermakna berlaku *improper payment* ke atas perbezaan harga meja komputer antara *chipboard* dan *solid wood*. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.8
PEROLEHAN *SOLID WOOD COMPUTER TABLE*

BIL.	PERALATAN	PEMBEKAL	RUJUKAN KONTRAK	NILAI PEROLEHAN (RM)	KUANTITI (Unit)
1.	*MasterCAM X6*	MH Delima Sdn. Bhd.	JTM/KONTRAK/TENDER/3/ILPKS/ MH DELIMA/2013	234,360	7
2.	*3D-CAD Solid Work Premium*	Suria Bumijaya Sdn. Bhd.	JTM/KONTRAK/TENDER/3/ILPKS/ SURIA BUMIJAYA/2013	106,195	5
3.	*AutoCAD 2013*	QS Industries Sdn. Bhd.	JTM/KONTRAK/TENDER/3/ILPKS/ QS INDUSTRIES/2013	112,000	10
JUMLAH				**452,555**	**22**

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

GAMBAR 14.2



GAMBAR 14.3



Bilik CAM, Bengkel TDM, ILP Kota Samarahan
- Meja Komputer Berasaskan *Chipboard*
(13.06.2016)



GAMBAR 14.4

Bilik CAD, ILP Kota Samarahan
- Meja Komputer Berasaskan *Chipboard*
(13.06.2016)

Maklum Balas KSM yang Diterima Pada 14 April 2017

Solid Wood Computer Table - ILP Kota Samarahan

Peralatan yang dibekalkan oleh syarikat telah dibuat pemeriksaan dan pengujian berdasarkan kepada spesifikasi tawaran syarikat seperti di dalam Dokumen Kontrak. KSM/JTM akur dengan penemuan berkaitan

spesifikasi meja komputer yang tidak jelas yang menyebabkan kekeliruan semasa proses penerimaan peralatan. Bagi mengelakkan kekeliruan ini tidak berulang KSM/JTM mengambil tindakan penambahbaikan dengan menetapkan agar spesifikasi teknikal bagi meja komputer perlu dinyatakan dengan lebih spesifik.

Pada pendapat Audit, pengesahan peralatan tidak dibuat dengan memuaskan menyebabkan bayaran telah dibuat ke atas bekalan peralatan yang tidak mengikut spesifikasi kontrak.

14.5.5.2. Peralatan Tidak Dibekalkan

Klausa 28.1. kontrak perolehan peralatan menyatakan sekiranya peralatan tidak diserahkan oleh pembekal, Kerajaan berhak menamatkan perjanjian dengan mengenakan denda sebanyak lima peratus (5%) dan bon pelaksanaan hendaklah dirampas; dan pembekal hendaklah membayar harga peralatan yang dipesan itu sebagai pampasan kepada Kerajaan. Semakan Audit mendapati sembilan peralatan bernilai RM0.71 juta telah digugurkan daripada kontrak akibat kegagalan pihak pembekal untuk membekalkan peralatan tersebut mengikut harga, spesifikasi atau tempoh penghantaran yang ditetapkan. Berdasarkan rekod KSM, tindakan penamatan kontrak rampasan bon dan bayaran denda tidak diambil segera, sebagaimana ditetapkan dalam kontrak. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.9
PERALATAN YANG DIGUGURKAN DARIPADA KONTRAK

PEMBEKAL / NILAI KONTRAK	PERALATAN GUGUR NAMA & SPESIFIKASI / JUMLAH	DENDA (RM)	MAKLUM BALAS KSM YANG DITERIMA PADA 14 APRIL 2017
ILP JITRA			
Digital Vital Sdn. Bhd. / RM99,420	*Computer Aided Manufacturing – CAM Software c/w Desktop Workstation* / RM18,535	19,461	*Syarikat telah membuat permohonan pelepasan denda pada 22 Februari 2017 dan akan diangkat kepada Mesyuarat Lembaga Perolehan B, KSM yang akan bersidang pada penghujung bulan April 2017.*
ILP BUKIT KATIL			
Bendahara Sati Sdn. Bhd. / RM248,800	*Vertical Milling Machine (Ram & Turret) Complete With Memory Dro* – 2 unit / RM121,800	6,090	*Bendahari Sati Sdn. Bhd. (TPA-09 Vertical Milling Machine (Ram & Turret) Complete With Memory Dro – 2 unit) telah mendapat kelulusan pengguguran item tersebut melalui Mesyuarat Lembaga Perolehan B KSM pada 18 Mac 2015. Pengguguran item telah diluluskan tanpa dikenakan sebarang denda oleh Lembaga Perolehan B, KSM.*
ILP KOTA SAMARAHAN			
Pakatan Bersaudara Enterprise / RM382,800	*AC/DC SMAW Welding Machine* – 23 unit / RM368,000	18,400	*Syarikat telah membuat permohonan penangguhan bayaran denda pada 24 Februari 2017. JTM telah mengeluarkan surat peringatan ke-4 bayaran denda pada 10 April 2017.*

PEMBEKAL / NILAI KONTRAK	PERALATAN GUGUR NAMA & SPESIFIKASI / JUMLAH	DENDA (RM)	MAKLUM BALAS KSM YANG DITERIMA PADA 14 APRIL 2017
IY Resources / RM96,594	*VSR MK3 Turbocharger 'Core' Balancing Machine* / RM29,000	1,450	*IY Resources Sdn. Bhd. (AUTO-01 : VSR MK3 Turbocharger Core Balancing Machine. Pihak Syarikat telah membayar denda sebanyak 5% daripada nilai peralatan yang tidak dibekal sebanyak RM1,450 menerusi cek CIMB Bank No: 187688 bertarikh 11 September 2015.*
ILP KOTA KINABALU			
Khazanah Alam / RM175,070	*Generator Sets And Synchronising Board* / RM147,990	7,399	*Khazanah Alam Sdn. Bhd. - (PJE-01 Generator Sets and Synchronising Board) Syarikat Khazanah Alam Sdn. Bhd. telah mengemukakan bayaran sebanyak RM7,399 dalam bentuk bank deraf (No. Bank Deraf : 001720 - OCBC AL-Amin Bank Berhad) pada 25 Oktober 2016.*
Suria Bumijaya Sdn. Bhd. / RM58,778	*Solar Panel (Integration)* – 2 unit / RM6,450 *Solar Standalone (Street Lighting)* / RM3,225 *Solar Panel* – 2 unit / RM7,200	843	*Suria Bumijaya Sdn. Bhd. - (Solar Panel (Integration) - 2 unit, Solar Standalone (Street Lighting), Solar Panel - 2 unit) diluluskan pengguguran item tanpa denda.*
ILP KUANTAN			
Bayutronik Sdn. Bhd. / RM169,087	*Notebook* / RM3,625	3,625	*Bayutronik Sdn. Bhd. - Lembaga Perolehan B KSM (55/07/2015, bertarikh 27 Oktober 2015) telah meluluskan permohonan pengguguran item oleh syarikat Bayutronik Sdn. Bhd. dengan dikenakan denda: harga peralatan + 5% harga peralatan. JTM telah mengeluarkan surat makluman (JTM/HQ/600-2/2/18 Jld 2 (21); bertarikh 23 November 2015) tentang kelulusan pengguguran item berserta denda sebanyak RM3,625 (harga item) dan RM181.25 (5%) daripada harga item. Surat peringatan juga telah dikeluarkan kepada syarikat (JTM/HQ/600-2/2/18 Jld. 2 (30) pada 5 Februari 2016. Pihak Syarikat telah menjelaskan RM3,625 pada 13.06.2016 dan resit telah dikeluarkan kepada Syarikat. Manakala RM181.25 telah dibayar pada 19.08.2015 melalui cek Affin Bank (No. Cek : 713380). Resit pembayaran telah dikeluarkan pada 26.08.2015.*
JUMLAH (RM)	**705,825**	**57,268**	

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Pada pendapat Audit, KSM perlu menguatkuasakan terma kontrak sebagaimana dipersetujui bersama bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

14.5.5.3. Perolehan Peralatan Sebelum Kursus Dijalankan

a. 1PP Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan AM 2.4 antaranya menyatakan setiap peralatan/bekalan yang diperoleh hendaklah digunakan secara optimum serta digunakan dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos dan mencapai jangka hayat. Selain itu, penggunaan peralatan hendaklah mengikut tujuan sebenar ia diperoleh. Semakan Audit mendapati ILP Miri dalam perancangan untuk melaksanakan program baru iaitu Program Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik Voltan Rendah Tahap 4. Bagi tujuan pelaksanaan program, sebanyak empat peralatan telah dibeli dengan kos berjumlah

RM80,310 melalui kaedah sebut harga dan peralatan telah diterima pada 14 November 2014. Permohonan bagi pentauliahan program telah dihantar ke Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Sarawak pada 20 Mei 2016. Bagaimanapun, kelulusan daripada JPK Sarawak masih belum diperoleh sehingga tarikh pengauditan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.10
PERALATAN BAGI PROGRAM PEMASANGAN DAN PENYELENGGARAAN ELETRIK VOLTAN RENDAH TAHAP 4

PERALATAN	JUMLAH (RM)
Rebar Cutter	8,440
Battery Operated Rebar Cutter	8,520
Overhead Line Cable Puller	58,000
AC *Single Phase Capacitor Start & Run Monitor & Double Reduction Warm Gearbox* (Dua Unit)	5,350
JUMLAH BESAR	**80,310**

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

b. Lawatan Audit di ILP Miri pada 17 Jun 2016 mendapati *Overhead Line Cable Puller* dan *AC Single Phase Capacitor Start & Run Monitor & Double Reduction Warm Gearbox* masih belum digunakan memandangkan pelaksanaan Program Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik Voltan Rendah Tahap 4 belum diluluskan.

GAMBAR 14.5



Bengkel Juruelektrik, ILP Miri
- Overhead Line Cable Puller
(17.06.2016)

GAMBAR 14.6



Bengkel Juruelektrik, ILP Miri
- AC Single Phase Capacitor Start & Run Monitor & Double Reduction Warm Gearbox
(17.06.2016)

Maklum Balas KSM yang Diterima Pada 4 November 2016

Penilaian Pentauliahan telah dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bersama Panel Penilaian pada 3 Oktober 2016. Permohonan pentauliahan dibuat pada 20 Mei 2016 kerana kekangan Pegawai Penilai/Pegawai Pengesah Dalaman (PP/PPD) yang berkelayakan seperti ditetapkan untuk tujuan tersebut. Walaupun proses pentauliahan sedang diperoleh, peralatan tersebut digunakan untuk tujuan kursus jangka pendek.

Pada pendapat Audit, perancangan yang lemah menyebabkan peralatan yang dibeli tidak digunakan secara optimum.

14.5.5.4. Kerosakan Peralatan Lewat Dibaiki

ILP Miri telah membuat perolehan mesin *Bandsaw* dengan harga RM68,000 bagi Bengkel Pemasangan Paip Minyak dan Gas (PPMG) melalui tender peralatan tahap 3 & 5 tahun 2013. Peralatan telah diterima pada 25 September 2014 dan mempunyai tempoh satu tahun jaminan. Lawatan Audit pada 20 Jun 2016 di ILP Miri mendapati mesin ini telah mengalami kerosakan dan tidak dapat digunakan sejak 7 September 2015. ILP Miri telah memaklumkan kepada pihak pembekal iaitu Perniagaan Restu Jaya Sdn. Bhd. berkaitan kerosakan tersebut memandangkan masih dalam tempoh jaminan. Bagaimanapun sehingga 15 Ogos 2016, kerosakan tersebut masih belum dibaiki untuk tempoh 343 hari. Proses pembelajaran di bengkel PPMG ILP Miri terganggu akibat kerosakan mesin *Bandsaw*. ILP Miri juga terpaksa mengeluarkan belanja yang tinggi bagi pembelian gas untuk pemotongan batang paip yang besar.



GAMBAR 14.7

Bengkel Pemasangan Paip Minyak & Gas, ILP Miri
- Mesin *Bandsaw* yang Rosak Semenjak
7 September 2015
(20.06.2016)

Maklum Balas KSM yang Diterima Pada 14 April 2017

KSM/JTM telah mengambil tindakan berterusan terhadap perkara ini dan selaras dengan peruntukan dalam kontrak, pihak ILP Miri telah membuat laporan kerosakan peralatan tersebut dalam tempoh jaminan. Surat peringatan telah dikeluarkan pada 22 Disember 2015 dan 31 Mac 2016. Pihak institut juga telah menghubungi pihak syarikat melalui emel secara berterusan bermula 6 Jun 2016 sehingga yang terkini iaitu pada 29 Ogos 2016. Kerja pembaikan telah disempurnakan pada 7 April 2017 dan mesin dapat digunakan pada tarikh yang sama.

Pada pendapat Audit, kegagalan membaiki kerosakan dengan segera menyebabkan peralatan tersebut tidak dapat digunakan oleh pelajar dan menjejaskan objektif pembeliannya.

14.5.6. Kontrak Lewat Ditandatangani

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh empat bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati kontrak perolehan kerja dan bekalan telah lewat ditandatangani antara 30 hingga 117 hari dari tempoh yang ditetapkan. Kontrak yang dimaksudkan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.11
KONTRAK LEWAT DITANDATANGANI

KONTRAK	TARIKH SST	TARIKH TANDATANGAN KONTRAK		LEWAT (Hari)
		AKHIR	SEBENAR	
ILP BUKIT KATIL				
Perolehan Bekalan - ILPBKTKATIL/JUAJASA/2013	03.07.2013	03.11.2013	28.02.2014	117
- ILPBKTKATIL/WNFRESOURCES/2013	03.07.2013	03.11.2013	17.12.2013	44
ILP JITRA				
Perolehan Kerja - KSM/JTM/KONTRAK/M&M/ILPJ/2014	24.10.2014	23.02.2015	26.03.2015	30
Perolehan Bekalan - ILPJITRA/DUASUCIENTERPRISE/2013	03.07.2013	03.11.2013	17.12.2013	44
ILP KUANTAN				
Perolehan Kerja - KSM/JTM/KONTRAK//ILPKTN/2014	24.10.2014	23.02.2015	15.04.2015	50
ILP KOTA SAMARAHAN				
Perolehan Bekalan - ILPKS/JALURANGGUN/2013	04.06.2013	04.10.2013	9.12.2013	66
ILP MIRI				
Perolehan Bekalan - ILPMIRI/JALURANGGUN/2013	04.06.2013	04.10.2013	11.11.2013	38

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Maklum Balas KSM yang Diterima Pada 4 November 2016

Pada masa ini, penambahbaikan yang telah dilaksanakan ialah urusetia akan memastikan sebulan selepas SST ditandatangani draf kontrak tersebut dihantar untuk semakan Penasihat Undang-undang (PUU) KSM. Seterusnya beberapa peringkat Surat Peringatan dikeluarkan kepada pihak terlibat sekiranya lewat untuk mengemukakan dokumen tersebut. Selain itu, item berkaitan pengurusan menandatangani kontrak dalam tempoh empat bulan daripada SST ini juga telah dimasukkan ke dalam Sistem Pemantauan Kontrak (Sistem iCON) yang dibangunkan secara dalaman oleh KSM untuk pemantauan kontrak-kontrak perolehan di KSM.

Pada pendapat Audit, kelewatan menandatangani kontrak tidak menjaga kepentingan Kerajaan.

14.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan diuruskan dengan cekap dan berhemat serta Kerajaan mendapat *best value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dilakukan, adalah disyorkan pihak KSM/JTM mempertimbangkan perkara berikut:

14.6.1. siasatan dan tindakan tatatertib hendaklah diambil terhadap pegawai yang terbukti melakukan pelanggaran peraturan kewangan dengan memecahkecilkan perolehan;

14.6.2. laporan perlu dibuat kepada Perbendaharaan Malaysia dan Lembaga Profesional berkaitan ke atas kerja yang tidak dibuat sepenuhnya oleh pembekal/kontraktor dan kecuaian perunding dalam melaksanakan *profesional standard of care*;

14.6.3. merancang dengan teliti sebelum membuat perolehan bagi memastikan peralatan yang dibeli dan kemudahan yang disediakan dapat diguna secara optimum;

14.6.4. melakukan penilaian semula perkhidmatan pembekal melalui penyediaan *Service Level Agreement* bagi memastikan pembekal menyenggara peralatan dalam tempoh yang ditetapkan; dan

14.6.5. mengutip balik denda yang sepatutnya dan menyenaraihitamkan pembekal atau syarikat yang gagal mematuhi syarat-syarat kontrak.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

15. JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
- PROGRAM BANTUAN DAN PERKHIDMATAN KEPADA WARGA EMAS

15.1. LATAR BELAKANG

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berperanan untuk melahirkan masyarakat yang sejahtera melalui penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial di semua peringkat. Salah satu aktiviti di bawah JKM adalah mensasarkan golongan warga emas (iaitu mereka yang berumur 60 tahun ke atas berdasarkan tafsiran "*World Assembly On Ageing 1982"* di Vienna, tinggal berseorangan atau dengan keluarga yang kurang berkemampuan) bagi meningkatkan kesejahteraan melalui perkhidmatan jagaan perlindungan serta program pembangunan. Antara bantuan dan perkhidmatan yang diberi oleh JKM kepada golongan sasar ini adalah seperti berikut:

15.1.1. Bantuan Kewangan Secara Bulanan

Objektif bantuan kewangan adalah untuk meningkatkan taraf kehidupan kumpulan sasar agar dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna. Bantuan kewangan warga emas terdiri daripada dua kategori iaitu Skim Bantuan Orang Tua (BOT) sejumlah RM300 sebulan seorang kepada golongan sasar yang layak dan pemberian wang saku sejumlah RM30 sebulan seorang kepada semua penghuni Rumah Seri Kenangan (RSK).

15.1.2. Perkhidmatan Aktiviti Kepada Warga Emas

15.1.2.1. Program Pusat Perkhidmatan Warga Emas (PAWE) - pusat yang disediakan kepada warga emas bagi menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. Ia merupakan satu perkhidmatan yang bercorak pendampingan sosial (bersama-sama komuniti) dan pembangunan kepada warga emas melibatkan kerjasama strategik antara KPWKM dengan agensi kerajaan yang lain serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Antara aktiviti yang dijalankan adalah aktiviti keagamaan, latihan/kursus, rekreasi, sukan, kesihatan, terapi/pemulihan dan khidmat sukarela.

15.1.2.2. Program Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) - menyediakan perkhidmatan dan kemudahan pengangkutan kepada warga emas yang tinggal berseorangan atau dengan keluarga yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital/klinik kesihatan sama ada yang disediakan oleh pihak kerajaan atau pihak swasta.

15.1.2.3. Rumah Seri Kenangan (RSK) - perkhidmatan untuk menempatkan warga emas yang berkelayakan iaitu warga emas yang tiada tempat tinggal dan tiada pendapatan. RSK memberi jagaan dan perlindungan kepada warga emas yang memerlukan kesejahteraan serta kualiti hidup yang lebih baik. Terdapat sembilan buah RSK iaitu di Kangar, Perlis; Bedong, Kedah; Taiping, Perak; Ulu Kinta, Perak; Cheras, Selangor; Seremban, Negeri Sembilan; Cheng, Melaka; Johor Bahru, Johor dan Kemumin, Kelantan.

15.2. OBJEKTIF AUDIT

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai bantuan dan perkhidmatan JKM terhadap warga emas telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan.

15.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap bantuan warga emas dan pemberian wang saku serta perkhidmatan kepada warga emas iaitu PAWE, UPWE dan RSK bagi tahun 2014 hingga 2016. Lokasi pengauditan yang dipilih meliputi empat negeri iaitu Melaka, Kedah, Selangor dan Sabah.

15.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan di Ibu Pejabat JKM, Putrajaya serta 12 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di negeri Melaka, Kedah, Selangor dan Sabah. Manakala lawatan Audit meliputi 12 PAWE, tiga UPWE dan tiga RSK telah dilaksanakan. Selain itu, temu bual dengan pegawai berkaitan dan penggunaan borang soal selidik untuk mendapatkan maklum balas responden terhadap bantuan dan perkhidmatan pihak JKM juga telah dilaksanakan.

15.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2016 mendapati program UPWE dan RSK adalah memuaskan kerana telah diuruskan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Namun begitu, bagi program BOT dan PAWE adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

i. sebanyak lima daripada 12 PKMD yang dilawati masih tidak mematuhi arahan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia yang menghendaki bayaran BOT dibuat melalui bank. Pembayaran secara tunai bagi BOT melibatkan wang tunai sejumlah RM547,200 bagi bulan November 2016;

ii. terdapat kelemahan dalam agihan tunai BOT seperti pengiraan wang secara beramai-ramai tanpa had; kelemahan terhadap proses pengesahan penerimaan dan pembayaran; kad bagi tuntutan bantuan kewangan tidak dilengkapi dengan ciri keselamatan; terdapat pembayaran BOT kepada penerima yang telah meninggal dunia;

iii. perbelanjaan sejumlah RM70,988 oleh PAWE tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan dan tiada permohonan dibuat untuk perbelanjaan tersebut;

iv. terdapat salah guna bantuan geran peruntukan PAWE dengan memberi pinjaman sejumlah RM95,200 kepada penyelia dan NGO yang mengurus serta mengendalikan PAWE; dan

v. tiada permohonan dibuat bagi lebihan belanja sejumlah RM46,733 semasa perolehan peralatan dan kelengkapan PAWE.

Perkara yang ditemui dan maklum balas KPWKM telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 26 April 2017. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti perenggan berikut:

15.5.1. Prestasi Program

15.5.1.1. Pencapaian Kewangan

a. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 di bawah program bantuan orang tua, peruntukan yang disalurkan berjumlah RM1.504 bilion telah dibelanjakan sepenuhnya. Manakala bagi perkhidmatan kepada warga emas, peruntukan sejumlah RM89.06 juta telah disalurkan tetapi perbelanjaan telah melebihi peruntukan asal iaitu berjumlah RM92.57 juta (103.9%). Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 15.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016 UNTUK BANTUAN ORANG TUA SERTA PERKHIDMATAN PAWE, UPWE DAN RSK

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
BANTUAN ORANG TUA (WARGA EMAS)			
2014	500.40	500.40	100
2015	502.17	502.17	100
2016	501.24	501.24	100
JUMLAH	**1,503.81**	**1,503.81**	**100**
PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE)			
2014	1.50	1.20	80.0
2015	1.67	1.57	94.0
2016	1.69	1.61	95.3
JUMLAH	**4.86**	**4.38**	**90.1**

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
UNIT PENYAYANG WARGA EMAS (UPWE)*			
2014	0.56	0.42	75.0
2015	0.09	0.09	100.0
2016	0.16	0.11	68.8
JUMLAH	**0.81**	**0.62**	**76.5**
RUMAH SERI KENANGAN (RSK)			
2014	26.10	27.70	106.1**
2015	26.28	26.18	99.6
2016	31.01	33.69	108.6**
JUMLAH	**83.39**	**87.57**	**105.0****
JUMLAH KESELURUHAN	**1,592.87**	**1,596.38**	**100.2%**

Sumber: **Rekod JKM**
Nota: **(*) - Peruntukan UPWE Disalur Mengikut Tempoh Perjanjian**
(**) - Peratus Perbelanjaan Melebihi Peruntukan

b. Perbelanjaan 100% untuk skim BOT bagi tiga tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2014 hingga 2016 menggambarkan perancangan kewangan telah dilaksanakan dengan teliti. Bagaimanapun, pada tahun 2014, PAWE hanya membelanjakan sebanyak 80% dari peruntukan yang disalurkan. Ini kerana terdapat 23 PAWE baru yang ditubuhkan dan tidak semua PAWE baru ini beroperasi pada awal tahun. Manakala bagi UPWE, perbelanjaan hanya mencapai 75% dan 68.8% bagi tahun 2014 dan 2016 disebabkan oleh elaun pemandu dan pembantu pemandu yang tidak digunakan sepenuhnya kerana ketiadaan pemandu atau sering bertukar. Bagi RSK pula, terdapat lebihan perbelanjaan bagi tahun 2014 dan 2016 kerana pembayaran emolumen kakitangan. Ini menggambarkan perancangan dan pengurusan yang kurang berkesan bagi peruntukan yang telah disalurkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan perbelanjaan BOT dan PAWE adalah memuaskan. Bagaimanapun, pengurusan perbelanjaan UPWE tidak mencapai objektif disebabkan oleh masalah ketiadaan pemandu atau sering bertukar.

15.5.1.2. Penerima Program Bantuan dan Perkhidmatan

a. Secara umumnya bilangan penerima bantuan kewangan dan perkhidmatan adalah berdasarkan permohonan atau pendaftaran warga emas bagi tahun berkaitan. Bilangan warga emas yang terlibat dalam penerimaan bantuan kewangan dan perkhidmatan PAWE, UPWE serta penghuni RSK adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 15.2
BILANGAN PENERIMA BANTUAN KEWANGAN (BOT) DAN PERKHIDMATAN PAWE, UPWE DAN RSK BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	BILANGAN PENERIMA BOT	BILANGAN BERDAFTAR DENGAN PAWE	KEKERAPAN PENGGUNAAN PERKHIDMATAN UPWE	BILANGAN PENGHUNI RSK
2014	142,032	27,059	4,285	1,623
2015	141,493	32,597	716	1,619
2016	133,352	31,615	2,031	1,612

Sumber: Rekod JKM

b. Analisis Audit mendapati berlaku penurunan bilangan penerima BOT dari tahun 2014 hingga 2016. Ini kerana penilaian terhadap kelayakan pemohon telah dibuat dengan lebih teliti. Bagi perkhidmatan PAWE pula, terdapat peningkatan jumlah warga emas yang berdaftar di PAWE pada tahun 2015 menunjukkan aktiviti yang dijalankan PAWE berjaya menarik minat penglibatan warga emas. Bagaimanapun, terdapat sedikit penurunan pada tahun 2016 kerana ada warga emas yang telah meninggal dunia serta ada yang telah berusia dan tidak dapat melibatkan diri dalam aktiviti PAWE. Manakala bagi UPWE, terdapat penurunan ketara bagi tahun 2015 berbanding 2014 kerana terdapat proses pelupusan kenderaan UPWE kepada NGO iaitu Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia (MPKSM) secara hadiah. Tempoh pelupusan yang mengambil masa lebih 10 bulan menyebabkan kenderaan UPWE tidak digunakan untuk memberi perkhidmatan kepada warga emas.

Pada pendapat Audit, tempoh pelupusan kenderaan yang mengambil masa lebih sepuluh bulan menyebabkan peruntukan UPWE tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya dan warga emas tidak mendapat perkhidmatan yang sepatutnya.

15.5.2. Pengurusan Program Bantuan Kewangan Bulanan - Bantuan Orang Tua (BOT)

Bantuan kewangan ini bertujuan membantu warga emas yang berkelayakan untuk menyara kehidupan dan meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih sempurna. Golongan yang dikenalpasti ini merupakan mereka yang tidak mempunyai sumber pendapatan untuk menyara hidup dan tiada keluarga atau mempunyai keluarga yang tidak berkemampuan untuk memberi sumbangan. Pengurusan BOT dilakukan oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD). Semakan Audit terhadap program ini mendapati:

15.5.2.1. Bayaran Secara Tunai

a. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia Bilangan 1 Tahun 2010 bertarikh 16 Mac 2010 menghendaki bayaran BOT dibuat melalui bank. Arahan bayaran melalui bank dibuat untuk membolehkan urusan pembayaran dipermudahkan bagi kedua-dua pihak iaitu JKM dan penerima bantuan di samping meningkatkan lagi tahap keselamatan pengurusan bayaran.

b. Semakan Audit mendapati arahan menyalurkan bantuan melalui bank telah dilaksanakan sepenuhnya oleh JKM cawangan Negeri Sabah dan Kedah semenjak tahun 2011. Bagaimanapun, JKM negeri Melaka dan Selangor masih belum melaksanakan sepenuhnya arahan tersebut di mana negeri tersebut menggunakan dua kaedah pembayaran iaitu secara tunai (JKM terus membayar kepada penerima) dan bank. Lima daripada 12 PKMD yang dilawati iaitu tiga PKMD di Melaka dan dua PKMD di Selangor telah melaksanakan bayaran secara tunai kepada 1,824 (16.7%) daripada 10,894 jumlah penerima melibatkan wang tunai sejumlah RM547,200 bagi bulan November 2016. Pihak Audit dimaklumkan wujud keperluan untuk membuat bayaran tunai atas faktor penerima BOT menghadapi masalah kesihatan fizikal; kesihatan mental; klien sebatang kara/tiada waris; lokasi bank yang jauh; muflis/bankrap dan permintaan pemimpin tempatan. Butiran lanjut mengenai pembayaran secara tunai adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 15.3
BAYARAN BOT SECARA TUNAI BAGI BULAN NOVEMBER 2016

BIL.	PKMD	BILANGAN PENERIMA KESELURUHAN	BAYARAN SECARA TUNAI		
			BILANGAN PENERIMA	PERATUS PENERIMA TUNAI	AMAUN (RM)
1.	Melaka Tengah, Melaka	3,557	1,259	35.4	377,700
2.	Jasin, Melaka	2,211	375	17.0	112,500
3.	Alor Gajah, Melaka	2,291	159	6.9	47,700
4.	Klang, Selangor	1,638	18	1.1	5,400
5.	Sabak Bernam, Selangor	1,197	13	1.1	3,900
JUMLAH		**10,894**	**1,824**	**16.7**	**547,200**

Sumber: Rekod JKM

c. Pihak Audit telah melaksanakan lawatan Audit terhadap proses pembayaran BOT di PKMD Melaka Tengah bermula dari proses pengeluaran wang tunai di bank oleh pegawai PKMD sehingga BOT dibayar kepada penerima di Jawatankuasa Pembangunan & Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Bukit Baru, Melaka. Hasil lawatan tersebut, didapati wujud kelemahan dalam pengurusan bayaran tunai BOT. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah:

i. pegawai PKMD terpaksa menunggu polis pengiring di bank dengan wang tunai sejumlah RM87,600 termasuk RM45,300 bagi BOT di khalayak ramai yang terdiri daripada pelanggan bank;

ii. wang tunai yang dibawa ke pejabat PKMD dikira secara beramai-ramai bagi pengasingan mengikut penerima (**Gambar 15.1**);

iii. satu majlis penyerahan wang tunai diadakan di JAPERUN Bukit Baru, Melaka kepada penerima. Penerima perlu mengecop ibu jari dalam borang pembayaran secara tunai. Pihak Audit mendapati kebanyakan cap ibu jari tidak jelas dan pegawai yang menandatangani sebagai pegawai pembayar bukanlah pegawai yang sebenarnya menyerahkan wang tunai BOT kepada penerima;

iv. pegawai yang menandatangani sebagai pegawai pembayar dan saksi hanya akan menandatangani borang pembayaran secara tunai selepas majlis selesai;

v. proses pengagihan wang tunai kepada penerima dibuat dengan membekalkan kad yang hanya dicatat '300' tanpa ciri-ciri kawalan. Mereka yang menerima kad tersebut berkumpul bersama dengan penerima lain-lain bantuan untuk menerima wang tunai daripada wakil JAPERUN. Keadaan ini boleh mengakibatkan sesiapa sahaja mewujudkan kad palsu dengan mudah dan beratur bersama untuk menerima wang tunai tersebut (**Gambar 15.2** dan **15.3**); dan

vi. dalam kes di mana penerima tidak dapat hadir untuk menerima bantuan BOT dan telah mewakilkan orang lain bagi pihaknya, didapati tiada surat kuasa wakil dikemukakan kepada pegawai pembayar seperti kehendak Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia Bilangan 1 Tahun 2010 dan Arahan Perbendaharaan 99 (g).

d. Di PKMD Sabak Bernam, penyerahan wang tunai dibuat terus kepada penerima BOT melibatkan tujuh hingga 13 penerima. Hasil semakan dokumen mendapati perkara berikut:

i. berlaku kelewatan agihan kepada penerima sehingga sepuluh hari melibatkan 160 kes;

ii. catatan pengesahan penerimaan tidak lengkap (**Gambar 15.4**); dan

iii. penerima telah meninggal dunia tetapi masih wujud sebagai penerima bantuan dan terdapat pengesahan cap jari penerima melibatkan dua kes dengan nilai bantuan berjumlah RM900 seperti yang berikut:

- penerima telah meninggal dunia pada 2 September 2016 tetapi masih menerima bantuan bagi bulan Ogos (dibayar pada

6 September 2016) dan September 2016 (dibayar pada 29 September 2016); dan

- penerima telah meninggal dunia pada 19 April 2016 tetapi masih menerima bantuan bagi bulan Mei 2016 (dibayar pada 4 Mei 2016).

GAMBAR 15.1



Bilik Mesyurat PKMD Melaka Tengah, Melaka
- Proses Pengasingan Wang Tunai Pelbagai Jenis Bantuan Termasuk BOT
(22.11.2016)

GAMBAR 15.2




JAPERUN Bukit Baru, Melaka
- Pendaftaran Penerima BOT dan Kad yang Dicatat '300' Akan Diberi Untuk Diserahkan oleh Penerima Semasa Menerima Wang Tunai BOT
(23.11.2016)

GAMBAR 15.3



Dewan JAPERUN Bukit Baru, Melaka
- Penyerahan Wang Tunai Pelbagai Jenis Bantuan Termasuk BOT Kepada Mereka yang Menyerahkan Kad Dengan Catatan Amaun yang Diberi Semasa Pendaftaran
(23.11.2016)

GAMBAR 15.4



Kad Penerima BOT
- Tiada Catatan Tarikh Bayaran, Jumlah Bantuan dan Tandatangan Pegawai Pembayar
(10.11.2016)

Maklum Balas KWPKM yang Diterima Pada 11 Mei 2017

JKM telah mengeluarkan surat arahan bil.JKM/PW600/04/1JLD.29( ) bertarikh 5 Mei 2017 yang mengarahkan agar semua kes bantuan hendaklah dibayar bantuan melalui bank dan bayaran tunai hanya boleh dipertimbangkan bagi

kes-kes tertentu sahaja. Sehingga 28 April 2017, 94.9% kes bantuan telah dibayar melalui bank manakala 5.1% dibayar secara tunai. Bagi 2 kes penerima yang telah meninggal dunia tetapi bayaran telah dibuat berjumlah RM900, bayaran balik telah diterima pada 21 April 2017.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran bantuan BOT secara tunai adalah kurang memuaskan serta terdedah kepada risiko kehilangan dan penyalahgunaan wang awam.

15.5.3. Perkhidmatan Aktiviti Kepada Warga Emas

15.5.3.1. Pusat Aktiviti Warga Emas

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) merupakan khidmat yang bercorak pendampingan sosial dan pembangunan kepada warga emas melalui kolaborasi dengan agensi-agensi lain serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Penubuhan PAWE bertujuan untuk memberi kemudahan kepada warga emas menjalankan aktiviti terutama bagi mereka yang tinggal berseorangan sama ada secara sepenuh masa atau semasa ketiadaan ahli keluarga yang keluar bekerja supaya kehidupan mereka lebih berkualiti. Pelbagai aktiviti disediakan bagi membolehkan warga emas belajar berdikari, berinteraksi sesama warga emas yang lain/masyarakat tempatan, memperoleh pengetahuan dan kemahiran serta terus dapat menyumbang khidmat sukarela kepada masyarakat. Sehingga kini, terdapat 51 buah PAWE yang telah ditubuhkan di seluruh negara.

a. Bantuan Geran Operasi

i. Perbelanjaan Tidak Mengikut Garis Panduan

- Berdasarkan Garis Panduan PAWE, bantuan geran penyenggaraan berjumlah RM33,330 setahun disalurkan kepada setiap PAWE bagi tujuan pembayaran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 15.4
PERUNTUKAN GERAN PENYENGGARAAN

BIL.	PERKARA	KOS (RM)
1.	**Elaun Penyelia** 1 orang x RM600 x 12 bulan	7,200
2.	**Elaun Bagi Dua Pembantu Penyelia** 2 orang x RM350 x 12 bulan	8,400
3.	**Utiliti** RM200 x 12 bulan	2,400
4.	**Geran Penyenggaraan Makanan** RM1.40 x 30 orang x 365 hari	15,330
JUMLAH		**33,330**

Sumber: Rekod JKM

- Semakan Audit terhadap perbelanjaan bagi 11 PAWE yang dilawati mendapati terdapat tujuh PAWE telah membuat perbelanjaan yang tidak tersenarai dalam garis panduan PAWE seperti pembelian dan penyenggaraan aset, tuntutan perjalanan serta pemberian bonus berjumlah RM70,988. Pihak Audit juga mendapati tiada sebarang permohonan dibuat dan tiada sebarang kelulusan diperoleh atas perbelanjaan tersebut. Pihak Audit dimaklumkan pembelian barang tersebut atas keperluan mendesak untuk keselamatan dan keperluan menjalankan program. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 15.5
PERBELANJAAN TIDAK MENGIKUT GARIS PANDUAN
BAGI TAHUN 2014 HINGGA OKTOBER 2016

BIL.	PAWE	BUTIRAN PERBELANJAAN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
TAHUN 2014			
1.	Bukit Baru, Melaka	Penyenggaraan	833
		Pembelian 30 *Vest* dan Pintu Geriji	1,900
		Pemberian Bonus	1,500
2.	UTC Melaka	Pembelian Camera	423
3.	UTC Kota Kinabalu, Sabah	Pembelian Pembekalan dan Pemasangan Barang-Barang Hiasan Pejabat PAWE	4,029
4.	Bandar Baharu, Kedah	Pembelian *Banquet Table*, Kerusi Plastik, *Executive Chair*, *Pedestal Drawer*, Plastik Kabinet, Astro Njoi	3,225
5.	Kulim, Kedah	Tuntutan Perjalanan (Januari - Disember)	1,200
		Pembelian Pintu Grill PAWE	2,300
		Upah Tutup Lubang Angin Bangunan PAWE	633
		Saguhati Duit Hari Raya	500
6.	Sungai Buloh, Selangor	Baiki Komputer dan Pembelian *Cannon Ink*	409
JUMLAH			**16,952**
TAHUN 2015			
1.	Bukit Baru, Melaka	Pembaikan Pintu dan Paip Tandas	728
		Sagu Hati Hari Raya	400
		Bonus Kakitangan PAWE Tahun 2015	1,370
2.	UTC Kota Kinabalu, Sabah	Pembelian *Floor Stand Hot and Cold Water Dispenser*	699
3.	Papar, Sabah	Pembelian Meja dan Kerusi, Astro Njoi, *Split Unit Aircond* 1.5hp @ 2 Unit, *Delcol Water Dispenser,* Kereta Berhias	13,507
		Pembaikan Bilik Terapi, Pemotongan Rumput dan Pembersihan	320
4.	Bandar Baharu, Kedah	Pembelian Alatan Elektrik, Perabot, Cat	3,259
		Mesyuarat Agung MPKSM (NGO)	100
		Penyenggaraan *Air Cond* dan Pembaikan Tandas	1,495
		Jamuan Makan Bagi Jawatankuasa PAWE dan Hari Projek Mengecat	612
5.	Sungai Petani, Kedah	Elaun Pengurusan (NGO)	480
		Pembelian Keperluan Dapur (Periuk Besar, Periuk Nasi, Jar Air, Tabung Nasi, Dapur Masak, Rak Besi, Tray dll.) dan Penapis Air	4,900

BIL.	PAWE	BUTIRAN PERBELANJAAN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
6.	Kulim, Kedah	Sagu Hati	2,950
		Tuntutan Perjalanan (Januari - Disember)	1,500
		Sagu Hati Duit Hari Raya	500
7.	Sungai Buloh, Selangor	Mencetak Buletin Usia Emas (NGO)	1,400
		Penyenggaraan *Air Cond* Dan Pembaikan Tandas	560
8.	UTC Melaka	Jamuan Persatuan (NGO)	340
		Mesyuarat AJK Persatuan Dan Jawatankuasa PAWE Sepanjang Tahun 2015	565
		Portable Wireless PA System	650
		Tempahan *Vest* Dan *T-Shirt*	2,620
JUMLAH			**38,955**
TAHUN 2016			
1.	Bukit Baru, Melaka	Baiki Paip Dan Tangki Bocor PAWE	250
		Memasang Empat Unit Lampu Dan Pendawaian Suiz	300
2.	UTC Melaka	Satu Set Komputer	4,000
3.	Papar, Sabah	Penyenggaraan *Aircond*	380
		Pembelian Set Karaoke Dan *Stand*	2,365
4.	Kulim, Kedah	Tuntutan Perjalanan	3,372
		Sagu Hati - Duit Hari Raya	500
5.	Sungai Buloh, Selangor	Membaiki Tandas	350
		Mencetak *Newsletter* NGO Usiamas	2,056
		AGM NGO Usiamas	1,251
		Elaun Perjalanan Bulan Ogos	257
JUMLAH			**15,081**
JUMLAH KESELURUHAN			**70,988**

Sumber: Rekod JKM

Maklum Balas KWPKM yang Diterima Pada 11 Mei 2017

JKM telah melaksanakan tindakan penambahbaikan iaitu:

i. Deraf Garis Panduan PAWE telah disediakan, diteliti serta ditambah baik selaras dengan teguran audit.

ii. Pada 17 Februari 2017, minit bebas jadual agihan baharu PAWE telah diluluskan oleh Ketua Pengarah JKM melibatkan jadual agihan baharu memperuntukkan tentang agihan yang menggariskan tentang bekalan dan bahan yang perlu dibeli.

iii. Lawatan naziran daripada Ibu Pejabat dan JKM Negeri telah dirancang untuk dilaksanakan secara berkala.

iv. Mesyuarat Gaji Minima, KWSP dan PERKESO telah diadakan pada 19 April 2017 di Bahagian Warga Emas, JKM bersama Majlis Perundingan Gaji Negara, Agensi KWSP dan PERKESO bersama JKM.

v. Permohonan kenaikan elaun telah dimajukan kepada Kementerian Kewangan setiap tahun melalui Dasar Baru bagi tahun 2018.

vi. Cadangan untuk mengadakan perjanjian pengoperasian PAWE antara JKM dan NGO.

vii. Permohonan peruntukan pembaikan dan penyelenggaran bagi PAWE sedia ada tahun 2018.

Pada pendapat Audit, garis panduan yang disediakan tidak lengkap dan tidak menyeluruh. Ini menyebabkan banyak pembelian yang dibuat tidak mengikut garis panduan dan bukanlah keperluan yang mendesak.

ii. Salah Guna Bantuan Geran

- Semakan Audit terhadap laporan Penyata Terimaan dan Bayaran serta penyata bank PAWE mendapati empat daripada 11 PAWE yang dilawati telah menyalahguna bantuan geran peruntukan PAWE dengan memberi pinjaman sejumlah RM95,200 kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang mengendalikan PAWE dan penyelia yang ditugaskan untuk menyelia PAWE. Semakan Audit selanjutnya mendapati setakat bulan April 2017, keseluruhan pinjaman tersebut yang berjumlah RM95,200 telah dibayar balik. Pihak Audit dimaklumkan bahawa pinjaman tersebut dibuat dengan persetujuan jawatankuasa PAWE tanpa pengetahuan pihak JKM. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 15.6
PINJAMAN YANG DIBERI KEPADA NGO/PENYELIA

BIL.	PAWE	PEMINJAM	TARIKH PINJAMAN	JUMLAH PINJAMAN (RM)	JUMLAH BAYARAN BALIK (RM)	BAKI TERHUTANG (RM)	TEMPOH PEMBAYARAN	TUJUAN PINJAMAN
1.	Bukit Baru, Melaka	Penyelia	17.10.2011	15,000	15,000	-	Oktober 2011 - April 2014	Urusan Peribadi
2.	UTC Melaka	NGO Persatuan Gerontologi	02.03.2015	3,300	3,300	-	September - November 2015	Untuk Aktiviti Persatuan
3.	Sungai Buloh, Selangor	NGO Usiamas	19.05.2015	500	9,000	-	Mac dan Mei 2017	Untuk Aktiviti Persatuan
			13.04.2015	3,000				
			22.05.2015	5,000				
			23.08.2016	500				
4.	Sungai Petani, Kedah	MPKSM	23.07.2014	67,900	67,900	-	1 Bulan	Untuk Aktiviti Persatuan
JUMLAH				**95,200**	**95,200**	**-**	**-**	

Sumber: Rekod JKM

Maklum Balas KWPKM yang Diterima Pada 11 Mei 2017

Surat Amaran dan Peringatan Salahguna Geran Pengoperasian telah dihantar kepada NGO pada 8 Mei 2017.

Pada pendapat Audit, pengurusan geran adalah tidak teratur kerana bertentangan dengan garis panduan PAWE. Bantuan geran telah disalahgunakan untuk tujuan peribadi dan aktiviti persatuan yang menyebabkan kekurangan duit untuk menampung perbelanjaan bagi aktiviti PAWE.

b. Peralatan dan Kelengkapan PAWE

i. Lebihan Belanja bagi Perolehan Peralatan dan Kelengkapan PAWE

- Pada 13 Februari 2013, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah meluluskan skop pembelian peralatan dan kelengkapan sejumlah RM80,000 bagi PAWE baru dan RM50,000 bagi PAWE sedia ada. Sekiranya terdapat penjimatan di mana-mana PAWE, lebihan amaun tersebut boleh digunakan oleh PAWE lain yang memerlukan peruntukan tambahan.

- Semakan Audit mendapati perolehan bagi tiga jenis keperluan iaitu peralatan senaman/aktiviti, peralatan (selain peralatan senaman/ aktiviti) dan pelbagai pada tahun 2014 bagi tiga PAWE telah terlebih belanja sejumlah RM46,733. Had amaun peruntukan yang diluluskan berjumlah RM41,990 manakala perbelanjaan sebenar yang telah dilakukan berjumlah RM88,723. Pihak Audit mendapati tiada kelulusan bagi perbelanjaan melebihi amaun yang dihadkan oleh JKM. Pihak Audit dimaklumkan perbelanjaan dibuat disebabkan keperluan mendesak dan kesuntukan masa. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 15.7
LEBIHAN BELANJA MENGIKUT JENIS KEPERLUAN

PAWE	KEPERLUAN	BILANGAN JENIS ITEM YANG TERLIBAT DENGAN LEBIHAN BELANJA	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	LEBIHAN BELANJA (RM)
UTC Kota Kinabalu, Sabah	Peralatan Senaman/Aktiviti	3	8,900	21,500	12,600
	Peralatan (Selain Peralatan Senaman/Aktiviti)	8	9,150	25,040	15,890
Papar, Sabah	Peralatan Senaman/Aktiviti	3	8,900	13,123	4,223
	Peralatan (Selain Peralatan Senaman/Aktiviti)	3	2,420	4,332	1,912
Bandar Baharu, Kedah	Peralatan Senaman/Aktiviti	1	4,000	5,988	1,988
	Peralatan (Selain Peralatan Senaman/Aktiviti)	4	6,120	16,140	10,020
	Pelbagai	1	2,500	2,600	100
JUMLAH		**23**	**41,990**	**88,723**	**46,733**

Sumber: Rekod JKM

Maklum Balas KWPKM yang Diterima Pada 11 Mei 2017

Agihan pembelian peralatan dan kelengkapan serta pembaikan premis bagi penubuhan PAWE baru yang telah disediakan akan digunapakai mulai tahun 2017.

ii. Kelengkapan Tidak Digunakan/Rosak dan Kerja Pembaikan Tidak Berkualiti

- Lawatan Audit pada 10 November 2016 ke PAWE Bandar Baharu, Kedah merupakan PAWE baru tetapi premisnya adalah bangunan lama Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Bandar Baharu. PAWE ini telah dilengkapi dengan kelengkapan dan peralatan yang baru serta telah diubah suai dengan menggunakan peruntukan sedia ada. Semakan Audit mendapati:

  - satu *Treadmill* telah rosak dan tidak boleh digunakan sejak tahun 2016 serta tiada peruntukan untuk membaikinya (**Gambar 15.5**);
  - langsir telah rosak dan tercabut;
  - dua basikal senaman tidak pernah digunakan. Temu bual Audit bersama penyelia PAWE menyatakan bahawa warga emas tidak berminat untuk menggunakannya (**Gambar 15.6)**; dan
  - dinding di kebanyakan lokasi menggelembung akibat serapan air dan cat tertanggal menjejaskan persekitaran yang kondusif.

GAMBAR 15.5



PAWE Bandar Baharu, Kedah
- *Treadmill* Rosak
(10.11.2016)

GAMBAR 15.6



PAWE Bandar Baharu, Kedah
- Basikal Senaman Tidak Digunakan
(10.11.2016)

Maklum Balas KWPKM yang Diterima Pada 11 Mei 2017

Pihak PAWE telah melaksanakan inisiatif dengan mengadakan jadual penggunaan peralatan senaman. PAWE juga telah melaksanakan pembaikan bagi langsir yang rosak dan tercabut serta membaik pulih semula dinding yang mengelembong akibat serapan air dan cat tertanggal.

iii. PAWE Baru Masih Tidak Beroperasi

- Bahagian Warga Emas, JKM telah menetapkan beberapa kriteria yang perlu diambil kira sebelum penubuhan PAWE baru. Antaranya adalah bilangan warga emas di sesuatu komuniti, lokasi yang strategik dan mudah diakses oleh warga emas, bangunan yang sesuai serta komuniti penggerak yang berminat untuk memberi komitmen terhadap PAWE. Selain itu, pandangan dan nasihat daripada PKMN/PKMD juga perlu didapatkan dengan disertakan gambar premis PAWE baru yang dicadang.

- Lawatan Audit pada 17 Oktober 2016 terhadap premis sementara bagi PAWE Beaufort, Sabah mendapati PAWE tersebut masih belum beroperasi sejak penubuhannya pada bulan November 2015 serta penyelia dan pembantu penyelia juga masih belum dilantik. Sungguhpun demikian, didapati sejumlah RM15,000 telah digunakan untuk menampung perbelanjaan Jawatankuasa Pengurusan PAWE ke persidangan PAWE dan gotong-royong dan lain-lain. Semakan Audit selanjutnya mendapati peralatan dan kelengkapan yang diterima sejak bulan Disember 2015 masih belum digunakan, tidak disimpan dengan teratur serta boleh mendedahkan kepada risiko kerosakan dan kehilangan. Pihak Audit dimaklumkan penyelia telah dilantik pada 11 November 2016 namun kemudiannya meletak jawatan pada 1 Januari 2017. Butiran lanjut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 15.7



PAWE Beaufort, Sabah
- Penyimpanan Kelengkapan dan Peralatan yang Tidak Disimpan Dengan Teratur
(17.10.2016)

GAMBAR 15.8



PAWE Beaufort, Sabah
- Kelengkapan dan Peralatan yang Belum Digunakan
(17.10.2016)

Maklum Balas KWPKM yang Diterima Pada 11 Mei 2017

Mesyuarat khas telah diadakan pada 28 April 2017 dan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Beaufort, Sabah. Mesyuarat tersebut telah memutuskan lokasi baru di kuarters kerajaan yang terletak di pekan Beaufort, Sabah; Pengerusi PAWE perlu mengemukakan surat permohonan untuk menggunakan kuarters Kerajaan sebagai PAWE serta Setiausaha baru juga dilantik di kalangan ahli jawatankuasa PAWE Beaufort.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan peralatan dan kelengkapan PAWE tidak memuaskan kerana perbelanjaan melebihi peruntukan serta berlaku pembaziran kerana *treadmill* dan basikal yang dibeli tidak digunakan. Selain itu, Pengurusan PAWE di Beaufort adalah tidak cekap kerana tidak beroperasi walaupun telah lebih setahun ditubuhkan.

15.5.3.2. Unit Penyayang Warga Emas (UPWE)

Bantuan geran berjumlah RM35,000 setahun diberikan kepada Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia (MPKSM) untuk membantu melaksanakan pengurusan bagi setiap UPWE. Secara keseluruhannya, pengurusan perbelanjaan dan pengoperasian UPWE adalah memuaskan.

15.5.4. Rumah Seri Kenangan

15.5.4.1. Rumah Seri Kenangan (RSK) ditubuhkan untuk memberi jagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif demi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka. Antara kriteria kemasukan warga emas ke RSK adalah berumur 60 tahun ke atas, berupaya mengurus diri, tidak mengidap penyakit berjangkit, tidak mempunyai tempat tinggal tetap, tiada pendapatan dan tidak mempunyai sanak saudara/waris.

15.5.4.2. Lawatan Audit telah dibuat ke tiga RSK iaitu RSK Cheng, Melaka; RSK Bedong, Kedah; dan RSK Cheras, Selangor bagi menilai kualiti penyediaan makanan dan juga kerja pembersihan. Secara keseluruhannya pengurusan penyediaan makanan adalah teratur dan sistematik. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari aspek kerja-kerja pembersihan di RSK Bedong, Kedah dan RSK Cheras, Selangor di mana pembersihan di luar bangunan belum mencapai tahap yang memuaskan kerana di beberapa lokasi rumput tidak dipotong, rumput menjalar di pagar, terdapat sampah di kawasan pembetungan dan bahan binaan bertaburan. Butiran lanjut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 15.9



RSK Bedong, Kedah
- Rumput Panjang dan Sampah Berlonggok
(11.11.2016)

GAMBAR 15.10



RSK Bedong, Kedah
- Rumput Panjang Serta Menjalar di Pagar
(11.11.2016)

GAMBAR 15.11



RSK Cheras, Selangor
- Tong Sampah Berhampiran Dapur yang Telah Dipenuhi Sampah dan Sisa Makanan
(24.11.2016)

GAMBAR 15.12



RSK Cheras, Selangor
- Bahan Binaan yang Tidak Digunakan Lagi Dibiarkan Bertaburan
(24.11.2016)

Maklum Balas KWPKM yang Diterima Pada 11 Mei 2017

Kontraktor kebersihan telah mematuhi kerja-kerja pembersihan sebagaimana yang termaktub di dalam perjanjian kontrak. Syarat dan tanggungjawab syarikat pembersihan bagi mengangkut sampah dari tong sampah besar keluar sebanyak empat kali seminggu telah disediakan di dalam kontrak baharu pembersihan yang akan berkuatkuasa 1 Julai 2017.

15.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya KWPKM mempertimbangkan perkara yang berikut:

15.6.1. satu Jawatankuasa Siasatan Dalaman diwujudkan bagi menyiasat salah guna geran bantuan PAWE. Sekiranya berlaku kecuaian tindakan tegas hendaklah diambil terhadap pegawai yang terlibat;

15.6.2. mempertingkatkan pemantauan terhadap program bantuan dan perkhidmatan warga emas; dan

15.6.3. Garis Panduan BOT, PAWE dan UPWE perlu dikaji semula dan dikemas kini untuk penambahbaikan.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

16. TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA
- **PENGURUSAN PEROLEHAN KEPERLUAN PERALATAN DOMESTIK DAN ALAT GANTI PESAWAT DI MARKAS PEMERINTAHAN BANTUAN UDARA DAN MATERIEL UDARA**

16.1. LATAR BELAKANG

16.1.1. Markas Pemerintahan Bantuan Udara (MPBU) merupakan organisasi utama yang wujud di bawah Markas Tentera Udara Diraja Malaysia yang berperanan dalam urusan mengkoordinasi pelaksanaan kontrak dan perancangan serta sokongan logistik ke atas semua aset Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bagi mencapai tahap operasi yang optimum. Tanggungjawab MPBU adalah untuk memberi perkhidmatan pengurusan khidmat kejuruteraan; kawalan pengurusan aset termasuk perancangan; perolehan alat ganti pesawat; pengurusan penyimpanan stok alat ganti; mengurus pembaikan komponen/khidmat teknikal serta melaksanakan perolehan keperluan alatan domestik seperti pakaian dan aksesori, perabot dan lain-lain. Perolehan di MPBU dibuat berdasarkan permohonan daripada pengguna dan transaksi perolehan akan direkodkan di dalam Sistem Pengurusan Komputer Bersepadu (SPKB).

16.1.2. Kaedah perolehan yang dilaksanakan di MPBU terdiri daripada pembelian terus serta Sebut Harga A (RM50,000 hingga RM200,000) dan B (RM20,000 hingga RM50,000). Perolehan melalui sebut harga yang melebihi RM200,000; tender; rundingan terus serta Kontrak Pusat Sistem Panel dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan (Kementerian).

16.1.3. Depot Materiel Udara telah ditubuhkan pada tahun 1990 yang dikenali sebagai Materiel Udara (MATRA). Peranan MATRA adalah sebagai pusat penerimaan; pemeriksaan; penstoran dan pengedaran bagi semua barangan, peralatan, material dan alat ganti. Sebanyak lima MATRA telah diwujudkan dengan fungsi seperti di jadual berikut:

JADUAL 16.1
STOR SIMPANAN DAN FUNGSI

MATRA	STOR SIMPANAN	FUNGSI
1 Pangkalan Udara Kuala Lumpur	Alat ganti AGSV/AGSE, radar, domestik (pakaian, berek, am dan teknikal)	• Pusat penghantaran alatan komponen untuk pembaikan ke MRO di dalam dan luar negeri • Pusat penyimpanan sementara peralatan domestik • Pusat pemulangan komponen rosak dan usang untuk pelupusan
2 Pangkalan Udara Subang	Alat ganti pesawat (C-130, PC7, CN 235, Nuri, Beechcraft, Pesawat VIP), Alat ganti sistem radar, alatulis dan borang TUDM	• Penerimaan, penstoran dan pengedaran bagi alatulis serta borang TUDM • Penerimaan dan pengagihan Publikasi Udara dan bahan cetakan

MATRA	STOR SIMPANAN	FUNGSI
3 Pangkalan Udara Butterworth	Alat ganti pesawat F/A-18D dan PC 7 Mk II	• Pusat pemeriksaan kualiti peralatan yang diterima melalui perolehan yang dibuat melalui *Foreign Military Sales* • Pusat penghantaran peralatan ke unit TUDM melalui darat, laut dan udara • Pusat penghantaran alatan komponen untuk pembaikan ke MRO di dalam dan luar negeri
4 Pangkalan Udara Kuantan	Alat ganti pesawat pejuang MiG-29, Hawk, Aermacchi MB-339CM dan EC 725	• Pusat penerimaan, pemeriksaan kualiti dan penyimpanan alat ganti pesawat semua jenis alat ganti dan kelengkapan bersangkutan dengan pesawat MiG 29N, Hawk (108/208), Aermacchi (MB339) sama ada dari pembekal, pembaikan, pembuat atau unit TUDM • Pusat penghantaran peralatan ke unit TUDM melalui darat, laut dan udara • Pusat penghantaran alatan komponen untuk pembaikan ke MRO di dalam dan luar negeri
5 Pangkalan Udara Gong Kedak	Alat ganti pesawat SU-30MKM	• Pusat penerimaan dan penghantaran alatan komponen pesawat SU-30MKM untuk pembaikan ke MRO di dalam dan luar negeri • Pusat pemulangan alat ganti SCRAP untuk tindakan pelupusan

Sumber: **Markas Pemerintahan Bantuan Udara (MPBU)**
Nota: **MRO - *Maintenance Repair Overhaul***

16.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai perolehan keperluan peralatan domestik dan alat ganti pesawat telah diuruskan dan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan.

16.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek pengurusan perolehan keperluan peralatan domestik dan alat ganti pesawat bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Pengauditan telah dijalankan di peringkat Kementerian iaitu Bahagian Perolehan dan Cawangan Urusan dan Bil (CUB). Manakala di MPBU, pengauditan dilaksanakan di Seksyen Pembelian; Kewangan dan Belanjawan; Kawalan Aset dan Stor serta Khidmat Domestik. Bagi pengurusan stor pula, pengauditan dilakukan di MATRA 1 (Pangkalan Udara Kuala Lumpur), MATRA 2 (Pangkalan Udara Subang) dan MATRA 4 (Pangkalan Udara Kuantan).

16.3.1. Sejumlah 34,052 perolehan keperluan peralatan domestik dan alat ganti pesawat telah dilaksanakan di MPBU bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 melalui kaedah pembelian terus; sebut harga; tender dan rundingan terus. Daripada jumlah tersebut, 524 perolehan atau 20% daripada setiap kaedah perolehan pembelian terus/Sebut Harga A dan B telah dipilih. Manakala bagi kontrak Kementerian, sebanyak 21 kontrak dipilih sebagai sampel Audit.

16.3.2. Pemeriksaan fizikal juga dibuat terhadap stok di MATRA yang melibatkan 464 sampel item dan komponen bernilai RM364.55 juta daripada keseluruhan 129,228 item/komponen yang berjumlah RM1.776 bilion.

16.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan dengan pengurusan perolehan keperluan peralatan domestik dan alat ganti pesawat. Selain itu temubual dengan pegawai berkaitan telah diadakan. Analisis kewangan dan lawatan fizikal juga telah dilakukan di MATRA 1, 2 dan 4.

16.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2016 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan keperluan peralatan domestik dan alat ganti pesawat di MPBU adalah memuaskan kerana perancangan keperluan perolehan dan prestasi kewangan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 telah dilaksanakan dengan sewajarnya serta tatacara pembelian terus; sebut harga; tender dan rundingan terus telah mematuhi peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

i. *Liquidated Damages* (LD) belum dimuktamadkan berjumlah RM1.01 juta bagi tempoh tahun 2015 dan 2016;

ii. pembelian aset menggunakan peruntukan Bekalan dan Bahan-bahan Lain berjumlah RM160,038;

iii. tiada kontrak senggaraan diwujudkan setelah tempoh jaminan *Automated Storage and Retrieval System* (ASRS) tamat; dan


iv. tiada pengeluaran alat ganti pesawat hingga menyebabkan Stok Tidak Aktif, Stok Tidak Bergerak dan Stok Usang.

Perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 28 Mac 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

16.5.1. Prestasi Kewangan

Pada tahun 2014, MPBU telah diperuntukkan sejumlah RM995.80 juta dan RM994.09 juta (99.8%) telah dibelanjakan. Manakala pada tahun 2015, peruntukan adalah berjumlah RM1.127 bilion dan perbelanjaan yang dibuat berjumlah RM1.112 bilion (98.7%). Bagi tahun 2016 pula, peruntukan adalah berjumlah RM1.112 bilion dan sehingga bulan Disember 2016, perbelanjaan adalah berjumlah RM1.107 bilion (99.5%). Maklumat lanjut seperti di jadual dan carta berikut:

CARTA 16.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016



	2014	2015	2016
Peruntukan (RM Juta)	995.80	1,126.90	1,112.43
Perbelanjaan (RM Juta)	994.09	1,111.73	1,106.99

Sumber: Seksyen Kewangan & Belanjawan MPBU

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan di MPBU adalah baik kerana secara puratanya perbelanjaan telah melebihi 90% daripada peruntukan. Selain itu, peruntukan juga telah dibelanjakan mengikut objektif ia disalurkan.

16.5.2. Pengurusan Perolehan

Senarai perolehan yang akan dipelawa bagi setiap tahun akan dikemukakan oleh MPBU kepada Pegawai Pengawal pada bulan Disember tahun sebelumnya. Senarai perolehan tersebut hendaklah termasuk kategori perolehan (bekalan/ perkhidmatan/kerja), peruntukan kewangan dan tarikh tender yang akan dipelawa serta dijangka untuk dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Perolehan. Semakan Audit mendapati perancangan keperluan perolehan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 diluluskan dalam Buku Rancangan Perbelanjaan Mengurus Tahunan.

16.5.2.1. Kaedah Perolehan Kontrak Pusat Sistem Panel

a. Perolehan barangan siap/perkhidmatan gunasama boleh dibuat daripada panel kontraktor/pembekal yang dilantik oleh Perbendaharaan. Harga perolehan adalah berdasarkan harga yang ditawar dikalangan panel tersebut. Bagi perolehan alat ganti pesawat, proses perolehan dilakukan melalui proses tender dan rundingan terus. Bagi perolehan alat ganti *Non Proprietary* pesawat TUDM, MPBU telah melaksanakan *Direct Procurement Agreement* (DPA) dengan nilai keseluruhan berjumlah RM98.85 juta yang dikongsi bersama dengan 28 syarikat panel yang dilantik dan dipersetujui

oleh Kementerian Kewangan. Kontrak ini berkuat kuasa selama tiga tahun mulai 1 April 2014 sehingga 31 Mac 2017 dan sejumlah RM89.93 juta (90.98%) telah dibelanjakan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016.

b. Syarat penghantaran dinyatakan dalam kontrak dan mengikut Klausa 15, Kerajaan boleh mengenakan denda atau *Liquidated Damages* (LD) terhadap penghantaran yang melebihi tempoh *Estimate Delivery Date* (EDD). LD yang dikenakan akan dimuktamadkan apabila mesyuarat bersama syarikat dilaksanakan bagi memberi peluang kepada syarikat untuk membuktikan bahawa pengenaan LD terhadapnya adalah tidak tepat. Semakan Audit bagi tempoh tahun 2015 hingga 2016 mendapati sejumlah RM1.01 juta LD yang dikenakan terhadap 22 syarikat masih belum dimuktamadkan kerana kelewatan mengadakan mesyuarat dengan syarikat. Kelewatan mesyuarat adalah disebabkan oleh kesukaran mencari tarikh yang bersesuaian bagi kedua-dua belah pihak; kekangan masa; pengerusi mesyuarat LD tidak menurunkan kuasa kepada pegawai lain dan MPBU mempraktikkan pengumpulan dan penggabungan beberapa surat LD yang diterima.

c. Bagi tempoh yang sama, Bahagian Rancang dan Piawaian MPBU telah melaksanakan sepuluh siri mesyuarat di mana lapan syarikat telah dikenakan LD berjumlah RM196,641. Hasil daripada mesyuarat rundingan bersama pembekal, jumlah tersebut telah dikurangkan kepada RM127,149. Pengurangan LD ini adalah disebabkan oleh kelewatan tindakan *Brought on Charge* (BoC) dalam sistem SPKB; penghantaran/penerimaan alatan oleh syarikat ditangguhkan oleh MPBU disebabkan penghantaran di hujung tahun; pembelian *priority* (Rush Order) *Ex-Stock* dan menunggu Surat Pengecualian Cukai Kastam. Sehingga tarikh pengauditan selesai, Bahagian Perolehan telah mengeluarkan surat tuntutan kepada lapan syarikat berjumlah RM127,149. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM19,880 telah dibayar oleh tiga syarikat. Setakat ini tiada notis peringatan dikeluarkan kepada lima syarikat yang masih belum membayar denda tersebut. Kelewatan menyelesaikan tuntutan LD ini boleh menyebabkan kerugian kepada Kerajaan memandangkan kontrak tersebut tamat pada bulan Mac 2017.

JADUAL 16.2
MESYUARAT *LIQUIDATED DAMAGES*

BIL	NO. KONTRAK	LD DIKENAKAN (RM)	JUMLAH KESELURUHAN (RM)	SIRI MESYUARAT DAN TARIKH	JUMLAH LD DIPERSETUJUI (RM)	SEBAB PENGURANGAN LD
1	KP/PERO3D/T058/13/06/OE	12,320	59,011	04/2015 02.10.2015	11,664	Kelewatan tindakan BoC dalam sistem SPKB
		8,993		04/2016 06.12.2016	26,448	
		37,698				
2.	KP/PERO3D/T058/13/17/OE	19,064	60,119	07/2015 21.12.2015	11,948	Kelewatan tindakan BoC dalam sistem SPKB
		41,055		04/2015 02.10.2015	19,870	

BIL	NO. KONTRAK	LD DIKENAKAN (RM)	JUMLAH KESELURUHAN (RM)	SIRI MESYUARAT DAN TARIKH	JUMLAH LD DIPERSETUJUI (RM)	SEBAB PENGURANGAN LD
3.	KP/PERO3D/T058/13/16/OE	2,601	2,601	06/2015 05.11.2015	1,188 (Dibayar pada 21.03.2016)	Menunggu surat pengecualian cukai Kastam
4	KP/PERO3D/T058/13/14/OE	27,712	27,712	05/2016 16.10.2015	17,551 (Dibayar pada 21.03.2016)	Kelewatan tindakan BoC dalam sistem SPKB
5	KP/PERO3D/T058/13/04/OE	7,304	7,304	04/2016 15.10.2016	5,992	Kelewatan tindakan BoC dalam sistem SPKB
6.	KP/PERO3D/T058/13/09/OE	2,059	2,059	04/2015 02.10.2015	1,141 (Dibayar pada 28.10.2015)	Kelewatan tindakan BoC dalam sistem SPKB
7	KP/PERO3D/T058/13/08/OE	2,279	2,279	02/2015 28.08.2015	1,323	Kelewatan tindakan BoC dalam sistem SPKB
8	KP/PERO3D/T058/13/11/OE	31,355 2,723 1,478	35,556	02/2016 28.07.2016	30,024	Kelewatan tindakan BoC dalam sistem SPKB
JUMLAH KESELURUHAN		**196,641**	**196,641**		**127,149**	

Sumber: Seksyen Pembelian Serta Seksyen Rancang dan Piawaian MPBU

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 12 Mei 2017

Sehingga 11 Mei 2017, MPBU telah memuktamadkan denda lewat bagi 21 daripada 22 syarikat. Baki satu syarikat lagi akan dirundingkan pada 19 Mei 2017 dalam Lembaga LD MPBU. Surat peringatan tuntutan LD telah dikeluarkan kepada 20 syarikat yang belum membuat bayaran bagi menjelaskan bayaran sebelum 26 Mei 2017.

Sebanyak empat syarikat telah membuat bayaran penuh antara bulan Mac hingga Mei 2017 manakala baki dua syarikat masih belum membuat bayaran penuh berjumlah RM46,317.73. Dua syarikat tersebut telah memohon untuk menjelaskan bayaran pada 16 dan 18 Mei 2017.

Pada pendapat Audit, pengurusan Kontrak Sistem Panel adalah tidak memuaskan. Kelewatan mengadakan mesyuarat bersama kontraktor bagi memuktamadkan denda menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.

16.5.3. Pembelian Aset Dicaj Bawah Peruntukan Bekalan dan Bahan-Bahan Lain

Kategori Bekalan dan Bahan-bahan Lain adalah bagi pembelian barang tak luak yang berharga RM1,000 atau lebih setiap unit tetapi tidak disenaraikan sebagai Harta Modal. Berdasarkan sampel, pihak Audit mendapati pada tahun 2015 dan 2016 sejumlah RM160,038 daripada peruntukan Bekalan dan Bahan-bahan Lain telah digunakan untuk membeli aset yang sepatutnya dicajkan di bawah peruntukan Harta Modal. Semakan selanjutnya mendapati peralatan yang dibeli direkod dalam

senarai Harta Modal. Semakan terhadap daftar dan pengesahan fizikal aset mendapati semua aset berada di lokasi seperti di dalam daftar. Pembelian aset ini dibuat antaranya bagi keperluan operasi gudang serta kerja-kerja pembersihan hangar dan pesawat. Pembelian aset ini akan menjejaskan peruntukan Bekalan dan Bahan-bahan Lain. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 16.3
PEROLEHAN ASET MENGGUNAKAN
PERUNTUKAN BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN

TAHUN	BIL.	BUTIRAN	OBJEK	HARGA SEUNIT (RM)	BIL. UNIT	JUMLAH (RM)
2015	1.	*Handrill Set Bosch*	27299	1,980	1	1,980
	2.	*Hydraulic Jack*	27299	1,995	2	3,990
	3.	Peti Sejuk *Panasonic*	27201	1,430	2	2,860
	4.	Mesin *Shredder Heavy Duty*	27199	1,200	6	7,200
	5.	Mesin Faksimili	27199	1,380	1	1,380
	6.	TV LED Sony Bravia 40"	27299	1,890	2	3,780
	7.	TV LED Panasonic 40"	27299	1,950	1	1,950
	8.	LCD Acer Projector X112	27102	1,750	2	3,500
	9.	*High Pressure Water Jet*	27299	1,700	25	42,500
	JUMLAH					**69,140**
2016	10.	Mesin Pemotong Rumput	27299	1,899	2	3,798
	11.	*Shredder Machine Heavy Duty Cross Cut*	27299	1,890	20	37,800
	12.	*High Pressure Water Jet Karcher*	27299	1,700	29	49,300
	JUMLAH					**90,898**
JUMLAH KESELURUHAN						**160,038**

Sumber: Baucar Bayaran dan Laporan BV340

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 12 Mei 2017

MPBU membuat perolehan alatan tersebut berdasarkan kepada keperluan daripada unit-unit TUDM. Perolehan dibuat merujuk kepada Perenggan 3.2 kepada AM 2.1 tanpa merujuk kepada Lampiran A kepada tatacara tersebut. Perolehan ini telah ditapis dalam Jawatankuasa Tapisan Perolehan dan Sebut Harga B Domestik MPBU. Permohonan kelulusan khas perolehan Harta Modal bertarikh 29 Mac 2017 masih dalam proses pertimbangan Kementerian Kewangan.

Pada pendapat Audit, tindakan MPBU membuat perolehan Harta Modal menggunakan peruntukan Bekalan dan Bahan-bahan Lain adalah tidak teratur kerana tidak menggunakan peruntukan yang sewajarnya.

16.5.4. Pengurusan Stor di Materiel Udara (MATRA)

Mengikut Tatacara Pengurusan Stor TUDM, pengurusan stor hendaklah dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan bagi memastikan stok sentiasa ada apabila dikehendaki dan kualiti stok sentiasa terjamin. Stor perlu dilengkapkan dengan sistem kawalan kebakaran yang sesuai seperti *fire alarm*, *smoke detector* dan *water sprinkler*. Alat pemadam api seperti *fire extinguisher* dan *hose reel* perlu ditempatkan di kawasan strategik. Keadaan stor hendaklah sentiasa bersih supaya kualiti stok terjamin. Lawatan Audit di tiga lokasi MATRA mendapati gudang dilengkapi dengan sistem kawalan kebakaran; penyimpanan dan susunan peralatan adalah teratur; rekod dan dokumen diselenggara dengan kemas kini; gudang juga adalah bersih, kemas dan teratur serta baki fizikal stok adalah sama seperti di dalam SPKB. Keadaan stor seperti di gambar berikut:

GAMBAR 16.1



Materiel Udara 1, Pangkalan Udara Kuala Lumpur - Alatan Untuk Pelupusan Disusun Dengan Teratur Mengikut Proses Pelupusan (22.11.2016)

GAMBAR 16.2



Materiel Udara 1, Pangkalan Udara Kuala Lumpur - Gudang Alatan Domestik Dalam Keadaan Kemas dan Teratur (29.11.2016)

GAMBAR 16.3



Materiel Udara 2, Pangkalan Udara Subang - Stor Alatulis dan Borang Percetakan (21.12.2016)

GAMBAR 16.4



Materiel Udara 2, Pangkalan Udara Subang - Toner Disimpan di Dalam Kontena (21.12.2016)

GAMBAR 16.5



Materiel Udara 4, Pangkalan Udara Kuantan - Stor Alat Ganti Pesawat Hawk Dalam Keadaan Kemas dan Tersusun (14.12.2016)

GAMBAR 16.6



Materiel Udara 4, Pangkalan Udara Kuantan - Ruang Penyimpanan Enjin Pesawat (14.12.2016)

16.5.4.1. *Automated Storage And Retrieval System* Rosak

a. *Automated Storage and Retrieval System* (ASRS) merupakan sistem yang dibangunkan bagi memproses penyimpanan dan pengeluaran alatan dengan kos berjumlah RM54.60 juta dan mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Ogos 2005. Tempoh jaminan bagi ASRS berakhir pada bulan Ogos 2007. Lawatan Audit ke MATRA 2 pada bulan Disember 2016 mendapati ASRS tidak berfungsi sepenuhnya. Hasil semakan ke atas Laporan Kerosakan ASRS dan temu bual dengan pegawai yang berkaitan mendapati *server* ASRS menjadi kurang stabil pada tahun 2008 dan akhirnya tidak berfungsi pada bulan Jun 2013. Semakan Audit juga mendapati tiada kontrak senggaraan diwujudkan setelah tempoh jaminan ASRS tamat. Kontrak Perkhidmatan Penyenggaraan *Automated Storage and Retrieval System* (ASRS) di MATRA 2 Pangkalan Udara Subang hanya diwujudkan dan ditandatangani pada bulan Jun 2014 selama tiga tahun berkuatkuasa pada 29 Ogos 2013 hingga 28 Ogos 2016 dengan nilai kontrak berjumlah RM10.45 juta.

b. Bagaimanapun kontrak ini tidak meliputi pembaikan *server* yang merupakan punca utama kerosakan ASRS. Skop kontrak tersebut hanya meliputi senggaraan pencegahan (firm fixed), senggaraan baik pulih, pembelian alat ganti untuk perkhidmatan dan latihan. Sejumlah RM6.99 juta telah dibelanjakan bagi pembayaran *firm fixed* kepada kontraktor tersebut. Semasa pemeriksaan fizikal dijalankan, proses pengeluaran dan penyimpanan peralatan domestik dan alat ganti pesawat dibuat secara manual dan mengambil masa yang lebih panjang. Selain itu, peralatan domestik dan alat ganti pesawat terpaksa disimpan di tempat terbuka (Charge-In Bay) memandangkan rak-rak ASRS tidak lagi sesuai digunakan sebagai tempat simpanan. Keadaan stor/gudang adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 16.7



GAMBAR 16.8



Materiel Udara 2, Pangkalan Udara Subang
- Proses Pengambilan Stok Secara Manual oleh Anggota MATRA 2
(08.12.2016)

GAMBAR 16.9



GAMBAR 16.10



Materiel Udara 2, Pangkalan Udara Subang
- Stor Alat Ganti Pesawat yang Disimpan di *Charge-In Bay*
(21.12.2016)

GAMBAR 16.11



Materiel Udara 2, Pangkalan Udara Subang
- Sistem ASRS Tidak Berfungsi
(08.12.2016)

GAMBAR 16.12



Materiel Udara 2, Pangkalan Udara Subang
- Ruang yang Sempit dan Tinggi Menyukarkan Proses Pengambilan Stok Secara Manual
(08.12.2016)

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 12 Mei 2017

Permohonan lanjutan tempoh, tambahan had bumbung dan perluasan skop bagi meliputi dukungan pembaikan yang dimajukan pada tahun 2015 telah diluluskan bagi tempoh tiga tahun mulai 29 Ogos 2016 sehingga 28 Ogos 2019. Skop senggaraan meliputi kerja-kerja ASRS Server Repair; ASRS Crane Parts and Repair; Platform Migration; Bin Storage Realignment dan Full System Diagnostic Check. Proses pembaikan telah bermula pada bulan November 2016. Kemajuan kerja-kerja pembaikan ASRS sehingga 9 Mei 2017 yang meliputi perluasan lima skop telah ditaklimatkan kepada Timbalan PTU seperti berikut:

a. ***ASRS Server Repair - 100%***
b. ***Full System Diagnostic Check - 90%***
c. ***ASRS Crane Parts and Repair - 80%***
d. ***Platform Migration - 90%***
e. ***Bin Storage Realignment - 10%***

Mesyuarat pemantauan secara berkala setiap minggu dengan kontraktor, MPBU-R&P dan PERO-5 telah dilaksanakan oleh MATRA 2. Sistem dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada 21 Jun 2017.

Pada pendapat Audit, ketiadaan kontrak penyenggaraan ASRS telah melewatkan pembaikan ASRS seterusnya menjejaskan kecekapan proses penyimpanan dan pengeluaran stok di MATRA 2.

16.5.5. Pengurusan Stok Tidak Aktif, Tidak Bergerak dan Usang

Perintah Udara (PU) 4101 Seksyen 52 Arahan Materiel Udara telah menetapkan beberapa garis panduan berhubung dengan pengurusan Stok Tidak Aktif (STA), Stok Tidak Bergerak (STB) dan Stok Usang supaya urusan dapat dikendalikan dengan lebih teratur serta dapat mengurangkan atau menghindarkan STA, STB dan Stok Usang. Takrifan lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 16.4
TAKRIFAN STOK MENGIKUT KATEGORI

KATEGORI STOK	TAKRIFAN
Stok Tidak Aktif (STA)	barangan, komponen atau alat ganti pesawat yang bergerak perlahan dan nisbah kadar pusingan stok tahunan kurang daripada satu untuk tempoh lima tahun
Stok Tidak Bergerak (STB)	barangan, komponen atau alat ganti pesawat yang tidak bergerak dalam tempoh lima tahun
Stok Usang	barangan, komponen atau alat ganti pesawat yang tidak digunakan yang mana peralatan induk atau sistem telah dilucutkan tauliah atau tamat perkhidmatan atau usang (tamat tempoh hayat)

Sumber: Arahan Materiel Udara

16.5.5.1. Lawatan Audit di MATRA 1 (Pangkalan Udara Kuala Lumpur), MATRA 2 (Pangkalan Udara Subang) dan MATRA 4 (Pangkalan Udara Kuantan) pada bulan November dan Disember 2016 mendapati komponen dan material STA dan STB serta Stok Usang yang berada di dalam simpanan MATRA adalah bernilai RM561.94 juta. Ini meliputi di MATRA 1, Stok Usang bernilai RM17.79 juta; di MATRA 2, STA bernilai RM1.40 juta, STB bernilai RM5.65 juta dan Stok Usang bernilai RM14.61 juta. Di MATRA 4, STA bernilai RM203.17 juta dan STB bernilai RM319.32 juta. Stok-stok ini merangkumi stok baru, stok yang telah digunakan atau dalam proses pembaikan, stok yang disimpan sebagai apungan dan stok yang tidak boleh digunakan. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 16.5
STOK TIDAK AKTIF, STOK TIDAK BERGERAK
DAN STOK USANG BAGI KOMPONEN DAN MATERIAL

MATRA	PERKARA	KOMPONEN/ MATERIAL	JUMLAH (RM Juta)
1	Stok Usang	1,700	17.79
2	STA	191	1.40
	STB	1,136	5.65
	Stok Usang	7,448	14.61
4	STA	2,531	203.17
	STB	10,380	319.32
JUMLAH KESELURUHAN		**23,386**	**561.94**

Sumber: Seksyen Kawalan Aset dan Stok & Materiel Udara

16.5.5.2. Semakan Audit terhadap 350 sampel daripada keseluruhan 23,386 item komponen dan material STA, STB dan Stok Usang mendapati 90%

daripadanya tidak digunakan sejak tarikh *Brought on Charge* (BoC) iaitu tarikh daftar alatan berkenaan ke dalam Sistem Pengurusan Komputer Bersepadu (SPKB). Antara sampel item material STA dan STB bagi pesawat C130H seperti *probe temp, fan tube, disk valve, regulator* dan *door assy mlg* berjumlah RM1.05 juta di mana tiada pengeluaran dibuat sejak tahun 2010 iaitu sejak tarikh BoC alatan bagi kesemua lima item material tersebut. Ini kerana tiada permohonan daripada Skuadron terlibat. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 16.6
STA DAN STB MATERIAL BAGI PESAWAT C130H

BIL.	PART NO.	BUTIRAN	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)	TARIKH BoC	TARIKH AKHIR PENGELUARAN
1.	102AH2AF	*Probe Temp*	3	44,395	133,185	26.08.2010	Tiada Pengeluaran
2.	026977	*Fan Tube*	1	3,140	3,140	04.06.2010	Tiada Pengeluaran
3.	0091921	*Disk Valve*	166	4,511	748,826	30.06.2009	Tiada Pengeluaran
4.	102538-5-1	*Regulator*	2	50,745	101,490	19.07.2010	Tiada Pengeluaran
5.	338737-L	*Door Assy Mlg*	2	32,451	64,902	15.01.2010	Tiada Pengeluaran
JUMLAH KESELURUHAN					**1,051,543**		

Sumber: **Seksyen Kawalan Aset dan Stok & Materiel Udara**
Nota: ***Brought on Charge*** **(BoC)**

16.5.5.3. Semakan selanjutnya terhadap sampel item komponen dan material Stok Usang bagi pesawat Nuri seperti *cable ignition, casing assy, manif assy, manifold assy fuel* dan *main spray bar* berjumlah RM235,266 juga mendapati tiada pengeluaran dibuat dari tarikh BoC antara tahun 2002 hingga 2010. Ini disebabkan oleh tiada permohonan daripada Skuadron yang terlibat. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 16.7
STOK USANG KOMPONEN DAN MATERIAL BAGI PESAWAT NURI S61A4

BIL.	PART NO.	BUTIRAN	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)	TARIKH BoC	TARIKH AKHIR PENGELUARAN
1.	37C300380P101	*Cable Ignition L/H*	8	1,482	11,856	02.07.2002	Tiada Pengeluaran
2.	4002T07G07	*Casing Assy*	1	11,312	11,312	08.03.2004	Tiada Pengeluaran
3.	4002T23G05	*Manif Assy*	4	24,286	97,144	07.11.2010	Tiada Pengeluaran
4.	4002T23G12	*Manifold Assy Fuel R/H*	3	28,307	84,921	29.12.2009	Tiada Pengeluaran
5.	5040T19P01	*Main Spray Bar*	9	3,337	30,033	21.07.1999	Tiada Pengeluaran
JUMLAH KESELURUHAN					**235,266**		

Sumber: **Seksyen Kawalan Aset dan Stok & Materiel Udara**
Nota: ***Brought on Charge*** **(BoC)**

16.5.5.4. STA, STB dan Stok Usang akan sentiasa bertambah setiap tahun kerana dasar *life cycle cost* adalah terlalu cepat, perolehan asal bersama pesawat, pembelian alat ganti pesawat secara *Minimum Order Quantity* (MOQ) / *in-bulk*, kit alatan yang lama serta pesawat yang ditamatkan perkhidmatan tetapi alat ganti pesawat masih ada. Peningkatan STA, STB dan Stok Usang akan memberi kesan kepada penyimpanan, pengendalian dan rekod serta berlakunya pembaziran dan kerugian kepada Kerajaan.

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 12 Mei 2017

Tindakan terhadap alatan STA, STB dan Stok Usang telah dilaksanakan oleh MPBU secara berterusan setiap tahun mengikut keperluan. Stok STA, STB yang terdapat di dalam rekod SPKB adalah keseluruhan stok yang dipegang oleh TUDM termasuk komponen-komponen rosak yang dikeluarkan dari pesawat sementara menunggu untuk pembaikan dan komponen-komponen yang telah dikembalikan selepas dari pembaikan yang disimpan oleh TUDM sebagai aset apungan. MATRA telah mengambil tindakan berikut:

a. ***Lembaga Pelupusan Am (LPA) bagi kesemua peralatan komponen dan material seperti di MATRA 1 telah dijalankan pada 9 Mac 2017. Syor LPA di MATRA 1 bagi 15 siri pelupusan telah diperolehi dan menunggu Kuasa Kelulusan Pelupusan dari Cawang Pengurusan Aset KEMENTAH.***

b. ***Pemeriksaan secara fizikal di MATRA 2 telah dilaksanakan mulai 1 Mac 2017 di mana alatan dikenalpasti sama ada disimpan semula bagi alatan yang masih perlu atau dibuat pelupusan. LPA di MATRA 2 untuk tujuh siri pelupusan melibatkan sebanyak 2,312 baris alatan (usang) sistem pesawat Cessna yang bernilai RM6,365,017.88 sedang berjalan mulai 9 Mei hingga 16 Mei 2017. Bagi alatan STA/STB, sebanyak 743 alatan telah diperiksa dan baki 2,924 alatan sedang dilaksanakan.***

c. ***MATRA 4 telah memperolehi Kuasa Kelulusan Pelupusan sebanyak 56 baris alatan STA/STB pesawat Hawk bernilai RM 2,140,739.17 dan empat baris alatan STA/STB pesawat MB339A bernilai RM857.54. Baki selebihnya sedang dalam tindakan pengasingan dan mengenalpasti status penggunaan alatan.***

MPBU telahpun mengambil tindakan untuk mengurangkan STA/STB dengan melupuskan semua alat ganti bagi pesawat yang telah dikeluarkan dari perkhidmatan dan alatan yang tidak boleh digunakan. Selain itu MPBU telah memperketatkan tatacara perolehan bagi sebarang alatan yang melibatkan komponen dan material bagi pesawat dan melaksanakan Perfomance Based Contract bagi mengatasi pemasalahan bunching up stok di dalam simpanan TUDM.

Pada pendapat Audit, pihak MPBU mempunyai rekod yang lengkap berkenaan STA, STB dan Stok Usang. Bagaimanapun, pengkelasan stok sama ada baru atau terpakai tidak dibuat. Ini menyebabkan jumlah stok keseluruhan dalam kategori STA, STB dan Stok Usang adalah tinggi seterusnya jumlah sebenar stok baru yang tidak digunakan tidak dapat ditentukan.

16.6. SYOR AUDIT

Bagi memperkemaskan lagi pengurusan perolehan di Markas Pemerintahan Bantuan Udara (MPBU) dan Materiel Udara (MATRA), Kementerian dan MPBU hendaklah memastikan:

16.6.1. mempercepatkan proses pengenaan denda (LD) terhadap syarikat yang tidak mematuhi syarat kontrak;

16.6.2. memastikan kontrak penyenggaraan diwujudkan sebelum tempoh waranti tamat; dan

16.6.3. memantau proses pembelian alat ganti pesawat agar ianya dibuat berdasarkan keperluan sebenar bagi mengelakkan berlaku pembaziran di samping mengemaskini data berkenaan stok STA, STB dan Stok Usang sama ada yang baru atau terpakai bagi menggambarkan jumlah sebenar stok yang tidak digunakan.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

17. TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA
- PENYENGGARAAN DAN PENGGUNAAN KENDERAAN KHAS TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA

17.1. LATAR BELAKANG

17.1.1. Kenderaan Khas atau *Aerospace Ground Support Vehicle* (AGSV) adalah merupakan aset sokongan kepada pengoperasian pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). AGSV terdiri daripada Sokongan Pesawat (Aircraft Support), Sokongan Lapangan Terbang (Airfield Support) dan Sokongan Kombat (Combat Support). Daripada tiga kategori ini, ia dipecahkan kepada 11 jenis berdasarkan fungsi masing-masing dengan jumlah keseluruhan sebanyak 375 AGSV seperti jadual berikut:

JADUAL 17.1
KATEGORI, JENIS DAN BILANGAN AGSV

KATEGORI	JENIS	KEGUNAAN	BILANGAN
Sokongan Pesawat *(Aircraft Support)*	*Aircraft Towing Tractor*	Menunda pesawat dan *ground equipment.*	101
	Aircraft Refueller and Fuel Dispenser	Mengisi minyak pesawat.	54
	Aircraft Cargo Loader	Melaksanakan kerja-kerja *loading* dan *off loading* pesawat serta penghantaran barang.	11
	Bomb Lift Truck	Digunakan untuk mengangkut bom untuk diletakkan di badan pesawat.	19
	GPU Truck	Janakuasa untuk menghidupkan enjin kapal terbang.	3
Sokongan Lapangan Terbang *(Airfield Support)*	*Fire Tender*	Menjalankan operasi menyelamat dan memadam kebakaran pesawat, bangunan dan sebagainya.	35
	Runway Sweeper	Membersihkan kawasan *dispersal* dan *runway.*	20
	Crash Ambulance	Menjalankan operasi menyelamat khususnya semasa kemalangan pesawat.	4
Sokongan Kombat *(Combat Support)*	*Prime Mover*	Melaksanakan kerja-kerja penghantaran barang.	50
	Forklift	Mengangkat bebanan.	74
	Crane	Mengangkut bebanan.	4
JUMLAH			**375**

Sumber: Markas Pemerintahan Operasi Udara

17.1.2. AGSV ini ditempatkan di sepuluh Pangkalan Udara (PU) TUDM iaitu di PU Butterworth, Kuantan, Gong Kedak, Kuala Lumpur, Labuan, Subang, Kuching, Bukit Ibam, Bukit Lunchu dan Kolej Tentera Udara, Alor Setar.

17.1.3. Penyenggaraan dan pembaikan AGSV meliputi tiga peringkat iaitu *Organisation Level Maintenance* (OLM) dan *Intermediate Level Maintenance* (ILM) yang dilaksanakan oleh TUDM sendiri serta *Depot Level Maintenance* (DLM) yang dilaksanakan oleh kontraktor. Objektif penyenggaraan dan pembaikan kenderaan

AGSV adalah untuk meningkatkan tahap prestasi kenderaan, kesiapsiagaan dan mengoptimumkan penggunaan AGSV dalam setiap operasi. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2019 sebanyak sembilan kontraktor dilantik untuk melaksanakan penyenggaraan dan pembaikan terhadap sembilan jenis kenderaan AGSV dengan kos keseluruhan kontrak berjumlah RM87.38 juta. Butirannya seperti jadual berikut:

JADUAL 17.2
KONTRAK PENYENGGARAAN AGSV BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2019

KONTRAK AGSV	BUTIRAN KONTRAK		
	KONTRAKTOR	TEMPOH KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)
Runway Sweeper	Duromac (M) Sdn. Bhd.	29.01.2012 - 29.01.2015	1.50
	Maju Engineering Services Sdn. Bhd.	01.03.2015 - 28.02.2018	3.60
Fire Tender	Pesaka Astana (M) Sdn. Bhd.	19.01.2012 - 18.01.2015	3.00
	Amdac (M) Sdn. Bhd.	15.02.2016 - 14.02.2019	6.36
Cargo Loader, Prime Mover dan *Crash Ambulance*	Motor Technologi & Industri Sdn. Bhd.	02.02.2012 - 01.02.2015	4.50
	Duromac (M) Sdn. Bhd.	23.03.2016 - 22.03.2019	7.42
Forklift, Crane dan *Truck*	Maju Engineering Services Sdn. Bhd.	27.03.2012 - 26.03.2015	3.00
	Muadamzam Oto (M) Sdn. Bhd.	24.03.2016 - 23.03.2019	4.77
Aircraft Refueller dan *Fuel Dispenser*	Aerospace Technology System Corp. Sdn. Bhd.	02.02.2012 - 01.02.2015	5.00
	Maju Engineering Services Sdn. Bhd.	10.05.2016 - 09.05.2019	9.01
Towing Tractor	Muadamzam Oto (M) Sdn. Bhd.	10.02.2012 - 09.02.2016	3.00
	Muadamzam Oto (M) Sdn. Bhd.	15.08.2016 - 14.08.2019	3.82
Pelbagai Jenis AGSV - Labuan dan Kuching	Jati Bumi General Services Sdn. Bhd.	26.08.2010 - 25.08.2015	14.46
Pelbagai Jenis AGSV - Labuan	Maju Engineering Services Sdn. Bhd.	19.08.2016 - 28.08.2019	11.77
Pelbagai Jenis AGSV - Kuching	Megabumi Mechatronics Services Centre	16.08.2016 - 15.08.2019	6.17
JUMLAH			**87.38**

Sumber: Bahagian Perolehan, Kementerian Pertahanan

17.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian ini dijalankan untuk menilai penyenggaraan, pembaikan dan penggunaan AGSV telah diuruskan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan.

17.3. SKOP PENGAUDITAN

17.3.1. Kajian ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap prosedur penyenggaraan dan pembaikan serta pegangan AGSV bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016.

17.3.2. Sembilan jenis AGSV telah dipilih iaitu *Aircraft Towing Tractor, Aircraft Refueller, Aircraft Fuel Dispenser, Aircraft Cargo Loader, Fire Tender, Runway Sweeper, Crash Ambulance, Prime Mover* dan *Forklift.* Sebanyak 184 buah AGSV dipilih sebagai sampel Audit melibatkan maksimum sepuluh buah AGSV daripada setiap jenis kenderaan di empat Pangkalan Udara. Butiran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 17.3
KATEGORI DAN JENIS AGSV

PANGKALAN / BUTIRAN / JENIS AGSV	PU SUBANG		PU KUANTAN		PU BUTTERWORTH		PU LABUAN	
	Bil. Pegangan	Bil. Sampel AGSV	Bil. Pegangan	Bil. Sampel AGSV	Bil. Pegangan	Bil. Sampel AGSV	Bil. Pegangan	Bil. Sampel AGSV
Aircraft Towing Tractor	11	10	16	10	19	10	20	10
Aircraft Refueller	4	4	10	10	8	8	6	6
Aircraft Fuel Dispenser	9	9	*Fuel Dispenser* tidak digunakan di Pangkalan Udara ini					
Aircraft Cargo Loader	3	3	2	2	1	1	3	3
Fire Tender	2	2	8	8	6	6	7	7
Runway Sweeper	2	2	3	3	3	3	4	4
Crash Ambulance	Tiada		1	1	1	1	-	-
Prime Mover	6	6	13	10	1	-	15	10
Forklift	12	10	9	9	13	10	6	6
JUMLAH	**49**	**46**	**62**	**53**	**52**	**39**	**61**	**46**

Sumber: Pangkalan Udara dan Sampel Audit

17.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, fail serta dokumen penyenggaraan dan penggunaan AGSV di Bahagian Perolehan, Kementerian Pertahanan (Kementerian) dan Pangkalan Udara yang terlibat. Analisis terhadap pelaksanaan proses kerja penyenggaraan dan pembaikan, semakan fizikal di PU Subang, Kuantan, Butterworth dan Labuan serta temu bual dengan pegawai bertanggungjawab juga dijalankan.

17.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2016 mendapati secara keseluruhannya pengurusan penyenggaraan dan pembaikan AGSV telah dilaksanakan selaras dengan objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan dalam aspek pengurusan pelaksanaan penyenggaraan dan pembaikan seperti berikut:

i. kelewatan pelaksanaan penyenggaraan dan pembaikan melibatkan proses pengeluaran sebut harga, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal (JKTek), Mesyuarat Jawatankuasa Tapisan Perolehan (JTP) dan pengeluaran Pesanan Kerajaan antara tujuh hingga 390 hari;

ii. denda berjumlah RM52,570 tidak dikenakan atas kelewatan *Turn Around Time* (TAT) antara satu hingga 372 hari untuk 93 kerja penyenggaraan dan pembaikan;

iii. 47.3% daripada peratusan tahunan AGSV tidak mencapai tahap 70% pegangan yang telah ditetapkan; dan

iv. sepuluh kerja penyenggaraan tertangguh antara 34 hingga 137 hari kerana ketiadaan sijil *Approved Maintenance Organisation* (AMO).

Perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian Pertahanan dan TUDM telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 28 Mac 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

17.5.1 Prestasi Kewangan

Markas Pemerintahan Bantuan Udara (MPBU) bertanggungjawab mengawal perbelanjaan pembaikan dan penyenggaraan AGSV. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 sejumlah RM15.33 juta telah diperuntukkan bagi penyenggaraan dan pembaikan AGSV. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM12.55 juta (81.9%) telah dibelanjakan. Butirannya seperti jadual berikut:

JADUAL 17.4
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016

PERKARA / TAHUN	PERUNTUKAN PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		JUMLAH (RM Juta)	(%)
2014	6.13	5.80	94.6
2015	3.96	3.75	94.7
2016	5.24	3.00	57.3
JUMLAH	**15.33**	**12.55**	**81.9**

Sumber: Markas Pemerintahan Bantuan Udara dan Pangkalan Udara

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan penyenggaraan dan pembaikan AGSV adalah memuaskan dan dibelanjakan dengan sebaiknya.

17.5.2. Pengurusan Penyenggaraan dan Pembaikan

17.5.2.1. Pelan Penyenggaraan

Bagi memastikan AGSV beroperasi pada tahap optimum, TUDM melalui Cawangan Kejuruteraan telah menetapkan penyenggaraan berjadual dilaksanakan mengikut pelan penyenggaraan ke atas setiap AGSV. Pelan penyenggaraan ini dijalankan oleh Unit Flait Bantuan dan kontraktor yang dilantik. Penyenggaraan dan pembaikan kenderaan AGSV dikategorikan kepada tiga peringkat:

a. *Organisation Level Maintenance* (OLM)

Penyenggaraan di peringkat OLM dilaksanakan oleh anggota TUDM di unit pengguna merangkumi kerja rawatan harian sebelum dan selepas penggunaan, rawatan mingguan, rawatan bulanan, mencuci kenderaan dan membaiki kerosakan kecil.

b. *Intermediate Level Maintenance* (ILM)

Penyenggaraan di peringkat ILM dilaksanakan oleh Flait Bantuan Cawangan Kejuruteraan, TUDM merangkumi rawatan tiga bulan, rawatan ke atas

komponen kecil, membaiki kerosakan kecil dan mengganti komponen dan melakukan pengubahsuaian *Servicing Instruction* atau *Special Technical Instruction* yang tidak melibatkan kemahiran.


c. *Depot Level Maintenance* (DLM)

Penyenggaraan DLM melibatkan kontraktor yang dilantik, meliputi kerja rawatan enam bulan sekali, rawatan tahunan, melaksanakan *Decarbonizing* (pembuangan karbon) daripada enjin, pencegah karat termasuk mengecat *chassis*, membuka dan memasang tayar/tiub, membaiki kerosakan yang tidak dapat dilaksanakan di peringkat ILM, membaiki kerosakan besar, mengganti komponen dan pengubahsuaian yang dibenarkan oleh Bahagian Kejuruteraan Markas Tentera Udara.

17.5.2.2. Carta Aliran Kerja

a. Carta aliran kerja adalah prosedur kerja mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan sebelum penyenggaraan atau pembaikan dilakukan. Carta aliran kerja untuk penyenggaraan berjadual, tidak berjadual dan penyenggaraan tanpa kontrak telah disediakan oleh TUDM. Proses pembaikan bermula daripada Unit Flait Bantuan menyediakan Laporan Kerosakan sehingga Pesanan Kerajaan dikeluarkan seperti carta berikut:

CARTA 17.1
CARTA ALIRAN PROSES KERJA PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN



Sumber: Analisis Audit

b. Semakan Audit mendapati tiada tempoh masa yang ditetapkan bagi keseluruhan pelaksanaan proses kerja tersebut. Ini menyebabkan tempoh masa yang diambil bagi setiap proses kerja berbeza antara Pangkalan Udara. Pihak Audit telah membuat analisis terhadap tempoh kerja-kerja yang perlu dibuat bagi setiap proses kerja sehingga Pesanan Kerajaan dikeluarkan adalah selama 21 hari dan telah dipersetujui oleh pihak TUDM seperti jadual berikut:

JADUAL 17.5
TEMPOH PROSES KERJA TUDM SEHINGGA PESANAN KERAJAAN DIKELUARKAN

PROSES KERJA	TEMPOH (Hari)
Unit Flait Bantuan menyediakan Laporan Kerosakan *(Defect Report)* setelah menerima BAT M 23 dari unit pengguna	2
Laporan Kerosakan dihantar ke Cawangan Material oleh Unit Flait Bantuan	1
Cawangan Material menyedia dan mengeluarkan tawaran sebutharga (RFQ) kepada kontraktor	2
Tempoh RFQ dikembalikan oleh kontraktor	14*
Mesyuarat JKTek diadakan setelah menerima sebutharga dari kontraktor	7
Mesyuarat JTP diadakan setelah Mesyuarat JKTek dijalankan	7
Inden (Pesanan Kerajaan) dikeluarkan setelah Mesyuarat JTP dijalankan	2
ANGGARAN BILANGAN HARI PROSES KERJA DARI BAT M 23 HINGGA PESANAN KERAJAAN DIKELUARKAN	**21**

Sumber: **Analisis Audit**
Nota: **(*) - Tempoh Proses Ini Telah Ditetapkan**

c. Berdasarkan tempoh masa yang dipersetujui dalam **Jadual 17.5** bagi pelaksanaan proses kerja, analisis Audit terhadap proses kerja sebenar di peringkat TUDM bagi 74 kerja penyenggaraan berjadual dan 142 kerja pembaikan luar jangka yang melibatkan proses mengeluarkan tawaran sebutharga, mesyuarat JKTek dan JTP serta pengeluaran Pesanan Kerajaan mendapati perkara berikut:

i. Tawaran Sebut Harga (RFQ)

Bagi pembaikan luar jangka, sebanyak 41 tawaran Sebutharga (Request For Quotation - RFQ) dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan, 87 RFQ lewat dikeluarkan antara tujuh hingga 311 hari dan baki 14 RFQ tidak dapat ditentukan tempoh kerana ketiadaan maklumat. Manakala bagi kerja penyenggaraan berjadual sebanyak 16 RFQ telah dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan, 38 RFQ lewat dikeluarkan melibatkan kelewatan antara tujuh hingga 156 hari dan 20 RFQ tidak dapat ditentukan tempoh kerana ketiadaan maklumat.

ii. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal (JKTek)

Selepas menerima sebut harga daripada kontraktor di dapati sebanyak 42 sebutharga dibincangkan dalam mesyuarat JKTek dalam tempoh yang ditetapkan, 59 sebutharga lewat dibincangkan dalam mesyuarat JKTek dengan kelewatan antara tujuh hingga 265 hari dan baki 41 tidak dapat ditentukan tempoh kerana ketiadaan maklumat. Bagi penyenggaraan berjadual sepatutnya tidak perlu melalui JKTek kerana skop kerja telah ditetapkan dalam dokumen kontrak tetapi ia tetap dibawa ke mesyuarat JKTek di mana sebanyak 28 sebut harga dibincang dalam tempoh yang ditetapkan, 15 dibincangkan antara tujuh hingga 350 hari dan baki 31 tidak dapat ditentukan tempoh kerana ketiadaan maklumat.

iii. Mesyuarat Jawatankuasa Tapisan Perolehan (JTP)

Bagi pembaikan luar jangka sebanyak 32 kerja pembaikan dibincangkan dalam mesyuarat JTP dalam tempoh yang ditetapkan selepas mesyuarat JKTek manakala berlaku kelewatan antara tujuh hingga 390 hari untuk 95 kerja pembaikan dan baki 15 kerja tidak dapat ditentukan tempoh. Bagi penyenggaraan berjadual, sebanyak 13 kerja dibincang dalam mesyuarat JTP dalam tempoh yang ditetapkan selepas mesyuarat JKTek, 48 kerja lewat dibincangkan dengan kelewatan antara tujuh hingga 138 hari dan baki 13 kerja penyenggaraan tidak dapat ditentukan kerana ketiadaan maklumat. Antara sebab kelewatan ini berlaku adalah kerana tempoh masa tidak ditetapkan, tidak cukup korum dan kelewatan JKTek bermesyuarat.

iv. Pengeluaran Pesanan Kerajaan

Bagi kerja pembaikan luar jangka, pengeluaran 57 Pesanan Kerajaan dibuat dalam tempoh yang ditetapkan selepas mesyuarat JTP dijalankan. Manakala berlaku kelewatan antara tujuh hingga 158 hari untuk 73 Pesanan Kerajaan dan baki 12 Pesanan Kerajaan tidak dapat ditentukan tempoh. Bagi kerja penyenggaraan berjadual sebanyak 35 Pesanan Kerajaan dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan, 35 Pesanan Kerajaan lewat dikeluarkan antara tujuh hingga 122 hari dan empat Pesanan Kerajaan tidak dapat ditentukan tempoh kerana ketiadaan maklumat.

d. Butiran pecahan kelewatan mengikut pelaksanaan proses kerja penyenggaraan dan pembaikan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 17.6
KELEWATAN PROSES KERJA MENGIKUT
JENIS PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN

PROSES KERJA	TEMPOH PELAKSANAAN PROSES KERJA							
	PEMBAIKAN LUAR JANGKA				PENYENGGARAAN BERJADUAL			
	BIL. SELESAI DALAM TEMPOH	MELEBIHI TEMPOH		TM	BIL. SELESAI DALAM TEMPOH	MELEBIHI TEMPOH		TM
		BIL.	(Hari)			BIL.	(Hari)	
Pengeluaran Tawaran Sebut Harga (RFQ)	41	87	7 - 311	14	16	38	7 - 156	20
Mesyuarat JKTek	42	59	7 - 265	41	28	15	7 - 350	31
Mesyuarat JTP	32	95	7 - 390	15	13	48	7 - 138	13
Pengeluaran Pesanan Kerajaan	57	73	7 - 158	12	35	35	7 - 122	4

Sumber: **Analisis Audit**
Nota: **TM - Tiada Maklumat**

e. Analisis Audit terhadap pelaksanaan proses kerja keseluruhan bagi 216 kerja penyenggaraan dan pembaikan meliputi 142 kerja pembaikan luar jangka dan 74 penyenggaraan berjadual mendapati tempoh masa yang diambil oleh TUDM untuk memproses 55 (25.5%) permohonan kerja adalah antara sembilan hingga 246 hari iaitu lebih lama berbanding tempoh masa yang diambil oleh kontraktor untuk menyiapkan kerja penyenggaraan. Manakala 17 (7.9%) kerja penyenggaraan melibatkan tempoh masa yang lebih panjang di peringkat kontraktor antara lima hingga 378 hari dan baki 144 (66.6%) kerja penyenggaraan dan pembaikan tidak dapat ditentukan tempoh masa yang diambil kerana maklumat tidak lengkap atau tiada tarikh.

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 5 Mei 2017

Kementerian telah melaksanakan penambahbaikan terhadap tempoh pelaksanaan proses kerja sedia ada dengan mengeluarkan Pindaan Arahan Perlaksanaan Kontrak Senggaraan dan Membaikpulih AGSV dan AGSE di Pangkalan-Pangkalan TUDM bertarikh 16 Mac 2017 melibatkan peringkat Pangkalan-pangkalan Udara yang bertanggungjawab terhadap Senggaraan dan Pembaikan di bawah kos RM100 ribu dan MPBU-Sistem Grup E dan MPBU-Cawang Khidmat Pembaikan bagi kos melebihi RM100 ribu ke atas. Tempoh masa keseluruhan proses kerja yang ditetapkan adalah tujuh hari bekerja bagi senggaraan berjadual dan 34 hari bekerja bagi pembaikan tidak berjadual yang melibatkan kos berjumlah di bawah RM100,000. Manakala 58 hari bekerja bagi pembaikan tidak berjadual melebihi RM100,000. Tempoh ini termasuk 14 hari yang diberikan kepada kontraktor bagi mengembalikan RFQ. Pindaan terhadap klausa kontrak yang berkaitan dengan cadangan tempoh masa aliran proses kerja melibatkan pihak TUDM dan Kontraktor akan dimajukan kepada Bahagian Kontrak KEMENTAH selewat-lewatnya 30 April 2017.

Pada pendapat Audit, ketiadaan penetapan tempoh masa untuk proses penyenggaraan dan pembaikan menyebabkan kelewatan penyenggaraan dan seterusnya menjejaskan operasi AGSV.

f. Analisis Audit terhadap proses kerja yang melibatkan kontraktor mendapati perkara berikut:

i. kontraktor yang dilantik perlu memberi maklumbalas terhadap permohonan sebutharga (RFQ) yang dikeluarkan oleh Cawangan Material dalam tempoh 14 hari. Analisis terhadap 216 RFQ yang telah dikeluarkan kepada kontraktor mendapati sebanyak 127 (58.8%) RFQ telah dikembalikan oleh kontraktor dalam tempoh yang ditetapkan, berlaku kelewatan mengembalikan 55 (25.5%) RFQ antara tujuh hingga 423 hari manakala pengembalian 34 (15.7%) RFQ tidak dapat ditentukan tempoh kerana maklumat tidak lengkap. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 17.7
KELEWATAN MENGEMBALIKAN TAWARAN SEBUTHARGA

SENGGARAAN / PEMBAIKAN	TEMPOH MASA											
	PU SUBANG			PU KUANTAN			PU BUTTERWORTH			PU LABUAN		
	Bil.	Hari	TM	Bil.	Hari	TM	Bil.	Hari	TM	Bil.	Hari	TM
Penyenggaraan Berjadual	13	7 - 61	-	3	13 - 39	2	-	-	3	-	-	10
Pembaikan Luar Jangka	13	7 - 423	4	14	8 - 68	4	7	8 - 36	6	5	9 - 176	5
JUMLAH	**26**	**7 - 423**	**4**	**17**	**8 - 68**	**6**	**7**	**8 - 36**	**9**	**5**	**9 - 176**	**15**

Sumber: **Analisis Audit**
Nota: **TM - Tiada Maklumat/Maklumat Tidak Tepat**

ii. *Turn Around Time* (TAT) adalah tempoh masa yang dipersetujui oleh kontraktor dan TUDM dalam mesyuarat JKTek dan JTP untuk melaksanakan penyenggaraan atau pembaikan. Sebarang kelewatan membolehkan pengenaan denda lewat sebanyak 2% sebulan. Semakan Audit mendapati TAT yang dipersetujui adalah antara satu hari hingga 60 hari. Bagaimanapun, didapati 93 (43.1%) daripada 216 kes melebihi tempoh TAT dengan kelewatan antara satu hari hingga 372 hari. Mengikut pengiraan Audit denda lewat yang sepatutnya dikenakan berjumlah RM52,570, di mana PU Subang mencatatkan denda tertinggi yang tidak dikenakan berjumlah RM22,441. Bagaimanapun, pihak TUDM tidak pernah mengambil tindakan untuk mengenakan denda kepada kontraktor menyebabkan kerugian kepada Kerajaan. Sebanyak 55 kes tidak dapat dipastikan sama ada melebihi TAT ataupun tidak kerana maklumat tidak lengkap seperti ketiadaan tarikh *Pre Delivery Inspection* (PDI) atau ketiadaan tarikh Pesanan Kerajaan ditandatangani. Manakala 68 kes telah diselesaikan dalam tempoh TAT yang dipersetujui. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 17.8
KELEWATAN PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN OLEH KONTRAKTOR

PANGKALAN UDARA	TAHUN	BIL. KES MELEBIHI TEMPOH TAT	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	DENDA (RM)	BIL. KES MAKLUMAT TIDAK LENGKAP
Subang	2014	18	1 - 265	5,062.43	1
	2015	11	3 - 344	16,253.72	2
	2016	8	1 - 35	1,125.37	1
Kuantan	2014	10	3 - 143	4,459.85	21
	2015	4	7 - 168	1,180.60	-
	2016	11	1 - 85	6,365.94	9
Butterworth	2014	-	-	-	1
	2015	6	5 - 71	802.95	4
	2016	10	1 - 79	2,997.09	11
Labuan	2014	9	9 - 253	8,187.33	2
	2015	6	9 - 372	6,135.17	3
	2016	-	-	-	-
TEMPOH KELEWATAN		**93**	**1 - 372**	**52,570.45**	**55**

Sumber: Analisis Audit

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 5 Mei 2017

TUDM telah memohon untuk menambah klausa tambahan kepada klausa kontrak sedia ada bagi Tempoh Menjawab Sebutharga melalui surat bertarikh 28 Mac 2017 iaitu sekiranya kontraktor tidak mengemukakan sebutharga selepas tempoh 30 hari, Kerajaan perlu memanggil kontraktor untuk perbincangan dan sekiranya tiada tawaran dari kontraktor selepas 50 hari dari tarikh keluar RFQ, Kerajaan berhak menawarkan Sebutharga secara Luar Kontrak. Pihak kontraktor akan didenda sebanyak 2% dari nilai Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan bagi kerja tersebut.

Surat denda lewat telah diedarkan pada 17 Mac 2017 kepada semua kontraktor AGSV/AGSE untuk memajukan justifikasi berkaitan pengenaan denda lewat sebelum 27 Mac 2017. Kegagalan Kontraktor mengemukakan justifikasi yang dikehendaki pada tarikh yang ditetapkan dianggap pihak Kontraktor bersetuju dengan denda lewat tersebut. MPBU telah menetapkan tarikh mesyuarat Liquidated Damage (LD) untuk tujuh syarikat yang terlibat pada 8 Mei 2017, 11 Mei 2017 dan 17 Mei 2017. MPBU juga telah mengarahkan pangkalan-pangkalan TUDM untuk memajukan Laporan Denda Lewat secara berkala (empat bulan) melalui Pindaan Arahan Perlaksanaan Kontrak Senggaraan dan Membaikpulih AGSV dan AGSE di Pangkalan-Pangkalan TUDM bertarikh 16 Mac 2017.

Pada pendapat Audit kelewatan kontraktor mengemukakan sebut harga menyebabkan pelaksanaan proses kerja lewat dilaksanakan. Denda berjumlah RM52,570 sepatutnya dikenakan atas kelewatan melebihi TAT.

17.5.2.3. Pegangan AGSV

a. Manual Publikasi TUDM (PU 9201) menetapkan "*The quantifiable mission of the RMAF logistic is to ensure all assets including aircraft have the minimum availability of 70% with 90% confidence level of being mission capable all times".* Berdasarkan kepada statistik tahun 2014 hingga 2016 bagi lapan jenis kenderaan AGSV, didapati 47.3% daripada peratusan tahunan AGSV tidak mencapai tahap 70% pegangan yang telah ditetapkan. Butiran AGSV yang tidak mencapai tahap pegangan 70% adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 17.9
STATISTIK PEGANGAN AGSV BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016

PANGKALAN UDARA / KATEGORI AGSV	PERATUS TAHUNAN PEGANGAN AGSV											
	PU SUBANG			PU KUANTAN			PU BUTTERWORTH			PU LABUAN		
	2014 (%)	2015 (%)	2016 (%)	2014 (%)	2015 (%)	2016 (%)	2014 (%)	2015 (%)	2016 (%)	2014 (%)	2015 (%)	2016 (%)
Aircraft Towing Tractor	75.5	**61.8**	**55.8**	93.6	81.5	79.0	94.3	89.2	81.6	83.3	81.9	**56.9**
Aircraft Refuller	89.8	**53.7**	**65.6**	**68.7**	**69.3**	**52.1**	71.0	**64.6**	**54.3**	79.6	79.9	**40.1**
Fuel Dispenser	91.3	**48.0**	**39.0**	*Fuel Dispenser* tidak digunakan di Pangkalan Udara ini								
Aircraft Cargo Loader	**57.6**	**47.7**	80.5	99.5	81.8	**62.9**	**42.2**	**44.9**	**30.9**	94.67	96.7	**59.0**
Fire Tender	**43.8**	**48.2**	87.3	71.83	**56.7**	**49.5**	**47.5**	**50.7**	79.6	75.5	75.9	**59.8**
Runway Sweeper	**25.3**	**61.5**	94.3	**67.1**	**67.4**	**52.2**	89.5	87.2	93.9	73.9	**63.8**	**64.0**
Crash Ambulance	Tiada *Crash Ambulance*			**45.7**	98.1	**17.3**	**17.5**	88.7	82.7	Tiada *Crash Ambulance*		
Prime Mover	82.4	75.8	**46.7**	**52.9**	**43.4**	**53.78**	90.5	70.5	98.1	77.0	**51.3**	**23.1**
Forklift	81.0	83.17	68.67	80.5	74.1	**67.9**	89.1	85.4	81.1	81.6	87.0	**60.0**

Sumber: Pangkalan Udara

b. Semakan selanjutnya mendapati 125 (67.9%) daripada 184 sampel AGSV telah melebihi tempoh had umur yang ditetapkan seterusnya menyumbang kepada peratusan pegangan di bawah 70%. Butiran AGSV yang melebihi tempoh had umur yang ditetapkan adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 17.10
TEMPOH DAN BILANGAN AGSV MELEBIHI HAD UMUR

PANGKALAN UDARA / JENIS AGSV	TEMPOH HAD UMUR YANG DITETAPKAN (Tahun)	PU SUBANG			PU KUANTAN			PU BUTTERWORTH			PU LABUAN		
		A (Bil.)	B (Bil.)	C (Tahun)	A (Bil.)	B (Bil.)	C (Tahun)	A (Bil.)	B (Bil.)	C (Tahun)	A (Bil.)	B (Bil.)	C (Tahun)
Aircraft Towing tractor	8	10	5	17 - 25	10	5	20 - 32	10	6	14 - 20	10	8	13 - 41
Aircraft Refuller	15	4	3	29 - 36	10	8	18 - 29	8	5	18 - 46	6	4	21 - 38
Fuel Dispenser	15	9	-	-	0	-	-	0	-	-	0	-	-
Aircraft Cargo Loader	15	3	2	26 dan 28	2	1	24	1	1	24	3	1	34
Fire Tender	10	2	2	20 dan 30	8	6	19 - 24	6	5	19 - 20	7	6	17 - 33
Runway Sweeper	15	2	-	-	3	1	20	3	2	20 dan 28	4	3	17 - 37

PANGKALAN UDARA / JENIS AGSV	TEMPOH HAD UMUR YANG DITETAPKAN (Tahun)	PU SUBANG			PU KUANTAN			PU BUTTERWORTH			PU LABUAN		
		A (Bil.)	B (Bil.)	C (Tahun)	A (Bil.)	B (Bil.)	C (Tahun)	A (Bil.)	B (Bil.)	C (Tahun)	A (Bil.)	B (Bil.)	C (Tahun)
Crash Ambulance	8	0	-	-	1	1	12	1	1	12	0	-	-
Prime Mover	10	6	6	13	10	7	13 - 20	0	-	-	10	10	13 - 20
Forklift	8	10	5	13 - 26	9	8	16 - 27	10	10	14 - 26	6	6	13 - 31
JUMLAH		**46**	**23**	**13 - 36**	**53**	**37**	**13 - 32**	**39**	**30**	**12 - 46**	**46**	**35**	**13 - 41**

Sumber: Analisis Audit
Nota : A = Bilangan Sampel Audit,
B = Bilangan AGSV Melebihi Tempoh Had Umur
C = Usia AGSV

GAMBAR 17.1



Pangkalan Udara Butterworth
- *Towing Tractor* yang Telah Berusia 16 Tahun
(28.11.2016)

GAMBAR 17.2



Pangkalan Udara Butterworth
- *Fire Tender* yang Telah Berusia 20 Tahun
(28.11.2016)

GAMBAR 17.3



Pangkalan Udara Kuantan
- *Forklift* yang Telah Berusia 27 Tahun
(22.11.2016)

GAMBAR 17.4



Pangkalan Udara Subang
- *Aircraft Refueller* yang Telah Berusia 29 Tahun
(03.11.2016)

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 5 Mei 2017

TUDM telah menambahbaik pengurusan AGSV di pangkalan dengan menetapkan keperluan optimum yang perlu disiapsiagakan dan untuk mencapai peratusan yang ditetapkan, TUDM telah mengeluarkan arahan berkaitan tempoh masa kerja yang lebih sistematik, mengkaji semula keutamaan rancangan pelupusan dan penggantian AGSV serta memastikan penajaan perolehan AGSV dan AGSE mengikut pelan rancangan perolehan TUDM bagi tahun 2018 hingga 2022. Bagi tahun 2018, TUDM telah menyediakan permohonan bajet mengurus bagi perolehan penggantian AGSV berjumlah RM30.52 juta.

Pada pendapat Audit, kenderaan yang melebihi tempoh had umur yang ditetapkan dan tidak ekonomik dibaiki menjejaskan tahap 70% pegangan AGSV yang ditetapkan.

17.5.3. Pelantikan Kontraktor

17.5.3.1. Persijilan *Approved Maintenance Organisation*

a. *Approved Maintenance Organisation* (AMO) merupakan sijil yang dikeluarkan oleh *Directorate General Technical Airworthiness* (DGTA) kepada kontraktor yang terlibat dengan penyenggaraan pesawat dan juga peralatan berkaitan pesawat. Perenggan 19, Lampiran A Surat Setuju Terima (SST) menyatakan, kontraktor perlu mendapatkan sijil *Approved Maintenance Organisation* (AMO) daripada *Directorate General Technical Airworthiness* (DGTA) sebelum layak menjalankan kerja senggaraan atau pembaikan. Berdasarkan kepada prosedur sedia ada, kontraktor hanya memohon sijil AMO setelah mendapat tawaran kontrak atau SST. Syarat ini tidak dinyatakan dalam iklan tender kerana permohonan sijil AMO adalah berasaskan kepada skop serta spesifikasi kontrak yang diperolehi dan tidak boleh dipohon oleh kontraktor sebelum kontrak ditawarkan.

b. Semakan Audit mendapati tiada tempoh yang ditetapkan untuk kontraktor memperolehi sijil AMO setelah SST ditandatangani. Didapati empat kontraktor yang telah dilantik memperolehi sijil penuh AMO dalam tempoh 84 hingga 241 hari setelah SST ditandatangani. Manakala satu kontraktor memperolehi sijil interim AMO dalam tempoh 137 hari untuk pelbagai jenis AGSV dan 245 hari untuk *Aircraft Refueller* dan *Fuel Dispenser* setelah SST ditandatangani. Ini menyebabkan sepuluh kerja penyenggaraan dan pembaikan AGSV di PU Labuan tertangguh antara 34 hingga 137 hari dan masih belum dijalankan sehingga tarikh lawatan Audit pada 16 Disember 2016. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 17.11
KONTRAK DAN KONTRAKTOR YANG TERLIBAT DENGAN PENSIJILAN AMO

KONTRAK AGSV	KONTRAKTOR	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH SIJIL AMO DIPEROLEHI	TEMPOH SIJIL AMO DIPEROLEHI * (Hari)
Runway Sweeper	Maju Engineering Services Sdn. Bhd.	24.02.2015	22.10.2015	241
Fire Tender	AMDAC (M) Sdn. Bhd.	15.02.2016	14.09.2016	213
Cargo Loader, Prime Mover dan *Crash Ambulance*	Duromac (M) Sdn. Bhd.	23.03.2016	TM	-
Forklift Crane dan *Truck*	Muadamzam Oto (M) Sdn. Bhd.	24.03.2016	14.09.2016	175
Aircraft Refueller dan *Fuel Dispenser*	Maju Engineering Services Sdn. Bhd.	10.05.2016	09.01.2017 (Interim AMO)	245

KONTRAK AGSV	KONTRAKTOR	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH SIJIL AMO DIPEROLEHI	TEMPOH SIJIL AMO DIPEROLEHI * (Hari)
Towing Tractor	Muadamzam Oto (M) Sdn. Bhd.	15.08.2016	20.01.2017	159
Pelbagai Jenis AGSV - Labuan	Maju Engineering Services Sdn. Bhd.	26.08.2016	09.01.2017 (Interim AMO)	137
Pelbagai Jenis AGSV - Kuching	Megabumi Mechatronics Services Centre	16.08.2016	07.11.2016	84

Sumber: **Analisis Audit**
Nota: **(*) -Tempoh Sijil AMO Diperolehi Dari Tarikh SST Ditandatangani**

JADUAL 17.12
KERJA PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN TERTANGGUH

NO. KENDERAAN	TARIKH KEROSAKAN	JENIS KEROSAKAN
ZU 1157	21.09.2016	i. *Engine Oil Milky* ii. *Air Tank Valve Leaks* iii. *Air Regulator For Roof Monitor Leaks*
ZU 3673	17.05.2016	i. *Front Right Rim Seal Leaks* ii. *2 Rear Left and Right Tyre Worn Out*
ZA 7030	27.07.2015	*Engine Loss Power*
ZU 3046	21.10.2016	i. *Valve Parking Brake Leaking* ii. *System Pipe Line Leaking*
ZU 1196	18.05.2016	i. *Parking Brake Mulfunction* ii. *Front Tyre Left and Right Burst*
ZU 1175	07.12.2016	*Brake Master Cylinder Mulfunction*
ZA 7036	30.06.2016	*Steering Cylinder Leaking*
ZU 1117	30.07.2015	i. *Brake Master Cylinder Mulfunction* ii. *Radiator Rob To Service*
ZU 1263	30.11.2016	*Radiator Leaking*
ZU 1120	01.08.2016	*Left And Right Boom Cylinder Leaking*

Sumber: **Analisis Audit**

Maklum Balas Kementerian Pertahanan yang Diterima Pada 5 Mei 2017

Bagi kontrak akan datang TUDM meletakkan keutamaan pemilihan kontraktor berlandaskan peraturan 4.1.1 klausa e, Technical Airworthines Management Manual (TAMM) berkaitan sijil AMO serta menetapkan tempoh tiga bulan untuk memperoleh sijil interim AMO dan maksima enam bulan untuk sijil penuh AMO setelah SST ditandatangani. Selain itu TUDM juga memohon tambahan klausa kontrak dengan memasukkan tempoh dan tindakan membatalkan kontrak sekiranya sijil penuh AMO tidak diperolehi oleh kontraktor dalam tempoh180 hari.

Pada pendapat Audit, kelewatan kontraktor memperolehi sijil AMO menjejaskan proses penyenggaraan AGSV.

17.6. SYOR AUDIT

Bagi memperkemaskan lagi pelaksanaan proses penyenggaraan dan pembaikan AGSV, Kementerian hendaklah:

17.6.1. mengkaji semula proses kerja dengan menetapkan tempoh masa yang sesuai bagi menyelesaikan setiap proses kerja;

17.6.2. menyediakan pelan tindakan terhadap AGSV yang melebihi had umur dan menjejaskan tahap pegangan AGSV; dan

17.6.3. menetapkan satu tempoh untuk kontraktor memperolehi sijil AMO supaya tidak berlaku lagi kelewatan dalam kerja penyenggaraan dan pembaikan.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

18. JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
- **PENGURUSAN PENGUSIRAN PENDATANG ASING TANPA IZIN (PATI) DAN DEPOT TAHANAN**

18.1. LATAR BELAKANG

18.1.1. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) adalah bertanggungjawab untuk mengeluarkan pasport/dokumen perjalanan kepada warganegara dan mengeluarkan visa, pas dan permit kerja kepada warga asing serta mengawalselia pergerakan keluar/masuk orang di pintu-pintu masuk negara. Ini sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963.

18.1.2. Kemasukan atau kehadiran warganegara asing ke dalam negara secara tidak sah merupakan kesalahan di bawah Akta Imigresen. Kesalahan adalah seperti tidak memiliki dokumen perjalanan; tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan; menyalahgunakan pas lawatan/melanggar syarat pas atau masuk ke negara ini dengan menggunakan visa atau pas yang palsu. Pelaku kesalahan ini merupakan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan akan diusir keluar selepas segala proses dokumentasi selesai serta akan disenarai hitam jika disabitkan. Sementara menunggu siasatan dan proses perundangan selesai, PATI akan ditahan dan ditempatkan di Depot Tahanan Imigresen (depot tahanan). Objektif depot tahanan adalah untuk menguruskan penahanan dan kawalan ke atas orang tahanan dengan selamat, terkawal dan berkesan. Selain itu, depot tahanan ini juga menempatkan banduan warganegara asing yang telah selesai menjalani hukuman di penjara sebelum diusir keluar.

18.1.3. Bahagian Pengurusan Depot dan Tahanan JIM dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk menguruskan tahanan dan pengusiran PATI di seluruh Malaysia kecuali di Sabah. Penahanan PATI di Pusat Tahanan Sementara (PTS), Sabah adalah di bawah urusan pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan pihak JIM Negeri Sabah hanya bertindak untuk urusan dokumentasi/perekodan dan urusan iring kawal PATI semasa pengusiran dijalankan. Sebanyak 13 depot tahanan di seluruh Malaysia telah diwartakan dan jumlah kapasiti PATI yang boleh ditempatkan seramai 13,250 PATI iaitu 10,200 PATI lelaki dan 3,050 PATI wanita.

18.1.4. Terdapat tiga kaedah pengusiran PATI iaitu melalui laluan darat, laut atau udara. Bagi pengusiran melalui laluan darat, PATI akan dibawa dari depot tahanan ke sempadan negara menaiki kenderaan jabatan seperti van, lori atau kenderaan komersial seperti bas yang disewa khas. PATI warganegara Indonesia (WNI) di seluruh Semenanjung Malaysia yang tidak mempunyai tiket akan dihantar pulang

melalui jalan laut dengan menaiki feri melalui Pelabuhan Pasir Gudang, Johor dan diuruskan oleh syarikat yang dilantik. PATI warganegara Indonesia (WNI) yang mempunyai tiket yang ditanggung sendiri oleh PATI akan diusir melalui pelabuhan terdekat. Pengusiran PATI di Sabah adalah menggunakan feri di Sandakan, Semporna atau Tawau dan tiada pengusiran melalui laut dilaksanakan di Sarawak. Pengusiran melalui udara melibatkan PATI yang telah mempunyai tiket ditanggung sendiri serta permit keluar yang dikeluarkan oleh kedutaan masing-masing.

18.1.5. Bagi tahun 2014 hingga 2016, kemasukan di depot tahanan adalah seramai 265,550 PATI yang melibatkan pelbagai warganegara dan seramai 179,364 PATI telah diusir ke negara asal masing-masing melalui ketiga-tiga laluan. Warganegara Indonesia merupakan PATI yang paling ramai diusir iaitu seramai 75,580 PATI diikuti warganegara Bangladesh (27,283 PATI) dan Myanmar (17,627 PATI). Perbelanjaan di depot tahanan dan pengusiran PATI bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah berjumlah RM95.24 juta.

18.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pengurusan pengusiran PATI dan depot tahanan telah diurus dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan.

18.3. SKOP PENGAUDITAN

18.3.1. Skop pengauditan meliputi pengurusan pengusiran PATI dan depot tahanan dari aspek prosedur pengusiran yang melibatkan pelbagai warganegara PATI; pengurusan kontrak pembekalan makanan dan pengangkutan serta kemudahan yang disediakan di depot tahanan.

18.3.2. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Perolehan, Kementerian Dalam Negeri (KDN); Bahagian Kewangan; Bahagian Penguatkuasa; Bahagian Keselamatan dan Pengurusan Pasport di Ibu Pejabat JIM serta Pejabat JIM Negeri iaitu Perak, Selangor dan Johor. Selain itu, lawatan telah dijalankan di Depot Tahanan Imigresen Langkap, Perak; Semenyih, Selangor dan Pekan Nenas, Johor. Pemilihan sampel depot tahanan berdasarkan jumlah peruntukan, saiz depot tahanan dan lokasi pengusiran. Lawatan untuk pengusiran PATI turut dilaksanakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan pusat transit pengusiran yang dibina oleh pihak swasta di Pasir Gudang, Johor serta Tanjung Pinang, Indonesia.

18.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan dengan membuat semakan terhadap fail, rekod dan dokumen serta analisis data bagi tahun 2014 hingga 2016. Temu bual diadakan dengan pegawai dan anggota JIM yang terlibat dalam pengurusan pengusiran PATI dan pemeriksaan fizikal depot tahanan.

18.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2016 hingga Januari 2017 mendapati pelaksanaan proses pengurusan pengusiran PATI kurang memuaskan disebabkan PATI yang telah diusir tidak disenaraihitamkan dalam sistem myIMMs dan pentadbiran kontrak tidak cekap. Namun pengurusan depot tahanan adalah memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui dan perlu diberi perhatian oleh JIM dan KDN adalah seperti berikut:

i. perbezaan bilangan pengusiran berjumlah 155,813 PATI antara data dalam sistem myIMMs dan Bahagian Penguatkuasa Ibu Pejabat JIM; dan terdapat PATI yang diusir masih belum disenaraihitamkan serta terdapat PATI masih belum ditukar status/diaktifkan ke *Suspect List* dalam sistem myIMMs;

ii. kontrak perkhidmatan feri dengan syarikat yang sama diperbaharui sebanyak empat kali dari tahun 2007 hingga 2017 dan tiada bukti perlindungan insurans kepada PATI yang menaiki feri diambil bagi tempoh tahun 2007 hingga 2015;

iii. kontraktor tidak menghantar PATI ke Surabaya seperti Klausa 11 dalam kontrak perkhidmatan feri;

iv. pengurusan dokumen terkawal di pusat transit pengusiran kurang memuaskan kerana diuruskan oleh kontraktor; dan

v. kontraktor pembekalan makanan gagal mematuhi syarat ditetapkan di dalam kontrak di mana makanan yang dibekalkan tidak sama dengan menu yang dinyatakan di dalam kontrak dan bilik kuarantin di depot tahanan tidak disediakan/disediakan tetapi tidak terurus.

Perkara yang ditemui dan maklum balas KDN dan JIM telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 18 April 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

18.5.1. Prestasi Kewangan

18.5.1.1. Jumlah keseluruhan peruntukan dan perbelanjaan mengurus JIM bagi tahun 2014 hingga 2016 ialah RM2,682.88 juta dan RM2,773.61 juta. Sejumlah RM95.24 juta telah dibelanjakan untuk pengurusan pengusiran PATI melibatkan saraan makanan, sewaan bas dan feri. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 18.1
PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016


PERKARA	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Saraan Makanan	23.12	30.16	27.17	80.45
Sewaan Bas	1.59	0.91	0.80	3.30

PERKARA	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Sewaan Feri	4.46	3.54	3.49	11.49
JUMLAH	**29.17**	**34.61**	**31.46**	**95.24**

Sumber: Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat JIM

18.5.1.2. Peruntukan di depot tahanan seluruh Malaysia bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah berjumlah RM110.04 juta dan sejumlah RM107.97 juta (98.1%) telah dibelanjakan. Perbelanjaan ini didapati meningkat pada tahun 2015 sebanyak RM16.13 juta (63.8%) dan sedikit penurunan pada tahun 2016 sebanyak RM0.16 juta (0.4%). Tiada peruntukan pembangunan diberikan kepada depot tahanan bagi tempoh yang sama. Butiran lanjut seperti carta berikut:

CARTA 18.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS DI DEPOT TAHANAN SELURUH MALAYSIA BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016



Sumber: Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat JIM

18.5.1.3. Analisis Audit selanjutnya terhadap peruntukan dan perbelanjaan mengurus di tiga depot tahanan yang dilawati mendapati semua peruntukan dan perbelanjaan akan dimohon melalui Pejabat JIM Negeri. Perbelanjaan ini didapati meningkat pada tahun 2015 sebanyak RM4.53 juta (58.4%) dan menurun sebanyak RM1.72 juta (14.0%) pada tahun 2016. Pada tahun 2014 perbelanjaan bagi Depot Tahanan Pekan Nenas ialah RM3.26 juta iaitu telah melebihi RM0.21 juta daripada RM3.05 juta peruntukan yang diterima disebabkan peningkatan perbelanjaan utiliti. Butiran lanjut perbelanjaan di depot tahanan yang dilawati seperti jadual berikut:

JADUAL 18.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS DI TIGA DEPOT TAHANAN YANG DILAWATI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	2014			2015			2016		
DEPOT TAHANAN	P (RM Juta)	B (RM Juta)	(%)	P (RM Juta)	B (RM Juta)	(%)	P (RM Juta)	B (RM Juta)	(%)
Langkap	2.98	2.96	99.3	3.80	3.79	99.7	3.10	3.10	100.0
Semenyih	1.54	1.54	100.0	4.04	3.98	98.5	3.84	3.84	100.0
Pekan Nenas	3.05	3.26	106.9	4.71	4.52	96.0	3.81	3.63	95.3
JUMLAH	**7.57**	**7.76**	**102.5**	**12.55**	**12.29**	**97.9**	**10.75**	**10.57**	**98.3**

Sumber: **Bahagian Kewangan, Depot Tahanan yang Dilawati**
Nota: **P – Peruntukan**
B – Perbelanjaan

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan depot tahanan adalah memuaskan kecuali di Depot Tahanan Pekan Nenas kerana berlaku lebihan perbelanjaan daripada peruntukan yang diterima pada tahun 2014.

18.5.2. Pengurusan Pengusiran PATI

18.5.2.1. Tindakan senarai hitam perlu diambil terhadap mana-mana individu yang dipercayai dengan munasabah atau telah disabit melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Peraturan-peraturan Imigresen 1963, Akta Pasport 1966, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 dan mana-mana undang-undang Malaysia yang sedang berkuat kuasa. Pekeliling Imigresen Malaysia Bilangan 9 Tahun 2015 pula menyatakan Bahagian Penguatkuasa dan Depot Tahanan Imigresen bertanggungjawab membuat pengesahan biometrik, memasuk dan mengaktifkan data dalam Sistem myIMMs e-Services (BioSL) bagi warganegara asing dan penduduk tetap yang telah ditahan dan juga yang akan diusir. PATI yang didapati bersalah akan disenarai hitam iaitu *Black Listed Immigration* (BLI) atau *Refuse All Immigration Facilities* (RAI). Sistem myIMMs telah digunakan oleh JIM bermula pada 1 November 2010. Pihak JIM telah menetapkan sesuatu status SL di dalam sistem myIMMs seperti 'aktif' dan 'baru'. *Suspect List* (SL) bermaksud PATI yang telah disenarai hitam dan perlu dimasukkan ke dalam sistem myIMMs.

18.5.2.2. Semakan Audit mendapati perbezaan berjumlah 155,813 PATI antara data pengusiran PATI dalam sistem myIMMs dengan maklumat Bahagian Penguatkuasa Ibu Pejabat JIM bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Semakan lanjut mendapati seramai 223 (90.3%) daripada 247 PATI yang telah diusir masih belum disenarai hitam di dalam sistem myIMMs dan 24 (9.7%) PATI sahaja yang telah disenarai hitam. Selain itu, seramai 198 (6.3%) daripada 3,129 PATI yang berstatus *Suspect List* (SL) dalam sistem myIMMs berstatus

'baru' dan masih belum diaktifkan. Pihak Audit juga mendapati seramai 27 (0.03%) daripada 99,529 PATI dari Depot Tahanan Juru yang ditahan dan dimasukkan ke dalam sistem myIMMs tidak mempunyai nama, jantina dan jenis kesalahan. Selain itu, seramai 596 PATI telah berada di depot tahanan seluruh Malaysia melebihi enam bulan.

Maklum Balas KDN dan JIM yang Diterima Pada 26 April 2017

Bahagian Teknologi Maklumat dan Rekod, JIM sedang menyemak perbezaan di antara kedua-dua data tersebut. Pihak JIM telah mengaktifkan senarai hitam semua rekod PATI di dalam sistem MyIMMs pada bulan Februari dan April 2017. Manakala 16 rekod yang masih tidak dapat disenarai hitam sedang disiasat, dua PATI yang masih belum diaktifkan dan 14 orang PATI tidak diaktifkan kerana telah tamat tempoh SL. Pihak JIM juga telah mewujudkan pasukan naziran bagi memantau dan memastikan semua depot tahanan mengemaskini rekod PATI.

Hasil semakan, JIM telah mengenal pasti 13 nama dan jantina PATI yang disenaraikan. JIM sedang menjana semula daripada sistem myIMMs baki 14 PATI yang tidak mempunyai nama, jantina dan jenis kesalahan. Pihak KDN memaklumkan tempoh PATI berada melebihi enam bulan di depot disebabkan majoriti tahanan adalah warganegara Myanmar beretnik Rohingya di mana pihak UNHCR tidak dapat membuat pengesahan status pelarian bagi warganegara Myanmar. Selain itu masalah dokumentasi, mengenal pasti kerakyatan PATI dan tidak mendapat kerjasama daripada pihak kedutaan negara berkaitan pembiayaan kos penghantaran pulang PATI ke negara asal telah menyebabkan PATI berada lama di depot tahanan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pengusiran PATI adalah kurang memuaskan kerana terdapat perbezaan antara data dalam sistem myIMMs dengan maklumat di Bahagian Penguatkuasa Ibu Pejabat JIM. Selain itu, terdapat PATI yang telah diusir masih belum disenaraihitam dan diaktifkan dalam sistem myIMMs.

18.5.3. Pentadbiran Kontrak

Berdasarkan 1PP Perolehan Kerajaan (PK) 4, agensi dikehendaki mengambil perhatian berkenaan pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan. Semakan Audit terhadap pengurusan pentadbiran kontrak mendapati perkara seperti berikut:

18.5.3.1. Kontrak Perkhidmatan Feri Kepada Syarikat yang Sama Semenjak Tahun 2007 Hingga 2017

a. Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 201.1 (a) (iii), perubahan atau perlanjutan tempoh kontrak bekalan/perkhidmatan bagi perolehan persekutuan hanya boleh diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan tender asal dengan syarat diberi sekali sahaja dan tidak melebihi dua tahun.

b. Pada 1 November 2007 hingga 31 Oktober 2009, JIM telah mengikat kontrak dengan syarikat perkhidmatan feri (kontraktor) bagi tempoh dua tahun setelah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan (MOF) secara rundingan terus dengan kadar RM205 bagi seorang PATI. Sehingga kini, kontrak tersebut telah diperbaharui sebanyak empat kali dan kontrak yang terakhir diperbaharui adalah pada 1 November 2015 hingga 31 Oktober 2017. Semakan Audit mendapati surat kelulusan diperoleh daripada MOF bagi lanjutan pertama hingga lanjutan keempat. Kelulusan lanjutan keempat masih dibuat walaupun pada kelulusan lanjutan ketiga pihak MOF sendiri telah menetapkan syarat bahawa "perlanjutan ini adalah untuk kali ini sahaja dan muktamad. Perolehan seterusnya hendaklah dilaksanakan mengikut tatacara perolehan semasa yang berkuat kuasa secara tender terbuka".

c. Analisis Audit daripada kontrak yang ditandatangani mendapati JIM dan kontraktor telah mengikat kontrak selama 10 tahun bermula dari tahun 2007 hingga 2017. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 18.3
KONTRAK DI ANTARA JIM DAN SYARIKAT PERKHIDMATAN FERI

PERIHAL KONTRAK	ASAL	LANJUTAN 1	LANJUTAN 2	LANJUTAN 3	LANJUTAN 4
Tempoh	01.11.2007 – 31.10.2009	01.11.2009 – 31.10.2011	01.11.2011 – 31.10.2013	01.11.2013 – 31.10.2015	01.11.2015 – 31.10.2017
Nilai Kontrak (RM Juta)	20.50	20.50	10.00	10.00	5.00
Kadar Seorang PATI (RM)	205	205	200	200	212
Anggaran PATI (Orang)	100,000	100,000	50,000	50,000	23,584
Kelulusan oleh Kementerian Kewangan (MOF)	S/K.KEW/PK/MP/ 9999/000000/69/0 9 JLD.4 (SJ.4)(3) 06.11.2007	S/K.KEW/PK/MP/ 9999/000000/69/09 JLD.4 (SJ.5)(8) 09.11.2009	S/K.KEW/PK/MP/999 9/000000/69/09 JLD.4 (SJ).5 (18) 04.10.2011	S/K.KEW/PK/KKD/ 9999/190102/57/9 17 SJ.9(4) 11.11.2013	S/K.KEW/PK/KDN/ OK1/03 JLD.14 SK.2 (6) 05.06.2015
Kelulusan MOF Ditandatangani oleh	Setiausaha Bahagian, Bahagian Perolehan Kerajaan				

Sumber: **Bahagian Perolehan, KDN**
Nota: **Kontrak Pertama Pada Bulan November 2003 Hingga Oktober 2005**

d. Semakan Audit selanjutnya mendapati jumlah PATI yang diusir dan pembayaran yang telah dibuat oleh JIM bagi lanjutan pertama hingga lanjutan keempat adalah seramai 135,036 orang dengan kos keseluruhan sebenar berjumlah RM27.38 juta.

Maklum Balas KDN dan JIM yang Diterima Pada 11 Mei 2017

KDN mengambil maklum pandangan Audit bahawa kontrak telah dilanjutkan dalam tempoh yang lama dengan kelulusan Kementerian Kewangan. Memandangkan kontrak semasa akan tamat pada 31 Oktober 2017, KDN bercadang untuk melaksanakan perolehan seterusnya secara tender terbuka dengan penambahbaikan dari segi spesifikasi dan perincian klausa-klausa kontrak yang terlibat seperti yang dicadangkan.

18.5.3.2. Tiada Bukti Insurans Perlindungan PATI Diambil

a. Merujuk kepada Klausa 10 kontrak yang ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dengan kontraktor dari tahun 2007 hingga 2017 menetapkan antara perkhidmatan yang perlu disediakan oleh kontraktor adalah insurans perlindungan untuk semua PATI yang bakal menaiki feri/kapal dan berada dalam pelayaran tersebut.

b. Semakan Audit mendapati sehingga tarikh pengauditan, tiada bukti insurans perlindungan PATI telah diambil kerana dokumen tersebut tidak dapat dikemukakan oleh pihak JIM kepada pihak Audit.

Maklum Balas KDN dan JIM yang Diterima Pada 11 Mei 2017

Pada 26 Oktober dan 8 Disember 2016, JIM telah meminta pihak kontraktor mengemukakan jaminan insurans perlindungan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2015. Bagaimanapun, sehingga kini pihak syarikat tidak dapat mengemukakan dokumen tersebut. Syarikat hanya dapat mengemukakan salinan insurans dan slip bayaran premium bagi tahun 2016 dan 2017 sahaja.

Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak antara Kerajaan Malaysia dengan kontraktor adalah kurang memuaskan kerana JIM tidak mengemukakan bukti insurans disediakan.

18.5.3.3. Klausa Kontrak Dengan Syarikat Perkhidmatan Feri Tidak Dipatuhi

a. Berdasarkan Klausa 11 Pengangkutan Dan Penghantaran dalam dokumen kontrak menyatakan kontraktor adalah bertanggungjawab terhadap penghantaran PATI dari Pelabuhan Pasir Gudang ke Pelabuhan Surabaya dan dalam keadaan di mana PATI didapati berasal dari daerah yang berlainan, kontraktor masih bertangungjawab menghantar PATI yang berkenaan ke pelabuhan yang berhampiran dengan daerah asal PATI tanpa melibatkan sebarang tambahan kos kepada Kerajaan Malaysia.

b. Pemerhatian Audit mendapati selepas PATI tiba di Pelabuhan Tanjung Pinang Indonesia, proses penghantaran PATI ke destinasi masing-masing melalui pelabuhan terdekat telah diurus dan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Indonesia.

c. Sehubungan itu tiada bukti kontraktor telah membuat penghantaran pulang ke Surabaya sebagaimana kehendak kontrak. Kontraktor hanya menghantar PATI ke Pelabuhan Tanjung Pinang sahaja. Bagaimanapun, tiada sebarang dokumen bagi mengesahkan bilangan PATI yang tiba di Pelabuhan Tanjung Pinang bersamaan dengan bilangan PATI yang diusir dari pusat transit pengusiran Pasir Gudang. Perakuan bayaran telah dibuat walaupun syarat dalam klausa kontrak tidak dipatuhi.

d. Selain itu, kadar yang dikenakan oleh kontraktor sejumlah RM212 seorang PATI termasuk cukai barangan dan perkhidmatan (GST) adalah lebih tinggi jika dibandingkan bayaran yang dikenakan oleh pengusaha syarikat feri swasta ke Tanjung Pinang. Contohnya perjalanan pergi dan balik dari Jeti Stulang Laut, Johor Baharu ke Pelabuhan Tanjung Pinang, Indonesia adalah RM160.

e. Berdasarkan pengiraan Audit jika harga kos penghantaran pulang adalah RM160 maka terdapat perbezaan berjumlah RM52 daripada harga kontrak untuk seorang PATI. Bagi tahun 2014 hingga 2016, pengusiran PATI adalah seramai 53,924 PATI dan perbezaan kos terlibat dianggarkan adalah berjumlah RM2.80 juta.

f. Pihak KDN memaklumkan kos penghantaran seorang PATI iaitu RM212 seorang bukan sahaja mengambil kira destinasi penghantaran tetapi termasuk sajian dan penginapan jika pelayaran tergendala.

Maklum Balas KDN dan JIM yang Diterima Pada 26 April 2017

KDN bersetuju dengan pandangan pihak Audit bahawa penambahbaikan perlu dilaksanakan bagi kontrak ini. Sehubungan dengan itu, KDN berhasrat untuk melaksanakan perolehan ini secara tender terbuka selepas tempoh kontrak ini tamat pada 31 Oktober 2017. Kontrak baharu

akan ditambah baik dari segi perincian spesifikasi yang meliputi keperluan dan tanggungjawab syarikat terutamanya apabila berlaku penangguhan pelayaran. Penyediaan kontrak juga akan mengambil kira prosedur, skop dan bidang kuasa JIM.

Pada pendapat Audit, pematuhan syarat kontrak kurang memuaskan kerana Klausa 11 dalam kontrak tidak dipatuhi di mana PATI yang diusir tidak dihantar ke Surabaya.

18.5.3.4. Pengurusan Dokumen Terkawal di Pusat Transit Kurang Memuaskan

Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan dokumen terkawal semasa proses pengusiran didapati kontraktor mempunyai maklumat berhubung bilangan dan nama PATI WNI yang akan diusir serta tarikh pergerakan dari setiap depot tahanan sebagaimana dalam kontrak. Bagaimanapun, penyaluran maklumat tersebut boleh menyebabkan risiko penyalahgunaan maklumat jika tanpa kawalan pihak JIM. Pihak Audit juga mendapati kontraktor yang berurusan dengan konsulat Indonesia tanpa penglibatan pihak JIM untuk proses pengesahan dan pengecaman PATI WNI.

Maklum Balas KDN dan JIM yang Diterima Pada 11 Mei 2017

Ibu Pejabat JIM telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 8 Mei 2017 di mana semua komandan depot tahanan seluruh negara yang ingin membuat penghantaran PATI perlu memberikan salinan senarai PATI kepada Ketua Imigresen Pasir Gudang sebagai penyelaras bagi tujuan berurusan dengan pihak konsulat Indonesia.

Pada pendapat Audit, pengurusan dokumen terkawal tidak teratur kerana maklumat terkawal tersebut telah disalurkan kepada pihak ketiga dan tiada kawalan daripada pihak JIM.

18.5.4. Pengurusan Depot Tahanan

18.5.4.1. Kontraktor Pembekalan Makanan Gagal Mematuhi Syarat Ditetapkan di Dalam Kontrak

a. Pengendalian diet tahanan hendaklah dikendalikan dengan baik dan sempurna supaya pelbagai masalah seperti mogok, pergaduhan dan masalah kesihatan tahanan tidak berlaku. Pegawai yang bertugas di depot tahanan hendaklah membuat pemeriksaan ke atas makanan tahanan yang disediakan bagi memastikan jumlah yang dibekalkan mengikut spesifikasi

menu pada waktu yang ditetapkan. Sebarang kerosakan mutu makanan tahanan hendaklah dimaklumkan kepada kontraktor.

b. Perbelanjaan saraan makanan PATI bagi tahun 2014 hingga 2016 di tiga depot tahanan yang dilawati adalah berjumlah RM22.57 juta. Perbelanjaan saraan makanan PATI di Depot Tahanan Langkap berjumlah RM7.57 juta, RM7.73 juta di Depot Tahanan Semenyih dan RM7.27 juta di Depot Tahanan Pekan Nenas. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 18.4
PERBELANJAAN SARAAN MAKANAN PATI
DI TIGA DEPOT TAHANAN YANG DILAWATI

DEPOT TAHANAN	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	
Langkap	2.84	2.87	1.86	7.57
Semenyih	3.21	2.31	2.21	7.73
Pekan Nenas	2.51	2.32	2.44	7.27
JUMLAH	**8.56**	**7.50**	**6.51**	**22.57**

Sumber: Bahagian Kewangan, JIM Negeri yang Dilawati

c. Pemeriksaan Audit di tiga depot tahanan yang dilawati mendapati penyediaan makanan PATI disediakan di dapur dalam kawasan depot tahanan dan kebersihan dapur adalah memuaskan. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati penyediaan makanan di Depot Tahanan Langkap dan Semenyih adalah mengikut menu yang telah ditetapkan di dalam kontrak. Bagi Depot Tahanan Pekan Nenas, menu yang sepatutnya dibekalkan oleh kontraktor antaranya adalah air sirap dan lauk daging. Namun kontraktor hanya membekalkan air kosong dan makanan yang tidak bersamaan dengan menu yang dinyatakan dalam kontrak.

d. Berdasarkan pengiraan pihak KDN, harga air sirap bagi makan tengah hari dan malam adalah berharga RM0.20 sehari bagi seorang PATI. Pihak Audit menganggarkan bagi penyediaan minuman selama 365 hari di Depot Tahanan Pekan Nenas yang boleh menampung seramai 1,250 PATI, perbezaan harga bagi tiga tahun dalam tempoh 2014 hingga 2016 adalah berjumlah RM273,750. Ketidakpatuhan terhadap syarat kontrak menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.

Maklum Balas KDN dan JIM yang Diterima Pada 10 April 2017

Komandan Depot Tahanan Pekan Nenas telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 5 Februari 2017 kepada kontraktor terbabit supaya mematuhi kontrak yang telah dipersetujui dan arahan tersebut telah dipatuhi.

Pada pendapat Audit, pengurusan penyediaan makanan adalah memuaskan kecuali penyediaan makanan mengikut menu di Depot Tahanan Pekan Nenas yang tidak mematuhi kontrak.

18.5.4.2. Bilik Kuarantin Tidak Disediakan dan Tidak Terurus

Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen Malaysia mengenai Kaedah-Kaedah Pentadbiran Dan Pengurusan Tahanan menyatakan bilik kuarantin perlu disediakan bagi tahanan yang mempunyai penyakit berjangkit sebelum rawatan diberikan, tertakluk kepada nasihat oleh pegawai perubatan. Pemeriksaan Audit di Depot Tahanan Langkap mendapati bilik kuarantin bagi PATI lelaki telah disediakan bagaimanapun bilik kuarantin bagi PATI wanita tidak disediakan. PATI wanita yang berpenyakit diletakkan bersama-sama dengan PATI yang lain termasuk bayi dan kanak-kanak. Ini menjejaskan kesihatan bukan sahaja kepada PATI yang lain tetapi kepada anggota Imigresen sendiri. Selain itu, pemeriksaan Audit di Depot Tahanan Semenyih mendapati dua daripada lapan bilik kuarantin di dua blok tahanan lelaki tidak dapat digunakan sepenuhnya kerana berlaku kebocoran sistem paip sejak bulan Jun 2016. Butiran lanjut seperti gambar berikut:

GAMBAR 18.1



GAMBAR 18.2



Depot Tahanan Langkap, Perak
- Bilik Kuarantin Tidak Disediakan. Pesakit HIV/Aids Bercampur Dengan Kanak-Kanak dan Bayi
(02.12.2016)

GAMBAR 18.3



GAMBAR 18.4



Depot Tahanan Langkap, Perak
- Bilik Kuarantin Tidak Disediakan. Pesakit Tibi Bercampur Dengan Kanak-Kanak dan Bayi
(02.12.2016)

GAMBAR 18.5



GAMBAR 18.6



Depot Tahanan Semenyih, Selangor
- Kebocoran Sistem Paip di Bilik Kuarantin Blok B Tahanan Lelaki
(23.12.2016)

Maklum Balas KDN dan JIM yang Diterima Pada 11 Mei 2017

Projek pembinaan blok tahanan lelaki di Depot Tahanan Langkap dijangka siap pada 23 Jun 2017. Mengikut perancangan, semua tahanan lelaki akan dipindahkan ke blok tahanan baru yang dilengkapi dengan bilik kuarantin. Bagi dua blok tahanan lelaki yang lama akan dijadikan blok tahanan wanita yang telah tersedia dengan sel pengasingan.

Pembaikan kebocoran bilik kuarantin telah dimasukkan sebagai pembaikan kecil di Depot Tahanan Semenyih di bawah bajet pembangunan bagi Rolling Plan 3 RMK-11 yang berjumlah RM46 juta bagi penambahbaikan dan pembaikan depot tahanan seluruh negara. JIM juga sedang meneliti keperluan pembaikan segera kebocoran dua bilik kuarantin.

Pada pendapat Audit, pengurusan depot tahanan adalah kurang memuaskan dari aspek bilik kuarantin yang tidak disediakan dan tidak terurus.

18.5.5. Pemantauan

18.5.5.1. Pemantauan dan perancangan yang teratur dapat membantu meningkatkan kecekapan. JIM hendaklah memastikan pengurusan pengusiran PATI dan depot tahanan dipantau secara berterusan bagi memastikan pengurusan depot tahanan dan pengusiran PATI dapat dilaksanakan dengan lancar.

18.5.5.2. Semakan Audit mendapati, diperingkat JIM Negeri dan depot tahanan beberapa mesyuarat telah diadakan untuk memantau aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan pengusiran PATI dan depot tahanan. Antara mesyuarat yang diadakan di peringkat JIM Negeri adalah seperti Mesyuarat Pengurusan Jabatan, Mesyuarat Depot Tahanan, Mesyuarat Jawatankuasa

Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK).

18.5.5.3. Agenda mesyuarat antaranya membincangkan isu-isu yang berkaitan pengusiran PATI, masalah di depot tahanan sama ada isu tersebut diuruskan di peringkat Kementerian atau JIM negeri. Pelaksanaan aktiviti, pengurusan anggota dan perolehan peralatan serta keperluan yang berkaitan dengan operasi harian turut dibincangkan. Kesemua mesyuarat ini telah diadakan mengikut tempoh yang ditetapkan dan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah atau Pengarah di peringkat ibu pejabat JIM manakala Pengarah JIM negeri atau Komandan Depot Tahanan bagi peringkat negeri dan depot tahanan.

18.5.5.4. Semakan Audit terhadap maklum balas minit mesyuarat mendapati setiap isu yang dibincangkan telah diambil tindakan. Isu berbangkit yang memerlukan perhatian dan tindakan ibu pejabat JIM akan dipanjangkan oleh pihak JIM negeri melalui Pengarah Negeri.

Maklum Balas KDN dan JIM yang Diterima Pada 10 April 2017

JIM telah melaksanakan penstrukturan semula di peringkat Ibu Pejabat, di mana pada asalnya Bahagian Penguatkuasa Ibu Pejabat memantau dan menyelia bagi semua aktiviti penguatkuasaan, pengurusan depot, pengusiran, anti-pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran. Di dalam struktur baru Bahagian Penguatkuasa dipecahkan kepada empat bahagian berasingan di mana salah satunya adalah Bahagian Pengurusan Depot Dan Tahanan. Tugas utama bahagian ini untuk memantau pengurusan depot tahanan dan pengusiran di Depot Tahanan Imigresen di seluruh Malaysia.

Pada pendapat Audit, walaupun pemantauan secara berterusan diadakan melalui pelbagai mesyuarat di semua peringkat namun masih wujud kelemahan yang perlu diberikan perhatian. Antaranya ialah pematuhan prosedur pengusiran dan pentadbiran kontrak yang kurang memuaskan.

18.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan pengusiran PATI dan depot tahanan dapat dilakukan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektifnya adalah disyorkan pihak KDN/JIM mempertimbangkan perkara berikut:

18.6.1. JIM perlu memastikan semua PATI yang diusir telah disenarai hitam di dalam sistem myIMMs untuk mengelakkan PATI yang telah diusir boleh memasuki semula Malaysia;

18.6.2. KDN hendaklah memastikan pentadbiran kontrak mematuhi arahan yang ditetapkan dan kajian semula terhadap klausa kontrak dilaksana bagi memastikan kepentingan kerajaan terjamin serta MOF pula perlu lebih teliti dalam meluluskan mana-mana perlanjutan kontrak;

18.6.3. proses pengusiran PATI WNI hendaklah diuruskan sepenuhnya oleh pihak JIM sehingga ke pintu keluar negara dan kerjasama dengan pihak Imigresen Indonesia perlu dilakukan untuk mendapatkan pengesahan bilangan PATI WNI yang tiba untuk tujuan pembayaran; dan

18.6.4. JIM perlu memantau dengan lebih teliti terhadap prestasi syarikat bekalan makanan bermasak agar mematuhi syarat kontrak.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

19. POLIS DIRAJA MALAYSIA
- PENGURUSAN EKSHIBIT DI JABATAN SIASATAN JENAYAH NARKOTIK

19.1. LATAR BELAKANG

19.1.1. Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) ditubuhkan bagi membanteras gejala pengedaran dan penyalahgunaan dadah. JSJN menguatkuasakan undang-undang berkaitan pengedaran dan penyalahgunaan dadah antaranya melalui Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) [ADB LLPK] 1985, Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) [ADB PH] 1988 (Akta 340) dan Akta Racun 1952. Matlamat utama JSJN adalah untuk mencapai perkhidmatan yang cekap dan cemerlang dalam menangani masalah dadah negara dengan mengumpul, mengkaji, menaksir dan menyebar maklumat serta menyiasat kegiatan pengedar dan sindiket pengedaran dadah. JSJN juga bertanggungjawab membanteras penyeludupan dadah dan bahan kimia untuk memproses dadah di samping melaksanakan program pencegahan penyalahgunaan dadah. Pihak JSJN telah dipertanggungjawab menguruskan barang kes (ekshibit) dalam keadaan selamat, terkawal dan teratur serta mengikut peraturan ditetapkan bagi melancarkan proses perbicaraan kesalahan penyalahgunaan/pengedaran dadah. Antara ekshibit yang disita/dirampas melalui penguatkuasaan akta ini adalah wang tunai dan barangan berharga seperti rantai, gelang emas dan lain-lain; aset alih seperti kenderaan, perabot, perkakasan dan lain-lain; aset tidak alih seperti rumah dan bangunan; serta dadah.

19.1.2. Jabatan ini diketuai oleh seorang Pengarah berpangkat Komisioner Polis dan dibantu oleh dua Timbalan Pengarah iaitu Timbalan Pengarah Penguatkuasaan/Pencegahan/Kepolisan Am dan Timbalan Pengarah Perlucuthakan Harta/Perundangan/Tahanan. Bahagian yang terlibat dalam menguruskan ekshibit adalah Bahagian Perlucuthakan Harta (BPH) dan Bahagian Perundangan/Siasatan (BPS).

19.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai pengurusan ekshibit dirancang dan diuruskan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang telah ditetapkan.

19.3. SKOP PENGAUDITAN

19.3.1. Skop pengauditan meliputi aspek penyelenggaraan rekod, penyimpanan, pelupusan/perlucuthakan, kehilangan dan pemantauan terhadap ekshibit BPH dan BPS bagi tempoh tahun 2013 hingga bulan September 2016.

19.3.2. Pemeriksaan Audit dijalankan di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, empat Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) iaitu di Kuala Lumpur, Selangor, Kedah dan Pulau Pinang dan dua Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) bagi setiap IPK masing-masing. Selain itu, lawatan dilaksanakan di 15 stor IPK dan IPD terlibat yang terdiri daripada stor berpusat, stor guna sama dan stor JSJN yang menyimpan kenderaan serta dadah.

19.3.3. Pemilihan sampel IPK dan IPD adalah berdasarkan bilangan kes rampasan dadah yang tertinggi di bawah Seksyen 39B ADB 1952 dan nilai ekshibit tertinggi bagi sitaan harta di bawah ADB PH 1988. Sebanyak 791 sampel kertas siasatan telah disemak iaitu sebanyak 206 adalah kertas siasatan di BPH yang melibatkan 440 ekshibit dan sebanyak 585 kertas siasatan di BPS yang melibatkan 913 ekshibit. Bagaimanapun, BPS tidak mengemukakan rekod yang lengkap semasa pengauditan dan pihak Audit hanya menyemak sampel yang dikemukakan sahaja.

19.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan pengurusan ekshibit, temu bual, analisis terhadap data dan pemeriksaan fizikal di tempat simpanan ekshibit di IPK/IPD dan Stor Utama. Selain itu, pihak Audit juga melakukan pemeriksaan bersama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) di stor ekshibit dadah berkaitan untuk menentukan tahap pematuhan terhadap penyimpanan bahan kimia berjadual di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514).

19.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di JSJN antara bulan Mei 2016 hingga September 2016 adalah memuaskan dari aspek penyelenggaraan rekod, penyimpanan dan pelupusan/ perlucuthakan ekshibit di BPH. Bagaimanapun, pengurusan ekshibit di BPS adalah kurang memuaskan. Beberapa perkara perlu diberi perhatian oleh JSJN bagi memantapkan lagi pengurusan ekshibit antaranya seperti berikut:

i. penyimpanan ekshibit kategori bahan kimia tidak mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Prosedur Kerja Selamat tidak disediakan;

ii. ekshibit di stor tidak disimpan secara sistematik dan teratur;

iii. sebanyak 147 ekshibit telah lewat diserahkan oleh JSJN kepada Jabatan Kimia Malaysia dan sebanyak 260 ekshibit telah lewat diserahkan semula oleh Jabatan Kimia Malaysia;

iv. sebanyak 49 ekshibit berstatus *No Further Action* (NFA) tidak dilupuskan; dan

v. pemantauan dan pemeriksaan ekshibit yang disimpan di stor tidak dilaksanakan secara berterusan.

Perkara yang ditemui dan maklum balas PDRM telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 21 Februari 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti perenggan berikut:

19.5.1. Prestasi Perlucuthakan Harta dan Rampasan Dadah

19.5.1.1. Perlucuthakan Harta

a. Harta yang disita oleh BPH antaranya seperti emas dan kenderaan akan diberi notis sitaan kepada empunya harta. Bukti yang sewajarnya perlu dikemukakan oleh empunya harta kepada BPH untuk membuktikan bahawa ekshibit tersebut tidak terlibat dengan aktiviti dadah. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pihak mahkamah boleh memutuskan ekshibit tersebut dilucuthakan kepada Kerajaan. Ekshibit yang dilucuthak akan dilupuskan secara lelongan pada harga pasaran semasa dan menjadi hasil kepada Kerajaan.

b. Berdasarkan laporan statistik yang dikemukakan oleh JSJN, nilai yang disita bagi keseluruhan kontinjen untuk tempoh tahun 2013 hingga 2016 adalah berjumlah RM335.34 juta dan nilai yang dilucuthakan bagi tempoh yang sama adalah RM42.58 juta bagi 15,690 bilangan kes. Butiran perlucuthakan harta untuk tempoh tahun 2013 hingga 2016 oleh JSJN adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.1
KEDUDUKAN NILAI HARTA DISITA DAN PERLUCUTHAKAN HARTA
BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2016

TAHUN	JUMLAH KES	NILAI HARTA DISITA (RM Juta) (a)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (RM Juta)	NILAI HARTA DILUCUTHAK (RM Juta) (b)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (RM Juta)	PERATUSAN (%) [(b) / (a)]
2013	3,451	94.96	-	6.79	-	7.2
2014	3,871	67.59	(27.37)	10.49	3.70	15.5
2015	3,980	73.40	5.81	10.17	(0.32)	13.9
2016	4,388	99.39	25.99	15.13	4.96	15.2
JUMLAH	**15,690**	**335.34**	**4.43**	**42.58**	**8.34**	**12.7**

Sumber: Bahagian Perlucuthakan Harta, JSJN Bukit Aman

c. Berdasarkan maklumat yang dikemukakan JSJN, pihak Audit mendapati nilai harta yang disita bagi seluruh IPK untuk tahun 2013 menurun sejumlah

RM27.37 juta berbanding tahun 2014. Nilai sitaan pada tahun 2015 dan 2016 telah meningkat berbanding tahun sebelumnya iaitu sejumlah RM5.81 juta dan RM25.99 juta masing-masingnya. Bagi nilai harta yang dilucuthak, semakan Audit mendapati peningkatan sejumlah RM3.70 juta pada tahun 2014 berbanding tahun 2013. Bagaimanapun, nilai harta yang dilucuthak telah menurun sejumlah RM0.32 juta pada tahun 2015 berbanding tahun 2014. Nilai harta yang dilucuthak bagi tahun 2016 pula meningkat sebanyak RM4.96 juta berbanding tahun 2015.

19.5.1.2. Rampasan Dadah

a. Bilangan ekshibit dadah tertinggi yang dirampas oleh PDRM adalah di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Secara keseluruhannya, statistik kes rampasan dadah di bawah Seksyen 39B mengikut kontinjen menunjukkan peningkatan setiap tahun bagi bilangan kes dan juga bilangan tangkapan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.2
STATISTIK KES DADAH DI BAWAH SEKSYEN 39B AKTA DADAH BERBAHAYA 1952 MENGIKUT KONTINJEN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2016

NEGERI/ KONTINJEN	TAHUN/BILANGAN							
	2013		2014		2015		2016	
	KES	TANGKAPAN	KES	TANGKAPAN	KES	TANGKAPAN	KES	TANGKAPAN
Perlis	16	33	26	31	32	58	35	55
Kedah	346	560	377	629	435	689	477	798
Pulau Pinang	248	385	277	479	340	565	373	595
Perak	374	524	404	562	417	568	390	542
Selangor	439	697	491	768	426	728	456	851
Kuala Lumpur	346	537	443	622	523	840	502	750
Negeri Sembilan	96	131	105	145	116	172	144	227
Melaka	87	152	113	196	119	194	157	258
Johor	347	615	374	714	373	754	439	802
Kelantan	58	91	86	149	76	121	92	162
Terengganu	81	110	86	141	89	130	100	161
Pahang	156	269	180	308	188	314	192	315
Sarawak	23	39	19	31	29	48	43	77
Sabah	44	71	63	113	72	143	87	151
JUMLAH	**2,661**	**4,214**	**3,044**	**4,888**	**3,235**	**5,324**	**3,487**	**5,744**


Sumber: JSJN Bukit Aman

b. Ekshibit dadah yang dirampas oleh BPS di bawah ADB 1952 dan Akta Racun 1952 dinilai mengikut berat kilogram, bilangan biji dan liter. Antara jenis dadah yang dinilai mengikut timbangan berat kilogram adalah heroin, ganja, syabu, *ecstasy*, ketamin dan kokain. Selain itu, jenis dadah seperti erimin 5, *ecstasy* dan *kodein* dinilai mengikut bilangan biji. Bagi dadah jenis

cecair seperti cecair syabu, *kodein* dan *mitragynine* pula dinilai dalam ukuran liter.

c. Berdasarkan analisis Audit terhadap statistik yang dikemukakan oleh JSJN Bukit Aman menunjukkan bilangan kuantiti rampasan dadah telah meningkat dari tahun 2013 hingga 2016. Bagi tahun 2013 hingga 2016, peningkatan rampasan dadah dalam kuantiti kilogram adalah sebanyak 38,800 kilogram (342.6%), kuantiti biji sebanyak 1,873,917 biji (166.6%) dan dalam bentuk liter sebanyak 237,840 liter (556.7%). Pihak Audit dimaklumkan peningkatan rampasan dadah ini antaranya disebabkan tindakan PDRM yang proaktif dalam membanteras jenayah dadah, serta peningkatan pengeluaran dan penyalahgunaan dadah. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

CARTA 19.1
PERBANDINGAN KUANTITI RAMPASAN DADAH
UNTUK TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2016



Sumber: JSJN Bukit Aman

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi JSJN adalah memuaskan kerana prestasi perlucuthakan harta dan rampasan dadah telah meningkat dari tahun 2013 hingga 2016.

19.5.2. Pengurusan Ekshibit

19.5.2.1. Penyimpanan Ekshibit Kurang Cekap dan Teratur

Proses penyimpanan ekshibit merupakan aspek penting dalam mengawal ekshibit sebelum, semasa dan selepas proses perbicaraan di Mahkamah. Risiko kehilangan, kecacatan dan perubahan kepada keadaan fizikal ekshibit akan menyebabkan proses pendakwaan tidak dapat diteruskan dan dadah berada

semula di pasaran. Bagi ekshibit di bawah ADB PH 1988, ia dikawal selia oleh IPK dan diketuai oleh Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik. Manakala ekshibit dadah melibatkan Seksyen 39B ADB 1955 pula dikawal selia oleh IPD dan diketuai oleh Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah dan di bawah tanggungjawab Ketua Polis Daerah. Perkara 13.1 Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) menyatakan semua ekshibit mestilah disimpan di dalam stor ekshibit atau di dalam peti besi. Semakan Audit di stor yang menyimpan ekshibit kategori bahan kimia dan ekshibit dadah mendapati penyimpanan ekshibit kurang cekap dan kurang teratur. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

a. Penyimpanan Ekshibit Kategori Bahan Kimia

i. Antara yang dirampas bersama ekshibit dadah adalah bahan kimia yang digunakan untuk proses menghasilkan dadah. Berdasarkan Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) Tahun 2000 atau dikenali sebagai Peraturan USECHH 2000 di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), ekshibit yang dikategorikan sebagai bahan kimia yang berbahaya kepada kesihatan perlu diurus dan diselenggara dengan teratur. Ekshibit tersebut perlu disimpan secara berasingan berdasarkan garis panduan penyimpanan bahan kimia berbahaya.

ii. Semakan Audit mendapati pada umumnya pengurusan simpanan ekshibit bahan kimia adalah kurang memuaskan. Pemeriksaan terperinci bersama pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) pada 6 dan 8 September 2016 di dua Stor BPS mendapati bahan kimia yang disimpan tidak diurus dengan teratur mengikut prosedur yang ditetapkan seperti berikut:

- sistem pengudaraan di stor berkenaan tidak berfungsi dengan berkesan antaranya kipas ekzos tidak mencukupi dan berlaku kerosakan kipas ekzos menyebabkan tiada pengaliran udara segar di dalam stor. Pengukuran tahap kualiti udara menggunakan kaedah persampelan cekau (grab sampling) yang dijalankan mendapati aras bacaan bahan kimia terampai di udara di dalam stor berkenaan merekodkan bacaan *1,3-Butadiene* sebanyak 42.48 bahagian per sejuta (bsj) (2,124%) dan 77.45 bsj (3,873%) masing-masing. Aras bacaan bahan kimia terampai di udara ini melebihi had pendedahan yang dibenarkan iaitu sebanyak 2 bsj berdasarkan Peraturan USECHH 2000;

- bahan kimia seperti aseton dan asid hidroklorik dari rampasan makmal dadah yang mudah terbakar dan bahaya tidak dilabel, tidak

mempunyai tanda amaran, tidak disusun dan tidak diasing berdasarkan sifat fisiokimia bahan kimia tersebut. Butiran seperti **Gambar 19.1** hingga **Gambar 19.3**;

GAMBAR 19.1



Stor BPS
- Keadaan Tombol Pintu yang Telah Berkarat Kerana Tindak Balas Bahan Kimia
(08.09.2016)

GAMBAR 19.2



Stor BPS
- Bahan Kimia yang Mudah Terbakar Tidak Diasingkan
(08.09.2016)



GAMBAR 19.3

Stor BPS
- Bahan Kimia Disimpan di Stor Tidak Dilabelkan Bagi Tujuan Keselamatan
(06.09.2016)

- peralatan perlindungan diri seperti *respirator* dan sarung tangan yang bersesuaian tidak disediakan untuk mengelakkan penjaga stor daripada terdedah kepada bahan kimia berbahaya ketika mengendalikan bahan kimia tersebut seperti **Gambar 19.4** dan **Gambar 19.5**. Contoh *respirator* yang bersesuaian seperti **Gambar 19.6**.

GAMBAR 19.4



Stor BPS
- Anggota Stor Tidak Dibekalkan Dengan Peralatan Mengendali Bahan Kimia
(08.09.2016)

GAMBAR 19.5



Stor BPS
- Anggota Stor Disediakan Penutup Muka Biasa Untuk Mengendalikan Ekshibit Kimia
(06.09.2016)

GAMBAR 19.6




Contoh *Respirator* yang Bersesuaian Untuk Mengendalikan Bahan Kimia
(06.09.2016)

- Prosedur Kerja Selamat (Safe Operating Procedures) untuk mengendalikan bahan kimia tidak disediakan dan Penaksiran Risiko Kepada Kesihatan (CHRA) untuk menentukan tahap risiko pendedahan kepada bahan kimia dan kecukupan langkah kawalan pendedahan kepada bahan kimia sedia ada belum dilaksanakan;

- kemudahan *emergency eye wash* dan *emergency shower* bagi tindakan awal untuk kes kecemasan tidak disediakan; dan

- ruang kerja penjaga stor BPS terletak di dalam stor ekshibit yang menyimpan bahan kimia dan hanya mempunyai satu laluan keluar masuk. Ini menyebabkan risiko kepada penjaga stor berkenaan yang terdedah secara langsung dengan bahan kimia sepanjang waktu bekerja. Pelan lantai stor berkenaan adalah seperti **Gambar Rajah 19.1**.

GAMBAR RAJAH 19.1
LAKARAN KEDUDUKAN STOR BPS



Nota: **Ruang Penyimpanan Dadah dan Bahan Kimia**

Pada pendapat Audit, penyimpanan ekshibit kategori bahan kimia adalah kurang memuaskan kerana pengurusan stor tidak mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Prosedur Kerja Selamat tidak disediakan. Ketidakpatuhan ini boleh mengakibatkan risiko kebakaran, memudaratkan kesihatan penjaga stor dan pencemaran persekitaran.

b. Penyimpanan Ekshibit

i. Semakan Audit mendapati penyimpanan ekshibit di 12 daripada 15 stor yang dilawati tidak diuruskan dengan teratur iaitu telah disimpan secara

berlonggok, bertindan dan tidak sistematik. Ini antaranya disebabkan oleh ruang penyimpanan yang terhad, tempat penyimpanan tidak mencukupi, kelewatan dalam proses perlucuthakan/pelupusan ekshibit dan pertambahan bilangan ekshibit setiap tahun tanpa penambahan ruang stor. Ini telah mengakibatkan terdapat ekshibit disimpan di ruangan yang tidak bersesuaian seperti di kuarters dan rumah kedai. Keadaan stor ekshibit adalah seperti **Gambar 19.7** hingga **Gambar 19.14**.

GAMBAR 19.7



Stor BPS
- Ekshibit Dadah Tidak Disimpan Dengan Teratur
(23.05.2016)

GAMBAR 19.8



Stor Guna Sama Ekshibit
- Ekshibit Dadah Tidak Disimpan Dengan Teratur
(26.05.2016)

GAMBAR 19.9



Stor Guna Sama Ekshibit
- Ekshibit Dadah Tidak Disimpan Dengan Teratur
(20.07.2016)

GAMBAR 19.10



Stor Guna Sama Ekshibit
- Ekshibit Dadah Tidak Disimpan Dengan Teratur
(20.07.2016)

GAMBAR 19.11



Stor Guna Sama Ekshibit
- Terdapat Ekshibit Lama Disimpan dan Belum Dilupuskan
(24.07.2016)

GAMBAR 19.12



Stor Guna Sama Ekshibit
- Ruang Simpanan Ekshibit Dadah Sempit dan Terhad
(20.06.2016)

GAMBAR 19.13



Stor BPS
- Ruang Simpanan Ekshibit Dadah Sempit dan Terhad
(16.06.2016)

GAMBAR 19.14



Stor BPH
- Ruang Simpanan Ekshibit Sempit dan Terhad
(05.05.2016)

ii. Didapati CCTV juga tidak disediakan di sembilan stor dan satu CCTV tidak berfungsi untuk memastikan keselamatan penyimpanan ekshibit secara berterusan bagi tujuan pemantauan keselamatan.

Maklum Balas PDRM yang Diterima Pada 24 Januari 2017 dan 28 Februari 2017

JSJN telah mengambil tindakan penambahbaikan sistem pengurusan stor ekshibit seperti di bawah:

a. mengasingkan ekshibit yang dikategorikan bahan kimia yang mudah terbakar dan berbahaya;

b. menghantar surat cadangan kepada Jabatan StaRT PDRM pada 23 Januari 2017 untuk menubuhkan stor ekshibit khas/bersepadu di setiap kontinjen/ daerah;

c. menghantar surat cadangan kepada Pengarah Jabatan Pengurusan PDRM pada 23 Januari 2017 untuk mengadakan Manual MS ISO berkaitan dengan pengurusan stor ekshibit dadah;

d. Ketua JSJN Pulau Pinang telah membuat permohonan untuk menaik taraf beberapa ruang bilik serta stor kepada JSJN pada 14 Januari 2017;

e. JSJN Daerah Petaling Jaya telah mengasingkan dan menempatkan ekshibit yang terdiri daripada bahan kimia yang mudah terbakar dan berbahaya di dalam satu kontena khas;

f. proses penambahbaikan stor barang kes dan pemasangan CCTV akan diambil tindakan oleh pihak Ketua Polis Daerah masing-masing bergantung kepada peruntukan semasa yang disediakan; dan

g. selain itu, Pengarah JSJN telah mengemukakan surat kepada Ketua Polis Selangor bertarikh 23 Januari 2017 berkaitan dengan cadangan keperluan stor ekshibit yang bersesuaian di dua daerah Selangor berkaitan.

Pada pendapat Audit, pengurusan penyimpanan stor ekshibit adalah kurang memuaskan kerana ekshibit tidak disimpan dengan teratur dan boleh menyebabkan risiko kepada pendedahan kecurian dan kehilangan.

19.5.2.2. Ekshibit Dadah Lewat Dikemukakan

a. Ekshibit dadah yang dirampas oleh BPS akan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisis bagi mendapatkan laporan kimia yang akan digunakan sebagai asas pertuduhan di mahkamah. PTKPN Bahagian D 102 Para 7.5 menetapkan semua ekshibit mesti dihantar secepat mungkin tanpa lewat ke Jabatan Kimia Malaysia. Arahan Ketua Polis Negara KPN(PR)35/43/1 bertarikh 26 Mei 1998 dan KPN(PR)56/8/7 bertarikh 1 Oktober 2015 menetapkan ekshibit hendaklah dihantar dalam masa 48 jam kepada Jabatan Kimia Malaysia. Piagam Pelanggan Jabatan Kimia Malaysia pula menetapkan tempoh analisis dadah adalah selama 30 hari.

b. Analisis Audit mendapati JSJN telah lewat menghantar 147 ekshibit kepada Jabatan Kimia Malaysia. Tempoh yang diambil untuk penghantaran ekshibit ke Jabatan Kimia Malaysia adalah antara satu hari hingga 83 hari, Selain itu, sebanyak 260 laporan analisis kimia dan ekshibit lewat diserahkan oleh Jabatan Kimia Malaysia kepada PDRM melebihi 30 hari iaitu antara satu hari hingga 480 hari. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.3
ANALISIS KELEWATAN EKSHIBIT DIHANTAR KE JABATAN KIMIA MALAYSIA DAN LAPORAN KIMIA DIKELUARKAN

BIL.	DAERAH	BILANGAN SAMPEL KERTAS KERJA	BILANGAN EKSHIBIT YANG LEWAT DIHANTAR KE JABATAN KIMIA MALAYSIA	TEMPOH MASA LEWAT (Hari)	BILANGAN LAPORAN KIMIA DAN EKSHIBIT LEWAT DISERAH OLEH JABATAN KIMIA MALAYSIA KEPADA PDRM	TEMPOH MASA LEWAT MELEBIHI 30 HARI (Hari)
1.	IPD Timur Laut	70	11	1 hingga 4	42	2 hingga 480
2.	IPD Seberang Perai Tengah	74	25	1 hingga 6	39	1 hingga 172
3.	IPD Kota Setar	85	30	1 hingga 4	52	4 hingga 143
4.	IPD Kuala Muda	63	36	1 hingga 83	45	1 hingga 121
5.	IPD Dang Wangi	84	12	2 hingga 7	19	10 hingga 94
6.	IPD Brickfields	66	15	3 hingga 6	22	17 hingga 152
7.	IPD Petaling Jaya	85	17	3 hingga 62	41	17 hingga155
8.	IPD Gombak	58	1	3	0	0
JUMLAH		**585**	**147**	**1 hingga 83**	**260**	**1 hingga 480**

Sumber: Rekod IPD

c. Pihak PDRM memaklumkan kelewatan penghantaran ekshibit adalah disebabkan oleh Pegawai Penyiasat mempunyai tugasan lain seperti terlibat dengan kes perbicaraan di mahkamah dan tugas yang tidak dirancang di

samping menjalankan tugas hakiki. Selain itu, untuk kes yang menarik perhatian awam, ekshibit perlu disimpan sehingga sidang media selesai diadakan. Maklum balas Jabatan Kimia Malaysia menyatakan satu kes yang melewati 480 hari dari tempoh yang ditetapkan kerana ia melibatkan banyak jenis peralatan makmal haram dan pelbagai jenis bahan serta cecair *unknown* yang rumit untuk dianalisis.

Maklum Balas PDRM yang Diterima Pada 28 Januari 2017

Surat teguran telah diberikan oleh Timbalan Pengarah Perlucuthakan Harta/Perundangan/Tahanan, JSJN pada 28 Februari 2017 kepada pegawai penyiasat bagi lapan ekshibit yang dikenal pasti lewat dihantar iaitu melebihi 10 hari dari tarikh kertas siasatan dibuka.

Pada pendapat Audit, kegagalan menyerahkan ekshibit dalam tempoh yang ditetapkan boleh mengakibatkan kelewatan prosiding mahkamah dan lambakan ekshibit di stor.

19.5.2.3. Ekshibit Berstatus NFA dan Telah Selesai Kes Belum Diambil Tindakan

a. Berdasarkan Perkara 13.5 PTKPN, apabila Mahkamah mengarahkan sesuatu ekshibit dimusnahkan oleh PDRM, arahan tersebut mestilah direkodkan dalam Daftar Induk Ekshibit (POL.261). Selain itu, Perkara 41 PTKPN menjelaskan ekshibit dadah yang berkaitan dengan Seksyen 39B ADB 1955 mestilah dimusnahkan atas arahan Pesuruhjaya Polis atau Ketua Polis sesuatu kontinjen mengikut kesesuaian sesuatu kes.

b. Semakan Audit terhadap 440 sampel ekshibit harta bagi tahun 2013 hingga 2015 mendapati tindakan pelupusan ekshibit harta telah diambil oleh BPH di empat kontinjen yang dilawati iaitu IPK Kuala Lumpur, IPK Selangor, IPK Pulau Pinang dan IPK Kedah. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap 913 sampel ekshibit dadah untuk tempoh tahun 2013 hingga 2015 di BPS mendapati tiada tindakan pelupusan diambil terutamanya bagi 49 ekshibit yang berstatus NFA seperti jadual berikut:

JADUAL 19.4
KEDUDUKAN EKSHIBIT DADAH BAGI KERTAS SIASATAN
TAHUN 2013 HINGGA 2015

BIL.	DAERAH	EKSHIBIT DISEMAK (Bilangan)	BILANGAN KEDUDUKAN EKSHIBIT				
			SIASATAN	BICARA	JATUH HUKUM	NFA*	PELUPUSAN
1.	Dang Wangi	119	3	14	100	2	0
2.	Brickfields	96	0	7	77	12	0
3.	Gombak	80	3	12	55	10	0

BIL.	DAERAH	EKSHIBIT DISEMAK (Bilangan)	BILANGAN KEDUDUKAN EKSHIBIT				
			SIASATAN	BICARA	JATUH HUKUM	NFA*	PELUPUSAN
4.	Petaling Jaya	145	4	29	101	11	0
5.	Kota Setar	135	5	14	114	2	0
6.	Kuala Muda	90	5	24	60	1	0
7.	Timur Laut	117	0	18	90	9	0
8.	Seberang Perai Tengah	131	0	18	111	2	0
JUMLAH		**913**	**20**	**136**	**708**	**49**	**0**

Sumber: Semakan Audit di IPD Dilawati
Nota: (NFA*) - Tiada Tindakan Selanjutnya

c. Pihak Audit dimaklumkan oleh IPD yang terlibat, proses pelupusan memerlukan kos yang tinggi dan dilaksanakan mengikut keperluan disebabkan kekangan peruntukan. Sehubungan dengan itu, pelupusan tidak dapat dilaksanakan dan menyebabkan kesesakan ekshibit di dalam stor.

d. Selain itu, berdasarkan maklumat stor yang dikemukakan oleh lapan IPD dilawati setakat bulan September 2016, sebanyak 136 harta dan 65,282 ekshibit dadah telah selesai kes mahkamah masih berada di stor. Didapati sejumlah enam (4.4%) harta dan 14,423 (22.1%) ekshibit dadah masih berada di stor walaupun kes mahkamah telah selesai melebihi sepuluh tahun. Tiada bukti menunjukkan tindakan penyelesaian diambil terhadap ekshibit tersebut. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.5
PENGUMURAN EKSHIBIT BAGI KES YANG TELAH SELESAI DI STOR KONTINJEN DAN DAERAH DILAWATI SEHINGGA BULAN SEPTEMBER 2016

BIL.	KONTINJEN/DAERAH	EKSHIBIT DI STOR (Bilangan)	STATUS EKSHIBIT/TAHUN		
			KES SELESAI		
			1 - 5 (Bilangan)	6 ≤ 10 (Bilangan)	> 10 (Bilangan)
KONTINJEN (HARTA)					
1.	Kuala Lumpur	43	36	7	0
2.	Selangor	38	11	21	6
3.	Kedah	25	15	10	0
4.	Pulau Pinang	30	7	23	0
JUMLAH		**136**	**69**	**61**	**6**
DAERAH (DADAH)					
5.	Dang Wangi	29,328	12,589	6,051	10,688
6.	Brickfields	1,221	33	1,188	0
7.	Gombak	2,583	1,786	683	114
8.	Petaling Jaya	4,209	3,577	632	0
9.	Kota Setar	6,835	3,221	3,254	360
10.	Kuala Muda	3,307	1,836	1,471	0
11.	Timur Laut	12,018	4,644	4,418	2,956
12.	Seberang Perai Tengah	5,781	2,039	3,437	305
JUMLAH		**65,282**	**29,725**	**21,134**	**14,423**

Sumber: Maklumat Dikemukakan oleh IPK dan IPD Dilawati

Maklum Balas PDRM yang Diterima Pada 24 Januari 2017

Pihak JSJN telah melaksanakan proses pelupusan ekshibit secara berkala pada kos minima dengan kerjasama agensi kerajaan atau swasta di seluruh negara bagi tahun 2015 dan 2016. Pada tahun 2017, empat kontinjen iaitu Kontinjen Selangor, Kuala Lumpur, Kedah dan Pulau Pinang adalah dicadang untuk dilaksanakan pelupusan ekshibit bagi kes yang telah selesai dan No Further Action (NFA).

Pada pendapat Audit, perlupusan ekshibit harta adalah memuaskan. Bagaimanapun, pelupusan ekshibit dadah adalah kurang memuaskan kerana lewat diambil tindakan yang menyebabkan kesesakan di stor JSJN.

19.5.3. Pemantauan

19.5.3.1. Pemantauan secara berkala bagi ekshibit dadah perlu dilaksanakan khususnya oleh Ketua Jabatan Narkotik IPK dan bahagian lain seperti Jabatan Integriti Dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman serta Bahagian Perundangan JSJN Bukit Aman. Ini bagi memastikan ekshibit yang disimpan di stor ekshibit berada dalam keadaan selamat dan rekod dikemas kini. Selain itu, Arahan Perbendaharaan 309 (AP 309) menyatakan pemeriksaan mengejut hendaklah dilaksanakan setiap enam bulan dan Daftar Pemeriksaan Mengejut hendaklah diselenggarakan.

19.5.3.2. Semakan Audit terhadap aktiviti pemantauan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016 secara umumnya mendapati pemantauan secara berterusan telah mula dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun mulai tahun 2015 dan 2016 kecuali di IPD Seberang Perai Tengah. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 19.6**. Semakan Audit terhadap Daftar Pemeriksaan Mengejut di IPK pula mendapati pemeriksaan mengejut setiap enam bulan sekali hanya dilaksanakan di IPK Pulau Pinang bagi tempoh tahun 2015 dan 2016.

JADUAL 19.6
KEKERAPAN LAWATAN DAN PEMANTAUAN EKSHIBIT DI IPK DAN IPD BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA BULAN SEPTEMBER 2016

BIL.	KONTINJEN/DAERAH	BILANGAN KEKERAPAN/TAHUN			
		2013	2014	2015	2016
KONTINJEN					
1.	Kuala Lumpur	-	1	1	1
2.	Selangor	1	1	1	-
3.	Kedah	-	-	1	3
4.	Pulau Pinang	-	-	4	2
DAERAH					
5.	Dang Wangi	-	2	3	3
6.	Brickfields	-	1	3	1

BIL.	KONTINJEN/DAERAH	BILANGAN KEKERAPAN/TAHUN			
		2013	2014	2015	2016
7.	Gombak	-	-	-	1
8.	Petaling Jaya	2	-	1	2
9.	Kota Setar	1	3	2	1
10.	Kuala Muda	-	-	2	-
11.	Timur Laut	-	-	-	1
12.	Seberang Perai Tengah	2	-	-	-

Sumber: IPK dan IPD Dilawati

Maklum Balas PDRM yang Diterima Pada 21 Februari 2017

Pihak JSJN akan memohon kerjasama Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) bagi tujuan pemeriksaan mengejut.

Pada pendapat Audit, pemantauan ekshibit adalah kurang memuaskan kerana pemantauan dan pemeriksaan tidak dilaksanakan secara berterusan ke atas ekshibit yang disimpan di stor dan boleh mengakibatkan kerosakan dan kehilangan ekshibit tidak dapat dikesan.

19.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan pengurusan ekshibit di JSJN, langkah penambahbaikan perlu diambil dengan segera untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusannya. Sehubungan ini, adalah disyorkan pihak Polis DiRaja Malaysia mengambil tindakan seperti berikut:

19.6.1 memastikan setiap ekshibit disimpan dengan selamat serta direkod dengan lengkap dan kemas kini oleh Pegawai Penyiasat dan pegawai stor. Selain itu, pemeriksaan mengejut juga perlu dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan AP309;

19.6.2 memastikan ruang penyimpanan ekshibit yang mencukupi dan selamat terutamanya pengendalian ekshibit dadah termasuk bahan kimia yang mudah terbakar dan berbahaya. Dalam hal ini, pengendalian ekshibit perlu mematuhi Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994; dan

19.6.3 memastikan tindakan pelupusan dan penyelesaian diambil terhadap ekshibit yang telah selesai kes mahkamah.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

20. POLIS DIRAJA MALAYSIA
- **PEROLEHAN HELIKOPTER SAIZ SEDERHANA MODEL AW 139 UNTUK PASUKAN GERAKAN UDARA**

20.1. LATAR BELAKANG

20.1.1. Pasukan Gerakan Udara (PGU) merupakan salah satu pasukan di bawah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri Dan Ketenteraman Awam, Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Antara peranan utama PGU adalah untuk menjalankan operasi pencegahan jenayah, tinjauan ketenteraman awam dan menyediakan sokongan operasional. Bagi membolehkan pelaksanaan operasi yang lebih efektif, PGU memerlukan helikopter saiz sederhana yang mempunyai kapasiti penumpang yang lebih besar.

20.1.2. Dalam RMKe-10 *Rolling Plan* 4, PDRM telah diluluskan perolehan dua helikopter saiz sederhana. Kementerian Kewangan (MOF) telah meluluskan perolehan ini secara rundingan terus kepada Syarikat Galaxy Helicopters (M) Sdn. Berhad (kontraktor) pada bulan April 2015. Nilai kontrak bagi perolehan ini adalah berjumlah EUR33.35 juta dan tempoh kontrak adalah selama tiga tahun iaitu bermula 1 Julai 2015 hingga 30 Jun 2018.

20.1.3. Objektif perolehan dua buah helikopter saiz sederhana adalah untuk memperkasakan keupayaan PGU dalam menangani isu keselamatan dan ketenteraman awam berskala besar; meningkatkan respons dan mobiliti Pasukan Khas PDRM secara 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu (24/7) tanpa batasan masa dan geografi di seluruh negara; dan memberi bantuan udara kepada lain-lain agensi Kerajaan.

20.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai perolehan helikopter saiz sederhana model AW 139 (AW 139) telah diuruskan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

20.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap perolehan dua helikopter AW 139 bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017. Pengauditan meliputi proses perolehan, penerimaan, penggunaan, penyimpanan dan

penyenggaraan helikopter AW 139. Pengauditan ini melibatkan Bahagian Perolehan Kementerian Dalam Negeri (KDN); PGU Ibu Pejabat Bukit Aman, PGU Pangkalan Semenanjung Sungai Besi Kuala Lumpur dan Syarikat Galaxy Helicopters (M) Sdn. Berhad.

20.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi semakan terhadap fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan proses perolehan, penerimaan, penggunaan, penyimpanan dan penyenggaraan helikopter AW 139. Temu bual dengan pegawai, analisis terhadap data dan pemeriksaan fizikal terhadap helikopter juga dijalankan.

20.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2016 mendapati perolehan dua helikopter AW 139 adalah memuaskan. Sehingga tarikh pengauditan pada 22 Disember 2016, kedua-dua helikopter yang diterima digunakan untuk tujuan sokongan operasional dan latihan dengan jumlah jam penerbangan bagi helikopter 1 adalah selama 116 jam 30 minit dan jumlah jam penerbangan bagi helikopter 2 adalah selama 76 jam 55 minit. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam perolehan helikopter AW 139 antaranya adalah seperti berikut:

i. harga kontrak yang dinyatakan dalam Klausa 5 berjumlah EUR33.35 juta adalah berbeza sejumlah EUR0.88 juta berbanding dengan perincian harga kontrak di *Appendix* 4 yang berjumlah EUR32.47 juta; dan

ii. Sijil *Final Acceptance Test* (FAT) telah dikeluarkan walaupun terdapat spesifikasi kontrak masih belum dipatuhi sepenuhnya.

Perkara yang ditemui dan maklum balas KDN serta PGU telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 11 April 2017. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

20.5.1. Prestasi Perolehan

20.5.1.1. Penerimaan dan Penggunaan Helikopter

a. Helikopter 1 telah diserahkan pada 30 September 2016 dan helikopter dua pada 13 Oktober 2016. Kedua-dua helikopter tersebut telah memperoleh *Certificate of Registration* (CoR) dan *Certificate of Airworthiness* (CoA) daripada Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCAM). Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.1
MAKLUMAT PENYERAHAN HELIKOPTER

NOMBOR PENDAFTARAN	NOMBOR SIRI KAPAL UDARA/ NOMBOR PERAKUAN	TARIKH *CERTIFICATE OF REGISTRATION* (CoR)	TARIKH *CERTIFICATE OF AIRWORTHINESS* (CoA)	TARIKH SIJIL *FINAL ACCEPTANCE TEST* (FAT)
Helikopter 1 (9M-PMB)	31726 / M.1858	22.07.2016	28.08.2016	30.09.2016
Helikopter 2 (9M-PMC)	31731 / M.1867	22.07.2016	28.09.2016	13.10.2016

Sumber: Bahagian Perolehan KDN

b. Sehingga 22 Disember 2016, helikopter 1 telah digunakan untuk latihan sebanyak 76 kali dengan jumlah jam penerbangan adalah selama 116 jam 30 minit. Helikopter 2 pula telah digunakan sebanyak 50 kali untuk latihan dan enam kali untuk tujuan sokongan operasional yang melibatkan pengangkutan personel PDRM dan jabatan Kerajaan dengan jumlah jam penerbangan selama 76 jam 55 minit.

c. Kedua-dua helikopter ditempatkan di hangar yang sesuai dan selamat **(Gambar 20.1 dan 20.2)** apabila tidak digunakan. Ia akan ditempatkan sama ada di hangar Agusta Westland (Leornardo Helicopters), Malaysia *International Aerospaces Centre* Subang, Selangor atau di hangar Pangkalan Semenanjung Sungai Besi, Kuala Lumpur.

GAMBAR 20.1



Hangar Leornardo Helicopters, Subang
- Helikopter yang Ditempatkan di Hangar
(22.12.2016)

GAMBAR 20.2



Hangar Leornardo Helicopters, Subang
- Hangar Penyimpanan Helikopter
(22.12.2016)

Pada pendapat Audit, pelaksanaan perolehan kedua-dua helikopter AW 139 adalah baik daripada aspek penerimaan dan penggunaan.

20.5.1.2. Pencapaian Kewangan

a. Pada 3 April 2015, MOF telah meluluskan perolehan dua helikopter AW 139 dengan anggaran siling berjumlah RM140 juta. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada 29 Jun 2015 dengan tawaran harga kontrak berjumlah RM138.9 juta kepada Syarikat Galaxy Helicopters (M) Sdn.

Berhad setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Rundingan Harga pada 12 Jun 2015.

b. Bagaimanapun, kontraktor telah memohon kepada KDN pada 26 Oktober 2015 untuk pindaan nilai mata wang dari Ringgit Malaysia kepada mata wang Euro dalam kontrak. Ini kerana helikopter, peralatan sokongan dan perkhidmatan berkaitan yang dibekalkan di bawah kontrak ini adalah merupakan keluaran *Original Equipment Manufacturer* (OEM) luar negara iaitu syarikat Agusta Westland, Italy yang mana kontraktor perlu membayar kepada OEM di dalam mata wang Euro sebagaimana perjanjian pembelian yang telah dimeterai antara kontraktor dengan syarikat Agusta Westland.

c. Permohonan menggunakan mata wang Euro bagi kontrak ini tidak dipertimbangkan oleh MOF pada 8 Disember 2015. Namun, pada 22 Januari 2016 MOF telah memberi kelulusan semula dan kontrak telah ditandatangani di dalam mata wang Euro pada 9 Mac 2016. Selain itu, satu Kontrak Tambahan telah dikeluarkan pada 14 April 2016 yang melibatkan perubahan terma bayaran bagi bayaran kemajuan ketiga hingga kelapan berdasarkan Kadar Pertukaran Bulanan mata wang Euro yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Bayaran kemajuan pertama dan kedua telah dibayar dalam mata wang Ringgit Malaysia berjumlah RM30 juta sebagaimana yang ditetapkan dalam jadual bayaran kemajuan seperti di SST.

d. Sehubungan itu, Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan peningkatan anggaran siling perolehan dua buah helikopter tersebut daripada RM140 juta kepada RM156.2 juta iaitu pertambahan berjumlah RM16.2 juta. Oleh itu, pihak kontraktor telah mengemukakan bon pelaksanaan yang baharu bernilai RM2.61 juta setelah mengambil kira perubahan nilai kontrak dengan tempoh sah laku adalah 12 bulan selepas tamat kontrak pada 30 Jun 2019.

e. Setakat 30 November 2016, sebanyak tujuh (87.5%) daripada lapan Bayaran Kemajuan telah dibayar berjumlah EUR33.11 juta (99.3%) daripada nilai kontrak EUR33.35 juta dan masih berbaki EUR0.24 juta. Jumlah pembayaran dalam nilai mata wang Ringgit Malaysia dengan mengambil kira Kadar Pertukaran Bulanan mata wang Euro yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia adalah berjumlah RM152.06 juta. Sehubungan itu, pertambahan kos sebenar dalam mata wang Ringgit Malaysia adalah berjumlah RM13.08 juta (9.4%) berbanding dengan nilai kontrak asal yang berjumlah RM138.98 juta. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.2
BAYARAN KEMAJUAN SETAKAT 30 NOVEMBER 2016

FASA PEMBAYARAN	NILAI BAYARAN SEBELUM KELULUSAN MOF (RM Juta)	NILAI BAYARAN SELEPAS KELULUSAN MOF (RM Juta)	TARIKH BAYARAN/ NOMBOR BAUCAR	KADAR TUKARAN BANK NEGARA MALAYSIA	NILAI BAYARAN (EUR Juta)
Bayaran Kemajuan Pertama Dan Ke-2					
Pelaksanaan *Kick–off Meeting* dan *Critical Design Review Meeting*	15.00	15.00	10.08.2015/ B0133	4.3060	3.48
Pelaksanaan *Project Management Review Meeting* (PMR) Pertama	15.00	15.00	23.10.2015/ B0206	4.6966	3.19
Jumlah Kecil	**30.00**	**30.00**	**-**	**-**	**6.67**
Bayaran Kemajuan Ke-3 Hingga Ke-8					
Pelaksanaan *Project Management Review Meeting* (PMR) Kedua	15.00	18.90	15.04.2016/ B0069	4.5859	4.12
Pelaksanaan *Pre-Delivery Inspection* (PDI) ke Atas Pesawat Pertama	36.99	40.99	20.06.2016/ B0089	4.6174	8.88
Pelaksanaan *Pre-Delivery Inspection* (PDI) ke Atas Pesawat Kedua	36.99	40.99	21.06.2016/ B0093	4.6174	8.88
Penghantaran Dan *Final Acceptance Test* (FAT) Pesawat Pertama di Malaysia	9.50	10.59	07.11.2016/ B0146	4.6473	2.28
Penghantaran Dan *Final Acceptance Test* (FAT) Pesawat Kedua di Malaysia	9.50	10.59	07.11.2016/ B0147	4.6473	2.28
Selesai Pelaksanaan Latihan	1.00	Belum Bayar	Belum Bayar	Belum Bayar	Belum Bayar
Jumlah Kecil	**108.98**	**122.06**			**26.44**
JUMLAH BESAR	**138.98**	**152.06**			**33.11**

Sumber: Bahagian Perolehan KDN

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan adalah memuaskan kerana dilaksanakan mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, perancangan awal dalam penetapan nilai kontrak tidak dilaksanakan dengan cekap daripada aspek penggunaan mata wang.

20.5.2. Pengurusan Perolehan

20.5.2.1. Pematuhan Klausa Kontrak

Perolehan helikopter AW 139 perlu diurus dan dilaksanakan mengikut kontrak yang telah disediakan. Sehingga 22 Disember 2016, semakan Audit mendapati klausa kontrak yang telah dipatuhi untuk perolehan ini adalah kerosakan peralatan telah dituntut melalui waranti; penyenggaraan mematuhi *maintenance schedule* yang ditetapkan; *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) dikenakan

terhadap kontraktor; kontrak tambahan disediakan bagi perubahan terma bayaran; dan klausa latihan masih dalam pelaksanaan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti yang berikut:

a. Harga Kontrak Berbeza Berbanding Dengan Perincian Harga

Klausa 5 – *Contract Price* menyatakan harga helikopter, peralatan dan perkhidmatan yang dibekalkan dan dihantar bagi kontrak ini adalah berjumlah EUR33.35 juta. Sehingga 22 Disember 2016, bayaran kemajuan yang telah dilaksanakan adalah berjumlah EUR33.11 juta. Analisis Audit mendapati Perincian Harga mengikut spesifikasi kontrak berjumlah (Appendix 4) EUR32.47 juta adalah berbeza dengan nilai kontrak yang dinyatakan dalam Klausa 5 iaitu perbezaan sejumlah EUR0.88 juta. Pihak Audit tidak dapat mengenal pasti klasifikasi perincian harga bagi jumlah perbezaan tersebut, walaupun kontrak ini telah disemak di peringkat Bahagian Perolehan dan Bahagian Penasihat Undang-undang serta kontrak telah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.3
PERINCIAN HARGA DI *APPENDIX* 4

PERKARA	NILAI (EUR Juta)
2 Unit (AW 139) (Basic Helicopter)	24.96
Mission Equipments	0.91
Other Equipments	2.00
Training, Technical Support Services and Initial Spares	4.35
Publications	0.13
Delivery	0.12
JUMLAH	**32.47**

Sumber: Bahagian Perolehan KDN

Maklum Balas KDN yang Diterima Pada 28 April 2017

Sebagaimana diperincikan dalam Appendix 4 - Quantities and Prices Breakdown dalam kontrak utama, perbezaan nilai kontrak secara keseluruhan tidak memberikan sebarang implikasi kewangan tambahan. Harga kontrak telah dinyatakan dalam Appendix 5 - Payment And Delivery Schedules And Milestones dalam dokumen kontrak utama yang menjadi asas kepada pembayaran kemajuan kontrak yang mana ia telah diluluskan oleh MOF. Sebagai tindakan penambahbaikan, perubahan kepada perincian Appendix 4 sedang dilaksanakan dan dijangka selesai pada akhir bulan Jun 2017. Perubahan ini boleh dilaksanakan kerana kontrak masih berkuat kuasa dan selaras dengan Klausa 34 - Amendments To The Contract.

Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak adalah kurang memuaskan bagi penetapan perincian harga kerana ia berbeza dengan nilai kontrak.

b. Sijil *Final Acceptance Test* Dikeluarkan Tanpa Mematuhi Spesifikasi Kontrak

i. Klausa 10 - *Inspection and Acceptance of the Helicopter and Equipment* perkara 10.33 dalam kontrak menetapkan setelah selesai pemeriksaan akhir dan penerimaan helikopter serta peralatan, Kerajaan dan kontraktor akan menandatangani Sijil *Final Acceptance Test* (FAT). Berdasarkan spesifikasi kontrak, setiap helikopter perlu dilengkapi dan dipatuhi dengan 288 perkara sebelum FAT boleh ditandatangani.

ii. Semakan Audit mendapati Sijil FAT telah ditandatangani pada 30 September 2016 bagi helikopter 1 dan 2 walaupun lima perkara dalam spesifikasi kontrak bernilai EUR823,000 masih belum dipenuhi/ dilengkapkan bagi kedua-dua helikopter tersebut. Ia melibatkan *4-axis Dual Digital Automatic Flight Control System And Winch Man Trim* (WTR) *For Third Crew Operation, Life Jacket With Survival Locator Light* (12 unit)*; Night Vision Goggles* (NVG) (4 unit) *Preferably NVLS BM8043 Model Or Latest Model*; *Four (4) Units Of Aircrew Life Jacket With Personal Locator Beacons* (PLB) *And Breathing Apparatus For Each Helicopter;* serta *Ops Manual*. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.4
LIMA PERKARA DALAM SPESIFIKASI YANG BELUM DIPATUHI BAGI HELIKOPTER 1 DAN 2

NO. ITEM	PERKARA	STATUS	HARGA (EUR)	TARIKH KEMUKA HASIL PEMERIKSAAN	TARIKH TERIMA MAKLUM BALAS KONTRAKTOR	MAKLUM BALAS KONTRAKTOR
1.6.2	*4-axis Dual Digital Automatic Flight Control System (DAFCS) Enhanced With (hover mode and search and rescue mode – not available) And Winch Man Trim (WTR) For Third Crew Operation*	Separa Spesifikasi	740,000 (370,000 x 2 Unit)	Tiada Maklumat	9M-PMB (12.05.2016) 9M-PMC (26.05.2016)	*Full compliance to be carried out completely as soon as possible not exceeding 2 years from operational date and supported by letter of commitment*
2.1.9	*Life Jacket With Survival Locator Light (Qty 12)*	Separa Spesifikasi	15,000 (7,500 x 2 unit)	9M-PMB (22.09.2016) 9M-PMC (13.10.2016)	9M-PMB (22.09.2016) 9M-PMC (13.10.2016)	*Purchase in progress*
2.1.19	*Night Vision Goggles (NVG) (Qty 4) Preferably NVLS BM8043 Model Or Latest Model*	Separa Spesifikasi	60,000 (30,000 x 2 unit)			*Testing and certification for the selected model by Agusta Westland in progress*

NO. ITEM	PERKARA	STATUS	HARGA (EUR)	TARIKH KEMUKA HASIL PEMERIKSAAN	TARIKH TERIMA MAKLUM BALAS KONTRAKTOR	MAKLUM BALAS KONTRAKTOR
3.1.10	*Four (4) Units Of Aircrew Life Jacket With Personal Locator Beacons (PLB) And Breathing Apparatus For Each Helicopter*	Separa Spesifikasi	8,000 (4,000 x 2 unit)			*Order in progress*
5.1.5	Ops Manual	Separa Spesifikasi	Tiada Kos			*Contractor will provide interim Standard Operating Prosedure (SOP) within 30 days from final acceptance to accommodate critical operation role and final document within 3 months*
JUMLAH			**823,000**			

Sumber: Bahagian Perolehan KDN

iii. Sijil FAT ditandatangani oleh tiga orang wakil Kerajaan dan dua orang wakil kontraktor setelah mengambil kira syor Laporan Pasukan FAT. Pasukan FAT mengesyorkan bahawa pihak Kerajaan boleh menerima kedua-dua helikopter tersebut dan menandatangani FAT walaupun masih terdapat spesifikasi belum dipenuhi. Ini berdasarkan pertimbangan faktor seperti berikut:

- semua operasi PGU masih boleh dilaksanakan;
- latihan penerbangan malam menggunakan *Night Vision Goggles* (NVG) hanya boleh dimulakan setelah semua juruterbang mencapai 100 jam penerbangan. Ini hanya boleh dicapai dalam tempoh minimum enam bulan selepas penerimaan. Dalam tempoh tersebut, dijangkakan NVG telah dibekalkan oleh pihak kontraktor;
- jumlah nilai kos untuk empat item yang tidak menepati spesifikasi kontrak berjumlah EUR0.08 juta adalah lebih rendah berbanding nilai bon yang dikenakan kepada kontraktor iaitu berjumlah RM2.61 juta; dan
- *Hover Mode and Search and Rescue Mode* bagi item 1.6.2 telah dipersetujui di peringkat PDI status pembekalannya. Spesifikasi ini akan dilaksanakan oleh pihak kontraktor dalam tempoh waranti setelah penerimaan helikopter melalui peruntukan *Technical Change* Klausa 9 dalam kontrak.

iv. Selain itu, syor Laporan FAT juga dibuat berdasarkan maklum balas daripada kontraktor yang menyatakan kesanggupannya untuk memenuhi

semua perkara yang masih belum dipatuhi. Maklum balas kontraktor tersebut telah dikemukakan pada 22 September 2016 bagi helikopter 1 dan 13 Oktober 2016 bagi helikopter 2. Lanjutan itu, bayaran kemajuan bagi pelaksanaan FAT ke atas helikopter 1 dan 2 telah dibayar sepenuhnya pada 7 November 2016 berjumlah EUR4.56 juta.

v. Selanjutnya, pemeriksaan Audit telah dilaksanakan terhadap 45 (15.9%) daripada 283 perkara dalam spesifikasi yang telah dipatuhi semasa penerimaan helikopter 1 dan 2. Adalah didapati kesemua 45 perkara tersebut telah diterima dan mematuhi spesifikasi kontrak.

vi. Pihak KDN menyatakan bahawa Sijil FAT telah ditandatangani selaras dengan CoA yang telah dikeluarkan oleh DCAM bagi mengesahkan kedua-dua helikopter tersebut *fit to fly*; bagi membolehkan sesi latihan juruterbang PGU dilaksanakan segera untuk menjamin kesiapsiagaan operasi serta membolehkan kesiapsiagaan juruterbang terlatih yang mencukupi bagi mengoptimumkan pengoperasian helikopter PGU; item yang masih belum diterima tidak menjejaskan keselamatan dan pengoperasian helikopter sepertimana yang diluluskan oleh DCAM melalui CoA; dan menjamin kesiapsiagaan helikopter dalam menghadapi bencana banjir pada hujung tahun 2016. Selain itu, komitmen yang telah diberikan oleh pihak kontraktor iaitu kesediaan untuk dikenakan LAD bagi item yang lewat dibekalkan; jaminan tempoh waranti bagi peralatan yang lewat dibekalkan hanya akan bermula daripada tarikh penerimaan rasmi oleh Kerajaan; Bon Pelaksanaan akan dilelapkan sekiranya kontraktor masih gagal memenuhi spesifikasi yang dipersetujui sehingga tempoh kontrak tamat; dan bayaran kemajuan akhir bernilai EUR239,969.27 akan ditahan oleh Kerajaan sehingga semua spesifikasi dan obligasi dipenuhi sepenuhnya.

Maklum Balas KDN yang Diterima Pada 28 April 2017

Bagi memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara, KDN sentiasa memantau status semasa pembekalan item yang masih tergendala dan status terkini adalah seperti berikut:

i. 4-axis Dual Digital Automatic Flight Control System And Winch Man Trim (WTR) For Third Crew Operation – 90% kemajuan telah dilaksanakan;

ii. Life Jacket With Survival Locator Light (12 unit) – telah diterima pada 28 Mac 2017;

iii. Night Vision Goggles (NVG) (4 unit) Preferably NVLS BM8043 Model Or Latest Model – akan diterima pada 30 Jun 2017;

iv. Four (4) Units Of Aircrew Life Jacket With Personal Locator Beacons (PLB) And Breathing Apparatus For Each Helicopter - telah diterima pada 28 Mac 2017; dan

v. Ops Manual – telah diterima pada 21 Mac 2017.

Sebagai tindakan penambahbaikan, KDN telah dan akan mengambil tindakan seperti berikut:

i. LAD berjumlah EUR36,475.35 telah dikenakan atas kelewatan pembekalan helikopter dan EUR52,356.45 LAD telah diterima pada 7 April 2017 atas kelewatan pembekalan kelengkapan operasi;

ii. Bon Pelaksanaan akan dilelapkan sekiranya syarikat masih gagal memenuhi spesifikasi yang dipersetujui sehingga tempoh kontrak tamat; dan

iii. bayaran kemajuan akhir bernilai EUR239,969.27 akan ditahan oleh KDN sehingga semua spesifikasi dan obligasi dipenuhi sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak berkaitan Sijil FAT adalah kurang memuaskan kerana sijil dikeluarkan sebelum spesifikasi kontrak dipatuhi sepenuhnya.

20.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pengurusan perolehan pesawat terbang, adalah disyorkan supaya KDN/PGU memberi pertimbangan kepada perkara berikut:

20.6.1. KDN perlu memastikan harga kontrak yang dinyatakan adalah bertepatan dengan *appendix* yang disertakan dalam kontrak; dan

20.6.2. KDN perlu mengkaji perkara di bawah Klausa 10 – *Inspection and Acceptance of the Helicopter and Equipment* untuk memperincikan terma tertentu bagi membenarkan Sijil *Final Acceptance Test* dikeluarkan walaupun spesifikasi kontrak masih belum dipatuhi sepenuhnya. Selain itu, KDN dan PGU hendaklah memantau dengan rapi dan memastikan kontraktor memenuhi semua spesifikasi kontrak yang belum dipatuhi di peringkat FAT supaya helikopter saiz sederhana (AW 139) dilengkapi dengan spesifikasi yang ditetapkan. Sekiranya kontraktor tidak mematuhi spesifikasi dalam kontrak ini, tindakan seperti menahan bayaran kemajuan akhir atau merampas bon pelaksanaan hendaklah diambil.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

21. PENGURUSAN PROJEK PEMBAIKAN STRUKTUR BANGUNAN DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN SEKOLAH DI NEGERI SABAH

21.1. LATAR BELAKANG

21.1.1. Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset (BPPA), Kementerian Pendidikan (Kementerian) merupakan bahagian yang merancang dan mengurus program/aktiviti penyenggaraan prasarana dan aset Kerajaan. Antara tanggungjawab BPPA adalah memastikan penyenggaraan dibuat mengikut jangka masa dan piawaian yang ditetapkan dengan kos yang efektif. Selain itu, BPPA juga memantau dan menilai program/aktiviti perolehan bekalan, perkhidmatan, penyenggaraan prasarana dan aset Kementerian.

21.1.2. Projek pembaikan struktur bangunan dan lain-lain kemudahan sekolah di Negeri Sabah merupakan projek Fasa 2 bagi kerja-kerja pembaikan struktur bangunan sekolah. Ianya merupakan penyambungan kepada projek Fasa 1 yang melibatkan penstabilan sementara struktur bangunan (jangka masa pendek) yang mana telah selesai dilaksanakan pada bulan Februari 2013. Projek Fasa 1 dilaksanakan menggunakan kaedah Perolehan Darurat Arahan Perbendaharaan 173.2 bertujuan untuk mengelakkan kerosakan struktur bangunan tersebut menjadi bertambah teruk. Objektif pembaikan struktur bangunan ini adalah untuk memastikan semua struktur bangunan berada dalam keadaan yang selamat untuk diduduki.

21.1.3. Pelaksanaan projek Fasa 2 ini dibuat secara reka dan bina kerana skop projek memerlukan kepakaran khusus dan tidak terdapat reka bentuk atau lukisan piawai. Sebanyak 11 buah sekolah terlibat dalam kerja-kerja pembaikan struktur ini dengan kos berjumlah RM213.99 juta. Tempoh pembaikan bermula dari bulan Ogos 2014 sehingga bulan Oktober 2016. Pelantikan kontraktor bagi sembilan buah sekolah telah dibuat secara tender terbuka (reka dan bina) melibatkan kos antara RM6.52 juta hingga RM26.66 juta. Manakala, pelantikan kontraktor bagi dua buah sekolah lagi telah dibuat secara rundingan terus dengan kos RM14.37 juta dan RM18.23 juta masing-masing. Sekolah-sekolah ini tidak terlibat semasa pelaksanaan projek Fasa 1. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 21.1
SENARAI PROJEK PEMBAIKAN STRUKTUR BANGUNAN DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN SEKOLAH DI NEGERI SABAH

BIL.	NAMA SEKOLAH/PROJEK	KOS KONTRAK (RM Juta)
TENDER TERBUKA (REKA DAN BINA)		
1.	SK Pekan Semporna, Semporna	6.52
2.	SK Simunul, Semporna	12.00
3.	SM Teknik Likas (Kolej Vokasional) Likas, Kota Kinabalu	20.02
4.	SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang	20.89
5.	SM Maktab Sabah, Kota Kinabalu	21.99
6.	SMK Pulau Gaya, Kota Kinabalu	22.99
7.	SMK Abdul Rahim, Kudat	24.52
8.	SMK Penangah, Telupid	25.80
9.	SMK Agaseh, Lahad Datu	26.66
RUNDINGAN TERUS (REKA DAN BINA)		
10.	SK Inanam Laut, Kota Kinabalu	14.37
11.	SK Merpati, Sandakan	18.23
JUMLAH		**213.99**

Sumber: **Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset, Kementerian Pendidikan**
Nota : **SK - Sekolah Rendah**
SM - Sekolah Menengah
SMK - Sekolah Menengah Kebangsaan

21.1.4. Skop kerja yang dilaksanakan antaranya adalah pembaikan struktur blok akademik dan rumah guru serta kerja-kerja luaran termasuklah kerja jalan, laluan pejalan kaki berbumbung, pagar perimeter, sistem saliran dan longkang, sistem bekalan mekanikal dan elektrikal, sistem bekalan air, sistem pembetungan serta kerja-kerja cerun.

21.1.5. Pengauditan terhadap kerja-kerja pembaikan Fasa 1 melibatkan penstabilan sementara struktur bangunan dengan menggunakan kaedah Perolehan Darurat AP 173.2 telah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014. Secara keseluruhannya, aspek perbelanjaan dan pelaksanaan projek adalah baik. Namun terdapat kelemahan dari aspek kualiti kerja.

21.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai pengurusan projek pembaikan struktur bangunan dan lain-lain kemudahan sekolah di negeri Sabah telah dilaksanakan secara cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan.

21.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan pentadbiran kontrak, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan projek. Pengauditan ini telah dijalankan di BPPA

serta tiga sekolah yang mempunyai antara kos tertinggi berjumlah RM70.54 juta iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Peter Mojuntin, Penampang; SMK Pulau Gaya, Kota Kinabalu dan SMK Agaseh, Lahad Datu.

21.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dan menganalisis rekod, dokumen dan kontrak berkaitan dengan projek pembaikan struktur bangunan dan lain-lain kemudahan sekolah di negeri Sabah. Temu bual dan perbincangan telah diadakan bersama pegawai yang terlibat di BPPA, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah yang dipilih sebagai sampel Audit dan wakil kontraktor. Pemeriksaan fizikal di tapak juga dijalankan untuk menentukan kerja telah dilaksanakan mengikut spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan.

21.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di tiga sekolah antara bulan Julai hingga Oktober 2016 mendapati secara umumnya pengurusan projek pembaikan struktur bangunan dan lain-lain kemudahan sekolah di negeri Sabah adalah memuaskan di mana struktur bangunan berada dalam keadaan yang selamat untuk diduduki. Pelantikan kontraktor telah dibuat secara tender terbuka melalui proses pra-kelayakan. Kerja juga telah dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan pentadbiran kontrak telah diuruskan dengan baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan telah dikenal pasti yang menjejaskan kecekapan pelaksanaan projek seperti berikut:

i. kerja-kerja pembaikan tidak mengikut spesifikasi dan kurang berkualiti; dan

ii. komunikasi dan koordinasi yang kurang berkesan antara Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) dan Kementerian menyebabkan surau yang telah dibaiki dengan kos bernilai melebihi RM135,735 telah dirobohkan ketika masih dalam tempoh tanggungan kecacatan dan dibina surau baru yang bernilai RM469,960.

Perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 13 Mac 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

21.5.1. Pelantikan Kontraktor

Pelantikan kontraktor bagi ketiga-tiga projek ini telah dilakukan secara tender terbuka melalui proses pra kelayakan. Kaedah ini diambil susulan daripada teguran Kementerian Kewangan semasa kerja pembaikan di bawah Perolehan Darurat AP173.2 yang dilakukan oleh Kementerian sebelum ini. Sebanyak 47 penender menyertainya bagi SMK Agaseh dan SMK Pulau Gaya serta 55 penender bagi SMK Datuk Peter Mojuntin. Penilaian teknikal dan kewangan telah dilakukan serta

Jawatankuasa Penilaian Tender dan Jawatankuasa Pra Kelayakan telah ditubuhkan. Pemilihan kontraktor oleh Lembaga Perolehan adalah berdasarkan harga terendah dan rekod prestasi kerja yang memuaskan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.2
RINGKASAN URUSAN TENDER TERBUKA PRA KELAYAKAN

NAMA SEKOLAH	BIL. PENENDER	BIL. PENENDER DISYORKAN			
		TEKNIKAL	KEWANGAN	JAWATANKUASA PENILAIAN TENDER	JAWATANKUASA PRA KELAYAKAN
SMK Agaseh, Lahad Datu	47	33	33	33	10 kedudukan teratas
SMK Pulau Gaya, Kota Kinabalu	47	36	36	36	10 kedudukan teratas
SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang	55	38	38	38	10 kedudukan teratas

Sumber: Kementerian Pendidikan

Pada pendapat Audit, urusan pelantikan kontraktor adalah selaras dengan peraturan.

21.5.2. Prestasi Projek

21.5.2.1. Pencapaian Fizikal Projek

Sehingga bulan September 2016, projek pembaikan struktur bangunan dan lain-lain kemudahan bagi SMK Agaseh dan SMK Pulau Gaya telah disiapkan mengikut jadual manakala SMK Datuk Peter Mojuntin telah disiapkan 146 hari lebih awal dari tarikh yang ditetapkan. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 21.3
STATUS PROJEK PEMBAIKAN STRUKTUR BANGUNAN DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN

NAMA SEKOLAH	NAMA KONTRAKTOR	TEMPOH KONTRAK	TARIKH SIJIL PERAKUAN SIAP KERJA
SMK Agaseh, Lahad Datu	Kontraktor F.A. Sdn. Bhd.	25.08.2014 – 24.06.2015 (10 bulan)	24.06.2015
SMK Pulau Gaya, Kota Kinabalu	B.H.O. Sdn. Bhd.	25.08.2014 – 24.08.2015 (12 bulan)	24.08.2015
SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang	Wibawa Pakat Construction Sdn. Bhd.	25.08.2014 – 24.08.2015 (12 bulan)	31.03.2015

Sumber: Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset, Kementerian Pendidikan

21.5.2.2. Pencapaian Kewangan

Sehingga 30 September 2016, prestasi pencapaian kewangan bagi tiga sekolah yang dilawati telah mencapai 98.4% seperti ditunjukkan dalam jadual berikut:

JADUAL 21.4
PRESTASI KEWANGAN PROJEK PEMBAIKAN STRUKTUR BANGUNAN DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN SETAKAT 30 SEPTEMBER 2016

NAMA SEKOLAH/KONTRAKTOR	KOS KONTRAK (RM Juta)	BAYARAN		BAKI	
		(RM Juta)	%	(RM Juta)	%
SMK Agaseh, Lahad Datu	26.66	26.35	98.8	0.31	1.2
SMK Pulau Gaya, Kota Kinabalu	22.99	22.34	97.2	0.65	2.8
SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang	20.89	20.71	99.1	0.18	0.9
JUMLAH	**70.54**	**69.40**	**98.4**	**1.14**	**1.6**

Sumber: Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset, Kementerian Pendidikan

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian fizikal dan kewangan adalah baik.

21.5.3. Kualiti Kerja

Kontraktor hendaklah melaksanakan kerja pemasangan dan membekal bahan yang berkualiti supaya binaan yang dilaksanakan kukuh, tahan lama serta kemas dan boleh diduduki/digunakan dengan selesa selaras dengan kehendak kontrak. Secara umumnya, kesemua 83 lokasi pembaikan telah dilawati oleh pihak Audit pada 16 hingga 18 Ogos 2016 dan sebanyak 19 lokasi (22.9%) didapati mempunyai kelemahan dalam kualiti kerja pembaikan. Ianya melibatkan tujuh daripada 31 lokasi (22.6%) di SMK Agaseh, Lahad Datu; empat daripada 19 lokasi (21.1%) di SMK Pulau Gaya, Kota Kinabalu dan lapan daripada 33 lokasi (24.2%) di SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang.

21.5.3.1. Kebocoran/Keretakan Pada Struktur/Permukaan Bangunan/Binaan

Pemeriksaan fizikal Audit mendapati pembaikan bagi naik taraf bangunan sekolah yang dilakukan telah mengalami kebocoran atau keretakan walaupun baru dibaiki dalam tempoh 12 hingga 17 bulan. Kesemua projek ini masih di bawah tanggungan kecacatan sehingga 31 Mac 2017 bagi SMK Datuk Peter Mojuntin, 24 Jun 2017 bagi SMK Agaseh dan 24 Ogos 2017 bagi SMK Pulau Gaya. Kecacatan kerja pembaikan yang perlu diambil tindakan segera adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 21.5
KEBOCORAN/KERETAKAN PADA STRUKTUR/PERMUKAAN BANGUNAN/BINAAN

SEKOLAH	LOKASI	PERIHAL	TEMPOH *
SMK Agaseh	Blok F	Lapisan permukaan lepaan simen pada tiang telah pecah. **(Gambar 21.1)**	14 bulan
	Blok B (Hadapan Bilik KB Sains Matematik & Sosial)	Siling konkrit berlumut kesan dari air penyaman udara di bahagian atas. **(Gambar 21.2)**	
	Dewan Sri Budiman	Terdapat kesan resapan air pada siling akibat daripada kebocoran saluran air hujan. **(Gambar 21.3)**	
SMK Pulau Gaya	Blok G (Berhadapan Pusat Sumber)	Kesan tompokan air pada siling akibat kebocoran daripada bahagian bumbung. **(Gambar 21.4)**	12 bulan

SEKOLAH	LOKASI	PERIHAL	TEMPOH *
SMK Datuk Peter Mojuntin	Blok Akademik	Keretakan pada kemasan lepaan simen dinding *parapet*. **(Gambar 21.5)**	17 bulan
	Banglo Guru	Keretakan yang serius pada tiang yang telah dibuat pembaikan. **(Gambar 21.6)**	
	Tingkat 2 – Kelas 2B	Pembaikan keretakan permukaan lantai konkrit tidak sempurna dan masih terdapat keretakan. **(Gambar 21.7)**	
	Blok Akademik	Terdapat kesan resapan air pada bahagian siling. **(Gambar 21.8)**	

Sumber: **Jabatan Audit Negara**
Nota: **(*) - Antara Tarikh Perakuan Siap Kerja dan Lawatan Audit**

GAMBAR 21.1



Blok F, SMK Agaseh, Lahad Datu, Sabah
- Lapisan Permukaan Lepaan Simen Pada Tiang Telah Pecah
(18.08.2016)

GAMBAR 21.2



Blok B (Hadapan Bilik KB Sains Matematik & Sains Sosial), SMK Agaseh, Lahad Datu, Sabah
- Siling Konkrit Berlumut Kesan Dari Air Penyaman Udara di Bahagian Atas
(18.08.2016)

GAMBAR 21.3



Dewan Sri Budiman, SMK Agaseh, Lahad Datu, Sabah
- Terdapat Kesan Resapan Air Pada Siling Akibat Daripada Kebocoran Saluran Air Hujan
(18.08.2016)

GAMBAR 21.4



Blok G (Berhadapan Pusat Sumber), SMK Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Kesan Tompokan Air Pada Siling Akibat Kebocoran Daripada Bahagian Bumbung
(16.08.2016)

GAMBAR 21.5



Blok Akademik, SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang, Sabah
- Keretakan Pada Kemasan Lepaan Simen Dinding *Parapet*
(17.08.2016)

GAMBAR 21.6




Banglo Guru, SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang, Sabah
- Keretakan yang Serius Pada Tiang yang Telah Dibuat Pembaikan
(17.08.2016)

GAMBAR 21.7



**Tingkat 2 - Kelas 2B,
SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang, Sabah
- Pembaikan Keretakan Permukaan Lantai Konkrit Tidak Sempurna dan Masih Terdapat Keretakan
(17.08.2016)**

GAMBAR 21.8



**Blok Akademik, SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang, Sabah
- Terdapat Kesan Resapan Air Pada Bahagian Siling
(17.08.2016)**

21.5.3.2. Pengaratan dan Pereputan Pada Bahan yang Digunakan

Pemeriksaan Audit terhadap kerja naik taraf yang telah dijalankan mendapati jeriji tingkap dan *handrail* besi pada keseluruhan bahagian tangga telah berkarat dan cat mengelupas. Selain itu, terdapat juga penggantian pintu dan bahan binaan berasaskan kayu telah reput dan patah. Semua kerja ini baru dibaiki dalam tempoh antara 12 hingga 17 bulan. Kesemua projek ini masih di dalam tempoh tanggungan kecacatan. Kecacatan kerja pembaikan yang perlu diambil tindakan segera adalah seperti jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 21.6
PENGARATAN DAN PEREPUTAN PADA BAHAN YANG DIGUNAKAN**

SEKOLAH	LOKASI	PERIHAL	TEMPOH *
SMK Agaseh	Semua Blok Akademik	*Handrail* besi pada keseluruhan bahagian tangga berkarat dan cat mengelupas. **(Gambar 21.9)**	14 bulan
SMK Pulau Gaya	Blok F	Jeriji tingkap telah berkarat. **(Gambar 21.10)**	12 bulan
	Laluan Berbumbung ke Makmal	*Cross bracing* kayu pada tiang asas didapati telah reput dan patah. **(Gambar 21.11)**	12 bulan
SMK Datuk Peter Mojuntin	Tandas	Bingkai kayu pintu tandas yang reput tidak diganti. **(Gambar 21.12)**	17 bulan

Sumber: **Jabatan Audit Negara**
Nota: **(*) - Antara Tarikh Perakuan Siap Kerja dan Lawatan Audit**

GAMBAR 21.9




**Semua Blok Akademik, SMK Agaseh, Lahad Datu, Sabah
- *Handrail* Besi Pada Keseluruhan Bahagian Tangga Berkarat dan Cat Mengelupas
(18.08.2016)**

GAMBAR 21.10




**Blok F, SMK Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Jeriji Tingkap Telah Berkarat
(16.08.2016)**

GAMBAR 21.11



Laluan Berbumbung Ke Makmal SMK Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- *Cross Bracing* Kayu Pada Tiang Asas Didapati Telah Reput dan Patah
(16.08.2016)

GAMBAR 21.12



Tandas, SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang, Sabah
- Bingkai Kayu Pintu Tandas yang Reput Tidak Diganti
(17.08.2016)

21.5.3.3. Kualiti Kerja Pembaikan Tidak Kemas

Pemeriksaan Audit terhadap kerja pembaikan yang telah dijalankan mendapati kerja penyambungan saluran paip, pemasangan jubin dan siling serta item lain seperti di **Jadual 21.7** adalah tidak kemas. Keadaan ini menyebabkan ianya tertanggal, bocor dan mencacatkan pemandangan.

JADUAL 21.7
KUALITI KERJA PEMBAIKAN TIDAK KEMAS

SEKOLAH	LOKASI	PERIHAL
SMK Agaseh	Laluan Berbumbung	Lebihan kerangka besi pada laluan berbumbung yang terjulur keluar mencacatkan pemandangan. **(Gambar 21.13)**
	Blok Akademik (Luar Bangunan)	Kotak pembumian telah tertutup dan tidak kelihatan di kawasan sekitarnya seperti di dalam bulatan. **(Gambar 21.14)**
SMK Pulau Gaya	Blok D	Sambungan saluran paip air hujan telah tertanggal. **(Gambar 21.15)**
	Laluan Berbumbung ke Makmal	Tiada *bracing* kayu dipasang pada struktur tiang asas laluan berbumbung. **(Gambar 21.16)**
	Laluan Berbumbung	Kerja tidak kemas kerana terdapat paku besi yang terjulur keluar pada bahagian dalam kerangka bumbung kayu. **(Gambar 21.17)**
SMK Datuk Peter Mojuntin	Blok Akademik	Jubin lantai yang rosak hanya diganti dengan lepaan simen. **(Gambar 21.18)**


Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 21.13



Laluan Berbumbung, SMK Agaseh, Lahad Datu, Sabah
- Lebihan Kerangka Besi yang Terjulur Keluar Mencacatkan Pemandangan
(17.08.2016)

GAMBAR 21.14



Blok Akademik (Luar Bangunan), SMK Agaseh, Lahad Datu,Sabah
- Kotak Pembumian Telah Tertutup dan Tidak Kelihatan di Kawasan Sekitarnya Seperti di Dalam Bulatan
(18.08.2016)

GAMBAR 21.15



**Blok D, SMK Pulau Gaya,
Kota Kinabalu, Sabah
- Sambungan Saluran Paip Air Hujan
Telah Tertanggal
(16.08.2016)**

GAMBAR 21.16



**Laluan Berbumbung Ke Makmal,
SMK Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Tiada '*Bracing*' Kayu Dipasang Pada Struktur
Tiang Asas Laluan Berbumbung
(16.08.2016)**

GAMBAR 21.17



**Laluan Berbumbung, SMK Pulau Gaya,
Kota Kinabalu, Sabah
- Kerja Tidak Kemas Kerana Terdapat Paku Besi yang
Terjulur Keluar Pada Bahagian Dalam Kerangka
Bumbung Kayu di Laluan Berbumbung
(16.08.2016)**

GAMBAR 21.18



**Blok Akademik, SMK Datuk Peter Mojuntin,
Penampang, Sabah
- Jubin Lantai yang Rosak Hanya Diganti
Dengan Lepaan Simen
(17.08.2016)**

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 21 April 2017

Kementerian sentiasa memastikan segala Perakuan Siap Kerja (CPC) atau Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) hendaklah diperakukan oleh kontraktor dan perunding serta disokong oleh sekolah/PPD/JPN.

Projek ini masih lagi berada dalam tempoh tanggungan kecacatan. Oleh itu Kementerian dan JPN akan memastikan semua kecacatan dibaiki dengan kualiti yang memuaskan oleh kontraktor. CMGD akan diberikan selepas kerja pembaikan kecacatan siap sepenuhnya. Tujuannya untuk memastikan bahawa semua kerja kecacatan dilaksanakan mengikut spesifikasi kontrak dan amalan terbaik kejuruteraan.

Kementerian telah mengeluarkan surat arahan membaiki kecacatan kepada pihak kontraktor dan perunding untuk dilaksanakan dalam tempoh dua minggu. Semakan akhir kepada senarai pembaikan kecacatan semasa tempoh tanggungan kecacatan akan dibuat sebelum CMGD dikeluarkan. Kontraktor akan dikenakan tindakan berdasarkan Syarat-syarat Kontrak sekiranya gagal membaiki kecacatan di dalam tempoh tanggungan kecacatan.

21.5.3.4. Kerja Pembaikan Tidak Sempurna

Pemeriksaan Audit di SMK Pulau Gaya, Kota Kinabalu pada 16 Ogos 2016 mendapati kerja pembaikan *handrail* telah dilaksanakan di Blok Tandas. Namun begitu, didapati ruang antara *handrail* dengan dinding blok tandas adalah luas iaitu 762mm. Keadaan ini boleh memberi risiko kepada pelajar/pengguna terjatuh ke dalam air apabila melalui kawasan tersebut. Pemeriksaan Audit di SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang pada 17 Ogos 2016 pula mendapati kerja pembaikan *louver window* telah dilaksanakan di tingkat 2 (Kelas 4C2C). Bagaimanapun, bilah kaca tingkap tidak sepadan (lebih pendek) dengan klip keluli tingkap tersebut. Keadaan ini boleh menyebabkan bilah kaca tingkap tertanggal, jatuh dan pecah apabila tingkap ditutup atau dilanggar pelajar. Gambar berikut menunjukkan keadaan tersebut:

GAMBAR 21.19



Blok Tandas, SMK Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Terdapat Ruang di Antara *Handrail* dan Dinding yang Boleh Membahayakan Pelajar/Jatuh ke Dalam Air
(16.08.2016)

GAMBAR 21.20



Tingkat 2 - Kelas 4C2C, SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang, Sabah
- Saiz Ram Kaca Tingkap Tidak Sepadan Dengan Klip Keluli dan Boleh Menyebabkan Kaca Tingkap Tertanggal, Jatuh dan Pecah
(17.08.2016)

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 21 April 2017

Kementerian akan mewujudkan satu Pasukan Pemeriksaan Audit yang terdiri daripada pasukan teknikal BPPA, Kementerian dan JPN untuk mengenal pasti skop kerja pembaikan yang telah siap dilaksanakan serta membuat semakan terhadap pengesahan tahap keselamatan bangunan yang telah disyorkan oleh perunding.

Pada pendapat Audit, kerja pembaikan kurang berkualiti disebabkan oleh penyeliaan semasa kerja-kerja sedang dijalankan kurang berkesan. Keadaan ini menyebabkan Kerajaan tidak mendapat *value for money* bagi kos yang telah dibelanjakan serta mencacatkan pemandangan. Kerja pembaikan yang tidak sempurna memberi risiko keselamatan pelajar/pengguna. Sekiranya tidak dibaiki dengan segera, Kerajaan perlu menampung kos pembaikan lebih tinggi apabila tempoh tanggungan kecacatan tamat.

21.5.3.5. Kerja Pembaikan Tidak Mengikut *Bills of Quantity*/Piawaian Jabatan Teknik (Jabatan Kerja Raya)

Kerja yang dilaksanakan mesti mengikut spesifikasi yang ditetapkan sebagaimana yang telah dipersetujui di dalam kontrak perjanjian dan *Bills of Quantity*. Selain itu, piawaian yang berkaitan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) hendaklah juga dipatuhi. Kerja yang tidak mengikut spesifikasi boleh mengakibatkan kualiti kerja terjejas, pembaziran, tidak mencapai matlamat pembaikan dan mempunyai risiko keselamatan dan ketidakselesaan kepada pengguna. Pemeriksaan fizikal Audit mendapati kerja pembaikan tidak mengikut *Bills of Quantity* atau piawaian JKR seperti berikut:

JADUAL 21.8
KERJA PEMBAIKAN TIDAK MENGIKUT *BILLS OF QUANTITY/* PIAWAIAN JABATAN TEKNIK (JABATAN KERJA RAYA)

SEKOLAH	LOKASI	KUALITI KERJA	PERIHAL
SMK Agaseh	Blok Pentadbiran (Laluan Koridor)	Tidak Mengikut Piawaian JKR	*Trunking* dan *distribution board* dipasang terus pada dinding. Semua *trunking* perlu dipasang pada *fixing brackets*. **(Gambar 21.21)** JKR *LS1 SECTION* 9.0: *The trunking shall be suspended from the floor slabs or mounted against the wall by mild stell brackets. The mild stell brackets shall be anti-ruct treated,painted with a primer and finished in an orange anamel.*
	Asrama Perempuan (Hadapan Bilik Warden)		Kabel lampu tidak menggunakan pendawaian jenis *conduit*. **(Gambar 21.22)**
SMK Pulau Gaya	Blok D	Tidak Mengikut *Bills of Quantity*	Sistem saluran air hujan tidak dipasang. **(Gambar 21.23)** Nilai di dalam *Bills of Quantity* bagi 71 meter *Gutter* ialah RM4,615 dan 45 meter *Rainwater Down Pipe* ialah RM2,475.
SMK Datuk Peter Mojuntin	Blok Asrama Perempuan	Tidak Mengikut Piawaian JKR	Penyambungan pada *earth electrode* tidak menggunakan kaedah *thermic welding*. Sistem pembumian menggunakan skru. **(Gambar 21.24)** *JKR LS1 SECTION 14.3: All protective conductors shall be of high conductivity copper conductor either stranded or solid, continuous throughout the whole lengths and without joints. In the instance where joints cannot be avoided, then the joints shall be of exothermic welding type.*
	Blok Pentadbiran (Laluan Koridor)		*Copper bridge* tidak dipasang pada beberapa sambungan antara *trunking*. **(Gambar 21.25)** JKR *LS1 SECTION 13.0: All exposed conductive parts and extraneous conductive parts shall be effectively bonded to earth.*
			Trunking dibengkokkan pada sudut 90° berbanding pada sudut 45° seperti yang sepatutnya. *Cable-bending* yang melebihi had yang ditetapkan boleh menyebabkan tekanan ke atas penebat kabel. **(Gambar 21.26)**
	Blok Asrama Perempuan (Bilik Elektrik)		Tiada pelapik getah diletakkan di atas lantai di hadapan papan suis untuk mencegah bahaya renjatan elektrik semasa kerja-kerja penyenggaraan. **(Gambar 21.27)** *Standard electrical installation* specification 2006 perkara 4.37: *The contractor shall supply an insulating rubber mat 6mm thick, 900mm wide, all around the perimeter of the switchboard.*

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 21.21



**Blok Pentadbiran (Laluan Koridor),
SMK Agaseh, Lahad Datu, Sabah
- *Trunking* dan *Distribution Board* Dipasang Terus Pada Dinding. Semua *Trunking* Perlu Dipasang Pada *Fixing Brackets***
(18.08.2016)

GAMBAR 21.22



**Asrama Perempuan
(Hadapan Bilik Warden),
SMK Agaseh, Lahad Datu,Sabah
- Kabel Lampu Tidak Menggunakan Pendawaian Jenis *Conduit***
(18.08.2016)

GAMBAR 21.23



**Blok D, SMK Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Sistem Saluran Air Hujan Tidak Dipasang**
(16.08.2016)

GAMBAR 21.24



**Blok Asrama Perempuan, SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang, Sabah
- Penyambungan Pada *Earth Electrode* Tidak Menggunakan Kaedah *Thermic Welding*. Sistem Pembumian Menggunakan Skru**
(17.08.2016)

GAMBAR 21.25



**Blok Pentadbiran (Laluan Koridor),
SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang, Sabah
- *Copper Bridge* Tidak Dipasang Pada Beberapa Sambungan Antara *Trunking***
(17.08.2016)

GAMBAR 21.26



**Blok Pentadbiran (Laluan Koridor),
SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang, Sabah
- *Trunking* Dibengkokkan Pada Sudut 90° Berbanding Pada Sudut 45° Seperti Sepatutnya. *Cable-Bending* Yang Melebihi Had yang Ditetapkan Boleh Menyebabkan Tekanan ke Atas Penebat Kabel**
(17.08.2016)



GAMBAR 21.27

**Blok Asrama Perempuan (Bilik Elektrik)
SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang, Sabah
- Tiada Pelapik Getah Diletakkan di Atas Lantai di Hadapan Papan Suis Untuk Mencegah Bahaya Renjatan Elektrik Semasa Kerja-kerja Penyenggaraan**
(17.08.2016)

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 21 April 2017

Surat Amaran telah dikeluarkan kepada kontraktor bagi menjawab isu kualiti kerja ini. Kontraktor akan disenaraihitamkan oleh Kementerian sekiranya isu kualiti kerja ini tidak mendapat maklum balas yang sewajarnya daripada kontraktor.

Pada pendapat Audit, kerja yang tidak menepati *Bills of Quantity* yang ditetapkan adalah merupakan satu pelanggaran terhadap syarat kontrak yang boleh merugikan pihak Kerajaan. Kerja yang tidak mengikut piawaian Jabatan Teknik juga boleh menyebabkan kualiti kerja terjejas.

21.5.3.6. Surau yang Masih Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan Telah Dirobohkan dan Dibina Surau Baru Tanpa Akuan Roboh

a. Salah satu skop pembaikan di SMK Datuk Peter Mojuntin ialah pembaikan surau dengan kos berjumlah RM135,735. Antara skop kerja yang dilaksanakan termasuklah pembaikan struktur bangunan yang rosak disebabkan serangan anai-anai dan kulat yang memberi kesan terhadap integriti dan kekuatan struktur kayu surau tersebut. Kerja pembaikan lain termasuklah penggantian dan kerja kemasan semula kepada pintu, tingkap, gril, dinding kayu, lantai kayu, dinding pembahagi dan perabot kayu yang rosak. Penggantian sistem bumbung baru juga telah dilaksanakan disebabkan keadaan bumbung yang bocor dan usang. Skop pembaikan juga melibatkan kerja elektrik dan mekanikal seperti pendawaian semula, penggantian lampu dan kelengkapan elektrik baru, pembaikan sistem perpaipan dan sanitari, pemasangan alat pendingin hawa dan alat pencegah kebakaran. Bagaimanapun, semasa lawatan Audit pada 17 Ogos 2016, didapati surau yang siap dibaiki pada 31 Mac 2015 ini telah dirobohkan untuk tujuan pembinaan surau baru.

GAMBAR 21.28



SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang, Sabah
- Surau Sebelum Dibaiki
(Gambar Dikemukakan oleh Kontraktor)

GAMBAR 21.29



SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang, Sabah
- Surau Selepas Dibaiki
(Gambar Dikemukakan oleh Kontraktor)

GAMBAR 21.30



SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang, Sabah
- Surau Sebelum Dibaiki
(Gambar Dikemukakan oleh Kontraktor)

GAMBAR 21.31



SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang, Sabah
- Surau Selepas Dibaiki
(Gambar Dikemukakan oleh Kontraktor)

GAMBAR 21.32



GAMBAR 21.33



SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang, Sabah
- Surau yang Telah Dirobohkan Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan
(17.08.2016)

b. Semakan lanjut mendapati tiada perakuan syor roboh/pelupusan aset tak alih sebagaimana ketetapan dalam Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2012, Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan Bab G - Pelupusan Aset.

c. Projek pembinaan surau baru ini diluluskan di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri, ICU, JPM dengan kos kontrak RM469,960. Surat Setuju Terima adalah pada 20 Julai 2016 dengan tempoh projek selama 12 minggu iaitu mulai 27 Julai 2016 hingga 18 Oktober 2016. JPN Sabah memaklumkan bahawa surau tersebut telah siap dibina dan digunakan mulai 3 Januari 2017. Permohonan bagi pembinaan projek surau ini telah dikemukakan oleh Pengerusi Surau Nur Hikmah, SMK Datuk Peter Mojuntin kepada YAB Perdana Menteri pada 23 November 2015. Pada tarikh tersebut, projek pembaikan struktur bangunan dan lain-lain kemudahan sekolah termasuk surau masih dalam tempoh tanggungan kecacatan iaitu mulai 1 April 2015 sehingga 31 Mac 2017.

GAMBAR 21.34



GAMBAR 21.35



SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang, Sabah
- Surau Baru yang Telah Siap Dibina
(29.12.2016)
(Sumber: Jabatan Pendidikan Negeri Sabah)

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 21 April 2017

Pihak Kementerian tidak dimaklumkan berkaitan permohonan sekolah kepada JPM bagi membina surau baru. Oleh kerana itu, penyenggaraan surau dilaksanakan Kementerian berdasarkan permohonan sekolah disebabkan faktor keselamatan pelajar yang menggunakan surau tersebut.

Pihak SMK Datuk Peter Mojuntin dimaklumkan oleh pegawai pejabat daerah bahawa peruntukan yang diberikan JPM untuk surau baru (berstruktur konkrit) hanya boleh digunakan bagi tahun semasa dan kontraktor perlu mengambil alih tapak dengan kadar segera. Pihak sekolah terpaksa menerima projek ini kerana jika tidak, projek tersebut akan ditarik balik dan berkemungkinan pihak sekolah tidak mempunyai peluang untuk mendapat surau berstruktur konkrit pada masa akan datang.

Permohonan untuk merobohkan tidak dibuat kerana jika permohonan diluluskan tetapi tiada kepastian peruntukan diberikan, ia akan memberi impak kepada keselamatan murid dan jemaah yang masih perlu untuk menggunakan surau ini bagi aktiviti keagamaan.

Pada pendapat Audit, pembinaan surau baru berjumlah RM469,960 merupakan satu pembaziran kerana pembaikan surau lama berjumlah RM135,735 telah siap dan sedia untuk digunakan. Pembaziran ini dapat dielakkan sekiranya wujud koordinasi yang berkesan antara ICU, JPM dan Kementerian. Selain itu, tatacara pelupusan aset tak alih tidak dilakukan mengikut ketetapan.

21.5.4. Pemantauan Projek

Sistem pemantauan yang mantap dan komprehensif dapat memastikan pengurusan projek pembangunan sekolah diuruskan dengan cekap dan teratur serta siap dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi mencapai objektifnya. Mesyuarat tapak secara berkala sekurang-kurangnya sebulan sekali adalah perlu di antara BPPA, JPN dan kontraktor yang dilantik bagi membincangkan status projek, laporan, bayaran

kemajuan kerja dan masalah berbangkit semasa pelaksanaan projek. Semakan Audit mendapati mesyuarat/lawatan tapak telah diadakan sekurang-kurangnya sebulan sekali sepanjang tempoh projek dilaksanakan dan telah dihadiri oleh wakil BPPA, kontraktor dan wakil JPN/PPD. Hasil mesyuarat/lawatan telah dicatatkan dalam minit mesyuarat. Laporan kemajuan telah disediakan setiap bulan dan dikemukakan kepada Kementerian serta dibincangkan di mesyuarat tapak.

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 21 April 2017

Kementerian sentiasa mengambil langkah penambahbaikan dalam memastikan produk yang dihasilkan oleh kontraktor sempurna mengikut skop dan spesifikasi kontrak. Langkah yang telah diambil ialah mewakilkan kuasa Pegawai Penguasa kepada Pengarah JPN dan di peringkat Kementerian mewujudkan Pasukan Pemeriksa Audit melibatkan Jabatan Teknikal BPPA dan JPN untuk membuat penilaian sebelum projek diserahkan kepada Kerajaan.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dilaksanakan adalah baik berikutan projek telah berjaya disiapkan dalam tempoh kontrak yang ditetapkan. Bagaimanapun, penyeliaan kerja-kerja di tapak kurang berkesan kerana terdapat kualiti kerja/bahan yang tidak sempurna dan perlu pembaikan.

21.6. SYOR AUDIT

Bagi membaiki kelemahan yang dibangkitkan dan seterusnya meningkatkan mutu pengurusan projek pembaikan struktur bangunan dan lain-lain kemudahan, pihak terlibat perlu mempertimbangkan berikut berikut:

21.6.1. Kementerian perlu memastikan semua kerosakan dan kecacatan pembinaan dibaiki segera oleh pihak kontraktor sebelum berakhirnya tempoh tanggungan kecacatan. Sekiranya gagal, pihak kontraktor hendaklah dikenakan denda melalui potongan bon pelaksanaan;

21.6.2. Kementerian perlu memastikan penyeliaan dan pemantauan di tapak projek dilakukan secara berterusan dan berkesan supaya kecacatan/kerosakan yang ketara akibat daripada kerja yang tidak sempurna/tidak berkualiti dapat dielakkan bagi projek akan datang; dan

21.6.3. ICU, JPM hendaklah merujuk kepada Kementerian sebelum meluluskan sebarang projek kepada sekolah bagi mengelakkan pertindihan pelaksanaan projek yang merugikan Kerajaan. Koordinasi yang berkesan antara ICU, JPM dan Kementerian perlu diwujudkan.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

22. PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL TANJUNG PIAI, PONTIAN, JOHOR

22.1 LATAR BELAKANG

22.1.1. Projek pembinaan Sekolah Menengah Vokasional (SMV) Tanjung Piai, Kementerian Pendidikan (Kementerian) telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Pembinaan ini adalah untuk memenuhi keperluan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian dalam mengarusperdanakan aliran vokasional dan kemahiran. Objektif utamanya adalah untuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan dalam jurusan kejuruteraan umum. Sebanyak tiga kursus bakal ditawarkan iaitu Kursus Teknologi Kimpalan, Pemesinan Industri dan Teknologi Automotif.

22.1.2. Projek ini dilaksanakan atas tanah seluas 30 ekar di Kampung Sungai Buntu, Penerok, Pontian, Johor. Kementerian Kewangan (MOF) telah meluluskan perolehan secara tender terhad bagi projek ini. Kontrak ditawarkan kepada Syarikat Struktur Serumpun Sdn. Bhd. (SSSB) dengan kos bernilai RM54.08 juta dan perlu disiapkan dalam tempoh 24 bulan dari tarikh pemilikan tapak pada 30 Mac 2012. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 22.1
BUTIRAN PROJEK

PERKARA	BUTIRAN
Nombor Kontrak	KP/BP/PEM/48/2012
Jenis Tender	Tender Terhad
Kaedah Pelaksanaan	Konvensional (Perunding)
Harga Asal Kontrak	RM54.08 juta
Harga Kontrak Semasa	RM55.01 juta
Tarikh Surat Setuju Terima (SST)	9 Mac 2012
Tarikh Kontrak Ditandatangani	29 November 2012
Tempoh Kontrak	30 Mac 2012 hingga 30 Mac 2014 (2 tahun)
Tarikh Siap Kontrak (Asal)	30 Mac 2014
Tarikh Siap Semasa	30 Ogos 2016
Jumlah Lanjutan Masa (EOT)	4 (884 hari)
Skop Projek	Pembinaan sekolah baru dengan 16 bilik darjah, empat bengkel, dua makmal, satu kantin, satu pejabat, satu kediaman pengetua, satu surau, dua blok asrama yang mengandungi 350 orang pelajar lelaki dan 300 orang pelajar perempuan.

Sumber: Bahagian Pembangunan Pelajaran, Kementerian

22.1.3. Pemilik projek ialah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) manakala Bahagian Pembangunan Pelajaran (BPP) bertindak sebagai agensi

pelaksana dan Pegawai Penguasa. Berdasarkan kaedah pelaksanaan projek secara konvensional, Kementerian telah melantik perunding penyeliaan bagi reka bentuk; sivil dan struktur; mekanikal dan elektrik serta ukur bahan dengan kos berjumlah RM6.69 juta untuk memantau kerja-kerja pembinaan projek seperti jadual berikut:

JADUAL 22.2
PERUNDING REKA BENTUK DAN PENYELIAAN

BIL.	JENIS PENYELIAAN	NAMA SYARIKAT	JENIS BAYARAN		JUMLAH NILAI KONTRAK (a + b = c) (RM Juta)
			YURAN IKHTISAS (a) (RM Juta)	YURAN KAKITANGAN TAPAK (b) (RM Juta)	
1.	Arkitek	M & R Architects Sdn. Bhd.	3.05	0.51	3.56
2.	Sivil dan Struktur	Ihsan Team Consultants Sdn. Bhd.	0.99	0.53	1.52
3.	Mekanikal dan Elektrik	MEC'S Engineers Sdn. Bhd.	0.60	0.16	0.76
4.	Ukur Bahan	Perunding Ukur Bahan RB Sdn. Bhd.	0.85	-	0.85
JUMLAH KESELURUHAN			**5.49**	**1.20**	**6.69**

Sumber: **Kontrak Asal dan Perjanjian Tambahan Perunding**

22.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai pengurusan projek pembinaan SMV Tanjung Piai telah dilaksanakan secara cekap, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan.

22.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan projek dalam tempoh kontrak dan sehingga bulan Februari 2017. Pengauditan ini melibatkan BPTV, BPP, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Negeri (PPD), kontraktor dan perunding. Tumpuan telah diberikan terhadap aspek perancangan dan prestasi projek; pentadbiran kontrak; pematuhan terhadap kontrak dan skop kerja; perolehan aset serta pemantauan projek.

22.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dan menganalisis rekod, dokumen dan kontrak berkaitan dengan projek. Temu bual dan perbincangan juga diadakan bersama pegawai yang terlibat. Pemeriksaan fizikal/lawatan tapak telah dijalankan pada 9 hingga 13 Oktober 2016 untuk menentukan kerja dan bekalan aset telah dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

22.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2016 mendapati pengurusan projek pembinaan SMV Tanjung Piai adalah kurang memuaskan di mana

objektifnya untuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan dalam jurusan kejuruteraan umum belum tercapai. Beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian oleh pihak Kementerian adalah seperti berikut:

i. pembinaan SMV ini masih belum disiapkan sehingga tarikh pengauditan walaupun telah diluluskan sebanyak empat kali lanjutan masa;

ii. sebanyak dua daripada 17 skop asal projek dilaksanakan tidak mengikut rumusan Makmal Pengurusan Nilai;

iii. proses pelantikan perunding dan kontraktor tidak dapat disahkan kerana dokumen berkaitan tidak dikemukakan;

iv. kontrak perjanjian lewat ditandatangani;

v. reka bentuk pembinaan yang kurang sesuai;

vi. kualiti kerja pembinaan kurang memuaskan;

vii. kerja-kerja elektrik tidak mengikut spesifikasi teknikal elektrik seperti yang dinyatakan dalam dokumen kontrak;

viii. kelewatan dalam penentuan peralatan/mesin dan beban elektrik yang diperlukan di bengkel;

ix. ukuran reka bentuk perabot tidak sesuai dan perabot bina dalam dibekalkan tidak mengikut spesifikasi dalam *Bill of Quantities* (BQ) dan Lukisan Meja Tender; dan

x. bayaran terus kepada sub kontraktor melebihi 90% daripada nilai kerja.

Perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 13 Mac 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

22.5.1. Prestasi Projek

22.5.1.1. Pencapaian Fizikal

a. Mengikut syarat kontrak, kontraktor perlu menyiapkan projek ini pada 30 Mac 2014. Namun, SSSB telah diluluskan empat lanjutan masa selama 884 hari iaitu sehingga 30 Ogos 2016. Antara sebab lanjutan masa telah diluluskan adalah kerana kelewatan memasuki tapak, kelewatan Kementerian menentukan peralatan/mesin bengkel, keperluan mematuhi kehendak Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan perubahan skop oleh Kementerian. Butiran Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa [*Extention of Times* (EOT)] yang dikeluarkan kepada kontraktor adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 22.3
PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

NO. EOT	TEMPOH (Bil. Hari)	TARIKH KEMUKA EOT OLEH KONTRAKTOR	TARIKH SIJIL PERAKUAN KELAMBATAN	SEBAB LANJUTAN MASA	PENDAPAT AUDIT
1	01.04.2014 hingga 30.08.2014 (153 hari)	10.09.2013	21.01.2014	Kelewatan memulakan kerja *Site Clearing* kerana kebenaran Majlis Daerah Pontian (MDP) untuk melaksanakan kerja dan masuk tapak hanya diperoleh pada 29 Mei 2012 (Tarikh mula kontrak ialah 30 Mac 2012). Kerja cerucuk untuk bengkel berikutan kelewatan BPTV menentukan jenis peralatan/mesin bengkel yang hendak digunakan. Kelulusan pelan bengkel hanya diperoleh pada 28 Mei 2013 daripada Kementerian. Lukisan dikemukakan kepada kontraktor pada 30 Julai 2013. *Mobilisation* mesin untuk kerja cerucuk bengkel yang diluluskan kerana kerja melantak cerucuk untuk lokasi lain telah siap dijalankan maka mesin perlu dimasukkan semula dan cerucuk perlu dibuat pesanan semula. Reka bentuk struktur IBS untuk bengkel perlu dibuat kerana kelulusan mesin bengkel lewat diperoleh. Keputusan berkenaan reka bentuk arkitektur diberi semasa perbincangan di dalam Mesyuarat Tapak pada 30 Julai 2013. *Casting* dan *delivery* untuk komponen konkrit IBS bengkel kerana setelah reka bentuk IBS diluluskan, pembekal memerlukan tempoh 8 minggu untuk disiapkan dan dihantar ke tapak pembinaan. Perubahan susun atur *trenches* pada pencawang TNB yang dikemukakan oleh wakil TNB pada 22 Mac 2013 dan perlu direka bentuk semula.	Lanjutan masa adalah wajar kerana Borang K (Pemberitahuan Bahawa Tanah Telah Diambil Milik) hanya diterima oleh perunding Arkitek pada 17 April 2012 yang menyebabkan kelewatan kelulusan memulakan kerja diperoleh daripada MDP. Namun, perkara ini boleh dielakkan sekiranya proses pengambilan tanah telah diselesaikan sebelum kontrak pembinaan bermula. Selain itu, kerja cerucuk serta c*asting* dan *delivery* untuk komponen konkrit IBS bagi bengkel ini diperlukan bagi meneruskan projek. Namun, perkara ini boleh dielakkan sekiranya perancangan bagi jenis peralatan/mesin bengkel yang hendak digunakan dan pelan reka bentuk bengkel dilaksanakan dengan baik dan teratur.
2	31.08.2014 hingga 14.01.2015 (137 hari)	21.07.2014	19.11.2014	Penambahan bilik *hose reel* di blok asrama, dewan makan serta blok pentadbiran dan akademik kerana memenuhi kehendak Jabatan Bomba dan Penyelamat. Penambahan bilik *Main Switch Board*, *gutter* dan perubahan bumbung pada pencawang elektrik kerana memenuhi kehendak TNB. Pelaksanaan kerja-kerja di bawah skop Wang Peruntukan Sementara (WPS) bagi perabot makmal, perabot bina dalam, perabot mudah alih, peralatan/mesin bengkel, padang bola, sistem pengumpulan air hujan, landskap dan papan tanda berikutan tambahan kerja yang telah dilaksanakan oleh kontraktor.	Lanjutan masa adalah wajar kerana perubahan ini adalah keperluan tambahan berdasarkan situasi projek yang mana tidak termasuk dalam piawaian sedia ada yang telah ditetapkan oleh agensi tersebut. Selain itu, bekalan dan kerja di bawah skop WPS ini diperlukan untuk melengkapkan peralatan, kemudahan dan infrastruktur SMV.
3	15.01.2015 hingga 29.07.2015 (196 hari)	08.01.2015	20.10.2015	Perubahan/tambahan Pelan Susun Atur dan Pelan Lukisan Elektrikal bagi bangunan bengkel yang dikehendaki oleh pihak BPTV selepas lawatan tapak pada 1 Oktober 2014.	Lanjutan masa adalah wajar kerana bangunan bengkel adalah teras bagi sesebuah SMV.
4	30.07.2015 hingga 30.08.2016 (398 hari)	07.03.2016	18.05.2016	Kerja-kerja menaik taraf keperluan elektrik di blok bengkel serta pelaksanaan pengujian dan pentauliahan dan pemeriksaan tapak oleh Pihak Berkuasa Tempatan.	Lanjutan masa adalah wajar kerana bekalan elektrik di blok bengkel diperlukan untuk meneruskan projek.

Sumber: **Bahagian Pembangunan Pelajaran, Kementerian**
Nota: **BPTV - Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional**
TNB - Tenaga Nasional Berhad
IBS - *Industrial Building System*

b. Semakan Audit mendapati EOT No. 4 berkaitan kerja-kerja menaik taraf keperluan elektrik di blok bengkel dipohon oleh SSSB pada 7 Mac 2016 iaitu lewat selama 222 hari selepas tarikh siap semasa (29 Julai 2015). Perakuan Kerja Tidak Siap/*Certificate of Non-Completion* (CNC) pula hanya dikeluarkan kepada SSSB pada 20 September 2016 iaitu 21 hari selepas tamat tempoh EOT No. 4 pada 30 Ogos 2016. Punca kelewatan EOT dipohon oleh SSSB dan CNC dikeluarkan oleh Kementerian tidak dapat ditentukan oleh pihak Audit. Jumlah denda yang terkumpul sejak 31 Ogos 2016 sehingga 31 Disember 2016 adalah sebanyak RM1.2 juta (123 hari/ RM9,779.56 sehari).

c. Pihak SSSB telah memohon lanjutan masa No. 5 pada 3 Januari 2017 kepada perunding M&R Architect Sdn. Bhd. dan belum mendapat sebarang kelulusan. CNC dikeluarkan setelah Pegawai Penguasa berpendapat bahawa tiada asas atau alasan wajar bagi kelambatan dan lanjutan masa diberikan. Ini membawa maksud, lanjutan masa tidak lagi boleh diluluskan selepas CNC dikeluarkan.

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 13 Mac 2017

Jangkaan bekalan elektrik ke compact-substation oleh TNB adalah pada bulan April 2017. Perunding M&R telah mengemukakan cadangan permohonan Lanjutan Masa No.5 kepada KPM pada 27 Januari 2017. Namun, permohonan lanjutan masa yang diangkat untuk kelulusan perlu mendapat tarikh siap kerja daripada pihak TNB terlebih dahulu.

Pada pendapat Audit, projek ini gagal disiapkan sehingga kini walaupun telah diluluskan lanjutan masa selama 884 hari. Kegagalan ini berpunca daripada pengurusan projek yang tidak cekap dalam menentukan spesifikasi peralatan/mesin dan beban elektrik bengkel.

22.5.1.2. Prestasi Kewangan

a. Kos keseluruhan kontraktor dan perunding berdasarkan kontrak asal dan perjanjian tambahan adalah berjumlah RM60.77 juta. Setakat 31 Disember 2016, prestasi keseluruhan perbelanjaan bagi projek ini adalah berjumlah RM48.55 juta (79.9%). Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 22.4
PRESTASI PERBELANJAAN SETAKAT 31 DISEMBER 2016

BIL.	NAMA KONTRAKTOR/PERUNDING	NILAI KONTRAK (RM Juta)	PERBELANJAAN	
			(RM Juta)	%
1.	Struktur Serumpun Sdn. Bhd.	54.08	43.02	79.5
2.	M&R Architects Sdn. Bhd.	3.56	2.88	80.9
3.	Ihsan Team Consultants Sdn. Bhd.	1.52	1.27	83.5
4.	MEC'S Engineers Sdn. Bhd.	0.76	0.76	100.0
5.	Perunding Ukur Bahan RB Sdn. Bhd.	0.85	0.62	72.9
JUMLAH KESELURUHAN		**60.77**	**48.55**	**79.9**

Sumber: **Sistem Lejar Kontraktor (SLKON), Kontrak Asal dan Perjanjian Tambahan**

b. Setakat 31 Disember 2016, Kementerian telah meluluskan dua Pelarasan Harga Kontrak (PHK) berjumlah RM0.93 juta melibatkan pelarasan bagi tujuh item Wang Peruntukan Sementara (WPS) dan satu Kelulusan Kuantiti Sementara (KKS). Nilai kontrak semasa selepas pelarasan adalah berjumlah RM55.01 juta. Keterangan lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 22.5
MAKLUMAT PELARASAN HARGA KONTRAK

NO. PHK	TARIKH KELULUSAN PHK	BUTIRAN	KETERANGAN	AMAUN PHK (RM)
-	-	Kontrak Asal	Nilai kontrak asal **(a)**	54,083,952
PHK 1	06.08.2015	Pelarasan WPS:		
		WPS 1	Perabot bina dalam	(47,228)
		WPS 2	Lanskap	(8,497)
		WPS 3	Padang bola	(20,221)
		WPS 4	Papan tanda	28,764
		WPS 5	Perabot makmal	(40,240)
		WPS 6	Peralatan/perabot/mesin	(90,722)
		WPS 7	Sistem pengumpulan air hujan	(47,021)
PHK 2	24.08.2016	Kelulusan Kuantiti Sementara (KKS) 1	Pengukuran semula kerja-kerja cerucuk	1,151,670
JUMLAH PELARASAN HARGA (b)				**926,505**
NILAI KONTRAK SEMASA (a + b)				**55,010,457**

Sumber: **Bahagian Pembangunan Pelajaran, Kementerian**

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 13 Mac 2017

Kos projek ini selaras dengan pelarasan harga yang perlu dibuat dan perkara ini boleh dilaksanakan di bawah Perubahan Kerja dan Akaun Muktamad item 16.1.2 di dalam Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya, Edisi Ke-3 2010. Pelarasan harga yang dibuat adalah selaras dengan peruntukan kontrak Klausa 26.7 (Kelulusan Kuantiti Sementara) dan Klausa 24.2 (Wang Peruntukan Sementara).

Pada pendapat Audit, tahap prestasi perbelanjaan bagi projek ini (79.9%) adalah memuaskan. Walaupun terdapat peningkatan kos sebanyak 1.71% (RM0.93 Juta) namun ianya masih tidak melebihi kos projek selepas pengurusan nilai iaitu RM57.9 juta.

22.5.1.3. Pengurusan Nilai

a. Berdasarkan Pekeliling Unit Perancang Ekonomi (UPE) Bil. 3 Tahun 2009, Pengurusan Nilai bertujuan untuk mengenal pasti, menyediakan pilihan dan mengeluarkan komponen dan kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem dan projek tanpa menjejaskan objektif dan fungsi yang ditetapkan. Proses ini melibatkan semua *stakeholder* dan pakar yang berkaitan dengan memberi tumpuan kepada fungsi, kos dan kualiti. Pengurusan Nilai perlu dilaksanakan bagi projek yang bernilai RM50 juta dan ke atas.

b. Makmal Pengurusan Nilai bagi projek ini telah diadakan pada 4 hingga 8 April 2011 yang disertai oleh wakil Kementerian (BPP dan BPTV), UPE dan Jabatan Kerja Raya. Hasil daripada pelaksanaan kajian nilai ini, pengurangan kos yang telah dicapai adalah sejumlah RM19.05 juta (24.8%) iaitu daripada RM76.95 juta kepada RM57.9 juta, yang melibatkan pembinaan bangunan dan kemudahan sejumlah RM41.01 juta, yuran perunding sejumlah RM6.2 juta dan perolehan peralatan sejumlah RM10.69 juta.

c. Semakan Audit terhadap 17 skop asal projek yang telah dianalisis dalam Makmal Pengurusan Nilai ini mendapati dua daripadanya tidak mengikut rumusan makmal yang dipersetujui di mana ianya dibina melebihi keperluan yang dicadangkan. Pembinaan sebenar ini adalah mengikut keperluan dokumen kontrak. Pihak Audit tidak dapat menentukan jumlah kos pembinaan sebenar kerana ia memerlukan kepakaran teknikal berdasarkan lukisan pembinaan dan perincian bahan binaan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 22.6**. Pihak Audit dimaklumkan oleh Kementerian bahawa penambahan ini masih menepati *Ground Floor Area* projek.

JADUAL 22.6
PERBEZAAN ANTARA KEPUTUSAN MAKMAL PENGURUSAN NILAI DENGAN PEMBINAAN SEBENAR

BIL.	SKOP ASAL PROJEK	ANALISIS MAKMAL	SKOP PROJEK BERDASARKAN KEPUTUSAN MAKMAL	PEMBINAAN SEBENAR
1.	Setiap bengkel mempunyai bilik tutorial pembelajaran.	Hanya dua sahaja keperluan bilik tutorial diperlukan dan gunasama untuk setiap kursus.	Penggunaan optimum bilik tutorial dan meningkatkan kapasiti ruang bengkel (aras bumbung) dengan kos penjimatan sebanyak RM32,400.	Tiga bilik tutorial dibina di aras bumbung (lebih sebuah bilik).

BIL.	SKOP ASAL PROJEK	ANALISIS MAKMAL	SKOP PROJEK BERDASARKAN KEPUTUSAN MAKMAL	PEMBINAAN SEBENAR
2.	Menyediakan lima buah makmal.	Makmal digunakan secara gunasama dan memerlukan dua buah makmal dibina.	Penjimatan ruang dan kos sebanyak RM1.23 juta.	Tiga buah makmal sains dibina di blok akademik (lebih sebuah makmal).

Sumber: Laporan Akhir Makmal Pengurusan Nilai, Dokumen Kontrak dan Pemeriksaan Fizikal

Pada pendapat Audit, pembinaan sebenar yang tidak mengikut cadangan Makmal Pengurusan Nilai menyebabkan objektif untuk memastikan setiap projek mencapai tahap nilai yang optimum iaitu *best value for money* adalah tidak dicapai secara menyeluruh.

22.5.2. Pelantikan Perunding dan Kontraktor

Semakan terhadap pengurusan pelantikan perunding dan kontraktor tidak dapat dilakukan oleh pihak Audit kerana Kementerian gagal mengemukakan dokumen-dokumen pelantikan perunding dan kontraktor kerana tidak dapat dikesan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 22.7
PELANTIKAN PERUNDING DAN KONTRAKTOR TIDAK DAPAT DISAHKAN

PERIHAL	DOKUMEN/PERKARA YANG TIDAK DAPAT DISAHKAN
Pelantikan perunding	• Kaedah perolehan perunding yang digunakan (lantikan terus/tender terhad/tender terbuka) • Laporan Jawatankuasa Penilaian Perunding
Pelantikan kontraktor	• Permohonan tender terhad kepada MOF • Surat panggilan tender bertarikh 26 Oktober 2011 • Dokumen tender • Permohonan kepada MOF untuk memuktamadkan tender selepas keputusan Lembaga Perolehan Kementerian dan kelulusan MOF terhadap permohonan tersebut.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada proses tender terhad bagi pelantikan kontraktor dan kaedah pelantikan perkhidmatan perunding bagi projek ini adalah teratur, telus dan sempurna. Pada pendapat Audit, pengurusan dokumen pembinaan tidak diurus dengan cekap dan teratur.

22.5.3. Kontrak Perjanjian Lewat Ditandatangani

Pekeliling Perbendaharaan PK 4 menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh empat bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati kontrak perjanjian bagi SSSB lewat ditandatangani selama 144 hari. Mengikut maklum balas Kementerian, kelewatan persetujuan pelarasan harga dicapai daripada SSSB iaitu pada 24 Julai 2012 serta kelewatan penerimaan lukisan kontrak daripada perunding-perunding iaitu pada 24 September, 1 Oktober dan 2 November 2012 telah melewatkan penyediaan dokumen kontrak ini. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 22.8
KELEWATAN KONTRAK PERJANJIAN DITANDATANGANI

KONTRAKTOR/PERUNDING	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH		TEMPOH KELEWATAN KONTRAK DITANDATANGANI (b – a) (Hari)
		AKHIR KONTRAK SEPATUTNYA DITANDATANGANI (a)	KONTRAK DITANDATANGANI (b)	
Struktur Serumpun Sdn. Bhd	09.03.2012	08.07.2012	29.11.2012	144

Sumber: **Kontrak Perjanjian, Bahagian Pembangunan Pelajaran, Kementerian**

Pada pendapat Audit, kelewatan menandatangani kontrak dalam tempoh yang ditetapkan boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan.

22.5.4. Pengurusan Pembinaan


22.5.4.1. Reka Bentuk Pembinaan yang Kurang Sesuai

Reka bentuk yang sempurna dengan mengambil kira fungsi dan kegunaannya serta ciri-ciri keselamatan akan memberi nilai tambah kepada sesuatu projek yang dilaksanakan. Lawatan Audit ke tapak pembinaan pada 11 Oktober 2016 mendapati reka bentuk pembinaan pintu pagar utama kurang sesuai di mana terdapat ruang kosong/jarak yang luas antara dinding tembok pondok pengawal dan tiang pintu pagar. Keadaan ini membolehkan sesiapa sahaja keluar masuk dengan mudah sepanjang masa yang mewujudkan risiko pencerobohan. Pembinaan adalah mengikut keperluan dokumen kontrak. Keadaan tersebut adalah seperti **Gambar 22.1 dan 22.2**. Pihak Audit dimaklumkan oleh Kementerian bahawa jarak dan ruang yang disediakan adalah untuk kegunaan laluan pelajar masuk ke SMV tanpa perlu membuka pintu pagar utama.

GAMBAR 22.1



GAMBAR 22.2



Pondok Pengawal
- Jarak Antara Dinding Pondok Pengawal dan Tiang Pintu Pagar Utama (1,025mm) Terlalu Luas dan Terbuka (Tiada Penghadang)
(11.10.2016)

22.5.4.2. Kualiti Kerja Pembinaan Kurang Memuaskan

Kualiti kerja merupakan asas yang memberi kesan kepada kualiti projek dan seterusnya menjimatkan kos penyenggaraan dalam jangka masa panjang serta menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna. Kontraktor hendaklah melaksanakan kerja pemasangan dan membekal bahan yang berkualiti supaya binaan yang dilaksanakan kukuh dan tahan lama serta kemas dan boleh

diduduki/digunakan dengan selesa. Lawatan Audit pada 9 hingga 11 Oktober 2016 mendapati kualiti bagi beberapa kerja adalah kurang memuaskan seperti berikut:

a. terdapat keretakan/rekahan pada binaan di lima lokasi seperti jadual dan **Gambar 22.3 hingga 22.13**. Bagaimanapun, pembaikan telahpun dibuat selepas teguran Audit bagi keretakan berlubang pada permukaan lantai konkrit di laluan berbumbung ke kantin dan asrama; lebihan besi tetulang yang tertinggal semasa kerja-kerja konkrit lantai dijalankan di blok asrama lelaki serta kesan lubang pada tapak anak tangga di blok asrama lelaki dan lantai konkrit di Bilik Makmal, Blok Akademik (item 2 hingga 5 Jadual 22.9).

JADUAL 22.9
KUALITI KERJA KURANG MEMUASKAN - KERETAKAN

LOKASI	ITEM	KETERANGAN
Blok Pentadbiran	1.	Keretakan pada cermin tingkap di bilik mesyuarat kecil. **(Gambar 22.3 dan 22.4)**
Laluan Berbumbung	2.	Keretakan dan lubang pada permukaan lantai konkrit, tiang dan rasuk di laluan berbumbung yang menghubungkan antara blok akademik, kantin dan asrama. **(Gambar 22.5, 22.7, 22.9 dan 22.10)**
Blok Asrama Lelaki	3.	Lebihan besi tetulang yang tertinggal semasa kerja-kerja konkrit lantai dijalankan. **(Gambar 22.11)**
	4.	Kesan berlubang pada tapak anak tangga.
Blok Akademik - Bilik Makmal	5.	Kesan lubang pada permukaan lantai konkrit. **(Gambar 22.13)**
Blok Akademik - Bilik Darjah	6.	Keretakan ketara pada permukaan lantai konkrit.

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 22.3



GAMBAR 22.4



Bilik Mesyuarat Kecil, Blok Pentadbiran
- Cermin Tingkap Retak
(09.10.2016)

SEBELUM ***SELEPAS***

GAMBAR 22.5



GAMBAR 22.6



Laluan Berbumbung ke Kantin dan Asrama
- Keretakan Berlubang Pada Permukaan Lantai Konkrit Telah Dibaiki Selepas Teguran Audit
(Lawatan Audit Pada 10.10.2016 dan Maklum Balas Kementerian Bertarikh 06.03.2017)

SEBELUM

GAMBAR 22.7



SELEPAS

GAMBAR 22.8



Laluan Berbumbung ke Kantin Dan Asrama
- Keretakan dan Lubang Pada Permukaan Lantai Konkrit Selebar 2,750mm Telah Dibaiki Selepas Teguran Audit
(Lawatan Audit Pada 10.10.2016 dan Maklum Balas Kementerian Bertarikh 06.03.2017)

GAMBAR 22.9



GAMBAR 22.10



Laluan Berbumbung ke Kantin dan Asrama
- Keretakan Pada Tiang dan Rasuk
(10.10.2016)

SEBELUM

GAMBAR 22.11



Blok Asrama Lelaki
- Lebihan Besi Tetulang yang Tertinggal Semasa Kerja-Kerja Konkrit Lantai Dijalankan
(10.10.2016)

SELEPAS

GAMBAR 22.12



Blok Asrama Lelaki
- Lebihan Besi Tetulang yang Tertinggal Semasa Kerja-Kerja Konkrit Lantai Dijalankan Telah Dibaiki
(Maklum Balas Perunding Bertarikh 10.04.2017)

SEBELUM

GAMBAR 22.13



Bilik Makmal Tingkat 2, Blok Akademik
- Kesan Lubang Pada Lantai Konkrit
(11.10.2016)

SELEPAS

GAMBAR 22.14



Bilik Makmal Tingkat 2, Blok Akademik
- Kesan Lubang Pada Lantai Konkrit Telah Dibaiki
(Maklum Balas Kementerian Bertarikh 06.03.2017)

b. terdapat kebocoran/kesan resapan air pada bahagian bumbung di dua lokasi dan kipas telah berkarat. Bagaimanapun, pembaikan telahpun dibuat selepas teguran Audit bagi kesan kebocoran pada siling di surau (item 1). Butiran lanjut seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 22.10
KUALITI KERJA KURANG MEMUASKAN - KEBOCORAN DAN BERKARAT

LOKASI	ITEM	KETERANGAN
Surau	1.	Kesan resapan air pada siling di bahagian koridor luar disebabkan kebocoran pada bahagian bumbung. Lokasi kebocoran mengena di kawasan bahagian lampu kalimantang yang mana boleh membahayakan keselamatan pengguna. **(Gambar 22.15)**
Blok Asrama Lelaki	2.	Kesan resapan air pada siling di tingkat 4 berpunca daripada kebocoran pada bahagian bumbung. **(Gambar 22.17)**
Blok Pentadbiran – Ruang Terbuka	3.	Kebanyakan kipas telah berkarat. **(Gambar 22.18)**

Sumber: Jabatan Audit Negara

SEBELUM ***SELEPAS***

GAMBAR 22.15



GAMBAR 22.16



Surau
- Kesan Kebocoran Pada Siling di Kedudukan Lampu Telah Dibaiki
(Lawatan Audit Pada 10.10.2016 dan Maklum Balas Perunding Bertarikh 10.04.2017)

GAMBAR 22.17



Tingkat 4, Blok Asrama Lelaki
- Kesan Kebocoran Pada Siling di Bahagian Koridor
(11.10.2016)

GAMBAR 22.18



Blok Pentadbiran (Ruang Terbuka)
- Kebanyakan Kipas di Kawasan Ini Telah Berkarat
(10.10.2016)

22.5.4.3. Kerja-kerja Elektrik Tidak Mengikut Spesifikasi Teknikal Elektrik Dalam Dokumen Kontrak

Kerja-kerja elektrik hendaklah dilaksanakan menepati spesifikasi kontrak dan tahap piawaian yang diterima pakai supaya bangunan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Pemeriksaan Audit

mendapati beberapa kerja elektrik yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam dokumen kontrak antaranya penggunaan bahan yang tidak sesuai dan pemasangan yang tidak sempurna. Keadaan semasa lawatan Audit pada 9 hingga 11 Oktober 2016 adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 22.11
KERJA ELEKTRIK YANG TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI TEKNIKAL ELEKTRIK DALAM DOKUMEN KONTRAK

LOKASI	SPESIFIKASI TEKNIKAL ELEKTRIK DALAM DOKUMEN KONTRAK	PENEMUAN AUDIT
Dewan Makan Asrama - Ruang Dapur Surau - Dalam Siling Blok Pentadbiran - Pusat Sumber Dewan Utama - Laluan Belakang Dewan	*Surface run conduit shall use galvanised type and may run on walls, ceilings and structure stell as may be required.*	Pemasangan konduit daripada jenis PVC yang mana sepatutnya perlu menggunakan konduit daripada jenis besi bergalvani. **(Gambar 22.19 dan 22.20)** Kos pendawaian menggunakan PVC konduit ialah RM50 seunit mengikut harga pasaran semasa yang mana lebih murah berbanding kos menggunakan konduit daripada jenis besi bergalvani iaitu RM60 seunit seperti yang dinyatakan dalam kontrak.
Dewan Makan Asrama - Ruang Dapur Dewan Makan Asrama - Lobi	*Supporting frames or racks shall be of standard angle. Standard channel or specialty support system stell members.*	Paip air diikat menggunakan dawai besi yang mana perlu diikat menggunakan *steel bracket.* **(Gambar 22.21)**
Dewan Makan Asrama - Ruang Dapur Blok Pentadbiran - Bilik Guru	*Do not install piping above switchboards, panel boards, control panels, motor control centres, individual motor controllers, etc.*	Saluran paip air berada di atas konduit elektrik dan *distribution board* yang mana merbahaya jika berlaku kebocoran pada paip air tersebut. **(Gambar 22.22)**
Bengkel Teknologi Kimpalan	*Wall mounted equipment may be directly secured to wall by means of stell bolts. Maintain at least 25mm air space between equipment and supporting wall. Groups or arrays of equipment may be mounted on edequately sized stell angles, channels or bars.*	*Trunking* dan *distribution board* dipasang terus pada dinding yang mana sepatutnya ia perlu dipasang pada *fixing brackets.* **(Gambar 22.23)**
	Earth links shall be used to electrically interconnect joined sections of the cable trunking, cable tray and cable ladder system.The resistance measured between adjacent sections shall not exceed 0.01 Ohms.	*Copper bridge* tidak dipasang pada sambungan antara *trenches* dan *trunking.* **(Gambar 22.24)**
	The shop drawings shall show the general arrangement of equipment, all mechanical and electrical service works and appurtenances. Follow these shop drawings as closely as the actual construction and work described in this and other specification divisions will permit.	Lukisan litar skematik tidak dilekatkan di bahagian dalam pintu papan agihan. Tujuan lukisan skematik ini adalah untuk rujukan kepada pengendali elektrik jika sesuatu litar pintas berlaku.
	Equip the switchroom with the following miscellaneous items: *A. Danger sign.* *B. Artificial respiration (CPR) chart.* *C. Frame up latest approved As-Built schematic wiring diagram (A0 or A1 size) of the switchboards.* *D. 5mm thickness and 1000mm width rubber mat in front and at the back of the entire length of the switchboard.* *E. Approved fire detection and fire fighting apparatus.* *Earthing bar installation along the perimeter of the room connected to the main-earth bed system.*	Ruang di antara *Main Switch Board* (MSB) dan dinding sempit akan menyukarkan kerja-kerja penyenggaraan, tiada papan tanda bahaya, carta CPR, lukisan skematik dan sistem pembumian di sekitar MSB. **(Gambar 22.25)**

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 22.19



GAMBAR 22.20



Dewan Makan Asrama (Ruang Dapur)
- Pemasangan Konduit Daripada Jenis PVC Sepatutnya Daripada Jenis Besi Bergalvani
(09.10.2016)

GAMBAR 22.21



Dewan Makan, Asrama (Ruang Dapur)
- Paip Air Diikat Menggunakan Dawai Besi Sepatutnya Menggunakan *Steel Bracket*
(09.10.2016)

GAMBAR 22.22



Dewan Makan, Asrama (Ruang Dapur)
- Saluran Paip Air Berada di Atas Konduit Elektrik
(09.10.2016)

GAMBAR 22.23



Bengkel Teknologi Kimpalan
- *Trunking* dan *Distribution Board* Dipasang Terus Pada Dinding Sepatutnya Dipasang Pada *Fixing Brackets*
(10.10.2016)

GAMBAR 22.24



Bengkel Teknologi Kimpalan
- *Copper Bridge* Tidak Dipasang Pada Sambungan Antara *Trunking*
(10.10.2016)



GAMBAR 22.25

Bengkel Teknologi Kimpalan
- Ruang di Antara *Main Switch Board* (MSB) dan Dinding Sempit dan Akan Menyukarkan Kerja-Kerja Penyenggaraan. MSB Perlulah Ditempatkan di Kawasan yang Selamat dan Bertutup Untuk Faktor Keselamatan. Selain Itu, Tiada Papan Tanda Bahaya, Carta CPR, Lukisan Skematik, Pelapik Getah dan Sistem Pembumian di Sekitar MSB.
(10.10.2016)

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 13 Mac 2017

Terdapat beberapa kerja-kerja yang telah dibaiki dan ada yang sedang dalam tindakan. Perunding sedang menyediakan jadual kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi kontrak untuk tindakan kontraktor. Kontraktor telah diarahkan oleh perunding agar membuat kerja-kerja pembaikan pada mana-mana bahagian kualiti kerja yang tidak memuaskan dan melaksanakan pembetulan/pembaikan selaras dengan dokumen kontrak bagi kerja-kerja elektrik yang tidak mengikut spesifikasi. Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengikut skop projek seperti yang dinyatakan dalam dokumen kontrak klausa 35.1 (Materials, Goods And Workmanship).

Pada pendapat Audit, sebahagian kerja pembinaan adalah kurang memuaskan kerana kelemahan pemantauan oleh pihak Pegawai Penguasa. Masih terdapat kecacatan dan kerosakan yang ditemui tidak dibaiki.

22.5.5. Pengurusan Peralatan/Mesin Bengkel

22.5.5.1. Kelewatan Penentuan Peralatan/Mesin dan Beban Elektrik yang Diperlukan di Bengkel

a. Kelulusan asal projek ini adalah pembinaan SMV, namun semasa proses reka bentuk dilaksanakan iaitu pada tahun 2011, Kementerian juga telah mengumumkan transformasi SMV untuk dinaik taraf kepada Kolej Vokasional (KV) yang mana kurikulum vokasional dirombak supaya mencapai standard yang memenuhi keperluan pasaran kerja dan pasaran semasa. Sehubungan itu, peralatan/mesin yang hendak digunakan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran adalah berkapasiti industri yang bersesuaian dengan peringkat pengajian diploma.

b. Semakan Audit terhadap dokumen kontrak mendapati reka bentuk asal bagi keperluan beban elektrik yang disediakan oleh perunding MEC'S Engineer Sdn. Bhd. (MESB) adalah memenuhi spesifikasi brif projek yang disediakan oleh BPTV. Brif projek berkenaan tidak disertakan dengan senarai peralatan/mesin yang hendak digunakan. MESB telah memohon pengesahan terhadap senarai peralatan bengkel yang dicadangkan kepada Kementerian pada 16 Oktober 2012 namun tiada maklum balas diberikan. Permohonan bekalan elektrik ke TNB telah dibuat pada 8 November 2012. Susulan daripada lawatan SSSB dan perunding ke SMV Setapak, KV Kajang dan KV Shah Alam pada bulan Januari dan Mac 2013, MESB sekali lagi mengemukakan cadangan senarai peralatan/mesin bengkel untuk pengesahan BPTV pada 2 April 2013. Namun, senarai spesifikasi peralatan/mesin yang disahkan hanya dikeluarkan oleh BPTV pada 28 April 2014 iaitu selepas 391 hari. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 22.12
KELEWATAN PENGESAHAN PERALATAN/MESIN BENGKEL DIBUAT

PERKARA	TARIKH
Permohonan pengesahan senarai peralatan/mesin bengkel yang disediakan oleh MESB	16.10.2012
Lawatan ke SMV Setapak	23.01.2013
Lawatan ke Kolej Vokasional (KV) Kajang dan KV Shah Alam	27.03.2013
Permohonan pengesahan terhadap senarai peralatan/mesin bengkel yang dicadangkan oleh MESB **(a)**	02.04.2013
Senarai spesifikasi peralatan/mesin yang disahkan dikemukakan **(b)**	28.04.2014
TEMPOH PENGESAHAN DIBUAT (b – a) = 391 Hari	

Sumber : Bahagian Pembangunan Pelajaran Serta Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian

c. Berdasarkan senarai spesifikasi tersebut, pihak MESB membuat reka bentuk semula sistem elektrik. Keperluan sebenar beban elektrik berjaya dimuktamadkan selepas *factory acceptance test* dijalankan pada 28 November 2014. Permohonan Kelulusan Perubahan Kerja (KPK) No. 11 dibuat bagi penambahan kerja-kerja menaiktaraf bangunan pencawang TNB dan kerja berkaitan penambahan bebanan elektrik di bengkel. Permohonan baru keperluan beban elektrik adalah pada 26 Mei 2015 iaitu selepas lebih setahun senarai peralatan/mesin disahkan oleh BPTV. Secara keseluruhannya, permohonan baru ini mengambil masa selama dua tahun enam bulan dari tarikh permohonan asal. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 22.13**. Perkara ini menyebabkan salah satu justifikasi lanjutan masa No. 3 dan No. 4 diberikan.

JADUAL 22.13
PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK KEPADA TNB

PERKARA	TARIKH DIPOHON KEPADA TNB	JUMLAH BEBAN DIPOHON (kw) / (Amp)
Permohonan Asal	08.11.2012	510.45 / 866.81
Permohonan Baru	26.05.2015	1,362.75 / 2,140.20
PERBEZAAN		**852.30 / 1,273.39**

Sumber: Bahagian Pembangunan Pendidikan, Kementerian

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 13 Mac 2017

Senarai peralatan yang diterima oleh BPTV pada 2 April 2013 tersebut adalah tidak lengkap. Senarai dan spesifikasi peralatan yang disertakan lengkap dengan jenama dan model diterima semula pada 3 Disember 2013. Senarai tersebut perlu dinilai oleh Jawatankuasa Teknikal yang dilantik BPTV. Selepas Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal mengesahkan senarai peralatan berkenaan, BPTV mengemukakan surat pengesahan senarai peralatan kepada MESB pada 6 Mac 2014 dengan kos keseluruhan peralatan/mesin berjumlah RM4.2 juta dan seterusnya mengemukakan jadual spesifikasi peralatan yang lengkap kepada MESB pada 28 April 2014.

Pada pendapat Audit, perancangan bagi keperluan peralatan/mesin oleh BPTV dan beban elektrik bengkel oleh MESB adalah lemah kerana mengambil masa melebihi dua tahun. Kelewatan ini menyebabkan projek tidak dapat disiap dan digunakan sehingga kini.

22.5.6. Pengurusan Perabot

Perabot bina dalam *(built-in)* bagi projek ini telah diluluskan sebagai item WPS pada 6 November 2014 dengan kos berjumlah RM1.5 juta. Tender bagi perolehan ini telah ditawarkan kepada SSSB pada 12 Mac 2014. Semakan Audit terhadap dokumen lukisan dan BQ serta lawatan Audit pada 11 hingga 13 Oktober 2016 terhadap perabot yang telah dibekalkan mendapati:

22.5.6.1. Ukuran Reka Bentuk Perabot Tidak Sesuai Menyebabkan Pembekalan Tidak Mengikut Spesifikasi Asal


a. Reka bentuk dalam BQ bagi meja panjang di kantin adalah kurang sesuai kerana terlalu tinggi (1.5 meter). Justeru itu, tinggi sebenar meja yang dibekalkan ialah 0.78 meter kerana perlu disesuaikan dengan penggunaannya. Selain itu, meja TV di kediaman Pengetua dibekalkan dengan saiz yang lebih pendek kerana ruang bilik tidak mencukupi. Bayaran kemajuan (90%) bagi item-item ini adalah berdasarkan ukuran dalam BQ. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 22.14
REKA BENTUK PERABOT KURANG SESUAI

NAMA/KOD/ LOKASI PERABOT	HARGA SEUNIT (RM)	SPESIFIKASI UKURAN PERABOT (mm)			JUMLAH TELAH BAYAR (RM)
		BQ (a)	SEBENAR DIBEKALKAN (b)	PERBEZAAN (b – a)	
Meja Panjang/ WS6/ Kantin	4,264.00	5400 (L) 1550 (W) 1500 (H) **(Gambar 22.26)**	4810 (L) 1150 (W) 780 (H) **(Gambar 22.27)**	(590) (L) (400) (W) (720) (H)	3,837.60
Meja TV/ TT1/ Kediaman Pengetua	4,550.00	3800 (L) 500 (W) 1040 (H)	2410 (L) 460 (W) 610 (H) **(Gambar 22.28)**	(1390) (L) (40) (W) (430) (H)	4,095.00

Sumber: BQ dan Pemeriksaan Fizikal

GAMBAR 22.26



Kantin
- Ukuran Ketinggian Meja Panjang 1,500mm (4.92 kaki) Dalam Spesifikasi BQ Dari Atas Lantai Seperti yang Digambarkan Adalah Tidak Sesuai (12.10.2016)

GAMBAR 22.27



Kantin
- Ukuran Ketinggian Sebenar Meja Panjang yang Dibekalkan 780mm (2.56 kaki) Dari Atas Lantai Adalah Lebih Sesuai (12.10.2016)



GAMBAR 22.28

Kediaman Pengetua
- Ukuran Panjang Sebenar Meja TV yang Dibekalkan 2,410mm Berbanding yang Sepatutnya 3,800mm Kerana Ruang Tidak Mencukupi
(13.10.2016)

b. Pihak Audit dimaklumkan oleh Kementerian bahawa reka bentuk tersebut disesuaikan mengikut keperluan di samping kelulusan lukisan perabot yang diperolehi daripada pihak BPTV. Pihak arkitek telah membuat semakan dan melaksanakan perubahan hasil daripada beberapa siri perbincangan dan mesyuarat bagi mengubah saiz perabot yang telah dibekalkan.

22.5.6.2. Perabot Bina Dalam Dibekalkan Tidak Mengikut Spesifikasi Dalam *Bill of Quantities* (BQ) dan Lukisan Meja Tender (LMT)

a. Sebanyak lima item perabot dengan kuantiti sebanyak sembilan unit bernilai RM38,337 dibekalkan tidak mengikut spesifikasi ukuran yang ditetapkan dalam BQ dan LMT yang dikemukakan semasa lawatan Audit. Ukuran sebenar perabot adalah kurang daripada yang ditetapkan. Bayaran kemajuan telah dibuat berdasarkan spesifikasi dalam BQ berjumlah RM34,503.30 (90%). Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 22.15
PERABOT DIBEKALKAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI DALAM BQ/LMT

BIL.	NAMA/KOD/ LOKASI PERABOT	KOS SEUNIT (RM)/ KUANTITI (Unit)/ JUMLAH KOS (RM)	JUMLAH TELAH DIBAYAR MENGIKUT BQ (RM)*	SPESIFIKASI UKURAN PERABOT (mm)				
				PERKARA	BQ	LMT (a)	SEBENAR DIBEKALKAN (b)	PERBEZAAN (b – a)
1.	Kabinet Dapur/ KC1/ Kediaman Pengetua – Dapur	5,265.00/ 3/ 15,795.00	14,215.50	Tinggi kabinet bawah	TM	650	530 **(Gambar 22.29)**	(120)
				Panjang kabinet 1	4050	3520	2560 **(Gambar 22.29)**	(960)
				Panjang kabinet 2	TM	2320	2180	(140)
				Panjang kabinet 3	TM	2110	1290	(820)
2.	Kabinet / YT1/ Kediaman Pengetua – *Yard*	1,950.00/ 1/ 1,950.00	1,755.00	Panjang dan tinggi kabinet	3800 (L) 900 (H)	TM	2260 (L) 540 (H) **(Gambar 22.30)**	(1540) (L) (360) (H) (Perbezaan dengan BQ)
3.	Kabinet Dapur/ KC4/ Kantin – Ruang Basuh	5,460.00/ 2/ 10,920.00	9,828.00	Tinggi kabinet bawah	TM	600	530 **(Gambar 22.31)**	(70)

BIL.	NAMA/KOD/ LOKASI PERABOT	KOS SEUNIT (RM)/ KUANTITI (Unit)/ JUMLAH KOS (RM)	JUMLAH TELAH DIBAYAR MENGIKUT BQ (RM)*	SPESIFIKASI UKURAN PERABOT (mm)				
				PERKARA	BQ	LMT (a)	SEBENAR DIBEKALKAN (b)	PERBEZAAN (b – a)
4.	Kabinet Dapur/ KC5/ Kantin – Ruang Penyediaan	3,900.00/ 2/ 7,800.00	7,020.00	Tinggi kabinet	700	600	530 **(Gambar 22.32)**	(70)
5.	Kabinet Dapur/ KC5a/ Kantin – Ruang Penyediaan	1,872.00/ 1/ 1,872.00	1,684.80					
JUMLAH		**38,337.00**	**34,503.30**					


Sumber: **BQ Pada Baucar Bayaran, Lukisan Meja Tender Perabot dan Pemeriksaan Fizikal Audit**
Nota: **(*) - Bayaran Sehingga Interim No.27**
(L) - *Length*
(W) - *Width*
(H) - *Height*
TM - Tiada Maklumat (BQ Menyatakan Ukuran Tertinggi Sahaja)

GAMBAR 22.29



Kediaman Pengetua (Dapur)
- Panjang Keseluruhan Kabinet 1 Adalah 2,560mm (1,360mm + 1,200mm) Berbanding yang Sepatutnya 3,520mm dan Ketinggian Kabinet Adalah 530mm Berbanding yang Sepatutnya 650mm
(12.10.2016)

GAMBAR 22.30



Kediaman Pengetua (Yard)
- Panjang Kabinet YT1 Adalah 2,260mm Tidak Seperti yang Dinyatakan Dalam BQ laitu 3,800mm
(12.10.2016)

GAMBAR 22.31



Kantin (Ruang Basuh)
- Ketinggian Sebenar Kabinet Bawah Bagi Kod KC4 Adalah 530mm Berbanding yang Sepatutnya 600mm
(13.10.2016)

GAMBAR 22.32



Kantin (Ruang Penyediaan)
- Ketinggian Sebenar Kabinet Bawah bagi Kod KC5 dan KC5a Adalah 530mm Berbanding yang Sepatutnya 600mm
(13.10.2016)

b. Pembekalan kabinet dapur di kediaman pengetua (Perenggan 22.5.6.2.a. Item 1 **Jadual 22.15** adalah berkaitan) yang tidak mengikut spesifikasi ini didapati berlaku kerana *counter top* (*U-shape*) bagi kabinet dapur tersebut

dibina tidak mengikut spesifikasi yang dinyatakan dalam lukisan pembinaan. Ukuran sebenar binaan adalah kurang daripada yang ditetapkan. Justeru itu, pihak pembekal perabot tiada pilihan lain kerana struktur konkrit telah siap dan terpaksa mengubah ukuran saiz pada perabot yang ingin dibekalkan kepada saiz yang boleh dibekalkan pada tapak *(suite to site condition).* Butiran lanjut berkenaan pembinaan *counter top* tersebut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 22.16
***COUNTER TOP* KABINET DAPUR DIBINA**
TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI LUKISAN PEMBINAAN

BIL.	PERKARA	KOS SEUNIT (RM)	SPESIFIKASI UKURAN (mm)		
			LUKISAN PEMBINAAN (a)	SEBENAR DIBINA (b)	PERBEZAAN (b – a)
1.	Panjang *Counter Top* 1	204.00	4,050	3,500 **(Gambar 22.33)**	(550)
2.	Panjang *Counter Top* 2	204.00	2,250	2,180	(70)
3.	Panjang *Counter Top* 3	204.00	2,630	2,060 **(Gambar 22.34)**	(570)
JUMLAH		**612.00**			

Sumber: Lukisan Pembinaan dan Pemeriksaan Fizikal Audit

GAMBAR 22.33



Kediaman Pengetua (Dapur)
- Panjang *Counter Top* 1 Adalah 3,500mm Berbanding yang Sepatutnya 4,050mm
(13.10.2016)

GAMBAR 22.34



Kediaman Pengetua (Dapur)
- Panjang *Counter Top* 3 Adalah 2,060mm Berbanding yang Sepatutnya 2,630mm
(13.10.2016)

Pada pendapat Audit, pembekalan perabot yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam BQ adalah merugikan Kerajaan kerana tidak mendapat *best value for money* bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.

22.5.7. Pengurusan Bayaran

22.5.7.1. Bayaran Terus Kepada Sub Kontraktor Melebihi 90% Daripada Nilai Kerja

a. Perenggan 4 Pekeliling Perbendaharaan PK 4 menetapkan bahawa bayaran kemajuan boleh dibuat terus kepada sub kontraktor sehingga 90% daripada nilai kerja sub kontraktor berkenaan manakala baki sebanyak 10% lagi hendaklah dibayar kepada kontraktor utama selepas Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan.

b. Berdasarkan Surat Ikatan Serah Hak (*Deed of Assignment*) yang ditandatangani pada 30 November 2012, pihak Audit mendapati SSSB telah melantik sub kontraktor Latitude Resources Sdn. Bhd. bagi membekal bahan-bahan binaan dengan nilai kerja berjumlah RM3.5 juta. Semakan lanjut terhadap bayaran terus kepada sub kontraktor ini mendapati bayaran terkumpul kepada sub kontraktor tersebut berjumlah RM3.33 juta (95.1%) daripada nilai kerja. Projek ini belum dikeluarkan CPC dan bayaran yang layak diterima hanyalah berjumlah RM3.15 juta (90%). Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 22.17
BAYARAN TERUS KEPADA SUB KONTRAKTOR

BIL.	NO./TARIKH BAUCAR BAYARAN	NO. BAYARAN INTERIM	JUMLAH (RM Juta)
1.	B9414 / 27.12.2012	2	1.09
2.	B2096 / 18.04.2013	3	0.14
3.	B1468 / 27.03.2013	4	0.84
4.	B3948 / 26.07.2013	7	0.56
5.	B4315 / 28.08.2013	8	0.33
6.	B5527 / 22.11.2013	11	0.37
JUMLAH BAYARAN (a) (RM)			**3.33**
NILAI KERJA (RM)			**3.50**
90% NILAI KERJA (b) (RM)			**3.15**
LEBIHAN BAYARAN (a - b) (RM)			**0.18**

Sumber: Baucar Bayaran, Bahagian Pembangunan Pelajaran, Kementerian

c. Pihak Audit dimaklumkan oleh Kementerian bahawa pembayaran kepada Sub Kontraktor melalui *Deed of Assignment* (DOA) adalah dibuat melalui peruntukan dan terma-terma yang telah ditandatangani bersama di antara kontraktor dan sub kontraktor berkenaan yang menggunakan format yang diluluskan oleh Kerajaan dan dimajukan oleh Kementerian kepada kontraktor untuk dimeterai dan diguna pakai. Klausa 6 dalam perjanjian tersebut menyatakan - *The amount to be paid to the Assignee in each interim payment shall be ascertained based on claims certified by the Asssignor or his authorized representative and submitted by the representative not later than 3 days before the date of interim valuation*. Klausa ini perlu dipatuhi dan diguna pakai oleh ketiga-tiga pihak (Kerajaan, kontraktor utama dan sub-kontraktor) sepenuhnya dan berdasarkan format perjanjian ini, pihak Kerajaan tidak memasukkan had 10% dalam DOA tersebut.

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 13 Mac 2017

Kementerian telah mengambil langkah penambahbaikan untuk mematuhi Perenggan 4 PK 4 tersebut dalam projek seterusnya. Sebagai contoh, DOA antara kontraktor utama dengan sub kontraktor bagi projek SMV Pasir Gudang dan projek SMV Kuala Berang telah mematuhi pekeliling ini.

Pada pendapat Audit, lebihan bayaran kepada sub kontraktor boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan berikutan sub kontraktor masih bertanggungjawab terhadap bahan binaan yang dibekalkan sehingga tamat tempoh tanggungan kecacatan.

22.5.8. Pemantauan Projek

22.5.8.1. Sistem pemantauan yang komprehensif dapat memastikan pengurusan projek pembangunan diuruskan dengan cekap dan teratur serta siap dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi mencapai objektifnya. Mesyuarat tapak secara berkala sekurang-kurangnya sebulan sekali bagi membincangkan status projek, laporan, bayaran kemajuan kerja dan masalah berbangkit semasa pelaksanaan projek adalah perlu. Selain itu, penyelia tapak/wakil kontraktor/ perunding penyeliaan perlu mengadakan pemeriksaan tapak secara berkala bagi menyelia kerja dan mengesahkan tuntutan bayaran kemajuan kerja.

22.5.8.2. Semakan Audit mendapati sepanjang tempoh pembinaan dari tahun 2012 hingga 2016, sebanyak 77 mesyuarat yang dikendalikan oleh perunding arkitek telah diadakan dan telah dihadiri oleh wakil BPP daripada JPN Johor, kontraktor, perunding dan wakil BPTV. Laporan kemajuan telah disediakan setiap bulan oleh perunding dan dikemukakan kepada Kementerian serta dibincangkan di mesyuarat tapak dan diminitkan. Selain itu, Mesyuarat Penyelarasan Item WPS, Mesyuarat Pelarasan Teknikal dan Mesyuarat Penyelarasan Projek Dan Pra *Extension of Time* telah dikendalikan oleh BPP Kementerian dihadiri oleh wakil BPTV, perunding dan kontraktor.

Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 13 Mac 2017

Pihak perunding telah dilantik oleh Kementerian dan adalah menjadi tanggungjawab sepenuhnya perunding mengikut terma SST dan dokumen kontrak untuk memantau dan menasihati Kementerian berkaitan pelaksanaan projek. BPP akan memperkemaskan pemantauan projek serta memastikan mesyuarat tapak dihadiri oleh pegawai BPP/JPN. BPP juga akan memastikan pemeriksaan tapak secara berkala bagi menyelia kerja dan pengesahan tuntutan (pengesyoran dan perakuan amaun tuntutan pada JKR66) yang dilaksanakan oleh pihak perunding dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang telah diwujudkan melalui mesyuarat secara berkala adalah memuaskan. Namun begitu, penyeliaan daripada aspek kualiti kerja adalah kurang berkesan dan kelewatan penentuan peralatan/mesin bengkel menyebabkan projek belum disiapkan.

22.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan seterusnya meningkatkan mutu pengurusan projek pembinaan SMV, pertimbangan terhadap perkara berikut perlu diberikan:

22.6.1. Kementerian hendaklah memastikan pihak Tenaga Nasional Berhad membekalkan elektrik bagi blok bengkel dengan segera supaya projek dapat disiapkan sepenuhnya dan digunakan;

22.6.2. laporan polis hendaklah dibuat jika fail atau dokumen penting didapati hilang dan Kementerian hendaklah memastikan dokumen dikawal serta disimpan dengan selamat;

22.6.3. Kementerian hendaklah memastikan pengurusan kontrak perjanjian dipertingkatkan di mana kontrak ditandatangani dalam tempoh empat bulan selepas surat setuju terima ditandatangani sepertimana ditetapkan dalam peraturan. Peringatan dan teguran hendaklah dikeluarkan kepada perunding dan kontraktor yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan;

22.6.4. Kementerian dan perunding hendaklah memantau kerja kontraktor dengan rapi. Sebarang kecacatan dan kerosakan hendaklah dibaiki oleh kontraktor sebaik sahaja dikenal pasti dan tidak tertakluk kepada pelaksanaan pembaikan dalam tempoh tanggungan kecacatan sahaja;

22.6.5. perunding hendaklah memastikan pelarasan harga dibuat dengan tepat bagi perabot yang tidak mengikut kuantiti dan spesifikasi yang ditetapkan supaya kepentingan Kerajaan terjamin;

22.6.6. Kementerian hendaklah mengambil tindakan punitif ke atas pegawai yang bertanggungjawab menyebabkan berlakunya kelewatan dalam penyiapan projek;

22.6.7. Kementerian hendaklah memantau dengan rapi bayaran terus kepada sub kontraktor agar tidak melebihi 90% daripada nilai kerja selaras dengan peraturan yang ditetapkan; dan

22.6.8. Kementerian hendaklah memastikan perunding yang dilantik adalah yang layak dan berpengalaman bagi mengelakkan berlaku kelemahan reka bentuk pembinaan dan perabot, kelewatan penentuan beban elektrik bengkel serta ketidaksempurnaan kualiti kerja pembinaan.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

23. PROJEK PEMBINAAN SEKOLAH SENI MALAYSIA, KUCHING, SARAWAK

23.1. LATAR BELAKANG

23.1.1. Penubuhan Sekolah Seni Malaysia merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan pendidikan kesenian dengan melahirkan murid berkemahiran dan berbakat tinggi dalam bidang kesenian. Pembinaan Sekolah Seni Malaysia Kuching, Sarawak (SSeM Kuching) adalah untuk menyokong keperluan pelajar aliran seni di Sarawak dan Sabah. Sebelum ini SSeM Kuching menumpang di premis SMK Tun Abang Haji Openg mulai tahun 2007. SSeM Kuching terletak di Lot 7794, Blok 9, Salak Land District dengan keluasan 11.61 hektar dan kira-kira 15 km dari pusat bandaraya Kuching. Pembinaan sekolah ini merangkumi 15 bilik darjah, makmal, blok seni visual, blok seni tari, muzik dan teater, blok pentadbiran, asrama, dewan makan dan bangunan tambahan yang lain. Sekolah ini dilengkapi dengan perabot, perabot makmal dan peralatan muzik.

23.1.2. Keseluruhan kos projek pembinaan SSeM Kuching berjumlah RM81.30 juta. Projek dibahagikan kepada dua fasa. Fasa 1 yang melibatkan kerja tanah berjumlah RM16.30 juta diluluskan melalui pembiayaan *Private Finance Initiative* (PFI) yang ditawarkan kepada Gcorp Engineering Sdn. Bhd. Kerja-kerja tanah telah siap dilaksanakan pada 22 September 2009. Fasa Kedua melibatkan kerja bangunan dengan kos berjumlah RM65 juta telah diserahkan kepada PN Construction Sdn. Bhd. (PN Cons) melalui kaedah tender terhad secara konvensional.

23.1.3. Perancangan dan pemantauan projek diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan (Kementerian) yang diketuai oleh Setiausaha Bahagian dan dibantu oleh pegawai pentadbiran serta pegawai teknikal yang meliputi jurutera, arkitek dan juruukur bahan. Di samping itu, Kementerian telah melantik empat perunding pelbagai disiplin untuk memantau projek yang terdiri daripada Perunding Arkitek, Jurutera Mekanikal dan Elektrik (M&E), Jurutera Awam dan Struktur (C&S) dan Juruukur Bahan (QS). Projek ini telah siap sepenuhnya pada 3 Jun 2016. Sehingga tarikh pengauditan, status projek ini adalah dalam Tempoh Liabiliti Kecacatan yang akan berakhir pada 4 Jun 2017.

23.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai projek pembinaan SSeM Kuching telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

23.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang melibatkan Projek Pembinaan SSeM Kuching Fasa 1 dan 2. Pengauditan meliputi objektif projek, kaedah perolehan, pematuhan kepada syarat kontrak, kualiti binaan dan spesifikasi kerja serta penggunaan kemudahan dan peralatan yang disediakan. Bagi tujuan ini, semakan telah dijalankan di Bahagian Pembangunan Pelajaran, Kementerian; Cawangan Pembangunan, Kementerian Pendidikan Negeri Sarawak; dan SSeM Kuching.

23.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan projek. Lawatan ke tapak projek, pemeriksaan dan temu bual dengan pegawai Kementerian, pegawai SSeM Kuching dan kontraktor juga telah diadakan.

23.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2016 hingga Januari 2017 mendapati SseM Kuching telah siap dan mula beroperasi pada bulan Julai 2016. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang telah dikenal pasti seperti berikut:

i. kerosakan tidak dibaiki dalam tempoh tanggungan kecacatan dan kualiti pembinaan tidak sempurna;

ii. lukisan siap bina belum dikemukakan; dan

iii. peralatan yang diterima belum didaftarkan.

Perkara yang ditemui serta maklum balas Kementerian telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 6 April 2017. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti perenggan-perenggan berikut:

23.5.1. Prestasi Projek

23.5.1.1. Pencapaian Fizikal

a. Pelaksanaan projek ini dibahagikan kepada dua fasa di mana Fasa 1 meliputi kerja tanah manakala Fasa 2 meliputi kerja bangunan. Mengikut

syarat kontrak asal, projek Fasa 1 perlu disiapkan pada 3 Ogos 2009 iaitu dalam tempoh enam bulan daripada tarikh pemilikan tapak pada 4 Februari 2009. Bagi pelaksanaan Fasa 2, projek perlu disiapkan pada 7 Mac 2016 iaitu dalam tempoh 24 bulan daripada tarikh pemilikan tapak pada 7 Mac 2014.

b. Semakan Audit mendapati Fasa 1 yang meliputi kerja tanah tidak dapat disiapkan mengikut jadual di mana satu EOT telah diluluskan selama 50 hari. Mengikut Siji Perakuan Siap Kerja (CPC), projek Fasa 1 telah siap pada 22 September 2009. Fasa 2 yang meliputi kerja bangunan juga tidak dapat disiapkan mengikut jadual di mana satu EOT selama 88 hari telah diluluskan. Projek hanya disiapkan pada 3 Jun 2016.

JADUAL 23.1
PRESTASI PROJEK PEMBINAAN

FASA	TARIKH PROJEK PATUT SIAP	BIL. EOT	TARIKH KONTRAKTOR MOHON EOT	KELULUSAN EOT		PENDAPAT AUDIT
				TEMPOH EOT (Hari)	SEBAB EOT DILULUSKAN	
1 (Kerja Tanah)	03.08.2009	1	15.07.2009	03.08.2009 - 22.09.2009 (50)	Kekurangan bahan binaan di pasaran disebabkan oleh kenaikan harga binaan berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008	Kelulusan EOT adalah tidak wajar kerana kenaikan harga binaan tidak mempunyai kaitan dengan kerja-kerja tanah.
2 (Kerja Bangunan)	07.03.2016	1	23.02.2016	07.03.2016 - 03.06.2016 (88)	Kelewatan kerja-kerja bekalan elektrik oleh pihak Sarawak Energy Berhad	Dibenarkan dalam kontrak dan layak diberikan.

Sumber: Kementerian

Pada pendapat Audit, pencapaian fizikal projek memuaskan. Bagaimanapun, kelulusan EOT bagi Fasa 1 adalah tidak wajar kerana justifikasi yang tidak munasabah.

23.5.1.2. Pencapaian Kewangan

a. Peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan (MOF) bagi projek pembinaan SSeM Kuching pada asalnya berjumlah RM72.89 juta meliputi kerja tanah (Fasa 1) berjumlah RM16.30 juta dan kerja bangunan (Fasa 2) dengan kos RM56.59 juta. Kos perunding bagi Fasa 1 tidak dapat disahkan kerana Surat Setuju Terima (SST) dan perjanjian tidak dikemukakan dan kos perunding bagi Fasa 2 berjumlah RM5.59 juta.

b. Semakan Audit mendapati:

   i. bagi Fasa 1, nilai kontrak asal kerja tanah ialah RM16.30 juta. Sebanyak satu Pelarasan Harga Kontrak (PHK) telah diluluskan yang melibatkan pengurangan Kelulusan Kuantiti Sementara (KKS) berjumlah

RM0.28 juta. Selepas mengambil kira pengurangan yang dibuat dalam PHK, nilai kontrak semasa adalah berjumlah RM16.02 juta.

ii. Bagi Fasa 2 (kerja bangunan) pula, nilai kontrak asal ialah RM56.59 juta. Semakan Audit mendapati lima APK dan tiga Pelarasan Harga Kontrak dengan kos sejumlah RM4.07 juta telah diluluskan. Harga kontrak yang diselaraskan bagi projek Fasa 2 berjumlah RM60.66 juta setelah mengambil kira pelarasan harga kontrak (penambahan) berjumlah RM4.07 juta. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 23.2
SENARAI ARAHAN PERUBAHAN KERJA DAN PELARASAN HARGA KONTRAK BAGI PROJEK FASA 2

BIL.	PERKARA	NILAI (RM)
ARAHAN PERUBAHAN KERJA		
1.	Pertambahan pili bomba	6,380.00
2.	Kerja-kerja tambahan penambakan tanah	468,420.00
3.	Kerja tambahan bagi retikulasi luaran	320,202.69
4.	Penambahan sistem pengesan haba dan *ventilation services*	4,802.00
5.	Pertambahan kerja *box up ceiling*, pertambahan kerja *concrete ramp*, pertambahan *roof awning* dan pertambahan tingkap geriji	222,604.00
JUMLAH		**1,022,408.69**
PELARASAN HARGA KONTRAK		
1.	WPS No. 1 – pelarasan perabot bina dalam, perabot makmal & peralatan muzik KKS No. 1 – pengukuran semula kerja cerucuk Keluar bahan kimia dari WPS *External Works, Site Clearance*	1,450,000.00 1,098,284.90 (3,807.00) (6,250.00)
2.	Pelaksanaan syarat turun naik harga	329,992.86
3.	Penambahan *orchestra stage* dan almari murid	181,120.00
JUMLAH		**3,049,340.76**
JUMLAH APK DAN PHK		**4,071,749.45**

Sumber: Kementerian

iii. Sehingga 31 Disember 2016, sejumlah RM75.95 juta telah dibelanjakan berbanding kos kontrak semasa yang berjumlah RM76.68 juta. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 23.3
PRESTASI PERBELANJAAN PROJEK PEMBINAAN SSeM KUCHING SETAKAT 31 DISEMBER 2016

PROJEK	KOS (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS (%)
Fasa 1	16.02	16.02	100.0
Fasa 2	60.66	59.93	98.8
JUMLAH	**76.68**	**75.95**	**99.0**

Sumber: Kementerian

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati PHK No. 3 iaitu *orchestra stage* dan almari murid bernilai RM181,120 adalah disebabkan kecuaian perunding yang mengenakan hanya satu kuantiti *orchestra stage* sahaja sedangkan

dalam lukisan asal, terdapat 12 kuantiti untuk item berkenaan. Bagi almari murid, keperluan ialah 400 unit, namun hanya 200 unit sahaja yang dimasukkan dalam *Bills of Quantity* (BQ). Kementerian telah mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada perunding ukur bahan dan arkitek. Tambahan kos juga telah tidak diambil kira bagi kiraan yuran perunding.

Pada pendapat Audit, pencapaian kewangan secara umumnya adalah memuaskan kerana pertambahan kos keseluruhan RM4.07 juta (Fasa 2) hanya meliputi 7.19% daripada kos kontrak asal.

23.5.2. Pengurusan Perolehan

23.5.2.1. Pelantikan Kontraktor

a. Surat Niat telah dikeluarkan kepada Gcorp Engineering Sdn. Bhd. pada 6 Disember 2007 bagi membina SSeM Kuching secara rundingan terus. Kontraktor Gcorp Engineering Sdn. Bhd. merupakan kontraktor kelas A yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB). Berdasarkan profil CIDB, projek ini merupakan projek pertama syarikat tersebut. Surat Setuju Terima bagi Fasa 1 (kerja tanah) telah dikeluarkan pada 21 Januari 2009 dengan kos berjumlah RM16.30 juta. Kerja tanah telah dilaksanakan mulai 4 Februari 2009 dan siap pada 22 September 2009.

b. Bagaimanapun, pada 26 November 2010, KPM telah mengemukakan permohonan kepada MOF untuk membatalkan pelantikan syarikat Gcorp Engineering Sdn. Bhd. secara rundingan terus bagi pelaksanaan Fasa 2 (kerja bangunan) kerana lesen PKK kontraktor telah tamat. MOF telah meluluskan permohonan KPM untuk membatalkan pelantikan syarikat tersebut pada 17 Disember 2010. Notis pemberhentian rundingan bagi pelaksanaan fasa 2 (kerja bangunan) kepada kontraktor telah dikeluarkan sebanyak dua kali iaitu pada 28 Februari 2011 dan 24 November 2011.

c. Pada 20 Disember 2013, MOF telah meluluskan pelantikan syarikat PN Construction Sdn. Bhd. melalui tender terhad dengan harga tawaran RM56.59 juta dan tempoh siap kerja selama 24 bulan. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 21 Februari 2014 dengan tarikh milik tapak pada 7 Mac 2014. Kontraktor PN Cons merupakan kontraktor kelas A yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB). Berdasarkan profil CIDB, syarikat ini mempunyai pengalaman dalam industri pembinaan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan pelantikan kontraktor bagi Fasa 1 dan 2 adalah teratur.

23.5.2.2. Pelantikan Perunding

a. Kementerian melantik perunding untuk melaksanakan projek dan memastikan projek disiapkan mengikut jadual. Pelaksanaan skop perkhidmatan perunding hendaklah selaras dengan *Term of Reference* (ToR) yang dinyatakan dalam *Memorandum of Agreement* (MoA). Setiap reka bentuk dan binaan hendaklah mengikut keperluan pengguna, berfungsi dengan baik, selamat, praktikal dan mudah untuk melaksanakan kerja penyenggaraan. Selain itu, perunding juga melaporkan kemajuan kerja dan KPM akan memantau projek yang lewat jadual dan bermasalah berdasarkan laporan tersebut. Semakan Audit mendapati empat perunding pelbagai disiplin telah dilantik bagi projek ini.

b. Pembayaran yang telah dibuat setakat bulan Disember 2016 berjumlah RM6.17 juta seperti dalam **Jadual 23.4**. Bagaimanapun, daripada jumlah tersebut, RM1.02 juta bagi Fasa 1 (Kerja Tanah) dan RM1.15 juta untuk Fasa 2 (kerja bangunan) pada tahun 2009 dan 2010 telah dibuat tanpa surat setuju terima dan perjanjian.

JADUAL 23.4
PERUNDING PROJEK YANG DILANTIK

BIDANG	PERUNDING	KOS PERKHIDMATAN PERUNDING		BAYARAN SEHINGGA DISEMBER 2016		
				FASA 1 (RM Juta)	FASA 2 (RM Juta)	
		FASA 1 (RM Juta)	FASA 2 (RM Juta)		BAYARAN DIBUAT PADA TAHUN 2008 DAN 2009	BAYARAN DIBUAT PADA TAHUN 2015 DAN 2016
Arkitek	Arkitek KM Sdn. Bhd.	TM	2.95	0.13	1.07	2.27
Mekanikal dan Elektrikal	CH Engineering Co	TM	0.61	-	0.08	0.41
Ukur dan Bahan	Kontrak Infobena Sdn. Bhd.	TM	0.95	0.34	-	0.62
Awam dan Struktur	Teguh Runding SAR	TM	1.44	0.55	-	0.70
JUMLAH			**5.95**	**1.02**	**1.15**	**4.00**

Sumber: **Kementerian**
Nota: **TM - Tiada Maklumat**

Pada pendapat Audit, terdapat kelemahan dalam pembayaran kepada perunding pada tempoh tersebut kerana bayaran telah dibuat tanpa surat setuju terima dan perjanjian.

23.5.3. Pentadbiran Kontrak

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 dan 1PP-PK4 berkaitan Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan menetapkan Agensi dikehendaki mengambil perhatian berkenaan pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan. Selain itu, bagi memastikan tatacara perolehan dan pentadbiran kontrak projek Kerajaan dibuat dengan berkesan, pihak JKR Malaysia telah mengeluarkan Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi Ketiga. Semakan Audit mendapati pentadbiran kontrak bagi projek ini adalah kurang memuaskan kerana kontrak lewat ditandatangani, perjanjian dan SST perunding tidak dibuat untuk Fasa 1 (kerja tanah) seperti berikut:

23.5.3.1. Perjanjian Kontrak dan Surat Setuju Terima (SST)

a. Surat Setuju Terima antara lain berkenaan pengesahan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan syarat yang telah ditetapkan dalam dokumen tender, syarat yang telah dipersetujui dalam Surat Niat dan syarat lain yang dipersetujui melalui rundingan sebelumnya. SST hendaklah ditandatangani selepas semua rundingan selesai dan persetujuan dicapai. Perjanjian Kontrak pula hendaklah ditandatangani dalam tempoh empat bulan selepas SST dikeluarkan. Manakala perjanjian perunding hendaklah ditandatangani dengan secepat mungkin selepas SST dikeluarkan. Semakan Audit terhadap pengurusan kontrak dan SST mendapati perjanjian kontrak kepada kontraktor lewat dikeluarkan selama 112 hingga 326 hari seperti dalam **Jadual 23.5**.

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati surat niat telah dikeluarkan kepada perunding pada tahun 2007 dan 2008 dan perunding telah pun dibayar untuk kerja-kerja yang telah dilaksanakan. Bagaimanapun, didapati SST hanya dikeluarkan pada tahun 2014 dan *Memorandum of Agreement* hanya ditandatangani pada tahun 2015. **Pihak Audit tidak dapat menyemak proses pelantikan perunding secara menyeluruh bagi Fasa 1 (kerja tanah) kerana dokumen tidak dikemukakan untuk semakan**. Butiran lanjut adalah seperti dalam jadual berikut:

JADUAL 23.5
PERJANJIAN KONTRAK LEWAT DITANDATANGANI

NAMA KONTRAKTOR /PERUNDING	KONTRAKTOR / PERUNDING	TARIKH SURAT NIAT	TARIKH SST	TARIKH KONTRAK		TEMPOH KELEWATAN (Hari)
				SEPATUT DITANDA TANGANI	SEBENAR DITANDA TANGANI	
Gcorp Engineering Sdn. Bhd	Kontraktor Fasa 1	06.12.2007	21.01.2009	21.05.2009	11.09.2009	112
PN Construction	Kontraktor Fasa 2	-	21.02.2014	21.06.2014	14.05.2015	326
Arkitek KM Sdn. Bhd.	Perunding Arkitek	04.09.2007	31.10.2014	TB	19.05.2015	TB

NAMA KONTRAKTOR /PERUNDING	KONTRAKTOR / PERUNDING	TARIKH SURAT NIAT	TARIKH SST	TARIKH KONTRAK		TEMPOH KELEWATAN (Hari)
				SEPATUT DITANDA TANGANI	SEBENAR DITANDA TANGANI	
CH Engineering Co	Mekanikal dan Elektrikal	17.03.2008	31.10.2014	TB	04.03.2015	TB
Kontrak Infobena Sdn. Bhd.	Ukur dan Bahan	17.03.2008	31.10.2014	TB	28.11.2014	TB
Teguh Runding SAR	Awam dan Struktur	17.03.2008	31.10.2014	TB	17.11.2015	TB

Sumber: **Kementerian**
Nota: **TB - Tidak Berkenaan**

Pada pendapat Audit, kelewatan menandatangani perjanjian kontrak boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan.

23.5.4. Kualiti Pembinaan

Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang diterima pakai supaya bangunan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Antara perkara yang disemak oleh pihak Audit adalah merangkumi lukisan siap bina; kerosakan dalam Tempoh Liabiliti Kecacatan; kemasan kerja pembinaan; penyenggaraan dan langkah-langkah keselamatan. Hasil lawatan Audit pada bulan Disember 2016 dan 19 Januari 2017 mendapati kerja pembinaan tidak dilaksanakan dengan memuaskan seperti berikut:

23.5.4.1. Kerja Tidak Dibaiki Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan

a. Mengikut syarat kontrak, kontraktor/pembekal perlu membaiki apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dalam tempoh tanggungan kecacatan selama 12 bulan daripada tarikh Perakuan Siap Kerja. Manakala dalam Minit Mesyuarat Tempoh Tanggungan Kecacatan Kerja No. 1, Para 2.8 menyatakan semua kecacatan haruslah dibaik pulih dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh aduan. Pihak Perunding/KPM adalah bertanggungjawab untuk memantau kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor/pembekal berkenaan. Tempoh membaiki kecacatan bermula pada 4 Jun 2016 dan tamat pada 4 Jun 2017.

b. Semakan Audit terhadap laporan kecacatan di SSeM Kuching mendapati sebanyak 142 aduan kerosakan telah dilaporkan pada 8 September 2016. Pada bulan Disember 2016 pula, sebanyak 65 aduan kerosakan dilaporkan oleh pihak SSeM Kuching. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati kerosakan dan kecacatan belum dibaiki oleh kontraktor setakat lawatan Audit pada 19 Januari 2017. Contoh kerosakan yang belum dibaiki adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 23.6
CONTOH KEROSAKAN YANG BELUM DIBAIKI SETAKAT 19 JANUARI 2017

BIL.	LOKASI	PERIHAL KEROSAKAN	TARIKH ADUAN
1.	Asrama Lelaki	Pemasangan kabel utama agak terbuka, tidak dibina penutup dan merbahayakan keselamatan pelajar	8 September 2016
2.	Auditorium	Pemasangan lampu terlalu dekat dengan pentas perlu dialihkan ke posisi yang sepatutnya	
3.	Studio Latihan Teater	Lampu dipasang di posisi yang tidak sesuai	
4.	Koridor Belakang Bilik Darjah	Penutup *manhole* tidak dipasang dengan kemas dan tiada besi pemegang pada penutup *manhole*	
5.	Asrama Lelaki	Lampu tandas tingkat bawah tertanggal dan tidak berfungsi	
6.	Asrama Perempuan	Terdapat tompokan air di siling bilik mandi tingkat bawah	
7.	Asrama Lelaki	Hampir keseluruhan lantai bilik asrama lelaki berlompang dan terkopak	8 Disember 2016
8.	Blok Pentadbiran	Laluan di tingkat 1 sering menakung air apabila hujan	
9.	Blok Pentadbiran	Longkang agak dalam dan merbahaya bagi murid-murid	
10.	Asrama	Sistem *booster pump* di blok asrama lelaki dan perempuan belum berfungsi dengan betul	

Sumber: Sekolah Seni Malaysia, Kuching Sarawak

c. Semakan Audit mendapati bahawa sepanjang tempoh projek terdapat 30 kali mesyuarat tapak dalam tempoh 27 bulan tetapi keberkesanan mesyuarat tersebut tidak berkesan kerana segala aduan kecacatan dan kerosakan yang dilaporkan masih belum diambil tindakan sehingga lawatan Audit pada 19 Januari 2017. Implikasi kelewatan membaiki kecacatan dan kerosakan telah menyebabkan ketidakselesaan kepada murid-murid kerana terpaksa berpindah kelas kerana lantai kelas berpasir dan keselamatan pengguna terhadap penggunaan fasiliti tidak terjamin.

Maklum Balas KPM yang Diterima Pada 6 April 2017

Susulan daripada teguran audit pada 8 Mac 2017, surat amaran kepada perunding telah dikeluarkan. Kecacatan yang dinyatakan juga telah selesai.

Pada pendapat Audit, peranan Perunding/Bahagian Pembangunan KPM tidak berkesan dalam memastikan semua kerosakan yang dilaporkan diambil tindakan pembaikan dengan segera sebelum tempoh tanggungan kecacatan tamat.

23.5.4.2. Kerja Lepaan Simen yang Tidak Kemas

Pemeriksaan Audit mendapati kerja lepaan simen yang tidak kemas telah menyebabkan dinding dan lantai retak, merekah dan berlubang di blok asrama; blok akademik; blok seni visual; blok seni tari, muzik dan teater serta dan blok

pentadbiran. Namun selepas teguran Audit, pihak SSeM Kuching telah mengambil tindakan pembetulan. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 23.7
KERJA LEPAAN SIMEN YANG TIDAK KEMAS

BLOK	LOKASI	KEADAAN FIZIKAL/PENEMUAN AUDIT
Asrama	Koridor Asrama Lelaki	Kerja lepaan simen yang tidak kemas dan lantai berlubang
	Asrama Lelaki (*Dorm 7*)	
Akademik	Bilik 5 Seni 1	Kerja lepaan simen yang tidak kemas dan lantai berlubang
	Makmal Komputer	
	Luar Bilik 2 Seni 2	
Seni Visual	Dekat Dengan Padang Perhimpunan	Kerja lepaan simen yang tidak kemas
	Tepi Bangunan	Keretakan di lantai
	Seluruh Kawasan	Kerja lepaan simen yang tidak kemas di longkang dan terdapat paku membahayakan keselamatan pelajar
Pentadbiran	Luar Bilik Guru	Keretakan di tiang
	Laluan Pejalan Kaki Berbumbung	Keretakan di lantai, simen berlubang dan tiang berkarat
Seni Tari, Muzik dan Teater	Seluruh Kawasan	Kerja lepaan simen yang tidak kemas di longkang
	Belakang Blok	Lepaan simen yang tidak kemas

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 23.1



Blok Asrama Lelaki (Dorm 7)
- Kerja Lepaan Simen yang Tidak Kemas dan Berlubang
(29.12.2016)

GAMBAR 23.2



Blok Asrama Lelaki (Dorm 7)
- Telah Dibaiki
(05.04.2017)
Sumber: Kementerian

GAMBAR 23.3



Blok Akademik (Bilik 5 Seni 1)
- Kerja Lepaan Simen yang Tidak Kemas dan Berlubang
(29.12.2016)

GAMBAR 23.4



Blok Akademik (Bilik 5 Seni 1)
- Telah Dibaiki
(05.04.2017)
Sumber: Kementerian

GAMBAR 23.5



Blok Seni Tari, Muzik dan Teater
- Kerja Lepaan Simen yang Tidak Kemas di Longkang
(15.12.2016)

GAMBAR 23.6



Blok Seni Tari, Muzik Dan Teater
- Telah Dibaiki
(05.04.2017)
Sumber: Kementerian

GAMBAR 23.7



Blok Seni Tari, Muzik dan Teater
- Kerja Lepaan Simen yang Tidak Kemas di Longkang
(15.12.2016)

GAMBAR 23.8



Blok Seni Tari, Muzik Dan Teater
- Telah Dibaiki
(05.04.2017)
Sumber: Kementerian

23.5.4.3. Kebocoran/Kesan Resapan Air

Pemeriksaan Audit mendapati kerja pembinaan yang tidak dilaksanakan dengan memuaskan telah menyebabkan berlakunya kebocoran dan kesan resapan air di siling dalam bilik air, di studio latihan dan diluar bilik guru. Namun selepas teguran Audit, pihak SSeM Kuching telah mengambil tindakan pembetulan. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 23.8
KEBOCORAN/KESAN RESAPAN AIR

BLOK	LOKASI	KEADAAN FIZIKAL / PENEMUAN AUDIT
Asrama	Bilik Air Lelaki	Kesan resapan air di siling dan berlumut
	Bilik Air Perempuan	
Pentadbiran	Luar Bilik Guru	Kesan resapan air di siling
Seni Tari, Muzik dan Teater	Studio Latihan Tari 3	Kesan resapan air di siling
Seni Visual	Bilik Air Lelaki Tingkat Bawah	Kesan resapan air di siling dan berlumut
	Bilik Air WanitaTingkat 1	Kesan resapan air di siling disebabkan air limpahan daripada tangki air
	Studio Grafik & Visual	Kesan resapan air di siling menyebabkan lantai rosak dan berdekatan dengan suis lampu

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 23.9



Blok Asrama Lelaki (Bilik Air)
- Kesan Resapan Air di Siling
(01.12.2016)

GAMBAR 23.10



Blok Asrama Lelaki (Bilik Air)
- Telah Dibaiki
(05.04.2017)
Sumber: Kementerian

GAMBAR 23.11



Blok Seni Visual (Bilik Air Lelaki Tingkat Bawah)
- Kesan Resapan Air dan Berlumut
(14.12.2016)

GAMBAR 23.12



Blok Seni Visual (Bilik Air Lelaki Tingkat Bawah)
- Telah Dibaiki
(05.04.2017)
Sumber: Kementerian

GAMBAR 23.13



Blok Seni Visual (Bilik Air Wanita Tingkat 1)
- Kesan Resapan Air
(19.01.2017)

GAMBAR 23.14



Blok Seni Visual (Bilik Air Wanita Tingkat 1)
- Telah Dibaiki
(05.04.2017)
Sumber: Kementerian

23.5.4.4. Kualiti Kerja Pembinaan Tidak Sempurna

Pemeriksaan Audit mendapati terdapat kerja pembinaan lain yang tidak dilaksanakan dengan memuaskan/sempurna. Butiran lanjut kerja pembinaan yang kurang memuaskan/sempurna adalah seperti di jadual dan contoh gambar berikut:

JADUAL 23.9
KERJA PEMBINAAN YANG KURANG MEMUASKAN/SEMPURNA
SETAKAT 19 JANUARI 2017

BLOK	LOKASI	KEADAAN FIZIKAL / PENEMUAN AUDIT
Asrama Lelaki	Tepi Lobi Asrama	Kabel utama elektrik terdedah dan boleh membahayakan warga sekolah
	Bilik M & E	Siling tidak dilepa balik selepas pemasangan *trunking* dan hanya diletakkan bata
	Studio Lukisan	Siling belum ditutup
	Studio Catan	Siling belum ditutup
	Studio Seramik	Satu suis sahaja digunakan untuk pemasangan 8 lampu
	Belakang Bangunan	*Trunking* tertanggal
		Penutup *manhole* tidak dipasang dengan kemas dan tiada besi *hanger* dipasang pada penutup tersebut. Penutup *manhole* hendaklah dipasang sama paras dengan lantai konkrit
Blok Pentadbiran	Luar Bilik Guru	Pengalir perlindungan kilat (cooper tape) tidak dilindungi boleh membahayakan warga sekolah semasa berlakunya panahan kilat
	Studio Latihan Teater	Tiang berkarat dan berlubang
Akademik	Laluan Pejalan Kaki Berbumbung Dekat Kantin	Skru tidak dipasang dengan kemas dan boleh membahayakan orang ramai sekiranya tertanggal dan jatuh
	Kawasan Kantin	Saluran paip air hujan pecah
		Gutter senget kerana tidak dapat menampung air hujan yang banyak daripada tiga saluran paip air hujan

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 23.15



Blok Asrama Lelaki (Lobi Asrama)
- Kabel Utama Elektrik Terdedah
(19.01.2017)

GAMBAR 23.16



Blok Asrama Lelaki (Lobi Asrama)
- Telah Dibaiki
(05.04.2017)
Sumber: Kementerian

GAMBAR 23.17



Blok Asrama Lelaki (Bilik M & E)
- Dinding Tidak Dilepa Balik Selepas Pemasangan *Trunking* dan Hanya Diletakkan Bata
(01.12.2016)

GAMBAR 23.18



Blok Asrama Lelaki (Bilik M & E)
- Telah Dibaiki
(05.04.2017)
Sumber: Kementerian

GAMBAR 23.19



Blok Seni Visual (Studio Lukisan)
- Siling Belum Ditutup di Bilik Proses Gambar
(19.01.2017)

GAMBAR 23.20



Blok Seni Visual (Studio Lukisan)
- Telah Dibaiki
(05.04.2017)
Sumber: Kementerian

GAMBAR 23.21



Blok Seni Visual (Studio Cetakan)
- Siling Belum Ditutup di Bilik Fail
(19.01.2017)

GAMBAR 23.22



Blok Seni Visual (Studio Cetakan)
- Telah Dibaiki
(05.04.2016)
Sumber: Kementerian

GAMBAR 23.23



Blok Seni Visual
- Penutup *Manhole* Tidak Dipasang Dengan Kemas
(19.12.2016)

GAMBAR 23.24



Blok Seni Visual
- Telah Dibaiki
(05.04.2017)
Sumber: Kementerian

GAMBAR 23.25



Blok Pentadbiran
- Pengalir Perlindungan Kilat Tidak Dilindungi
(19.01.2017)

GAMBAR 23.26



Blok Pentadbiran
- Telah Dibaiki
(05.04.2017)
Sumber: Kementerian

GAMBAR 23.27



Blok Seni Tari, Muzik Dan Teater
(Studio Latihan Teater)
- Tiang Berkarat dan Berlubang
(15.12.2016)

GAMBAR 23.28



Blok Seni Tari, Muzik Dan Teater
(Studio Latihan Teater)
- Telah Dibaiki
(05.04.2016)
Sumber: Kementerian

GAMBAR 23.29



Laluan Pejalan Kaki Berbumbung (Kawasan Kantin)
- Skru Tidak Dipasang Kemas
(01.12.2016)

GAMBAR 23.30



Laluan Pejalan Kaki Berbumbung (Kawasan Kantin)
- Telah Dibaiki
(05.04.2016)
Sumber: Kementerian

GAMBAR 23.31




Blok Akademik (Kawasan Kantin)
- Saluran Paip Air Hujan Pecah
(15.12.2016)

GAMBAR 23.32



Blok Akademik (Kawasan Kantin)
- Telah Dibaiki
(05.04.2016)
Sumber: Kementerian

GAMBAR 23.33



Blok Akademik
- *Gutter* Senget DisebabkanTiga Saluran Paip Air Hujan Turun di Tempat yang Sama
(19.01.2017)

GAMBAR 23.34



Blok Akademik
- Telah Dibaiki
(05.04.2016)
Sumber: Kementerian

Maklum Balas KPM yang Telah Diterima Pada 6 April 2017

Kerja pembaikan telah selesai dijalankan.

Pada pendapat Audit, kualiti pembinaan SseM Kuching adalah kurang memuaskan kerana pelaksanan kerja kontraktor yang kurang sempurna dan kelemahan perunding dalam memantau secara terperinci kerja bangunan yang dilaksanakan oleh kontraktor.

23.5.4.5. Lukisan Siap Dibina Lewat Dikemukakan

Lukisan siap bina ialah lukisan bagi pembinaan yang telah siap dilaksanakan secara keseluruhan merangkumi semua sistem perkhidmatan dan fasiliti termasuk dokumen sokongan berkaitan seperti Manual Operasi dan Penyenggaraan serta Sijil Pengujian dan Pentauliahan. Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi Ketiga menetapkan lukisan siap dibina hendaklah dikemas kini sepanjang masa kerja berjalan dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa (PP) secara berperingkat menurut aturan kerja. Satu set lukisan siap dibina mesti diserahkan kepada PP dalam masa satu bulan daripada tarikh pengeluaran Perakuan Siap Kerja untuk rekod dan penyenggaraan kerja itu. Semakan Audit mendapati sehingga tarikh pengauditan pada 19 Januari 2017, tiada bukti dokumen berkaitan diserahkan kepada pengguna walaupun Perakuan Kerja Siap telah dikeluarkan pada 3 Jun 2016.

Pada pendapat Audit, kelewatan atau kegagalan kontraktor mengemukakan Lukisan Siap Bina boleh menyebabkan pengesahan rekod dan kerja sebenar tidak dapat dibuat yang akhirnya menyukarkan kerja-kerja penyenggaraan dilaksanakan bila diperlukan.

23.5.5. Perolehan dan Pengurusan Peralatan

Perolehan peralatan di SSeM Kuching melibatkan dua jenis pembekalan iaitu melalui kontrak pembinaan dan tender bagi *built in furniture, loose furniture*, bahan kimia dan peralatan makmal serta peralatan muzik. Perolehan melalui tender telah diluluskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Perubahan Kerja/Arahan Perubahan Kerja/Kelulusan Kuantiti Sementara/Wang Peruntukan Sementara pada 21 September 2015. Tender telah ditawarkan kepada PN Construction Sdn. Bhd. melalui Wang Peruntukan Sementara berjumlah RM5.95 juta bagi pembelian *built in furniture, loose furniture,* perabot makmal dan peralatan muzik. Butiran lanjut mengenai pembelian tersebut adalah seperti di jadual berikut.

JADUAL 23.10
RINGKASAN PEROLEHAN

BIL.	PERKARA	AMAUN (RM Juta)
1.	*Preliminaries & Generally*	0.15
2.	*Built in & Laboratory Furnitures*	3.15
3.	*Loose Furniture*	1.17
4.	Bahan Kimia & Peralatan	0.09
5.	Peralatan Muzik	1.39
JUMLAH		**5.95**

Sumber: Kementerian

23.5.5.1. Penerimaan Aset

1Pekeliling Perbendaharaan – AM2.2 Tahun 2015 menetapkan Pegawai Penerima Aset ialah pegawai yang diberi tanggungjawab untuk menerima dan mengesahkan aset/inventori yang diperoleh. Antara tanggungjawab Pegawai Penerima adalah untuk memastikan aset/inventori diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti sebenar dan aset diterima berserta surat jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan (jika berkaitan). Bagi aset teknikal, penerimaan dan pemeriksaan hendaklah dilakukan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang memiliki kepakaran dalam bidang-bidang berkaitan. Semakan Audit mendapati pegawai penerima aset telah dilantik sejak menumpang di Sekolah SMK Tun Abang Haji Openg lagi. Pihak Audit dimaklumkan pegawai penerima menerima aset kebanyakannya pada bulan Januari, Mei dan Ogos 2016. Pemeriksaan dibuat terhadap kuantiti aset yang diterima hanya berdasarkan senarai dokumen penyerahan kerana dokumen kontrak tidak dikemukakan kepada pihak sekolah dan salinan dokumen penyerahan tersebut tidak diberi untuk simpanan.

Pada pendapat Audit, Bahagian Pembangunan KPM tidak mengemukakan salinan kontrak kepada pihak sekolah bagi memudahkan pihak sekolah mengenal pasti peralatan yang dibekalkan telah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak.

23.5.5.2. Pendaftaran Aset

1Pekeliling Perbendaharaan – AM2.3 Tahun 2015 menetapkan semua aset/ inventori hendaklah didaftarkan oleh Pegawai Aset di Kementerian/Jabatan/ Pusat Tanggungjawab ke dalam Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Inventori (KEW.PA-3). Selain itu, Senarai Harta Modal (KEW.PA-4) dan Senarai Daftar Inventori (KEW.PA-5) juga perlu diselenggarakan. Setiap aset hendaklah didaftarkan dalam tempoh dua minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan. Pemeriksaan Audit di lima lokasi yang dipilih mendapati kesemua perabot, peralatan makmal dan peralatan muzik baru masih belum didaftarkan dalam

KEW.PA-2 dan KEW.PA-3; KEW.PA-7 tidak diselenggara dan tiada tanda Hak Milik Kerajaan. Pihak Audit dimaklumkan rekod tidak dikemas kini kerana pihak SSeM Kuching baru menerima senarai harga peralatan daripada kontraktor pada 7 Disember 2016 melalui e-mel. Contoh perabot, peralatan makmal dan peralatan muzik adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 23.11
CONTOH PERALATAN YANG BELUM DIDAFTAR DAN TIADA TANDA HAK MILIK

LOKASI	PERALATAN	AMAUN (RM)
Studio Latihan Muzik Tradisional	Peralatan Muzik Gamelan Jawa Perunggu	116,430
Studio Latihan Muzik Tradisional Etnik	Peralatan Muzik Keroncong	17,920
Studio Orkestra	*Bassoon*	179,200
	Saxophone	33,488
	Trumpet	3,080
	Drums Set	8,400
	Piano	49,728
Makmal Kimia	*Fume Cupboard*	26,220
	Fume Cupboard	28,500
Blok Pentadbiran	*I Pad*	17,787
	Dry Iron	557
	Stema / Dry Iron	604
JUMLAH		**481,914**

Sumber: Kementerian

GAMBAR 23.35



Studio Latihan Muzik Tradisional
- Peralatan Muzik Keroncong (RM17,920)
(19.12.2016)

GAMBAR 23.36



Studio Latihan Muzik Tradisional Etnik
- Peralatan Muzik *Bassoon* (RM179,200)
(19.12.2016)

Maklum Balas KPM yang Diterima Pada 6 April 2017

Semua rekod aset telah dikemas kini dan didaftarkan.

23.5.6. Pemantauan Terhadap Kerja Pembinaan

23.5.6.1. Sistem pemantauan yang mantap dan komprehensif akan dapat memastikan projek pembinaan diuruskan dengan cekap dan teratur serta siap dalam tempoh masa yang telah ditetapkan bagi mencapai objektifnya. Mesyuarat tapak secara berkala sekurang-kurangnya sebulan sekali di antara

Bahagian Pembangunan Kementerian, kontraktor, perunding yang dilantik dan wakil SSeM Kuching bagi membincangkan status projek, laporan bayaran kemajuan kerja dan masalah berbangkit semasa pelaksanaan projek adalah perlu. Selain itu, kontraktor dan perunding perlu mengadakan pemeriksaan tapak secara berkala bagi tujuan penyeliaan kerja pembinaan dan pengesahan kemajuan kerja.

23.5.6.2. Semakan Audit mendapati pemantauan projek dibuat melalui mesyuarat tapak, mesyuarat teknikal dan mesyuarat DLP yang dihadiri oleh wakil KPM, kontraktor, perunding dan wakil SSeM Kuching. Didapati sebanyak 17 Laporan Kemajuan Kerja telah disediakan oleh perunding dan dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan KPM serta dibincangkan dalam mesyuarat yang berkaitan. Manakala sebanyak 30 mesyuarat tapak telah diadakan. Antara perkara yang dibincangkan adalah status kemajuan bulanan, perancangan kerja, sebab kelewatan, perkara berkaitan sivil dan struktur, teknikal dan mekanikal, keputusan dan tindakan yang sedang serta akan diambil bagi memastikan projek mengikut perancangan kerja yang ditetapkan.

23.5.6.3. Sungguhpun mekanisme pemantauan telah diwujudkan, didapati kelemahan berhubung projek pembinaan SSeM Kuching masih berlaku lagi walaupun telah dibangkitkan dalam mesyuarat tapak dan mesyuarat DLP. Memandangkan tempoh DLP akan berakhir pada 4 Jun 2017 tindakan segera perlu diambil untuk membaiki kerosakan.

Maklum Balas KPM yang Diterima Pada 6 April 2017

Segala kerosakan atau kecacatan dalam tempoh DLP sedang dibaiki oleh pihak kontraktor.

Pada pendapat Audit, pihak perunding/Bahagian Pembangunan KPM tidak membuat pemantauan yang berkesan menyebabkan kualiti kerja kurang memuaskan.

23.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam projek pembinaan yang lain, adalah disyorkan supaya pihak terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

23.6.1. Kementerian memastikan klausa dan spesifikasi dalam kontrak dipatuhi sepenuhnya oleh perunding/kontraktor bagi memastikan kerja yang dilaksanakan adalah berkualiti. Tindakan tegas hendaklah diambil terhadap pihak yang gagal mematuhi klausa dalam spesifikasi kontrak;

23.6.2. Kementerian memastikan semua peralatan disemak, diuji dan diperiksa oleh perunding, kontraktor dan pihak sekolah semasa proses penyerahan projek. Senarai peralatan yang dibekalkan perlu disediakan bagi memudahkan pihak sekolah mengenal pasti peralatan yang diterima dan memastikan ia menepati spesifikasi yang ditetapkan serta dalam keadaan baik, sempurna dan selamat digunakan. Ia juga bagi memudahkan pihak sekolah menyediakan rekod peralatan sepertimana yang ditetapkan dalam peraturan yang berkuat kuasa; dan

23.6.3. perunding/Bahagian Pembangunan Kementerian perlu meningkatkan penyeliaan/pemantauan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi mengelakkan berlakunya kerosakan/kecacatan yang ketara akibat daripada kerja yang tidak dibuat dengan sempurna atau tidak sesuai berkualiti. Selain itu, Kementerian perlu membuat aduan sewajarnya terhadap kelemahan pihak perunding kepada Kementerian Kewangan.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

24. PENGURUSAN PROGRAM PEMBIAYAAN MYBRAIN15

24.1. LATAR BELAKANG

24.1.1. Program Pembiayaan MyBrain15 (MyBrain15) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) merupakan program pembiayaan yuran pengajian, pemberian elaun sara hidup dan bantuan elaun tesis bagi pengajian di peringkat pascaijazah secara sepenuh masa di dalam negara. Program-program yang dilaksanakan menerusi MyBrain15 adalah MyPhD, MyMaster dan MyPhD Industri. Pelaksanaan program ini menjadi salah satu usaha Kerajaan untuk meningkatkan jumlah kumpulan tenaga kerja profesional tempatan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi khususnya mempunyai kelayakan akademik di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD). Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk mencapai 60,000 tenaga kerja profesional yang mempunyai kelayakan PhD menjelang tahun 2023. Sehubungan itu, pelaksanaan MyBrain15 adalah bagi mencapai objektif seperti berikut:

i. sebagai salah satu usaha untuk mencapai sasaran pemegang PhD yang ditetapkan oleh Kerajaan menjelang tahun 2023;

ii. meningkatkan jumlah kumpulan tenaga kerja profesional tempatan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi berteraskan inovasi dan kreativiti yang mampu menjana pertumbuhan sektor ekonomi dan industri tempatan; dan

iii. mewujudkan kumpulan individu berkemahiran dan berpengetahuan tinggi dalam pelbagai bidang yang mampu menjadi pemangkin kepada cara bekerja yang lebih produktif dan gaya hidup berteraskan pengetahuan.

24.1.2. MyBrain15 mula dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan diteruskan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Setakat bulan Disember 2016, seramai 56,605 pelajar telah/sedang ditaja di bawah MyBrain15 dengan perbelanjaan yang dilibatkan berjumlah RM887.81 juta. Komponen pembiayaan MyBrain15 merangkumi bantuan yuran pengajian, elaun tesis, elaun penerbitan jurnal dan pemberian Elaun Sara Hidup (ESH) secara bulanan khusus untuk pelajar ijazah kedoktoran yang tidak bekerja/tidak berpendapatan tetap. Kadar maksimum pembiayaan yang ditetapkan bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah sebanyak RM122,600 bagi MyPhD, RM50,000 bagi MyPhD Industri dan RM10,000 bagi MyMaster. Bermula tahun 2016, kadar pembiayaan maksimum MyPhD telah diturunkan kepada RM88,800 manakala pembiayaan MyPhD Industri tidak lagi ditawarkan oleh KPT. Butiran kadar pembiayaan maksimum MyBrain15 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 24.1
KADAR PEMBIAYAAN MAKSIMUM PROGRAM MYBRAIN15
BAGI TAHUN 2011 HINGGA 2016

JENIS PEMBIAYAAN	2011 – 2015 (RMKe-10)			2016 (RMKe-11)		
	MYPHD (RM)	MYPHD INDUSTRI (RM)	MY MASTER (RM)	MYPHD (RM)	MYPHD INDUSTRI (RM)	MY MASTER (RM)
Bantuan Yuran Pengajian, Elaun Tesis dan Elaun Penerbitan Jurnal	26,000	50,000	10,000	24,000	-	10,000
Elaun Sara Hidup (ESH) Bagi Tempoh	96,600*	TB	TB	64,800**	-	TB
JUMLAH BAYARAN	**122,600**	**50,000**	**10,000**	**88,800**	**-**	**10,000**

Sumber: **Bahagian Biasiswa**
Nota: **TB - Tidak Berkaitan**
(*) - Bayaran RM2,300 sebulan (maksimum 42 bulan)
(**) - Bayaran RM1,800 sebulan (maksimum 36 bulan)

24.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan adalah bagi menilai sama ada program MyBrain15 telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

24.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pematuhan peraturan serta pemantauan terhadap pengurusan Program Pembiayaan MyBrain15 bagi tempoh tahun 2011 hingga 2016. Sejumlah 600 (1.05%) daripada 56,965 jumlah keseluruhan pelajar yang dibiayai di bawah MyBrain15 yang terdiri daripada 398 (0.9%) MyMaster, 159 (1.7%) MyPhD dan 43 (17.7%) MyPhD Industri telah dipilih sebagai sampel Audit. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Biasiswa, KPT.

24.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen, edaran borang soal selidik kepada pelajar serta menganalisis maklumat yang berkaitan dengan pengurusan program MyBrain15. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat juga telah diadakan.

24.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2016 hingga bulan Mac 2017 mendapati KPT telah mencapai sasaran bilangan penawaran yang ditetapkan bagi tahun 2011 hingga 2015 di bawah RMKe-10. Bagaimanapun secara keseluruhannya pelaksanaan program MyBrain15 adalah kurang memuaskan kerana kurang kecekapan dalam pelaksanaan program dan pentadbiran perjanjian. Antara kelemahan yang ditemui dan perlu diberikan perhatian adalah seperti yang berikut:

i. sebanyak 5,527 permohonan MyBrain15 tidak diluluskan dengan teratur kerana minit mesyuarat kelulusan Jawatankuasa Biasiswa Program MyBrain15 (JKBPM15) yang berkaitan tidak disahkan dengan tandatangan Ketua Setiausaha (KSU) sebagai Pengerusi;

ii. tiada perakuan/pengesahan secara bertulis oleh pegawai bertanggungjawab di peringkat Unit MyBrain15/Bahagian Biasiswa terhadap senarai nama yang disediakan sebelum ia dibawa untuk kelulusan JKBPM15;

iii. penurunan kuasa menandatangani perjanjian MyBrain15 tidak dikemas kini selaras dengan keperluan Akta Kontrak Kerajaan 1949;

iv. Borang Perjanjian yang dimatikan dengan setem hasil serta syarat penjamin tidak ditetapkan bagi pembiayaan Program MyPhD Industri;

v. tempoh yang terlalu lama sehingga melebihi lapan bulan untuk mengemas kini maklumat bayaran ke dalam lejar pelajar;

vi. maklumat transaksi bayaran yuran pengajian dan Elaun Sara Hidup (ESH) tidak dikemas kini dalam lejar pelajar; dan

vii. pengurusan tuntutan ganti rugi/bayaran balik yang tidak memuaskan.

Perkara yang ditemui dan maklum balas KPT telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 8 Mei 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti perenggan berikut:

24.5.1. Prestasi Kewangan

24.5.1.1. Peruntukan Pembangunan bagi pembiayaan MyBrain15 adalah melalui kod projek pembangunan 05012 – Latihan Penyelidikan Universiti yang meliputi Program Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI); MyPhD; MyPhD Industri dan MyMaster. Bagi tahun 2011 hingga 2016, peruntukan asal yang ditetapkan bagi pelaksanaan MyBrain15 adalah berjumlah RM826.80 juta. Bagaimanapun, peruntukan muktamad yang diluluskan bagi pelaksanaan MyBrain15 bagi tempoh tersebut adalah berjumlah RM886.21 juta kesan daripada pindaan peruntukan yang dilaksanakan oleh KPT. Pihak Audit mendapati sebanyak RM887.81 juta (100.2%) telah dibelanjakan bagi tahun 2011 hingga 2016 iaitu melebihi RM1.60 juta (0.2%) daripada jumlah peruntukan yang ditetapkan bagi tempoh tersebut. Semakan Audit selanjutnya mendapati perbelanjaan pada tahun 2011 dan 2012 melebihi sejumlah RM0.82 juta (3.4%) dan RM1.69 juta (1.8%) daripada peruntukan yang ditetapkan untuk tahun tersebut. Tiada pelarasan peruntukan dilaksanakan oleh KPT bagi perbelanjaan yang melebihi peruntukan tersebut. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 24.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MYBRAIN15
BAGI TAHUN 2011 HINGGA 2016

TAHUN	PERUNTUKAN				JUMLAH PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	
	PEMBANGUNAN			MENGURUS (ONE OFF)			
	PERUNTUKAN ASAL	*VIREMEN* (TAMBAHAN)	JUMLAH				
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	%
2011	56.00	(32.00)	24.00	-	24.00	24.82	103.4
2012	130.00	(35.00)	95.00	-	95.00	96.69	101.8
2013	199.00	(55.27)	143.73	-	143.73	142.85	99.4
2014	205.00	(7.81)	197.19	-	197.19	197.18	100.0
2015	190.00	34.65	224.65	-	224.65	224.65	100.0
2016	46.80	124.84	171.64	30.00	201.64	201.62	100.0
JUMLAH	**826.80**	**29.41**	**856.21**	**30.00**	**886.21**	**887.81**	**100.2**

Sumber: **Bahagian Biasiswa**

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan MyBrain15 secara keseluruhannya adalah memuaskan kecuali bagi tahun 2011 dan 2012 yang melebihi peruntukan ditetapkan kerana pelarasan pindah peruntukan tidak dilakukan antara program.

24.5.2. Prestasi Fizikal

24.5.2.1. KPT telah menyasarkan sebanyak 45,500 penawaran MyBrain15 bagi tahun 2011 hingga 2015 di bawah RMKe-10. Berdasarkan maklum balas KPT, sasaran penawaran MyBrain15 di bawah RMKe-11 adalah berdasarkan sasaran Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara iaitu 60,000 enrolmen PhD merangkumi program MyBrain15, Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI). Sasaran tahunan yang ditetapkan bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah sebanyak 9,100 tawaran meliputi 1,000 tawaran untuk MyPhD, 100 tawaran untuk MyPhD Industri dan 8,000 untuk MyMaster. Bagi tahun 2016, sasaran penawaran yang telah ditetapkan untuk MyBrain15 adalah sebanyak 20,000 tawaran merangkumi 5,000 MyPhD, 15,000 MyMaster dan tiada penawaran bagi MyPhD Industri.

24.5.2.2. Bagi tahun 2011 hingga 2016, sebanyak 91,963 permohonan pembiayaan di bawah MyBrain15 telah dikemukakan kepada KPT secara *online*. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 62,516 (67.9%) permohonan telah diluluskan untuk pembiayaan MyBrain15 dan diberikan Surat Tawaran Program (STP). Semakan Audit mendapati, seramai 56,965 (91.1%) pemohon yang diberikan STP telah bersetuju untuk menerima tawaran pembiayaan manakala seramai 5,551 (8.9%) pemohon telah menolak. Pihak Audit juga mendapati hanya 11,312 (56.6%) penawaran dapat dilaksanakan berbanding 20,000

penawaran yang disasarkan bagi tahun 2016. Berdasarkan maklum balas KPT, bilangan permohonan MyBrain15 yang berjumlah 18,671 (93.4%) serta tempoh permohonan yang singkat iaitu antara bulan Mac hingga bulan Mei 2016 memberi kesan terhadap prestasi penawaran pembiayaan MyBrain15 bagi tahun tersebut. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 24.3
BILANGAN PEMBIAYAAN MYBRAIN15 YANG DILULUSKAN BAGI TAHUN 2011 HINGGA 2016

PROGRAM/ TAHUN	SASARAN PENAWARAN	PERMOHONAN SECARA *ONLINE*	PERMOHONAN YANG DIBERIKAN PENAWARAN	PEMBIAYAAN SEBENAR		PENCAPAIAN SASARAN PENAWARAN/ PEMBIAYAAN SEBENAR
	(a)		(b)	(c)	(c) / (b)	(c) / (a)
	(Bil.)	(Bil.)	(Bil.)	(Bil.)	(%)	(%)
MyPhD						
2011	1,000	1,851	1,386	1,196	86.3	119.6
2012	1,000	1,848	1,694	1,621	95.7	162.1
2013	1,000	2,469	1,559	1,546	99.2	154.6
2014	1,000	2,964	1,981	1,957	98.8	195.7
2015	1,000	2,804	1,905	1,721	90.3	172.1
2016	5,000	3,348	2,264	2,025	89.4	40.5
JUMLAH	**10,000**	**15,284**	**10,789**	**10,066**	**93.3**	**100.7**
MyPhD Industri						
2011	100	137	97	66	68.0	66.0
2012	100	145	122	69	56.6	69.0
2013	100	79	55	55	100.0	55.0
2014	100	38	29	27	93.1	27.0
2015	100	26	19	23	121.1	23.0
2016	-	11	2	2	100.0	200.0
JUMLAH	**500**	**436**	**324**	**242**	**74.7**	**48.4**
MyMaster						
2011	8,000	9,358	6,237	5,365	86.0	67.1
2012	8,000	11,206	9,769	8,819	90.3	110.2
2013	8,000	12,315	7,757	7,186	92.6	89.8
2014	8,000	14,636	10,460	9,800	93.7	122.5
2015	8,000	13,405	7,893	7,674	97.2	95.9
2016	15,000	15,323	9,287	7,813	84.1	52.1
JUMLAH	**55,000**	**76,243**	**51,403**	**46,657**	**90.8**	**84.8**
JUMLAH BESAR	**65,500**	**91,963**	**62,516**	**56,965**	**91.1**	**87.0**

Sumber: Bahagian Biasiswa

Pada pendapat Audit, prestasi penawaran MyBrain15 secara keseluruhannya adalah memuaskan kecuali bilangan penawaran bagi tahun 2016 yang tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

24.5.3. Pengurusan MyBrain15

24.5.3.1. Perancangan MyBrain15

a. Bahagian Biasiswa bertanggungjawab untuk merangka perancangan dan dasar pelaksanaan program sebelum diangkat untuk kelulusan KSU dan persetujuan YB. Menteri. Dasar pelaksanaan MyBrain15 yang dirangka adalah meliputi aspek penetapan syarat bidang pengajian; had umur pemohon; kelayakan akademik; status pembayaran pinjaman terdahulu serta tempoh pengajian. Penetapan syarat permohonan dibincangkan melalui Jawatankuasa Biasiswa Program MyBrain15 (JKBPM15) seterusnya diangkat oleh KSU untuk persetujuan YB. Menteri yang bertanggungjawab.

b. Pihak Audit mendapati kertas dasar meliputi perancangan dan pelaksanaan program MyBrain15 telah disediakan, dibincangkan melalui JKBPM15 dan mendapat kelulusan YB. Menteri. Perancangan untuk melaksanakan program MyBrain15 turut dinyatakan dalam dokumen RMKe-10 di bawah agenda Membangun dan Mengekalkan Modal Insan bertaraf dunia yang diterbitkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU). Selain itu, KPT turut mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan MyBrain15 bersama Universiti Awam (UA); Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bertaraf Universiti/Kolej Universiti dan Kolej/Kampus Cawangan Universiti Luar Negara dari semasa ke semasa bagi menyebar luas syarat permohonan serta mendapatkan maklum balas daripada pihak berkenaan. Semakan Audit mendapati KPT telah mengeluarkan makluman kepada semua Naib Canselor UA serta Ketua Eksekutif IPTS pada bulan Februari 2016 mengenai penambahbaikan syarat permohonan MyBrain15 tahun 2016.

Pada pendapat Audit, perancangan MyBrain15 secara umumnya adalah memuaskan.

24.5.3.2. Jawatankuasa Biasiswa Program MyBrain15

a. Jawatankuasa Biasiswa Program MyBrain15 (JKBPM15) telah ditubuhkan pada bulan Januari 2011 yang berfungsi untuk menentukan hala tuju Bahagian Biasiswa dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Pada bulan Julai 2013 mandat keahlian jawatankuasa tersebut telah dikemas kini selaras dengan keperluan semasa. Kuorum yang ditetapkan bagi setiap mesyuarat JKBPM15 adalah Pengerusi dan dua orang ahli manakala Unit MyBrain15, Bahagian Biasiswa adalah bertanggungjawab sebagai urus setia jawatankuasa. Keahlian JKBPM15 adalah seperti berikut:

   i. KSU sebagai Pengerusi;
   ii. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) [TKSU (B)];

iii. Setiausaha Bahagian (SUB), Bahagian Biasiswa;
iv. SUB Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Penyelarasan Dasar atau wakil;
v. SUB Bahagian Pembangunan atau wakil;
vi. Pengarah Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) atau wakil;
vii. Pengarah Bahagian Pendaftaran dan Piawaian, JPT atau wakil; dan
viii. Wakil Bahagian Perancangan, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi [Ministry of Science Technology and Innovation (MOSTI)].

b. Pihak Audit mendapati sebanyak 45 Mesyuarat JKBPM15 telah diadakan antara tahun 2011 hingga 2016 bagi tujuan meluluskan 62,516 permohonan MyBrain15. Bilangan pemohon yang layak untuk ditawarkan pembiayaan telah dikenal pasti, dibincangkan dan diluluskan dalam setiap mesyuarat yang berkaitan. Minit mesyuarat jawatankuasa tersebut telah disediakan, difailkan dan disimpan oleh Bahagian Biasiswa. Semakan Audit terhadap semua Minit Mesyuarat JKBPM15 yang dikemukakan mendapati, sebanyak lima minit mesyuarat yang disediakan bagi urusan mesyuarat antara tahun 2013 hingga 2014 tidak disahkan dengan tandatangan KSU sebagai Pengerusi JKBPM15. Sebanyak 5,527 permohonan yang melibatkan anggaran implikasi kewangan maksimum berjumlah RM161.60 juta telah diluluskan melalui lima mesyuarat tersebut. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 24.4
SENARAI MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA BIASISWA MYBRAIN15 YANG TIADA TANDATANGAN PENGERUSI

BIL. / TAHUN MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	PERMOHONAN YANG DILULUSKAN				ANGGARAN IMPLIKASI KEWANGAN MAKSIMUM
		MyPhD	MyPhD Industri	MyMaster	JUMLAH	
		(Bil.)	(Bil.)	(Bil.)	(Bil.)	(RM Juta)
5/2013	25.07.2013	284	10	1,225	1,519	47.57
6/2013	12.09.2013	71	9	343	423	12.58
7/2013	04.11.2013	256	11	1,455	1,722	46.49
8/2013	02.12.2013	190	2	964	1,156	33.03
8/2014	07.10.2014	132	-	575	707	21.93
JUMLAH KESELURUHAN		**933**	**32**	**4,562**	**5,527**	**161.60**

Sumber: Fail Mesyuarat Jawatankuasa Biasiswa MyBrain15 di Bahagian Biasiswa

Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017

Minit Mesyuarat JKBPM15 yang disenaraikan tidak mempunyai tandatangan Pengerusi memandangkan Bahagian Biasiswa tidak mempunyai dokumen asal kerana kelemahan pelaksanaan prosedur penyimpanan dokumen pada ketika itu.

Pada pendapat Audit, sebanyak 5,527 permohonan MyBrain15 tersebut tidak diluluskan dengan teratur kerana Minit Mesyuarat JKBPM15 yang berkaitan tidak disahkan dengan tandatangan KSU sebagai Pengerusi.

24.5.3.3. Proses Permohonan

a. Kaedah permohonan biasiswa MyBrain15 yang ditetapkan oleh KPT adalah melalui Sistem Permohonan Penajaan Online MyBrain15 (SPPOM15) yang boleh dicapai di laman sesawang khas MyBrain15. Sistem yang berasaskan laman web tersebut dibangunkan/diselenggarakan secara dalaman oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan mula digunakan pada bulan Disember tahun 2010 hingga kini. Objektif pembangunan SPPOM15 adalah bagi menyediakan perkhidmatan secara dalam talian (online) kepada orang awam untuk memohon biasiswa. Manual pengguna sistem turut disediakan dan dapat dicapai melalui laman sesawang tersebut. Bagi tujuan permohonan, pemohon hendaklah melengkapkan borang permohonan melalui SPPOM15 serta wajib memuat naik dokumen antaranya seperti berikut:

   i. kad pengenalan;
   ii. kertas kerja penyelidikan yang telah disahkan oleh penyelia;
   iii. transkrip akademik tertinggi yang jelas;
   iv. surat tawaran pengajian berstatus penuh;
   v. borang pengesahan maklumat pemohon;
   vi. surat pengesahan berhenti kerja daripada majikan;
   vii. penyata akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang terkini;
   viii. surat lantikan kerja bagi permohonan selain kategori orang awam tidak bekerja dan tidak berpendapatan tetap; dan
   ix. surat kelulusan penangguhan pengajian sekiranya pernah menangguhkan pengajian.

b. Pemprosesan permohonan MyBrain15 yang meliputi penyemakan dan perakuan permohonan dilaksanakan di peringkat Unit MyBrain15. Berdasarkan proses kerja yang disemak, Ketua Penolong Setiausaha (KPSU)/Penolong Setiausaha (PSU) di Unit MyBrain15 ditetapkan sebagai pegawai yang perlu melaksanakan proses penyemakan dan perakuan awal permohonan. Pegawai yang bertanggungjawab perlu menyemak dan memperakukan permohonan yang telah melepasi syarat-syarat yang ditetapkan seterusnya menyediakan senarai pemohon yang layak untuk dibawa ke JKBPM15 bagi tujuan kelulusan.

c. Semakan Audit mendapati senarai nama yang layak dibawa ke setiap mesyuarat JKBPM15 telah disediakan bagi permohonan tahun 2011 hingga 2016 oleh Unit MyBrain15. Senarai tersebut dilampirkan bersama Minit Mesyuarat JKBPM15 yang disemak. Bagaimanapun, tiada perakuan/ pengesahan secara bertulis oleh pegawai bertanggungjawab di peringkat

Unit MyBrain15/Bahagian Biasiswa terhadap senarai nama yang disediakan sebelum ia dibawa untuk kelulusan JKBPM15 kecuali Mesyuarat JKBPM15 Bil. 2/2016 bertarikh 7 Oktober 2016.

Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017

Senarai nama yang dibawa ke Mesyuarat JKBPM15 diambil daripada sistem permohonan selepas proses saringan awal dijalankan berdasarkan keutamaan 80 : 20 bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan Sains Sosial. Sistem permohonan online menjalankan tapisan automatik untuk menapis pemohon yang menepati syarat minimum sahaja. Setelah itu, tapisan kedua dibuat secara manual berdasarkan pencapaian Cumulative Grade Pointer Average (CGPA) tertinggi.

Pada pendapat Audit, proses perakuan/pengesahan senarai nama yang layak dibawa untuk kelulusan JKBPM15 adalah tidak teratur kerana tiada perakuan secara bertulis yang ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab.

24.5.3.4. Pentadbiran Surat Tawaran Program dan Borang Perjanjian Program Biasiswa MyBrain15

a. Berdasarkan prosedur kualiti operasi yang ditetapkan, Unit MyBrain15, Bahagian Biasiswa perlu mengeluarkan Surat Tawaran Program (STP) kepada pemohon dalam tempoh tujuh hari bekerja daripada tarikh kelulusan JKBPM15. STP disediakan secara elektronik melalui SPPOM15 manakala keputusan permohonan akan dihebahkan melalui Sistem Pesanan Ringkas [Short Message Service (SMS)]; e-mel; laman sosial dan laman sesawang khas MyBrain15.

b. STP yang disediakan mengandungi syarat dan terma yang ditetapkan mengikut program berkaitan. Bagi program MyMaster dan MyPhD, pemohon yang bersetuju untuk menerima tawaran dan mematuhi syarat seperti yang dinyatakan di dalam STP dikehendaki memuat turun Borang Perjanjian melalui SPPOM15 dan melengkapkannya sebanyak tiga salinan mengikut garis panduan yang disediakan. Borang Perjanjian tersebut perlu di tandatangan oleh pemohon dan seorang penjamin serta dimatikan setem hasil. Borang Perjanjian yang lengkap berserta salinan dokumen yang dinyatakan di STP perlu dikemukakan kepada Bahagian Biasiswa dalam tempoh 14 hari daripada tarikh STP dikeluarkan. Borang Perjanjian yang telah diterima di Bahagian Biasiswa akan ditandatangani dan dimaterikan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh YB. Menteri selaras dengan keperluan Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk mewakili pihak Kerajaan di hadapan seorang saksi yang ditetapkan oleh KPT. Kegagalan pelajar untuk memenuhi kesemua syarat penawaran tersebut akan menyebabkan tawaran pembiayaan terbatal.

c. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2016, sebanyak 62,516 STP telah dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya manakala sebanyak 56,965 (91.1%) telah bersetuju untuk menerima tawaran yang dinyatakan di dalam STP. Semakan Audit terhadap 600 sampel fail pelajar yang mengandungi urusan pentadbiran STP dan Borang Perjanjian pembiayaan MyPhD, MyPhD Industri dan MyMaster antara tahun 2011 hingga 2016 mendapati perkara berikut:

i. Surat Kuasa di Bawah Seksyen 2, Akta Kontrak Kerajaan 1949 Tidak Ditandatangani oleh YB. Menteri

Pihak Audit mendapati berlaku perubahan pengisian jawatan Menteri yang bertanggungjawab terhadap KPT pada bulan Mei 2013. Bagaimanapun, Surat Kuasa di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949 bagi tujuan menandatangani perjanjian MyBrain15 tidak dikemas kini selaras dengan perubahan pengisian jawatan Menteri tersebut.

Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017

Selepas teguran Audit, Bahagian Biasiswa telah menyediakan Surat Kuasa baharu yang telah disemak oleh Ketua Penasihat Undang-Undang KPUU dan telah ditandatangani oleh YB. Menteri Pendidikan Tinggi di bawah tajuk Pemberikuasaan Di Bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 [Akta 120] No. Rujukan Memo: KPT.B (S) 600-4/1/18 JLD.2 (6) bertarikh 29 Mac 2017.

Pada pendapat Audit, penurunan kuasa menandatangani perjanjian pembiayaan MyBrain15 adalah tidak teratur kerana Surat Kuasa di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949 tidak dikemas kini selaras dengan perubahan pengisian jawatan Menteri yang bertanggungjawab.

ii. Pembiayaan MyPhD Industri Tanpa Menggunakan Borang Perjanjian/Syarat Penjamin

Pelajar yang diluluskan untuk pembiayaan MyPhD Industri bertanggungjawab untuk mengemukakan satu salinan Memorandum Persefahaman [Memorandum of Understanding (MoU)] atau Memorandum Perjanjian [Memorandum of Agreement (MoA)] bagi mengesahkan jalinan kerjasama antara syarikat/industri dengan UA/IPTS untuk melaksanakan PhD Industri. Pihak Audit mendapati KPT telah menetapkan syarat/terma pembiayaan dan tindakan penguatkuasaan melalui STP yang diberikan kepada semua 242 pelajar MyPhD Industri yang terlibat. Bagaimanapun, tiada penggunaan Borang Perjanjian yang

dimatikan dengan setem hasil bagi kesemua 242 pelajar yang telah diluluskan pembiayaan MyPhD Industri tersebut. Selain itu, syarat untuk mendapatkan penjamin bagi tujuan jaminan pematuhan syarat/terma pembiayaan juga tidak ditetapkan.

Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017

Program MyPhD Industri mempunyai keunikan tersendiri di mana bayaran dibuat kepada UA/ITPS berdasarkan MoU/MoA antara UA/IPTS dengan industri/majikan manakala Kerajaan menyediakan sumbangan dana maksimum RM50,000 bagi setiap pelajar meliputi kos penyeliaan IPT/industri. Tiada Borang Perjanjian digunakan bagi pembiayaan MyPhD Industri memandangkan pembiayaan dibayar terus kepada pihak UA/IPTS setelah KPT menerima salinan MoU/MoA serta nama-nama pelajar yang terlibat dalam program berkenaan. Pembiayaan ini adalah satu bentuk insentif daripada Kerajaan kepada UA/IPTS yang sanggup menawarkan kepakaran akademik untuk menyelesaikan masalah dalam industri. Bagaimanapun, selepas teguran Audit KPT akan mengenakan syarat penggunaan Borang Perjanjian yang dimatikan dengan setem hasil bagi pembiayaan MyPhD Industri pada masa hadapan.

Pada pendapat Audit, kepentingan Kerajaan tidak dijamin dengan memuaskan bagi pembiayaan MyPhD Industri kerana Borang Perjanjian yang dimatikan dengan setem hasil tidak digunakan serta syarat penjamin tidak ditetapkan.

iii. Perjanjian Lewat Ditandatangani oleh Pegawai yang Diberi Kuasa Untuk Mewakili Kerajaan

Sebanyak sembilan perjanjian MyMaster lewat ditandatangani oleh pegawai yang mewakili pihak Kerajaan atau saksi antara 334 hingga 972 hari setakat tarikh pengauditan dijalankan. Berdasarkan maklum balas Bahagian Biasiswa, kelewatan menandatangani borang perjanjian tersebut adalah disebabkan bilangan perjanjian yang tinggi berbanding dengan bilangan pegawai tetap yang terhad. Butirannya adalah seperti berikut:

JADUAL 24.5
BORANG PERJANJIAN MYMASTER TIDAK DITANDATANGANI OLEH PEGAWAI YANG DIBERI KUASA UNTUK MEWAKILI PIHAK KERAJAAN ATAU SAKSI

RUJ. PELAJAR	TANDATANGAN		KELEWATAN SETAKAT 28.02.2017 (Hari)
	WAKIL KERAJAAN	SAKSI	
XXXXXX-09-5197	X	✓	509
XXXXXX-11-5225	X	✓	334
XXXXXX-14-5836	X	✓	334
XXXXXX-03-5184	✓	X	972
XXXXXX-03-5132	✓	X	641
XXXXXX-01-5394	✓	X	641
XXXXXX-03-6010	✓	X	622
XXXXXX-08-5468	✓	X	641
XXXXXX-01-6516	✓	X	641

Nota:
(✓) - Ada
(X) - Tiada

Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017

Bahagian Biasiswa mengambil maklum akan masalah yang berlaku dan akan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengemas kini borang perjanjian tersebut.

iv. Salinan Asal Perjanjian Tidak Dapat Disahkan Status Penyimpanan

Sebanyak empat salinan asal perjanjian pelajar di bawah program MyPhD didapati tidak dapat dikesan dan disahkan status penyimpanannya. Berdasarkan maklum balas Bahagian Biasiswa, perkara ini adalah disebabkan kelemahan sistem pengurusan dokumen semasa penerimaan dokumen perjanjian tersebut. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 24.6
SALINAN ASAL PERJANJIAN MYPHD TIDAK DISIMPAN DI DALAM FAIL PERIBADI PELAJAR

RUJ. PELAJAR	STATUS PENGAJIAN	JUMLAH PEMBIAYAAN (RM)
XXXXXX-46-5401	Tamat Dengan Ganti Rugi	95,865
XXXXXX-08-5063	Tamat Dengan Ganti Rugi	62,557
XXXXXX-01-5803	Tamat Dengan Jaya	109,965
XXXXXX-07-5078	Tamat Dengan Jaya	63,810
JUMLAH		**332,197**

Pada pendapat Audit, ketiadaan salinan asal perjanjian boleh menjejaskan proses tuntutan terhadap pelajar yang ditamatkan dengan tuntutan ganti rugi.

24.5.3.5. Pengurusan Bayaran

a. Berdasarkan prosedur kualiti operasi yang ditetapkan, Bahagian Biasiswa akan menerima invois tuntutan yuran pengajian daripada UA/IPTS dan menyemak dokumen tersebut bagi memastikan ia lengkap sebelum pembayaran dilakukan. UA/IPTS akan dimaklumkan sekiranya dokumen yang dikemukakan tidak lengkap atau terdapat kesilapan serta dimohon untuk mengemukakan invois tuntutan yang baru.

b. Maklumat tuntutan daripada UA/IPTS akan dimasukkan dalam eSistem Penajaan (eSP) dan dokumen Arahan Bayaran berserta dokumen sokongan perlu disediakan/dilampirkan, disemak dan ditandatangani oleh KPSU/PSU Unit MyBrain15 dalam masa tiga hari bekerja daripada tarikh terima invois penyata tuntutan yuran daripada pihak UA/IPTS sebelum dikemukakan ke Unit Kewangan, Bahagian Biasiswa untuk proses bayaran. Salinan dokumen Arahan Bayaran akan disimpan dalam fail pelajar dan fail pembayaran. Unit MyBrain15 turut mengemas kini maklumat bayaran yang telah dilakukan di lejar pelajar dalam eSP bagi tujuan pemantauan siling maksimum pembiayaan dan rujukan bagi kes tuntutan bayaran ganti rugi/bayaran balik sekiranya berkaitan. Semakan Audit terhadap 99 baucar bayaran berjumlah RM288.76 juta (46.3%) daripada RM623.45 juta yang dibayar bagi tujuan pembiayaan MyBrain15 antara tahun 2014 hingga 2016 mendapati perkara seperti berikut:

i. Dokumen Arahan Bayaran Lewat Disediakan

Pihak Audit mendapati sebanyak 55 (73.3%) Arahan Bayaran bagi 132 invois/surat tuntutan berjumlah RM34.43 juta telah lewat disediakan antara satu hingga melebihi 40 hari bekerja. Selain itu, sebanyak 20 dokumen Arahan Bayaran tidak dapat ditentukan tempoh penyediaannya kerana tarikh terima tidak di cop di invois/surat tuntutan yang berkaitan. Berdasarkan maklum balas Bahagian Biasiswa, antara faktor kelewatan penyediaan dokumen Arahan Bayaran adalah disebabkan pihak UA/IPTS lewat mengemukakan invois tuntutan dan ia dikemukakan secara pukal. Selain itu, proses semakan terhadap invois yang dikemukakan turut mengambil masa yang lama kerana invois yang diterima perlu disemak dengan teliti memandangkan terdapat kemungkinan mengandungi senarai pelajar yang bukan di bawah tajaan atau di luar tempoh tajaan MyBrain15. Butiran kelewatan penyediaan dokumen Arahan Bayaran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 24.7
ARAHAN BAYARAN LEWAT DISEDIAKAN

TEMPOH KELEWATAN (Hari)	ARAHAN BAYARAN	INVOIS/SURAT TUNTUTAN	AMAUN
	(Bil.)	(Bil.)	(RM Juta)
1 - 10	5	8	4.67
11 - 20	6	18	1.93
21 - 30	4	11	0.95
31 - 40	10	18	4.51
> 40	30	57	13.38
TDT	20	20	8.99
JUMLAH	**75**	**132**	**34.43**

Nota: TDT - Tidak Dapat Ditentukan (Tarikh Invois Diterima Tidak Dicop)

Pada pendapat Audit, tempoh yang diambil untuk menyediakan Arahan Bayaran adalah tidak memuaskan kerana melewati tempoh masa yang ditetapkan.

ii. Norma Masa Pengemaskinian Maklumat Bayaran Dalam Lejar Pelajar Tidak Ditetapkan

Semakan Audit mendapati tempoh yang diambil untuk mengemas kini maklumat bayaran pembiayaan ke dalam lejar pelajar bagi 77 baucar bayaran yang berjumlah RM102.66 juta adalah antara satu hingga melebihi 240 hari bekerja. Tiada norma masa pengemaskinian maklumat bayaran dalam lejar pelajar ditetapkan dalam proses kerja yang disediakan. Berdasarkan maklum balas SUB, Bahagian Biasiswa, kelewatan pengemaskinian lejar pelajar adalah disebabkan bilangan pelajar tajaan yang ramai iaitu melibatkan 14 program di bawah Peruntukan Mengurus dan empat program di bawah Peruntukan Pembangunan; pengemaskinian lejar pelajar dalam eSP dilakukan secara manual iaitu dengan memasukkan maklumat bayaran ke lejar setiap pelajar berdasarkan baucar bayaran yang diterima daripada Unit Kewangan; dan masalah baucar bayaran yang sukar dikesan kerana tidak difailkan secara sistematik. Tempoh kelewatan pengemaskinian maklumat bayaran dalam lejar pelajar adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 24.8
TEMPOH MASA YANG DIAMBIL UNTUK MENGEMAS KINI LEJAR PELAJAR

TEMPOH KEMAS KINI (Hari)	BAUCAR BAYARAN	
	(Bil.)	AMAUN (RM Juta)
1 – 60	19	10.19
61 - 120	10	3.11
121 - 180	21	15.03
181 - 240	10	34.73

TEMPOH KEMAS KINI (Hari)	BAUCAR BAYARAN	
	(Bil.)	AMAUN (RM Juta)
> 240	14	37.01
TDT	3	2.59
JUMLAH	**77**	**102.66**

Sumber: **Baucar Bayaran**
Nota: **TDT - Tidak Dapat Ditentukan (Tarikh Kemas Kini Tidak Lengkap)**

Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017

Pada tahun 2016, Unit Kewangan telah mengambil inisiatif mewujudkan pasukan task force Unit Lejar bagi menangani isu kelewatan ini dengan memohon pertambahan Pegawai Sambilan Harian (PSH) daripada lima orang kepada lapan orang PSH serta membuat pemantauan statistik pengemaskinian lejar berdasarkan sistem eSP. Setiap PSH ditugaskan mengemas kini lejar berdasarkan Baucar Bayaran mengikut bulan dan tidak lagi mengikut program. Bahagian Biasiswa sedang dalam usaha menambah baik sistem eSP dengan memastikan semua Arahan Bayaran diproses melalui eSP agar proses pengemaskinian lejar dapat dibuat melalui sistem berdasarkan Modul Arahan Bayaran eSP tanpa perlu masuk ke akaun lejar pelajar secara individu.

Pada pendapat Audit, tempoh yang terlalu lama untuk mengemas kini maklumat bayaran ke dalam lejar pelajar akan meningkatkan tempoh masa untuk mengesahkan baki siling pembiayaan pelajar tersebut. Keadaan ini akan menyebabkan kelewatan terhadap penyediaan Arahan Bayaran yang seterusnya bagi pelajar tersebut.

iii. Maklumat Transaksi Bayaran Yuran Pengajian dan ESH Tidak Dapat Disemak Melalui Lejar Pelajar Dalam eSP

Pihak Audit telah menjalankan semakan terhadap 600 lejar pelajar MyBrain15 bagi menentukan sama ada transaksi bayaran yuran dan ESH telah direkodkan dengan kemas kini. Bayaran yuran pengajian dan ESH yang sepatutnya dibayar kepada pelajar yang berstatus masih belajar telah disemak silang dengan lejar pelajar dalam eSP. Semakan Audit mendapati sebanyak 104 transaksi yuran pengajian/ESH yang sepatutnya dibayar dalam tempoh pembiayaan pelajar antara tahun 2011 hingga 2016 untuk 60 pelajar tidak dapat disemak melalui lejar pelajar dalam eSP. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada transaksi tersebut telah dibayar/ditangguhkan/tidak dituntut memandangkan tiada maklumat mengenainya dapat disemak. Berdasarkan pengesahan SUB Bahagian Biasiswa, perkara ini berlaku kerana masalah kelewatan dan kesilapan dalam proses pengemaskinian lejar pelajar memandangkan

ianya dilaksanakan secara manual. Bilangan transaksi bayaran yang tidak dapat disemak melalui lejar pelajar adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 24.9
TRANSAKSI BAYARAN YURAN PENGAJIAN/ESH
YANG TIDAK DAPAT DISEMAK DALAM LEJAR PELAJAR

PROGRAM	PELAJAR (Bil.)	TRANSAKSI (Bil.)
MyMaster	31	50
MyPhD	28	52
MyPhD Industri	1	2
JUMLAH	**60**	**104**

Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017

Bahagian Biasiswa sedang dalam usaha untuk mengemas kini dan menaik taraf sistem eSP bagi membolehkan data pelajar disemak dan diselaraskan dengan rekod dan maklumat pelajar di universiti. Bahagian Biasiswa selanjutnya juga akan menyemak semula transaksi bayaran di lejar eSP dengan rekod pelajar di Unit MyBrain15 untuk diselaraskan secara task force dengan kerjasama Unit Pentadbiran & Kewangan (melibatkan Unit IT & Unit Kewangan).

Pada pendapat Audit, maklumat transaksi bayaran yuran pengajian dan ESH yang tidak dikemas kini dalam melalui lejar pelajar menyebabkan maklumat siling pembiayaan pelajar di dalam lejar adalah tidak tepat.

24.5.3.6. Pengurusan Tuntutan Ganti Rugi/Bayaran Balik

a. Berdasarkan syarat perjanjian MyMaster dan MyPhD, tuntutan ganti rugi/bayaran balik atas jumlah yuran atau perbelanjaan lain yang telah dibayar akan dikenakan sekiranya pelajar ditamatkan pengajian oleh UA/IPTS; tidak mematuhi syarat perjanjian; atau gagal menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan. Pelajar dikehendaki membuat bayaran ganti rugi/bayaran balik sepenuhnya perbelanjaan pembiayaan yang dilibatkan dalam tempoh 60 hari setelah notis penamatan pembiayaan/tuntutan bayaran ganti rugi/bayaran balik dikeluarkan. Bahagian Biasiswa perlu merujuk maklumat lejar pelajar dalam eSP bagi menentukan jumlah perbelanjaan penajaan yang dilibatkan dan menyediakan notis tuntutan berdasarkan amaun tuntutan yang telah dikenal pasti. Pelajar yang gagal membuat bayaran penuh dalam tempoh yang ditetapkan akan disenaraikan dalam Akaun Belum Terima (ABT) dan proses tuntutan akan diteruskan oleh Unit Penguatkuasaan dan Kutipan Balik (UPKB), Bahagian Biasiswa.

b. Berdasarkan rekod yang disemak di Bahagian Biasiswa, sehingga bulan Disember 2016, seramai 209 pelajar daripada keseluruhan pelajar yang ditaja telah diberikan notis tuntutan bayaran ganti rugi/bayaran balik dengan jumlah tuntutan sebanyak RM5.33 juta. Semakan Audit terhadap pengurusan tuntutan ganti rugi/bayaran balik mendapati perkara berikut:

i. Tuntutan Ganti Rugi/Bayaran Balik Tidak Pernah Dijelaskan oleh Pelajar

Seramai 17 (8.1%) pelajar di dalam senarai ABT yang mempunyai tunggakan berjumlah RM316,787 (5.8%) tidak pernah membuat bayaran ganti rugi/bayaran balik setakat tarikh pengauditan dijalankan. Tempoh tunggakan adalah antara 402 hingga 1,696 hari daripada tarikh notis tuntutan dikeluarkan. Tiada maklumat mengenai tindakan undang-undang yang telah diambil terhadap 17 pelajar tersebut. Berdasarkan pengesahan SUB Bahagian Biasiswa, tindakan peringatan antaranya pengeluaran surat peringatan, e-mel, SMS dan berhubung secara terus dengan pelajar yang dikenakan tuntutan ganti rugi telah dilaksanakan oleh UPKB. Tindakan perundangan hanya akan dijalankan selepas semua proses tuntutan dan peringatan tersebut telah dilaksanakan. Butiran pelajar yang tidak pernah membuat bayaran ganti rugi/balik adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 24.10
TUNTUTAN GANTI RUGI/BAYARAN BALIK YANG TIDAK PERNAH DIBAYAR

PROGRAM	RUJUKAN PELAJAR	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	TEMPOH TUNGGAKAN (Hari)	PERINGATAN		
				E-MEL (Bil.)	SURAT (Bil.)	SMS (Bil.)
MyMaster	XXXXXX-01-6486	1,920	655	1	0	11
MyMaster	XXXXXX-13-5337	10,000	402	0	0	10
MyMaster	XXXXXX-01-5532	2,323	1,096	0	2	11
MyMaster	XXXXXX-5-65784	2,503	831	0	1	11
MyMaster	XXXXXX-10-5224	1,688	402	0	0	9
MyMaster	XXXXXX-23-5775	1,700	1,207	1	0	11
MyMaster	XXXXXX-08-5049	6,500	1,309	1	3	1
MyMaster	XXXXXX-01-5602	8,680	640	1	0	11
MyMaster	XXXXXX-01-5986	2,435	407	0	0	10
MyMaster	XXXXXX-02-5078	3,378	1,647	0	2	4
MyMaster	XXXXXX-30-5310	1,690	1,696	0	2	11
MyMaster	XXXXXX-12-5514	10,000	408	0	0	TM
MyPhD	XXXXXX-04-5213	73,460	537	0	0	12
MyPhD	XXXXXX-12-5147	71,487	703	1	0	12
MyPhD	XXXXXX-04-5161	31,948	1,012	1	0	10
MyPhD	XXXXXX-04-5028	59,475	711	0	0	9
MyPhD	XXXXXX-03-6070	27,600	1,041	0	2	2
JUMLAH		**316,787**	**402 - 1,696**	**0 - 1**	**0 - 3**	**1 - 12**

Nota: TM - Tiada Maklumat

Pada pendapat Audit, proses tuntutan ganti rugi/bayaran balik yang dilaksanakan adalah tidak memuaskan kerana tiada tindakan undang-undang diambil terhadap pelajar yang gagal membuat bayaran balik sungguhpun telah diberikan peringatan dari semasa ke semasa.

ii. Tuntutan Ganti Rugi/Bayaran Balik Kurang Dari Jumlah Perbelanjaan Pembiayaan Sebenar

Berdasarkan maklumat lejar 28 pelajar yang telah ditamatkan pembiayaan dengan ganti rugi/bayaran balik, sejumlah RM1.20 juta telah dibelanjakan bagi tujuan pembiayaan pelajar-pelajar tersebut dan perlu dituntut semula melalui notis tuntutan ganti rugi/bayaran balik. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap notis tuntutan ganti rugi/bayaran terhadap 28 pelajar tersebut mendapati jumlah amaun yang dituntut adalah sebanyak RM959,411 iaitu kurang RM241,199 (20.1%) daripada jumlah sepatutnya. Pihak Audit mendapati perbezaan tuntutan tersebut berlaku disebabkan maklumat bayaran yuran pengajian lewat dikemas kini di lejar pelajar yang diberikan notis tuntutan ganti rugi. Notis tuntutan ganti rugi yang dikeluarkan kepada pelajar tersebut tidak mengambil kira amaun yang sepatutnya dikemas kini dalam lejar pelajar yang berkaitan. Kesannya, jumlah tunggakan yang dilaporkan melalui ABT adalah terkurang nyata daripada jumlah sebenar. Butiran tuntutan ganti rugi/bayaran balik yang kurang dari jumlah perbelanjaan pembiayaan sebenar adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 24.11
TUNTUTAN GANTI RUGI/BAYARAN BALIK YANG KURANG DARIPADA JUMLAH SEPATUTNYA

PROGRAM	PELAJAR	PERBELANJAAN PEMBIAYAAN	TUNTUTAN GANTI RUGI/BAYARAN BALIK	KURANG TUNTUT	
		(a)	(b)	(a) - (b)	(a) - (b) / (a)
	(Bil.)	(RM)	(RM)	(RM)	(%)
MyPhD	20	1,163,758	946,019	217,739	18.7
MyMaster	8	36,852	13,392	23,460	63.7
JUMLAH	**28**	**1,200,610**	**959,411**	**241,199**	**20.1**

Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017

Maklumat tuntutan tersebut telah dikembalikan kepada Unit MyBrain15 bagi tujuan pelarasan jumlah tuntutan sebenar. Perbezaan jumlah tuntutan ini adalah disebabkan lejar pelajar dikemas kini selepas surat tuntutan dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan tuntutan ganti rugi/bayaran balik adalah tidak memuaskan kerana penyelenggaraan rekod dan kutipan bayaran tidak dilaksanakan dengan teratur.

24.5.3.7. Penguatkuasaan Syarat dan Terma Pembiayaan/Perjanjian

a. Mekanisme pemantauan terhadap pematuhan syarat perlu diwujudkan bagi memastikan pelajar yang telah mendapat tajaan mematuhi syarat perjanjian yang telah ditetapkan. Berdasarkan syarat perjanjian MyBrain15, pihak Kerajaan melalui KPT berhak untuk menamatkan pembiayaan serta mendapat sejumlah bayaran ganti rugi/bayaran balik terhadap pelajar yang didapati telah melanggar syarat perjanjian yang ditetapkan. Pembayaran ganti rugi/bayaran balik perlu dipantau bagi memastikan tiada wang Kerajaan yang dibazirkan.

b. Modul Pemantauan di dalam eSP digunakan oleh Unit MyBrain15 bagi tujuan memantau pematuhan syarat perjanjian seperti yang ditetapkan. Di bawah modul ini, Unit MyBrain15 dapat memantau maklumat pelajar melalui sub modul tersebut antaranya adalah Carian Status Permohonan, Permohonan Kemudahan PhD, Permohonan Pelanjutan Biasiswa KPT, Lapor Diri Selepas Tamat Belajar Penguatkuasaan dan Kutipan Balik.

c. Berdasarkan temu bual Audit bersama pegawai Unit MyBrain15, maklumat di Modul Pemantauan eSP digunakan untuk memantau pematuhan syarat perjanjian seperti yang ditetapkan. Pemantauan yang dijalankan adalah dengan meneliti maklumat yang dikemukakan oleh pelajar atau dimaklumkan secara bertulis oleh pihak UA/IPTS. Bagaimanapun, tiada mekanisme/ proses kerja khusus disediakan bagi memastikan pelajar mengemukakan maklumat yang diperlukan bagi proses pemantauan tersebut. Semakan Audit terhadap 600 sampel fail pelajar berhubung pematuhan syarat perjanjian mendapati perkara seperti berikut:

i. Pelajar Tidak Memaklumkan Status Pengajian Sebenar

- Syarat dan Terma Pembiayaan MyBrain15 menetapkan pelajar bertanggungjawab memaklumkan keputusan pengajian dalam masa 30 hari selepas tamat tempoh pembiayaan sama ada berjaya atau tidak. Bagi pelajar yang telah menamatkan pengajian dengan jayanya, status pengajian hendaklah dimaklumkan kepada Kerajaan dalam tempoh 15 hari atau apa-apa tempoh lain yang dibenarkan Kerajaan daripada tarikh tamat pengajian.

- Sebanyak 425 (70.8%) pelajar telah tamat tempoh pembiayaan atau telah ditamatkan pembiayaan. Bagaimanapun, hanya 129 (30.4%)

daripada jumlah pelajar tersebut telah memaklumkan status pengajian mereka kepada Bahagian Biasiswa manakala 296 pelajar lagi tidak dapat dipastikan status pengajiannya. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 24.12
PELAJAR TIDAK MEMAKLUMKAN STATUS PENGAJIAN SEBENAR

PROGRAM	TAHUN TAMAT PEMBIAYAAN			JUMLAH
	2014	2015	2016	
MyMaster	50	59	123	232
MyPhD	9	10	26	45
MyPhD Industri	1	7	11	19
JUMLAH BESAR	**60**	**76**	**160**	**296**

- Sebanyak 219 (36.5%) pelajar yang telah tamat tempoh pembiayaannya tetapi didapati masih berstatus masih belajar dalam eSP. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 24.13
PELAJAR TELAH TAMAT TEMPOH PEMBIAYAAN BERSTATUS MASIH BELAJAR

PROGRAM	TAHUN TAMAT PEMBIAYAAN				JUMLAH
	2014 (Bil.)	2015 (Bil.)	2016 (Bil.)	2017 (SETAKAT 28.02.2017) (Bil.)	(Bil.)
MyMaster	28	41	87	6	162
MyPhD	9	8	23	1	41
MyPhD Industri	1	4	11	0	16
JUMLAH BESAR	**38**	**53**	**121**	**7**	**219**

Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017

Tindakan telah diambil melalui surat kepada semua UA bertarikh 1 Mac 2017 yang bertajuk Pengisian Template Pelajar Tajaan MyBrain15. Tujuan surat ini adalah supaya pihak UA mengemas kini status pengajian terkini pelajar tajaan MyBrain15.

ii. Laporan Kemajuan Pengajian Tidak Dikemukakan

- Berdasarkan syarat pembiayaan MyMaster dan MyPhD, perenggan 3.5 Syarat dan Terma Pembiayaan bagi tawaran tahun 2012 hingga 2016 dan perenggan 2(c) Borang Perjanjian bagi tahun 2011 hingga 2016, pelajar hendaklah mengemukakan Laporan Kemajuan Pengajian (LKP) setiap semester pengajiannya kepada Bahagian

Biasiswa, KPT. Kegagalan pelajar untuk berbuat demikian boleh menyebabkan penggantungan bayaran yuran pengajian.

- Semakan Audit mendapati sebanyak 472 (78.7%) pelajar tidak pernah mengemukakan LKP ke Bahagian Biasiswa manakala 52 (8.6%) pelajar hanya pernah mengemukakan laporan tersebut sekali sahaja. Tiada maklumat mengenai proses penggantungan bayaran yuran pengajian telah diambil terhadap pelajar-pelajar tersebut. Pihak Audit juga mendapati, tiada proses kerja disediakan bagi tujuan peringatan/amaran terhadap pelajar yang masih belum mengemukakan LKP. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 24.14
KEKERAPAN LAPORAN KEMAJUAN PENGAJIAN DIKEMUKAKAN

KEKERAPAN LKP DIKEMUKAKAN (Bil.)	BILANGAN PELAJAR			JUMLAH
	MyMaster	MyPhD	MyPhD Industri	
Lebih dari satu (> 1)	3	5	0	8
Satu sahaja (1)	23	29	0	52
Tidak pernah (0)	325	108	39	472
JUMLAH	**351**	**142**	**39**	**532**

Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017

Berdasarkan maklum balas Bahagian Biasiswa, pemantauan terhadap pelajar yang tidak mengemukakan LKP pada masa yang ditetapkan tidak dapat dijalankan dengan efektif kerana bilangan pelajar yang perlu dipantau adalah tinggi berbanding tenaga kerja di Unit MyBrain15. Selain itu, kekurangan tenaga kerja di Unit MyBrain15 menyebabkan tindakan penggantungan terhadap pelajar yang tidak mengemukakan LKP pada masa yang ditetapkan tidak dapat diambil. Sehingga kini, jumlah pelajar tajaan MyBrain15 yang aktif adalah 14,674 berbanding tiga orang Pembantu Tadbir N17 yang memproses pembayaran yuran pengajian. Dalam hal ini, Bahagian Biasiswa sedang membuat penyusunan semula struktur organisasi.

iii. Prosedur Untuk Mendapatkan Maklumat Status Pekerjaan atau Pembiayaan Lain yang Diterima oleh Pelajar Tidak Disediakan

- Berdasarkan syarat perjanjian MyMaster dan MyPhD, sekiranya pelajar menerima sebarang pekerjaan tetap atau kontrak/menerima biasiswa daripada lain-lain penaja dalam tempoh pembiayaan yang ditetapkan pelajar adalah bertanggungjawab melaporkan perkara tersebut kepada Bahagian Biasiswa. Jika pembiayaan diteruskan disebabkan kecuaian atau kegagalan pelajar melaporkan perkara ini, KPT berhak membuat tindakan tuntutan ganti rugi/bayaran balik ke atas jumlah yuran atau perbelanjaan lain yang telah dibayar.

- Semakan Audit mendapati, tindakan penguatkuasaan syarat perjanjian oleh Bahagian Biasiswa adalah berdasarkan pemakluman oleh pelajar sendiri mengenai status pekerjaan atau penerimaan pembiayaan daripada lain-lain penaja. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada terdapat prosedur lain digunakan oleh Bahagian Biasiswa untuk mendapatkan maklumat status pekerjaan atau pembiayaan lain yang diterima oleh pelajar tajaan MyBrain15.

Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017

Tindakan telah diambil melalui surat kepada semua UA bertarikh 1 Mac 2017 yang bertajuk Pengisian Template Pelajar Tajaan MyBrain15. Tujuan surat ini adalah supaya pihak UA mengemas kini status pengajian terkini pelajar tajaan MyBrain15. Walau bagaimanapun, setakat 5 April 2017, masih terdapat dua UA yang belum mengemukakan maklum balas tersebut.

Pada pendapat Audit, proses pemantauan terhadap pematuhan syarat dan terma pembiayaan/perjanjian MyBrain15 adalah tidak memuaskan kerana maklumat pematuhan syarat hanya bergantung daripada makluman pelajar. Tindakan penguatkuasaan syarat perjanjian juga didapati tidak diambil terhadap pelajar yang gagal mematuhi syarat dan terma pembiayaan/ perjanjian yang ditetapkan.


24.5.4. Kajian Kepuasan Pelanggan

Kajian kepuasan pelanggan telah dijalankan oleh pihak Audit bagi menilai tahap kepuasan serta mendapatkan maklum balas mengenai proses permohonan, penawaran dan pembayaran yuran pengajian/ESH MyBrain15 yang telah dilalui/diterima oleh pelajar. Sebanyak 128 (21.3%) daripada 600 pelajar yang dipilih telah memberikan maklum balas terhadap borang soal selidik yang dikemukakan melalui e-mel oleh pihak Audit antara bulan Januari hingga Mac 2017. Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima, secara keseluruhannya pihak Audit mendapati pelajar yang menerima pembiayaan MyBrain15 menyatakan tahap kepuasan yang tinggi dengan perkhidmatan yang diberikan oleh KPT khususnya kaedah permohonan secara *online* dan proses penyerahan Surat Setuju Terima/Borang Perjanjian yang mesra pelanggan. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi penambahbaikan bagi meningkatkan tahap kepuasan pelanggan seperti yang berikut:

24.5.4.1. Tempoh Pembayaran Yuran Pengajian

Soal selidik yang dikemukakan kepada pelajar mengandungi soalan yang bertujuan untuk mengenal pasti bilangan pelajar yang pernah mendahulukan pembayaran yuran pengajian dengan sumber kewangan sendiri walaupun telah diluluskan pembiayaan MyBrain15. Analisis soal selidik mendapati sebanyak 56 (43.8%) responden bersetuju bahawa mereka pernah menggunakan sumber kewangan sendiri bagi tujuan pembayaran yuran pengajian walaupun telah diluluskan pembiayaan MyBrain15. Maklum balas yang diterima menyatakan pembayaran yuran pengajian melalui sumber kewangan sendiri perlu dilakukan kerana kelewatan pembayaran yuran pengajian oleh KPT. Bagaimanapun pelajar akan menerima pembayaran semula daripada pihak UA/IPTS setelah bayaran yuran pengajian diterima daripada KPT. Butirannya adalah seperti carta berikut:

CARTA 24.1
PELAJAR PERNAH MENDAHULUKAN WANG SENDIRI BAGI PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN




Sumber: Borang Soal Selidik Kepuasan Pelanggan MyBrain15

24.5.4.2. Surat Peringatan Untuk Mengemukakan Laporan Kemajuan Pengajian

Soal selidik yang dikemukakan kepada pelajar juga mengandungi soalan berhubung surat peringatan pengemukaan LKP oleh KPT kepada pelajar. Analisis mendapati sebanyak 94 (73.4%) responden tidak pernah diberikan surat peringatan oleh KPT secara bertulis untuk mengemukakan LKP bagi mematuhi syarat perjanjian yang ditetapkan. Butirannya adalah seperti carta berikut:

CARTA 24.2
PELAJAR DIBERI SURAT PERINGATAN UNTUK MENGEMUKAKAN LKP



Sumber: Borang Soal Selidik Kepuasan Pelanggan MyBrain15

24.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Program Pembiayaan MyBrain15 diuruskan dengan cekap dan berhemat serta Kerajaan mendapat *best value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dilakukan, adalah disyorkan pihak KPT mempertimbangkan perkara berikut:

24.6.1. memastikan proses kelulusan permohonan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Biasiswa Program MyBrain15 adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan;

24.6.2. memastikan pengurusan bayaran pembiayaan dilaksanakan selaras dengan proses kerja dan peraturan kewangan yang ditetapkan;

24.6.3. memastikan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap syarat perjanjian dijalankan bagi menjamin kepentingan Kerajaan; dan

24.6.4. memastikan proses tuntutan ganti rugi/bayaran balik bagi pelajar yang ditamatkan dengan ganti rugi dilaksanakan selaras dengan syarat perjanjian yang ditetapkan.

Penutup

PENUTUP

Pada umumnya, Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan program/aktiviti/projek. Bagaimanapun, daripada segi pelaksanaannya masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan sesuatu program/aktiviti/projek dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan mencapai objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, diberikan beberapa cadangan bagi mengelakkan kelemahan-kelemahan di dalam Laporan ini daripada berulang:

a. memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada persampelan dan skop tertentu, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan perlu menjalankan pemeriksaan secara menyeluruh untuk menentukan sama ada program/aktiviti/projek lain juga mempunyai kelemahan yang sama dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Sehubungan ini, Unit Audit Dalam selain daripada menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, perlu juga diminta untuk menjalankan pengauditan perolehan dan pengauditan prestasi terhadap pengurusan program/aktiviti/projek untuk menentukan sejauh mana program/aktiviti/projek dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan;

b. berdasarkan pengauditan yang dijalankan, adalah didapati kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti/projek yang berpunca daripada kurang pemantauan/penyeliaan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan, kurang kepakaran teknikal dan bergantung sepenuhnya kepada perunding/kontraktor, ketiadaan penyelarasan antara agensi yang terlibat serta masalah dalaman yang dihadapi oleh kontraktor. Kelemahan ini menyebabkan program/aktiviti/projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, kualiti kerja tidak memuaskan, kos program/aktiviti/projek meningkat dan Kerajaan tidak mendapat nilai faedah terbaik (*best value for money*) bagi perbelanjaan yang telah dibuat. Objektif pelaksanaan program/aktiviti/projek juga tidak dapat dicapai sepenuhnya dan kurang memberi impak kepada kumpulan sasaran. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya:

    i. kajian terperinci dijalankan terlebih dahulu terhadap sesuatu projek Kerajaan sebelum ia diluluskan untuk pelaksanaan. Bagi tujuan ini, selaras dengan Arahan Perbendaharaan 182.1, Jabatan/Agensi perlu mengemukakan maklumat lengkap seperti kedudukan status tapak projek, ringkasan projek, siling projek, peruntukan tahunan dan jadual pelaksanaan projek kepada jabatan teknikal. Langkah ini perlu untuk memastikan semua projek

dilaksanakan mengikut jadual dan Kerajaan mendapat nilai faedah terbaik (*best value for money*);

ii. *integrated planning* antara Jabatan/Agensi terlibat perlu dilakukan di peringkat awal pelaksanaan projek terutama bagi projek yang besar. Contohnya Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, pembekal utiliti seperti air, elektrik dan telekomunikasi, Pejabat Tanah serta Kerajaan Negeri perlu dibawa berunding sebelum sesuatu projek dilaksanakan supaya semua kemudahan asas dapat disediakan dan kelancaran projek tidak terjejas;

iii. Kementerian/Jabatan hendaklah mematuhi Panduan Pelaksanaan Pengurusan Nilai Dalam Program/Projek Kerajaan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi projek-projek yang bernilai melebihi RM50 juta;

iv. Kementerian/Jabatan hendaklah mematuhi Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos bagi rujukan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara semasa merancang sesuatu perolehan kerja bagi memastikan bangunan yang akan dibina telah mematuhi *standard* dan kos yang telah ditetapkan;

v. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah mahir dalam prosedur perolehan Kerajaan dan memberi latihan yang secukupnya kepada pegawai-pegawai yang terlibat dalam pengurusan perolehan. Langkah ini penting untuk mengelakkan salah laku, ketirisan dan memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara serta Kerajaan mendapat *best value for money* bagi setiap perolehan;

vi. aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan terhadap projek/program/aktiviti hendaklah dipertingkatkan untuk memastikan projek/program/aktiviti dapat dilaksanakan mengikut jadual,syarat-syarat kontrak dan spesifikasi kontrak supaya tidak berlaku pembaziran dan projek/program/aktiviti tidak mencapai impak yang dirancang;

vii. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mempertingkatkan pengurusan aset Kerajaan untuk mengelakkan pembaziran dan memandang serius terhadap tugas penyenggaraan, pemantauan dan penyeliaan. Rekod mengenai aset perlulah sentiasa dikemas kini sebagai persiapan Kerajaan Persekutuan ke arah pelaksanaan perakaunan akruan;

viii. Ketua Perkhidmatan/Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan terhadap isu-isu yang ada unsur

penyelewengan, pembaziran dan pemborosan. Tindakan yang tegas seperti mengenakan tindakan tatatertib atau surcaj perlu diambil terhadap pegawai yang didapati cuai/gagal melaksanakan tanggungjawabnya tanpa sebab-sebab yang munasabah sehingga menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian; dan

ix. sebagai bukti komitmen yang tinggi, Pegawai-pegawai Pengawal di Pejabat Kementerian/Jabatan hendaklah mengambil tindakan terhadap teguran Ketua Audit Negara dan membuat laporan yang benar dengan segera kepada Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara agar segala tindakan dapat dikemas kini dalam Sistem *Dashboard* Jabatan Audit Negara.

c. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan integriti. Secara tidak langsung, ia akan menyumbang ke arah pencapaian **Program Transformasi Kerajaan 2.0 bagi Inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) untuk membanteras rasuah**.

Jabatan Audit Negara
Putrajaya

19 Mei 2017



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2017
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62518 Putrajaya.
l Tel : +603 8889 9000
l Faks : +603 8888 9721